

ZHUAN FALUN

轉法輪

(VERSI BAHASA MALAYSIA)

(馬來文版)

LI HONGZHI

李洪志

LUNYU¹

Dafa adalah kebijaksanaan Sang Pencipta. Ia adalah asas dari terbentuknya langit dan bumi, serta penciptaan alam semesta, kandungan maknanya ekstrem makroskopis hingga mikroskopis, pada tingkat badan langit yang berbeza terdapat manifestasi yang berbeza. Dari yang paling mikroskopis pada badan langit hingga munculnya zarah paling mikroskopis, zarah dari tingkat demi tingkat banyaknya tak terhitung dan tak terbatas, dari kecil hingga besar, dan hingga ke tingkat permukaan yang diketahui manusia berupa atom, molekul, planet, galaksi, bahkan yang lebih besar lagi, zarah yang besar-kecilnya berbeza telah membentuk kehidupan yang besar-kecilnya berbeza serta dunia yang besar-kecilnya berbeza, yang tersebar memenuhi badan langit alam semesta. Bagi kehidupan yang berada di atas zarah masing-masing yang berbeza tingkat, zarah yang lebih besar dari tingkat tersebut adalah planet di langit mereka, setiap tingkat juga demikian. Bagi kehidupan di setiap tingkat alam semesta, hal semacam ini adalah tanpa batas akhir. Dafa juga telah mencipta waktu, ruang, jenis kehidupan yang berjumlah banyak serta segala semuanya, meliputi segala-galanya, tidak ada yang tertinggal. Ini adalah manifestasi konkrit karakter Zhen, Shan, Ren (Sejati, Baik, Sabar) Dafa pada tingkat-tingkat berbeza.

Cara manusia dalam menerokai alam semesta dan kehidupan meskipun betapa maju, ia juga hanya dapat melihat sebahagian mana dari ruang tingkat rendah alam semesta di mana manusia berada. Dalam peradaban yang muncul berkali-kali pada zaman prasejarah, manusia juga pernah menerokai planet lain, namun meskipun terbang betapa tinggi dan betapa jauh, juga belum meninggalkan ruang eksistensi manusia. Manusia selamanya juga tidak mungkin benar-benar mengenali manifestasi sebenar alam semesta. Jika manusia ingin memahami misteri alam semesta, ruang waktu dan tubuh manusia, satu-satunya cara adalah Xiu Lian di dalam Fa ortodoks, mencapai kesedaran sejati, menaikkan tingkatan jiwa. Semasa Xiu Lian juga dapat meningkatkan kualiti moral, dalam membezakan baik dan jahat, baik dan buruk yang sebenarnya, seiring dengan melangkah ke luar dari tingkatan manusia, manusia barulah dapat melihat dan mendapat akses kepada alam semesta yang sebenarnya dan kehidupan pada tingkat berbeza dan ruang dimensi berbeza.

¹ LUNYU (LUN-YU) – Kata Ulasan.

Penerokaan yang dilakukan oleh umat manusia adalah demi persaingan teknologi, dengan alasan untuk mengubah kondisi kehidupan manusia, kebanyakannya adalah berlandaskan dasar anti Tuhan dan dasar melepaskan pengekangan moral diri manusia, maka peradaban manusia yang muncul pada masa lampau barulah berkali-kali dimusnahkan. Semasa penerokaan juga hanya terhad kepada dunia material ini, kaedahnya adalah hanya mengkaji sesuatu selepas ianya dikenali, sedangkan dalam ruang manusia ini, sesuatu yang tidak dapat diraba dan tidak dapat dilihat, tetapi secara objektifnya wujud dan fenomena yang wujud juga dicerminkan secara nyata dalam dunia realistik manusia, termasuk kerohanian, kepercayaan, sabda Dewa dan mukjizat, selama ini tidak berani disentuh di bawah pengaruh anti Tuhan.

Jika umat manusia boleh meningkatkan kelakuan dan pemikiran diri berdasarkan asas moral, dengan demikian peradaban masyarakat manusia barulah dapat bertahan lama, mukjizat juga akan muncul semula di masyarakat manusia. Dahulu dalam masyarakat manusia juga pernah berkali-kali muncul kebudayaan separuh Dewa separuh manusia, ini menyebabkan manusia memperoleh peningkatan dalam pemahaman sebenar terhadap kehidupan dan alam semesta. Jika umat manusia dapat menampilkan ketulusan dan penghormatan yang sepatutnya terhadap manifestasi Dafa di dunia, maka itu akan mendatangkan kebahagiaan atau kemuliaan kepada manusia, bangsa mahupun negara. Badan langit, alam semesta, kehidupan, segala semua adalah dicipta oleh Dafa alam semesta, kehidupan yang menyimpang dari Dafa adalah yang benar-benar buruk dan jahat; manusia di dunia ini yang dapat berpegang kepada Dafa adalah orang baik yang sebenarnya, pada masa yang sama orang tersebut akan memperoleh balasan kebaikan, kejujuran dan panjang umur; sebagai seorang yang Xiu Lian, anda dapat berasimilasi dengan Dafa maka anda adalah seorang yang memperoleh Tao - Dewa.

Li Hongzhi

24 Mei 2015

INDEKS

LUNYU	ii
CERAMAH 1	
Benar-Benar Membimbing Orang Menuju Tingkat Tinggi	1
Pada Tingkat Berbeza ada Fa yang Berbeza Tingkat	7
Zhen, Shan, Ren adalah Satu-satunya Kriteria Pengukur Baik Buruk Seseorang	11
Qi Gong adalah Kebudayaan Prasejarah	14
Qi Gong adalah Xiu Lian	19
Berlatih Gong Mengapa Tidak Tingkat Gong	23
Keistimewaan Falun Dafa	33
CERAMAH 2	
Isu Berkenaan Tian Mu	42
Kemampuan Gong 'Clairvoyance'	56
Kemampuan Gong 'Su Ming Tong'	59
Tidak Berada dalam Lima Elemen, Keluar dari Triloka	65
Soal Tentang Mengejar Sesuatu	71
CERAMAH 3	
Saya Melayan Semua Pelatih Sebagai Anak Murid	83
Gong Aliran Buddha dan Agama Buddha	84
Xiu Lian Haruslah Berpengkhususan Tunggal	90
Kemampuan Gong dan Daya Gong	94
Berkultivasi Balik dan Meminjam Gong	95
Fu Ti	104
Bahasa Alam Semesta	112
Apakah Yang Telah Diberi Oleh Guru kepada Pelatih	115
Medan Energi	124
Bagaimana Pelatih Falun Dafa Menyebar Gong	125

CERAMAH 4

Kehilangan dan Memperoleh	130
Transformasi Karma	133
Mempertingkatkan Xin Xing	145
Guan Ding	152
Xuan Guan Menempati Posisi	157

CERAMAH 5

Lambang Falun	166
Kaedah Gong Aliran Qi Men	169
Berlatih Kaedah Sesat	171
Kultivasi Berpasangan Lelaki dan Wanita	175
Kultivasi Gabungan Watak dan Nyawa	178
Fa Shen	180
Kai Guang	181
Zhu You Ke	190

CERAMAH 6

Terjelma Iblis	192
Mengundang Gangguan Iblis Ketika Berlatih Gong	203
Gangguan Iblis Akibat Pemikiran Sendiri	211
Kesedaran Utama Harus Kuat	217
Hati Harus Tulus	218
Qi Gong Wushu	226
Psikologi Menonjol Diri	232

CERAMAH 7

Isu Membunuh Hidupan	237
Isu Makan Daging	243
Perasaan Cemburu	251
Isu Mengubati Penyakit	257
Penyembuhan Hospital dan Penyembuhan Qi Gong	264

CERAMAH 8

Bi Gu	271
Mencuri Qi	274
Mengumpul Qi	277
Siapa Berlatih Gong Dialah yang Memperoleh Gong	281
Zhou Tian	289
Kegembiraan Hati	301
Xiu Kou	303

CERAMAH 9

Qi Gong dan Olahraga	306
Niat Fikiran	309
Hati yang Bersih Murni	317
Dasar Bawaan	323
Kesedaran	326
Orang dengan Bakat Kemampuan Besar	334

GLOSARI

345

CERAMAH 1

Benar-Benar Membimbing Orang Menuju Tingkat Tinggi

Dalam seluruh proses mengajar Fa² dan Gong³, saya berlandaskan prinsip bertanggungjawab kepada masyarakat dan para pelatih, hasil yang diperoleh adalah baik, pengaruhnya terhadap seluruh masyarakat juga adalah lebih baik. Beberapa tahun yang lalu, terdapat ramai master Qi Gong yang mengajar Gong, dan semua yang mereka ajarkan adalah pada tingkat untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan. Ini bukanlah berarti kaedah Gong orang lain tidak baik, apa yang saya maksudkan ialah mereka tidak mengajarkan perkara-perkara yang bertingkat tinggi. Saya juga mengetahui situasi Qi Gong di seluruh negara. Baik di dalam negara mahupun di luar negara, hanya saya seorang yang benar-benar mengajar Gong menuju tingkat tinggi pada ketika ini. Mengapa tiada orang lain yang mengajar Gong menuju tingkat tinggi? Ini kerana ianya melibatkan masalah yang sangat besar, melibatkan asal sejarah yang sangat mendalam, aspek yang berkait juga sangat luas, isu yang terlibat juga sangat tajam. Ianya juga bukan sesuatu yang dapat diajar oleh manusia pada umumnya, kerana ia bersangkutan sesuatu yang akan menyentuh perkara-perkara dari banyak aliran Qi Gong. Terutamanya dalam kalangan kita selaku pelatih Gong, ramai orang yang hari ini belajar Gong ini, esok hari belajar Gong itu, sehingga tubuh badannya menjadi kacau-bilau, dia sudah pasti tidak dapat berkultivasi meningkat ke atas. Pelatih lain berkultivasi ke atas dengan menyusuri sebuah jalan besar, namun dia menyusuri jalan-jalan yang bersimpang-siur, bila dia berkultivasi ini, yang lain akan mengganggu; bila dia berkultivasi itu, yang ini akan mengganggu, semua mengganggunya, dia sudah tidak dapat berkultivasi lagi.

Semua hal ini akan kami luruskan, yang baik akan dikekalkan, yang buruk akan disingkirkan, dengan ini terjaminlah anda akan dapat Xiu Lian⁴, tetapi ini hanya berlaku pada orang yang benar-benar datang untuk belajar Dafa. Kalau anda mendepak berbagai

² Fa – Hukum.

³ Gong – 1. Latihan kultivasi; 2. Hasil dari latihan kultivasi tersebut, berupa energi dan kemampuan supernormal lainnya.

⁴ Xiu Lian – Berkultivasi dan berlatih.

macam keterikatan hati, dengan niat mendapat kemampuan Gong, untuk mengubati penyakit, datang hanya sekadar mendengar teori, atau mempunyai suatu tujuan yang tidak baik, semua ini tidak dibenarkan. Ini kerana seperti apa yang saya katakan, hanya saya seorang yang melakukan hal ini. Perkara sebegini, peluangnya tidak banyak, saya juga tidak akan terus mengajar sebegini buat selama-lamanya. Saya rasa orang yang dapat mendengar saya mengajar Fa dan Gong secara langsung, saya kata adalah amat kelak anda akan tahu, anda akan merasakan bahawa tempoh masa ini adalah amat menggembirakan. Tentulah, kami percaya pada takdir pertemuan, jadi kalian dapat duduk bersama di sini juga adalah takdir.

Mengajar Gong menuju tingkat tinggi, cuba kalian fikirkan, apakah isunya? Bukankah itu menyelamatkan manusia? Menyelamatkan manusia, ini bererti anda benar-benar Xiu Lian, sudah bukan sekadar menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan semata-mata. Oleh kerana benar-benar Xiu Lian, maka permintaan Xin Xing⁵ terhadap pelatih juga harus tinggi. Kita yang duduk di sini datang untuk belajar Dafa, jadi anda harus benar-benar menganggap diri sebagai seorang pelatih Gong, dan anda juga harus menyingkirkan keterikatan hati. Bila anda belajar Gong dan Dafa dengan mengejar berbagai tujuan, anda tidak akan dapat mempelajari apa pun. Saya beritahu anda satu prinsip sejati, proses Xiu Lian seseorang adalah satu proses yang menyingkirkan keterikatan hatinya secara berterusan. Dalam masyarakat manusia biasa, orang saling bersaing dan berebut, saling menipu, melukai orang lain demi sedikit kepentingan diri, kesemua keterikatan ini harus dilepaskan. Terutamanya kita yang sedang belajar Gong pada hari ini, semua keterikatan ini harus dilepaskan.

Di sini saya tidak menyentuh soal penyembuhan penyakit, kami juga tidak menyembuhkan penyakit. Akan tetapi, orang yang benar-benar Xiu Lian, anda tidak dapat Xiu Lian dengan tubuh badan yang berpenyakit. Saya akan memurnikan tubuh badan anda. Pemurnian tubuh hanya terhad kepada pelatih yang benar-benar belajar Gong dan Fa. Suatu hal perlu kami tekankan, jika anda tidak dapat melepaskan keterikatan hati itu, anda tidak dapat melepaskan penyakit itu, kami tidak dapat berbuat apa pun, kami tidak berdaya untuk

⁵

Xin Xing – Watak; kualiti atau tingkatan moral.

membantu anda. Apa sebabnya? Ini kerana dalam alam semesta ini ada satu prinsip, iaitu semua peristiwa yang terjadi dalam kalangan manusia biasa, menurut ajaran aliran Buddha, mempunyai Yin Yuan Guan Xi⁶, lahir, tua, sakit, mati, memang wujud dalam kalangan manusia biasa. Ini kerana seseorang telah melakukan perkara buruk pada masa lalu dan timbulnya karma sehingga menyebabkan seseorang itu berpenyakit atau menghadapi kesengsaraan. Mengalami kesusahan adalah membayar hutang karma, maka, sesiapa pun tidak boleh mengubahnya sembarangan, bila diubah ini bererti hutang boleh tidak dibayar, hal ini juga tidak boleh dilakukan mengikut kehendak hati, kalau tidak, ia bererti berbuat kejahatan.

Ada orang menganggap menyembuhkan penyakit seseorang, atau menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan adalah berbuat baik. Menurut pendapat saya, semua itu tidak benar-benar menyembuhkan penyakit, ia hanya menundakan penyakit itu, atau ditransformasikan ke bentuk lain, langsung tidak disingkirkan ke luar. Kalau benar-benar ingin menghapuskan bala ini, maka haruslah menghapuskan karma. Kalau benar-benar mampu menyembuhkan penyakit ini, menghapuskan kesemua karma ini, benar-benar mampu mencapai tahap ini, maka tingkatan orang ini sudah tidak rendah lagi. Dia telah dapat melihat satu prinsip, iaitu prinsip manusia biasa adalah tidak boleh dirosakkan sesuka hati. Dalam proses Xiu Lian, orang Xiu Lian didorong oleh perasaan belas kasihan, melakukan perkara baik, membantu menyembuhkan penyakit orang lain, menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan, ini adalah dibenarkan, namun dia juga tidak mampu menyembuhkan orang secara sempurna. Sekiranya akar penyakit seseorang manusia biasa benar-benar dapat dihapuskan, seseorang manusia biasa yang tidak Xiu Lian keluar dari sini tanpa sebarang penyakit apa pun, sedangkan keluar dari sini dia masih merupakan manusia biasa, masih bersaing dan berebut seperti manusia biasa dalam hal kepentingan diri, bagaimana boleh menghapuskan karmanya dengan sesuka hati? Ini adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Kalau begitu, mengapa hal ini boleh dilakukan untuk orang yang Xiu Lian? Oleh kerana orang yang Xiu Lian adalah paling berharga, dia ingin Xiu Lian, maka, niat yang

⁶ Yin Yuan Guan Xi – Hubungan sebab akibat dan takdir.

terpancar ini adalah yang paling berharga. Dalam agama Buddha disebut sifat kebuddhaan, sebaik sahaja sifat kebuddhaan muncul, para Sang Sedar pun boleh membantunya. Apa maksudnya ini? Kalau menurut saya, oleh kerana saya mengajar Gong pada tingkat tinggi, melibatkan prinsip tingkat tinggi, masalah yang terlibat adalah amat besar. Di dalam alam semesta ini, kami melihat jiwa manusia, bukanlah berasal dari masyarakat manusia biasa. Jiwa manusia yang asli sebenarnya adalah berasal dari ruang alam semesta ini. Ini kerana di dalam alam semesta ini terdapat banyak material yang beraneka ragam yang membentuk jiwa manusia, dari interaksi antara material ini dapat membentuk jiwa; ini bererti, jiwa manusia yang paling asal adalah berasal dari alam semesta. Ruang alam semesta memang adalah bersifat baik, yakni memiliki ciri-ciri Zhen, Shan, Ren,⁷ dan manusia yang dilahirkan memiliki sifat yang sama dengan alam semesta. Namun ketika makhluk berjiwa yang tercipta semakin banyak, maka wujudnya satu perhubungan masyarakat sosial yang kolektif. Sebahagian orang dalam kalangan masyarakat tersebut mungkin bertambah sifat egonya, tingkat mereka pun mulai merosot secara beransur sehingga tidak dapat berada pada tingkat itu, dan mereka harus jatuh ke bawah. Namun pada tingkat yang lain, mereka bertambah menjadi tidak baik lagi, mereka tidak dapat bertahan dan terus jatuh ke bawah, dan akhirnya jatuh ke tingkat yang dihuni oleh umat manusia ini.

Masyarakat manusia secara keseluruhan, berada pada tingkat yang sama. Setelah jatuh sampai tingkat ini, ditinjau dari perspektif kemampuan Gong, atau ditinjau dari perspektif Sang Maha Sedar, kesemua makhluk berjiwa ini sepatutnya harus dimusnahkan. Namun berkat belas kasih para Sang Maha Sedar, mereka diberikan satu peluang lagi, maka terbentuklah persekitaran khusus ini, ruang dimensi yang khas ini. Sedangkan makhluk berjiwa yang berada dalam ruang dimensi ini tidak sama berbanding dengan makhluk berjiwa yang berada pada segenap ruang alam semesta. Makhluk berjiwa dari ruang dimensi ini, tidak dapat melihat makhluk berjiwa yang berada di ruang dimensi lain, tidak dapat melihat wajah asli alam semesta, dengan demikian bererti manusia-manusia ini telah jatuh dalam kesesatan. Jika ingin sembuh dari penyakit, menyingkirkan penderitaan, menghapuskan karma, manusia-manusia ini harus Xiu Lian, balik ke asal kembali ke jati diri, demikianlah pandangan yang dianut dalam berbagai Xiu Lian lain. Manusia harus

7

Zhen, Shan, Ren – Sejati, Baik, Sabar.

balik ke asal kembali ke jati diri, ini barulah matlamat utama seseorang menjadi manusia, maka ketika seseorang ingin Xiu Lian, sifat kebuddhaannya pun dianggap sudah muncul. Niat inilah yang paling berharga, kerana dia ingin balik ke asal kembali ke jati diri, ingin melompat keluar dari tingkat manusia biasa ini.

Mungkin kalian pernah dengar suatu ungkapan dari agama Buddha: sekali muncul sifat kebuddhaan, akan menggetarkan sepuluh penjuru dunia. Siapa saja yang melihat, akan membantunya tanpa syarat. Aliran Buddha dalam menyelamatkan manusia tidak mempersoalkan syarat, tanpa imbalan, boleh membantunya tanpa syarat, maka kami boleh melakukan banyak hal untuk para pelatih. Sedangkan sebagai seorang manusia biasa, orang yang hanya ingin menjadi seorang manusia biasa, dia ingin sembuh dari penyakit, maka ini adalah tidak dibenarkan. Ada yang berfikir: “Setelah saya sembuh, barulah saya Xiu Lian.” Xiu Lian itu adalah tanpa sebarang syarat, kalau ingin Xiu Lian, maka Xiu Lian sahajalah. Namun dengan membawa tubuh badan yang berpenyakit, atau sesetengah orang informasi dalam badannya masih kacau-bilau, ada yang langsung tidak pernah berlatih Gong, ada juga yang telah berpuluh tahun berlatih Gong, masih bermundar-mandir pada tingkat Qi, dan tidak berkultivasi menuju ke atas.

Apa yang harus dilakukan? Kami akan memurnikan tubuhnya, agar dia dapat Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi. Apabila Xiu Lian pada tingkat yang paling rendah, terdapat satu proses, iaitu tubuh anda akan dimurnikan secara menyeluruh, segala benda buruk yang ada dalam pemikiran, medan karma yang wujud di sekeliling tubuh mahupun faktor-faktor yang menyebabkan tubuh badan menjadi tidak sihat, semua itu akan disingkirkan ke luar hingga bersih. Kalau tidak dibersihkan, dengan tubuh badan yang hitam kusam dan pemikiran yang kotor, bagaimana dapat mencapai Xiu Lian yang menuju tingkat tinggi? Kita di sini tidak berlatih Qi, benda yang berada pada tingkat rendah ini sudah tidak perlu anda berlatih lagi, kami akan mendorong anda melewatinya, agar tubuh anda mencapai kondisi tanpa penyakit. Di samping itu, kami akan pasangkan di tubuh anda satu set perangkat yang sedia ada dengan benda-benda yang harus diasaskan pada tingkat rendah, dengan demikian, kita sudah berlatih Gong pada tingkat yang amat tinggi.

Menurut penjelasan Xiu Lian, kalau dikira Qi, ia merangkumi tiga tingkatan. Akan tetapi, Xiu Lian yang sebenar (*berlatih Qi tidak termasuk*), terdiri dari dua tingkat besar: yang satu adalah Xiu Lian Fa duniawi dan satunya lagi adalah Xiu Lian di luar Fa duniawi. Fa duniawi dan di luar Fa duniawi ini adalah dua hal yang berbeza dengan dalam duniawi dan keluar duniawi yang terdapat dalam biara, ia adalah sesuatu yang bersifat teori. Kami benar-benar merupakan perubahan dari Xiu Lian tubuh manusia pada dua tingkat besar. Ini kerana dalam proses Xiu Lian Fa duniawi, tubuh manusia adalah dimurnikan secara terus-menerus, dimurnikan secara berterusan, maka apabila mencapai bentuk tertinggi Fa duniawi, tubuh telah sepenuhnya digantikan dengan material energi tinggi. Sedangkan Xiu Lian di luar Fa duniawi, pada dasarnya ia adalah Xiu Lian tubuh Buddha, sudah berupa tubuh yang terbentuk daripada material energi tinggi, segala kemampuan Gong akan timbul kembali. Apa yang kita maksudkan ialah dua tingkat besar ini.

Kita percaya takdir pertemuan, anda sekalian duduk di sini, saya boleh melakukan hal ini untuk anda semua. Kita sekarang ada dua ribu orang lebih, beberapa ribu orang, bahkan lebih banyak lagi sampai puluhan ribu orang, saya juga mampu lakukan, dengan kata lain, anda tidak perlu berlatih pada tingkat rendah lagi. Setelah tubuh anda dimurnikan, anda didorong melewati tingkat tersebut, saya pasangkan seperangkat sistem Xiu Lian yang lengkap untuk anda, dan begitu anda terus Xiu Lian pada tingkat tinggi. Akan tetapi ini hanya terhad kepada para pelatih yang benar-benar datang untuk Xiu Lian, ini tidak bererti anda duduk di sini, anda sudah dianggap seorang yang Xiu Lian. Setelah pemikiran anda berubah secara fundamental, kami tentu dapat memberinya, bahkan bukan terhad kepada ini sahaja, kalian akan sedar pada masa kelak, apa yang telah saya berikan kepada kalian. Kami di sini juga tidak membicarakan soal menyembuhkan penyakit, namun kita menegakkan penyelarasan tubuh badan para pelatih secara menyeluruh, agar anda dapat berlatih Gong. Dengan tubuh yang berpenyakit, anda tidak akan timbul Gong sama sekali, jadi kalian juga jangan cari saya untuk menyembuhkan penyakit, saya juga tidak melakukan perkara ini. Tujuan utama saya tampil ke masyarakat adalah untuk membimbing orang menuju tingkat tinggi, benar-benar membimbing orang menuju tingkat tinggi.

Pada Tingkat Berbeza ada Fa Yang Berbeza Tingkat

Dahulu ramai master Qi Gong yang mengatakan bahawa dalam Qi Gong ada yang disebut sebagai kelas permulaan, kelas menengah dan kelas tinggi. Itu semua adalah Qi dan sesuatu dari tingkat yang berlatih Qi, dan masih dibahagi kepada kelas permulaan, kelas menengah dan kelas tinggi. Perkara yang betul-betul tingkat tinggi, dalam pemikiran kebanyakan pelatih Qi Gong Xiu Lian kita adalah kosong, langsung tiada pengetahuan berkenaannya. Dari kini apa yang kami huraikan adalah Fa pada tingkat tinggi. Selain itu, saya ingin memperbetulkan istilah Xiu Lian. Semasa mengajar, saya akan membincangkan beberapa fenomena yang kurang sihat dalam kalangan Xiu Lian. Bagaimana kami menghadapinya, bagaimana kami memandang fenomena tersebut, semua ini akan saya bincangkan. Di samping itu mengajar Gong dan Fa pada tingkat tinggi, aspek yang terlibat, masalah yang terlibat adalah lebih besar, bahkan sangat serius, semua ini saya juga ingin bincangkan. Saya juga akan membincangkan beberapa gangguan yang berasal dari ruang dimensi lain yang mengganggu masyarakat manusia biasa, terutamanya gangguan terhadap komuniti Xiu Lian, dan pada masa yang sama membantu pelatih kami menyelesaikan masalah ini. Jika masalah ini tidak diselesaikan, anda tidak akan dapat berlatih Gong. Kalau ingin menyelesaikan masalah ini secara asasnya, kami harus menganggap anda sekalian sebagai orang yang benar-benar Xiu Lian barulah dapat berbuat demikian. Sudah tentu ia adalah tidak mudah untuk mengubah fikiran anda, dalam mengikuti kuliah kelak, fikiran anda akan dapat diubah secara perlahan-lahan, juga berharap agar anda mendengar kuliah dengan teliti. Cara saya mengajar Gong adalah tidak sama berbanding dengan orang lain. Ada orang yang mengajar Gong, dia hanya menyampaikan prinsip Gong-nya dengan sederhana, kemudiannya menyambung informasi, mengajarkan seperangkat teknik gerakan lalu selesai sudah. Orang-orang telah terbiasa mengajar Gong dengan cara ini.

Mengajar Gong sebenarnya perlu mengajar Fa, perlu membabarkan Tao. Menerusi sepuluh kelas kuliah, saya akan huraikan semua prinsip yang ada pada tingkat tinggi, dengan demikian barulah anda dapat Xiu Lian. Kalau tidak, anda langsung tidak dapat Xiu Lian. Semua yang diajarkan oleh orang lain adalah hal yang berada pada tingkat untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh. Anda ingin Xiu Lian menuju ke tingkat

tinggi, tanpa bimbingan Fa pada tingkat tinggi, anda juga tidak dapat Xiu Lian. Seperti anda bersekolah, jika anda mengambil buku pelajaran sekolah rendah untuk belajar di universiti, anda tetap adalah pelajar sekolah rendah. Ada orang yang merasa telah mempelajari banyak Gong, Gong ini, Gong itu, sijil tamat pengajian juga sudah bertimbunan, akan tetapi, Gong-nya tetap tidak naik ke atas. Dia merasa ini adalah kebenaran Qi Gong dan keseluruhannya. Padahalnya bukan, ia hanya bulu kulit Qi Gong, yakni hal-hal dari tingkat yang paling rendah. Qi Gong bukan hanya terhad kepada ini, ia adalah Xiu Lian, hal yang amat luas dan mendalam, bahkan pada tingkat berbeza ada Fa yang berbeza tingkat, jadi ia bukan berupa sesuatu dari latihan Qi seperti yang kita ketahui sekarang ini, betapa banyak anda belajar juga adalah sama sahaja. Sebagai contohnya, buku pelajaran sekolah rendah England telah anda pelajari, buku pelajaran sekolah rendah Amerika telah anda pelajari, buku pelajaran sekolah rendah Jepun telah anda pelajari, buku pelajaran sekolah rendah China juga sudah anda pelajari, namun anda tetap adalah seorang pelajar sekolah rendah. Betapa banyak anda pelajari pelajaran tingkat rendah Qi Gong, semakin penuh diisi, ia hanya akan memudaratkan anda sebaliknya, tubuh anda telah bercampur aduk.

Saya masih ingin menekankan satu isu, kami Xiu Lian, adalah perlu mengajar Gong dan Fa. Seseengah biksu dalam kuil, terutama dari Buddhisme Zen, mungkin mempunyai sedikit pendapat. Sebaik sahaja terdengar kuliah Fa, dia pun tidak suka mendengarnya. Apa sebabnya? Buddhisme Zen berpendapat bahawa Fa ini tidak boleh dijelaskan. Sebaik sahaja Fa dijelaskan, ia sudah bukan lagi Fa, tiada Fa yang boleh dijelaskan, hanya boleh mengerti dalam hati, oleh itu sehingga hari ini, Buddhisme Zen tidak dapat mengajar apa Fa pun. Apa yang diajarkan oleh Bodhidharma dari Buddhisme Zen adalah berdasarkan satu ungkapan Sakyamuni. Sakyamuni berkata, “Tidak ada Dharma yang muktamad.” Berdasarkan ungkapan Sakyamuni inilah dia menubuhkan Buddhisme Zen. Kami kata aliran ini adalah bagaikan menyusup ke hujung tanduk kerbau.⁸ Mengapa disebut menyusup ke hujung tanduk kerbau? Ketika Bodhidharma mulai menyusup ke dalam, masih terasa agak longgar, bila pemimpin generasi kedua menyusup sudah berasa tidak terlalu longgar, bila pemimpin generasi ketiga juga masih merasa cukup, bila pemimpin

8

Menyusup ke hujung tanduk kerbau – Memasuki jalan buntu.

generasi keempat sudah terasa sangat sempit, pemimpin generasi kelima pada dasarnya sudah tidak dapat menyusup lagi, sampai giliran pemimpin generasi keenam Huineng sudah sampai di hujung, sudah tidak dapat menyusup lagi. Hari ini jika anda pergi belajar Fa di Buddhisme Zen, jangan anda bertanya, bila anda mempunyai apa soalan dan bertanya kepadanya, jawapannya adalah satu tongkat yang mendarat di kepala anda, ini digelar “hardikan tongkat.” Maksudnya jangan anda bertanya, anda harus mengertinya sendiri. Anda berkata, “Saya datang belajar kerana saya tidak tahu apa pun, apa yang harus saya mengerti? Anda pula memukul kepala saya?” Ini menunjukkan hujung tanduk kerbau sudah disusupi sampai ke hujung, sudah tidak ada yang boleh dibicarakan lagi. Bodhidharma telah mengatakan ajarannya hanya dapat diturunkan sampai enam generasi, selanjutnya sudah tidak boleh lagi. Beratus-ratus tahun sudah berlalu, namun sekarang masih ada orang yang berpegang kepada prinsip Zen bermati-matian dan tidak ingin melepaskannya. Apa sebenarnya maksud ungkapan Sakyamuni “Tidak ada Dharma yang muktamad?” Tingkat di mana Sakyamuni berada adalah tingkat Tathagata,⁹ termasuk banyak biksu di kemudian hari semua belum dapat menyedari sehingga tingkat keberadaan Sakyamuni, mentalitinya dalam tingkat pemikirannya, maksud sebenarnya Fa yang diajar olehnya, maksud sebenar ucapannya. Maka orang di kemudian hari mentafsir begini, mentafsir sebegini, sehingga tafsiran menjadi amat keliru, lalu menganggap bahawa tidak ada Dharma yang muktamad bermaksud anda jangan mengatakan, jika dikatakan sudah bukan Dharma lagi. Sebenarnya bukan maksud ini. Ketika Sakyamuni terbuka Gong dan terbuka kesedarannya di bawah pokok Bodhi, bukan dengan seketikanya mencapai tingkat Tathagata. Dalam mengajar Fa selama empat puluh sembilan tahun itu, dia juga masih meningkatkan diri secara berterusan. Setiap kali dia naik satu tingkat, dia melihat kembali dan mendapati Fa yang baru sahaja diajarkan sudah tidak betul lagi. Selanjutnya meningkat lagi, dia mendapati Fa yang baru sahaja diajarkan sudah tidak betul lagi. Sepanjang empat puluh sembilan tahun, dia meningkat sedemikian secara berterusan, setiap kali naik satu tingkat, dia mendapati pemahamannya pada Fa yang diajarkan dahulu adalah sangat rendah. Dia juga mendapati bahawa Fa pada setiap tingkat, semuanya merupakan manifestasi dari Fa pada setiap tingkat tersebut, setiap tingkat pun ada Fa, tetapi bukan merupakan kebenaran yang mutlak dari alam semesta. Sedangkan Fa yang setingkat lebih tinggi adalah

⁹

Tathagata – Tingkat awal untuk status Buddha, di atas Arhat dan Bodhisattva.

lebih mendekati ciri-ciri alam semesta berbanding dengan Fa yang setingkat rendah, oleh itu, dia pun berkata: “Tidak ada Dharma yang muktamad.”

Akhirnya, Sakyamuni pun berkata, “Sepanjang hayatku tidak ada apa Fa pun yang saya ajarkan.” Buddhisme Zen pun salah tafsirkannya sebagai tidak ada Fa yang boleh diajarkan lagi. Pada usia senja Sakyamuni telah mencapai tingkat Tathagata, mengapa dia mengatakan apa Fa pun tidak diajarkan? Sebenarnya apa masalah yang telah dikatakannya? Apa yang dia maksudkan adalah, “Mencapai tingkat Tathagata seperti saya ini, saya juga belum dapat melihat apa yang merupakan hujung terakhir prinsip alam semesta, mahupun hujung terakhir Fa.” Maka dia meminta generasi keturunannya jangan menganggap ajarannya sebagai kebenaran mutlak, kebenaran yang tidak berubah, kerana anggapan itu akan menyebabkan generasi keturunannya dihadkan pada tingkat Tathagata atau pada tingkat lebih rendah dari Tathagata, tidak dapat menembus ke tingkat yang lebih tinggi. Kemudiannya orang-orang tidak dapat memahami maksud sebenarnya ungkapan ini, lalu menganggap bila Fa dibicarakan, ia bukan Fa lagi, demikianlah ia mentafsir. Sebenarnya maksud ungkapan Sakyamuni ialah, “Pada tingkat berbeza ada Fa yang berbeza tingkat, Fa pada setiap tingkat semuanya bukan merupakan kebenaran alam semesta yang mutlak, akan tetapi Fa pada suatu tingkat berkenaan memainkan peranan sebagai pembimbing pada tingkat tersebut.” Sebenarnya dia telah mengatakan satu prinsip yang sedemikian.

Dahulu terdapat ramai orang, terutamanya dari Buddhisme Zen, selalu berpegang kepada prasangka dan pemahaman ekstrem yang salah. Kalau tidak ajar anda, macam mana membimbing anda untuk berlatih, bagaimana boleh berlatih, bagaimana boleh berkultivasi? Di dalam agama Buddha terdapat banyak kisah Buddha, mungkin ada orang yang telah lihat, mengatakan seseorang itu telah naik ke atas langit, sesampainya di syurga, mendapati “Sutera Intan” di atas dan “Sutera Intan” yang ada di bawah setiap perkataannya adalah berbeza, maksudnya juga berbeza. Mengapakah “Sutera Intan” ini adalah berbeza dengan “Sutera Intan” di alam manusia biasa? Ada juga orang yang mengatakan kitab suci di Dunia Sukhavati adalah berbeza dengan kitab yang ada di sini, pada asasnya pun bukan satu hal yang sama, bukan sahaja perkataannya tidak sama, makna dan ertinya semua pun tidak sama, telah berlakunya perubahan. Sebenarnya meskipun ia berupa Fa yang sama, pada

tingkat yang berbeza juga akan mengalami perubahan dan bentuk manifestasi yang berbeza, ia akan berfungsi sebagai pembimbing yang berbeza bagi orang Xiu Lian pada tingkat yang berbeza.

Anda sekalian tahu, dalam agama Buddha terdapat sebuah buku kecil yang berjudul “Kisah Perjalanan ke Barat Menuju Dunia Sukhavati”, mengisahkan terdapat seorang biksu bermeditasi berlatih Gong, ketika Yuanshen-nya sampai di Dunia Sukhavati telah melihat pemandangan di tempat itu, setelah bersiar satu hari, kembalinya ke dunia manusia sudah enam tahun berlalu. Adakah dia sudah melihat? Tentu sudah melihat, namun apa yang terlihat bukan kebenaran. Mengapa? Ini kerana tingkatnya tidak mencukupi, jadi manifestasi Dharma Buddha hanya terhad kepada apa yang dia patut lihat pada tingkatannya itu. Oleh kerana dunia sedemikian adalah manifestasi dari pembentukan Fa, maka dia tidak dapat melihat kebenarannya. Menurut saya, ungkapan “Tidak ada Dharma yang muktamad” membawa maksud sebegini.

Zhen, Shan, Ren adalah Satu-satunya Kriteria Pengukur Baik Buruk Seseorang

Dalam agama Buddha orang ramai selalu meninjau apa yang dimaksudkan sebagai Fa Buddha. Ada juga yang berpendapat bahawa Dharma yang diajarkan dalam agama Buddha, adalah merupakan keseluruhan Fa Buddha, sebenarnya tidak. Fa yang diajarkan oleh Sakyamuni, hanya untuk manusia biasa yang berada pada tingkat yang amat rendah pada dua ribu lima ratus tahun yang lalu, iaitu yang baru saja lahir dari masyarakat primitif, berupa Fa yang diajarkan kepada jenis manusia yang fikirannya agak sederhana. Masa akhir Dharma yang dia maksud adalah sekarang, orang sekarang sudah tidak dapat Xiu Lian lagi dengan menggunakan Fa itu. Pada masa akhir Dharma, biksu dalam kuil juga amat sukar untuk menyelamatkan diri, apatah lagi menyelamatkan orang lain. Fa yang diajarkan oleh Sakyamuni pada masa itu adalah khusus kepada keadaan semacam itu, sedangkan dia juga tidak mengajarkan kesemua Fa Buddha yang telah diketahuinya pada tingkat keberadaannya, sekiranya ingin ia bertahan selamanya dan tidak berubah, itu juga adalah mustahil.

Masyarakat sedang berkembang, pemikiran manusia juga berubah menjadi kian rumit, maka ia menjadi sukar untuk manusia terus berkultivasi dengan cara ini. Fa dari agama Buddha tidak dapat merangkumi keseluruhan Fa Buddha, ia hanya merupakan sebahagian yang kecil dari Fa Buddha. Selain itu ada pula banyak Maha Hukum aliran Buddha yang masih disebar dalam kalangan rakyat jelata, turun-temurun diwariskan secara tunggal. Pada tingkat berbeza ada Fa yang berbeza, pada ruang dimensi berbeza ada Fa yang berbeza, ini semua adalah manifestasi Fa Buddha yang berbeza di setiap ruang dimensi dan setiap tingkat. Sakyamuni juga mengatakan, ada lapan puluh empat ribu aliran Fa dalam kultivasi Buddha, sedangkan agama Buddha hanya ada sepuluh lebih sub-aliran Fa, iaitu Buddhisme Zen, Tanah Suci, Tiantai, Huayan, Tantra dan lain-lain, tidak dapat merangkumi keseluruhan Fa Buddha. Sakyamuni sendiri juga tidak mengajar kesemua Fa-nya kepada manusia pada masa itu, hanya mengajarkan sebahagian berdasarkan daya penerimaan manusia masa itu.

Jadi apakah itu Fa Buddha? Ciri-ciri paling asas dalam alam semesta ini, Zhen, Shan, Ren, adalah manifestasi Fa Buddha yang paling tinggi, ia adalah Fa Buddha yang paling asas. Fa Buddha pada tingkat berbeza mempunyai bentuk manifestasi yang berbeza, pada tingkat berbeza memainkan peranan sebagai pembimbing yang berbeza, pada tingkat makin rendah perwujudannya makin rumit. Partikel udara, batu, kayu, tanah, besi keluli, tubuh manusia, dalam kesemua material juga mengandungi ciri-ciri Zhen, Shan, Ren ini. Dahulunya dikatakan lima elemen yang membentuk segala benda dan segala makhluk alam semesta, juga mengandungi ciri-ciri Zhen, Shan, Ren ini. Orang Xiu Lian hanya dapat memahami manifestasi sebenarnya Fa Buddha pada tingkat di mana Xiu Liannya dicapai, ini adalah status buah atau tingkatan Xiu Lian. Bila dibentangkan, Fa sangat luas. Sampai pada tingkat ekstrem tinggi akan menjadi amat mudah, kerana Fa adalah berupa bentuk piramid. Sesampainya di tingkat ekstrem tinggi, ia dapat dibentangkan dalam tiga perkataan, iaitu Zhen, Shan, Ren, apabila dimanifestasikan pada setiap tingkatan ia akan menjadi amat rumit. Menggunakan manusia sebagai perumpamaan, aliran Tao menganggap tubuh manusia sebagai alam semesta kecil, manusia memiliki tubuh fizikal, namun hanya dengan tubuh fizikal sahaja masih tidak dapat membentuk seorang manusia

yang sempurna, ia masih memerlukan perangai manusia, keperibadian, watak dan kewujudan Yuan Shen, dengan demikianlah baru boleh membentuk satu manusia yang sempurna, berdikari dan memiliki sifat peribadi. Alam semesta kita ini juga adalah sama, ada sistem galaksi, sistem perbintangan lain, juga ada kehidupan dan air, segala benda dan segala makhluk dalam alam semesta ini, adalah salah satu aspek eksistensi material, namun pada masa yang sama ia juga mengandungi ciri-ciri Zhen, Shan, Ren. Mana-mana partikel dalam sesuatu material juga mengandungi ciri-ciri sedemikian, dalam partikel yang betapa ekstrem mikroskopis juga mengandungi ciri-ciri tersebut.

Ciri-ciri Zhen, Shan, Ren ini merupakan kriteria pengukur baik dan buruk dalam alam semesta. Apa itu baik dan apa itu buruk? Semua adalah diukur dengannya. Apa yang dahulunya kita sebut sebagai De¹⁰ juga adalah sama. Sudah tentunya taraf moral masyarakat umat manusia kini sudah mengalami perubahan, kriteria moral juga sudah diputar belit. Sekarang kalau ada orang mencontohi Lei Feng¹¹, mungkin dia akan dianggap sebagai sakit mental. Namun pada tahun 1950-an dan 1960-an, siapa yang akan menganggapnya sebagai sakit mental? Taraf moral umat manusia semakin merosot, dan nilai moral manusia semakin merosot dari hari ke hari, berusaha demi keuntungan diri semata-matanya, tidak segan langsung untuk mencederai orang lain demi kepentingan diri, saling bersaing dan berebut. Cuba anda fikirkan, adakah ini boleh dibenarkan untuk berterusan? Ada orang yang berbuat jahat, anda beritahu dia sedang berbuat jahat, dia langsung tidak percaya, dia betul-betul tidak percaya bahawa dia sedang berbuat jahat, ada juga orang yang membandingkan diri dengan taraf moral yang sudah merosot, menganggap dirinya lebih baik dari orang lain, ini kerana taraf yang digunakan untuk membuat perbandingan pun sudah berlakunya perubahan. Tak kira bagaimana taraf moral umat manusia berubah, tetapi ciri-ciri dalam alam semesta ini tidak akan berubah, ia adalah satu-satunya kriteria pengukur baik dan buruk seseorang. Maka, sebagai seorang yang Xiu Lian, anda harus menghendaki diri mematuhi ciri-ciri alam semesta ini, tidak boleh menghendaki diri mengikut kriteria manusia biasa. Anda ingin balik ke asal kembali ke jati diri, anda ingin Xiu Lian menuju ke tingkat atas, anda harus lakukan mengikut taraf ini. Sebagai

¹⁰ De – Sejenis material putih yang dihasilkan dari perbuatan baik, menanggung penderitaan dan sebagainya.

¹¹ Lei Feng – Seorang tentera teladan yang menjadi idola masyarakat China pada masa tahun 1960-an, yang rela berkorban untuk kebaikan orang lain.

seorang manusia, jika anda dapat mematuhi ciri-ciri alam semesta, Zhen, Shan, Ren ini, itu barulah seorang yang baik; orang yang menyimpang dari ciri-ciri ini, dia adalah manusia yang benar-benar jahat. Di tempat kerja atau dalam kalangan masyarakat, mungkin ada orang yang mengatakan anda jahat, namun anda tidak semestinya jahat, ada orang yang mengatakan anda baik, anda tidak semesti benar-benar baik. Selaku seorang yang Xiu Lian, dengan berasimilasi ciri-ciri ini, anda adalah seorang yang memperoleh Tao¹², memang semudahnya teori ini.

Aliran Tao berkultivasi Zhen, Shan, Ren dengan menitik-berat pada kultivasi Zhen. Oleh itu aliran Tao mengutamakan kultivasi pada Zhen dan memelihara watak, bertutur kata yang benar, melakukan perkara yang benar, menjadi manusia yang sejati, balik ke asal kembali ke jati diri yang asli, dan akhirnya berkultivasi menjadi manusia sejati. Tetapi juga ada Ren, juga ada Shan, titik berat ditujukan pada kultivasi Zhen. Aliran Buddha menitik-beratkan kultivasi pada Shan dalam Zhen, Shan, Ren. Ini kerana berkultivasi Shan akan dapat melahirkan hati yang maha belas kasih, dan sekalinya timbul rasa belas kasih, akan melihat segala makhluk hidup adalah menderita, oleh itu timbulnya suatu hasrat, iaitu hasrat untuk menyelamatkan segala makhluk hidup. Tetapi Zhen ada, Ren juga ada, titik berat ditujukan pada kultivasi Shan. Aliran Falun Dafa kita ini mengikuti ciri-ciri tertinggi alam semesta --- Zhen, Shan, Ren, yang dikultivasi secara serentak, Gong yang kita latih sangat luas.

Qi Gong adalah Kebudayaan Prasejarah

Apa itu Qi Gong? Ramai master Qi Gong mengutarakan, apa yang saya utarakan dan apa yang mereka katakan adalah tidak sama. Kebanyakan master Qi Gong mengutarakan berkenaan apa yang ada pada suatu tingkat tertentu, namun saya mengutarakan pemahaman saya terhadap Qi Gong pada tingkat yang lebih tinggi, pemahaman berbanding dengan mereka adalah tidak sama. Ada master Qi Gong yang menyatakan, Qi Gong mempunyai sejarah selama dua ribu tahun di negara China, ada juga

¹²

Tao – Jalan kesucian, atau jalan dari alam semesta menurut aliran Tao.

orang yang mengatakan mempunyai sejarah selama tiga ribu tahun, ada orang yang mengatakan mempunyai sejarah selama lima ribu tahun, lebih kurang sama dengan sejarah tamadun bangsa Cina kita. Ada juga orang yang mengatakan, apabila dilihat dari benda peninggalan budaya yang digali keluar, Qi Gong mempunyai sejarah selama tujuh ribu tahun, jauh melebihi sejarah tamadun bangsa Cina. Akan tetapi, walau dengan cara apapun anda memahaminya, ia juga belum melebihi sejarah tamadun umat manusia terlalu banyak. Menurut teori evolusi Darwin, manusia berevolusi dari tumbuhan air menjadi haiwan air, kemudiannya merangkak naik ke darat, lalu memanjat naik atas pokok, dan kemudiannya turun ke tanah menjadi manusia kera, dan akhirnya berevolusi menjadi manusia moden yang berbudaya dan memiliki pemikiran sebagai asas perhitungannya, kewujudan tamadun manusia sebenarnya juga belum melebihi sepuluh ribu tahun. Jika melangkah ke depan, bahkan belum mampu membuat simpul pada tali sebagai sarana untuk mengingatkan sesuatu hal, iaitu memakai dengan daun pokok dan makan daging mentah. Kalau melangkah ke depan lagi, mungkin juga belum mahir menggunakan api, semuanya berupa orang liar, orang primitif itu.

Namun kita mendapati satu masalah, banyak tempat di dunia ini telah ditinggalkan dengan banyak benda peninggalan tamadun purba, usia semuanya jauh melebihi sejarah tamadun umat manusia. Peninggalan purba ini, apabila dilihat dari segi kraftangan, memiliki kualiti kraftangan yang amat tinggi, apabila dilihat dari segi kesenian, ia juga sangat unggul, manusia moden kita sebenarnya benar-benar sedang meniru kesenian orang kuno, memiliki nilai penghargaan yang amat tinggi. Akan tetapi, ianya pula sebenarnya ditinggalkan sejak lebih dari puluhan ribu tahun, ratusan ribu tahun, jutaan tahun yang lalu, bahkan merupakan peninggalan dari ratusan juta tahun yang lalu. Cuba anda fikirkan, bukankah ini tengah bergurau dengan sejarah kini? Sebenarnya juga tidak ada apa yang boleh diguraukan, ini kerana umat manusia juga sedang memperbaiki diri secara berterusan, tidak berhenti dalam memahami dirinya kembali, demikianlah masyarakat ini berkembang, pengenalan awal tidak semestinya tepat muktamad.

Mungkin ada ramai orang yang pernah dengar “kebudayaan prasejarah”, juga dikenali sebagai “peradaban prasejarah”, sekarang kita bentangkan peradaban prasejarah

itu. Di atas bumi ada benua Asia, Eropah, Amerika Selatan, Amerika Utara, Oceania, Afrika dan benua Antartika, ahli geologi secara umumnya mengenali mereka sebagai “plat benua.” Sejak terbentuknya plat benua sehingga hari ini, sudah mempunyai sejarah berpuluh juta tahun. Dalam erti kata lain, terdapat banyak daratan muncul dari dasar laut, dan juga terdapat banyak daratan yang tenggelam ke dasar laut, dan keadaan ini stabil sehingga hari ini sudah mempunyai sejarah berpuluh juta tahun. Namun di banyak dasar laut, telah menemui sesetengah bangunan lama yang tinggi besar dengan ukiran yang amat cantik halus, dan bukan berasal dari warisan kebudayaan umat manusia zaman moden ini, jadi, pastilah bangunan itu telah dibina sebelum ia tenggelam ke dasar laut. Kalau begitu, puluhan juta tahun yang lalu, siapa sebenarnya yang telah menciptakan peradaban itu? Sedangkan pada masa itu, umat manusia masih bukan kera pun, bagaimana boleh mencipta benda yang memerlukan kecerdasan minda yang tinggi seperti ini? Di dunia ini, ahli arkeologi menemui sejenis organisme, yang digelar “Trilobite”, ia adalah organisme yang hidup di antara enam ratus juta hingga dua ratus enam puluh juta tahun yang lalu, dan selepas dua ratus enam puluh juta tahun, organisme ini sudah tidak dapat ditemui lagi. Seorang ahli sains Amerika telah menjumpai satu fosil Trilobite dengan tanda tapak kaki manusia, dan ia adalah dipijak dengan memakai kasut dan jelas sekali tercetak di atas fosil itu. Bukankah ini sedang bergurau dengan ahli sejarah? Mengikut teori evolusi Darwin, mana mungkin ada manusia yang hidup pada dua ratus enam puluh juta tahun yang lalu?

Di dalam muzium Universiti Nasional Peru terdapat seketul batu, di atas batu itu terukir gambar seorang manusia, menurut hasil penyelidikan, gambar manusia itu telah diukirkan sejak tiga puluh ribu tahun yang lalu. Akan tetapi, manusia ini pula memakai baju, topi, kasut, dan di dalam tangannya pula memegang sebuah teleskop sedang memerhati objek angkasa. Bagaimanakah manusia pada tiga puluh ribu tahun yang lalu mahir menenun kain dan memakai baju? Dan lagi tidak dapat dibayangkan ialah dia sedang memegang teleskop untuk memerhati objek angkasa, dan masih memiliki pengetahuan astronomi tertentu. Kita selalu menganggap bahawa teleskop adalah ciptaan orang Eropah bernama Galileo, sehingga sekarang baru berselang tiga puluh ribu tahun lebih, namun siapakah yang menciptakan teleskop pada tiga puluh ribu tahun yang lalu? Masih terdapat banyak misteri lain yang tidak dapat dijelaskan. Misalnya di Perancis, Afrika Selatan, dan

pergunungan Alps terdapat banyak ukiran pada dinding batu dalam banyak gua, ukirannya amat realistik, terlihat bagaikan hidup. Gambar orang yang diukirkan sangat cantik sekali, bahkan diwarnakan pula dengan sejenis bahan pewarna mineral. Akan tetapi, orang-orang tersebut semuanya berpakaian moden, terlihat seperti pakaian Barat, memakai seluar ketat. Ada yang memegang benda yang mirip pipa penghisap rokok, ada yang bergaya memegang tongkat, dan memakai topi. Bagaimanakah kera yang hidup pada ratusan ribu tahun yang lalu mampu memiliki taraf kesenian yang begitu tinggi?

Ceritakan lagi jauh sedikit, di benua Afrika ada sebuah negara yang bernama Republik Gabon. Ianya mempunyai bijih uranium. Negara ini agak terbelakang, mereka tidak dapat mengekstrak uranium sendiri, jadi bijih-bijih uranium itu diekspor ke negara maju. Pada tahun 1972, sebuah kilang Perancis telah mengimport bijih-bijih uranium tersebut. Menerusi ujian penyelidikan mendapati bahawa bijih-bijih uranium tersebut semuanya telah pun diekstrak dan digunakan. Atas perasaan hairan, telah menghantar juruteknik ke sana untuk menjalankan penyelidikan. Banyak ahli sains dari negara-negara lain turut menyertai penyelidikan tersebut. Akhirnya telah mengesahkan bahawa bijih-bijih uranium ini adalah sebuah reaktor nuklear berskala besar, malah penyusunannya amat munasabah, manusia moden kini juga tidak mampu menciptanya. Kalau begitu, bilakah ia dibina? Ia telah dibina pada dua bilion tahun yang lalu, dan telah beroperasi selama lima ratus ribu tahun. Ini adalah satu angka astronomi sama sekali, dan langsung tidak dapat dijelaskan dengan teori evolusi Darwin, hal-hal begitu sangat banyak. Penemuan yang didapati oleh dunia teknologi sekarang ini sudah mencukupi untuk mengubah buku pelajaran kita yang ada sekarang. Konsep lama yang ada dalam manusia telah membentuk sebuah sistem kerja mahupun sistem pemikiran yang menyebabkan kesukaran manusia dalam menerima penemuan baru. Walaupun kebenaran muncul pun tidak berani menerimanya, secara naluri timbul suatu penolakan. Oleh kerana pengaruh konsep tradisional, sekarang tidak ada orang yang menyusun data sebegini secara sistematik, maka pandangan manusia sentiasa tidak dapat sejajar dengan perkembangan, sebaik sahaja anda membincangkan hal sedemikian, meskipun ia belum diterbitkan secara meluas, tetapi sudah ditemui, namun masih ada orang yang mengatakan ini kepercayaan karut, langsung tidak dapat menerimanya.

Di luar negara terdapat ramai ahli sains yang berani telah mengakui secara terbuka bahawa itu adalah satu kebudayaan prasejarah, ia adalah peradaban sebelum peradaban manusia yang ada sekarang ini, iaitu sebelum adanya peradaban sekarang ini masih terdapat tempoh peradaban, bahkan bukan hanya sekali sahaja. Berdasarkan pemerhatian pada benda peninggalan yang digali, semuanya bukanlah hasil produk dari zaman peradaban yang sama. Oleh itu, ia adalah dipercayai bahawa sekian banyak kali peradaban manusia setelah mengalami pemusnahan, hanya sebilangan orang yang masih hidup, menjalankan kehidupan primitif, kemudiannya secara beransur-ansur lahirnya umat manusia yang baru, lalu memasuki peradaban baru. Kemudiannya menuju ke arah pemusnahan, lahirnya lagi umat manusia yang baru, demikianlah ia mengalami perubahan dari zaman demi zaman. Para ahli fizik menyatakan bahawa gerakan material mengikuti hukum tertentu, perubahan seluruh alam semesta kita juga mengikuti hukum tertentu.

Gerakan planet bumi kita, dalam alam semesta yang mahaluas ini, gerakan putaran dalam sistem galaksi ini, adalah mustahil dapat selalu memutar dengan lancar, mungkin ia berlanggar dengan mana satu planet, ataupun berlakunya masalah lain sehingga berlakunya bencana alam yang besar. Dilihat dari perspektif kemampuan Gong kami, memang begitulah ia diaturkan. Pada suatu kali setelah saya menyemak dengan teliti, saya mendapati bahawa umat manusia pernah lapan puluh satu kali berada dalam keadaan musnah secara total, hanya sebilangan kecil orang yang masih hidup, mewariskan sedikit peradaban prasejarah, memasuki zaman berikutan dan menjalani kehidupan primitif. Setelah umat manusia berkembang menjadi banyak, akhirnya wujudnya peradaban lagi. Melalui lapan puluh satu kali perubahan berkala sebegini, saya masih belum selesai menyemak sehingga akhir. Orang China dipercayai ketepatan iklim, keuntungan letak geografi, dan keharmonisan manusia. Perubahan fenomena alam yang berbeza, ketepatan iklim yang berbeza, akan membawa kepada masyarakat manusia biasa keadaan masyarakat yang berbeza. Menurut ilmu fizik, gerakan material ada mengikuti hukum tertentu, gerakan alam semesta juga sama.

Kebudayaan prasejarah yang dihuraikan tadi, terutamanya adalah untuk memberitahu anda bahawa Qi Gong juga bukan ciptaan manusia hari ini. Qi Gong juga

merupakan warisan zaman lalu yang lama, ia juga merupakan satu kebudayaan prasejarah. Di dalam kitab suci juga dapat kita temui sedikit huraian. Sakyamuni pernah menyatakan pada masa itu, dia telah menyempurnakan kultivasi dan memperoleh Tao sejak beberapa ratus juta kalpa¹³ (*jie*) lalu. Satu kalpa itu berapa tahun? Satu kalpa adalah berapa ratus juta tahun, suatu angka yang mahabesar, langsung tidak dapat dibayangkan. Seandainya ini adalah benar, bukankah ini memenuhi sejarah umat manusia dan perubahan planet bumi seutuhnya? Bahkan Sakyamuni juga pernah berkata, sebelum dia masih ada enam Buddha masa lampau, dia masih mempunyai cikgu dan lain-lain, semuanya telah menyempurnakan Xiu Lian dan memperoleh Tao pada beberapa ratus juta kalpa yang lalu. Seandainya semua ini adalah benar, maka kaedah Gong ortodoks, kaedah Gong tulen yang sekarang kita ajar dalam kalangan masyarakat, bukankah memang ada cara Xiu Lian yang sedemikian? Kalau saya yang menjawab, pasti ada, namun jarang dapat dilihat. Kini Qi Gong palsu, Qi Gong tiruan, orang yang mempunyai Fu Ti,¹⁴ menipu orang dengan mereka-reka sembarangan, jumlahnya melebihi Qi Gong asli sehingga susah untuk membezakan antara asli dan palsu. Qi Gong yang benar-benar asli tidak mudah untuk dibezakan, malah ia juga tidak mudah ditemui.

Sebenarnya bukan sahaja Qi Gong adalah peninggalan zaman dahulu kala, Tai Chi, He Tu, Luo Shu, Zhou Yi, Ba Gua dan lain-lain, semuanya adalah peninggalan prasejarah. Oleh itu, apabila kita menyelidikinya dan mengenalinya hari ini dari perspektif manusia biasa, bagaimanapun tidak akan memahaminya. Berdiri pada tingkat di mana manusia biasa berada, perspektif ini, taraf pemikiran ini, tidak akan dapat memahami hal yang sebenar.

Qi Gong adalah Xiu Lian

Memandangkan Qi Gong mempunyai sejarah yang begitu lama, apakah kegunaannya yang sebenarnya? Saya beritahu kalian, kita ini adalah Dafa Xiu Lian dari aliran Buddha, jadi tentunya adalah untuk berkultivasi menjadi Buddha, jadi aliran Tao itu

¹³ Kalpa – satu jangka masa yang berlangsung sebanyak 2 bilion tahun; terma ini digunakan sebagai angka.

¹⁴ Fu Ti – Makhluk yang merasuk.

tentu adalah untuk berkultivasi Tao dan memperoleh Tao. Saya beritahu kalian, terma “Buddha” ini bukanlah kepercayaan karut. Terma “Buddha” ini adalah bahasa Sanskrit, bahasa India purba. Pada waktu ia disebar masuk ke negara China kita terdiri dari dua perkataan, iaitu “Fo Tuo,” ada pula yang menterjemahkannya menjadi “Fu Tu.” Lanjutan penyebarannya, orang China pun menyingkatkannya menjadi satu perkataan, yang dikenali sebagai “Fo.” Apakah ertinya apabila diterjemahkan ke bahasa Cina? Ertinya “Sang Sedar,” iaitu orang yang mencapai kesedaran melalui Xiu Lian. Di sini mana ada kepercayaan karut?

Cuba kalian fikirkan, Xiu Lian boleh menghasilkan kemampuan supernormal. Sekarang dalam dunia ini, terdapat enam kemampuan Gong yang telah diakui, bukan sahaja terhad kepada ini, saya katakan kemampuan Gong yang sebenarnya adalah lebih daripada sepuluh ribu. Seseorang yang duduk di sana, tanpa menggerakkan tangan dan kaki, juga boleh melakukan sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh orang dengan menggunakan tangan dan kaki sekalipun, mampu melihat prinsip sejati alam semesta yang ada pada setiap ruang dimensi, mampu melihat wajah asli alam semesta, mampu melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh manusia biasa. Bukankah ini seorang Xiu Lian yang telah memperoleh Tao? Bukankah dia Sang Maha Sedar? Bolehkah dikatakan dia adalah sama dengan manusia biasa? Bukankah dia seseorang yang telah sedar melalui Xiu Lian? Adakah salah kalau digelar Sang Sedar? Penterjemahan ke bahasa India purba ialah Buddha. Sebenarnya ialah sedemikian, Qi Gong adalah untuk tujuan ini.

Sebaik sahaja membangkitkan Qi Gong, ada yang mengatakan “Kalau tiada penyakit siapa yang ingin berlatih Qi Gong?” Maksud di sebalik ungkapan ini ialah, Qi Gong adalah untuk menyingkirkan penyakit. Ini adalah pemahaman yang dangkal, sangat dangkal. Ini tidak boleh menyalahkan kalian, kerana ramai master Qi Gong yang melakukan hal menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, semua menyatakan tentang menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, tiada sesiapa pun yang mengajar menuju tingkat tinggi. Ini tidak bermaksud kaedah Gong orang lain adalah tidak baik, misi mereka adalah sekadar untuk mengajarkan perkara-perkara yang berada pada tingkat menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, untuk menyebarkan Qi Gong secara umum. Terdapat ramai orang yang ingin Xiu Lian menuju tingkat tinggi, mempunyai

fikiran sedemikian, mempunyai hasrat sedemikian, tetapi Xiu Lian tidak memperoleh Fa, akhirnya menyebabkan kesulitan yang amat besar, dan timbulnya banyak masalah. Sudah tentu benar-benar mengajar Gong pada tingkat tinggi, masalah yang terlibat adalah amat tinggi dan mendalam. Oleh itu, kami berpegang kepada prinsip bertanggungjawab terhadap masyarakat dan manusia, kesan pengajaran Gong adalah baik secara keseluruhan. Sesetengah perkara memang amat tinggi, apabila membincangkannya seolah-olah kepercayaan karut, akan tetapi, kami akan cuba sedaya upaya menjelaskannya dengan menggunakan ilmu sains zaman moden sekarang.

Sesetengah perkara apabila kami bentangkan, ada orang akan mengatakan ia kepercayaan karut. Mengapa? Ini kerana kriteria yang dipegang olehnya ialah apabila sesuatu masih belum dikenali oleh ilmu sains, ataupun dia sendiri masih belum mengenalinya, dia menganggap perkara itu tidak mungkin wujud, maka dia menganggap ia adalah kepercayaan karut, ia adalah idealistik, demikianlah konsep yang dia berpegang kepada. Adakah konsep ini betul? Apa yang masih belum dikenali oleh ilmu sains, masih belum berkembang sehingga tahap itu, boleh dikatakan sebagai kepercayaan karut, adalah idealistik? Bukankah orang ini sendiri telah bertindak dengan mempercayai karut dan bersifat idealistik? Kalau ikut konsep ini, adakah ilmu sains boleh berkembang dan bertambah maju? Masyarakat umat manusia juga tidak dapat bertambah maju. Segala yang dicipta oleh sektor teknologi kami, semuanya tidak pernah muncul dalam generasi terdahulu, semuanya dianggap sebagai kepercayaan karut tentunya tidak perlu adanya perkembangan lagi. Qi Gong juga bukan sesuatu yang idealistik, terdapat ramai orang yang tidak mengenali Qi Gong, maka selalunya menganggap Qi Gong adalah idealistik. Sekarang dengan menggunakan instrumen, telah dapat mengesan kewujudan gelombang infrasonik, gelombang supersonik, gelombang elektromagnetik, sinar infra merah, sinar ultraviolet, sinar gamma, neutron, atom, elemen logam mikro dan lain-lain elemen dalam tubuh badan master Qi Gong, bukankah semua benda ini menunjukkan kewujudan material? Ia juga adalah material. Bukankah segala benda juga terbentuk dari material? Bukankah ruang waktu yang lain juga terbentuk dari material? Bagaimana boleh dikatakan sebagai kepercayaan karut? Memandangkan Qi Gong adalah untuk Xiu Lian, kalau begitu tentu

akan melibatkan banyak masalah yang tinggi dan mendalam, ini semua akan kami bentangkan.

Memandangkan Qi Gong adalah untuk kegunaan ini, mengapakah kita mengelarnya sebagai Qi Gong? Sebenarnya ia bukan “Qi Gong”, apakah gelarannya? Ia digelar “Xiu Lian”, sememangnya Xiu Lian. Sudah tentu, ia masih mempunyai nama spesifik lain, secara keseluruhannya digelar sebagai Xiu Lian. Jadi mengapakah ia digelar sebagai Qi Gong? Kalian tahu, Qi Gong dalam kalangan masyarakat telah disebar secara umum selama lebih dari dua puluh tahun, telahpun bermula sejak tempoh pertengahan “Revolusi Besar Kebudayaan”, dan mencapai puncaknya pada akhir tempoh tersebut. Cuba kalian fikirkan, pada waktu itu ideologi ekstrem kiri amat serius. Kami tidak mengutarakan apakah nama Qi Gong pada zaman kebudayaan prasejarah, dalam perkembangan peradaban manusia zaman sekarang ini, ia telah mengharungi satu masyarakat feodal, jadi akan membawa nama bercorak feodal yang amat kuat. Yang mempunyai hubung-kait dengan agama, sering kali akan membawa nama bercorak agama yang amat kuat. Misalnya, apa “Kaedah Fa Kultivasi Tao”, “Dhyana Vajra”, “Kaedah Arhat”, “Kaedah Fa Kultivasi Buddha”, “Ilmu Sembilan Putaran ‘Dan’ Emas”, semuanya begini. Jika disebutkan pada tempoh masa “Revolusi Besar Kebudayaan”, bukankah anda akan menjadi sasaran kritik? Walaupun hasrat master Qi Gong dalam menyebarkan Qi Gong secara umum adalah bertujuan baik, untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh badan bagi anggota masyarakat secara luas, meningkatkan kualiti tubuh mereka, alangkah bagusnya hal ini, namun itu pun tidak dibenarkan, orang ramai juga tidak berani untuk memakai sebutan itu. Oleh itu, ramai master Qi Gong bagi tujuan menyebarkan Qi Gong secara umum, telah memilih secara konteks dua perkataan dari kitab ‘Dan Jing’ dan ‘Tao Zang’, dan mengelarnya sebagai Qi Gong. Seseengah orang malah telah menyusup ke dalam istilah Qi Gong bagi tujuan penyelidikan, di sini tidak ada apa yang perlu diselidik, dahulunya ia digelar sebagai Xiu Lian. Qi Gong ini hanya adalah istilah baru yang dicipta untuk memenuhi ideologi manusia moden ini.

Berlatih Gong Mengapa Tidak Tingkat Gong

Berlatih Gong mengapa tidak tingkat Gong? Ramai orang mempunyai pendapat sedemikian: “Saya berlatih Gong tetapi tidak memperoleh ajaran tulen, sekiranya mana-mana guru mengajarkan sedikit kemahiran unik, sedikit teknik yang bertingkat tinggi, Gong saya ini tentu dapat tingkat.” Sekarang terdapat sebanyak sembilan puluh lima peratus orang yang mempunyai pemikiran sedemikian, saya berasa sangat lucu. Mengapa lucu? Ini kerana Qi Gong bukan kemahiran manusia biasa, ia adalah sesuatu yang melebihi umum, maka perlu menggunakan prinsip tingkat tinggi untuk mengukurnya. Saya katakan kepada kalian, sebab akarnya Gong tidak dapat meningkat adalah: “Xiu” dan “Lian” dua perkataan ini, ramai orang yang hanya memandang berat pada “Lian”¹⁵ dan tidak memandang berat pada “Xiu”¹⁶. Jika anda meminta dari luar, macam mana pun anda tidak dapat memperoleh. Anda dengan tubuh manusia biasa, dengan tangan manusia biasa, dengan pemikiran manusia biasa, anda ingin mengevolusi material energi tinggi kepada Gong? Lalu meningkatnya Gong? Tidak semudah ini! Menurut saya ini lelucon. Ini adalah sama dengan meminta dari luar, mencari dari luar, selama-lamanya juga tidak akan memperoleh.

Ini tidak serupa dengan kemahiran manusia biasa, anda membayar sedikit wang, belajar sedikit teknik, lalu memahaminya. Ianya bukan begitu, ia adalah sesuatu yang melebihi tingkat di mana manusia berada, oleh itu tuntutan terhadap anda perlu menggunakan prinsip yang supernormal. Bagaimana tuntutan itu? Anda perlu berkultivasi ke dalam, tidak boleh mencari dari luar. Betapa ramai orang yang selalu meminta dari luar, hari ini minta ini, hari esok minta itu, bahkan mendukung keterikatan hati untuk mengejar kemampuan Gong, niat apa pun ada. Ada juga orang yang ingin menjadi master Qi Gong, ingin menyembuhkan penyakit dan menjadi kaya! Kalau benar-benar Xiu Lian, harus Xiu Lian hati anda, ini digelar Xiu Xin Xing. Misalnya, dalam menghadapi konflik antara manusia, kita perlu menangani tujuh perasaan dan enam nafsu, serta berbagai nafsu keinginan dengan tawar. Ketika bersaing dan berebut demi kepentingan diri, anda masih

¹⁵ Lian – Berlatih.

¹⁶ Xiu – Berkultivasi.

ingin meningkatkan Gong, tidak semudah ini! Bukankah anda ini sama dengan manusia biasa? Bagaimana anda dapat tingkatan Gong? Oleh itu anda harus mengutamakan Xiu Lian Xin Xing, Gong anda baru dapat meningkat, tingkat anda baru boleh naik.

Apa itu Xin Xing? Xin Xing merangkumi De (De adalah sejenis material), merangkumi Ren,¹⁷ merangkumi kesedaran, merangkumi kerelaan untuk melepaskan, melepaskan pelbagai nafsu keinginan manusia biasa, pelbagai keterikatan hati, dan harus dapat menanggung penderitaan dan lain-lain, termasuk banyak aspek yang lain. Xin Xing manusia dari segala aspek harus dapat ditingkatkan, dengan demikianlah anda baru dapat benar-benar meningkat ke atas, ini adalah salah satu faktor utama dalam meningkatkan daya Gong.

Ada orang yang berfikir: “Masalah Xin Xing yang anda bincangkan, adalah sesuatu yang bersifat ideologi, hal yang berada pada aspek alam pemikiran manusia, ia tidak sama dengan Gong yang kita latih.” Mengapa ianya tidak sama? Dalam dunia pemikiran kita selalu wujud perdebatan atas isu berkenaan material adalah lebih utama ataupun minda adalah lebih utama. Sebenarnya saya beritahu kalian, material dan minda adalah sama. Dalam membuat penyelidikan berkenaan tubuh manusia, ahli sains kini berpendapat bahawa, fikiran yang terpancar dari otak manusia adalah suatu material. Jadi ia wujud sebagai material, bukankah ia berupa material dalam minda manusia? Bukankah ia adalah sama? Seperti apa yang saya utarakan berkaitan alam semesta, ia mempunyai eksistensi materialnya, dan pada masa yang sama mempunyai eksistensi ciri-cirinya. Ciri-ciri Zhen, Shan, Ren, dalam alam semesta, manusia biasa tidak dapat merasakan eksistensinya, kerana manusia biasa semuanya berada pada tingkat ini. Jika anda melebihi tingkat di mana manusia biasa berada, anda mesti dapat merasakannya. Bagaimana anda dapat merasakannya? Mana-mana material dalam alam semesta ini, termasuk semua material yang merebak memenuhi alam semesta ini semuanya adalah jasad roh dan memiliki fikiran, semuanya adalah bentuk manifestasi Fa alam semesta yang eksis pada tingkat yang berbeza. Ia tidak membenarkan anda meningkat, anda ingin meningkat, memang tidak dapat meningkat, ia memang tidak membenarkan anda meningkat. Mengapa tidak membenarkan

¹⁷

Ren – Sabar; menahan diri; toleran.

anda meningkat? Ini kerana Xin Xing anda tidak meningkat. Setiap tingkat mempunyai taraf yang berlainan, kalau ingin meningkat, anda harus melepaskan pemikiran anda yang tidak baik dan membuang benda kotor yang ada pada anda, berasimilasi dengan permintaan kriteria pada tingkat tersebut, dengan ini baru anda boleh meningkat.

Sebaik sahaja Xin Xing anda meningkat, tubuh anda akan mengalami satu perubahan yang besar. Xin Xing anda meningkat, material dalam tubuh anda tentu akan mengalami perubahan. Perubahan apa? Segala benda tidak baik yang anda kejar atas keterikatan hati, anda akan disingkirkan. Sebagai contoh, sebuah botol diisi penuh dengan benda kotor, menutup penutupnya dengan rapat, dilemparkan ke dalam air, ia mesti akan tenggelam ke dasar. Apabila anda tuang keluar isi kotornya, semakin banyak anda tuang keluar, semakin tinggi akan ia timbul, kalau tuang keluar kesemuanya, ia akan timbul sepenuhnya ke atas. Dalam proses Xiu Lian, kita memang harus menyingkirkan segala benda yang tidak baik pada tubuh kita, dengan demikian barulah anda dapat meningkat, ciri-ciri alam semesta ini memang memainkan peranan sebegini. Jika anda tidak Xiu Lian Xin Xing anda, taraf moral anda tidak meningkat, fikiran yang tidak baik, material yang tidak baik tidak disingkirkan, ia tidak akan membenarkan anda meningkat ke atas, jadi bagaimana anda dapat mengatakan ia bukanlah sama? Kita berkata lawak, seandainya seseorang masih memiliki tujuh perasaan dan enam nafsu manusia biasa, lalu membenarkan dia meningkat ke atas menjadi Buddha, cuba kalian fikirkan mungkinkah? Mungkin saat dia melihat seorang Maha Bodhisattva itu begitu cantik, lalu timbulnya niat yang jahat. Kerana sikap iri hati yang belum disingkirkan, akan timbulnya konflik dengan Buddha, bolehkah hal sebegini berlaku? Macam mana kalau begitu? Anda mesti menyingkirkan segala pemikiran yang tidak baik dalam manusia biasa, dengan demikian barulah anda dapat meningkat ke atas.

Dalam erti kata lain, anda harus mengutamakan Xiu Lian Xin Xing, Xiu Lian berdasarkan ciri-ciri alam semesta Zhen, Shan, Ren, menyingkirkan nafsu keinginan dalam manusia biasa, sifat hati yang tidak baik, dan menyingkirkan niat fikiran untuk berbuat jahat. Asalkan taraf keadaan pemikiran meningkat sedikit, benda buruk dari tubuh sendiri sudah disingkirkan sedikit. Pada masa yang sama, anda harus dapat menahan sedikit

penderitaan, mengalami sedikit kesusahan, melenyapkan sebahagian karma diri sendiri, dengan begitu anda akan dapat meningkat ke atas sedikit, dalam erti kata lain, sekatan ciri-ciri alam semesta terhadap anda sudah tidak begitu kuat. Kultivasi itu terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu. Shi Fu memberikan anda satu Gong yang akan meningkat, Gong ini akan memainkan peranannya, dan selanjutnya mengevolusi material De anda menjadi Gong di luar tubuh anda. Anda kian meningkat, kian Xiu Lian meningkat ke atas, tiang Gong anda juga kian menembus ke atas. Sebagai seorang yang Xiu Lian, anda perlu Xiu Lian sendiri dalam persekitaran manusia biasa, melatih sendiri, beransur-ansur menyingkirkan keterikatan hati dan pelbagai nafsu keinginan. Sesuatu yang umumnya dianggap baik oleh umat manusia, namun bila dilihat dari tingkat tinggi sering dianggap tidak baik. Jadi apa yang dianggap baik oleh orang ramai, makin banyak keuntungan peribadi yang diperoleh dalam kalangan manusia biasa, makin senang kehidupannya, menurut pandangan para Sang Maha Sedar, orang ini makin tidak baik. Tidak baik dari segi apa? Makin banyak yang dia peroleh, makin lebih dia menyakitkan orang lain, memperoleh apa yang dia tidak patut miliki, dia akan mengutamakan nama dan kepentingan, oleh yang demikian dia akan kehilangan De. Kalau anda ingin tingkatkan Gong, anda tidak mengutamakan Xiu Lian Xin Xing, Gong anda langsung tidak akan meningkat ke atas.

Dalam komuniti Xiu Lian kita mengatakan, Yuan Shen¹⁸ manusia tidak akan musnah. Dahulu bila mengatakan Yuan Shen manusia, orang ramai mungkin akan mengatakan ia adalah kepercayaan karut. Kalian tahu ilmu fizik mengkaji tubuh badan manusia kita, terdapat molekul, proton, elektron, dan terus mengkaji sehingga quark, neutrino, dan lain-lain. Sampai ke tahap itu, mikroskop pun sudah tidak mampu melihat lagi. Namun itu masih terpaut jauh dari sumber asal kehidupan dan sumber asal dari material. Kalian tahu pembelahan nuklear memerlukan pelanggaran energi yang cukup besar dan suhu panas yang cukup besar baru boleh menyebabkan ia berlaku perubahan yang besar, baru boleh menyebabkan nuklear dibelahkan. Pada saat manusia meninggal dunia, nuklear yang berada dalam tubuh manusia mana boleh mati begitu sahaja? Oleh itu kami mendapati bahawa apabila seseorang manusia meninggal dunia, ia hanya terjadi pada

18

Yuan Shen – Jiwa prima.

tingkat ruang dimensi kita ini, lapisan elemen molekul terbesar inilah yang telah ditinggalkan, sedangkan di ruang dimensi lain tubuh itu tidak musnah. Coba anda pikirkan, apakah rupa tubuh manusia apabila dilihat di bawah mikroskop? Keseluruhan tubuh manusia adalah bergerak. Anda duduk di sana tidak bergerak, namun seluruh tubuh adalah bergerak, sel-sel molekul sedang bergerak, seluruh tubuh adalah longgar, seperti dibentuk oleh pasir. Beginilah rupa tubuh manusia apabila dilihat di bawah mikroskop, ia berubah secara langsung apabila melihat tubuh manusia menerusi mata kita. Ini adalah kerana pasangan mata yang dimiliki oleh manusia akan menimbulkan satu ilusi kepada anda, tidak membenarkan anda melihat benda-benda ini. Setelah Tian Mu dibuka, boleh melihat secara diperbesar, ini memang merupakan kemampuan asal manusia, sekarang digelar sebagai kemampuan supernormal, jika anda ingin memiliki kemampuan supernormal, maka anda harus balik asal kembali ke jati diri, berkultivasi kembali.

Kita bincangkan De. Apakah perhubungan sebenarnya di antara mereka? Kami menganalisa secara terperinci dan membincangkan. Sebagai manusia, kita mempunyai satu tubuh badan pada banyak ruang dimensi. Sekarang bila kita melihat elemen dalam tubuh manusia, yang terbesar adalah sel, ini adalah tubuh fizikal kita sebagai manusia. Seandainya anda memasuki ruang di antara sel dan molekul, ruang antara molekul dengan molekul, anda akan merasakan bahawa anda telah memasuki ruang dimensi lain. Apakah bentuk eksistensi tubuh itu? Sudah tentu anda tidak boleh menggunakan konsep sedia ada dalam ruang dimensi ini dalam memahaminya, tubuh anda perlu berasimilasi dengan permintaan bentuk untuk bereksistensi dalam ruang dimensi tersebut. Tubuh yang berada dalam ruang dimensi lain sememangnya boleh dibesarkan mahupun dikecilkan, masa itu anda akan mendapati bahawa itu juga merupakan satu ruang yang amat luas. Inilah yang dimaksud dengan eksistensi ruang dimensi lain dalam bentuk yang mudah, ruang dimensi lain yang eksis serentak pada waktu dan tempat yang sama. Di dalam banyak ruang dimensi lain manusia juga memiliki satu tubuh yang spesifik, dan dalam satu ruang dimensi yang spesifik, wujudnya satu medan yang mengelilingi tubuh manusia. Medan apa sebenarnya? Medan ini adalah apa yang kita sebut sebagai De. De adalah suatu material putih, ia bukan seperti apa yang dahulunya kita anggap sebagai benda kepada rohani manusia atau benda kepada ideologi manusia, ia adalah eksistensi material secara sepenuhnya. Oleh sebab itu

dahulunya orang tua berkata mengumpulkan De, atau kehilangan De, ungkapan ini sungguh tepat sekali. De ini ada di sekeliling tubuh manusia, ia membentuk satu medan. Dahulunya aliran Tao mengatakan Shi Fu yang mencari pengikut, bukan pengikut yang mencari Shi Fu. Apa maksud sebenarnya? Dia ingin melihat sama ada kandungan elemen De yang dibawa oleh tubuh pengikutnya itu banyak ataupun tidak, kalau banyak, dia mudah berkultivasi, kalau tidak banyak, dia tidak mudah berkultivasi, dia akan mengalami kesusahan dalam meningkatkan Gong.

Masih ada sejenis material hitam yang juga eksis pada masa yang sama, di sini kita gelarnya sebagai karma, di dalam agama Buddha ia digelar karma buruk. Material putih dan material hitam ini, kedua-duanya eksis pada masa yang sama. Apakah perhubungan di antara kedua-dua material ini? Material De ini diperoleh setelah kita menderita, mengharungi rintangan atau berbuat baik. Malah material hitam itu pula diperoleh setelah seseorang berbuat jahat, melakukan sesuatu yang tidak baik, membuli orang. Sekarang orang ramai bukan sahaja berusaha demi keuntungan peribadi semata-mata, bahkan ada yang tidak segan melakukan segala kejahatan, demi wang, kejahatan apa pun dilakukan, mencederakan dan membunuh orang, menggunakan wang untuk membeli nyawa, homoseksual, menghisap dadah dan sebagainya, bermacam-macam hal lagi. Apabila seseorang melakukan perbuatan yang tidak baik, dia akan kehilangan De dalam dirinya. Bagaimana ia hilang? Ketika orang ini mencaci orang lain, dia akan merasa menang, telah melepaskan marahnya. Dalam alam semesta ini terdapat satu prinsip, iaitu “yang tidak kehilangan tidak akan memperoleh, apabila memperoleh harus mengalami kehilangan”, kalau anda tidak rela mengalami kehilangan, anda akan dipaksa untuk mengalami kehilangan. Siapa yang melakukan peranan ini? Ciri-ciri alam semesta yang melakukan peranan ini, jadi anda tidak boleh hanya ingin memperoleh semata-matanya. Bagaimana? Apabila dia mencaci orang lain, membuli orang lain, dia akan melemparkan De kepada orang lain, sedangkan orang lain ialah pihak yang terkilang, pihak yang mengalami kerugian, pihak yang mengalami penderitaan, maka dia diberi pampasan. Di sini dia mencacinya, semasa dia mencacinya, seketul De-nya akan terbang dari dalam lingkungan ruang medannya, lalu jatuh pada tubuh orang itu. Semakin berat dia mencaci, De yang diberikan kepada orang lain juga semakin banyak. Memukul orang, atau membuli orang lain juga

adalah sama. Dia memukulnya satu kali, menendangnya satu kali, bersamaan dengan berapa berat pukulan orang ini, De yang jatuh ke sana akan sebesar itu pula. Manusia biasa tidak dapat melihat prinsip tingkat ini, dia merasa telah dibuli, dia tidak dapat menahan: “Anda pukul saya, nanti saya mesti pukul balik.” “Pa,” membalasnya dengan satu tumbukan, De ini pun dipulangkan, kedua-dua pun tidak mengalami kehilangan dan tidak memperoleh. Mungkin dia berfikir: “Anda telah memukul saya satu kali, saya akan memukul anda dua kali, kalau tidak rasa marah ini tidak dapat dihembuskan.” Dia pun memukul satu kali lagi, maka dari tubuhnya sendiri keluar seketul De kepada pihak lawan.

Mengapakah De ini dipandang dengan begitu berat? Bagaimanakah perhubungannya apabila De ini mengalami transformasi? Dalam agama dikatakan: “Dengan adanya De ini, jika tidak diperoleh dalam hayat ini, akan diperoleh dalam hayat akan datang.” Apa yang dia peroleh? De dia banyak, mungkin dapat menjadi pegawai pangkat tinggi, menjadi kaya-raya, inginkan apa dapat apa, adalah ditukar dengan menggunakan De ini. Dalam agama juga mengatakan, jika seseorang ini tidak mempunyai De, dia akan mengalami pemusnahan jasad dan roh sepenuhnya. Yuan Shen-nya akan mengalami kemusnahan, saat dia meninggal dunia semuanya akan mati, tidak akan meninggalkan apa pun. Sedangkan komuniti Xiu Lian kita mengatakan bahawa De boleh terus dievolusi menjadi Gong.

Kami huraikan bagaimana De dapat dievolusi menjadi Gong. Dalam komuniti Xiu Lian ada satu ungkapan, iaitu “Kultivasi tergantung kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu.” Namun ada orang yang berkata menyediakan tungku dan bejana, mengumpulkan ubat dan mengolah ‘Dan’¹⁹, serta aktiviti niat fikiran, menurut mereka itu adalah amat penting. Saya beritahu anda, itu tidak penting sama sekali, bahkan akan terjadi keterikatan hati apabila anda terlalu memikirkannya. Apabila anda fikir penting, bukankah anda sudah mengejanya dengan keterikatan hati? Kultivasi itu adalah terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu, anda mempunyai hasrat sebegini sudah mencukupi. Sedangkan yang benar-benar melakukan hal ini, adalah Shi Fu yang melakukannya untuk anda, anda langsung tidak mampu

¹⁹

Dan – Energi yang terkumpul dari ruang dimensi lain.

melakukannya sama sekali. Dengan tubuh manusia biasa, anda sudah mampu mengevolusikan material energi tinggi semacam ini yang membentuk makhluk berjiwa taraf tinggi sebegitu? Jelas hal itu adalah tidak mungkin sama sekali, apabila menyatakannya semua adalah cakap lawak. Proses evolusi tubuh manusia di ruang dimensi lain adalah amat misteri, amat rumit, anda langsung tidak mungkin dapat melakukan hal ini.

Apa yang akan Shi Fu berikan kepada anda? Shi Fu akan memberikan satu Gong yang dapat meningkat. Ini kerana De berada di luar tubuh manusia, Gong manusia yang sebenarnya adalah dihasilkan dari De. Tinggi rendah tingkat seseorang, betapa besar daya Gong-nya, semuanya dihasilkan dari De. Ia mengevolusi De anda menjadi Gong, meningkat ke atas dalam bentuk lingkaran. Gong yang benar-benar menentukan tinggi rendah tingkat seseorang adalah meningkat di luar tubuh, dan akhirnya meningkat dalam bentuk lingkaran sehingga mencapai ubun-ubun lalu membentuk sebatang tiang Gong. Betapa tinggi Gong yang dimiliki oleh seseorang, sepintas pandangan mata sudah dapat melihat betapa tinggi tiang Gong-nya, ini adalah tingkatnya, apa yang digelar sebagai status buah dalam agama Buddha. Sesetengah orang apabila dia bermeditasi, Yuan Shen-nya boleh meninggalkan tubuhnya, sekejap saat dia naik betapa tinggi, kalau hendak meningkat lagi, tidak dapat naik lagi, tidak berani naik lagi. Ini kerana dia naik dengan menduduki tiang Gongnya, jadi dia hanya boleh naik begitu tinggi. Oleh kerana tiang Gongnya hanya begitu tinggi, jikalau lebih tinggi dia pun tidak dapat naik lagi, ini adalah soal status buah yang diutarakan oleh agama Buddha.

Masih terdapat satu pengukur dalam mengukur ketinggian Xin Xing seseorang. Pengukur dan tiang Gong ini tidak eksis di ruang dimensi yang sama, akan tetapi ia pula eksis pada masa yang sama. Apabila Xin Xing anda sudah dikultivasi ke atas, misalnya dalam kalangan manusia biasa, orang lain mencaci anda, dan anda tidak memberi reaksi, hati anda sangat tenang; anda dipukul sekali, anda juga tidak memberi reaksi, hanya senyum sahaja, mengharunginya, Xin Xing anda pun sudah sangat tinggi. Kalau begitu anda adalah seorang yang berlatih Gong, apa yang patut anda peroleh? Bukankah anda peroleh Gong? Xin Xing anda sudah meningkat ke atas, Gong anda juga meningkat ke atas.

Betapa tingginya Xin Xing, maka betapa tingginya Gong, ini adalah satu kebenaran yang mutlak. Dahulunya ada orang yang berlatih Gong di taman, ada juga orang yang berlatih Gong di rumah, berlatih dengan sepenuh hati, sangat khusyuk, berlatih dengan amat bagus. Akan tetapi sebaik sahaja keluar dari rumah dia tidak berupa dia lagi, bertindak mengikut suka hati, dalam kalangan manusia biasa saling bersaing dan berebut demi nama dan kepentingan, adakah Gong-nya dapat meningkat? Langsung tidak dapat meningkat, penyakitnya juga tidak akan sembuh, juga atas sebab ini. Mengapakah ada orang yang berlatih Gong dalam jangka masa panjang namun penyakitnya tidak sembuh? Qi Gong adalah Xiu Lian, adalah sesuatu yang supernormal, bukannya senaman manusia biasa, harus mengutamakan Xin Xing baru dapat menyembuhkan penyakit atau meningkat Gong.

Sesetengah orang menganggap bahawa menyediakan tungku dan bejana, mengumpulkan ubat dan mengolah 'Dan', 'Dan' ini adalah Gong, padahal bukan. 'Dan' ini ia hanya menyimpan sebahagian energi, ianya bukan energi secara keseluruhan. Apakah sebenarnya 'Dan' ini? Kalian tahu, kita masih mempunyai bahagian lain berkenaan kultivasi nyawa, tubuh ini masih perlu menjelma kemampuan Gong, masih lagi terdapat pelbagai jenis kemahiran supernormal. Semua ini sebahagian besarnya adalah terkunci, tidak membenarkan anda menggunakannya. Terdapat banyak kemampuan Gong, mencapai sepuluh ribu lebih jenis kemampuan Gong, terbentuknya satu kunci satu. Mengapa tidak boleh menjelma? Tujuannya adalah supaya anda tidak menggunakannya dalam kalangan masyarakat manusia biasa untuk membuat sesuatu dengan sesuka hati, tidak boleh mengganggu masyarakat manusia biasa sesuka hati, juga tidak boleh menunjukkan kemampuan anda dalam kalangan masyarakat manusia biasa dengan sesuka hati, ini kerana ia akan merosakkan keadaan masyarakat manusia biasa. Terdapat ramai orang yang berkultivasi dalam keadaan mencapai kesedaran, anda menunjukkan semua itu kepadanya, apabila dia melihat ia adalah benar, semua pun datang berkultivasi, orang jahat yang amat sangat pun datang berkultivasi, ini adalah tidak dibenarkan. Tidak boleh membenarkan anda menunjukkan Gong sebegitu, anda juga mudah berbuat jahat, ini kerana anda tidak dapat melihat Yin Yuan Guan Xi-nya, anda tidak dapat melihat hakikatnya, anda merasa anda melakukan sesuatu yang baik, mungkin apa yang anda buat adalah tidak baik, jadi tidak membenarkan anda menggunakannya. Ini kerana sebaik sahaja berbuat jahat, anda

akan terjatuh tingkat, kultivasi menjadi sia-sia, oleh itu banyak kemampuan Gong adalah terkunci. Macam mana ini? Sampai suatu hari pada saat terbukanya Gong dan kesedaran, ‘Dan’ ini akan berupa sebiji bom, ia akan meletup sehingga terbukanya kesemua kemampuan Gong, semua kunci dan ratusan Qiao²⁰ yang ada pada tubuh anda, “Pa!” satu goncangan, kesemuanya diletupkan, inilah kegunaannya. Biksu yang meninggal dunia, setelah pembakaran tubuh akan meninggalkan sarira, ada yang mengatakan itu adalah tulang, gigi. Tetapi mengapa manusia biasa tidak mempunyainya? Itulah ‘Dan’ yang telah meletup buka, energinya telah dilepaskan keluar, ia mengandungi sejumlah besar material yang berasal dari ruang dimensi lain. Bagaimanapun ia juga merupakan benda di mana material bereksisten, namun ia juga tidak mempunyai sebarang kegunaan. Orang kini memandangnya sebagai benda yang sangat berharga, ia memiliki energi, memiliki cahaya yang berkilau, sangat keras, inilah ‘Dan’.

Masih terdapat satu sebab mengapa Gong tidak meningkat, iaitu tidak mengetahui Fa pada tingkat tinggi, jadi tidak dapat Xiu Lian ke atas. Apakah maksud itu? Seperti apa yang baru saya utarakan, sesetengah orang telah berlatih banyak kaedah Gong. Saya beritahu anda, betapa banyak anda belajar juga tidak berguna, juga hanya seorang pelajar sekolah rendah, berupa pelajar sekolah rendah dalam Xiu Lian, semuanya adalah prinsip tingkat rendah. Anda membawa prinsip tingkat rendah sebegini untuk Xiu Lian menuju tingkat tinggi, tidak akan mempunyai sebarang bimbingan. Belajar buku pelajaran sekolah rendah dalam universiti, anda tetap seorang pelajar sekolah rendah, betapa banyak anda belajar juga tidak berguna, malah jadi lebih buruk. Pada tingkat berbeza ada Fa yang berbeza tingkat. Fa pada setiap tingkat berbeza mempunyai peranan bimbingan yang berbeza. Oleh itu anda memegang kepada prinsip tingkat rendah tidak akan dapat membimbing anda Xiu Lian menuju tingkat tinggi. Apa yang akan kita utarakan kelak di sini semuanya adalah prinsip yang akan digunakan untuk Xiu Lian pada tingkat tinggi, saya telah mengabungkan hal-hal dari tingkat yang berbeza, jadi ia akan berperanan sebagai pembimbing dalam Xiu Lian anda kelak. Saya mempunyai beberapa jilid buku, dan juga pita audio, pita video, dari semua ini anda akan mendapati, selepas anda membaca dan mendengar satu kali, berselang suatu masa kemudian anda membaca dan mendengar

20

Qiao – Lubang; titik akupunktur pada tubuh menurut sebutan aliran Tao.

sekali lagi, pastinya masih dapat membimbing anda. Anda juga sedang meningkatkan diri sendiri secara berterusan, ia akan mempunyai bimbingan terhadap anda secara berterusan, ini adalah Fa. Huraian di atas adalah dua sebab berlatih Gong mengapa tidak meningkat Gong: tidak mengetahui Fa pada tingkat tinggi, maka tidak mempunyai Fa untuk berkultivasi; tidak berkultivasi ke dalam, tidak Xiu Lian Xin Xing, maka Gong tidak meningkat. Inilah dua sebabnya.

Keistimewaan Falun Dafa

Falun Dafa kita adalah salah satu dari lapan puluh empat ribu aliran Fa yang ada dalam aliran Buddha, dan dalam zaman peradaban manusia sekarang ini tidak pernah diajarkan secara terbuka, akan tetapi, pada suatu masa zaman prasejarah dahulu pernah menyelamatkan manusia secara meluas. Saya mengajarkan Fa ini pada masa terakhir zaman akhir ini, jadi ia adalah amat berharga. Saya telah mengutarakan suatu bentuk evolusi De yang berubah terus menjadi Gong. Sebenarnya Gong bukannya hasil dari latihan, ia adalah hasil dari kultivasi. Ramai orang yang mengejar peningkatan Gong, hanya mengutamakan cara berlatih, namun tidak mengutamakan cara kultivasinya. Sebenarnya Gong adalah hasil daripada kultivasi Xin Xing. Kalau begitu mengapakah kami juga mengajar orang berlatih Gong? Pertama sekali, kami bincangkan mengapakah biksu tidak berlatih Gong? Dia mengutamakan meditasi, membaca kitab suci, berkultivasi Xin Xing, dengan demikian Gong dia pun meningkat, dia akan tingkat Gong-nya secara tinggi atau rendah pada tingkatnya. Oleh kerana Sakyamuni mengutarakan agar melepaskan segala yang ada di dunia, termasuk Ben Ti,²¹ jadi tidak perlukan sebarang bentuk gerakan apa pun. Aliran Tao tidak utarakan menyelamatkan segala makhluk hidup secara universal, orang yang dia hadapi, kalau bukan mempunyai pelbagai mentaliti, pelbagai tingkat, berupa segala macam orang, ada yang sangat mementingkan diri, ada yang tidak begitu mementingkan diri. Dao memilih pengikutnya, mencari tiga orang pengikut, dan mestinya salah satu daripada mereka yang menerima ajaran tulen, ditakdirkan pengikut ini memiliki De yang tinggi, yang baik, dan tidak akan menimbulkan masalah. Jadi dia menitikberatkan

²¹

Ben Ti – Tubuh fizikal seseorang.

pengajaran teknik latihan, untuk kultivasi tubuh badan. Berlatih kuasa supernatural dan jenis teknik supernormal lain, dan ini memerlukan sedikit pergerakan fizikal.

Falun Dafa juga merupakan kaedah Gong yang berkultivasi ganda pada minda dan tubuh badan, maka ia memerlukan pergerakan untuk berlatih. Salah satu aspek pergerakan adalah untuk memperkuat kemampuan Gong. Apakah maksud memperkuat? Ia adalah memperkuat kemampuan Gong anda dengan menggunakan daya Gong anda yang besar, makin lama harus makin kuat. Selain itu di dalam tubuh anda masih perlu mengevolusikan pelbagai makhluk berjiwa. Xiu Lian sampai tingkat yang tinggi, menurut aliran Tao, Yuan Ying akan dilahirkan, aliran Buddha mengatakan tubuh Vajra yang tidak akan rosak, dan masih perlu mengevolusikan pelbagai jenis teknik supernormal. Ini semuanya perlu dilatih dan dievolusi melalui teknik latihan, pergerakan adalah untuk melatih semua ini. Satu set kaedah Gong berkultivasi ganda pada minda dan tubuh badan yang lengkap bermaksud anda perlu berkultivasi, dan perlu berlatih. Saya rasa kalian sudah memahami macam mana Gong ini terjelma, Gong yang benar-benar menentukan tinggi rendahnya tingkat anda, bukannya diperoleh menerusi latihan sama sekali, ia adalah diperoleh menerusi kultivasi. Ia adalah dalam proses kultivasi anda, anda meningkatkan Xin Xing anda dalam kalangan manusia biasa, berasimilasi dengan ciri-ciri alam semesta ini, ciri-ciri alam semesta ini pun tidak menyekat anda lagi, dan anda pun dapat meningkat ke atas. De ini pun mulai berevolusi menjadi Gong, seiring dengan meningkatnya taraf Xin Xing anda, ia pun meningkat ke atas, beginilah perhubungannya.

Kaedah Gong kita ini, adalah benar-benar tergolong dalam kultivasi berganda pada minda dan tubuh badan, Gong yang kita latih terkumpul di dalam setiap sel tubuh kita, sehingga kandungan elemen partikel yang merupakan sumber asal material yang wujud dalam kondisi ekstrem mikroskopis, semuanya turut menyimpan Gong yang bermaterial energi tinggi itu. Seiring dengan daya Gong anda yang semakin tinggi, kepadatannya semakin besar, dan kuasanya juga akan semakin besar. Material energi tinggi sebegini mempunyai sifat kerohanian, ini kerana ia disimpan dalam setiap sel dalam tubuh manusia, sehingga ke sumber asal nyawa, lama-kelamaan ia akan membentuk formasi yang sama dengan sel tubuh anda, dan juga sama dengan susunan urut molekul, sama dengan bentuk

atom. Tetapi intipatinya pula sudah berlaku berubah, sudah bukan tubuh badan yang terbentuk dari sel fizikal asal, bukankah anda sudah tidak berada di dalam lima elemen? Sudah tentu Xiu Lian anda masih belum selesai, anda masih Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, jadi penampilan luar masih berupa seperti manusia biasa, satu-satunya perbezaan ialah anda terlihat jauh lebih muda berbanding dengan orang yang seusia dengan anda. Sudah tentu, mula-mulanya anda perlu menyingkirkan atau membersihkan segala benda yang tidak baik dalam tubuh anda, termasuk penyakit. Akan tetapi, di sini kami tidak menyembuhkan penyakit, kami membersihkan tubuh badan, istilahnya juga bukan menyembuhkan penyakit, kami gelar membersihkan tubuh badan, membersihkan tubuh badan orang yang benar-benar Xiu Lian. Ada sebahagian orang yang datang untuk menyembuhkan penyakit. Pesakit yang sangat tenat, kami tidak membenarkan dia masuk kelas belajar, kerana dia tidak dapat melepaskan hatinya dari keinginan untuk menyembuhkan penyakit, dia tidak dapat melepaskan fikiran yang merasa dirinya berpenyakit. Dia telah sakit tenat, sangat sengsara, dapatkah dia melepaskannya? Dia tidak dapat Xiu Lian. Kami menekankan sekali lagi, kami tidak menerima pesakit yang sakit tenat, di sini adalah untuk Xiu Lian, amat jauh berbeza dengan apa yang dia fikirkan, dia boleh cari master Qi Gong lain untuk melakukan hal ini. Sudah tentu terdapat banyak pelatih memang berpenyakit, kerana anda adalah orang yang benar-benar Xiu Lian, kami akan melakukan hal ini untuk anda.

Pelatih Falun Dafa kita yang telah Xiu Lian satu tempoh masa, dari permukaan nampak perubahan yang sangat besar, kulit berubah menjadi halus dan lembut, putih kemerah-merahan, bagi yang berusia tinggi kedut pada kulitnya akan menjadi kurang, bahkan amat kurang sekali, hal semacam ini adalah suatu fenomena yang umum. Di sini saya tidak bercakap dengan melebih-lebihkan, banyak pelatih lama kita yang hadir di sini juga tahu tentang hal ini. Di samping itu wanita yang telah lanjut usia bahkan akan datang bulan lagi, ini kerana kaedah Gong yang berkultivasi ganda pada minda dan tubuh badan, memerlukan energi menstruasi untuk kultivasi tubuh badan anda. Akan datang bulan, tetapi tidak banyak, pada peringkat sekarang ini sedikit itu juga sudah cukup, ini juga adalah suatu fenomena yang umum. Kalau tidak, tanpa ia bagaimana anda dapat berkultivasi tubuh badan? Lelaki juga sama, yang lanjut usia dan yang muda belia semua akan merasa

tubuhnya menjadi ringan. Orang yang benar-benar Xiu Lian, anda akan dapat merasai perubahan sebegini.

Kaedah latihan Gong kita ini sangat luas, tidak seperti kaedah Gong lain yang berlatih dengan meniru gerakan haiwan. Kaedah Gong ini memang berlatih dengan mahaluas. Prinsip yang diajarkan oleh Sakyamuni dan Lao Zi²² pada masa itu, semuanya adalah prinsip yang berada dalam lingkungan galaksi kita. Apakah yang dilatih oleh Falun Dafa kita? Kita Xiu Lian berdasarkan prinsip evolusi alam semesta, berdasarkan ciri-ciri tertinggi alam semesta - Zhen, Shan, Ren sebagai kriteria yang membimbing kita Xiu Lian. Kita telah berlatih dengan sesuatu yang demikian besar, sama dengan berlatih alam semesta.

Falun Dafa kita masih memiliki satu ciri yang paling unik dan tidak sama dengan semua kaedah Gong yang lain. Sekarang Qi Gong yang popular dalam kalangan masyarakat semuanya adalah kepunyaan sistem Dan, iaitu melatih 'Dan'. Qi Gong yang berlatih Dan jika ingin mencapai terbuka Gong dan terbuka kesedaran dalam kalangan manusia biasa adalah amat sukar. Falun Dafa kita tidak mengikuti sistem Dan. Kaedah Gong kita ini ialah Xiu Lian sebuah Falun di bahagian perut bawah kita, dalam kuliah ini saya sendiri yang memasangnya pada pelatih. Semasa saya mengutarakan Falun Dafa, saya akan memasang Falun pada anda semua secara berterusan, ada yang dapat merasa, ada yang tidak. Kebanyakan orang dapat merasa, kerana kecergasan fizikal tubuh setiap orang adalah tidak sama. Kita berlatih Falun, tetapi bukan berlatih Dan. Falun adalah miniatur alam semesta, memiliki segala kemampuan Gong dari alam semesta, ia dapat bergerak dengan automatik dan berputar. Ia akan berputar selama-lamanya di bahagian perut bawah anda, sebaik sahaja dipasang pada anda, tidak akan berhenti lagi, sepanjang tahun berputar sebegini selamanya. Pada saat ia berputar searah dengan jarum jam, secara automatik akan menyerap energi dari alam semesta, ia sendiri juga boleh mengevolusi energi untuk disalurkan kepada setiap bahagian tubuh anda yang memerlukan energi untuk tujuan evolusi. Pada masa yang sama, pada saat ia berputar berlawanan arah jarum jam, ia akan memancarkan energi, setelah sisa-sisa material disingkir keluar, ia akan hilang di sekitar

22

Lao Zi – Pendiri kultivasi aliran Tao negara China.

tubuh badan. Ketika ia memancarkan energi, ia akan dipancar dengan amat jauh, dan membawa masuk kembali energi yang baru. Energi yang ia pancar keluar akan memberi manfaat kepada orang yang berada di sekeliling anda. Aliran Buddha mengutarakan menyelamatkan diri sendiri dan menyelamatkan orang lain, menyelamatkan segala makhluk hidup secara universal, bukan sahaja harus berkultivasi diri, malah harus menyelamatkan segala makhluk hidup secara universal, orang lain juga turut mendapat manfaat, dan secara tidak sengaja dapat menyelaraskan tubuh orang lain, menyembuhkan penyakit dan lain-lain. Sudah tentu energi itu tidak akan hilang, apabila Falun berputar searah dengan jarum jam, ia sendiri akan menyerap kembali, ini kerana ia sentiasa berputar dan tidak berhenti.

Ada orang yang berfikir: “Mengapakah Falun ini dapat sentiasa berputar tanpa berhenti?” Juga ada orang yang bertanya kepada saya: “Mengapakah ia boleh berputar? Apakah prinsipnya?” Apabila energi berkumpul dengan banyak boleh membentuk Dan, ini mudah difahami, tetapi bila Falun berputar ini tidak dapat dibayangkan.” Saya beri kalian satu contoh, alam semesta ini sedang bergerak, semua galaksi di dalam alam semesta, semua sistem planet juga sedang bergerak, sembilan planet besar mengorbit mengelilingi matahari, planet bumi masih mengorbit atas paksinya sendiri. Cuba kalian fikirkan, siapa yang mendorongnya? Siapa yang telah memberikan tenaga kepadanya? Anda tidak boleh menggunakan konsep manusia biasa untuk memahaminya, ia memang adalah suatu mekanisme putaran. Dan Falun kami juga adalah seperti ini, ia memang berputar. Ia telah mengatasi masalah berlatih Gong manusia biasa dalam kehidupan normal manusia biasa, dan telah meningkatkan masa untuk berlatih Gong. Bagaimana ia meningkat? Ini kerana ia berputar tanpa berhenti, tidak berhenti menyerap energi dari alam semesta dan mengevolusi energi. Apabila anda bekerja, ia melatih anda. Sudah tentu bukan hanya Falun sahaja, kami juga akan memasang pelbagai fungsi mekanis, sistem mekanis pada tubuh anda, yang juga membawa bersama Falun yang berputar secara automatik, berevolusi secara automatik. Maka, Gong ini secara keseluruhannya mengevolusikan manusia secara automatik, dengan demikian terbentuklah sejenis "Gong yang melatih manusia", yang juga digelar sebagai "Fa melatih manusia". Apabila anda tidak berlatih Gong, Gong akan melatih anda. Apabila anda berlatih Gong, Gong juga sedang melatih anda. Anda selalu

berada dalam proses evolusi Gong baik pada saat anda makan, tidur mahupun bekerja. Lalu apa gunanya anda berlatih Gong? Anda berlatih Gong untuk memperkuat Falun, memperkuat semua fungsi mekanis dan mekanisme energi yang telah saya pasang pada anda. Apabila Xiu Lian pada tingkat tinggi, semuanya adalah Wu Wei,²³ gerakannya juga berjalan mengikuti mekanisme, tidak ada sebarang bentuk pengarahannya niat fikiran, dan juga tidak mementingkan pernafasan dan lain-lain.

Latihan kita juga tidak mensyaratkan waktu mahupun tempat berlatih Gong. Ada orang yang berkata, waktu bilakah yang terbaik untuk berlatih Gong? Tengah malam, di waktu pagi atau siang tengah hari? Kita tidak menetapkan waktu, pada waktu tengah malam anda tidak berlatih Gong, Gong melatih anda. Pada waktu pagi anda tidak berlatih Gong, Gong juga sedang melatih anda. Bila anda tidur, Gong juga sedang melatih anda. Bila anda berjalan, Gong juga sedang melatih anda. Bila anda bekerja, Gong juga masih melatih anda. Bukankah ini telah secara besar memendekkan masa untuk anda berlatih Gong? Ramai orang di antara kita mendukung satu keinginan untuk benar-benar memperoleh Tao, sudah tentu itu adalah tujuan untuk Xiu Lian, tujuan utama untuk Xiu Lian adalah memperoleh Tao, mencapai kesempurnaan. Akan tetapi terdapat sebahagian orang dalam masa hayatnya, usianya sudah sangat terhad, tidak semestinya mencukupi, Falun Dafa kita dapat mengatasi masalah ini, dengan memendekkan proses latihan Gong. Pada masa yang sama, ia juga merupakan kaedah Gong yang berkultivasi ganda pada minda dan tubuh badan. Apabila anda berlatih secara bertungkus-lumus, ia akan memanjangkan nyawa anda secara berterusan, anda berlatih secara berterusan, ia akan dipanjangkan secara berterusan, orang yang bawaan dasarnya baik namun usianya agak tinggi, masa yang diperlukan untuk berlatih Gong pun sudah mencukupi. Akan tetapi terdapat suatu piawaian, oleh kerana nyawa anda telah melampaui takdir, melewati jadual hidup anda yang asal, nyawa yang dipanjangkan pada hari kemudian adalah secara keseluruhannya digunakan untuk anda berlatih Gong, seandainya fikiran anda menyimpang sedikit pun, akan membahayakan nyawa anda, kerana jadual hidup anda sudah terlewat sebelum ini. Kecuali anda telah memasuki Xiu Lian di luar Fa duniawi, tidak terikat oleh ini lagi, pada masa itu sudah berupa satu kondisi yang lain.

²³

Wu Wei – Tanpa niat; membiarkan segala sesuatu menempuh jalannya sendiri.

Kita tidak mengatakan arah untuk berlatih Gong dan juga tidak mengatakan cara untuk menamatkan Gong. Ini kerana Falun sentiasa berputar tanpa berhenti, dan juga tidak dapat dihentikan. Bila ada panggilan telefon, ada orang yang mengetuk pintu, anda dengan segeranya pergi menangani urusan anda, juga tidak perlu menamatkan Gong. Apabila anda menangani urusan anda, dengan segeranya Falun akan berputar searah dengan jarum jam, dengan serta-merta menyerap kembali energi yang terpancar di luar tubuh anda. Sebaliknya apabila meraup Qi untuk diisikan ke tubuh dengan secara sengaja, ia juga akan hilang tak kira bagaimana anda meraupnya. Falun adalah benda yang mempunyai sifat kerohanian, ia sendiri tahu cara melakukan hal itu. Kita juga tidak mengatakan arah, ini kerana seluruh alam semesta juga sedang bergerak, galaksi sedang berputar, sembilan planet besar sedang berputar mengelilingi matahari, planet bumi masih mengorbit atas paksinya sendiri. Kita berlatih dengan berdasarkan prinsip alam semesta yang begitu luas, dimanakah timur, selatan, barat, utara? Tidak ada. Berlatih menghadap arah mana, juga adalah berlatih menghadap ke semua arah, berlatih menghadap ke arah mana, juga sama seperti berlatih menghadap ke arah timur, selatan, barat, utara. Falun Dafa kita akan melindungi pelatih supaya tidak timbul penyimpangan. Bagaimana cara melindungi? Apabila anda benar-benar menjadi seorang yang Xiu Lian, Falun kami akan melindungi anda. Akar saya sudah terpancang pada alam semesta, siapa yang mampu menggoyahkan anda, juga mampu menggoyahkan saya, secara terus terang, dia juga mampu menggoyahkan alam semesta ini. Apa yang telah saya katakan terdengar seperti sangat misteri, kelak bila anda terus belajar, anda akan dapat mengertinya. Masih ada hal lain, hal yang terlalu tinggi saya tidak dapat mengutarakan. Kami akan secara sistematik menghuraikan Fa pada tingkat tinggi dengan bermula dari yang mudah sehingga makin mendalam. Jika Xin Xing anda tidak tegak, itu tidak boleh, apabila anda meminta sesuatu, mungkin itu akan menimbulkan masalah. Saya mendapati ramai pelatih lama yang bentuk Falun-nya telah berubah. Mengapa? Ini kerana anda telah berlatih dengan mencampurkan benda yang lain, anda telah mengambil benda orang lain. Kalau begitu mengapakah Falun tidak melindungi anda? Sesuatu yang telah diberikan kepada anda, bererti sudah menjadi milik anda, dan ia akan dikendali menerusi pemikiran anda. Apa yang anda inginkan, tidak ada seorang pun yang akan menghiraukan, ini adalah prinsip alam semesta ini. Bila anda sudah tidak ingin berkultivasi lagi, tidak ada

siapa pun yang dapat memaksa anda untuk berkultivasi, itu adalah sama dengan berbuat jahat. Siapakah yang dapat memaksa anda untuk mengubah hati anda? Anda haruslah mematu diri anda sendiri. Mendapatkan manfaat daripada pelbagai aliran, dengan mengambil segala benda dari siapa saja, hari ini berlatih Gong ini, hari esok berlatih Gong itu, dengan tujuan untuk menyingkirkan penyakit anda, adakah penyakit itu berjaya disingkirkan? Tidak disingkirkan, hanya telah menunda ke belakang untuk anda. Xiu Lian pada tingkat tinggi, perlu mengutarakan isu berspesialisasi tunggal, harus berpegang teguh pada satu aliran sahaja untuk berkultivasi, apabila telah Xiu Lian pada satu aliran, harus sepenuh hati mengikuti aliran itu, sampai mencapai terbuka Gong dan terbuka kesedaran dalam aliran tersebut, sesudah itu anda baru boleh beralih ke kaedah Gong yang lain untuk berkultivasi lagi, itu sudah berupa seperangkat sistem lain yang berbeza. Ini kerana seperangkat sistem yang benar-benar diwariskan, adalah merupakan peninggalan yang telah melewati zaman yang sangat panjang, ia juga merupakan satu proses evolusi yang sangat rumit. Ada orang yang berlatih Gong dengan mengikut perasaannya, perasaan anda dikira apa? Itu tidak berupa apa-apa sama sekali. Proses evolusi yang sebenarnya terjadi pada ruang dimensi yang lain, sangat rumit dan misteri, sedikit kekurangan pun tidak boleh, bagaikan satu instrumen ketepatan akan menjadi rosak sebaik sahaja ia dipasangkan dengan komponen yang berjenis lain. Kesemua tubuh anda yang berada di berbagai ruang dimensi sedang mengalami perubahan yang luar biasa misteri, kurang sedikit pun tidak boleh. Bukankah sudah saya katakan kepada anda, kultivasi itu terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu. Apabila anda mengambil benda orang lain dengan sesuka hati, mencampurkan masuk, dan membawa informasi yang lain, akan mengganggu benda dalam aliran Fa ini, niscaya terjadi penyimpangan pada anda, bahkan akan terpapar pada masyarakat manusia biasa, dan akan membawa masalah kepada manusia biasa, ini adalah sesuatu yang anda sendiri inginkan, orang lain pun tidak boleh campur tangan, ini adalah soal kualiti kesedaran. Di samping itu benda yang anda campurkan telah mengakibatkan Gong anda menjadi kacau-bilau, anda sudah tidak dapat berkultivasi lagi, akan terjadinya masalah sebegini. Saya juga bukannya meminta anda harus belajar Falun Dafa. Anda tidak belajar Falun Dafa, dan anda telah memperoleh ajaran tulen dari kaedah Gong yang lain, itu saya juga setuju. Akan tetapi saya beritahu anda, benar-benar Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, mestilah berpengkhususan tunggal. Ada

suatu hal yang juga perlu saya sampaikan kepada anda: untuk masa sekarang ini tidak ada orang kedua yang benar-benar mengajar Gong menuju tingkat tinggi, kecuali saya seorang. Kelak anda akan tahu apa yang telah saya lakukan untuk anda, jadi diharap kualiti kesedaran anda juga jangan terlalu rendah. Ada ramai orang yang ingin Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, sedangkan kesemuanya ini telahpun berada di hadapan anda, mungkin anda masih belum sempat bereaksi, anda mencari guru dari sini sana, membayar betapa banyak wang, anda juga tidak akan menemuinya. Hari ini telah dihantarkan ke pintu rumah anda, mungkin anda masih belum mengenalinya! Ini adalah isu sama ada anda menyedarinya, ia juga merupakan isu sama ada anda dapat diselamatkan ataupun tidak.

Ceramah 2

Isu Berkenaan Tian Mu

Ramai master Qi Gong juga pernah menceritakan sedikit sebanyak mengenai keadaan Tian Mu,²⁴ akan tetapi, Fa pada tingkat berbeza mempunyai bentuk manifestasi yang berbeza. Orang yang Xiu Lian mencapai tingkat tertentu, dia hanya dapat melihat keadaan pada tingkat itu sahaja, kebenaran yang melampaui tingkat tersebut dia tidak dapat melihat, dan juga tidak percayai, maka dia menganggap apa yang dia lihat pada tingkatan di mana dirinya berada barulah benar. Apabila dia belum Xiu Lian sampai tingkat setinggi itu, dia menganggap semua itu adalah tidak wujud, tidak boleh dipercayai, ini adalah ditentukan oleh tingkatannya, pemikirannya juga tidak dapat meningkat ke atas. Dengan kata lain, dalam isu Tian Mu manusia ini, ada orang yang mengatakan begini, ada orang yang mengatakan begitu, akibatnya amat mengelirukan, akhirnya tiada sesiapa pun yang mampu menerangkannya dengan jelas. Sebenarnya Tian Mu ini bukan merupakan sesuatu yang boleh dijelaskan pada tingkat rendah. Sebelum ini, oleh kerana struktur Tian Mu merupakan rahsia di antara rahsia, manusia biasa tidak dibenarkan untuk mengetahuinya, oleh itu sepanjang tempoh sejarah tidak ada orang yang membicarakannya. Sedangkan kami di sini juga tidak berbicara berdasarkan teori lama, kami menggunakan ilmu sains moden, dan bahasa moden yang paling mudah difahami untuk menjelaskannya secara terbuka, serta membicarakan isu asasnya.

Apa yang kita sebut sebagai Tian Mu, pada asasnya adalah posisi yang berada di antara kedua-dua kening manusia sedikit ke atas yang menyambung dengan kelenjar pineal, ini adalah saluran utama. Masih ada banyak mata pada tubuh, aliran Tao mengatakan setiap Qiao adalah satu mata. Aliran Tao memanggil titik akupunktur pada tubuh sebagai Qiao, perubatan Cina memanggilnya sebagai titik akupunktur. Aliran Buddha mengatakan setiap pori peluh adalah satu mata, maka ada orang yang membaca dengan menggunakan telinga, ada juga yang menggunakan tangan, menggunakan bahagian belakang kepala untuk

²⁴

Tian Mu – Mata langit; mata ketiga.

melihat, ada juga yang menggunakan kaki untuk melihat, menggunakan perut untuk melihat, ini semuanya boleh.

Berbicara mengenai Tian Mu, kami mula dengan mengatakan pasangan mata fizikal manusia kita ini. Sekarang ada orang yang menganggap bahawa pasangan mata ini dapat melihat segala material, segala benda dalam dunia kita ini. Oleh itu sebahagian orang telah tertimbul sejenis pemikiran yang degil, mereka menganggap benda yang dapat dilihat dengan menerusi mata barulah benar-benar wujud, yang tidak dapat lihat mereka pun tidak percaya. Dahulunya orang semacam ini selalu dianggap memiliki kualiti kesedaran yang kurang baik, sesetengah orang juga tidak dapat menjelaskan mengapakah kualiti kesedarannya kurang baik. Yang tidak dapat lihat tidak percayai, bila terdengar ungkapan ini juga sangat masuk akal. Akan tetapi jika dilihat dari tingkat yang lebih tinggi sedikit, ia sudah tidak masuk akal. Mana-mana ruang dimensi, semuanya adalah terbentuk dari material, sudah tentu ruang waktu yang berbeza mempunyai struktur material yang berbeza, mempunyai berbagai bentuk manifestasi dari makhluk berjiwa yang berbeza.

Saya beri satu contoh kepada kalian, dalam agama Buddha, ia mengatakan bahawa segala fenomena masyarakat manusia adalah ilusi, adalah tidak benar. Mengapakah dikatakan ilusi? Benda yang secara nyata terletak di tempat itu, siapa yang boleh mengatakan ia itu palsu? Bentuk eksistensi benda adalah sedemikian, namun bentuk kewujudannya bukanlah sedemikian. Sedangkan mata kita pula mempunyai sejenis kemampuan Gong, ia dapat menetapkan benda yang berada pada ruang dimensi material kita ini pada kondisi seperti yang dilihat oleh kita sekarang. Sebenarnya kondisinya bukanlah sebegini, dalam ruang dimensi kita ini kondisinya juga bukan sebegini. Misalnya apakah rupanya kita melihat manusia di bawah mikroskop? Seluruh tubuh berupa satu struktur yang longgar, terbentuk dari molekul kecil, sama seperti pasir, berbentuk zarah, bergerak, elektron bergerak mengelilingi nukleus, seluruh tubuh sedang bergeliat-geliat dan bergerak. Permukaan tubuh bukanlah licin mengilat, ia adalah tidak teratur. Segala benda apa pun di alam semesta ini, keluli, besi mahupun batu adalah sama, semua elemen molekul yang berada di dalamnya adalah bergerak, bentuk keseluruhannya anda pun tidak dapat melihat, sebenarnya ia juga tidak stabil. Meja ini pun sedang bergerak secara geliat-

geliut, namun mata pula tidak dapat melihat kebenarannya, pasangan mata ini dapat memberi manusia sejenis ilusi.

Bukannya kita tidak mampu melihat benda dalam kondisi mikroskopis, bukannya manusia tidak memiliki kemampuan ini, tetapi sebenarnya manusia sudah memiliki kemampuan sebegini sejak lahir, dia mampu melihat benda dalam kondisi mikroskopis tertentu. Akan tetapi setelah manusia memiliki pasangan mata dalam ruang fizikal ini, ia memberikan manusia satu gambaran palsu sebegini, menyebabkan manusia tidak dapat melihat. Oleh itu dahulu dikatakan, manusia tidak mengakui apa yang tidak dilihat, dan sepanjang sejarah komuniti Xiu Lian orang sebegini dianggap tidak memiliki kualiti kesedaran yang baik, terpesona oleh ilusi manusia biasa, tersesat dalam kalangan manusia biasa, ungkapan ini adalah ungkapan yang diutarakan dalam agama sepanjang sejarah, dan menurut pendapat kami sebenarnya ia adalah masuk akal juga.

Pasangan mata ini dapat menjadikan benda yang berada pada ruang fizikal ini ditetapkan pada kondisi sebegini, selain itu, ia sudah tidak memiliki apa-apa kemampuan besar lagi. Apabila manusia melihat benda, imejnya bukanlah terbentuk secara langsung pada mata, mata berupa kanta kamera, hanya berfungsi sebagai sejenis alat sahaja. Apabila melihat pada jarak jauh, kanta kamera akan menjulur panjang, mata kita juga berfungsi sebegini. Apabila melihat pada tempat gelap, pupil mata akan membesar, apabila kamera menangkap gambar di tempat gelap, diafragma juga perlu diperbesarkan, jika tidak, paparan pencahayaan tidak akan mencukupi, semua adalah hitam. Apabila keluar ke tempat yang sangat terang, pupil mata harus menyusut dengan segera, jika tidak, pandangan menjadi silau, apa pun tidak dapat dilihat dengan jelas, kamera juga mempunyai prinsip sama, diafragma juga perlu menyusut. Ia hanya dapat mengambil gambar benda, ia hanyalah sejenis alat. Apabila kita benar-benar melihat sesuatu benda, melihat seseorang, melihat bentuk eksistensi satu benda, imejnya adalah terbentuk di dalam otak. Iaitu melihat melalui mata manusia, dan selanjutnya dihantar menerusi saraf optik ke kelenjar pineal yang berada di bahagian belakang otak, dan menyebabkan ia memaparkan imej tersebut di kawasan ini. Dengan kata lain, paparan imej yang sebenarnya untuk melihat sesuatu benda,

adalah bahagian kelenjar pineal otak kita, ilmu perubatan moden juga telah mengerti perkara ini.

Apa yang kita katakan berkenaan pembukaan Tian Mu ialah menghindar dari saraf optik, membuka satu saluran yang menembus ke luar di antara kedua-dua kening manusia, agar kelenjar pineal dapat melihat ke luar secara langsung, ini adalah apa yang dikatakan sebagai pembukaan Tian Mu. Ada orang yang berfikir: “Ini juga tidak realistik, walaubagaimanapun pasangan mata ini masih dapat berfungsi sebagai alat, ia dapat menangkap imej benda, tanpa mata juga tidak boleh.” Dalam anatomi perubatan moden telah mendapati, bahagian depan kelenjar pineal ini, ia memiliki struktur jaringan mata yang dimiliki oleh manusia. Oleh kerana ia tumbuh di bahagian dalam tengkorak otak manusia, maka ia dikatakan sebagai mata yang telah merosot. Sama ada ia adalah mata yang telah merosot, komuniti Xiu Lian kita masih berpegang kepada pandangan yang konservatif. Akan tetapi bagaimanapun juga ilmu perubatan moden telah mengenali bahawa terdapatnya sebiji mata di bahagian tengah otak kepala manusia. Saluran yang kami buka adalah tepat mengarah ke titik ini, tepat bersesuaian dengan pemahaman ilmu perubatan moden. Mata ini tidak seperti pasangan mata fizikal kita ini yang membentuk gambaran palsu kepada manusia, ia dapat melihat sifat asal sesuatu benda dan kejadian, dapat melihat sifat asal sesuatu material. Oleh itu seseorang yang memiliki tingkat Tian Mu yang sangat tinggi, dia dapat melihat ruang waktu lain menerusi ruang dimensi kita, dapat melihat pemandangan yang tidak dapat dilihat oleh manusia biasa. Seseorang yang tingkatnya tidak tinggi boleh memiliki daya tembus, melihat benda di sebalik dinding, melihat tembus tubuh manusia, dia memiliki kemampuan Gong sebegini.

Aliran Buddha berbicara tentang lima penembusan: Penembusan mata fizikal, penembusan mata surga, penembusan mata bijak, penembusan mata Fa dan penembusan mata Buddha. Ini adalah lima tingkat besar Tian Mu, dan setiap tingkat masih terbahagi kepada atas, tengah dan bawah. Aliran Tao berbicara tentang sembilan kali sembilan yang bererti lapan puluh satu tingkat mata Fa. Di sini kami buka Tian Mu anda, tetapi tidak dibuka di bawah penembusan mata surga. Mengapa? Walaupun anda sudah duduk di sini dan mula Xiu Lian, akan tetapi anda sememangnya baru mula melangkah dari manusia

biasa, mempunyai banyak keterikatan hati manusia biasa yang masih belum dilepaskan. Kalau dibuka pada tingkat penembusan mata surga ke bawah, anda akan timbul sesuatu yang dianggap oleh manusia biasa sebagai kemampuan supernormal, anda dapat melihat benda di sebalik dinding, melihat tembus tubuh manusia. Jika kami menyebarkan kemampuan Gong ini secara meluas, setiap orang dibuka sampai tahap ini, ia akan mengganggu kehidupan masyarakat manusia biasa secara serius dan merosakkan kondisi masyarakat manusia biasa. Bahkan rahsia sulit negara juga tidak dapat dipertahankan, manusia berpakaian atau tidak pun terlihat sama sahaja. Orang yang berada di dalam bilik, anda yang berada di luar juga dapat lihat, saat berjalan-jalan di luar dan melihat kupon hadiah, hadiah pertama mungkin juga anda perolehi, hal sebegini adalah tidak dibenarkan! Cuba kalian fikirkan, jika setiap orang telah dibuka Tian Mu pada tingkat penembusan mata surga, adakah itu masyarakat manusia? Fenomena yang mengganggu masyarakat manusia secara serius adalah tidak dibenarkan wujud sama sekali. Seandainya saya benar-benar membuka Tian Mu anda sehingga tingkat ini, mungkin anda akan jadi master Qi Gong dengan segera. Ada orang yang sejak dahulu memang ingin jadi master Qi Gong, bila saat ini dia benar-benar telah dibuka Tian Mu, kebetulan sekali boleh digunakan untuk mengubati penyakit orang. Bukankah dengan demikian saya telah membawa anda ke jalan sesat?

Jadi sampai tingkat mana yang saya buka Tian Mu anda? Saya akan terus buka sehingga tingkat penembusan mata bijak ini. Jika dibuka pada tingkat yang tinggi, Xin Xing anda tidak mencukupi, sebaliknya jika dibuka pada tingkat yang rendah, ia akan merosakkan kondisi masyarakat manusia biasa dengan serius. Dengan pembukaan pada penembusan mata bijak, anda tidak dilengkapi dengan kemampuan melihat benda dari sebalik dinding mahupun melihat tembus tubuh manusia, akan tetapi anda pula dapat melihat eksistensi pemandangan di ruang dimensi lain. Apakah manfaatnya ini? Ia dapat memperkuat keyakinan anda dalam berlatih Gong, anda secara nyata dapat melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh manusia biasa, anda akan merasa ia adalah benar-benar wujud. Sekarang sama ada anda dapat melihat dengan jelas ataupun tidak, Tian Mu anda akan dibuka sehingga tingkat ini, ini adalah bermanfaat terhadap latihan Gong anda.

Orang yang benar-benar berkultivasi Dafa, yang ketat menghendakikan diri dalam peningkatan Xin Xing, dengan membaca buku ini juga akan mendatangkan hasil yang sama.

Faktor apa yang menentukan tingkat Tian Mu seseorang? Bukannya setelah Tian Mu anda dibuka, anda pun dapat melihat segalanya, bukan sedemikian, ia masih mempunyai klasifikasi pada tingkatan. Kalau begitu apa yang menentukan tingkatan ini? Ada tiga faktor: Faktor pertama ialah Tian Mu seseorang dari bahagian dalam sehingga ke luar mestilah mempunyai satu medan, kami menyebutnya sebagai intipati Qi. Apakah fungsinya? Ia berupa lapisan layar fluoresens televisyen, jikalau tanpa serbuk fluoresens, setelah televisyen dibuka, ia hanya berupa satu mentol lampu sahaja, hanya mempunyai cahaya, tidak mempunyai imej gambar. Oleh kerana adanya serbuk fluoresens, ia baru dapat menayangkan imej gambar. Sudah tentu contoh ini masih tidak begitu tepat. Oleh kerana kita melihatnya secara langsung, ia dipapar menerusi lapisan layar fluoresens, lebih kurang sebegitulah maksudnya. Intipati Qi yang sedikit ini adalah amat bernilai, ia adalah terbentuk daripada sesuatu yang lebih bernilai yang diolah dari De. Sering kali intipati Qi yang dimiliki oleh setiap orang adalah tidak sama, di dalam sepuluh ribu orang mungkin hanya dapat cari dua orang yang berada pada tingkat yang sama.

Tingkat Tian Mu secara langsung adalah merupakan manifestasi Fa dalam alam semesta kita ini. Ia adalah sesuatu yang supernormal, mempunyai hubungan yang sangat erat dengan Xin Xing seseorang, apabila Xin Xing seseorang adalah rendah, tingkat yang dia berada pun rendah. Oleh kerana Xin Xing rendah, maka intipati Qi-nya yang sedikit ini akan melesap dengan banyak, sebaliknya orang yang mempunyai Xin Xing yang amat tinggi, sejak kecil hingga dewasa, di dalam masyarakat manusia biasa, dia memandang hambar terhadap nama, keuntungan, konflik di antara manusia, kepentingan peribadi, tujuh perasaan dan enam nafsu, intipati Qi mungkin dapat dipelihara dengan lebih baik, oleh itu selepas Tian Mu-nya dibuka, dia pun mampu melihat dengan lebih jelas. Kanak-kanak yang berusia enam tahun ke bawah, mampu melihat dengan amat jelas selepas Tian Mu dibuka, ia juga mudah dibuka, dengan sepatah kata sahaja sudah dapat dibuka.

Dalam arus besar masyarakat manusia biasa, dalam cecairan kolam limbah raksasa, sesuatu yang dianggap betul oleh orang ramai, sebenarnya kebanyakannya adalah salah. Bukankah manusia selalu menginginkan dirinya memiliki kehidupan yang baik? Jika menginginkan kehidupan yang baik, mungkin perlu memudaratkan kepentingan orang lain, mungkin akan menyebabkan tumbuhnya sifat mementingkan diri, mungkin akan mengambil milik keuntungan orang lain, membuli orang lain dan mencederakan orang lain. Demi kepentingan peribadi, saling berebut dan bersaing dalam kalangan manusia biasa, bukankah ini sudah bertentangan dengan ciri-ciri alam semesta? Jadi apa yang dianggap betul oleh manusia, ia tidak semestinya betul. Apabila mendidik anak-anak kecil, sering kali orang dewasa untuk memastikan kelak dia dapat berdiri tegak dalam kalangan masyarakat manusia biasa, sejak kecil pun sudah mendidiknya: “Kamu mesti belajar cerdik sedikit.” “Cerdik” ini apabila dilihat dalam konteks alam semesta kita ini sudah pun salah, ini kerana prinsip kita mengutarakan ikut keadaan secara wajar, harus memandang hambar terhadap kepentingan peribadi. Dia begitu cerdik kerana ingin mengejar kepentingan peribadi. “Siapa sahaja yang telah membuli kamu, kamu cari cikgunya, cari ibu bapanya”, “Kalau terlihat duit kamu mesti pungut”, demikianlah dia dididik. Apabila kanak-kanak ini menerima perkara sebegini secara banyak sejak kecil hingga dewasa, secara perlahan-lahan sifat kepentingan dirinya dalam kalangan masyarakat manusia biasa akan bertambah besar, dia akan mengambil keuntungan atas kerugian orang lain, dia akan kehilangan De.

Material De seperti ini, setelah hilang ia tidak akan lesap, ia akan dipindahkan kepada orang lain, namun intipati Qi seperti ini ia akan hilang melesap. Jika seseorang itu sangat cerdik dan licik sejak kecil hingga dewasa, sangat mengutamakan kepentingan peribadinya, berusaha demi keuntungan semata-matanya, sering kali Tian Mu orang ini walaupun telah dibuka pun tidak dapat berfungsi, tidak dapat melihat dengan jelas, namun ini pun tidak bererti ia tidak dapat berfungsi untuk selama-lamanya. Mengapa? Ini kerana dalam proses Xiu Lian kita memang harus balik ke asal kembali ke jati diri, dengan berlatih Gong secara berterusan, ia akan kembali pulih secara berterusan, memulihkannya semula. Maka Xin Xing harus diutamakan, kami mengutarakan peningkatan secara menyeluruh, meningkat secara menyeluruh. Sebaik sahaja Xin Xing meningkat, yang lain juga turut

meningkat ke atas. Jika Xin Xing tidak meningkat ke atas, intipati Qi dari Tian Mu itu pun tidak dapat kembali pulih, beginilah prinsipnya.

Faktor kedua adalah ketika anda sendiri berlatih Gong, jika dasar bawaan seseorang itu adalah baik, Tian Mu-nya juga dapat dilatih buka. Sering kali sesetengah orang yang baru sahaja terbuka Tian Mu-nya, akan terperanjat. Mengapa terperanjat? Ini kerana kebiasaannya seseorang yang berlatih Gong selalu memilih waktu sunyi pada tengah malam. Saat dia berlatih, tiba-tiba kelihatan sebiji mata besar di hadapan matanya, lalu dia terperanjat. Bukan main terperanjatnya, sejak itu dia pun tidak berani berlatih lagi. Alangkah menakutkan! Sebiji mata yang begitu besar, berkelip-kelip memandang, amat jelas sekali. Oleh itu ada orang yang memanggilnya mata iblis, ada juga yang memanggilnya mata Buddha dan sebagainya, sebenarnya ia adalah mata anda sendiri. Sudah tentu, kultivasi itu terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu. Keseluruhan proses evolusi Gong seseorang yang Xiu Lian adalah satu proses yang sangat rumit di ruang dimensi yang lain, bahkan bukan hanya satu ruang dimensi lain sahaja, tetapi pada kesemua ruang dimensi, tubuh pada berbagai ruang dimensi semuanya sedang mengalami perubahan. Adakah anda sendiri mampu berbuat demikian? Anda tidak mampu. Hal ini semuanya adalah Shi Fu yang mengaturkan, Shi Fu yang melakukan, maka ia dikatakan kultivasi itu terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung pada Shi Fu. Anda sendiri hanya mempunyai hasrat sebegini, berfikir sebegini, dan hal seperti ini sebenarnya adalah Shi Fu yang melakukan.

Ada sesetengah orang yang berlatih sendiri sehingga Tian Mu-nya terbuka, kita katakan itu mata anda, tetapi anda sendiri tidak mampu mengevolusikannya. Ada orang yang mempunyai Shi Fu, Shi Fu melihat Tian Mu anda telah terbuka, lalu mengevolusikan sebiji mata untuk anda, itu disebut mata sejati. Sudah tentu, ada sesetengah orang yang tidak mempunyai Shi Fu, namun terdapat seorang Shi Fu yang berjalan lalu. Aliran Buddha mengatakan: “Tiada tempat yang tanpa kehadiran Buddha, di mana pun ada, bilangannya banyak sampai tahap sebegini”, ada juga orang yang mengatakan: “Tiga kaki di atas kepala ada Dewa”, maksudnya terlalu banyak jumlahnya. Shi Fu yang berjalan lalu terlihat anda telah berlatih dengan cukup baik, Tian Mu sudah pun dibuka, hanya kurang sebiji mata,

lalu mengevolusikan sebiji untuk anda, ini juga dikira hasil latihan anda sendiri. Ini kerana menyelamatkan manusia adalah tanpa syarat, tanpa balasan, tanpa ganjaran, tidak mengira nama, ia adalah jauh lebih tinggi daripada tokoh teladan dalam kalangan manusia biasa, ini semuanya adalah tertimbul dari hati yang berbelas kasihan.

Setelah Tian Mu seseorang itu dibuka, akan timbul satu kondisi: menjadi amat silau akibat cahaya, terasa mencolok mata. Sebenarnya ia tidak merangsang mata anda, tetapi merangsang kelenjar pineal anda, anda terasa seolah-olah mencolok mata. Itu kerana anda masih belum memiliki mata sejati ini, setelah anda dipasang mata sejati ini, anda tidak akan terasa mencolok mata lagi. Sesetengah orang di antara kita akan dapat merasakan dan melihat mata ini. Ini kerana ia adalah sama ciri dengan alam semesta, ia sangat polos, juga sangat ingin tahu, ia juga melihat ke arah dalam, melihat sama ada Tian Mu anda sudah buka ataupun belum, boleh melihat ataupun tidak, ia juga menoleh ke dalam untuk melihat anda. Pada masa ini, Tian Mu anda juga sudah dibuka, ia sedang melihat anda, anda akan terperanjat apabila tiba-tiba melihatnya. Sebenarnya ini adalah mata sejati anda sendiri, kelak bila anda hendak melihat sesuatu, anda akan melihatnya melalui mata sejati ini, tanpa memiliki mata sejati ini anda langsung tidak dapat melihat, walaupun Tian Mu sudah dibuka pun tidak dapat melihat.

Faktor ketiga adalah penerobosan tingkatan yang menunjukkan manifestasi yang berbeza dari berbagai ruang dimensi, ini adalah isu yang benar-benar menentukan tingkatan seseorang. Selain adanya saluran utama untuk melihat sesuatu, manusia masih mempunyai banyak saluran sekunder. Aliran Buddha mengatakan bahawa setiap pori peluh adalah satu mata. Aliran Tao mengatakan, seluruh Qiao pada tubuh badan adalah mata, iaitu semua titik akupunktur adalah mata. Sudah tentu apa yang dia maksudkan adalah disebabkan oleh satu bentuk evolusi Fa pada tubuh badan, yakni tidak ada bahagian yang tidak boleh melihat.

Tingkat yang kami maksudkan adalah berbeza dengan yang ini. Selain dari saluran utama, di antara kedua-dua kening, di atas kelopak mata, di bawah kelopak mata dan

beberapa bahagian di titik Shan Gen²⁵ masih terdapat beberapa saluran sekunder yang penting. Kesemuanya itu menentukan soal penerobosan tingkat. Sudah tentu orang yang Xiu Lian pada umumnya, jika mampu melihat melalui beberapa bahagian ini, tingkat yang diterobos oleh orang ini sudah amat tinggi. Ada sesetengah orang mata fizikalnya juga dapat melihat, dia telah berjaya kultivasi mata fizikalnya, dan juga dilengkapi dengan berbagai bentuk kemampuan Gong. Akan tetapi jika mata ini tidak dikuasai dengan baik, dia selalu dapat melihat sesuatu objek tetapi tidak dapat melihat objek yang lain, ini juga tidak boleh, oleh itu seringkalinya sesetengah orang menggunakan satu mata untuk melihat ke sana, satu mata melihat ke sini. Sedangkan bahagian bawah mata ini (mata kanan) tidak mempunyai saluran sekunder, ini kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan Fa, apabila manusia membuat sesuatu yang tidak baik, mereka suka menggunakan mata kanan, oleh itu di bahagian bawah mata kanan tidak mempunyai saluran sekunder. Ini adalah beberapa saluran sekunder penting yang terbentuk dalam Xiu Lian Fa duniawi.

Apabila mencapai tingkat ekstrem tinggi, selepas mencapai Xiu Lian di luar Fa duniawi, masih akan terbentuk sejenis mata yang berupa mata kompaun, iaitu di bahagian teratas pada seluruh muka akan terbentuknya sebiji mata yang besar, di dalamnya mempunyai berbilangan mata kecil. Ada sesetengah Sang Maha Sedar yang bertingkat tinggi memiliki mata yang sangat banyak yang terhasil dari Xiu Lian, seluruh muka pun ada. Semua mata tersebut pun melihat menerusi mata besar ini, dapat melihat apa yang ingin dilihat, dengan sekali pandang sahaja sudah dapat melihat semua tingkat yang ada. Sekarang para ilmuwan zoologi²⁶ dan entomologi²⁷ melakukan kajian ke atas lalat. Mata lalat amat besar, apabila dilihat dengan mikroskop, di dalamnya terdapat berbilangan mata kecil yang digelar sebagai mata kompaun. Apabila mencapai tingkat ekstrem tinggi mungkin akan berlaku kondisi semacam ini, mungkin hanya akan berlaku pada tingkat yang jauh lebih tinggi dari tingkat Tathagata. Akan tetapi manusia biasa pula tidak dapat melihat, yang berada pada tingkat biasa juga tidak dapat melihat kewujudannya, hanya dapat melihat sama seperti manusia normal, ini kerana ia berada pada ruang dimensi lain.

²⁵ Titik Shan Gen (shan ken) – Sebuah titik akupunktur yang terletak di pertengahan antara dua kening mata sedikit ke atas.

²⁶ Zoologi – Ilmu pengetahuan tentang haiwan.

²⁷ Entomologi – Ilmu pengetahuan tentang serangga.

Ini adalah huraian tentang penerobosan tingkat, iaitu isu kemampuan menembus setiap ruang dimensi.

Pada dasarnya saya telah menghuraikan struktur Tian Mu kepada anda. Kami menggunakan kuasa luar untuk membuka Tian Mu anda, jadi ia datang dengan lebih cepat, lebih mudah. Apabila saya sebut Tian Mu, setiap orang di antara kita akan berasa penguncupan pada bahagian dahi masing-masing, otot dahi terasa seperti mengerut, dan mengerut menyusup ke dalam. Adakah sedemikian? Memang sedemikian. Asalkan seseorang itu benar-benar bertenang untuk belajar Falun Dafa di sini, setiap orang akan mempunyai perasaan sedemikian, bahkan tenaganya agak kuat, menyondol ke dalam. Kami memancarkan Gong yang khusus untuk membuka Tian Mu anda, pada masa yang sama, juga memancarkan Falun untuk memperbaikinya. Apabila kami mengatakan Tian Mu, asalkan anda seorang yang Xiu Lian Falun Dafa, kami akan membuka Tian Mu setiap orang, akan tetapi bukan semestinya setiap orang dapat melihat dengan jelas, dan juga bukan semestinya setiap orang dapat melihat, ini mempunyai hubungan langsung dengan diri anda. Tidak mengapa, anda tidak dapat melihat tidak mengapa, Xiu Lian secara perlahan-lahan. Seiring dengan peningkatan tingkat anda secara berterusan, anda akan dapat melihat secara beransur-ansur, dari tidak dapat melihat dengan jelas beransur-ansur dapat melihat dengan jelas. Asalkan anda Xiu Lian, saat anda bertekad untuk berkultivasi, apa yang anda telah hilang semuanya akan dipulihkan semula.

Membuka Tian Mu secara sendiri adalah lebih sukar. Saya huraikan membuka Tian Mu secara sendiri ada berapa jenis. Misalnya apabila sesetengah orang dalam kalangan kita bermeditasi dan memerhati dahinya, memerhati Tian Mu, dia akan terasa gelap gelita pada dahinya, tidak ada apa-apa pun. Lama-kelamaan, dia terasa dahinya semakin putih. Setelah Xiu Lian untuk satu tempoh masa, dia mendapati dahinya menjadi semakin terang, selanjutnya akan menjadi kemerahan. Sampai saat ini ia akan menjadi mekar, seperti apa yang dapat dilihat dalam wayang atau televisyen, semua bunga berkembang dalam sekelip mata, akan tertimbulnya kanta ini. Pada mulanya warna merah itu adalah rata, sekejap ia mengembung dari bahagian tengah dan tidak berhenti berputar. Jika anda ingin

memutarnya secara sendiri sepenuhnya, lapan hingga sepuluh tahun juga amat sukar, ini kerana seluruh Tian Mu adalah tersumbat sepenuhnya.

Ada juga orang yang Tian Mu-nya tidak tersumbat sepenuhnya, dia memiliki saluran, akan tetapi oleh kerana dia tidak berlatih Gong, dan juga tidak mempunyai energi, jadi apabila dia berlatih Gong tiba-tiba di depan matanya akan muncul satu benda yang berbentuk bulat dan hitam. Setelah lama berlatih Gong, ia akan beransur-ansur menjadi putih, dari putih sehingga menjadi semakin terang, akhirnya kian lama kian terang, agak terasa menyilaukan mata. Sesetengah orang pun berkata: “Saya terlihat matahari, saya terlihat bulan.” Sebenarnya anda tidak terlihat matahari, juga tidak terlihat bulan. Jadi apa yang telah anda lihat? Ia adalah saluran anda sendiri. Ada sesetengah orang yang menembus tingkat dengan lebih cepat, setelah dipasangkan mata langsung dapat melihat. Ada sesetengah orang pula amat sukar, dia akan menyusuri saluran ini, seperti sebuah terowong, ada juga yang seperti perigi, sebaik sahaja berlatih Gong seolah dirinya berlari ke luar, bahkan apabila tidur pun akan berasa dirinya berlari ke luar. Ada yang terasa berlari dengan menunggang kuda, ada yang sedang menerbang, ada yang sedang berlari, ada yang seolah-olah dirinya duduk di dalam kereta sedang merempuh ke luar, namun selalunya merasa tidak dapat mencapai hujung, ini kerana membuka Tian Mu dengan usaha sendiri adalah amat sukar. Aliran Tao memandang tubuh manusia sebagai satu alam semesta kecil, jika ia adalah satu alam semesta kecil, cuba anda fikirkan, dari dahi hingga ke kelenjar pineal tidak kurang dari seratus lapan ribu Li,²⁸ jadi dia selalu terasa menembus ke luar, tetapi tidak dapat sampai ke hujung.

Aliran Tao menganggap tubuh manusia sebagai satu alam semesta kecil, ini adalah sangat masuk akal. Bukannya bermaksud struktur komposisinya adalah sangat mirip dengan alam semesta, juga bukannya mengatakan bentuk eksistensi tubuh kita di dalam ruang material ini. Yang kami maksudkan ialah, sejauh mana pemahaman ilmu sains moden terhadap kondisi tubuh fizikal yang lebih kecil daripada sel badan? Berbagai komponen molekul, yang lebih kecil daripada molekul ialah atom, proton, nukleus, elektron, quark, dan sekarang menurut kajian zarah yang paling kecil ialah neutrino. Jadi,

28

Li - Unit jarak yang digunakan pada zaman kuno China, satu Li = ½ km..

apakah zarah yang paling kecil sekali? Kalau ingin mengkaji ia adalah amat sukar. Sakyamuni pada usia senjanya telah menyatakan sedemikian, beliau berkata: “Besarnya tanpa sempadan, kecilnya tanpa dalaman.” Apakah maksudnya? Pada tingkat di mana Tathagata berada ini, besar, sehingga tidak dapat melihat penghujung alam semesta; kecil, sehingga tidak dapat melihat zarah terkecil dalam material, jadi dia berkata: “Besarnya tanpa bahagian luar, kecilnya tanpa bahagian dalam.”

Sakyamuni juga telah mengutarakan teori “tiga ribu dunia.” Dia mengatakan dalam alam semesta kita ini, di dalam galaksi kita ini, ada tiga ribu planet yang mempunyai penghuni yang memiliki tubuh fizikal seperti umat manusia kita ini. Dia turut mengatakan dalam sebutir pasir juga masih terdapat tiga ribu dunia seperti ini. Sebutir pasir berupa seperti satu alam semesta, di dalamnya masih terdapat manusia yang mempunyai kebijaksanaan seperti kita ini, ada planet seperti ini, dan juga ada gunung dan sungai. Apabila terdengar berasa amat misteri! Kalau begini, cuba kalian fikirkan, di dalamnya itu bukannya juga masih ada pasir? Di dalam pasir itu bukannya juga masih ada tiga ribu dunia? Jadi di dalam tiga ribu dunia itu bukannya masih ada pasir, dan di dalam pasir itu bukannya masih ada tiga ribu dunia lagi. Jadi pada tingkat Tathagata ini adalah tidak dapat melihat sampai dasar akhirnya.

Sel molekul manusia juga sama. Orang ramai tanya berapa luasnya alam semesta ini? Saya beritahu anda, sebenarnya alam semesta ini mempunyai pinggirnya. Namun pada tingkat Tathagata ini, pun masih melihatnya sebagai tanpa pinggir dan tanpa batas, besar tak terhingga. Sedangkan bahagian dalam tubuh manusia, dari molekul hingga ke partikel mikroskopis adalah sama luas dengan alam semesta ini, apabila terdengar berasa amat misteri. Dalam membentuk seorang manusia, satu kehidupan, elemen kehidupannya yang unik dan asas penting sudah terbentuk di bawah ekstrem mikroskopis. Oleh itu ilmu sains moden kita dalam mengkaji bidang ini, masih jauh ketinggalan, bila berbanding dengan kehidupan yang mempunyai kebijaksanaan tingkat tinggi dari planet yang wujud dalam seluruh alam semesta, tahap sains and teknologi manusia kita adalah agak rendah. Bahkan ruang dimensi lain yang eksis secara serentak dalam waktu dan tempat yang sama pun kita tidak mampu menembusnya, sedangkan piring terbang dari planet luar dapat bergerak

secara langsung dalam ruang dimensi lain, konsep ruang waktu itu pun telah berlaku perubahan, jadi ia dapat datang ataupun beredar mengikut keinginannya, laju sehingga tidak dapat diterima oleh konsep manusia.

Kami menjelaskan Tian Mu maka kami bincangkan isu ini, oleh kerana ketika anda berlari menuju ke luar di dalam saluran, anda akan merasakan bahawa ia adalah tanpa pinggir dan tanpa batas. Ada juga orang yang mungkin terlihat satu situasi yang berlainan: Dia akan merasa bahawa dia bukannya berlari menyusuri satu terowong, tetapi sedang berlari menuju ke depan dengan menyusuri sebuah jalan besar yang tidak mempunyai pinggir dan batas, sebelah tepi kedua-dua jalan besar terdapat gunung, sungai dan kota, dan terus berlari ke luar, apabila terdengar berasa lebih misteri. Saya teringat ada seorang master Qi Gong yang menyatakan bahawa di dalam satu pori peluh manusia terdapat sebuah kota, di dalamnya terdapat kereta api dan kereta yang berlalu-lalang. Orang lain yang terdengar berasa amat terkejut, amat misteri. Anda semua tahu, material pada tingkat mikroskopis terdiri dari molekul, atom, proton, bila terus mengkaji ke bawah, jika pada setiap lapisan itu anda dapat melihat permukaan lapisan tersebut, dan bukannya satu titik, mampu melihat permukaan lapisan molekul, permukaan lapisan atom, permukaan lapisan proton, permukaan lapisan nukleus, maka anda pun dapat melihat bentuk eksistensi pada ruang dimensi yang berbeza. Segala apa benda termasuk tubuh manusia semuanya adalah eksis secara serentak dengan tingkatan ruang dimensi dari ruang alam semesta, dan saling berhubungan. Ilmu fizik moden kita dalam mengkaji zarah-zarah material, hanya mengkaji satu zarah sahaja, menganalisanya dan membelahnya, selepas pembelahan nuklear baru mengkaji elemennya. Sekiranya terdapat instrumen sebegini yang dapat digunakan, untuk melihat pada tingkatnya, seluruh manifestasi dari semua elemen atom ataupun elemen molekul yang ada pada tingkat ini, jika dapat melihat pemandangan ini, ia bererti anda telah menembus ruang dimensi ini, dan dapat melihat kebenaran yang wujud di ruang dimensi lain. Tubuh manusia adalah saling berpadanan dengan ruang dimensi luar, ia wujud dalam bentuk eksistensi sedemikian.

Membuka Tian Mu dengan usaha sendiri masih mempunyai beberapa kondisi yang berlainan, kami terutamanya telah menghuraikan beberapa fenomena yang agak umum.

Ada juga orang yang terlihat Tian Mu sedang berputar, orang yang berlatih Gong aliran Tao seringkali terlihat bahagian dalam Tian Mu berputar, apabila piringan Tai Chi “Pah” meretak buka, dia pun dapat melihat imej gambar. Akan tetapi itu bukan bererti di dalam otak anda ada Tai Chi, ia adalah seperangkat sistem yang dipasang oleh Shi Fu sejak awal untuk anda, salah satu di antaranya adalah Tai Chi, ia telah menutup Tian Mu anda, sehingga saat Tian Mu anda terbuka, ia pun meretak buka. Shi Fu yang mengatur untuk anda secara khusus, bukannya berasal dari dalam otak anda.

Ada juga sebahagian orang yang mengejar agar Tian Munya terbuka, tetapi makin berlatih makin tidak terbuka, apakah sebabnya? Dia sendiri pun tidak jelas. Sebab yang paling utama ialah Tian Mu tidak boleh dikejar, makin dikejar makin tidak dapat. Apabila makin dikejar, bukan sahaja ia tidak akan terbuka, malah dari bahagian dalam Tian Mu akan melimpah ke luar sejenis bahan yang bukan hitam dan juga bukan putih, ia akan menutupi Tian Mu anda. Selepas masa yang panjang, ia akan membentuk satu medan yang besar, makin melimpah makin banyak. Makin Tian Mu tidak terbuka, makin mengejanya, bahan ini akan melimpah makin banyak, akhirnya menyelubungi seluruh tubuhnya, bahkan ia akan menjadi sangat tebal, dan membentuk satu medan yang sangat besar. Sekiranya Tian Mu orang ini benar-benar terbuka, dia juga tidak dapat melihat, ini kerana dia telah dibaluti oleh keterikatan hatinya sendiri. Kecuali di kemudian hari dia tidak lagi membebani fikirannya dengan keinginan itu lagi, apabila melepaskan keterikatan hati ini secara menyeluruh, ia akan melesap hilang secara perlahan-lahan, namun ia perlu melewati satu proses Xiu Lian yang amat menderita dan amat panjang baru boleh menyingkirkannya, ini adalah sangat tidak diperlukan. Ada orang yang tidak mengetahui hal ini, Shi Fu memberitahu dia jangan mengejar, jangan mengejar, tetapi dia tidak percaya, asyik mengejanya, dan akhirnya memperoleh hasil yang sebaliknya.

Kemampuan Gong 'Clairvoyance'

Sejenis kemampuan Gong yang mempunyai perhubungan secara langsung dengan Tian Mu ialah ‘Clairvoyance’²⁹. Ada orang yang berkata: Saya duduk di sini boleh melihat

²⁹

Clairvoyance – Kemampuan menerawang; kemampuan melihat jarak jauh.

pemandangan di Beijing, boleh melihat pemandangan di Amerika Syarikat, boleh melihat bahagian sana dari planet bumi ini. Ada orang yang tidak dapat memahaminya, dari sudut ilmu sains juga tidak dapat memahaminya, mengapa boleh begini? Ada orang yang menjelaskan sebegini, menjelaskan sebegini, namun tidak dapat menjelaskannya secara masuk akal, menganggap mana mungkin manusia boleh memiliki kemampuan sehebat ini. Bukan sebegini, orang yang Xiu Lian pada tingkat Fa duniawi tidak memiliki kemampuan seperti ini. Apa yang dia lihat, termasuk kemampuan Clairvoyance, termasuk berbagai kemampuan supernormal, semuanya hanya dapat berfungsi di dalam satu ruang dimensi yang spesifik, yang paling maksimum juga tidak melewati ruang material di mana umat manusia hidup ini, secara umumnya juga tidak melampaui medan ruang dimensi dirinya sendiri.

Tubuh kita dalam satu ruang dimensi yang spesifik mempunyai satu medan, medan ini adalah tidak sama dengan medan dari De, bukan dari satu ruang yang sama, namun lingkungan medannya adalah sama besar. Medan ini mempunyai satu hubungan yang berpadanan dengan alam semesta, benda yang ada di alam semesta, di dalam medan ini ia juga akan dipancarkan semula di sini, semuanya boleh dipancarkan semula. Ia adalah sejenis imej, ia bukanlah benar. Misalnya di planet bumi ada Amerika Syarikat, ada Washington, di dalam medannya juga akan terpancar satu Amerika Syarikat, terpancar satu Washington, namun ia adalah bayangan. Namun bayangan juga merupakan sejenis eksistensi material, ia adalah hubungan berpadanan yang dipancarkan semula, berubah mengikut perubahan di sana, jadi apa yang disebut oleh sesetengah orang berkenaan kemampuan Clairvoyance, adalah melihat pada benda yang ada di dalam lingkungan ruang medannya sendiri. Apabila dia mencapai Xiu Lian di luar Fa duniawi, dia pun tidak melihat secara demikian, dia melihat secara langsung, yang digelar kuasa supernatural Fa Buddha, itu adalah benda yang mempunyai kuasa yang tiada tandingannya.

Apakah itu kemampuan Clairvoyance pada Fa duniawi? Saya akan menganalisisnya untuk anda: Di dalam ruang medan ini, di bahagian hadapan dahi seseorang terdapat sebuah cermin, orang yang tidak berlatih Gong cerminnya adalah telungkup menutup; manakala orang yang berlatih Gong cerminnya adalah telungkup menghadap ke depan. Apabila

kemampuan Clairvoyance seseorang muncul, cermin itu akan berputar secara berbolak-balik. Anda semua tahu filem wayang yang ditayangkan menunjukkan dua puluh empat bingkai setiap saat untuk menghasilkan imej gambar dengan gerakan yang berterusan, jika kurang dari dua puluh empat bingkai akan memberikan kesan imej gambar yang melompat. Sedangkan kelajuan cermin berbolak-balik adalah melebihi dua puluh empat bingkai setiap saat, ia memaparkan gambaran yang telah dirakamkan ke atas cermin, lalu berputar balik untuk anda melihat, selepas berputar balik gambaran itu pun dipadamkan. Kemudiannya merakamkan lagi, berputar balik lagi, dipadamkan lagi, berputar tanpa berhenti, jadi apa yang anda lihat adalah bergerak, ini adalah apa yang dirakamkan olehnya di dalam ruang medan anda untuk dilihat oleh anda, sedangkan benda yang ada dalam ruang medan adalah berasal dari alam semesta yang dipancarkan secara berpadanan ke sini.

Bagaimana pula cara melihat dengan bahagian belakang seseorang? Cermin itu begitu kecil, tidak tentu sekeliling tubuh dapat dirakamkan bukan? Anda semua tahu, apabila tingkat Tian Mu seseorang telah dibuka melampaui penembusan mata surga, apabila memasuki penembusan mata bijak, ia sudah hampir menembus ruang dimensi kita ini. Tepat pada titik transisi ini, pada saat hendak menembus tetapi masih belum menembus sepenuhnya, Tian Mu akan berlaku satu perubahan: apabila melihat benda sudah tidak wujud, melihat orang pun sudah tidak ada lagi, tembok pun sudah tidak ada, apa pun tidak ada lagi, material sudah tidak eksis lagi. Ini bererti di dalam ruang dimensi spesifik ini, apabila lihat dengan lebih mendalam, akan mendapati tubuh sudah tidak eksis lagi, hanya sebidang cermin yang berada dalam lingkungan ruang medan anda. Sedangkan cermin ini yang berada di dalam ruang medan anda adalah sama besarnya dengan seluruh ruang medan anda, jadi apabila cermin itu berputar berbolak-balik di dalam, ia pun dapat merakamkan semua tempat. Segala apa yang berada dalam ruang medan anda, asalkan ia adalah dipancar dari alam semesta, semuanya pun boleh dirakam dan dipaparkan untuk anda, ini adalah apa yang kami maksudkan sebagai kemampuan Clairvoyance.

Ketika mereka yang mengkaji sains tubuh manusia menguji kemampuan Gong ini, seringkali mereka boleh menyangkalnya dengan mudah. Alasan untuk menyangkalnya ialah: misalnya apabila seseorang itu ditanya berkenaan dengan apa yang sedang dilakukan

oleh saudara-mara seseorang di Beijing? Setelah nama saudara ini dan maklumat umumnya dibekalkan, dia pun dapat melihat. Dia mengatakan: bagaimana bentuk bangunan itu, bagaimana memasuki pintunya, setelah memasuki bilik, bagaimana bentuk susunan perabot dalam bilik. Semua yang diuraikan adalah tepat. Apa yang sedang dilakukan oleh saudara itu? Dikatakan dia sedang menulis. Untuk membuktikan fakta ini, seseorang itu pun menelefon saudara itu: “Apa yang sedang anda lakukan sekarang?” “Saya sedang makan.” Bukankah itu tidak berpadanan dengan apa yang dia lihat? Inilah alasan yang digunakan untuk menyangkal kemampuan ini pada masa dahulu, akan tetapi persekitaran yang dilihat tidak salah sama sekali. Ini kerana ruang dan waktu di mana kita berada ini yang kita sebut sebagai ruang waktu, mempunyai perbezaan waktu dengan ruang waktu dari ruang di mana kemampuan Gong itu wujud, konsep waktu dari kedua-dua tempat adalah tidak sama. Tadi dia sedang menulis di sana, sekarang dia sedang makan, ada perbezaan waktu sebegini. Oleh itu seringkali mereka yang mengkaji sains tubuh manusia, jika berpandukan diri pada teori konvensional, menaakul dan mengkaji mengikut ilmu sains sekarang, walaupun setelah sepuluh ribu tahun lagi usaha mereka tetap menjadi sia-sia. Ini kerana semua ini pada asalnya adalah benda yang melampaui manusia biasa, jadi pemikiran manusia perlu mengalami suatu perubahan, tidak boleh memahami hal-hal ini sebegini lagi.

Kemampuan Gong ‘Su Ming Tong’

Masih ada lagi sejenis kemampuan Gong yang mempunyai perhubungan secara langsung dengan Tian Mu, iaitu “Su Ming Tong”. Sekarang di dalam dunia ini ada enam jenis kemampuan Gong yang telah diakui secara rasmi, antara lainnya termasuk Tian Mu, Clairvoyance, dan Su Ming Tong. Apa itu Su Ming Tong? Su Ming Tong adalah kemampuan yang boleh mengetahui masa depan dan masa dahulu seseorang. Dengan kemampuan yang besar seseorang itu dapat mengetahui kebangkitan dan kejatuhan sesebuah masyarakat. Dengan kemampuan yang lebih besar lagi dapat melihat hukum perubahan seluruh benda ruang angkasa, inilah yang dimaksudkan sebagai kemampuan Gong Su Ming Tong. Oleh kerana material bergerak mengikut hukum tertentu, di dalam ruang dimensi yang spesifik, segala apa benda pun mempunyai bentuk eksistensi dalam

berbagai ruang dimensi yang berlainan. Sebagai contohnya, sebaik sahaja tubuh manusia bergerak, semua sel yang berada dalam tubuh manusia juga turut bergerak, sedangkan pada kondisi mikroskopis seluruh molekul, proton, elektron, hingga yang paling kecil, seluruh elemen yang ada juga turut bergerak. Namun ia memiliki bentuk eksistensi yang bebas, bentuk eksistensi tubuh pada ruang dimensi lain juga akan mengalami suatu perubahan.

Bukankah kita mengatakan material tidak akan musnah? Di dalam suatu ruang dimensi yang spesifik, setelah manusia menghabiskan kerja ini, bahkan orang itu melambatkan tangan untuk melakukan sesuatu, semuanya merupakan eksistensi material, apa yang dilakukan akan meninggalkan satu imej dan informasi. Di dalam ruang dimensi lain, ia adalah tidak dapat dimusnahkan, selamanya akan berada di situ, sebaik sahaja orang yang memiliki kemampuan Gong melihat imej yang tertinggal dari masa lalu, dia pun dapat tahu. Pada masa yang akan datang setelah anda memiliki kemampuan Gong Su Ming Tong, anda cuba lihat bentuk kami mengajar di sini pada hari ini, bentuk tersebut masih akan wujud, ia sudah berada di sana secara serentak. Ketika seseorang dilahirkan, di dalam suatu ruang dimensi spesifik yang tidak memiliki konsep waktu, seumur hidupnya sudah wujud secara serentak pada masa yang sama. Bagi sesetengah orang, ianya wujud lebih daripada satu hayat.

Mungkin ada orang berfikir: “Kalau begitu kita tidak perlu berusaha untuk diri sendiri, mengubah diri lagi?” Dia tidak dapat terima. Sebenarnya berusaha untuk diri sendiri boleh mengubah hal kecil dalam kehidupan diri, beberapa hal yang kecil, menerusi usaha diri sendiri boleh mengalami sedikit perubahan. Akan tetapi oleh kerana anda berusaha gigih untuk mengubahnya, anda mungkin akan mendapat karma, kalau tidak isu menghasilkan karma pun tidak akan wujud, isu berbuat baik dan berbuat jahat pun tidak akan wujud lagi. Apabila berbuat demikian secara paksaan, dia akan mengambil keuntungan atas kerugian orang lain, dia pun telah berbuat jahat. Oleh itu di dalam Xiu Lian sentiasa mengatakan mengikuti keadaan secara wajar, demikianlah prinsipnya, ini kerana menerusi usaha gigih anda akan mencederakan orang lain. Pada asalnya anda tidak memiliki benda ini dalam kehidupan anda, namun anda telah memperoleh benda yang

sebenarnya dimiliki oleh orang lain dalam masyarakat ini, anda pun sudah berhutang kepada orang lain.

Jika dia ingin mengubah hal yang besar, manusia biasa tidak mungkin dapat berbuat demikian sama sekali. Ada juga suatu cara yang dapat mengubahnya, iaitu orang ini hanya melakukan perkara jahat, tidak ada kejahatan yang tidak dilakukannya, dia dapat mengubah kehidupannya, namun apa yang dia akan hadapi adalah pemusnahan yang sepenuhnya. Kami melihat dari tingkat tinggi, setelah seseorang meninggal dunia, Yuan Shen-nya tidak akan musnah. Mengapakah Yuan Shen-nya tidak musnah? Sebenarnya apa yang kami lihat pada seseorang yang telah meninggal dunia, orang yang diletakkan dalam bilik mayat, ia hanya merupakan sel tubuh manusia yang berada dalam ruang dimensi kita ini. Sel dalam organ, setiap tisu sel yang ada dalam tubuh, seluruh tubuh seseorang manusia, sel yang berada dalam ruang dimensi inilah yang telah ditanggalkan. Sedangkan tubuh yang berada di ruang dimensi lain, tubuh yang terdiri dari zarah yang lebih kecil daripada molekul, atom, proton dan lain-lain, tidak meninggal dunia sama sekali, dia berada pada ruang dimensi lain, dalam ruang dimensi mikroskopis dia masih eksis. Sedangkan apa yang akan dihadapi oleh orang yang melakukan segala kejahatan ialah seluruh selnya akan mengalami perpecahan, dalam agama Buddha ia digelar pemusnahan sepenuh tubuh dan jiwa.

Masih ada lagi satu cara yang boleh mengubah seseorang manusia seumur hidup, ini adalah satu-satunya cara, iaitu mulai sekarang orang ini menempuh jalan Xiu Lian. Jadi mengapakah seseorang itu dapat mengubah kehidupannya dengan menempuh jalan Xiu Lian? Siapa yang dapat mengubah hal ini dengan begitu mudah? Ini kerana sebaik sahaja orang ini ingin menempuh jalan Xiu Lian, sebaik sahaja bergeraknya niat fikiran sebegini, ia berupa seperti emas yang berkilauan, menggetarkan sepuluh penjuru dunia. Teori sepuluh penjuru dunia adalah konsep alam semesta dari aliran Buddha. Ini kerana dalam pandangan hidupan yang bertingkat tinggi, jiwa manusia bukanlah untuk menjadi manusia. Dia menganggap jiwa manusia itu adalah tercipta dalam ruang alam semesta, memiliki ciri-ciri yang sama dengan alam semesta, ia adalah baik, ia adalah terbentuk dari material Zhen, Shan, Ren ini. Namun ia juga mempunyai perhubungan yang bersifat kolektif, sewaktu ia menjalin hubungan masyarakat sosial di dalam komuniti itu, ada sebahagian yang telah

berubah menjadi tidak baik, maka dia pun jatuh ke bawah. Pada tingkat ini dia juga tidak dapat bertahan lagi, dia telah berubah menjadi lebih jahat, dia pun jatuh lagi satu tingkat, jatuh, jatuh, jatuh, dan akhirnya jatuh pada tingkat manusia biasa ini.

Di dalam tingkat ini, orang ini seharusnya dimusnahkan, dilenyapkan. Namun berkat belas kasihan dari para Sang Maha Sedar, maka secara khusus telah menciptakan ruang sebegini, seperti ruang masyarakat umat manusia kita ini. Di dalam ruang dimensi ini, memberikannya satu tubuh fizikal manusia sebagai tambahan, sepasang mata yang hanya dapat melihat benda yang wujud dalam ruang material kita ini, dengan demikian ini bermaksud sudah terjatuh dalam kesesatan, agar dia tidak dapat melihat kebenaran alam semesta, sedangkan pada ruang dimensi lain semua itu pun dapat dilihat. Di dalam kesesatan ini, di bawah kondisi ini, satu peluang telah ditinggalkan kepadanya. Oleh kerana berada dalam kesesatan, jadi dia pun paling menderita, dengan adanya tubuh ini, akan menjadikannya menderita. Manusia di dalam ruang ini, jika mampu kembali ke atas, aliran Tao berlatih Gong mengutarakan balik ke asal kembali ke jati diri, asalkan dia mempunyai hasrat untuk Xiu Lian, ini bererti sifat kebuddhaannya telah timbul, maka hati semacam ini dinilai paling berharga, orang ramai akan membantunya. Manusia dalam kondisi yang begitu menderita masih belum tersesat, masih berniat untuk kembali, maka orang ramai akan membantunya, membantunya tanpa syarat, apa pun boleh membantunya. Mengapakah kami dapat melakukan hal ini untuk orang yang Xiu Lian, tetapi tidak dapat melakukan bagi manusia biasa? Inilah prinsipnya.

Jadi sebagai seorang manusia biasa yang ingin sembuh dari penyakit, tidak ada apa yang boleh bantu anda, sebab manusia biasa ialah manusia biasa, manusia biasa memang seharusnya berada dalam kondisi masyarakat manusia biasa. Ramai orang yang mengatakan, Buddha menyelamatkan segala makhluk hidup secara sejagat, aliran Buddha mengutarakan penyelamatan segala makhluk hidup secara sejagat. Saya beritahu anda, cuba anda periksa semua kitab suci dalam agama Buddha, tidak ada yang menyatakan menyembuhkan penyakit manusia biasa dianggap sebagai menyelamatkan segala makhluk hidup secara sejagat. Beberapa tahun ini para master Qi Gong palsu yang mengacaukan hal ini. Para master Qi Gong yang tulen, para master Qi Gong yang memuluskan jalan, tidak

akan mengajar anda menyembuhkan penyakit orang lain sama sekali, dia hanya mengajar anda melatih diri, menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh. Anda adalah seorang manusia biasa, bagaimanakah anda mampu menyembuhkan penyakit dengan hanya belajar selama dua hari? Bukankah itu menipu orang? Bukankah itu mendorong tumbuhnya keterikatan hati? Mengejar nama dan keuntungan, mengejar benda yang supernormal untuk menonjolkan diri dalam kalangan manusia biasa! Itu memang adalah tidak dibenarkan. Oleh itu apabila seseorang itu semakin mengejar keinginannya ia semakin tidak berhasil, anda tidak dibenarkan untuk berbuat demikian, anda juga tidak dibenarkan untuk merosakkan kondisi masyarakat manusia biasa mengikut kehendak hati.

Alam semesta ini mempunyai prinsip sebegini, apabila anda ingin balik ke asal kembali ke jati diri, orang ramai akan membantu anda, ini kerana dia menganggap jiwa manusia memang seharusnya kembali ke atas, dan bukannya untuk berada dalam kalangan manusia biasa. Seandainya umat manusia tidak mempunyai apa-apa penyakit pun, menjalani kehidupan dengan penuh keselesaan, jika anda diminta untuk menjadi Dewa, anda pun tidak ingin. Tidak berpenyakit, juga tidak ada penderitaan, ingin apa dapat apa, alangkah baiknya ini, benar-benar berupa surga Dewa. Akan tetapi anda telah berubah menjadi tidak baik lalu jatuh sehingga tingkat ini, maka anda tidak akan berasa selesa. Manusia yang berada dalam kesesatan mudah melakukan perkara buruk, di dalam agama Buddha disebut pembalasan karma secara bergilir. Maka seseorang itu seringkali mengalami sesuatu kesengsaraan, mengalami hal yang tidak baik, semua ini adalah untuk membayar karmanya di dalam pembalasan karma secara bergilir. Agama Buddha juga mengatakan, tiada tempat yang tanpa kehadiran Buddha. Sebaik sahaja Buddha itu melambatkan tangan, lenyaplah penyakit seluruh umat manusia, ini pasti dapat dilakukan. Jadi begitu banyak Buddha, mengapakah hal ini tidak dilakukan? Ini adalah kerana itu adalah sesuatu yang dihutang oleh seseorang itu setelah melakukan perkara yang tidak baik pada masa dahulu, maka dia ditimpa penderitaan ini. Jika anda menyembuhkan dia, ia adalah sama dengan merosakkan prinsip alam semesta, ia berupa seseorang itu boleh berbuat jahat, hutang kepada orang lain tidak perlu dibayar, ini adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jadi sesiapa pun harus melindungi kondisi masyarakat manusia biasa ini dan tiada sesiapa pun yang merosakkannya. Satu-satunya cara yang dapat menemui keselesaan

hidup anda tanpa penyakit, dan dapat mencapai tujuan pembebasan diri yang sebenarnya, hanyalah Xiu Lian! Mengajak orang berkultivasi Fa ortodoks, itu barulah benar-benar menyelamatkan segala makhluk hidup secara sejagat.

Mengapakah ramai master Qi Gong dapat menyembuhkan penyakit? Mengapa dia menganut prinsip menyembuhkan penyakit? Mungkin ada orang yang dapat memikirkan masalah ini, kebanyakan jenis ini bukanlah jalan yang benar. Master Qi Gong yang tulen didorong oleh rasa belas kasihan, atas rasa simpati, dalam proses Xiu Liannya melihat segala makhluk hidup dalam penderitaan, dia membantu orang, ini adalah dibenarkan. Akan tetapi dia tidak dapat menyembuhkan, dia cuma dapat menyekat penyakit itu buat sementara waktu, ataupun menanggukannya sebentar, sekarang tidak sakit tetapi sakit pada kemudian hari, menanggukkan penyakit anda ke masa depan, ataupun mentransformasi bagi anda, mentransformasi kepada ahli keluarga anda. Namun untuk benar-benar melenyapkan karma anda dengan sepenuhnya, dia tidak mampu melakukan, tidak dibenarkan untuk melakukan ke atas manusia biasa mengikut kehendak hati, sebaliknya ia hanya boleh dilakukan untuk orang yang Xiu Lian, demikianlah prinsipnya.

Maksud ungkapan aliran Buddha menyelamatkan segala makhluk hidup secara sejagat: adalah mengangkat anda dari kondisi manusia biasa yang paling menderita menuju ke tingkat tinggi, tidak menderita buat selama-lamanya, membebaskan diri, inilah maksud ajarannya. Bukankah Sakyamuni mengatakan pencapaian Nirwana di pantai seberang? Ini adalah maksud sebenarnya dia menyelamatkan segala makhluk hidup secara sejagat. Seandainya anda sedang menikmati kebahagiaan dalam kalangan manusia biasa, memiliki wang yang banyak, katil anda di rumah semuanya dialaskan dengan wang, apa-apa kesengsaraan pun tidak ada, jika anda diminta untuk menjadi dewa anda pun tidak ingin. Selaku seorang yang Xiu Lian, perjalanan kehidupan anda dapat diubah, dan hanya dengan Xiu Lian ia barulah dapat diubah.

Bentuk kemampuan Gong Su Ming Tong berupa seperti sebuah layar kecil fluoresens televisyen yang berada pada bahagian dahi manusia. Ada orang yang terletak pada bahagian dahi ini, ada orang yang terletak pada jarak yang sangat dekat dengan dahi,

ada orang yang berada di bahagian dalam dahi. Ada orang yang dapat melihat dengan memejamkan mata, jika kemampuannya adalah sangat kuat, ada orang yang dapat melihat dengan mata terbuka. Namun orang lain tidak dapat melihat, ini adalah benda yang berada di dalam lingkungan ruang medannya. Dengan kata lain, setelah kemampuan Gong ini timbul, masih ada satu kemampuan Gong yang berfungsi sebagai pembawa, memaparkan semula pemandangan yang dapat dilihat di ruang dimensi lain, maka ia pun dapat melihat dalam Tian Mu ini. Dapat melihat masa depan seseorang, dapat melihat masa lalu seseorang, melihat dengan sangat tepat. Sejelas-jelasnya cara meramal, tidak dapat meramal dengan jelas hal yang kecil dan terperinci, sedangkan dia dapat melihat dengan amat jelas, tahunnya pun dapat dilihat. Perubahan yang terperinci pun dapat dilihat, ini kerana apa yang dia lihat adalah pemaparan sebenar manusia atau benda dari ruang dimensi yang berbeza.

Asalkan Xiu Lian Falun Dafa, Tian Mu setiap orang akan dibuka. Akan tetapi sebahagian kemampuan Gong yang kelak kami akan huraikan tidak akan dibuka. Seiring dengan tingkatan yang naik secara berterusan, kemampuan Gong Su Ming Tong akan timbul semula jadi, kelak dalam proses Xiu Lian anda akan menghadapi kondisi ini. Apabila kemampuan Gong ini muncul, anda dapat mengerti apa yang berlaku, oleh itu Fa dan prinsip ini, kami huraikan sepenuhnya.

Tidak Berada dalam Lima Elemen, Keluar dari Triloka

Apakah maksud “Tidak berada dalam lima elemen, keluar dari Triloka?” Isu ini bila dibentangkan adalah sangat tajam. Dahulunya ada ramai master Qi Gong apabila membincangkan hal ini, tersedak diam dari pertanyaan orang yang tidak mempercayai Qi Gong. “Kalian yang berlatih Gong, siapa yang sudah keluar dari lima elemen, di antara kalian siapa yang sudah tidak berada dalam Triloka?” Seseorang dia bukan master Qi Gong, gelaran master Qi Gong itu adalah anugerah diri sendiri. Jika tidak dapat jelaskan janganlah membincangkannya, namun dia masih berani membincangkan, maka orang lain pun menyumbat mulutnya. Hal ini telah menimbulkan kerugian besar terhadap komuniti Xiu Lian, menyebabkan kekalutan yang amat besar, maka orang ramai pun memanfaatkan

hal ini untuk menyerang Qi Gong. “Tidak berada dalam lima elemen, keluar dari Triloka” adalah sebuah ungkapan dari komuniti Xiu Lian, ia berasal dari agama, dan adalah terhasil dalam lingkungan agama. Oleh itu kami tidak boleh melepaskan diri dari latar belakang sejarah ini, tidak boleh mengabaikan keadaan pada masa itu dalam membincangkan masalah ini.

Apakah maksud tidak berada dalam lima elemen? Baik ilmu fizik kuno negara China mahupun ilmu fizik moden semuanya menganggap teori lima elemen dari negara China adalah benar. Logam, kayu, air, api dan tanah, lima elemen ini telah membentuk segala benda dan segala makhluk yang ada dalam alam semesta, ini adalah benar, maka kami mengutarakan lima elemen ini. Apabila seseorang dikatakan telah keluar dari lima elemen, menggunakan bahasa moden untuk menjelaskannya, bererti keluar dari dunia kebendaan kita ini, apabila terdengar adalah cukup misteri. Cuba anda semua fikirkan masalah sebegini, master Qi Gong memiliki Gong. Saya pernah menjalani ujian, ramai master Qi Gong juga pernah menjalani ujian sebegini, mengukur energinya. Ini kerana elemen material dalam Gong ini dapat dikesan dengan bantuan banyak instrumen yang sedia ada, dalam erti kata lain elemen yang dihasilkan oleh master Qi Gong, asalkan wujudnya satu instrumen yang sebegini, tentu dapat mengesan kewujudan Gong. Alat instrumen moden kini boleh mengesan sinar infra merah, ultraviolet, gelombang ultrasonik, gelombang infrasonik, elektrik, magnet, sinar gamma, atom, dan neutron. Semua master Qi Gong memiliki material sebegini, bahkan masih ada material yang dipancarkan oleh sesetengah master Qi Gong tidak mampu dikesan, kerana tidak ada instrumen. Asalkan terdapatnya instrumen semuanya pun dapat dikesan, kami dapati material yang dipancarkan oleh master Qi Gong adalah sangat lumayan.

Di bawah kesan pengaruh suatu medan magnet yang spesifik, master Qi Gong dapat memancarkan sinar aura yang sangat kuat dan teramat cantik. Semakin tingginya daya Gong, medan energi yang terpancar semakin besar. Manusia biasa juga ada, tetapi sangat kecil, hanya berupa sinar aura yang sangat kecil. Dalam kajian energi tinggi ilmu fizik, orang ramai beranggapan energi adalah benda yang berupa neutron, atom. Ramai master Qi Gong juga pernah menjalani ujian, master Qi Gong yang lebih ternama juga pernah diuji.

Saya juga telah diuji, hasil ujian menunjukkan sinar gamma dan thermal neutron yang terpancar adalah lapan puluh kali hingga satu ratus tujuh puluh kali lebih banyak berbanding dengan bilangan yang dipancarkan oleh material normal. Pada masa itu, jarum penunjuk dari alat pengukur sudah menunjuk pada had maksimumnya, oleh kerana jarum penunjuk sudah mencapai hadnya, akhirnya berapa besar nilainya juga tidak dapat diketahui. Neutron yang begitu kuat, adalah amat sukar dibayangkan! Bagaimanakah mungkin manusia dapat memancarkan neutron yang begitu kuat? Hal ini juga membuktikan bahawa kita selaku master Qi Gong memiliki Gong, memiliki energi, hal ini sudah disahkan secara nyata oleh komuniti dunia teknologi.

Untuk keluar dari lima elemen, kaedah Gong mestilah yang kultivasi berganda pada minda dan nyawa, bukan kaedah Gong yang kultivasi berganda pada minda dan nyawa, ia hanya tumbuh Gong pada tingkatnya secara tinggi atau rendah. Sedangkan kaedah Gong yang tidak berkultivasi pada nyawa, tidak wujud masalah ini, ia tidak mengutarakan prinsip keluar dari lima elemen. Dalam kaedah Gong yang kultivasi berganda pada minda dan nyawa, energinya adalah disimpan dalam seluruh sel tubuh badan. Kami pelatih Gong secara umumnya, orang yang Gong-nya baru sahaja meningkat, butiran energi yang dipancarkan adalah amat kasar, bercelah, kepadatannya tidak besar, oleh itu daya kekuatannya amat kecil. Apabila tingkatannya semakin tinggi, kepadatan energinya mungkin melebihi ratusan kali, ribuan kali, bahkan ratusan juta kali berbanding dengan molekul air secara umumnya. Oleh kerana semakin tinggi tingkatnya, kepadatannya semakin besar, semakin halus, dan daya kekuatannya semakin besar. Dalam keadaan sedemikian, energi tersimpan dalam setiap sel tubuh, bukan hanya terhad kepada setiap sel tubuh yang terkandung di dalam tubuh badan kita yang berada dalam ruang fizikal kita ini sahaja, tetapi seluruh tubuh badan yang berada dalam ruang dimensi lain, molekul, atom, proton, elektron sehingga sel yang ekstrem mikroskopis, semuanya telah dipadati dengan energi sebegini. Lama-kelamaan, tubuh manusia akan dipadati sepenuhnya dengan material energi tinggi sebegini.

Material energi tinggi sebegini memiliki sifat kerohanian, ia memiliki kemampuan. Sebaik sahaja ianya menjadi banyak, kepadatan menjadi besar, setelah memenuhi semua

sel tubuh badan manusia, ia pun mampu menyekat sel tubuh fizikal manusia, menyekat sel yang paling lemah. Setelah berjaya menyekatnya, ia pun tidak akan berlaku metabolisme lagi, dan akhir sekali ia menggantikan sel tubuh fizikal manusia. Sudah tentu ia nampak mudah apabila saya katakan, namun kalau ingin berkultivasi hingga ke tahap ini ia adalah suatu proses yang amat perlahan. Apabila kultivasi anda mencapai tahap ini, seluruh sel tubuh anda telah digantikan dengan material energi tinggi sebegini, cuba anda fikirkan, adakah tubuh anda masih terbentuk dari lima elemen lagi? Adakah ia masih material yang berasal dari ruang kita ini? Sebenarnya ia telah pun dibentuk oleh material energi tinggi yang dikumpul dari ruang dimensi lain. Elemen De itu juga merupakan material yang berada dalam ruang dimensi lain, ia juga tidak terikat oleh medan waktu dari ruang kita ini.

Ilmu sains moden berpendapat bahawa masa itu mempunyai medan, jika tidak berada dalam lingkungan medan masa, ia tidak akan disekat oleh masa. Konsep masa dalam ruang dimensi lain adalah tidak sama dengan ruang kita di sini, bagaimana ia mungkin dapat menyekat material yang berasal dari ruang dimensi lain? Itu adalah tidak mungkin sama sekali. Cuba kalian fikirkan, pada masa ini bukankah anda sudah tidak berada dalam lima elemen lagi? Adakah anda masih memiliki tubuh seperti manusia biasa? Tidak sama sekali. Akan tetapi ada satu perkara, manusia biasa tidak dapat membezakannya. Walaupun tubuhnya sudah berubah sehingga tahap sebegini, ia masih tidak kira penamatan Xiu Lian, dia masih perlu terus berkultivasi menembus tingkatan menuju ke atas, maka dia masih perlu Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, jika orang ramai tidak dapat melihatnya itu adalah tidak dibenarkan.

Kalau begitu macam mana selepas ini? Di dalam proses Xiu Lian seseorang, walaupun seluruh sel molekul yang ada padanya telah digantikan dengan material energi tinggi, namun atom itu mempunyai susunan turutan yang tertentu, susunan turutan molekul dan nukleus itu tidak berlaku sebarang perubahan. Susunan turutan molekul dari sel adalah dalam kondisi seperti itu, apabila diraba terasa lembut; susunan turutan molekul tulang mempunyai kepadatan yang besar, apabila diraba terasa keras; kepadatan molekul cairan darah adalah sangat kecil, ia berupa cecair. Manusia biasa tidak dapat melihat perubahan yang terjadi pada diri anda dari segi permukaan, sel molekulnya masih kekal pada struktur

dan susunan turutan yang asal itu, strukturnya tidak mengalami perubahan, namun energi yang berada di dalamnya telah mengalami perubahan, maka orang ini tidak akan menjadi tua secara semula jadi sejak dari itu, selnya tidak akan musnah, demikianlah dia akan tetap kekal muda buat selama-lamanya. Di dalam proses Xiu Lian, orang tersebut akan kelihatan muda, dan akhirnya pun kekal pada kondisi itu.

Sudah tentu, kalau tubuh itu terlanggar kereta mungkin tulangnya masih akan patah, dikerat oleh pisau juga mungkin akan berdarah. Ini kerana susunan turutan molekulnya tidak berubah, cuma ia tidak akan musnah secara semula jadi, tidak akan menjadi tua secara semula jadi, tiada metabolisme, inilah apa yang kami maksud sebagai keluar dari lima elemen. Di sini mana ada unsur kepercayaan karut? Ia dapat dijelaskan dengan teori sains. Ada orang yang tidak dapat menjelaskannya lalu menyatakannya mengikut kehendak hati, oleh itu orang lain akan menganggap pernyataan anda sebagai tahayul, Ini kerana ungkapan ini berasal dari agama, ia bukan istilah yang diciptakan oleh Qi Gong masa kini.

Apa itu keluar dari Triloka? Hari itu saya telah bentangkan, faktor penting untuk meningkat Gong adalah kita telah Xiu Lian Xin Xing, telah berasimilasi dengan ciri-ciri alam semesta, ciri-ciri alam semesta sudah tidak menyekat anda lagi, Xin Xing anda telah meningkat ke atas, elemen De itu pun berevolusi menjadi Gong. Meningkat ke atas secara berterusan, tingkat ke atas, setelah mencapai tingkat tinggi, ia akan membentuk sebuah pilar Gong. Betapa tinggi pilar Gong ini, betapa tinggilah Gong anda. Terdapatnya satu ungkapan yang sebegini: Dafa tiada pinggirnya, semuanya bergantung pada hati anda untuk berkultivasi, berapa tinggi anda dapat berkultivasi, semuanya bergantung pada daya kesabaran anda dan kemampuan anda untuk menanggung penderitaan. Jika material putih dari tubuh anda sendiri telah habis digunakan, material hitam dalam anda setelah mengharungi penderitaan ia juga dapat ditransformasi menjadi material putih. Jika masih tidak mencukupi, ahli keluarga dan rakan-rakan, sekiranya dia tidak Xiu Lian, anda menanggung dosanya, anda juga dapat meningkat Gong, ini adalah merujuk kepada orang yang telah Xiu Lian mencapai tingkat yang ekstrem tinggi. Sebagai seorang manusia biasa yang Xiu Lian, anda jangan sesekali mempunyai fikiran untuk menanggung dosa ahli

keluarga, karma yang begitu besar orang biasa adalah tidak mampu berkultivasi. Apa yang saya bentangkan di sini adalah prinsip dari tingkat yang berbeza.

Maksud Triloka dalam agama, adalah sembilan tingkat langit atau tiga puluh tiga tingkat langit, iaitu bererti di atas langit, di atas bumi, di bawah bumi, terbentuknya segala makhluk hidup dalam Triloka. Ia mengatakan bahawa seluruh makhluk hidup yang berada dalam tiga puluh tiga tingkat langit ini semuanya perlu mengharungi enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*). Enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*) ini bermaksud, jika dalam hayat ini anda adalah manusia, pada hayat yang akan datang mungkin menjadi haiwan. Agama Buddha mengatakan: “Manfaatkan masa sebaik mungkin semasa masih hidup, jika tidak berkultivasi sekarang bila berkultivasi? Ini kerana haiwan tidak dibenarkan Xiu Lian, tidak dibenarkan mendengar Fa, seandainya berkultivasi juga tidak akan memperoleh buah sejati, sekiranya Gong-nya tinggi masih perlu dimusnahkan oleh Mahakuasa. Ratusan tahun anda tidak memperoleh satu tubuh manusia, bahkan ribuan tahun baru memperoleh satu tubuh manusia, namun setelah memperoleh pun tidak tahu menghargainya. Seandainya anda menjelma semula menjadi sebuah batu dan berpuluh-puluh ribu tahun juga tidak dapat keluar, jika batu itu tidak mengalami penghancuran, tidak mengalami pengikisan, anda tidak dapat keluar buat selama-lamanya, alangkah susahnyanya untuk memperoleh satu tubuh manusia! Jika benar-benar dapat memperoleh Dafa, orang ini adalah amat bertuah sekali. Tubuh manusia susah diperoleh, demikianlah prinsip yang diutarakan.

Kita berlatih Gong membicarakan soal tingkatan, pencapaian tingkat sepenuhnya tergantung kepada Xiu Lian anda sendiri, jika anda ingin melampaui Triloka, bila pilar Gong anda dikultivasi sehingga amat tinggi, bukankah anda sudah menembus Triloka? Ada orang yang Yuan Shen-nya meninggalkan tubuhnya ketika duduk bermeditasi, dengan seketika naik sangat tinggi. Ada pelatih yang menulis kepada saya dan menceritakan hasil pengalamannya: “Cikgu, saya telah naik ke langit sampai sekian-sekian tingkat, saya telah melihat sesuatu pemandangan.” Saya katakan anda naiklah lebih tinggi lagi. Dia berkata: “Saya sudah tidak dapat naik, tidak berani naik lagi, sudah tidak dapat naik lagi.” Mengapa? Ini kerana pilar Gong-nya hanya setinggi itu sahaja, dia naik dengan menduduki pilar

Gong-nya. Ini adalah apa yang dimaksudkan dengan status buah dalam agama Buddha, sudah berkultivasi sehingga mencapai status buah itu. Namun bagi orang yang Xiu Lian, ini masih belum mencapai titik puncak status buah. Dia masih sedang meningkat secara berterusan, tingkat secara berterusan, meningkat secara berterusan. Apabila pilar Gong anda telah menembus had Triloka, bukankah bererti anda sudah keluar dari Triloka? Dari pengamatan kami telah mendapati Triloka yang dimaksudkan dalam agama, hanyalah dalam lingkungan sembilan planet besar kita sahaja. Ada orang yang mengatakan sepuluh planet besar, menurut saya itu tidak wujud sama sekali. Master Qi Gong yang terdahulunya, saya lihat ada yang memiliki pilar Gong yang menembus sehingga keluar sistem galaksi, amat tinggi sekali, Triloka itu bagi dia sudah dilewati sejak awal lagi. Apa yang saya bentangkan tadi berkenaan keluar dari Triloka, sebenarnya adalah soal tingkatan.

Soal Tentang Mengejar Sesuatu

Ada ramai orang yang melangkah masuk ke arena Xiu Lian kita dengan hasrat untuk mengejar sesuatu. Ada orang yang ingin mengejar kemampuan Gong, ada orang yang ingin mendengar teori, ada orang yang ingin menyembuhkan penyakitnya, dan juga ada orang yang ingin memperoleh Falun, bermacam-macam mentaliti. Ada juga orang yang mengatakan: “Di rumah saya masih ada orang yang belum datang menyertai kuliah, saya bayar sedikit yuran, anda berikan satu Falun kepadanya.” Kami telah melewati sekian banyak generasi, telah melewati jangka masa zaman yang luar biasa panjang, satu angka yang sangat mengejutkan apabila dikatakan, suatu benda yang terbentuk menerusi jangka masa zaman yang amat panjang ini, anda bayar berpuluh Yuan³⁰ sahaja untuk membeli Falun? Mengapakah kami boleh memberikannya kepada kalian tanpa syarat? Ini adalah kerana anda ingin menjadi seorang yang Xiu Lian, hati ini tidak dapat dibeli dengan wang yang berapa banyak pun, kerana sifat kebuddhaannya telah muncul, barulah kami berbuat demikian.

30

Yuan – Mata wang RMB.

Anda mendukung hasrat untuk mengejar sesuatu, adakah anda datang demi benda ini semata-mata? Apa yang anda fikirkan dalam pemikiran anda, Fa Shen³¹ saya yang berada dalam ruang dimensi lain akan mengetahui semuanya. Ini kerana konsep dari dua ruang waktu adalah berbeza, kalau dilihat dari ruang dimensi lain, pembentukan pemikiran anda adalah satu proses yang luar biasa perlahan. Sebelum anda fikir, dia pun sudah dapat tahu, oleh itu anda harus menyingkirkan segala fikiran anda yang tidak tepat. Aliran Buddha mengutarakan takdir pertemuan, kalian bertemu berkat adanya takdir pertemuan, kalau sudah peroleh mungkin kerana anda harus peroleh, jadi anda harus menghargainya, jangan sesekali mendukung hasrat apa pun untuk mengejar sesuatu.

Xiu Lian dalam agama pada masa dahulu, aliran Buddha mengutarakan prinsip kekosongan, tidak memikirkan apa pun, memasuki kondisi kosong. Aliran Tao mengutarakan prinsip ketiadaan, tidak ada apa pun, juga tidak menginginkan apa pun, juga tidak menjejarnya. Pelatih Gong berkata: “mempunyai niat hati untuk berlatih Gong, tiada niat hati untuk memperoleh Gong.” Xiu Lian dalam kondisi Wuwei, anda hanya perlu berusaha Xiu Lian pada Xin Xing anda, tingkat anda pun akan menembus, benda-benda yang anda harus miliki tentu akan diperoleh. Jika anda tidak dapat melepaskannya, bukankah ia terjumlah kepada keterikatan hati? Di sini kami dengan seketika telah mengajar Fa yang begitu tinggi, sudah tentu permintaan terhadap Xin Xing anda juga adalah tinggi, oleh itu tidak boleh datang belajar Fa dengan mendukung hasrat untuk mengejar sesuatu.

Untuk bertanggungjawab terhadap anda, kami membawa anda menuju jalan yang lurus, Fa ini harus dijelaskan dengan terang dan nyata kepada anda. Apabila seseorang itu mengejar Tian Mu, Tian Mu ini akan tersumbat sendiri, ia akan menutupi diri anda sendiri. Dan saya juga beritahu anda, apabila Xiu Lian di dalam Fa duniawi, segala kemampuan Gong yang timbul pada seseorang itu semuanya adalah kemampuan dasar bawaan tubuh fizikal sendiri, kini kita gelarnya sebagai kemampuan supernormal. Ia hanya dapat berfungsi dalam ruang dimensi yang sedia ada sekarang, di dalam ruang kita ini, untuk menyekat manusia biasa. Kemampuan kecil sebegini apa gunanya anda kejar? Meskipun

31

Fa Shen – Tubuh yang terbentuk dari Gong dan Fa, yang boleh muncul di semua tempat.

anda mengejanya, apabila mencapai di luar Fa duniawi, ia tidak dapat berfungsi lagi dalam ruang dimensi lain. Apabila Xiu Lian melangkah ke luar Fa duniawi, segala kemampuan Gong ini harus dibuang, mereka akan ditekan masuk ke dalam sebuah ruang dimensi yang sangat dalam untuk disimpan di sana, sebagai catatan riwayat proses Xiu Lian anda di kemudian hari, ia hanya dapat berfungsi sedikit ini sahaja.

Setelah melangkah ke luar Fa duniawi, manusia harus Xiu Lian semula. Tubuh itu adalah seperti apa yang telah saya huraikan sebentar tadi berkenaan tubuh yang telah keluar dari lima elemen, ia adalah sebuah tubuh Buddha. Bukankah tubuh sebegitu harus digelar sebagai tubuh Buddha? Tubuh Buddha ini harus mulai Xiu Lian semula, mulai timbul kemampuan Gong semula, namun ia tidak digelar sebagai kemampuan Gong, ia digelar kuasa supernatural Fa Buddha. Daya kekuatannya adalah tidak terhingga, menyekat berbagai ruang dimensi, adalah benda yang benar-benar berfungsi dengan efektif, jadi cuba anda katakan, apa gunanya anda mengejar kemampuan Gong? Seseorang yang mengejar kemampuan Gong, adakah anda ingin menggunakannya dalam kalangan manusia biasa, ingin menunjukkan diri dalam kalangan manusia biasa, kalau tidak mengapa anda menginginkannya? Tidak dapat dilihat, tidak dapat diraba, sedangkan untuk pameran anda juga perlu pilih benda yang kelihatan cantik! Sudah pasti dalam sub-kesedaran anda mempunyai tujuan untuk menggunakannya. Ia tidak boleh dianggap sebagai kemahiran dalam kalangan manusia biasa untuk dikejar, ia adalah sesuatu yang supernormal sepenuhnya, ia tidak boleh ditunjukkan oleh anda dalam kalangan manusia biasa. Menunjukkan diri sendiri pada asalnya sudah terjumlah kepada sejenis keterikatan hati yang sangat kuat, hati yang sangat tidak baik, hati yang harus disingkirkan oleh orang yang Xiu Lian. Jika anda ingin menggunakannya untuk mencari wang, ingin menggunakannya untuk menjadi kaya, ingin menggunakannya untuk mencapai matlamat manusia biasa dalam perjuangan peribadi anda, itu lagi tidak dibenarkan. Itu bererti menggunakan benda yang bertingkat tinggi untuk mengganggu masyarakat manusia biasa, merosakkan masyarakat manusia biasa, cara pemikirannya lagi buruk, oleh itu ia tidak boleh digunakan mengikut kehendak hati.

Seringkali kemampuan Gong timbul lebih banyak terjadi pada dua kelompok, iaitu budak kecil dan orang tua yang berusia lanjut. Terutamanya wanita yang berusia lanjut, seringkali dapat menguasai Xin Xing, dia tidak mempunyai sebarang keterikatan hati dalam kalangan manusia biasa. Setelah timbulnya kemampuan Gong, dia mudah menguasai, tidak mempunyai mentaliti untuk menunjukkan diri sendiri. Orang muda mengapa tidak mudah timbul? Terutamanya lelaki muda, ini kerana dia masih ingin berjuang dalam kalangan masyarakat manusia biasa, masih ingin mencapai sesuatu matlamat! Sebaik sahaja timbulnya kemampuan Gong, dia akan menggunakannya, mencapai matlamatnya, menganggapnya sebagai sejenis kemampuan bagi tujuan mencapai matlamatnya, itu adalah langsung tidak dibenarkan sama sekali, maka kemampuan Gongnya pun tidak akan timbul.

Perihal Xiu Lian bukanlah suatu permainan, juga bukan kemahiran dalam kalangan manusia biasa, tetapi merupakan hal yang luar biasa serius. Anda ingin berkultivasi ataupun tidak, anda dapat berkultivasi ataupun tidak, semuanya bergantung kepada cara bagaimana anda meningkat Xin Xing anda sendiri. Seandainya orang ini benar-benar berjaya mengejar kemampuan Gong, akibatnya sangat buruk. Anda lihat padanya apa Xiu Lian ataupun tidak, langsung tidak fikir hal ini lagi. Ini kerana Xin Xingnya ada pada dasar manusia biasa, kemampuan Gong juga diperoleh dengan cara mengejar, dia mungkin akan melakukan apa sahaja kejahatan. Di dalam bank penuh dengan wang, pindahkan sedikit sahaja. Di bandar ada banyak kupon hadiah, mencabut sahaja hadiah pertama. Mengapa tidak berlaku hal sebegini? Ada master Qi Gong yang berkata: “Bila tidak mengutamakan De, setelah timbulnya kemampuan Gong, akan mudah membuat jahat.” Menurut saya pernyataan ini adalah salah, bukanlah sedemikian. Anda tidak mementingkan De, tidak berkultivasi Xin Xing, tidak akan timbul kemampuan Gong sama sekali. Ada orang yang memiliki Xin Xing yang baik, sebaik sahaja timbulnya kemampuan Gong pada mana-mana tingkat, dan kemudiannya dia tidak dapat mengawalinya, telah melakukan perbuatan yang tidak patut dilakukan, juga ada fenomena sebegini. Akan tetapi sebaik sahaja dia melakukan perbuatan jahat, kemampuan Gongnya akan menjadi lemah ataupun hilang. Sekali ia hilang akan hilang selama-lamanya, dan yang paling serius ialah ia boleh membangkitkan keterikatan hati seseorang.

Ada master Qi Gong yang berkata, belajar Gong-nya untuk tiga hari dapat mengubati penyakit, lima hari dapat mengubati penyakit, seperti membuat pengiklanan, ini digelar peniaga Qi Gong. Coba kalian fikirkan, anda adalah seorang manusia biasa, dengan memancarkan sedikit Qi anda sudah mampu mengubati penyakit orang lain? Di dalam tubuh manusia biasa juga ada Qi, anda juga memiliki Qi, anda baru sahaja berlatih Gong, cuma titik Lao Gong³² anda sudah terbuka, dapat menerima Qi dan memancarkan Qi. Apabila anda mengubati penyakit orang lain, tubuh orang lain juga ada Qi, mungkin juga ia telah mengubati anda! Di antara Qi mana ada kesan saling menyekat? Qi langsung tidak dapat mengubati penyakit sama sekali. Bahkan semasa anda mengubati penyakit, anda dan pesakit itu telah membentuk satu medan, semua penyakit Qi dari pesakit itu berpindah ke tubuh anda, menjadi sama banyak, walaupun akarnya berada di tubuhnya, namun sekiranya penyakit Qi itu menjadi banyak ia juga akan menyebabkan anda jatuh sakit. Sebaik sahaja anda berasa anda mampu mengubati penyakit, anda akan membuka pintu untuk menyembuhkan penyakit orang lain, tidak akan menolak sesiapa pun yang datang, keterikatan hati anda akan timbul. Menyembuhkan penyakit orang lain, alangkah besar hati anda! Mengapa dapat menyembuhkan? Bukankah anda yang memikirkannya, pada tubuh master Qi Gong palsu selalunya ada Fu Ti, dan untuk meyakinkan anda, ia pun memberikan sedikit informasi kepada anda. Setelah anda mengubati tiga orang lima orang, sepuluh orang lapan orang pun habislah. Ia adalah sejenis penghabisan penggunaan energi, sejak dari itu energi yang sedikit ini pun sudah tidak ada lagi. Anda sendiri tidak memiliki Gong, dari mana Gong itu datang? Kami sebagai master Qi Gong mengharungi berpuluh-puluh tahun Xiu Lian, dahulunya berkultivasi Tao adalah sangat tidak mudah. Kalau tidak berpegang teguh kepada aliran Fa ortodoks untuk berkultivasi, tetapi berkultivasi pada aliran sampingan, berkultivasi pada Tao kecil, adalah amat sukar.

Anda lihat ada sesetengah master Qi Gong besar yang agak ternama, sekali berkultivasi berpuluh-puluh tahun, baru dapat berkultivasi sedikit Gong. Anda tidak berkultivasi, dengan hanya menyertai satu kelas sahaja anda sudah mendapat Gong? Mana ada hal sebegitu? Sejak dari itu timbulnya keterikatan hati anda. Sebaik sahaja timbulnya

32

Lao Gong – Titik akupunktur yang terletak di pusat tapak tangan.

keterikatan hati, jika anda tidak dapat menyembuhkan penyakit, anda akan berasa cemas. Ada orang demi melindungi nama baiknya, bahkan apa yang dia fikirkan apabila mengubati penyakit? “Penyakit ini biarlah saya yang kena, biarlah penyakitnya sembuh.” Itu bukannya timbul dari hati yang berbelas kasihan, keterikatannya demi nama dan kepentingan diri langsung tidak disingkirkan, langsung tidak akan dapat timbulnya hati yang berbelas kasihan sama sekali. Dia takut dirinya kehilangan nama, mengharapkan dirinya dapat penyakit ini, dia begitu takut kehilangan namanya, alangkah kuatnya keinginan untuk mencari nama! Sebaik sahaja keinginannya ini timbul, bagusnya, dengan seketika penyakit itu pun dipindahkan ke tubuhnya, kesan ini memang terjadi, dia balik rumah dengan penyakit, orang lain telah sembuh, setelah menyembuhkan penyakit orang lain, dia pulang ke rumah menanggung penderitaan. Anda merasa setelah menyembuhkan penyakit, orang lain mengelar anda sebagai master Qi Gong, anda berasa amat besar hati dan bangga diri, luar biasa indahya. Bukankah ini suatu keterikatan hati? Apabila tidak mampu menyembuhkan penyakit, anda jadi patah semangat, bukankah ini kesan dari keinginan untuk mencari nama dan kepentingan diri? Lagipun penyakit Qi dari pesakit yang telah anda ubati itu juga akan dipindah ke tubuh anda. Walaupun master Qi Gong palsu itu mengajar anda bagaimana caranya untuk menyingkirkannya ke luar, saya beritahu anda, ia langsung tidak dapat disingkirkan ke luar sama sekali, sedikit pun tidak dapat disingkirkan ke luar, ini kerana diri anda tidak memiliki kemampuan untuk membezakan Qi yang baik dan Qi yang buruk. Lama-kelamaan, di dalam tubuh anda semuanya hitam-hitam belaka, itu adalah karma.

Apabila benar-benar Xiu Lian, anda akan cukup menderita, macam mana dengan anda? Berapa banyak penderitaan yang harus anda harungi baru dapat mentransformasikan karma menjadi material putih? Ia adalah amat sukar, terutamanya orang yang memiliki dasar bawaan yang lebih baik akan lebih mudah timbul masalah ini. Ada orang yang hanya mengejar keinginan untuk mengubati penyakit, mengubati penyakit. Apabila anda mempunyai sesuatu keinginan untuk dikejar, haiwan itu pun dapat melihat, ia pun ingin menghampiri anda, ini adalah Fu Ti. Bukankah anda ingin mengubati penyakit? Ia akan membolehkan anda mengubati penyakit. Namun ia bukannya membolehkan anda mengubati tanpa sebab dan alasan, yang tidak hilang tidak akan memperoleh, ia adalah

sangat bahaya, akhirnya anda telah mengundangnya, apa lagi yang anda hendak Xiu Lian? Semuanya pun habis secara menyeluruh.

Ada sebahagian orang yang memiliki dasar bawaan yang baik menggunakan dasar bawaannya sendiri untuk bertukar dengan karma orang lain. Orang itu berpenyakit, karmanya besar, jika anda mengubati seseorang yang sakit tenat, setelah selesai mengubati penyakit dan pulang ke rumah, anda akan merasa betapa sengsaranya! Di antara kita yang pernah mengubati penyakit pada masa dahulu juga mempunyai perasaan sebegini, pesakit itu telah sembuh, tetapi anda balik rumah menderita dan sakit tenat. Lama-kelamaan, karma yang dipindahkan kepada anda menjadi banyak, anda menukar De dengan karma orang lain, bukankah ada prinsip yang tidak hilang tidak akan memperoleh. Jangan anggap apa yang anda inginkan adalah penyakit, karma juga harus ditukar dengan De. Di dalam alam semesta ini ada satu prinsip, jikalau anda sendiri yang minta, tidak ada sesiapa pun yang dapat peduli, juga tidak boleh mengatakan anda baik. Di dalam alam semesta ada satu ketentuan yang spesifik, iaitu sesiapa yang mempunyai karma yang banyak, dia adalah orang jahat. Anda telah menukarkan dasar bawaan anda sendiri dengan karmanya, apabila karma menjadi banyak, apa lagi yang anda hendak Xiu Lian? Seluruh dasar bawaan anda telah dihancurkan olehnya. Bukankah itu amat mengerikan? Orang lain telah sembuh dari penyakit, dia sudah berasa selesa, sementara anda pulang menderita sengsara. Jika anda menyembuhkan dua orang pesakit kanser, anda sendiri pun perlu menggantikan mereka pergi, bukankah ini bahaya? Beginilah yang terjadi, tetapi ramai orang yang tidak tahu prinsip yang terkandung.

Ada sesetengah master Qi Gong palsu, jangan anda lihat betapa terkenal namanya, yang terkenal itu tidak tentu bermaksud bijak. Apa yang manusia biasa tahu? Sebaik sahaja orang ramai membicarakannya, mereka pun terus percaya. Anda jangan sahaja melihat apa yang dilakukan olehnya sekarang, bukan sahaja dia menganiayai orang lain, dia juga menganiayai dirinya sendiri, satu dua tahun kemudian anda lihat bagaimana keadaannya, Xiu Lian tidak boleh dirosakkan sebegini. Xiu Lian boleh menyembuhkan penyakit, akan tetapi ia bukannya digunakan untuk menyembuhkan penyakit. Ia adalah satu benda yang supernormal, bukan kemahiran dalam kalangan manusia biasa, anda merosakkannya

mengikut kehendak hati seperti ini adalah tidak dibenarkan sama sekali. Sekarang ada sesetengah master Qi Gong palsu telah menyebabkan keadaan menjadi kacau dan kusam, mereka menggunakan Qi Gong sebagai cara untuk mencari nama dan kekayaan, mereka adalah organisasi jahat yang berusaha mengembangkan pengaruh, dan jumlahnya adalah berlipat kali ganda berbanding dengan master Qi Gong yang tulen, apabila manusia biasa semuanya berkata sedemikian, berbuat demikian, anda pun terus percayainya? Menganggap Qi Gong memang adalah sedemikian, padahalnya tidak. Apa yang saya utarakan adalah prinsip yang benar.

Apabila terjadinya berbagai interaksi sosial di antara manusia biasa, demi kepentingan peribadi telah berbuat hal yang tidak baik, sehingga dia berhutang, maka dia perlu membayar balik dengan menanggung penderitaan. Sekiranya, anda mengubati dengan sembarangan, dan jika anda benar-benar mampu menyembuhkannya, adakah itu boleh dibenarkan? Sedangkan Buddha berada di mana-mana, mengapakah bilangan Buddha yang begitu banyak pun tidak melakukan ini? Seandainya dia membuat semua umat manusia berasa selesa, alangkah baiknya! Mengapakah dia tidak melakukannya? Karma manusia sendiri harus dibayar sendiri, tiada sesiapa pun yang berani merosakkan prinsip ini. Dalam proses Xiu Lian seseorang itu, mungkin kerana timbulnya belas kasihan lalu dia membantu orang lain sekali sekala, namun itu juga hanya menangguhkan penyakit itu ke masa depan. Sekarang anda tidak mengalami kesengsaraan kelak akan kamu mengalaminya, ataupun sekadar ditransformasi untuk anda, anda tidak mendapat penyakit tetapi anda kehilangan wang, mengalami bencana, mungkin adalah sedemikian. Yang benar-benar dapat melakukan hal ini, dengan seketika sahaja melenyapkan karma anda itu, itu hanya terhad kepada orang yang Xiu Lian, tetapi tidak boleh dilakukan untuk manusia biasa. Di sini saya bukan mengutarakan prinsip berkenaan aliran saya sendiri, namun saya sedang mengutarakan kebenaran dari keseluruhan alam semesta kita, saya sedang bincangkan situasi sebenar dalam komuniti Xiu Lian.

Di sini kami tidak mengajar anda mengubati penyakit, kami membimbing anda menuju jalan besar, menuju jalan tepat, membawa anda menuju ke atas. Maka semasa saya memberi kuliah saya selalu katakan bahawa pelatih Falun Dafa semuanya tidak dibenarkan

mengubati penyakit, jika anda mengubati penyakit anda bukan pelatih Falun Dafa lagi. Ini kerana kami membimbing anda menuju jalan tepat, dalam proses Xiu Lian Fa duniawi sentiasa memurnikan tubuh anda, memurnikan tubuh, memurnikan tubuh, sehingga ditransformasikan sepenuhnya oleh material energi tinggi. Anda masih memasukkan benda hitam itu ke dalam tubuh sendiri, bagaimana anda dapat Xiu Lian? Itu adalah karma! Anda langsung tidak dapat Xiu Lian lagi. Jika ianya menjadi banyak, anda tidak akan dapat bertahan, menanggung penderitaan yang terlalu besar akan menyebabkan anda tidak dapat Xiu Lian lagi, beginilah prinsipnya. Saya telah menyebarkan Dafa ini, mungkin anda masih tidak tahu apa yang saya ajarkan. Memandangkan Dafa ini dapat disebarkan, maka ada cara untuk melindunginya. Jika anda mengubati penyakit orang lain, segala benda Xiu Lian yang dipasang dalam tubuh anda akan diambil balik sepenuhnya oleh Fa Shen saya. Tidak boleh membiarkan anda merosakkan benda yang begitu bernilai dengan sesuka hati bagi tujuan mencari nama dan kepentingan diri. Jika anda tidak bertindak mengikut Fa, maka anda bukanlah pelatih Falun Dafa, tubuh anda juga akan dikembalikan kepada posisi manusia biasa, benda-benda yang buruk juga akan dikembalikan kepada anda, ini kerana anda ingin menjadi manusia biasa.

Sejak kemalrin setelah habis mendengar kuliah, ramai orang di antara kita yang berasa tubuhnya menjadi ringan. Akan tetapi terdapat amat sedikit orang yang berpenyakit berat sudah mula terasa, sejak kemarin sudah mula berasa menderita. Kemarin setelah saya menyingkirkan benda-benda yang tidak baik dari tubuh anda, sebahagian besar orang di antara kita sudah terasa tubuh menjadi ringan, tubuh amat luar biasa selesa. Akan tetapi, di dalam alam semesta kita ini mempunyai satu prinsip iaitu: tidak hilang tidak akan memperoleh, tidak boleh menyingkirkan sepenuhnya untuk anda, tanpa anda menanggung sedikit penderitaan ini adalah tidak dibenarkan. Dalam erti kata lain punca sebenar penyakit anda, punca sebenar tubuh anda yang tidak sihat telah kami singkirkan, namun anda masih mempunyai satu medan penyakit. Apabila Tian Mu terbuka pada tingkat yang sangat rendah, kelihatan bergumpal-gumpal Qi hitam di dalam tubuh, penyakit Qi yang amat keruh, ia juga merupakan satu gumpalan Qi hitam yang amat pekat dan tahap kepekatan yang amat besar, sebaik sahaja ia tersebar, ia akan memenuhi seluruh tubuh anda.

Bermula dari hari ini, ada pelatih yang akan berasa kesejukan dalam seluruh tubuhnya, seperti terkena selesema yang serius, mungkin tulang pun terasa sakit. Sebahagian besar pelatih akan berasa tidak selesa pada sesetengah bahagian tubuh, sakit kaki, pening kepala. Bahagian yang pernah anda sakit dahulu mungkin akan terasa sembuh berkat latihan Qi Gong, atau mungkin sudah disembuhkan oleh mana-mana master Qi Gong, tetapi kini terasa sakit semula. Itu adalah kerana dia tidak menyembuhkan anda sepenuhnya, hanya menanggukannya ke belakang, ia masih berada di kedudukan itu, menyebabkan anda tidak sakit sekarang tetapi sakit pada masa akan datang. Kami perlu mengorekannya ke luar, perlu menyingkirkannya ke luar, semua disingkirkan dari akarnya. Dengan sedemikian, mungkin anda akan merasa penyakit itu sudah kembali, ini adalah penyingkiran karma dari dasarnya, oleh itu anda akan mempunyai reaksi, ada sesetengah orang yang akan mempunyai reaksi pada sesetengah bahagian tubuh, tidak selesa sebegini, tidak selesa sebegini, berbagai ketidakselesaan pun akan muncul, semuanya adalah normal. Saya beritahu anda, tak kira betapa menderita anda berasa, anda mesti bertekad untuk datang dengar kuliah, asalkan anda masuk ke kelas, apa-apa gejala penyakit anda pun sudah tidak ada, tidak akan berlaku sebarang kebahayaan. Perihal ini saya beritahu kalian, tak kira betapa susah anda rasa dalam mengharungi penyakit itu, diharap anda tetap bertekad datang, Fa sukar diperoleh. Semakin anda rasa sengsara ini bermaksud keadaan akan bertukar sebaliknya setelah mencapai titik puncak, seluruh tubuh anda akan dimurnikan, mesti dimurnikan secara menyeluruh. Akar penyakit telah disingkirkan, hanya tinggal sedikit Qi hitam ini biarkan ia memancar ke luar sendiri, anda hanya menanggung sedikit kesengsaraan, mengalami sedikit penderitaan, anda tidak menanggung sedikit pun adalah tidak dibenarkan.

Dalam masyarakat manusia biasa, persaingan demi nama, kepentingan diri dan perebutan di antara manusia, anda tidak dapat tidur dengan nyenyak, tidak dapat makan dengan enak, anda telah menyebabkan tubuh anda menjadi tidak baik. Apabila melihat tubuh anda dari ruang dimensi lain, semua tulang itu adalah hitam sepotong-potong. Tubuh sebegini, dengan hanya seketika dimurnikan untuk anda, jika sedikit reaksi pun tidak ada itu juga adalah tidak boleh, jadi anda akan mempunyai reaksi. Ada juga orang yang akan muntah serta cirit-birit. Dahulunya terdapat banyak pelatih tempatan yang menulis surat

pengalamannya kepada saya telah membangkitkan masalah ini dan menyatakan: “Guru, setelah saya mengikuti kuliah dan balik ke rumah, di sepanjang perjalanan saya asyik mencari tandas, asyik mencari tandas sehingga sampai di rumah.” Itu adalah kerana organ dalaman juga perlu dimurnikan. Ada juga individu yang akan tertidur, selepas saya habis berkuliah dia pun sudah bangun dari tidur. Mengapa? Ini kerana di dalam otaknya ada penyakit, perlu membantunya menyelaraskan semula. Apabila otak diselaraskan semula, dia langsung tidak dapat bertahan, jadi perlu membuatnya masuk kondisi anestesia, dia tidak akan tahu. Akan tetapi ada orang yang bahagian pendengarannya tidak terganggu, meskipun dia tidur dengan nyenyak, namun sepatut kata pun tidak ada yang tertinggal, semuanya telah pun didengar, sejak dari itu dia pun menjadi semangat, dua hari tidak tidur juga tidak mengantuk. Semua kondisi adalah tidak sama, semuanya juga perlu diselaraskan, seluruh tubuh anda pun harus dimurnikan sepenuhnya.

Orang yang benar-benar berlatih Falun Dafa, apabila anda sudah dapat melepaskan keterikatan hati anda, mulai sekarang semua pun akan ada reaksi. Mereka yang belum sanggup melepaskan keterikatan hati, meskipun mulutnya mengatakan bahawa dia sudah melepaskannya, dia sebenarnya langsung tidak sanggup melepaskannya sama sekali, maka adalah sukar untuk dilakukan. Ada juga sebahagian orang pada masa kelak dapat mengerti isi kandungan kuliah saya, lalu dia melepaskan keterikatan hatinya, tubuhnya juga dimurnikan, sewaktu tubuh orang lain sudah menjadi ringan, penyakitnya baru mula disingkirkan, dia baru mula berasa tidak selesa. Setiap kuliah selalu ada orang yang tertinggal sebegini, yang kualiti kesedarannya kurang baik sedikit, oleh itu tak kira kondisi apa pun yang anda alami semuanya adalah normal. Ketika mengadakan kuliah di tempat lain, selalu berlaku keadaan sebegini, ada orang yang terasa sangat tidak selesa, tertiarap di tempat duduknya enggan meninggalkan dewan, menunggu saya turun dari pentas untuk mengubati penyakitnya. Saya tidak akan mengubatinya, dengan hanya rintangan ini pun anda tidak dapat mengharunginya, kelak sewaktu anda Xiu Lian sendiri, anda akan mengalami banyak rintangan yang besar, ini pun anda tidak dapat harungi, apakah yang anda masih ingin Xiu Lian? Hal kecil sebegini pun anda tidak dapat harungi? Mesti akan dapat mengharunginya. Jadi kalian jangan sesekali cari saya untuk mengubati penyakit,

saya juga tidak mengubati penyakit, sebaik sahaja anda menyebut perkataan “penyakit” ini, saya pun tidak ingin mendengarnya.

Manusia memang sukar untuk diselamatkan, pada setiap kuliah selalunya terdapat lima hingga sepuluh peratus orang yang tidak dapat mengikuti. Adalah tidak mungkin setiap orang dapat memperoleh Tao, meskipun orang yang mampu bertahan untuk berlatih terus, masih juga perlu lihat sama ada anda dapat berjaya dalam Xiu Lian, masih perlu lihat sama ada anda mampu bertekad untuk berkultivasi, setiap orang menjadi Buddha adalah tidak mungkin. Bagi yang benar-benar berkultivasi Dafa, dengan membaca buku juga akan timbul keadaan yang sama, juga akan memperoleh segala sesuatu yang memang harus diperoleh.

Ceramah 3

Saya Melayan Semua Pelatih Sebagai Anak Murid

Adakah anda tahu? Apakah yang telah saya lakukan? Saya melayan semua pelatih sebagai anak murid untuk dibimbing, ini termasuk mereka yang belajar sendiri dan benar-benar boleh Xiu Lian. Mengajar Gong menuju ke tingkat tinggi, jika tidak membimbing anda sebegini adalah tidak boleh, itu adalah sama seperti tidak bertanggungjawab, bertindak mengikut suka hati. Kami memberi anda begitu banyak benda, memberitahu anda begitu banyak prinsip yang tidak harus diketahui oleh manusia biasa, saya telah mengajar Dafa ini kepada anda, masih akan memberi pelbagai benda kepada anda. Tubuh anda pun telah dimurnikan, malah ia masih melibatkan beberapa masalah lain, jadi kalau tidak membimbing anda sebagai anak murid, ia adalah tidak dibenarkan sama sekali. Dengan sesuka hati membocorkan begitu banyak rahsia langit kepada seorang manusia biasa, itu adalah tidak dibenarkan. Tetapi ada satu perkara, zaman sekarang sudah berubah, kita juga tidak melakukan formaliti sembah sujud sebegini lagi. Formaliti sebegini tidak berapa guna, bila dilakukan berupa seperti agama, kami tidak melakukan ini. Ini kerana meskipun anda telah bersujud, telah melakukan upacara mengangkat Guru, sebaik sahaja anda melangkah ke luar pintu, anda tetap masih bertindak mengikut kehendak hati anda, apa yang patut dilakukan oleh anda dalam kalangan manusia biasa anda tetap masih lakukan, demi nama dan kepentingan anda, anda berebut, anda bersaing, jadi apa gunanya? Anda mungkin akan mempergunakan nama saya dan merosakkan reputasi Dafa!

Perihal Xiu Lian yang sebenarnya adalah tergantung sepenuhnya pada hati anda untuk berkultivasi, asalkan anda dapat berkultivasi, asalkan anda dapat terus gigih berkultivasi secara mantap, kami akan membimbing anda seperti anak murid, tidak melayan anda sedemikian adalah tidak dibenarkan. Akan tetapi ada sebahagian orang, dia tidak tentu boleh benar-benar menganggap dirinya sebagai seorang yang Xiu Lian dan terus berkultivasi, ada sebahagian orang adalah tidak mungkin. Namun ramai orang yang benar-

benar akan terus berkultivasi. Asalkan anda terus berkultivasi, kami akan membimbing anda seperti anak murid.

Hanya dengan berlatih beberapa perangkat gerakan ini setiap hari, adakah anda sudah boleh dianggap sebagai pelatih Falun Dafa? Ia tidak semestinya. Ini kerana benar-benar Xiu Lian perlu mematuhi apa yang kita sebut sebagai permintaan kriteria Xin Xing, perlu benar-benar tingkatkan Xin Xing sendiri, itu baru adalah Xiu Lian yang benar-benar. Dengan hanya berlatih gerakan itu sahaja, Xin Xing anda tidak meningkat ke atas, tidak mempunyai energi yang kuat untuk memperkuat segala itu, itu tidak boleh dikatakan sebagai Xiu Lian, kita juga tidak boleh menganggap anda sebagai pelatih Falun Dafa. Kalau anda terus begitu, jangan lihat anda berlatih Gong, anda tidak mematuhi permintaan Falun Dafa kami, anda tidak meningkatkan Xin Xing anda, dalam kalangan manusia biasa anda masih bertindak mengikut kehendak hati diri sendiri, mungkin anda masih akan mengalami masalah lain yang menyusahkan, mungkin anda juga akan mengatakan berlatih Falun Dafa kita telah menyebabkan anda berlatih sehingga menyimpang, ini semuanya adalah mungkin. Jadi anda perlu benar-benar mematuhi permintaan kriteria Xin Xing dalam melakukan sesuatu, itu barulah orang yang benar-benar Xiu Lian. Saya telah menjelaskan dengan terang kepada kalian semua, jadi kalian jangan sesekali mencari saya untuk melakukan apa yang disebut formaliti menyembah Guru, asalkan anda benar-benar berkultivasi, saya akan melayan anda sebegini. Bilangan Fa Shen saya sudah banyak sehingga tidak terhitung, jangan kata pelatih semua ini, lebih banyak lagi pun masih dapat saya tangani.

Gong Aliran Buddha dan Agama Buddha

Gong aliran Buddha bukan agama Buddha, perkara ini perlu saya jelaskan secara nyata kepada anda. Sebenarnya Gong aliran Tao juga bukan agama Tao. Sesetengah orang di antara kita selalu tidak dapat memahami perkara ini. Ada sesetengah orang adalah biksu dari biara, ada sesetengah pula adalah penganut agama Buddha awam, dia merasa dia lebih mengetahui hal dalam agama Buddha, dia pun menggembar-gemburkan hal-hal dalam agama Buddha secara besar-besaran dalam kalangan pelatih kita. Saya beritahu anda,

jangan anda berbuat demikian, kerana ini adalah benda yang berasal dari aliran Fa yang berbeza. Agama mempunyai bentuk agamanya sendiri, sedangkan kami di sini adalah mengajarkan sebahagian dari ajaran Xiu Lian menurut aliran Fa kami, selain daripada pelatih Falun Dafa yang berkultivasi khusus, kita tidak mengutarakan formaliti agama, maka kita bukanlah agama Buddha dari zaman akhir Dharma.

Dharma dalam agama Buddha hanya merupakan sebahagian kecil dari Fa Buddha, masih ada banyak dharma besar yang tinggi dan mendalam, masih ada Fa yang berbeza pada berbagai tingkat. Sakyamuni mengatakan, Xiu Lian mempunyai lapan puluh empat ribu aliran Fa. Sedangkan dalam agama Buddha hanya terdapat beberapa aliran Fa, ia hanya mempunyai Tian Tai, Hua Yan, Buddhisme Zen, Tanah Suci, Tantra dan lain-lain, beberapa aliran Fa ini sahaja, bahkan tidak melebihi sepuluh! Jadi ia tidak dapat merangkumi seluruh Fa Buddha, ia hanya adalah sebahagian kecil dari Fa Buddha. Falun Dafa kita juga merupakan salah satu dari lapan puluh empat ribu aliran Fa, tidak mempunyai hubungan dengan agama Buddha masa lampau sehingga agama Buddha pada zaman akhir Dharma, dan juga tidak mempunyai hubungan dengan agama kini.

Agama Buddha ditubuhkan oleh Sakyamuni pada dua ribu lima ratus tahun lalu di India kuno. Pada masa itu, setelah Sakyamuni terbuka Gong dan terbuka kesedaran, dia mengimbas kembali ingatannya berkenaan benda yang dia Xiu Lian dahulu, lalu menyebarkannya untuk menyelamatkan manusia. Biarpun aliran Fa-nya telah menghasilkan berapa puluh ribu jilid kitab yang telah tersusun, sebenarnya ia hanya tiga perkataan, ciri-ciri istimewa aliran Fa-nya adalah: “Berpantang, Samadhi³³, Kebijakan.” Berpantang, ialah menyingkirkan segala nafsu keinginan dalam kalangan manusia biasa, mewajibkan anda kehilangan keinginan untuk mengejar kepentingan diri, memutuskan segala benda duniawi dan sebagainya. Dengan demikian hatinya pun berubah menjadi “kosong”, tidak memikirkan apa-apa pun, juga dapat mencapai samadhi, mereka saling melengkapi. Setelah mencapai samadhi, perlu duduk bermeditasi dan berkultivasi dengan bersungguh-sungguh, bergantung kepada daya samadhi untuk berkultivasi ke atas, ini adalah bahagian Xiu Lian yang sebenarnya dari aliran Fa itu. Dia juga tidak mementingkan

33

Samadhi – Dalam agama Buddha, “mencapai tahap hening menerusi meditasi.”

latihan teknik gerakan, tidak mengubah Ben Ti dirinya. Dia hanya berkultivasi Gong yang menentukan tinggi rendah tingkatannya, jadi senantiasa Xiu Lian Xin Xingnya, tidak berkultivasi nyawa jadi tidak mementingkan evolusi Gong. Pada masa yang sama, dia memperkuat daya samadhinya semasa dalam samadhi, menanggung penderitaan semasa bermeditasi, menyingkirkan karmanya. Kebijakan, itu berarti seseorang telah terbuka kesedarannya, telah mencapai kebijakan yang maha sempurna. Telah dapat melihat kebenaran alam semesta, telah melihat kebenaran pada berbagai ruang alam semesta, kesemua kuasa supernatural pun tertimbul. Terbukanya kebijakan, terbukanya kesedaran, juga digelar terbukanya Gong.

Semasa Sakyamuni menubuhkan aliran Fa-nya pada masa itu, di India terdapat lapan jenis agama yang tersebar pada masa yang sama. Terdapat sejenis agama yang sudah berurat berakar mendalam yang digelar agama Brahmana. Sepanjang hayat Sakyamuni, selalu berlakunya persaingan dalam bentuk ideologi dengan agama lain. Oleh kerana apa yang diajarkan oleh Sakyamuni adalah Fa ortodoks, maka dalam sepanjang proses mengajar Fa, Fa Buddha yang diajarnya semakin lama semakin kuat. Sedangkan agama lain pula semakin lama semakin lemah, bahkan agama Brahmana yang sudah berurat berakar mendalam itu juga berada dalam keadaan nyaris musnah. Akan tetapi setelah Sakyamuni mencapai Nirwana, agama lain pula mula berbangkit semula, terutamanya agama Brahmana, juga mula berbangkit semula. Sebaliknya apakah masalah yang berlaku dalam agama Buddha? Ada sesetengah biksu telah terbuka Gong pada tingkatan yang berbeza, telah terbuka kesedarannya, namun tingkat yang terbuka adalah lebih rendah. Sakyamuni telah mencapai tingkat Tathagata, sedangkan ramai biksu tidak mencapai tingkat ini.

Pada tingkat yang berbeza Fa Buddha mempunyai manifestasi yang berbeza, tetapi semakin tinggi semakin mendekati kebenaran, semakin rendah semakin jauh dari kebenaran. Jadi para biksu yang telah terbuka Gong dan terbuka kesedaran pada tingkat rendah, mereka pun menggunakan manifestasi alam semesta yang dilihat dari tingkatan mereka, situasi yang difahami dan prinsip yang disedari oleh mereka, untuk menjelaskan ungkapan yang pernah dikatakan oleh Sakyamuni. Dalam erti kata lain, ada sesetengah

biksu menjelaskan Fa yang pernah diajar oleh Sakyamuni dengan tafsiran begini, tafsiran begitu. Bahkan ada sesetengah biksu yang menggunakan hal-hal yang difahami oleh dirinya sendiri sebagai ajaran Sakyamuni, tidak mengajarkan ajaran asal Sakyamuni. Dengan demikian mengakibatkan Fa Buddha berubah wajah sehingga tidak dapat dikenali lagi, langsung bukan Fa yang diajarkan oleh Sakyamuni lagi, dan akhirnya mengakibatkan Fa Buddha dalam agama Buddha lenyap di India. Ini adalah satu pengajaran sejarah yang amat serius, oleh demikian, selepas itu India tidak ada agama Buddha lagi. Sebelum ia lenyap, agama Buddha telah mengalami berkali-kali perbaikan, dan akhirnya telah menggabungkan ajaran agama Brahmana, dan kini terbentuknya satu agama di India, yang digelar agama Hindu. Ia juga sudah tidak memuja apa-apa Buddha lagi, tetapi memuja beberapa benda yang lain, juga tidak percayai Sakyamuni lagi, situasinya adalah sebegini.

Dalam proses perkembangan agama Buddha, telah wujud beberapa kali perbaikan yang agak besar. Satunya ialah pada suatu masa tidak lama selepas Sakyamuni wafat, ada orang menubuhkan agama Buddha Mahayana berdasarkan prinsip tingkat tinggi yang pernah diajar oleh Sakyamuni. Mereka berpendapat bahawa Fa yang diajar oleh Sakyamuni secara terbuka adalah untuk manusia biasa secara umum, bertujuan untuk mencapai pembebasan diri dan mencapai status buah Arhat,³⁴ tidak mengutarakan penyelamatan segala makhluk hidup secara universal, lalu mengelarnya sebagai agama Buddha Hinayana. Biksu dari negara Asia Tenggara telah mengekalkan kaedah Xiu Lian yang berasal dari zaman Sakyamuni, di daerah Han ia digelar sebagai agama Buddha Hinayana. Sudah tentu mereka sendiri tidak mengakuinya, mereka berpendapat bahawa mereka adalah pewaris ajaran asli Sakyamuni. Sememangnya adalah sebegini, mereka pada dasarnya telah mewarisi kaedah Xiu Lian zaman Sakyamuni.

Setelah agama Buddha Mahayana yang telah mengalami perbaikan ini disebar ke negara China kita, ia pun menetap di negara China, iaitu agama Buddha kini yang disebar dalam negara kita. Sebenarnya ia sudah berubah wajah sehingga tidak dapat dikenali lagi berbanding dengan agama Buddha pada zaman Sakyamuni, dari cara pemakaian sehingga ke seluruh keadaan mencapai kesedaran, serta proses Xiu Lian-nya pun telah mengalami

³⁴

Arhat – Status buah dalam aliran Buddha; tingkatan terendah setelah keluar dari Triloka.

perubahan. Agama Buddha masa lampau hanya menyembah Sakyamuni sebagai pengasas, namun agama Buddha kini telah wujud banyak Buddha dan Maha Bodhisattva dan lain-lain lagi, bahkan adalah suatu kepercayaan kepada banyak Buddha. Tertimbulnya kepercayaan kepada banyak Buddha Tathagata, menjadi suatu agama yang mengamalkan multi-Buddha. Misalnya Amitabha, Bhaisajyaguru, Vairocana dan lain-lain lagi, juga tertimbulnya banyak Maha Bodhisattva. Dengan demikian agama Buddha secara keseluruhannya sudah langsung tidak sama berbanding dengan apa yang diasaskan oleh Sakyamuni pada masa itu.

Pada masa itu masih pernah berlaku suatu proses perbaikan, di mana Bodhisattva Nagarjuna telah menyebarkan sejenis kaedah kultivasi rahsia, dari India melalui Afghanistan, kemudiannya memasuki wilayah Xinjiang dan menyebar masuk ke daerah Han, waktu itu tepat pada masa dinasti Tang, maka ia dinamakan Tantra Tang. Oleh kerana negara China kita mengalami pengaruh aliran Konfusianisme yang agak besar, konsep moral yang dimiliki adalah tidak sama dengan bangsa lain pada umumnya. Di dalam kaedah Xiu Lian aliran Tantra ini ada kultivasi berpasangan lelaki dan wanita, dan ia tidak dapat diterima oleh masyarakat pada masa itu, jadi pada tahun Huichang Dinasti Tang, aliran ini telah dimusnahkan semasa berlakunya kejadian penindasan agama Buddha, Tantra Tang pun telah lenyap di daerah Han. Sekarang di negara Jepun ada yang digelar sebagai Tantra Timur, ia adalah dipelajari dari negara China kita pada masa itu, namun ia tidak pernah menjalani Guan Ding.³⁵ Menurut kata Tantra, jika seseorang belajar ajaran Tantra tanpa menjalani Guan Ding, maka ia terjumlah kepada pencurian Fa, ia tidak akan diakui sebagai ajaran dari master sendiri. Satu lagi yang disebar masuk ke Tibet menerusi India dan Nepal, digelar sebagai Tantra Tibet, masih diwarisi sehingga hari ini. Demikianlah keadaan agama Buddha pada dasarnya, saya telah menghuraikan proses perkembangan dan evolusinya secara ringkas dan menyeluruh. Di dalam proses perkembangan seluruh agama Buddha, masih pernah wujud Buddhisme Zen seperti yang didirikan oleh Bodhidharma, masih ada Tanah Suci, Hua Yan dan lain-lain lagi, semuanya merupakan hasil kesedaran berdasarkan ajaran Sakyamuni pada masa itu, ini juga tergolong dalam agama Buddha yang telah diperbaiki. Di dalam agama Buddha terdapat

35

Guan Ding – Pengisian masuk energi melalui ubun-ubun kepala.

sepuluh lebih aliran ini, mereka semua telah memasuki suatu bentuk formaliti agama, jadi mereka pun tergolong dalam agama Buddha.

Agama-agama yang terbentuk pada abad ini, bukan hanya terhad kepada abad ini sahaja, pada beberapa abad yang terdahulu juga terdapat banyak agama baru yang terbentuk di pelbagai tempat di seluruh dunia, ini kebanyakannya adalah palsu. Para Sang Maha Sedar menyelamatkan manusia, semuanya memiliki sebuah surga sendiri, Sakyamuni, Amitabha, Vairocana dan lain-lain lagi, para Buddha Tathagata ini dalam menyelamatkan manusia, semuanya mempunyai sebuah dunia yang dipimpin olehnya sendiri. Di dalam galaksi kita ini, dunia seperti ini ada seratus lebih, Falun Dafa kita juga mempunyai Dunia Falun.

Ke manakah manusia yang ingin diselamatkan oleh aliran Fa yang palsu? Ia tidak dapat menyelamatkan manusia, apa yang diajar olehnya bukanlah Fa. Sudah tentu ada sesetengah orang menubuhkan agama, pada awalnya tujuannya bukanlah untuk menjadi iblis yang merosakkan agama ortodoks. Dia telah terbuka Gong dan terbuka kesedaran pada tingkat yang berbeza, telah dapat melihat sedikit prinsip, tetapi bila dibandingkan dengan Sang Sedar yang menyelamatkan manusia dia adalah terpaut jauh sekali, tingkatnya sangat rendah. Dia mendapati sesetengah prinsip, mendapati sesetengah hal dalam kalangan manusia biasa adalah salah, dia juga memberitahu orang lain bagaimana cara untuk berbuat baik, pada mulanya juga tidak menentang agama lain. Akhirnya orang ramai pun percaya dan memujanya, berpendapat ajarannya adalah masuk akal, dan kemudiannya pun makin lama makin percayainya, akhirnya orang ramai pun memujanya, dan tidak memuja agama lagi. Sebaik sahaja timbulnya keterikatan hatinya demi nama dan kepentingan peribadi, meminta orang awam memberi gelaran tertentu kepadanya, dan sejak dari itu dia pun menubuhkan satu agama yang baru. Saya beritahu anda, semua ini adalah tergolong dalam agama sesat, meskipun ia tidak menganiaya orang, ia juga adalah agama sesat. Ini kerana ia telah mengganggu orang ramai untuk menganut agama ortodoks, agama ortodoks adalah untuk menyelamatkan manusia sedangkan ia tidak mampu. Semakin lama ia berkembang secara berterusan, ia akan berbuat jahat secara senyap. Baru-baru ini terdapat banyak jenis sebegini yang telah menyebar ke negara China, seperti apa

yang digelar sebagai aliran Fa Avalokitesvara adalah salah satu di antaranya. Maka anda semua mesti berwaspada, dengar khabarnya salah satu negara di Asia Timur terdapat lebih dari dua ribu jenis, di Asia Tenggara dan negara Barat lain, kepercayaan apa pun ada, bahkan ada satu negara yang secara terus terang mengamalkan ajaran sihir. Benda-benda ini semuanya adalah iblis yang muncul pada zaman akhir Dharma. Zaman akhir Dharma bukan sahaja menuju kepada agama Buddha, ia menuju kepada banyak ruang dimensi dari tingkat yang amat tinggi menuju ke bawah semuanya sudah mengalami kerosakan. Akhir Dharma bukan sahaja bermaksud akhir Dharma pada agama Buddha, malah bermaksud masyarakat manusia sudah tidak mempunyai Fa yang menyekat hati untuk mempertahankan dan mengekalkan moral.

Xiu Lian Haruslah Berpengkhususan Tunggal

Kami mengutarakan Xiu Lian haruslah berpengkhususan tunggal, tidak kira bagaimana anda berkultivasi, pun tidak boleh berkultivasi sembarangan dengan bercampur-adukkan benda-benda lain ke dalamnya. Ada sesetengah penganut agama Buddha awam, dia bukan sahaja berkultivasi ajaran agama Buddha, dia juga berkultivasi Falun Dafa kami. Saya beritahu anda, akhirnya anda tidak akan peroleh apa pun, sesiapa pun tidak akan memberi kepada anda. Oleh kerana kami semua berasal dari aliran Buddha, namun di sini ada suatu soal Xin Xing, pada masa yang sama juga ada soal pengkhususan tunggal. Anda hanya ada satu tubuh, Gong aliran mana yang akan terbentuk dalam tubuh anda? Bagaimana dievolusikan untuk anda? Anda ingin pergi ke mana? Anda mengikuti kultivasi aliran Fa yang mana, ke sanalah anda akan pergi. Anda mengikut kultivasi aliran Tanah Suci, anda akan pergi ke Dunia Sukhavati bagi Amitabha, anda mengikuti kultivasi Bhaisajyaguru, anda akan pergi ke Dunia Berglasir, beginilah yang dikatakan dalam agama, ini digelar tiada aliran Fa kedua.

Apa yang kami sebut berlatih Gong di sini, sebenarnya juga adalah proses evolusi seluruh Gong, semuanya adalah berdasarkan Xiu Lian aliran Fa itu sendiri. Anda kata mana yang ingin anda pergi? Kaki anda memijak dua perahu, apa pun tidak akan perolehi. Bukan sahaja berlatih Gong tidak boleh bercampur aduk dengan kultivasi Buddha dalam biara, di

antara kaedah Xiu Lian, di antara Qi Gong dengan Qi Gong, di antara agama dengan agama juga tidak boleh bercampur. Meskipun satu agama yang sama, antara aliran Fa sekundernya juga tidak boleh dikultivasi secara bercampur aduk, hanya boleh memilih satu aliran Fa. Anda berkultivasi Tanah Suci, hanya Tanah Suci itu sahaja. Anda berkultivasi Tantra, hanya Tantra itu sahaja. Anda berkultivasi Buddhisme Zen, hanya Buddhisme Zen itu sahaja. Jika kaki anda memijak dua perahu, berkultivasi yang ini, dan juga berkultivasi yang itu, apa pun tidak akan dapat peroleh. Dalam erti kata lain, di dalam agama Buddha perlu mengutarakan tiada aliran Fa kedua, juga tidak membenarkan anda kultivasi secara bercampur aduk. Ia juga adalah latihan Gong, ia juga adalah Xiu Lian, proses terbentuknya Gong semuanya adalah berdasarkan proses Xiu Lian dan evolusi dari aliran Fa-nya sendiri. Di dalam ruang dimensi lain juga terdapat suatu proses evolusi Gong, juga merupakan satu proses yang luar biasa rumit dan luar biasa misteri, juga tidak boleh berkultivasi dengan mencampur-adukkan benda yang lain mengikut kehendak hati.

Ada sesetengah penganut agama Buddha awam, sebaik sahaja terdengar berlatih Gong aliran Buddha, pun terus menarik pelatih kita ke biara untuk mengikuti upacara menganut agama Buddha. Saya beritahu anda, pelatih kita yang duduk di sini, sesiapa pun jangan sesekali melakukan hal ini. Anda merosakkan Dafa kami, juga merosakkan pantang larang dalam agama Buddha, di samping itu anda juga sedang mengganggu pelatih, anda menyebabkan orang lain tidak memperoleh apa pun, ini adalah tidak dibenarkan. Xiu Lian adalah soal yang serius, mesti berpengkhususan tunggal. Bahagian yang kami ajarkan dalam kalangan manusia biasa ini, walaupun bukan agama, akan tetapi matlamat Xiu Lian-nya adalah sama, adalah untuk mencapai matlamat sebegini, iaitu terbukanya Gong dan terbukanya kesedaran, mencapai keberhasilan Gong secara sempurna.

Sakyamuni mengatakan sesampainya zaman akhir Dharma, biksu yang berada di biara pun sukar untuk menyelamatkan diri, apatah lagi penganut agama Buddha awam, lagi tiada orang yang peduli. Jangan menganggap anda telah melakukan upacara mengangkat guru, guru yang anda sebut itu juga hanyalah orang yang Xiu Lian, jika dia tidak berkultivasi dengan bersungguh-sungguh juga adalah sia-sia, jika tidak berkultivasi pada hati ini, sesiapa pun tidak akan dapat berkultivasi ke atas. Upacara menganut agama adalah

formaliti dalam kalangan manusia biasa, dengan melakukan upacara itu anda pun sudah menjadi orang aliran Buddha? Adakah Buddha akan peduli anda? Tiada hal sebegini. Anda bersujud setiap hari sampai kepala terluka, atau membakar batang colok secara bergenggam-genggam juga tidak berguna, anda perlu benar-benar berkultivasi hati anda dengan bersungguh-sungguh baru boleh. Sesampainya zaman akhir Dharma, alam semesta sudah mengalami perubahan yang amat besar, bahkan tempat yang menganut agama juga menjadi tidak baik, orang yang memiliki kemampuan Gong (termasuk biksu) juga telah mengesan situasi ini. Pada masa ini di seluruh dunia hanya saya seorang sahaja yang mengajar Fa ortodoks secara terbuka, saya telah melakukan suatu hal yang tidak pernah dilakukan oleh orang dahulu, bahkan pada zaman akhir Dharma telah membuka pintu yang sedemikian besar. Sebenarnya peluang ini tidak dapat ditemui dalam ribuan tahun, bahkan dalam puluhan ribu tahun, tetapi sama ada boleh diselamatkan ataupun sama ada boleh berkultivasi masih perlu bergantung kepada diri sendiri, apa yang saya katakan adalah satu prinsip alam semesta yang amat luas.

Saya juga bukan minta anda mesti belajar Falun Dafa saya ini, apa yang saya katakan adalah sebuah prinsip. Jika anda ingin Xiu Lian, anda harus berpengkhususan tunggal, kalau tidak, anda langsung tidak dapat Xiu Lian. Sudah tentu sekiranya anda tidak ingin Xiu Lian, kami juga tidak akan mempeduli anda, kerana Fa adalah untuk diajarkan kepada orang yang benar-benar Xiu Lian, oleh itu mestilah berpengkhususan tunggal, bahkan niat fikiran dari kaedah Gong lain juga tidak boleh dicampur masuk. Di sini saya tidak mengajarkan aktiviti niat fikiran, Falun Dafa kita tidak mempunyai sebarang aktiviti niat fikiran, jadi anda semua juga jangan menambah masuk apa-apa niat fikiran ke dalam. Hal ini mesti diberi perhatian, secara dasar adalah tanpa aktiviti niat fikiran, aliran Buddha mengutarakan prinsip kosong, aliran Tao mengutarakan prinsip nihil.

Saya pada suatu kali pernah menggabungkan fikiran saya dengan empat atau lima Sang Maha Sedar dan Maha Tao dari tingkat yang luar biasa tinggi. Kalau ingin kata tingginya itu, apabila dilihat dari pandangan manusia biasa adalah amat tinggi sehingga sukar dipercayai. Mereka ingin mengetahui apa yang saya fikirkan dalam hati. Saya telah Xiu Lian sekian banyak tahun, orang lain ingin mengetahui apa yang saya fikirkan adalah

tidak mungkin, kemampuan Gong orang lain langsung tidak dapat menembusi fikiran saya sama sekali. Sesiapa pun tidak dapat mengetahui saya, dia juga tidak dapat mengetahui apa yang saya fikirkan, mereka ingin memahami aktiviti pemikiran saya, jadi setelah mendapat persetujuan saya, saya telah menggabungkan pemikiran saya dengan mereka pada satu tempoh masa. Setelah bergabung, saya merasa agak tidak tahan, tak kira betapa tinggi tingkat saya, juga tak kira betapa rendah tingkat saya, oleh kerana saya berada dalam kalangan manusia biasa, saya masih melakukan sesuatu perkara yang bertujuan, perkara untuk menyelamatkan manusia, hati sedang menyelamatkan manusia. Akan tetapi hati mereka itu tenang sehingga tahap apa? Tenang sehingga satu tahap yang menakjubkan. Jika anda seorang mencapai ketenangan sehingga tahap ini masih boleh, empat atau lima orang duduk di sana, semuanya tenang sehingga tahap itu, bagaikan sekolam air mati yang tidak ada apa-apa sama sekali, saya cuba untuk merasakan mereka tetapi tidak dapat berbuat demikian. Dalam beberapa hari itu hati saya berasa sangat tidak selesa, selalu merasakan perasaan sebegitu. Manusia umumnya tidak dapat membayangkan, tidak dapat merasakan, semuanya adalah Wu Wei, adalah kosong.

Xiu Lian pada tingkat yang amat tinggi langsung tidak ada aktiviti niat fikiran sama sekali, ini kerana anda berada pada tingkat di mana manusia biasa membentuk asas yang diperlukan, asas tersebut sudah siap dibentuk. Sesampainya Xiu Lian pada tingkat tinggi, terutamanya kaedah Gong kita adalah secara automatik, secara keseluruhannya adalah Xiu Lian secara automatik. Asalkan anda meningkatkan Xin Xing anda, Gong anda pun akan meningkat, bahkan anda tidak perlu melakukan sebarang teknik gerakan apa pun. Gerakan kita adalah untuk memperkuat sistem mekanik yang automatik, mengapakah seseorang selalu duduk bermeditasi tanpa bergerak semasa ber-dhyana³⁶? Langsung adalah Wu Wei sama sekali. Anda lihat aliran Tao mengajarkan teknik gerakan ini, teknik gerakan itu, apa aktiviti niat fikiran dan pengarahannya niat fikiran. Saya beritahu anda, aliran Tao setelah melompat keluar sedikit dari tingkat Qi itu, apa pun tidak ada lagi, langsung tidak mengatakan niat fikiran ini mahupun niat fikiran itu sama sekali. Oleh kerana itu ada sebahagian orang yang pernah berlatih Qi Gong yang lain selalu tidak dapat melepaskan diri dari cara bernafas, niat fikiran dan sebagainya. Saya mengajar dia pelajaran universiti,

36

Dhyana – Meditasi mendalam.

tetapi dia selalu bertanya soalan murid sekolah rendah kepada saya, berkenaan bagaimana cara mengarahkan, bagaimana aktiviti niat fikiran, dia sudah terbiasa dengan ini, dia berpendapat Qi Gong memang adalah sebegini, padahal ia bukan sebegini.

Kemampuan Gong dan Daya Gong

Ramai di antara kita yang tidak jelas dengan pemahaman mereka terhadap istilah yang ada dalam Qi Gong, juga ada orang yang selalu mencampur-adukkan. Dia mengatakan kemampuan Gong sebagai daya Gong, daya Gong sebagai kemampuan Gong. Gong ini yang terhasil dari kultivasi Xin Xing kita sendiri, adalah berasimilasi dengan ciri-ciri alam semesta, De diri sendiri yang berevolusi menjadi Gong. Ini pun menentukan tingkat tinggi rendah seseorang, besar kecil daya Gong, perihal tinggi rendah status buahnya, ini adalah Gong yang paling penting. Dalam proses Xiu Lian, keadaan apa yang akan muncul pada seseorang itu? Iaitu boleh timbulnya beberapa kemampuan supernormal, singkatannya kita gelar sebagai kemampuan Gong. Apa yang saya katakan tadi berkenaan Gong yang boleh meningkatkan tingkat seseorang itu, adalah digelar sebagai daya Gong. Semakin tingginya tingkatan, semakin besarnya daya Gong, semakin kuatnya kemampuan Gong.

Kemampuan Gong hanya merupakan produk sampingan proses Xiu Lian, ia tidak mewakili tingkatan, tidak mewakili tingkat tinggi rendah seseorang, mahupun besar kecilnya daya Gong, ada orang mungkin timbul lebih banyak, ada orang timbul kurang sedikit. Lagipun kemampuan Gong juga bukan sesuatu yang boleh diperoleh dengan menjadikannya sebagai suatu matlamat utama untuk dikejar dalam kultivasi. Orang ini mestilah mengenal pasti bahawa dia memang benar-benar ingin Xiu Lian dan bersamaan itu, dia barulah boleh timbul kemampuan Gong, tetapi tidak boleh menjadikannya sebagai matlamat utama untuk dikultivasi. Untuk apa anda ingin melatih benda-benda ini? Anda ingin menggunakannya dalam kalangan manusia biasa? Itu adalah langsung tidak dibenarkan untuk anda menggunakannya sesuka hati dalam kalangan manusia biasa, oleh itu semakin anda mengejar semakin anda tidak perolehi. Ini kerana anda mengejanya,

mengejar itu sendiri sudah merupakan keterikatan hati, apa yang harus disingkirkan dalam Xiu Lian ialah keterikatan hati ini.

Ada ramai orang yang Xiu Lian sehingga tahap yang amat tinggi dan mendalam, namun dia tidak memiliki kemampuan Gong. Shi Fu telah menguncikannya, kkuatir dia tidak dapat mengawal diri sehingga berbuat jahat, oleh kerana itu selalu tidak membenarkannya menunjukkan kuasa supernaturalnya. Orang semacam ini adalah agak banyak. Kemampuan Gong itu adalah dikendalikan oleh kesedaran manusia. Ketika seseorang itu tidur, mungkin tidak dapat mengawal diri sendiri, dengan hanya bermimpi mungkin sudah memutar-balikkan langit dan bumi pada keesokan harinya, maka itu adalah tidak dibenarkan. Oleh kerana Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, jadi setiap orang yang mempunyai kemampuan Gong yang besar secara umumnya adalah tidak dibenarkan untuk menggunakannya, kebanyakannya adalah terkunci, namun ia juga tidak tentu sebegitu. Terdapat banyak orang yang Xiu Lian dengan baik, dapat mengawal dirinya dengan baik, adalah dibenarkan untuk memiliki sebahagian kemampuan Gong. Orang sedemikian, jikalau anda minta dia menunjukkan kemampuan Gongnya dengan sesuka hati, dia pasti tidak akan menunjukkannya, dia mampu mengawal dirinya sendiri.

Berkultivasi Balik dan Meminjam Gong

Ada orang yang tidak pernah berlatih Gong, atau hanya pernah belajar sebentar sahaja dengan mengikuti mana-mana kursus Qi Gong, akan tetapi semua itu adalah jenis yang tergolong dalam menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, juga bukan merupakan apa-apa Xiu Lian. Dalam erti kata lain, orang-orang ini tidak pernah memperoleh ajaran sejati, namun dengan tiba-tiba dalam satu malam dia telah mendapat Gong. Kami akan menghuraikan bagaimana Gong sebegini datang, ada berapa jenis.

Terdapat satu jenis yang tergolong dalam kategori berkultivasi balik. Apakah maksud berkultivasi balik? Iaitu sesetengah orang dalam kalangan kita yang berusia agak lanjut berhasrat untuk Xiu Lian, jika berkultivasi dari mula sudah tidak sempat lagi. Semasa Qi Gong mencapai puncak populariti dia juga ingin Xiu Lian, dia menyedari bahawa Qi

Gong boleh digunakan untuk melakukan perkara baik untuk orang lain, di samping itu diri sendirinya juga dapat memperoleh peningkatan, dia mempunyai hasrat sebegini, ingin meningkat, ingin Xiu Lian. Namun semasa puncak populariti Qi Gong pada beberapa tahun yang lalu, semua master Qi Gong itu hanya menyebarkan Qi Gong sahaja, dan tidak ada orang yang benar-benar mengajarkan benda-benda pada tingkat tinggi. Bahkan sehingga hari ini, yang benar-benar mengajar Gong secara terbuka pada tingkat tinggi, juga hanya saya seorang yang sedang melakukan, tiada orang yang kedua. Setiap orang yang berkultivasi balik, semuanya adalah berusia lima puluh tahun ke atas, orang yang usianya agak lanjut, dasar bawaannya amat baik, benda yang dibawa dalam tubuh adalah sangat baik, hampir semua orang bersedia untuk menerimanya sebagai murid, dan menjadi pilihan sebagai pewaris ajaran. Namun orang sebegini sudah berusia lanjut, jika ingin berkultivasi, tidak akan mudah! Pergi mana cari Shi Fu? Akan tetapi sebaik sahaja dia ingin Xiu Lian, sebaik sahaja hatinya berfikir sedemikian, ia berupa seperti emas yang berkilau-kilau, menggetarkan sepuluh penjurong dunia. Orang ramai mengatakan sifat kebuddhaan, ianya bermaksud sifat kebuddhaan ini telah muncul.

Dilihat dari tingkat tinggi, jiwa manusia bukanlah untuk menjadi manusia. Ini kerana jiwa manusia adalah dicipta di dalam ruang alam semesta, ia berasimilasi dengan ciri-ciri alam semesta Zhen, Shan, Ren, adalah berwatak baik dan murah hati. Namun oleh kerana setelah makhluk berjiwa menjadi semakin banyak, ia pun terbentuknya sejenis hubungan masyarakat sosial, maka di antara mereka pun ada sesetengah orang yang berubah jadi pentingkan diri sendiri atau menjadi tidak baik, jadi dia pun tidak dapat bertahan lagi pada tingkat yang sangat tinggi, lalu jatuh ke bawah, jatuh sehingga suatu tingkat tertentu. Pada tingkat ini dia juga berubah menjadi tidak baik lagi, jatuh lagi ke bawah, jatuh ke bawah, dan akhirnya jatuh sehingga ke tingkat manusia biasa ini. Jatuh sehingga tingkat ini, sepatutnya manusia harus dimusnahkan sepenuhnya, namun berkat belas kasihan para Sang Maha Sedar, telah memutuskan untuk memberi satu peluang kepada manusia dalam persekitaran yang paling menderita ini, maka terciptalah ruang dimensi sebegini.

Manusia yang berada di ruang dimensi lain semuanya tidak memiliki tubuh sebegini, dia boleh terapung ke atas, dia masih boleh berubah menjadi besar atau menyusut kecil. Sedangkan ruang dimensi ini membenarkan manusia memiliki tubuh sebegini, iaitu tubuh fizikal kita ini. Setelah memiliki tubuh ini, sejuk tidak menyenangkan, panas tidak menyenangkan, penat tidak menyenangkan, lapar tidak menyenangkan, pokoknya adalah sengsara. Apabila berpenyakit anda akan menderita, berlahir, tua, sakit, mati, adalah untuk anda membayar karma melalui penderitaan ini, tengok sama ada anda masih boleh kembali balik, memberi anda satu peluang lagi, maka manusia pun terjatuh dalam kesesatan ini. Setelah jatuh ke dalam tempat ini, menciptakan sepasang mata ini untuk anda, agar anda tidak dapat melihat ruang dimensi lain, tidak dapat melihat kebenaran material. Jika anda dapat kembali balik, paling menderita namun juga paling berharga, dengan bergantung kepada kesedaran anda untuk berkultivasi balik di dalam kesesatan memang amat banyak penderitaannya, maka akan lebih cepat kembali balik. Jika anda menjadi lagi buruk, jiwa akan dimusnahkan, oleh kerana itu, dari pandangan mereka, jiwa manusia, menjadi manusia bukanlah tujuannya, ia adalah untuk menyeru anda balik ke asal kembali ke jati diri, kembali balik. Manusia biasa tidak dapat menyedari hal ini, manusia biasa berada dalam kalangan masyarakat manusia biasa, dia memang adalah manusia biasa semata-matanya, berfikir bagaimana berkembang, bagaimana menjalani kehidupan dengan lebih baik. Semakin baik kehidupannya, dia semakin mementingkan diri sendiri, lalu semakin ingin memiliki, dia pun semakin menyimpang dari ciri-ciri alam semesta, dia pun berjalan menuju ke kemusnahan.

Dilihat dari tingkat tinggi memang adalah sebegini, anda berasa maju ke hadapan, padahal sebenarnya adalah mundur ke belakang. Umat manusia berasa sedang bermaju dan ilmu sains sedang berkembang, sebenarnya ia hanya berjalan mengikut hukum alam semesta sahaja. Salah seorang dewa dari Delapan Dewa, Zhang Guo Lao, menunggang keldai dengan badannya terbalik, tidak banyak orang tahu sebab dia menunggang keldai dengan badannya terbalik. Dia mendapati dengan berjalan menuju ke hadapan ia adalah mundur ke belakang, dia pun menunggang secara terbalik. Jadi semasa sesetengah orang berhasrat untuk Xiu Lian, para Sang Sedar akan memandang secara luar biasa berharga pada hati ini, maka dapat membantunya tanpa syarat. Demikian juga bagi pelatih kita yang

duduk di sini pada hari ini, jika anda ingin Xiu Lian, saya boleh membantu anda tanpa syarat. Tetapi sebagai seorang manusia biasa, anda ingin mengubati penyakit, ingin pohon ini, pohon itu, ia tidak dibenarkan, pun tidak boleh membantu anda. Apakah sebabnya? Ini kerana anda ingin menjadi manusia biasa; manusia biasa memang sepatutnya lahir, tua, sakit, mati, memang sepatutnya sebegitu, segalanya mempunyai hubungan Yin Yuan Guan Xi, tidak boleh diusik. Seseorang itu pada asalnya tidak ada Xiu Lian dalam kehidupannya, tetapi sekarang anda sudah ingin Xiu Lian, maka perlu mengatur semula perjalanan hidup anda masa kelak, jadi pun boleh menyelaraskan tubuh anda.

Jadi jika seseorang itu ingin Xiu Lian, sebaik sahaja tertimbulnya hasrat ini, para Sang Sedar terlihat, ia sangat berharga. Namun bagaimana cara untuk membantunya? Mana ada Shi Fu yang mengajar di dunia? Apatah lagi orang sudah berusia lebih dari lima puluh tahun, para Sang Maha Sedar tidak boleh mengajar, ini kerana jika menonjolkan dirinya untuk mengajar anda, mengajar anda Fa dan Gong, itu terjumlah kepada pembongkaran rahsia langit, Dia juga perlu jatuh ke bawah, manusia sendiri telah berbuat jahat sehingga jatuh ke dalam kesesatan, jadi harus berkultivasi dengan kesedaran di dalam kesesatan, oleh itu Sang Sedar tidak boleh mengajar. Ini kerana apabila terlihat Buddha muncul secara hidup-hidup untuk mengajar Fa kepada anda, juga mengajarkan Gong kepada anda, manusia yang berbuat jahat sehingga tidak boleh diampuni juga akan datang untuk belajar, sesiapa pun akan mempercayai, jadi apa yang perlu disedari lagi, sudah tidak wujudnya soal kesedaran lagi. Ini kerana manusialah yang menyebabkan dirinya jatuh dalam kesesatan, sepatutnya harus dimusnahkan, tetapi anda diberi satu peluang untuk kembali balik dalam kesesatan ini. Jikalau boleh kembali balik pun kembali balik, yang tidak dapat kembali balik, maka akan terus dalam penjelmaan semula dan musnah.

Perjalanan harus ditempuh sendiri, jika anda ingin Xiu Lian macam mana? Dia memikirkan satu cara, oleh sebab pada masa itu Qi Gong mencapai puncak popularitinya, ini juga merupakan satu perubahan fenomena alam. Jadi untuk berpadanan dengan fenomena alam sebegini, Sang Sedar pun memberi Gong yang bersesuaian dengan tahap Xin Xing-nya, memasang sejenis tiub lembut di tubuhnya, berupa seperti saluran paip air, apabila dibuka Gong pun datang. Apabila dia ingin memancarkan Gong, Gong pun

akan datang, jika dia tidak memancarkan Gong, tubuhnya sendiri masih belum memiliki Gong, keadaannya adalah sedemikian, ini adalah apa yang digelar sebagai berkultivasi balik, dari atas berkultivasi ke bawah sehingga mencapai kesempurnaan.

Xiu Lian kita pada umumnya, adalah dari bawah berkultivasi ke atas, sehingga terbukanya Gong dan mencapai kesempurnaan kultivasi. Apa yang dimaksudkan sebagai berkultivasi balik, ialah oleh kerana usia sudah tua, jika berkultivasi dari bawah ke atas sudah tidak sempat, jadi apabila dia berkultivasi dari atas ke bawah ia adalah lebih cepat, ini juga merupakan suatu fenomena yang terjadi pada masa itu. Orang sebegini harus memiliki Xin Xing yang amat tinggi, dia akan diberikan energi yang amat besar yang bersesuaian dengan tahap Xin Xing-nya. Apa tujuannya? Salah satu tujuan adalah untuk berpadanan dengan fenomena alam pada masa itu, apabila orang ini melakukan perkara yang baik, dia boleh menahan penderitaan pada masa yang sama. Ini kerana apabila bersemuka dengan manusia biasa, pelbagai hati manusia biasa akan selalu mengganggu anda. Ada sesetengah orang meskipun anda telah menyembuhkan penyakitnya, dia juga tidak memahami anda, apabila anda mengubati penyakitnya anda telah menyingkirkan betapa banyak benda yang buruk, mengubati penyakitnya sehingga tahap tertentu, pada masa itu tidak semestinya menunjukkan perubahan yang ketara. Akan tetapi dalam hatinya dia tidak berasa gembira, bahkan tidak berterima kasih kepada anda, malah mungkin juga masih mencaci anda menipu dia! Dengan menghadapi masalah sebegini, agar hati anda menempuh penderitaan psikologi dalam persekitaran sedemikian. Tujuan memberi Gong kepadanya adalah supaya dia Xiu Lian, meningkatkan dirinya ke atas. Dengan berbuat baik dan pada masa yang sama mengembangkan kemampuan Gong diri sendiri, meningkatkan Gong diri sendiri, namun ada sebahagian orang tidak tahu prinsip ini. Bukankah saya sudah katakan? Tidak boleh mengajarkan Fa kepada dia, kalau mampu menyedari itu pun dapat menyedari, ia adalah suatu masalah kesedaran, kalau tidak mampu menyedari itu pun tidak ada cara lagi.

Ada sesetengah orang ketika mendapat Gong, tiba-tiba pada suatu malam sewaktu tidur terasa amat panas, selimut pun tidak dapat pakai lagi, apabila bangun pada waktu pagi, mana sahaja yang disentuhnya pun akan mendapat kejutan elektrik. Dia tahu dia telah

mendapat Gong, sesiapa sahaja yang mengalami kesakitan pada mana-mana bahagian tubuh, sekali usap sudah menjadi baik, agak efektif. Dia tahu sejak dari hari itu dia pun sudah memiliki Gong, lalu dia menjadi master Qi Gong, memasang papan tanda perniagaannya, dan selanjutnya menggelarkan dirinya sebagai master Qi Gong. Mula-mulanya, oleh kerana orang ini agak baik, setelah menyembuhkan penyakit seseorang, orang itu pun memberi wang kepadanya, memberi apa-apa hadiah kepadanya, mungkin dia pun tidak mahu dan menolaknya. Akan tetapi tidak dapat bertahan dan dicemari oleh kolam limbah raksasa manusia biasa ini, ini kerana jenis berkultivasi balik ini tidak pernah mengalami kultivasi Xin Xing yang sebenarnya, adalah amat sukar untuk mengawal Xin Xing sendiri. Lama-kelamaannya pun mula menerima cenderamata kecil, lambat laun pemberian hadiah yang besar juga terima, dan akhirnya pemberian hadiah yang tidak mencukupi dia pun langsung tidak akan melakukan. Akhirnya dia kata: “Apa gunanya memberi saya begitu banyak barang, beri wang sahajalah!” Jika pemberian wang tidak mencukupi, dia juga tidak akan melakukan. Master Qi Gong aliran ortodoks dia juga tidak menghormati lagi, segala sanjungan betapa hebat kemampuannya masuk memenuhi telinganya. Sesiapa yang mengatakan dia tidak baik, dia pun menjadi tidak gembira, keterikatan hati terhadap nama dan kepentingan diri semuanya pun telah timbul, dia berpendapat dia lebih hebat dari orang lain, dia sangat hebat. Dia menganggap dia diberi Gong ini supaya dia menjadi master Qi Gong, untuk menjadi kaya, padahal adalah untuk membenarkan dia Xiu Lian. Sebaik sahaja timbulnya keterikatan hati terhadap nama dan kepentingan diri, Xin Xing-nya sebenarnya sudah jatuh ke bawah.

Saya telah mengutarakan, betapa tingginya Xin Xing seseorang, setinggi itulah Gong-nya. Jika telah jatuh ke bawah maka Gong ini pun tidak boleh diberikan kepadanya sebesar itu lagi, pemberian juga harus berpadanan dengan Xin Xing, betapa tinggi Xin Xingnya, setinggi itulah Gongnya. Semakin beratnya keterikatan hati terhadap nama dan kepentingan diri, semakin serius kejatuhan dalam kalangan manusia biasa, Gong-nya juga turut jatuh ke bawah. Akhirnya apabila dia jatuh sepenuhnya, Gong pun tidak akan diberikan lagi, Gong apa pun tidak ada lagi. Beberapa tahun yang lalu terdapat agak ramai orang sebegini, lebih banyak dijumpai pada wanita yang berusia lebih dari lima puluh tahun. Apabila melihat pada nenek tua itu yang berlatih Gong, juga tidak mendapat sebarang

ajaran tulen, mungkin hanya pernah belajar beberapa pergerakan untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh dalam mana-mana kursus Qi Gong, tiba-tiba pada suatu hari telah mendapat Gong. Xin Xing-nya menjadi buruk, sebaik sahaja timbulnya keterikatan hati terhadap nama dan kepentingan diri lalu dia pun jatuh ke bawah, akhirnya sekarang dia sudah bukan apa-apa lagi, Gong-nya juga sudah hilang. Kini orang yang berkultivasi balik sebegini dan kemudiannya jatuh ke bawah adalah amat banyak, yang tertinggal juga tidak seberapa banyak lagi. Apakah sebabnya? Dia tidak tahu bahawa ini adalah untuk membenarkannya Xiu Lian, dia menganggap ini adalah untuk membenarkan dia menjadi kaya dan ternama dalam kalangan manusia biasa, serta menjadi master Qi Gong, padahal sebenarnya adalah supaya dia Xiu Lian.

Apakah yang dimaksud dengan meminjam Gong? Ini tidak ada had umur, tetapi ada satu permintaan, iaitu mestilah orang yang memiliki Xin Xing yang teramat bagus. Dia tahu Qi Gong boleh Xiu Lian, dia juga ingin Xiu Lian. Sebaik sahaja hati ini ingin Xiu Lian, namun ke mana mencari Shi Fu? Beberapa tahun yang lalu memang ada master Qi Gong tulen yang mengajar Gong, akan tetapi apa yang mereka ajarkan semua adalah berupa ajaran untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, tidak ada orang yang mengajar menuju ke tingkat tinggi, mereka juga tidak bersedia mengajar.

Berbicara tentang meminjam Gong, saya masih perlu membicarakan satu masalah, manusia selain mempunyai Zhu Yuan Shen³⁷ (Zhu Yi Shi),³⁸ juga masih mempunyai Fu Yuan Shen³⁹ (Fu Yi Shi).⁴⁰ Ada orang memiliki Fu Yuan Shen sebanyak satu, dua, tiga, empat, bahkan lima. Fu Yuan Shen ini tidak tentu mempunyai jantina yang sama dengan orang berkenaan, ada yang merupakan lelaki, ada yang merupakan wanita, selalunya tidak sama. Sebenarnya Zhu Yuan Shen juga tidak mesti sama dengan tubuh fizikal, ini kerana kami mendapati sekarang lelaki mempunyai banyak Yuan Shen wanita manakala wanita pula mempunyai banyak Yuan Shen lelaki, tepat memenuhi apa yang diutarakan oleh aliran

37 Zhu Yuan Shen – Jiwa prima utama.

38 Zhu Yi Shi – Kesedaran utama.

39 Fu Yuan Shen – Jiwa prima sekunder.

40 Fu Yi Shi – Kesedaran sekunder.

Tao kini berkenaan fenomena alam yang Yin Yang saling berbalikan, Yin menjadi kuat dan Yang menjadi lemah.

Seringkali tingkat Fu Yuan Shen seseorang adalah lebih tinggi daripada Zhu Yuan Shen, terutamanya ada sebahagian orang, tingkat Fu Yuan Shen-nya berasal dari tingkat yang amat tinggi. Fu Yuan Shen bukanlah Fu Ti, dia berserta anda dilahirkan dari rahim ibu pada masa yang sama, mempunyai nama yang sama dengan anda, adalah sebahagian daripada tubuh anda. Biasanya ketika seseorang memikirkan sesuatu masalah, melakukan apa-apa perkara, keputusannya adalah berada pada Zhu Yuan Shen. Fu Yuan Shen terutamanya adalah berfungsi untuk mengawal Zhu Yuan Shen seseorang itu agar dia tidak melakukan perkara jahat, akan tetapi apabila Zhu Yuan Shen tetap keras kepala, Fu Yuan Shen juga tidak berdaya. Fu Yuan Shen tidak terpicik oleh masyarakat manusia biasa, sedangkan Zhu Yuan Shen mudah terpicik oleh masyarakat manusia biasa.

Ada sesetengah Fu Yuan Shen berasal dari tingkat yang amat tinggi, mungkin kurang sedikit sudah memperoleh buah sejati. Fu Yuan Shen ingin Xiu Lian, namun Zhu Yuan Shen tidak ingin Xiu Lian juga tidak berdaya. Pada suatu hari ketika Qi Gong mencapai puncak popularitinya, Zhu Yuan Shen juga ingin belajar Gong, Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, sudah tentu pemikirannya adalah amat mudah, tidak berniat untuk mengejar nama dan kepentingan diri. Alangkah gembiranya Fu Yuan Shen: "Saya ingin Xiu Lian, saya tidak berhak membuat keputusan, kini anda ingin Xiu Lian, kebetulannya sesuai dengan keinginan saya." Akan tetapi pergi mana cari Shi Fu? Fu Yuan Shen sangat berkemampuan, dia pun meninggalkan tubuhnya untuk mencari Sang Maha Sedar yang dia kenali pada kehidupan sebelum itu. Oleh kerana ada sesetengah Fu Yuan Shen sangat tinggi tingkatnya, dia pun dapat meninggalkan tubuhnya, sebaik sahaja pergi ke sana pun mengatakan keinginan untuk Xiu Lian, ingin meminjam Gong. Sang Maha Sedar melihat orang ini juga cukup bagus, untuk Xiu Lian tentu sahaja boleh menolong, dengan sedemikian Fu Yuan Shen telah berjaya meminjam Gong. Seringkali Gong ini mempunyai pancaran energi, ia adalah disalurkan melalui tiub; ada juga yang dipinjam dalam bentuk benda yang sudah jadi, benda yang sudah jadi seringkali mengandungi kemampuan Gong.

Dengan demikian, pada masa yang sama dia mungkin juga memiliki kemampuan Gong, orang ini juga sama seperti apa yang saya katakan tadi, ketika tidur pada waktu malam terasa amat panas sekali, ketika bangun dari tidur pada keesokan harinya, pun mendapat Gong. Mana sahaja yang disentuh akan mengalami kejutan elektrik, sudah mampu menyembuhkan penyakit orang lain, dia juga tahu sudah mendapat Gong. Dari mana datangnya? Dia tidak jelas. Dia lebih kurang tahu ia adalah berasal dari ruang alam semesta, tetapi secara konkrit bagaimana ia datang, dia tidak tahu, Fu Yuan Shen tidak memberitahunya, oleh kerana Fu Yuan Shen yang Xiu Lian, dia hanya tahu telah mendapat Gong.

Seringkali orang yang meminjam Gong tidak ada had umur, orang yang berusia muda adalah lebih banyak, oleh itu beberapa tahun yang lalu juga muncul sebahagian orang yang berusia dua puluhan, tiga puluhan bahkan ada yang berusia empat puluhan lebih, yang berusia lanjut juga ada. Orang muda akan lebih sukar mengawal diri, anda melihat pada kebiasaan hari dia adalah sangat baik, dalam kalangan masyarakat manusia biasa ketika masih belum memiliki sebarang kemampuan, hatinya tidak begitu tertarik dengan nama dan kepentingan diri. Sebaik sahaja mempunyai kelebihan dari orang lain, seringkali mudah digoda oleh nama dan kepentingan diri, dia berpendapat bahawa dalam kehidupannya masih ada perjalanan yang sangat panjang, dia masih ingin memperjuangkan sesuatu, berusaha sehingga mencapai suatu matlamat manusia biasa. Oleh itu sebaik sahaja timbulnya kemampuan Gong, apabila sudah memiliki kemampuan, seringkali ia akan digunakan sebagai alat untuk mencapai suatu matlamat dalam kalangan masyarakat manusia biasa. Jadi itu adalah tidak dibenarkan, juga tidak dibenarkan untuk menggunakannya sebegini, semakin ia digunakan semakin kurangnya Gong ini, dan akhirnya juga tidak tinggal apa-apa. Orang sebegini yang jatuh ke bawah juga adalah lebih banyak, saya lihat sekarang satu pun sudah tidak ada lagi.

Tadi apa yang saya utarakan berkenaan dengan dua jenis situasi ini adalah Gong yang diperoleh oleh orang yang memiliki Xin Xing yang agak baik, Gong sebegini bukan diperoleh dengan cara berlatih sendiri, tetapi berasal dari Sang Sedar, maka Gong itu sendiri adalah baik.

Fu Ti

Ramai orang di antara kita mungkin pernah dengar kejadian dirasuki oleh haiwan, rubah, cerpelai kuning, hantu, ular dan lain-lain lagi dalam kalangan komuniti Xiu Lian. Sebenarnya apa yang dimaksudkan itu? Ada orang yang mengata berlatih Gong dapat mengembangkan kemampuan supernormal, sebenarnya ia tidak mengembangkan kemampuan supernormal, kemampuan supernormal itu adalah kemampuan asal manusia. Ia adalah hanya kerana selaras dengan perkembangan masyarakat umat manusia yang semakin maju ke depan, manusia semakin menumpukan perhatiannya pada benda yang boleh dilihat dalam ruang material kita ini, semakin lama semakin bergantung kepada peralatan moden kita, oleh itu kemampuan asal manusia pun menjadi semakin merosot, dan akhirnya menyebabkan kemampuan asal sebegini lenyap sepenuhnya.

Jika ingin memiliki kemampuan Gong, masih perlu menerusi Xiu Lian, balik ke asal kembali ke jati diri, berkultivasi sehingga timbulnya kemampuan Gong. Sedangkan haiwan tidak mempunyai fikiran yang serumit ini, oleh itu ia adalah saling menyambung dengan ciri-ciri alam semesta, ia mempunyai kemampuan dasar bawaan. Ada orang yang mengatakan bahawa haiwan tahu Xiu Lian, mengatakan rubah tahu mengolah 'Dan', ular itu dan lain-lain lagi tahu Xiu Lian. Bukannya ia tahu Xiu Lian, pada awalnya ia juga tidak tahu apa itu Xiu Lian, ia cuma mempunyai kemampuan dasar bawaan sebegitu. Dengan demikian di bawah kondisi spesifik, di bawah persekitaran yang spesifik, selepas jangka masa yang panjang mungkin telah menimbulkan kesan, ia pun mampu memperoleh Gong, juga mampu timbul kemampuan Gong.

Dengan demikian, ia pun memiliki kemampuan, pada masa yang lalu kita mengatakan ia telah mendapat unsur kekuatan gaib, telah memiliki kemampuan. Dilihat dari perspektif manusia biasa, betapa hebatnya haiwan itu, mampu mengawal manusia dengan mudah. Menurut saya sebenarnya ia tidak hebat, di hadapan orang yang benar-benar Xiu Lian, ia apa pun bukan, anda jangan lihat ia telah berkultivasi selama ribuan tahun, namun satu jari kelingking pun cukup untuk menghancurkannya. Kita mengatakan

haiwan mempunyai kemampuan dasar bawaan sebegini, ia mampu memiliki kemampuan. Namun dalam alam semesta kita ini masih terdapat suatu prinsip, iaitu haiwan adalah tidak dibenarkan untuk mencapai keberhasilan kultivasi. Oleh itu anda akan terlihat dalam buku kuno ada tertulis beberapa ratus tahun mesti membunuh haiwan sekali dalam bencana besar mahupun bencana kecil. Setelah sampai suatu waktu tertentu haiwan akan meningkat Gong, jadi ia harus dimusnahkan, disambar petir dan lain-lain lagi, tidak membenarkannya Xiu Lian. Oleh kerana ia tidak memiliki ciri-ciri semula jadi manusia, ia tidak mampu Xiu Lian seperti manusia, tidak memiliki ciri-ciri khas manusia, seandainya mencapai keberhasilan kultivasi pasti akan menjadi iblis, oleh itu juga tidak membenarkan ia mencapai keberhasilan kultivasi, maka ia akan dimusnahkan oleh Tuhan, ia pun tahu tentang hal ini. Namun saya sudah katakan, masyarakat umat manusia sekarang sedang mengalami kemerosotan, ada orang yang tidak segan melakukan segala kejahatan, sesampainya pada kondisi ini, adakah masyarakat umat manusia tidak berbahaya?

Segala sesuatu apabila mencapai titik klimaks niscaya akan berbalik arah! Kami mendapati bahawa setiap kali apabila masyarakat umat manusia dalam zaman prasejarah mengalami kemusnahan pada kurun zaman yang berbeza, semuanya berlaku apabila moral umat manusia telah mencapai satu kondisi yang luar biasa buruk. Sekarang ruang dimensi di mana umat manusia hidup dan banyak ruang dimensi yang lain, sudah berada dalam satu kondisi yang luar biasa bahaya, ruang dimensi lain yang berada pada tingkat ini juga adalah sama, ia juga ingin cepat-cepat melarikan diri, ia juga ingin naik ke tingkat tinggi, ia ingat ia dapat melarikan diri dengan naik tingkat. Namun mana ada semudah itu? Jika ingin Xiu Lian, perlu memiliki tubuh manusia, oleh itu tertimbulnya keadaan di mana tubuh pelatih Gong dirasuki Fu Ti, ini adalah salah satu sebabnya.

Ada orang yang berfikir, mengapa begitu banyak Sang Maha Sedar, begitu banyak Shi Fu yang memiliki Gong tinggi tidak mempedulikan? Dalam alam semesta kita ini masih ada sebuah prinsip: apa yang anda mengerjakan atau apa yang anda inginkan, orang lain tidak akan campur tangan. Di sini kami mengajar anda mengikuti jalan betul, pada masa yang sama juga telah mengajar Fa secara terang kepada anda, agar anda sendiri dapat menyedari, belajar ataupun tidak adalah urusan anda sendiri. Shi Fu membimbing anda

masuk, sedangkan kultivasi bergantung kepada individu itu sendiri. Tidak ada orang yang memaksa anda, atau mendesak anda untuk berkultivasi, berkultivasi ataupun tidak adalah urusan anda sendiri, dalam erti kata lain, jalan mana yang ingin anda lalui, apa yang anda inginkan, apa yang ingin anda peroleh, tiada sesiapa pun yang akan campur tangan, hanya boleh memberi nasihat baik.

Ada sesetengah orang meskipun anda lihat mereka berlatih Gong, tetapi sebenarnya yang mendapat Gong adalah Fu Ti. Mengapa telah mengundang Fu Ti? Orang yang berlatih Gong di pelbagai tempat di seluruh negara, ada berapa banyak orang yang mempunyai Fu Ti di belakang tubuhnya? Jika dikatakan, ramai orang akan takut untuk berlatih Gong, kerana jumlahnya adalah amat mengejutkan! Kalau begitu mengapakah terjadinya keadaan sebegini? Makhluk ini sedang mengacau masyarakat manusia biasa, mengapa boleh terjadinya fenomena yang begitu luar biasa? Ini juga adalah umat manusia sendiri yang mengundangnya, ini kerana umat manusia sedang mengalami kemerosotan, di mana-mana pun ada kewujudan iblis. Terutamanya pada tubuh master Qi Gong palsu selalunya mempunyai Fu Ti, inilah apa yang disebarikan apabila dia mengajar Gong. Dalam sejarah umat manusia selalunya tidak membenarkan haiwan untuk masuk ke tubuh manusia, ia akan dimusnahkan sebaik sahaja masuk, sesiapa yang melihat tidak akan mengizinkannya. Namun di dalam kalangan masyarakat kita sekarang ini ada orang yang mengejarnya, menginginkannya dan memujanya. Ada orang yang berfikir: “Saya tidak mengejarnya secara nyata!” Anda tidak mengejarnya, namun anda telah mengejar kemampuan Gong, bolehkah Sang Sedar yang Xiu Lian dalam aliran ortodoks memberi kepada anda? Mengejar itu sudah merupakan keterikatan hati yang ada dalam kalangan manusia biasa, hati sebegini adalah perlu disingkirkan. Jadi siapakah yang mampu memberikannya? Hanya iblis dan pelbagai jenis haiwan yang berada di ruang dimensi yang lain mampu memberikannya, dengan demikian bukankah ia sama dengan mengejarnya? Maka ia pun datang.

Ada berapa orang yang mendukung fikiran yang tepat dalam berlatih Gong? Berlatih Gong harus mengutamakan De, harus melakukan hal baik, harus berperilaku baik, melakukan apa-apa hal pun selalu meminta diri berkelakuan sedemikian. Sama ada yang

berlatih di taman, ataupun yang berlatih di rumah sendiri, ada berapa orang yang berfikir sedemikian? Ada juga orang yang tidak tahu Gong apa yang sedang dilatih, sambil berlatih, sambil mengayunkan tubuhnya, dalam mulutnya sambil berkata: “Ah! Menantu perempuan saya itu memang tidak menghormati saya.” “Mak mertua saya itu, mengapa dia begitu jahat!” Ada juga orang yang mengumpat hal-ehwal di tempat kerja sehingga hal-ehwal negara, tiada apa yang dia tidak dapat umpat, bahkan terhadap hal-hal yang tidak memenuhi pandangannya sendiri dia lagi marah. Menurut pendapat anda, adakah ini berlatih Gong? Masih ada orang yang berlatih Gong dengan latihan berdiri, letih sehingga kakinya bergemetaran, namun fikirannya tidak tenang: “Benda-benda sekarang semuanya begitu mahal, harga barang juga sudah meningkat, tempat kerja kita juga sudah tidak dapat membayar gaji lagi, mengapa saya tidak dapat berhasil berlatih sehingga timbulnya kemampuan Gong? Sekiranya saya dapat berlatih sehingga timbulnya kemampuan Gong, saya juga menjadi seorang master Qi Gong, saya juga akan menjadi kaya, saya juga akan mencari wang dengan menyembuhkan penyakit orang lain.” Sebaik sahaja dia melihat orang lain telah timbul kemampuan Gong, dia pun menjadi semakin gelisah, dia hanya mengejar kemampuan Gong, mengejar Tian Mu, mengejar kemampuan untuk menyembuhkan penyakit. Cuba anda semua fikirkan, betapa jauh sekali perbezaan ini dengan ciri-ciri Zhen, Shan, Ren alam semesta kita! Semuanya pun sudah tersimpang. Jika menyata dengan lebih serius, dia sedang berlatih ajaran sesat! Akan tetapi dia tidak menyedari. Semakin dia berfikir sedemikian, niat yang terpancar semakin jahat. Orang ini tidak memperoleh Fa, dia tidak tahu harus mengutamakan De, cuma menganggap berlatih Gong melalui teknik gerakan sahaja sudah mampu timbul Gong, apa yang dia inginkan pun boleh didapati dengan hanya mengejar, dia menganggap sebegini.

Oleh kerana fikirannya sendiri tidak tulus, baru mengundang benda yang tidak baik. Haiwan itu sudah terlihat: “Orang ini ingin berlatih Gong untuk menjadi kaya, orang itu ingin menjadi ternama, ingin mendapat kemampuan Gong. Orang ini bagus, tubuhnya ini juga boleh tahan, benda yang dibawa dalam tubuhnya juga agak bagus, namun fikirannya agak jahat, dia mengejar kemampuan Gong! Mungkin dia mempunyai Shi Fu, tetapi meskipun dia mempunyai Shi Fu saya juga tidak takut.” Ia tahu bahawa Shi Fu yang Xiu Lian dalam aliran ortodoks jika melihat dia begitu mengejar kemampuan Gong, semakin

dia mengejar semakin tidak akan diberi kepadanya, kebetulan itu adalah keterikatan hati yang harus disingkirkan. Semakin dia berfikir sebegini, semakin tidak diberikan kemampuan Gong, dia akan menjadi semakin tidak sadar, dengan semakin mengejar, pemikirannya akan menjadi semakin tidak baik. Akhirnya Shi Fu itu mengerang dan merintih, melihat orang ini sudah tidak ada harapan, maka pun tidak menghiraukan dia lagi. Ada juga orang yang tidak mempunyai Shi Fu, mungkin ada Shi Fu yang berlalu jalan dan mengawalinya. Oleh kerana terdapat banyak Sang Sedar di berbagai ruang dimensi, salah satu Sang Sedar itu melihat pada orang ini, memerhatikannya, mengikutinya untuk sehari dan mendapati tidak ada harapan, pun meninggalkannya. Pada keesokan harinya datang satu lagi, memerhatikan orang ini dan mendapatinya tidak ada harapan, pun meninggalkannya lagi.

Haiwan itu tahu, sama ada dia mempunyai Shi Fu ataupun mempunyai Shi Fu yang berlalu jalan, benda yang dia kejari, Shi Fu dia tidak dapat memberinya. Oleh kerana haiwan tidak dapat melihat ruang dimensi di mana Sang Maha Sedar berada, maka ia pun tidak takut, dengan demikian ia pun mendapat satu peluang. Di dalam alam semesta kita ini ada sebuah prinsip, apa yang dia kejari, apa yang dia ingini, pada umumnya orang lain tidak boleh mencampuri tangan, haiwan itu pun memanfaatkan peluang sebegini: “Dia ingin memiliki, saya memberi kepadanya, saya membantunya ini tidak salahkan?” Haiwan itu memberi kepadanya. Pada mulanya haiwan itu tidak berani naik, ia memberi sedikit Gong kepada orang itu sebagai percubaan. Pada suatu hari tiba-tiba dia benar-benar telah berjaya mengejar Gong, bahkan mampu mengubati penyakit. Haiwan itu melihat agak baik, bagaikan permulaan musik dari lagu yang dimainkan: “Memandangkan dia sudi menerima, maka saya akan naik, supaya dapat memberikan lebih banyak dan lebih leluasa. Bukankah anda menginginkan Tian Mu? Sekarang apa pun boleh beri kepada anda.” Haiwan itu pun naik.

Pemikirannya yang mengejar, sedang mengejar benda-benda ini, Tian Mu telah terbuka, bahkan dapat memancarkan Gong dan mempunyai sedikit kemampuan Gong. Dia amat gembira, dia berasa akhirnya dia sendiri telah berjaya mengejar benda ini, telah berjaya melatih, sebenarnya, tiada apa-apa pun yang berjaya dilatih olehnya. Dia merasa

telah dapat melihat tembus tubuh manusia, dapat melihat bahagian mana tubuh manusia yang berpenyakit. Sebenarnya Tian Mu-nya langsung tidak terbuka sama sekali, haiwan itu yang mengawal otaknya, haiwan itu melihat dengan menggunakan matanya sendiri, dan kemudian memaparkan semula pada otak manusia, maka dia menganggap Tian Mu-nya sendiri yang telah terbuka. Memancarkan Gong, anda pancarkan sahaja, apabila dia menghulurkan tangan untuk memancarkan Gong, haiwan itu juga menghulurkan cakar kecilnya dari belakang tubuh orang itu. Apabila dia memancarkan Gong, ular kecil itu menghulurkan lidah bercabang ke tempat yang berpenyakit, ke bahagian yang bengkak itu dan menjilat dengan lidahnya. Jenis sebegini adalah banyak sekali, Fu Ti dari orang-orang ini semuanya adalah diminta oleh mereka sendiri.

Oleh kerana dia mengejar sesuatu, dia ingin menjadi kaya, ingin menjadi terkenal. Bagus, kemampuan Gong ini juga telah dimiliki, juga mampu mengubati penyakit, Tian Mu-nya juga sudah dapat melihat, dengan ini dia pun menjadi gembira. Sebaik sahaja haiwan itu melihatnya: “Bukankah anda ingin menjadi kaya? Bagus, saya akan menjadikan anda kaya.” Untuk mengawal otak seseorang manusia biasa adalah hal yang sangat mudah untuk dilakukan. Haiwan itu mampu mengawal orang ramai untuk mencarinya bagi tujuan mengubati penyakit, banyak sekali yang datang. Bagusnya orang ini, di sini dia sedang mengubati penyakit, di sana haiwan itu mengaturkan wartawan dari media untuk mempromosikannya dalam surat khabar. Haiwan itu mengawal manusia biasa untuk melakukan semua ini, sesiapa yang datang mengubati penyakit dan membayar kurang, haiwan itu akan membuatkan pesakit itu sakit kepala, pokoknya anda harus membayar lebih banyak. Nama dan keuntungan diri telah diperoleh bersama-sama, juga sudah menjadi kaya, nama juga telah menjadi terkenal, diri sendiri juga sudah menjadi master Qi Gong. Seringkali orang sebegini tidak mempedulikan Xin Xing, apa-apa sahaja pun berani dikatakan, Tuhan adalah bos besar, dia adalah kedua. Dia berani kata bahawa dia adalah Dewi Ibunda Ratu atau Maharaja Giok yang turun ke dunia, dia juga berani kata bahawa dia adalah Buddha. Oleh kerana dia tidak pernah benar-benar mengharungi kultivasi Xin Xing, maka apabila berlatih Gong dia pun mengejar kemampuan Gong, akibatmana telah mengundang Fu Ti haiwan.

Mungkin ada orang yang berpendapat: “Apa salahnya ini, pokoknya asalkan dapat memperoleh wang dan menjadi kaya, malah menjadi terkenal lagi.” Ada banyak orang yang berfikiran sebegini. Saya beritahu anda, sebenarnya haiwan itu mempunyai tujuan, ia bukan tanpa sebab dan tanpa alasan memberi kepada anda. Di dalam alam semesta ini ada sebuah prinsip, iaitu jika tidak mengalami kehilangan anda tidak akan memperoleh. Haiwan itu mendapat apa? Bukankah saya sudah bincangkan masalah ini sebentar tadi? Haiwan itu ingin memperoleh inti pati tubuh anda itu untuk berkultivasi menjadi bentuk manusia, maka ia pun mengumpulkan inti pati manusia dari tubuh manusia. Sedangkan inti pati tubuh manusia hanya terdapat satu set ini sahaja, jika ingin Xiu Lian, hanya satu set benda ini sahaja. Jika anda membiarkan haiwan itu mengambilnya, anda jangan berharap untuk Xiu Lian lagi, kalau begitu apa yang anda Xiu Lian lagi? Anda sudah tidak mempunyai apa-apa pun, anda sudah langsung tidak dapat Xiu Lian sama sekali. Mungkin ada orang yang berpendapat: “Saya juga tidak ingin Xiu Lian, saya hanya ingin menjadi kaya, asalkan mempunyai wang sudah cukup, biarkan sahaja!” Saya beritahu anda, anda ingin menjadi kaya, saya menghuraikan teori ini untuk anda, anda tidak akan berfikir sebegini lagi. Mengapa? Jika haiwan itu meninggalkan tubuh anda lebih awal, anggota badan anda akan kehilangan tenaga. Sejak dari itu, seumur hidup anda juga akan terus begini, ini kerana inti pati manusia telah terlalu banyak diambil olehnya; Sebaliknya jika haiwan itu meninggalkan tubuh anda dengan lebih lambat, anda akan menjadi vegetatif, kehidupan selanjutnya anda hanya dapat berbaring di atas katil dengan seutas nafas. Walaupun anda mempunyai wang, adakah anda dapat menggunakannya? Meskipun anda menjadi orang ternama, adakah anda dapat menikmatinya? Adakah ini mengerikan?

Perkara sebegini adalah amat luar biasa menonjol dan luar biasa banyak dalam kalangan orang yang berlatih Gong pada masa kini. Ia bukan sahaja merasuki tubuh, malah menyebabkan kematian Yuan Shen manusia, ia menyusup masuk ke dalam Ni Wan Gong⁴¹ manusia, mencangkung di sana. Apabila dilihat ia berupa seperti manusia, tetapi dia bukan manusia, sekarang telah terjadinya keadaan sebegini. Ini kerana nilai moral umat manusia telah mengalami perubahan, ada orang yang melakukan perkara jahat, jika anda beritahu

⁴¹ Ni Wan Gong - Istilah yang dipakai dalam aliran Tao dan doktor barat untuk kelenjar pineal, terletak di tengah-tengah bahagian dalam kepala, sedikit lebih tinggi dari pertengahan garis antara dua hujung alis.

dia sedang berbuat jahat, dia tidak akan percaya. Dia menganggap bahawa mencari keuntungan, mengejar wang, menjadi kaya, ini adalah apa yang wajar dan dibenarkan, ini adalah betul, oleh itu dia mencederakan dan menyebabkan kerugian kepada orang lain, demi mencari wang dia tidak segan untuk melakukan segala kejahatan, apa-apa pun dia berani lakukan. Haiwan itu jika tidak mengalami kehilangan, ia tidak dapat memperoleh, adakah ia mungkin memberi sesuatu kepada anda tanpa sebarang alasan? Ia inginkan benda yang ada pada tubuh anda. Sudah tentu seperti apa yang sudah kami huraikan, adalah kerana konsep pemikiran manusia sendiri yang tidak betul, hati tidak tulus sehingga mengundang masalah ini.

Kita merujuk kepada Falun Dafa. Xiu Lian pada aliran Fa kita ini, asalkan anda dapat mengawal Xin Xing anda, dengan satu kelurusan menakluk seratus kejahatan, anda tidak akan mengalami apa masalah pun. Sekiranya Xin Xing anda tidak dapat dikawal, anda mengejar ini, mengejar itu, sudah pasti akan mengundang masalah. Ada sesetengah orang yang tidak dapat melepaskan apa yang pernah dilatih olehnya sebelum ini, kami mengutarakan bahawa berlatih Gong haruslah berpengkhususan tunggal, benar-benar Xiu Lian mestilah berpengkhususan tunggal. Anda jangan lihat sesetengah master Qi Gong pun telah menulis buku, saya beritahu anda di dalam buku itu apa pun ada, sama seperti benda yang dia latih, ia adalah ular, ia adalah rubah, itu adalah cerpelai kuning. Sekiranya anda membaca buku-buku itu, benda-benda tersebut pun akan melompat keluar dari perkataannya. Saya sudah katakan, master Qi Gong palsu ini jumlahnya adalah berlipat ganda lebih banyak daripada master Qi Gong yang tulen, anda juga tidak mampu membezakannya dengan jelas, oleh itu kalian mesti mengawal diri anda. Saya di sini juga tidak meminta anda harus berkultivasi Falun Dafa, anda ingin berkultivasi aliran apa pun boleh. Akan tetapi pada masa dahulu terdapat satu ungkapan: “Seribu tahun tidak memperoleh Fa ortodoks, juga tidak akan berkultivasi kaedah rubah liar sehari.” Oleh itu, anda mesti mengawal diri, benar-benar Xiu Lian Fa ortodoks, jangan sesekali berkultivasi dengan mencampur-adukkan benda lain, niat fikiran pun juga tidak boleh ditambah masuk. Ada sesetengah orang Falunnya sudah berubah bentuk, mengapa berubah bentuk? Dia berdalih bahawa dia tidak berlatih Gong lain. Namun sebaik sahaja dia berlatih Gong, niat fikiran dia pun menambah masuk benda yang sudah ada padanya, bukankah dengan

demikian sudah menambah masuk? Masalah Fu Ti ini, kami hanya membicarakan sebanyak ini.

Bahasa Alam Semesta

Apa itu bahasa alam semesta? Ia adalah seseorang itu tiba-tiba boleh berbahasa dalam sejenis bahasa yang aneh, berkumat-kamit, apa yang dikatakan, dia sendiri pun tidak tahu. Bagi orang yang memiliki kemampuan telepati boleh memahami maksudnya secara kasar, tetapi secara spesifik tidak tahu apa yang dia katakan. Selain itu ada juga orang yang boleh berbahasa dalam berbagai jenis bahasa yang berbeza. Ada juga orang yang berasa agak hebat, menganggapnya sebagai kemampuan diri, adalah kemampuan Gong. Ia juga bukan kemampuan Gong, juga bukan kemampuan dari orang yang Xiu Lian, juga tidak dapat mewakili tingkat anda. Jadi apakah sebenarnya? Ia adalah fikiran anda telah dikawal oleh suatu makhluk asing, anda masih berasa agak bagus, anda suka memilikinya, anda berasa gembira, anda semakin gembira, ia mengawal anda semakin kuat. Sebagai seorang yang benar-benar Xiu Lian, bolehkah anda dikawal olehnya? Tambahan itu, ia berasal dari tingkat yang sangat rendah, jadi kita selaku orang yang benar-benar Xiu Lian, jangan sesekali mengundang masalah sebegini.

Manusia adalah paling berharga, adalah paling cerdas di antara semua makhluk, anda mana boleh dikawal oleh benda sebegini? Bahkan tubuh anda juga sudah tidak mahu lagi, alangkah menyedihkan! Benda-benda ini ada yang menempel pada tubuh manusia, ada juga yang tidak menempel pada tubuh manusia, berada pada suatu jarak yang tertentu dari tubuh manusia, namun ia telah memanipulasi anda dan mengawal anda. Anda ingin bercakap, ia pun membolehkan anda bercakap, bercakap secara berkumat-kamit. Bahkan masih boleh diajarkan kepada orang lain, sesiapa yang ingin belajar, asalkan berani, sebaik sahaja membuka mulut, dia juga dapat bercakap. Sebenarnya benda itu juga adalah dalam bentuk segerombolan; Jika anda ingin bercakap, ia pun datang satu untuk membolehkan anda bercakap.

Mengapa boleh terjadinya keadaan sebegini? Juga seperti apa yang telah saya katakan, haiwan itu ingin menaikkan tingkatan dirinya, namun di sana tidak ada penderitaan, maka ia pun tidak dapat Xiu Lian, tidak dapat meningkat. Ia pun memikirkan satu cara, berbuat baik untuk manusia, tetapi ia tidak tahu bagaimana cara untuk melakukannya, namun ia tahu bahawa energi yang ia pancarkan boleh berfungsi untuk mengawal penyakit seseorang pesakit, boleh membebaskan pesakit dari penderitaan pada masa itu, tetapi tidak boleh benar-benar menyembuhkan, jadi ia tahu dengan menggunakan mulut manusia untuk memancarkannya dapat menimbulkan efek sebegini, itulah apa yang terjadi. Ada juga orang yang mengelarnya sebagai bahasa langit, ada juga orang yang mengelarnya sebagai bahasa Buddha, ini memfitnahkan Buddha. Menurut saya itu adalah mengarut sama sekali!

Kalian tahu, Buddha tidak akan buka mulut untuk bercakap sewenang-wenangnya. Jika buka mulut dan bercakap di dalam ruang kita ini, dia boleh menyebabkan gempa bumi pada umat manusia, alangkah dahsyatnya bunyi gemuruh yang akan terjadi! Ada orang yang berkata: “Tian Mu saya telah ternampak, Buddha telah bercakap dengan saya.” Dia bukan bercakap dengan anda. Ada orang yang ternampak Fa Shen saya juga sama, bukan bercakap dengan anda, niat fikiran yang dia pancarkan ke luar membawa bunyi stereo, apabila anda terdengar seolah-olahnya dia sedang bercakap. Biasanya dia boleh bercakap di dalam ruang dimensi di mana dia berada, namun setelah disebar, anda tidak dapat mendengar dengan jelas apa yang dikatakan olehnya. Ini kerana konsep ruang waktu dari kedua-dua ruang dimensi adalah tidak sama, satu Shi Chen dalam ruang dimensi kita ini adalah dua jam menurut perhitungan sekarang. Sedangkan dalam ruang dimensi yang besar itu, satu Shi Chen kita ini adalah satu tahun baginya, lebih lambat apabila dibandingkan dengan masanya.

Dahulunya terdapat satu ungkapan yang mengatakan: “Di atas langit baru satu hari, sedangkan di bumi sudah seribu tahun,” yang dimaksudkan adalah unit dunia yang tidak memiliki konsep ruang dan konsep waktu, iaitu dunia di mana Sang Maha Sedar bersemayam, misalnya Dunia Sukhavati, Dunia Berglasir, Dunia Falun, Dunia Lotus dan lain-lain lagi, tempat-tempat seperti itu. Sebaliknya ruang dimensi yang besar itu waktunya

adalah lebih cepat, sekiranya anda dapat menerima, atau mendengar percakapannya, ada orang yang memiliki kemampuan Clairaudience, telinganya telah terbuka, apabila boleh terdengar apa yang dia cakap, anda tidak dapat mendengarnya dengan jelas. Apa sahaja yang anda terdengar juga adalah sama seperti itu, seperti kicauan burung, seperti pesawat gramofon listrik yang dimainkan dengan putaran cepat, tidak dapat dengar apa yang dikatakan. Sudah tentu ada orang yang boleh terdengar bunyi musik, juga ada yang boleh terdengar suara percakapan. Akan tetapi dia perlu menerusi suatu kemampuan Gong sebagai pembawa, setelah menghilangkan perbezaan waktu ini, dan dihantar ke telinga anda, anda baru boleh mendengar dengan jelas, demikianlah keadaannya. Ada orang yang berkata itu adalah bahasa Buddha, ia bukan sama sekali.

Sebaik sahaja Sang Sedar saling berjumpa, kedua-duanya bersenyum, apa pun sudah difahami. Ini kerana ia adalah satu telepati tanpa suara, apa yang diterima adalah suara stereo. Apabila kedua-duanya saling bersenyum, sudah saling berkomunikasi habis. Cara yang dipergunakan juga bukan hanya seperti ini, kadangkala juga menggunakan cara lain. Kalian tahu, dalam aliran Tantra, ‘Lama’⁴² dari Tibet sangat mementingkan isyarat tangan, namun, cuba anda tanyakan kepada ‘Lama’ itu, apakah itu isyarat tangan? Dia memberitahu anda bahawa itu adalah yoga yang maha tinggi. Secara spesifik apakah itu? Dia juga tidak tahu. Sebenarnya ia adalah bahasa Sang Maha Sedar. Apabila terdapat banyak orang, dia akan membuat isyarat tangan yang besar, amat luar biasa cantiknya, berbagai macam isyarat tangan yang besar. Apabila sedikit orang, dia akan membuat isyarat tangan yang kecil, juga amat cantik, berbagai ragam isyarat tangan yang kecil, sangat rumit dan sangat beraneka ragam, sebab ini adalah sejenis bahasa. Pada masa dahulu semua ini adalah merupakan rahsia langit, kami telah membentangkan secara terbuka. Yang digunakan di Tibet adalah hanya beberapa gerakan yang digunakan untuk berlatih Gong semata-matanya, dan ia telah diklasifikasikan dan disistematikkan. Ia hanya merupakan bahasa tunggal untuk berlatih Gong, dan hanya merupakan beberapa bentuk latihan, sedangkan isyarat tangan yang sebenar, adalah sangat rumit.

42

Lama – Sebutan untuk pemuka agama Buddha Tantra Tibet.

Apakah Yang Telah Diberi Oleh Guru kepada Pelatih

Ada sesetengah orang setelah ternampak saya lalu memegang tangan saya, dan enggan melepaskan tangan setelah memegang. Orang lain sebaik sahaja melihat orang lain berjabat tangan, dia pun berjabat tangan dengan saya. Saya tahu apa yang dia fikirkan dalam hatinya. Ada orang yang ingin berjabat tangan dengan Guru, berasa amat gembira; ada orang yang ingin memperoleh sedikit informasi, setelah memegang pun tidak ingin melepaskan. Kami beritahu anda, benar-benar Xiu Lian adalah urusan peribadi anda, di sini bukan untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, memberikan anda sedikit informasi, atau menyingkirkan penyakit anda, kami juga tidak mengajarkan hal ini. Penyakit anda saya yang menyingkirkannya secara langsung, akan disingkirkan oleh Fa Shen saya di tempat latihan, bagi yang membaca buku belajar sendiri juga akan disingkirkan oleh Fa Shen saya. Anda ingat dengan hanya memegang tangan saya sudah dapat meningkat Gong? Bukankah itu kelakar?

Gong itu adalah dikultivasi dengan bergantung kepada Xin Xing sendiri. Jika anda tidak berkultivasi dengan bersungguh-sungguh, Gong itu tentu tidak akan meningkat ke atas, ini kerana ia mempunyai kriteria Xin Xing di sana. Apabila Gong anda meningkat, orang yang tingkatnya tinggi dapat melihat keterikatan hati anda, material itu apabila disingkirkan, di atas ubun-ubun kepala akan tumbuh satu pengukur. Lebih-lebih lagi, pengukur ini wujud dalam bentuk pilar Gong, betapa tingginya pengukur itu, betapa tingginya pilar Gong, ia mewakili Gong yang telah anda berjaya kultivasikan, juga mewakili tinggi rendah tingkat Xin Xing anda. Orang lain atau sesiapa yang menambahkan betapa banyak untuk anda juga tidak dibenarkan, meskipun hanya menambah sedikit juga tidak boleh, semuanya akan jatuh ke bawa. Saya dengan seketika boleh membuat anda mencapai tahap “tiga bunga berkerumun di ubun-ubun”, namun sebaik sahaja anda keluar dari pintu ini Gong pun jatuh dengan segera. Ini kerana itu bukanlah milik anda, bukan hasil kultivasi anda, jadi tidak boleh diletakkan di situ, ini kerana kriteria Xin Xing anda masih belum mencapai tahap itu, sesiapa yang menambah pun tidak akan berhasil, itu sepenuhnya adalah tergantung kepada hasil kultivasi diri sendiri, melalui Xiu Lian hati sendiri. Dengan mantapnya meningkatkan Gong ke atas, tidak berhenti-henti

meningkatkan diri sendiri, berasimilasi dengan ciri-ciri alam semesta, dengan demikian anda baru boleh meningkat ke atas. Ada orang yang mencari saya minta tandatangan, saya pun tidak ingin memberi tandatangan. Ada orang yang mengatakan Guru telah tandatangani, dia ingin menunjuk, berharap dilindungi oleh informasi Guru. Bukankah ini juga merupakan keterikatan hati? Xiu Lian itu harus bergantung kepada diri sendiri, apa informasi yang anda maksudkan? Xiu Lian pada tingkat tinggi bolehkah anda membicarakan hal ini? Apakah itu? Itu hanya untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh.

Gong yang terhasil dari kultivasi anda sendiri, di bawah kondisi ekstrem mikroskopis, partikel dari Gong tersebut adalah sama seperti imej anda. Sehingga melangkah ke luar dari Fa duniawi, anda adalah Xiu Lian tubuh Buddha. Gong itu semuanya berbentuk tubuh Buddha, sangat cantik sekali, duduk di atas bunga teratai, setiap mikro-partikel adalah seperti ini. Sedangkan Gong haiwan itu, semuanya adalah berupa rubah kecil, ular kecil, mikro-partikelnya di bawah kondisi ekstrem mikroskopis semuanya adalah benda-benda sebegini. Masih ada apa yang disebut sebagai informasi, air teh dikacau-kacaukan kepada anda untuk diminum, pokoknya itu juga merupakan Gong. Manusia biasa adalah bertujuan untuk membebaskan diri dari penderitaan buat sementara, menanggukkan penyakit ke belakang, sekadar menyekat, pokoknya manusia biasa adalah manusia biasa, sehingga tahap apa dia merosakkan badan, kita juga tidak peduli. Oleh kerana kita adalah orang yang berlatih Gong, maka baru saya memberitahu anda hal-hal ini. Selepas ini anda jangan sesekali melakukan hal sebegini, apa informasi, ini dan itu, jangan sesekali minta benda sebegini. Ada master Qi Gong yang berkata: “Saya pancarkan informasi kepada anda, anda terimanya di setiap tempat di seluruh negara.” Apa yang hendak diterima? Saya beritahu anda, hal sebegini tidak akan mendatangkan sebarang kesan yang besar, sekiranya ia adalah bermanfaat, itu juga hanya untuk memenuhi keinginan menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh. Sedangkan kita selaku seorang yang berlatih Gong, Gong itu adalah hasil kultivasi diri sendiri, apa informasi Gong yang dipancarkan oleh orang lain tidak dapat meningkatkan tingkatan, hanya untuk menyingkirkan penyakit manusia biasa. Hati anda mesti ditegakkan, Xiu Lian tidak ada

sesiapa yang boleh menggantikan, hanya setelah anda sendiri benar-benar Xiu Lian, anda baru boleh meningkatkan tingkatan diri anda.

Jadi apa yang telah saya berikan kepada anda? Anda semua tahu bahawa ramai orang dalam kalangan kita yang tidak pernah berlatih Gong, tubuhnya adalah berpenyakit; kebanyakan orang walaupun sudah bertahun-tahun berlatih Gong, namun masih bermundar-mandir dalam tahap Qi, juga tidak mempunyai Gong. Sudah tentu ada sesetengah orang yang mengubati penyakit orang lain, anda tidak tahu bagaimana penyakit diubati? Semasa saya membincangkan masalah Fu Ti, saya telah menyingkirkan Fu Ti yang dibawa dalam tubuh orang yang boleh berkultivasi Dafa dengan bersungguh-sungguh, tidak kira apa benda itu, benda ini yang tidak baik dalam tubuh badan dari dalam hingga ke luar, semuanya telah disingkirkan. Orang yang benar-benar berkultivasi sendiri apabila membaca Dafa ini, juga akan membersihkan tubuh anda, lebih-lebih lagi persekitaran dalam rumah anda, juga perlu dibersihkan. Papan pemujaan rubah atau cerpelai kuning yang pernah anda puja pada masa dahulu, anda cepat buangkannya, semuanya telah dibersihkan untuk anda, semua sudah tidak wujud lagi. Ini kerana anda ingin Xiu Lian, maka kami boleh membuka pintu yang paling mudah untuk anda, melakukan semua ini untuk anda, namun hanya terhadap kepada orang yang benar-benar Xiu Lian. Sudah tentu ada sesetengah orang yang tidak ingin Xiu Lian, sampai sekarang dia juga belum memahaminya, itu kami juga tidak akan peduli, apa yang kami peduli ialah orang yang benar-benar Xiu Lian.

Masih terdapat sejenis orang, dahulunya orang mengatakan bahawa tubuhnya ada Fu Ti, dia sendiri juga berasa ada. Akan tetapi sebaik sahaja menyingkirkan untuknya, penyakit hatinya tidak dapat disingkirkan, dia selalu merasa keadaan itu masih lagi wujud, dia berasa masih lagi ada, ini sudah merupakan sejenis keterikatan hati, yang dipanggil sifat curiga. Lama-kelamaan, dia mungkin akan mengundangnya lagi. Anda sendiri harus melepaskan hati itu, ia sudah tidak wujud sama sekali. Ada sesetengah orang, kami pada masa dahulu ketika mengadakan kuliah telah menyelesaikan untuknya, saya sudah melakukan hal-hal begini, kesemua Fu Ti telah disingkirkan.

Aliran Tao semasa berlatih Gong pada tingkat rendah perlu berlatih beberapa asas, perlu membentuk Zhou Tian,⁴³ petak ladang Dan Tian⁴⁴ itu perlu dibentuk, dan masih ada lagi beberapa benda dari aspek lain juga perlu dibentuk. Sedangkan kita di sini perlu memasang Falun, mekanisme energi, segala sistem mekanik Xiu Lian serta lain-lain lagi, tidak kurang dari sepuluh ribu, kesemuanya ini perlu diberikan kepada anda, ditanamkan pada anda seperti biji benih. Setelah penyakit anda disingkirkan, hal yang perlu dilakukan akan dilakukan, benda yang perlu diberikan semua telah dipasangkan pada anda, dengan demikian barulah anda boleh benar-benar berjaya Xiu Lian dalam aliran kami ini. Jika tidak, apa pun tidak beri kepada anda, itu adalah menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh. Secara nyata, ada sesetengah orang yang tidak mementingkan Xin Xing, kalau begitu lebih baik berolahraga sahaja.

Benar-benar Xiu Lian harus bertanggungjawab terhadap anda, orang yang berkultivasi sendiri juga boleh memperolehnya, tetapi mestilah yang benar-benar berkultivasi, kesemua benda ini kami berikan kepada orang yang benar-benar berkultivasi. Sudah saya katakan, mesti membimbing anda seperti pelatih yang benar. Selain itu, Fa pada tingkat tinggi harus dipelajari sepenuhnya, tahu bagaimana Xiu Lian, lima perangkat kaedah Gong diajarkan sekaligus, sampai seluruhnya dikuasai dengan baik. Pada masa kelak anda akan dapat mencapai tingkat yang sangat tinggi, tingkat begitu tinggi yang tidak dapat anda bayangkan, memperoleh buah sejati juga tidak ada masalah. Asalkan anda Xiu Lian, Fa ini yang saya ajarkan adalah gabungan dari tingkat yang berbeza, sejak dari ini apabila anda Xiu Lian dalam tingkat yang berbeza, anda akan mendapati ia akan berfungsi untuk membimbing anda.

Sebagai seorang yang Xiu Lian, mulai sekarang perjalanan kehidupan anda akan berubah, Fa Shen saya akan mengatur semula untuk anda. Bagaimana ia mengatur? Sesetengah orang jadual hidupnya masih tinggal berapa? Dia sendiri juga tidak tahu; ada sesetengah orang selepas satu tahun, setengah tahun mungkin akan mendapat penyakit tenat, sebaik sahaja sakit mungkin mengambil masa beberapa tahun, sesetengah orang

⁴³ Zhou Tian – Lingkaran langit

⁴⁴ Dan Tian – Ladang Dan (energi yang terkumpul dari ruang lain), yang terletak pada bahagian bawah perut.

mungkin akan mengalami strok atau penyakit lain, langsung tidak dapat bergerak sama sekali. Dalam perjalanan kehidupan masa depan, bagaimana anda Xiu Lian? Oleh itu, kami perlu membersihkannya untuk anda, tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku. Namun kami tegaskan terlebih dahulu, bahawa hal ini hanya boleh dilakukan untuk orang yang benar-benar Xiu Lian, jika dilakukan untuk manusia biasa sesuka hati adalah tidak dibenarkan, itu adalah sama seperti berbuat jahat. Bagi manusia perihal lahir, tua, sakit, mati, semua itu mempunyai Yin Yuan Guan Xi, tidak boleh dirosakkan sesuka hati.

Kami melihat orang yang Xiu Lian adalah paling berharga, maka itu hanya boleh dilakukan untuk orang yang Xiu Lian. Bagaimana cara melakukannya? Jika keagungan De Shi Fu adalah amat tinggi, juga bermaksud daya Gong Shi Fu adalah amat tinggi, dia boleh menyalurkan karma anda. Jika Gong milik Shi Fu adalah tinggi, dia dapat menyalurkan banyak karma untuk anda. Jika Gong milik Shi Fu adalah rendah, dia hanya dapat menyalurkan sedikit. Sebagai contohnya, kesemua karma yang ada sepanjang perjalanan kehidupan anda dikumpulkan bersama, dan menyalurkan sebahagiannya, menyalurkan separuh. Separuh yang ditinggalkan anda juga tidak mampu mengharunginya, kerana ia adalah lebih tinggi daripada gunung. Kalau begini macam mana? Mungkin apabila anda memperoleh Tao, pada masa kelak ramai orang yang akan mendapat manfaat, dengan demikian, ramai orang yang akan membantu anda menanggung sebahagian. Sudah tentu bagi mereka beban ini tidak mengira apa-apa. Anda sendiri masih mempunyai banyak makhluk berjiwa yang terhasil dari kultivasi, selain dari Zhu Yuan Shen anda, Fu Yuan Shen anda, masih ada banyak anda lagi, semuanya perlu menanggung sebahagian untuk anda. Sehingga anda mengalami penderitaan, yang tertinggal sudah tidak banyak lagi. Meskipun dikatakan yang tertinggal sudah tidak banyak lagi, itu pun masih agak besar, anda masih tidak dapat mengharunginya, kalau begitu macam mana? Ia akan dibahagikan kepada banyak bahagian yang tidak terhitung, diletakkan pada berbagai tingkat Xiu Lian anda, menggunakannya untuk meningkatkan Xin Xing anda, mentransformasikan karma anda, meningkatkan Gong anda.

Tambahan lagi, jika seseorang itu ingin Xiu Lian, itu bukanlah sesuatu hal yang begitu mudah. Sudah saya katakan, ini adalah hal yang luar biasa serius, bahkan hal ini

adalah melampaui manusia biasa, lebih sukar jika dibandingkan dengan apa-apa hal pun yang ada dalam kalangan manusia biasa. Bukankah itu supernormal? Oleh itu permintaan yang dikenakan ke atas anda juga lebih tinggi berbanding dengan apa-apa hal dalam kalangan manusia biasa. Sebagai manusia kita mempunyai Yuan Shen, Yuan Shen itu tidak akan musnah. Jikalau Yuan Shen itu tidak akan musnah, cuba anda fikirkan, Yuan Shen anda di dalam aktiviti sosial kehidupan anda semasa hayat terdahulu bukankah pernah melakukan perkara-perkara yang buruk? Sangat mungkin demikian. Pernah membunuh hidupan-hidupan, pernah berhutang sesuatu kepada sesiapa, pernah membuli sesiapa, pernah mencederakan sesiapa, mungkin pernah melakukan hal-hal seperti ini. Jika memang demikian, anda Xiu Lian di sini, di sana ia dapat melihat dengan sangat jelas. Anda hanya menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, ia tidak akan mempedulikan anda, ia tahu anda cuma menanggung ke belakang, sekarang anda tidak bayar, di kemudian hari pasti bayar, dan akan lebih berat jika dibayar di kemudian hari. Oleh itu anda tidak membayar balik buat sementara ini, ia tidak peduli.

Tetapi kalau anda kata anda ingin Xiu Lian, ia tidak akan duduk diam, “Anda ingin Xiu Lian, anda ingin meninggal, setelah anda memiliki Gong, saya tidak akan dapat mencapai anda lagi, saya tidak akan dapat menyentuh anda lagi.” Ia tidak akan duduk diam. Dengan sedaya upaya ia akan menghalang anda, agar anda tidak dapat Xiu Lian, oleh itu ia menggunakan segala cara untuk mengganggu anda, bahkan betul-betul akan datang membunuh anda. Sudah tentu tidak mungkin kerana anda sedang duduk bermeditasi di sini, lalu kepala anda berpindah tempat, ini adalah tidak mungkin, ini kerana perlu menyesuaikan dengan kondisi masyarakat manusia biasa. Yang mungkin sekali ialah apabila keluar pintu dilanggar oleh kereta, terjatuh dari tingkat atas atau berlakunya kejadian lain yang bahaya, mungkin berlakunya kejadian-kejadian sebegini, itu adalah sangat berbahaya sekali. Benar-benar Xiu Lian bukanlah semudah apa yang anda bayangkan, anda ingin Xiu Lian, lalu dapat dilakukan begitu sahaja? Jika anda benar-benar Xiu Lian, dengan segera akan mengundang hal yang membahayakan nyawa, dengan segera akan terlibat dalam masalah ini. Terdapat banyak master Qi Gong yang tidak berani mengajar Gong dan membimbing orang menuju ke tingkat tinggi. Apa sebabnya? Ini kerana dia tidak mampu melakukan hal ini, dia tidak mampu melindungi anda.

Pada masa dahulu terdapat banyak orang yang menyebarkan Tao, dia hanya dapat mengajar satu murid, dengan hanya melindungi satu murid sudah hampir cukup baginya. Namun bila dalam skala yang demikian luas, orang secara umum sudah tidak begitu berani lagi untuk melakukannya. Tetapi kami di sini telah membentangkan kepada anda semua, bahawa saya boleh melakukan hal ini, ini kerana saya memiliki Fa Shen yang tidak terhitung jumlahnya, yang dilengkapi dengan kuasa supernatural Fa saya yang luar biasa, sehingga dapat menunjukkan kuasa supernatural yang hebat, kuasa Fa yang amat besar. Di samping itu hal yang kami lakukan hari ini juga bukan begitu mudah seperti yang kita lihat pada dasar permukaannya, saya juga bukan kerana kepala hangat baru keluar untuk melakukan hal ini. Saya boleh beritahu anda, ada banyak Sang Maha Sedar yang sedang mengamati hal ini, ini adalah pengajaran Fa ortodoks terakhir yang kami lakukan pada zaman akhir Dharma. Kami melakukan hal ini juga tidak dibenarkan berjalan simpang, benar-benar Xiu Lian menuju jalan lurus, sesiapa pun tidak berani mengusik anda dengan gegabah, di samping itu anda mempunyai Fa Shen saya untuk melindungi anda, tidak akan berlaku sebarang kejadian yang membahayakan.

Hutang harus dibayar, oleh itu dalam sepanjang perjalanan Xiu Lian mungkin akan berlaku sedikit peristiwa yang membahayakan. Namun ketika berlakunya peristiwa sebegini, anda tidak akan merasa takut, juga tidak akan membiarkan anda benar-benar timbul bahaya. Saya boleh memberi beberapa contoh kepada anda. Semasa saya mengadakan kuliah di Beijing, terdapat seorang pelatih yang menunggang basikal menyusuri jalan, ketika sampai di satu selekoh, sebuah kereta mewah telah melanggar pelatih kita ini ketika membelok di selekoh itu, pelatih ini ialah seorang wanita, berumur lima puluh tahun lebih. Dengan seketika sahaja kereta itu telah melanggarnya, melanggar dengan amat serius, hanya terdengar bunyi “dong” terlanggar pada bahagian kepalanya, kepalanya terlanggar pada bahagian atas kereta. Pada ketika itu kaki pelatih itu masih berada pada pengayuh basikal, kepalanya telah dilanggar, namun tidak terasa sakit. Bukan sahaja tidak terasa sakit, juga tidak berdarah, bahkan bengkak pun tidak ada. Pemandu itu amat terperanjat, melompat keluar dari kereta lalu bertanya kepadanya: “Ada tercedera? Mari kita pergi ke hospital.” Dia menjawab tiada apa-apa. Sudah tentu, Xin Xing pelatih

kita ini sangat tinggi, tidak akan mencari susah dengan orang lain. Meskipun dia mengatakan tidak apa-apa, namun kereta itu telah dilanggar sehingga membentuk satu lekukan besar.

Peristiwa seperti ini, semuanya bertujuan untuk mengambil nyawa, namun tidak akan menimbulkan bahaya. Pada masa dahulu ketika kami mengadakan kuliah di Universiti Jilin, terdapat seorang pelatih yang keluar dari pintu utama Universiti Jilin dengan menolak kenderaannya, baru sahaja sampai di tengah jalan, dengan seketika dua kereta menghimpitnya di tengah-tengah, apabila dilihat sudah hampir melanggarnya, namun dia sedikit pun tidak berasa takut. Seringkali apabila kita mengalami peristiwa sebegini pun tidak akan berasa takut, pada ketika itu, kereta itu pun terhenti, tidak berlaku apa-apa masalah pun.

Masih ada satu peristiwa sebegini yang berlaku di Beijing. Pada musim dingin hari menjadi gelap lebih awal, orang ramai juga tidur lebih awal. Di atas jalan tidak ada orang, sangat sunyi. Terdapat seorang pelatih yang menunggang basikal dengan tergesa-gesa untuk pulang ke rumah, hanya terdapat sebuah kereta jeep yang sedang pandu di hadapannya, saat memandu, tiba-tiba kereta jeep itu membrek. Dia tidak memberi perhatian kepadanya, malah masih menunggang ke hadapan dengan menunduk kepalanya. Akan tetapi jeep itu tiba-tiba bergerak mundur ke belakang, mundur dengan amat cepat, jeep itu mundur dengan sangat cepat, kedua-dua arus tenaga ini bertembung antara satu sama lain, itu juga bertujuan untuk mengambil nyawa. Ketika saat hampir-hampir terlanggar, ada suatu tenaga yang dengan seketika telah menarik basikalnya lebih dari setengah meter ke belakang, lebih-lebih lagi kereta jeep itu dengan segera telah brek dan berhenti, mungkin pemandu dalam jeep itu mendapati ada orang di belakang. Pelatih ini pada ketika itu juga tidak berasa takut, setiap orang yang mengalami peristiwa ini selalu tidak terasa takut, mungkin selepas itu akan berasa takut. Hal pertama yang dia fikirkan ialah: “Aduh, siapa yang telah menarik saya ke belakang, saya perlu mengucapkan terima kasih kepada dia.” Sebaik sahaja menoleh kepala ke belakang untuk mengucapkan terima kasih, kelihatan tidak ada sesiapa pun yang berada di jalan raya, sunyi senyap. Dia segera mengerti: “Guru yang telah melindungi saya!”

Masih ada satu peristiwa di Changchun. Di sebelah rumah seorang pelatih terdapat pembinaan bangunan yang sedang dijalankan, sekarang bangunan yang dibina ini adalah sangat tinggi, perancah yang digunakan itu adalah diperbuat daripada paip besi sebesar dua inci sepanjang empat meter. Ketika pelatih ini keluar tidak jauh dari rumah, sebatang paip besi terjatuh tegak lurus dari bangunan itu, terus meluncur ke arah ubun-ubun kepalanya, orang-orang di atas jalan raya semuanya terperanjat. Pelatih tersebut berkata: “Siapa yang menepuk saya?” Dia masih ingat siapa yang menepuk kepalanya. Ketika dia menoleh ke belakang, terlihat sebuah Falun besar yang berputar di atas kepalanya, sedangkan paip besi ini pula menyusuri kepalanya dan meluncur turun. Sebaik sahaja meluncur ke bawah ia berdiri tegak di atas tanah. Seandainya ia betul-betul tercucuk ke atas tubuh manusia, anda semua bayangkan, begitu berat, itu benar-benar berupa cucuk manisan buah, sekali kena langsung tembus, adalah sangat berbahaya!

Peristiwa sebegini adalah sangat banyak, tidak terhitung banyaknya, namun tidak akan timbul bahaya. Peristiwa sebegini tidak mesti dialami oleh semua orang, individu di antara kita ada yang akan mengalami peristiwa ini. Sama ada mengalami ataupun tidak, dijamin tidak akan ada apa-apa bahaya pun yang terjadi pada anda, hal ini dapat saya jaminkan. Ada sesetengah pelatih, dia tidak berbuat mengikut permintaan Xin Xing, hanya berlatih Gerakan dan tidak berkultivasi Xin Xing, dia tidak boleh dianggap sebagai pelatih Gong.

Berbicara tentang apa yang telah diberikan oleh Guru, benda-benda inilah yang telah saya berikan kepada anda. Fa Shen saya akan terus melindungi anda sehingga anda dapat melindungi diri anda sendiri, pada masa itu Xiu Lian anda sudah keluar dari Fa duniawi, anda sudah memperoleh Tao. Akan tetapi anda perlu memperlakukan diri anda sendiri sebagai seorang yang benar-benar Xiu Lian, baru boleh mencapai keadaan sebegini. Terdapat seorang individu yang tangannya memegang buku saya, berjalan sambil berteriak-teriak di atas jalan raya: “Ada Guru Li yang melindungi saya tidak takut dilanggar oleh kereta.” Ini adalah merosakkan Dafa, orang sebegini tidak akan dilindungi,

sebenarnya seorang pelatih yang berkultivasi dengan bersungguh-sungguh tidak akan berbuat demikian.

Medan Energi

Ketika kita berlatih Gong, akan timbulnya sebuah medan di sekeliling kita, apakah medan ini? Ada orang yang mengatakan ia adalah medan Qi, medan magnet atau medan elektrik. Sebenarnya medan apa yang anda panggil juga adalah tidak betul, ini kerana medan sebegini merangkumi material yang luar biasa mewah. Material yang membentuk seluruh ruang yang ada dalam alam semesta kita ini, hampir seluruhnya terkandung di dalam Gong ini, ia adalah lebih tepat jika kita memanggilnya sebagai medan energi, jadi kebiasaannya kita mempelarnya sebagai medan energi.

Kalau begitu apakah fungsi medan ini? Kalian tahu bahawa kita yang Xiu Lian Fa ortodoks akan mempunyai sejenis perasaan sebegini: Oleh kerana mengikuti Xiu Lian Fa ortodoks, ia mengutamakan belas kasihan, ia adalah berasimilasi dengan Zhen, Shan, Ren ciri-ciri alam semesta, jadi pelatih kita yang duduk dalam medan ini semuanya juga mempunyai perasaan sebegini, di dalam fikiran tidak ada niat buruk, selain itu ramai pelatih kita yang duduk di sini tidak akan timbul keinginan untuk merokok, dapat merasakan suatu suasana yang sangat tenang dan damai, sangat selesa, ini adalah jenis energi yang dibawa oleh orang yang Xiu Lian Fa ortodoks, kesan yang tertimbul di dalam lingkungan medan ini. Kelak setelah anda habis mengikuti kuliah ini, sebahagian besar pelatih kita semuanya sudah memiliki Gong, benar-benar telah timbul Gong, ini kerana apa yang saya ajarkan kepada anda adalah benda Xiu Lian Fa ortodoks, anda juga perlu menghendaki diri sendiri mengikut permintaan kriteria Xin Xing ini. Seiring dengan anda berlatih Gong secara berterusan, Xiu Lian mengikut permintaan Xin Xing kami, lambat-laun energi anda akan menjadi semakin besar.

Kami mengutarakan prinsip menyelamatkan diri sendiri dan menyelamatkan orang lain, menyelamatkan segala makhluk hidup secara universal, oleh itu Falun dapat berputar ke dalam untuk menyelamatkan diri sendiri, dan berputar ke luar untuk menyelamatkan

orang lain. Ketika berputar ke luar ia akan memancarkan energi, sehingga orang lain bermanfaat, dengan demikian, orang yang berada dalam ruang lingkungan medan energi anda semua akan bermanfaat, mungkin dia akan berasa sangat selesa. Tidak kira anda berjalan di atas jalan raya, di tempat kerja mahupun di dalam rumah semuanya mungkin akan menimbulkan efek sebegini. Orang yang berada dalam ruang lingkungan medan energi anda mungkin secara tidak sengaja anda telah menyelaraskan tubuhnya, ini kerana medan sebegini dapat memperbetulkan segala kondisi yang tidak betul. Tubuh manusia seharusnya tidak berpenyakit, jika berpenyakit bererti kondisinya tidak betul, ia pun dapat memperbetulkan kondisi yang tidak betul ini. Orang yang mempunyai fikiran jahat, ketika memikirkan hal yang tidak betul, di bawah pengaruh medan anda yang kuat itu, juga dapat mengubah fikirannya, mungkin pada masa itu dia sudah tidak berfikir jahat lagi. Mungkin ada orang yang ingin mencaci orang, dengan tiba-tibanya fikirannya berubah dan tidak ingin mencaci orang lagi. Hanya medan energi dari Xiu Lian Fa ortodoks, baru boleh menimbulkan fungsi sebegini. Jadi pada masa dahulunya di dalam agama Buddha terdapat satu ungkapan yang mengatakan: “Cahaya Buddha menerangi seluruh penjuru, menegakkan kebenaran memberi penerangan,” demikianlah maksudnya.

Bagaimana Pelatih Falun Dafa Menyebarkan Gong

Ramai pelatih kita setelah pulang, berasa kaedah Gong sangat baik, ingin menyebarkan kepada ahli keluarga, sanak saudara dan kawan-kawan. Boleh, anda semua pun boleh sebarkan, sesiapa pun boleh sebarkan. Tetapi ada satu hal perlu kami jelaskan kepada kalian, kami memberi kepada anda begitu banyak benda, semua itu tidak dapat diukur dengan nilai wang. Mengapa diberikan kepada anda? Ia adalah untuk anda Xiu Lian, hanya untuk Xiu Lian, benda ini baru boleh diberikan kepada anda. Dalam erti kata lain, di kemudian hari apabila anda menyebarkan Gong, tidak boleh menggunakan benda-benda ini untuk mengejar nama dan mencari keuntungan, maka anda tidak boleh mengadakan kuliah seperti saya dengan memungut yuran. Ini kerana kami perlu mencetak buku, mencetak bahan-bahan, mengunjungi berbagai tempat untuk mengajar Gong, jadi perlu memungut yuran. Yuran yang kami pungut, sudah merupakan yang terendah di seluruh negara, sedangkan benda yang kami berikan adalah yang paling banyak sekali, kami benar-

benar membawa orang menuju ke tingkat tinggi, hal ini anda sendiri boleh merasakannya. Sebagai seorang pelatih Falun Dafa, apabila anda menyebar Gong pada masa kelak, kami mempunyai dua permintaan terhadap anda:

Permintaan yang pertama ialah tidak boleh memungut yuran. Kami memberi anda begitu banyak benda, bukanlah untuk anda menjadi kaya, mengejar nama, ia adalah untuk menyelamatkan anda, adalah supaya anda dapat Xiu Lian. Jika anda memungut yuran, Fa Shen saya akan mengambil balik segala benda yang ada pada anda, kalau begitu anda juga sudah bukan pelatih Falun Dafa lagi, apa yang anda sebarkan pun bukan Falun Dafa lagi. Ketika anda menyebarkan Gong bukanlah untuk mengejar nama atau mengejar keuntungan, berkhidmat secara sukarela kepada semua. Pelatih kami di berbagai tempat di seluruh negeri semuanya juga berbuat demikian, pembimbing dari berbagai daerah juga berbuat demikian menjadikan dirinya sebagai teladan. Bagi orang yang datang belajar Gong kita, asalkan anda ingin belajar, maka anda datanglah belajar, kami boleh bertanggungjawab ke atas anda, tidak memungut satu sen pun.

Permintaan yang kedua ialah jangan mencampurkan benda peribadi ke dalam Dafa. Ini bererti dalam proses menyebar Gong, tidak kira sama ada Tian Mu anda sudah terbuka, mahupun apa-apa yang anda terlihat, ataupun tertimbulnya apa-apa kemampuan Gong, anda tidak boleh menjelaskan Falun Dafa kami berdasarkan keadaan yang anda terlihat. Hal-hal sedikit yang anda terlihat pada tingkat anda itu adalah masih terpaut jauh sekali, sangat jauh berbeza berbanding dengan makna sebenarnya Fa yang kami ajarkan. Oleh itu apabila anda menyebar Gong pada masa kelak, mesti memberi perhatian kepada hal ini, dengan ini baru boleh memastikan keaslian Falun Dafa kami tidak berubah.

Juga tidak dibenarkan menyebar Gong seperti cara yang saya lakukan ini, tidak boleh menggunakan cara saya mengadakan kuliah berskala besar seperti ini untuk mengajar Fa, anda tidak mampu mengajar Fa. Ini kerana apa yang saya ajarkan, maksud ertinya adalah amat mendalam, mengajar dengan menggabungkan ajaran tingkat tinggi. Anda Xiu Lian pada tingkat yang berbeza, setelah anda meningkat pada masa kelak, anda mendengar semula rakaman suara ini, anda akan meningkat tinggi secara berterusan, anda

tidak berhenti-henti mendengar, anda akan selalu mendapat pemahaman baru, perolehan baru, apabila membaca buku juga akan sebegini. Apa yang saya katakan semua ini adalah gabungan ajaran yang sangat tinggi dan mendalam, oleh itu Fa ini anda tidak mampu ajarkan. Anda tidak dibenarkan untuk mengguna perkataan asli saya untuk mengajar seolah-olahnya perkataan anda sendiri, kalau tidak, ia adalah terjumlah kepada perbuatan mencuri Fa. Anda hanya boleh menggunakan perkataan asli saya untuk mengajar, dan menambah bagaimana Guru mengatakan, bagaimana ia tertulis di dalam buku, hanya boleh mengajar dengan cara sebegini. Apa sebabnya, ini kerana sebaik sahaja anda katakan secara ini, ia akan membawa kekuatan Dafa. Anda tidak boleh menggunakan hal-hal yang anda ketahui sebagai Falun Dafa untuk disebar, kalau tidak apa yang anda sebar sudah bukan Falun Dafa, anda sama seperti merosakkan Falun Dafa kami. Jika anda mengajar mengikut cara anda berfikir, mengikut pemikiran anda, itu bukan Fa, tidak dapat menyelamatkan manusia biasa, juga tidak dapat menimbulkan apa-apa fungsi pun, oleh itu sesiapa pun tidak mampu mengajar Fa ini.

Cara anda menyebarkan Gong, ialah di tempat latihan atau di arena penyebaran Gong dengan menayangkan rakaman audio, rakaman video kepada para pelatih, dan kemudiannya pembimbing mengajar mereka berlatih Gong. Boleh mengikut bentuk forum, anda saling belajar dan bertukar pengalaman, saling berbincang, saling berbual-bual, kami minta dilakukan secara begini. Pada masa yang sama, tidak boleh menggelar pelatih yang menyebarkan Falun Dafa sebagai “Guru,” “Master” dan sebagainya, Shi Fu bagi Dafa hanya ada satu sahaja. Bagi pelatih tidak ada perbezaan sama ada siapa yang berlatih terlebih dahulu, semua adalah pelatih.

Ketika anda menyebarkan Gong, mungkin ada orang yang berfikir: “Guru boleh memasang Falun, mampu menyelaraskan tubuh orang, namun kita tidak mampu melakukannya.” Tidak jadi masalah, saya sudah katakan kepada kalian, bahawa di belakang tubuh setiap pelatih selalu ada Fa Shen saya, bahkan bukan hanya satu sahaja, oleh itu Fa Shen saya dapat melakukan semua hal ini. Ketika anda mengajarnya, jika dia mempunyai takdir pertemuan, pada ketika itu juga boleh memperoleh Falun. Namun jika takdir pertemuannya berkurangan, setelah tubuhnya diselaraskan, setelah berlatih Gong

lambat-laun juga akan memperoleh, Fa Shen saya akan membantunya untuk menyelaraskan tubuhnya. Bukan hanya ini sahaja, saya beritahu anda, dengan membaca buku saya, menonton rakaman video saya, atau mendengar rakaman audio saya untuk belajar Fa dan belajar Gong, benar-benar memperlakukan diri sendiri sebagai pelatih Gong, juga akan memperoleh benda-benda ini yang harus diperoleh.

Kami juga tidak membenarkan pelatih mengubati penyakit orang lain, pelatih Falun Dafa adalah langsung dilarang untuk mengubati penyakit orang lain sama sekali. Kami mengajarkan anda berkultivasi meningkat ke atas, tidak membenarkan anda timbul sebarang keterikatan hati, juga tidak membenarkan anda merosakkan tubuh anda sendiri. Arena latihan Gong kita adalah lebih baik berbanding dengan arena latihan kaedah Gong yang lain, arena kita itu asalkan anda pergi berlatih Gong, adalah jauh lebih kuat berbanding dengan usaha anda mengubati penyakit. Fa Shen saya duduk membentuk satu bulatan, di atas arena latihan Gong masih ada pelindung, di atasnya ada Falun besar dan Fa Shen besar yang mengawasi arena dari atas pelindung. Arena itu bukan arena yang biasa, bukan arena latihan Gong pada umumnya, ia adalah sebuah arena Xiu Lian. Ramai di antara kita yang memiliki kemampuan Gong semuanya pernah melihat arena Falun Dafa kita ini, diselubungi sinar merah, merah merata.

Fa Shen saya juga boleh memasang Falun secara langsung, akan tetapi kami tidak mendorong timbulnya keterikatan hati. Apabila anda mengajar gerakan kepadanya, dia berkata: “Wah, saya sudah dapat Falun.” Anda menganggap anda yang memasangkan, namun bukan sedemikian. Saya beritahu anda hal ini, supaya tidak mendorong timbulnya keterikatan hati ini, semuanya adalah Fa Shen saya yang melakukan. Demikianlah pelatih Falun Dafa kita menyebarkan Gong.

Sesiapa yang cuba mengubah kaedah Gong dari Falun Dafa, dia adalah merosakkan Dafa, merosakkan aliran Fa ini. Ada orang yang mengubah kaedah Gong menjadi pantun, ini adalah tidak dibenarkan sama sekali. Kaedah Xiu Lian yang sebenarnya semuanya adalah peninggalan yang berasal dari zaman prasejarah, ialah peninggalan dari zaman yang sangat lama, Xiu Lian sehingga menghasilkan Sang Maha Sedar yang tak terhitung

banyaknya. Tidak ada sesiapa pun yang berani cuba mengubah ajaran ini, peristiwa sebegini juga baru terjadi pada zaman akhir Dharma kita ini. Dalam sepanjang tempoh sejarah tidak pernah terjadinya peristiwa sebegini, anda mesti memberi perhatian kepada hal ini.

Ceramah 4

Kehilangan Dan Memperoleh

Di dalam komuniti Xiu Lian sering membicarakan hubungan antara kehilangan dan memperoleh, dalam kalangan manusia biasa juga membicarakan hubungan antara kehilangan dan memperoleh. Sebagai seorang pelatih Gong bagaimana kita menghadapi masalah kehilangan dan memperoleh ini? Ini adalah berbeza dengan manusia biasa, apa yang manusia biasa ingin memperoleh ialah kepentingan diri, bagaimana dapat hidup dengan baik, hidup dengan selesa. Namun kita sebagai pelatih Gong bukanlah sebegini, ia adalah sebaliknya, kita tidak mengejar apa yang ingin dimiliki oleh manusia biasa, sebaliknya apa yang kita memperoleh pula adalah apa yang ingin dimiliki oleh manusia biasa tetapi tidak mampu, melainkan menerusi Xiu Lian.

Secara umumnya apa yang kita maksudkan sebagai kehilangan, bukanlah kehilangan dalam lingkungan yang sangat kecil. Apabila seseorang berbincang tentang kehilangan, akan berfikir: adakah sekadar menyedekah sedikit wang dan barang, menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan, memberi makanan kepada pengemis di jalan raya. Ini juga merupakan sejenis kerelaan melepas, juga merupakan sejenis kehilangan, akan tetapi ini hanya sekadar memandang hambar sedikit terhadap wang ataupun benda material berkenaan persoalan ini sahaja. Berkenaan kerelaan melepaskan harta, sudah tentu ia juga merupakan satu aspek, juga merupakan salah satu aspek yang agak utama. Namun apa yang kita maksudkan sebagai kehilangan bukanlah kehilangan dalam lingkungan yang begitu kecil sahaja. Kita selaku manusia yang mengharungi proses Xiu Lian, sebagai seorang pelatih Gong, keterikatan hati yang harus dilepaskan adalah terlalu banyak, hati untuk menonjolkan diri, perasaan iri hati, nafsu untuk bersaing, perasaan gembira, pelbagai jenis keterikatan hati yang banyak sekali kesemuanya harus diketepikan. Apa yang kita maksud sebagai kehilangan adalah dalam pengertian yang luas, dalam sepanjang proses Xiu Lian, harus menyetepikan semua keterikatan hati mahupun berbagai nafsu keinginan yang dimiliki oleh manusia biasa.

Mungkin ada orang yang berfikir, kita Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, jika melepaskan semua itu bukankah sama seperti sami? Sama seperti biarawati? Jikalau hilang kesemuanya itu, rasanya tidak dapat dilakukan. Aliran Fa kita ini, bahagian Xiu Lian yang dijalani dalam kalangan manusia biasa ini, memerlukan Xiu Lian dalam kalangan masyarakat manusia biasa, secara maksimumnya kekal sama seperti manusia biasa, bukannya minta anda benar-benar kehilangan sesuatu dalam bentuk kepentingan material. Tidak menjadi masalah betapa tingginya jawatan anda, juga tidak menjadi masalah betapa banyaknya kekayaan anda, yang pentingnya adalah sama ada anda dapat melepaskan keterikatan hati itu.

Aliran Fa kita ini menuju secara langsungnya pada hati manusia, di dalam kepentingan diri, dan dalam konflik di antara manusia, sama ada boleh memandang hambar terhadap masalah ini, ini adalah isu utama. Sama ada Xiu Lian di dalam biara ataupun di hutan yang mendalam, ia adalah bertujuan untuk menjarakkan anda sepenuhnya dengan masyarakat manusia biasa, secara paksaan menyebabkan anda hilang keterikatan hati dalam kalangan manusia biasa, dalam aspek kepentingan diri dan material tidak benarkan anda memperoleh, dengan demikian menyebabkan anda mengalami kehilangan. Orang yang Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa tidak mengikuti cara ini, menghendaki anda untuk memandang hambar dalam keadaan kehidupan manusia biasa ini, sudah tentu ini adalah amat menyukarkan, ini juga merupakan benda yang paling penting dalam aliran Fa kita ini. Oleh itu, apa yang kita maksudkan sebagai kehilangan adalah dalam pengertian yang luas, bukanlah sesuatu dalam pengertian yang amat sempit. Kita mengata melakukan satu perkara yang baik, menyedekahkan sedikit wang, anda lihat sekarang pengemis yang berada di jalan raya, ada sesetengah adalah pengemis yang profesional, bahkan lebih kaya daripada anda. Kita harus mementingkan aspek yang luas, bukannya mementingkan aspek yang kecil. Untuk Xiu Lian, kita harus Xiu Lian secara tegak dengan mementingkan aspek yang luas. Dalam proses kehilangan yang kita alami, apa yang benar-benar kita hilang adalah benda yang tidak baik seperti itu.

Seringkali orang selalu berpendapat bahawa benda yang dikejarinya adalah baik, sebenarnya jika dilihat dari perspektif tingkat tinggi, semuanya adalah untuk memuaskan

keuntungan segera yang diperoleh dalam kalangan manusia biasa. Di dalam agama mengutarakan: betapa banyaknya wang anda, betapa tingginya jawatan anda juga hanya berpuluhan tahun sahaja, lahir tidak dapat dibawa sama, mati tidak dapat dibawa pergi. Mengapakah Gong ini begitu berharga? Ini adalah kerana ia tumbuh secara langsung di dalam tubuh Yuan Shen anda, lahir dapat dibawa sama, mati dapat dibawa pergi, di samping itu ia menentukan status buah anda secara langsung, oleh itu ia tidak mudah untuk dikultivasi. Dalam erti kata lain, apa yang anda lepaskan adalah benda yang tidak baik, dengan demikian barulah anda dapat kembali ke jati diri. Jadi apa yang diperoleh? Ia adalah peningkatan tingkatan diri, dan akhirnya memperoleh buah sejati, mencapai kesempurnaan dan keberhasilan Gong, yang diselesaikan adalah masalah fundamental. Sudah tentu, jika kita ingin mengetepikan pelbagai nafsu keinginan manusia biasa, untuk mampu mencapai kriteria seseorang yang benar-benar Xiu Lian, dengan serta-merta ingin mencapai tahap ini adalah tidak mudah, harus melakukannya dengan perlahan-lahan. Saya mengata melakukannya dengan perlahan-lahan anda pun terdengar, anda mengata Guru yang memberitahu melakukannya dengan perlahan-lahan, dengan demikian pun melakukannya dengan perlahan-lahan. Itu adalah tidak dibenarkan! Anda perlu mempunyai permintaan yang ketat terhadap diri sendiri, namun kami membenarkan anda meningkat secara perlahan-lahan. Jika anda mencapainya dengan seketika pada hari ini, hari ini anda sudah menjadi Buddha, jadi ini juga adalah tidak realistik, dengan perlahan-lahan anda mesti dapat melakukannya.

Apa sebenarnya yang kita hilang adalah benda yang tidak baik, apakah itu? Ia adalah karma, ia adalah saling melengkapi dan saling mengisi dengan pelbagai jenis keterikatan hati manusia. Misalnya sebagai manusia biasa kita mempunyai pelbagai jenis hati yang tidak baik, demi kepentingan diri, melakukan pelbagai perkara yang tidak baik, akan memperoleh material hitam seperti ini --- karma. Ia mempunyai hubungan secara langsung dengan hati kita sendiri, jika ingin menyingkirkan benda yang tidak baik ini, yang pertamanya perlu memutarbalikkan hati anda ini.

Transformasi Karma

Di antara material putih dan material hitam terdapat suatu proses transformasi. Selepas berlakunya konflik di antara manusia, ia mempunyai suatu proses transformasi. Setelah melakukan perkara yang baik memperoleh material putih – De; setelah melakukan perkara yang tidak baik memperoleh material hitam – karma. Masih ada suatu proses pewarisan, ada orang yang mengatakan adakah sebab telah melakukan perbuatan yang tidak baik pada separuh masa kehidupannya yang dahulu? Tidak semestinya semuanya adalah sebegini, ini kerana karma yang dikumpul oleh seseorang bukannya berasal dari satu hayat sahaja. Komuniti Xiu Lian mengutarakan ketidakmusnahan Yuan Shen. Jika Yuan Shen tidak musnah, dia mungkin mempunyai aktiviti sosial pada kehidupan sebelumnya itu, kalau begitu dia mungkin pernah berhutang kepada sesiapa dalam aktiviti kehidupan sebelumnya itu, membuli sesiapa, ataupun pernah melakukan perkara tidak baik yang lain, pernah membunuh dan lain-lain lagi, dengan demikian akan mengakibatkan karma sebegini. Benda-benda ini di ruang dimensi yang lain akan dikumpul ke bawah, dan selalu dibawa bersama, begitu juga dengan material putih, bukan hanya berasal dari sumber ini sahaja. Masih terdapat sejenis keadaan, di dalam kaum keluarga, dari nenek moyang juga boleh dikumpul ke bawah. Dahulunya orang tua mengatakan: “Kumpulkan De, kumpulkan De, nenek moyang mengumpulkan De, orang ini sedang hilang De, kehilangan De.” Pernyataan ini adalah amat luar biasa tepat. Sekarang manusia biasa sudah tidak dapat dengar masuk pernyataan ini, jika anda berkata kepada pemuda tentang hilang De kurang De, dia langsung tidak menyimpan dalam hatinya sama sekali. Sebenarnya ertinya memang adalah sangat mendalam, ia bukan sekadar standard ideologi dan rohani manusia moden, tetapi merupakan eksistensi material yang sebenar, tubuh manusia kita mempunyai kedua-dua jenis material sebegini.

Ada orang yang menyatakan: “adakah setelah material hitam menjadi banyak, pun tidak dapat Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi?” Boleh dikatakan sedemikian, orang yang mempunyai material hitam yang banyak, ia akan menjejaskan kualiti kesedarannya. Ini kerana ia akan membentuk sebuah medan yang mengelilingi tubuh anda, betul-betul membalut anda di dalamnya, dan mengasingkan dari ciri-ciri alam semesta Zhen, Shan,

Ren, oleh itu kualiti kesedaran orang sebegini mungkin akan menjadi lemah. Apabila orang membincangkan Xiu Lian, Qi Gong, semuanya dia akan menganggap sebagai kepercayaan tahayul, langsung tidak percaya sama sekali, dia berasa agak lawak. Seringkali adalah sebegini, tetapi tidak semestinya. Adakah jika orang ini ingin Xiu Lian ia akan menjadi amat sukar, dan tidak dapat tumbuh Gong yang tinggi? Bukan sedemikian, kami mengutarakan bahawa Dafa tidak mempunyai sempadan, bergantung sepenuhnya kepada hati anda untuk berkultivasi. Shi Fu membimbing anda masuk, sedangkan pelaksanaan kultivasi bergantung kepada individu sendiri, sepenuhnya melihat bagaimana anda berkultivasi sendiri. Sama ada boleh berkultivasi ataupun tidak, bergantung sepenuhnya kepada diri anda sendiri sama ada anda boleh bertahan, sama ada anda boleh berusaha gigih, sama ada anda boleh menanggung penderitaan. Jika dapat bertekad hati, apa-apa kesulitan pun tidak dapat menghalang, saya kata itu pun tidak ada masalah.

Orang yang mempunyai material hitam yang banyak, seringkali perlu mencurahkan usaha yang lebih banyak berbanding dengan orang yang mempunyai material putih yang banyak. Ini kerana material putih berasimilasi secara langsung dengan ciri-ciri alam semesta Zhen, Shan, Ren, jadi asalkan Xin Xing-nya meningkat ke atas, dapat meningkatkan diri semasa berdepan dengan konflik, dengan demikian dia pun akan meningkat Gong, adalah sedemikian mudahnya. Orang yang memiliki De yang banyak mempunyai kualiti kesedaran yang tinggi, juga dapat menanggung penderitaan, dapat bertahan terhadap penderitaan fizikal mahupun mental, tidak menjadi masalah jika menanggung lebih banyak penderitaan dari segi fizikal, menanggung penderitaan yang kurang sedikit dari segi mental, pun dapat meningkat Gong. Orang yang mempunyai lebih banyak material hitam pula tidak dibenarkan, perlu mengharungi suatu proses sedemikian: mula-mulanya perlu mentransformasikan material hitam kepada material putih, iaitu suatu proses yang sebegini, ini juga amat luar biasa menderita. Oleh itu seringkali orang yang mempunyai kualiti kesedaran yang tidak baik perlu menanggung penderitaan yang lebih banyak, dengan karma yang banyak dan kualiti kesedaran yang lemah, dia pun lebih susah Xiu Lian.

Satu contoh yang spesifik, anda memerhati bagaimana dia Xiu Lian. Dalam Xiu Lian berdhyaana perlu bersila untuk waktu yang panjang, sebaik sahaja bersila kaki akan terasa sakit dan kebas, apabila masa menjadi panjang, pun mula berasa resah hati, keresahan yang amat hebat. Mengalami penderitaan fizikal dan mental, tubuh berasa tidak selesa, hati pun tidak selesa. Ada sesetengah orang takut sakit apabila bersila, menurunkan kakinya, tidak ingin bertahan lagi. Ada sesetengah orang apabila bersila dengan masa yang lebih panjang sedikit, pun tidak dapat bertahan lagi. Sebaik sahaja menurunkan kakinya, sia-sia berlatih. Sebaik sahaja bersila kaki pun berasa sakit, dengan secepat segera menggerak-gerakkan kaki baru bersila, kami melihat cara ini tidak akan mempunyai sebarang kesan. Ini kerana apabila kakinya terasa sakit, kami lihat material hitam sedang menyerang kakinya. Material hitam adalah karma, menanggung penderitaan dapat menghapuskan karma, dengan demikian ditransformasikan menjadi De. Sebaik sahaja terasa sakit, karma akan mulai hapus ke bawah, karma semakin menekan ke bawah, kakinya akan terasa semakin sakit, oleh itu kakinya sakit bukannya tanpa sebarang sebab munasabah. Seringkali orang yang duduk bermeditasi perasaan sakit pada kakinya adalah berselang-seli, sakit sebentar, amat sengsara sekali, selepas mengharunginya akan kembali menjadi reda, tidak lama kemudian akan mula terasa sakit lagi, seringkali adalah sebegini.

Ini kerana karma lenyap secara seketul-ketul, selepas lenyap seketul kaki akan terasa selesa sedikit, sebentar kemudian akan muncul lagi seketul, lalu akan mula terasa sakit lagi. Selepas material hitam lenyap, ia tidak hilang sebegini, material ini juga tidak akan musnah, selepas lenyap akan ditransformasi dengan secara langsung kepada material putih, material putih ini adalah De. Mengapa ia dapat ditransformasi dengan cara ini? Ini kerana dia telah menanggung penderitaan, dia sendiri telah mencurahkan usaha, dia telah mengalami kesengsaraan. Kami mengatakan, De adalah diperoleh selepas diri sendiri mengalami penderitaan, menanggung kesengsaraan, melakukan perkara yang baik, jadi apabila dalam proses meditasi akan terjadinya masalah ini. Ada orang yang menurunkan kakinya sebaik sahaja terasa sedikit sakit, selepas menggerak-gerakkan kaki baru bersila semula, ini langsung tidak membawa sebarang kesan sama sekali. Ada orang yang membuat latihan berdiri, selepas letih mengangkat lengan tangannya, tidak dapat bertahan lalu menurunkan lengan tangannya, langsung tidak membawa sebarang kesan sama sekali.

Apakah penderitaan yang sedikit ini? Saya kata jika seseorang dapat berhasil berlatih Gong dengan hanya mengangkat lengan tangannya sebegini, itu adalah terlalu mudah sama sekali. Ini adalah keadaan yang timbul apabila seseorang dalam Xiu Lian ber-dhyana.

Aliran Fa kami ini secara utamanya bukan mengikut cara sebegini, tetapi juga ada sebahagian yang berkesan menerusi aspek ini. Kebanyakannya kami mentransformasi karma menerusi proses pergesekan Xin Xing di antara manusia dengan manusia, seringkali wujud dalam bentuk ini. Manusia yang berada dalam konflik, apabila berada dalam pergesekan di antara manusia dengan manusia bahkan melebihi penderitaan sebegitu. Saya mengatakan penderitaan fizikal adalah yang paling mudah ditahan, dengan mengertakkan gigi pun sudah dapat mengharunginya. Apabila berlakunya persengketaan dan persaingan di antara manusia dengan manusia, hati itu adalah yang paling sukar dikawal.

Sebagai contohnya, terdapat satu orang, apabila sampai di tempat kerja terdengar dua orang yang sedang mengutuknya, perkataannya sangat tidak enak didengar, sehingga dia naik marah. Namun kami sudah mengatakan, sebagai seorang pelatih Gong, harus menghendaki diri dengan kriteria yang tinggi, harus tidak membalas apabila dipukul dan apabila dicaci. Dia pun berfikir: “Guru telah memberitahu, kami selaku pelatih Gong adalah tidak sama dengan orang lain, harus bersikap luhur.” Dia tidak bertengkar mulut dengan kedua-dua orang itu. Namun seringkali apabila berlakunya konflik, jika tidak menusuk lubuk hati seseorang, ia adalah sia-sia dan tidak berguna, tidak akan dapat meningkat. Oleh itu dalam hatinya dia tidak dapat melupakan hal tersebut, dan akan merasa resah hati, mungkin akan timbul rasa ingin tahu, sehingga selalu ingin menoleh ke belakang untuk melihat wajah kedua-dua orang itu yang mengutuknya. Sebaik sahaja menoleh ke belakang, terlihat mimik wajah kedua-dua orang itu yang amat garang, tepat sedang berbincang dengan amat hangat, dengan serta-merta dia pun tidak dapat bertahan lagi, dengan segera anginnya pun naik, mungkin dengan serta-merta pun berkelahi dengan mereka. Apabila berlakunya konflik di antara manusia dengan manusia, hati itu adalah amat sukar untuk dikawal. Menurut saya jikalau semua dapat diharungi dengan bermeditasi, itu adalah senang sekali, namun tidak semestinya selalu begini.

Oleh itu semasa berlatih Gong pada masa kelak, anda akan menghadapi pelbagai penderitaan. Tanpa penderitaan ini bagaimana anda dapat berkultivasi? Seandainya anda semua adalah berbaik-baik, tiada sebarang pertikaian atas kepentingan diri, tiada sebarang gangguan hati manusia, dengan hanya duduk di sana Xin Xing anda pun dapat meningkat ke atas? Itu adalah tidak dibenarkan. Seseorang itu perlu benar-benar melatih diri secara praktikal baru boleh meningkat ke atas. Ada orang yang berkata: “Kita yang berlatih Gong mengapa selalu menghadapi masalah yang remeh-temeh? Tiada perbezaan yang banyak apabila berbanding dengan masalah remeh-temeh dalam kalangan manusia biasa.” Ini kerana anda Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, ia tidak akan secara tiba-tibanya terbalikkan kepala anda ke bawah, terbang ke atas dan tergantung di sana, melambung anda ke atas langit untuk mengalami penderitaan, ia tidak akan berlaku seperti ini. Selalunya dalam bentuk dan situasi manusia biasa, siapa yang kacau anda hari ini, siapa yang bangkitkan kemarahan anda, siapa yang layan anda dengan buruk, tiba-tiba menyerang anda dengan perkataan yang kurang ajar, dengan ini melihat bagaimana anda mengharungi masalah-masalah ini.

Mengapa berdepan dengan masalah-masalah ini? Ini semua disebabkan oleh karma yang anda hutang sendiri, kami telah membantu anda melenyapkan sejumlah bahagian besar dan tidak dapat dihitungkan. Hanya tinggal sebahagian yang begitu sedikit untuk dibahagikan di berbagai tingkat, untuk meningkatkan Xin Xing anda, sebahagian penderitaan yang disediakan untuk melatih hati manusia dan menyingkirkan pelbagai keterikatan hati. Ini semuanya adalah penderitaan anda sendiri, kami demi mempertingkatkan Xin Xing anda telah mempergunakannya, semuanya akan anda harungi. Asalkan anda meningkatkan Xin Xing anda, mesti akan dapat harungi, yang khuatir ialah anda sendiri tidak ingin harungi, asalkan ingin harungi mesti akan dapat harungi. Oleh itu apabila menghadapi konflik pada masa kelak, anda jangan menganggapnya sebagai satu kebetulan. Ini kerana apabila berlakunya konflik, ia akan muncul dengan tiba-tibanya, akan tetapi ia bukan wujud secara kebetulan, itu adalah untuk mempertingkatkan Xin Xing anda. Asalkan anda memperlakukan diri sendiri sebagai seorang pelatih Gong, anda mesti akan dapat mengatasinya dengan baik.

Sudah tentu, sebelum kesengsaraan atau konflik berlaku, ia tidak akan beritahu anda, jika anda bersedia maklum, apa yang anda Xiu Lian lagi? Ia juga tidak akan mendatangkan sebarang kesan. Seringkali ia datang dengan tiba-tibanya, dengan begitu baru boleh menguji Xin Xing seseorang, baru boleh benar-benar meningkatkan Xin Xing seseorang, lihat sama ada mampu mengawal Xin Xing, dengan demikian baru dapat melihat dengan jelas, oleh itu apabila berlakunya konflik ia bukannya wujud secara kebetulan. Dalam keseluruhan proses Xiu Lian, dalam transformasi karma akan timbul masalah sebegini, ia adalah lebih sukar berbanding dengan penderitaan fizikal yang dibayangkan oleh manusia secara umumnya. Anda berlatih Gong, berlatih dengan masa yang lebih panjang, mengangkat lengan tangan sehingga terasa sakit ataupun kaki berdiri sehingga terasa penat, dengan ini pun meningkat Gong, dengan hanya berlatih beberapa jam lebih anda pun dapat meningkat Gong? Itu hanya berfungsi untuk mentransformasikan Ben Ti, tetapi masih memerlukan energi untuk memperkuatkannya, ia tidak mempunyai efek untuk meningkatkan tingkatan. Penderitaan mental barulah faktor penting yang benar-benar dapat menaikkan tingkatan. Jika mengatakan penderitaan fizikal sahaja pun sudah dapat mempertingkatkan diri, menurut saya petani-petani negara China yang paling menderita, jadi semuanya harus menjadi master Qi Gong? Betapa penderitaan fizikal yang anda alami juga tidak setanding dengan mereka, setiap hari bekerja keras di bawah matahari yang terik, amat menderita dan amat penat sekali, bukanlah perkara yang begitu mudah. Oleh itu kami sudah katakan, jika benar-benar ingin meningkat, maka hati ini harus benar-benar mendapat peningkatan, dengan itu baru benar-benar dapat meningkat.

Dalam proses transformasi karma, untuk memastikan diri sendiri dapat dikawal, tidak berlakunya kejadian seperti manusia biasa menyebabkan masalah menjadi buruk, maka kami harus mengekalkan hati yang penuh dengan belas kasihan pada setiap masa, dan kondisi hati yang tenang dan damai. Semasa menghadapi apa-apa masalah dengan tiba-tibanya, anda akan dapat mengatasinya dengan baik. Seringkali jika hati anda selalu begitu damai dan belas kasih, apabila tiba-tiba berlakunya masalah, anda mempunyai masa untuk berfikir dan membuat pertimbangan. Jika di dalam hati selalu ingin bersaing dengan orang lain, saling bertengkar, menurut saya anda pasti akan berkelahi dengan orang lain sebaik sahaja menghadapi masalah, pasti sedemikian. Oleh itu ketika anda menghadapi apa-apa

konflik, menurut saya ia adalah supaya material hitam di dalam tubuh anda ditransformasikan menjadi material putih, ditransformasi menjadi De.

Kami sebagai umat manusia berkembang sehingga tahap sebegini pada hari ini, hampir setiap orang dilahir dengan karma bergelumang, tubuh manusia semuanya mempunyai karma yang agak besar. Oleh itu seringkali akan berlakunya situasi sedemikian apabila berdepan dengan masalah transformasi karma, seiring dengan masa Gong anda meningkat, bersamaan dengan peningkatan Xin Xing, karma anda juga melenyap pada masa yang sama, dan transformasi pada masa yang sama. Apabila menghadapi konflik, mungkin akan wujud dalam bentuk pergesekan Xin Xing di antara manusia dengan manusia, jika anda dapat bertahan, karma anda juga akan lenyap, Xin Xing anda juga akan meningkat ke atas, Gong anda juga meningkat ke atas, mereka pun bergabung menjadi satu. Manusia pada zaman dahulu memiliki De yang besar, Xin Xing-nya memang adalah tinggi pada asalnya, asalkan menanggung sedikit penderitaan dia pun sudah dapat meningkat Gong. Manusia zaman sekarang bukan sedemikian, sebaik sahaja mengalami penderitaan pun sudah tidak ingin berkultivasi lagi, malah semakin lama semakin tidak sedar, maka menjadi lebih susah untuk berkultivasi.

Dalam Xiu Lian, apabila menghadapi konflik secara spesifik, apabila orang lain melayan anda dengan buruk, mungkin ada dua jenis situasi yang wujud: yang satu ialah dalam hayat anda sebelum ini mungkin pernah berbuat buruk terhadap orang lain, kini hati anda berasa tidak imbang: “Mengapa layan saya sebegini?” Kalau begitu mengapa anda layan dia sebegini pada masa dahulu? Anda beralih anda tidak tahu pada masa itu, hayat ini tidak ada kena-mengena dengan hayat yang terdahulu, itu adalah tidak dibenarkan. Masih terdapat satu masalah lagi, di dalam konflik, ianya adalah bersangkutan dengan satu masalah transformasi karma, oleh itu apabila kita menghadapinya secara spesifik, kita harus bersikap luhur, tidak boleh seperti manusia biasa. Baik di tempat kerja mahupun di dalam persekitaran kerja yang lain juga adalah sama, sama juga dengan orang yang berniaga sendiri, juga wujud perhubungan di antara manusia dengan manusia, adalah mustahil tiada sebarang pergaulan dengan masyarakat sosial, sekurang-kurangnya masih terdapat perhubungan di antara jiran tetangga persekitaran.

Di dalam pergaulan masyarakat sosial, tentu akan bertembung dengan pelbagai jenis konflik. Bahagian kita yang Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa ini, tidak kira betapa banyak wang yang anda miliki, betapa tingginya jawatan anda, anda buat perniagaan sendiri, buka syarikat, buat apa-apa perniagaan pun tiada masalah, asalkan anda berniaga secara adil, menegakkan hati anda dengan lurus. Dalam masyarakat manusia, setiap bidang sepatutnya wujud, ia adalah hati manusia yang tidak lurus, dan bukannya pekerjaan apa yang dilakukan. Dahulunya terdapat satu ungkapan yang mengatakan: “Sembilan dari sepuluh pedagang adalah licik,” ini adalah pengataan dari manusia biasa, menurut saya itu adalah soal hati manusia. Asalkan hati manusia bertegak lurus, berniaga secara adil, jika anda mencurahkan usaha yang lebih banyak, anda sememangnya patut untung wang yang lebih banyak, itu adalah hasil yang anda perolehi setelah mencurahkan usaha dalam kalangan manusia biasa, tanpa kehilangan tidak akan memperoleh, perolehan hasil kerja. Di berbagai tingkat sosial pun boleh menjadi seorang yang baik, pada tingkat sosial yang berbeza ada konflik yang berbeza. Kedudukan sosial yang tinggi mempunyai bentuk konflik kedudukan sosial tinggi yang tersendiri, semuanya pun boleh dihadapi dengan betul, bagaimana menjadi seorang yang baik pada tingkat yang mana, semuanya pun boleh memandang hambar terhadap pelbagai nafsu keinginan dan keterikatan hati. Pada tingkat yang berbeza juga boleh menonjol sebagai seorang yang baik, juga dapat Xiu Lian pada tingkat sosial di mana diri sendiri berada.

Sekarang ini, baik perusahaan milik negara mahupun perusahaan lain di negara China, konflik di antara manusia dengan manusia adalah luar biasa unik. Di negara yang lain, ataupun sepanjang sejarah pun tidak pernah wujud fenomena yang sebegini, oleh itu atas kepentingan diri, boleh lihat konflik adalah lebih tajam, saling bersaing dan berebut, saling bersaing demi kepentingan yang sedikit, fikiran yang timbul dan taktik yang digunakan juga adalah amat jahat, sehingga amat sukar untuk menjadi orang yang baik. Misalnya seseorang ini sampai di tempat kerja, terasa suasana di tempat kerja tidak berapa betul. Kemudiannya ada orang yang memberitahunya: siapa-siapa telah menyebar khabar angin yang sangat buruk tentang anda, melaporkan anda kepada ketua bahagian, memburukkan nama baik anda. Orang lain semuanya menggunakan pandangan yang aneh

apabila melihat anda. Bagi manusia yang biasa mana boleh bertahan? Mana boleh tidak naik marah? Dia usik saya, saya pun usik dia. Dia ada rakan sahabat, saya juga ada, mari kita berkelahi. Di dalam kalangan manusia biasa, jika anda berbuat demikian, manusia biasa akan menilai anda sebagai seorang yang kuat. Akan tetapi sebagai seorang pelatih Gong, itu adalah amat teruk sekali. Jika anda bersaing dan berebut seperti manusia biasa, anda adalah seorang manusia biasa, jika anda bertindak lebih daripadanya, anda bahkan lebih teruk berbanding dengan dia yang hanya merupakan seorang manusia biasa.

Bagaimana kami menghadapi masalah ini? Apabila menghadapi konflik sebegini, yang pertama sekali kita harus tenang, tidak harus bereaksi seperti dia. Sudah tentu kami boleh memberi penjelasan dengan niat baik, menjelaskan perkara dengan terang dan nyata juga tidak ada masalah, akan tetapi jika anda terlalu keterikatan hati juga adalah tidak dibenarkan. Jika kami menghadapi masalah yang sebegini, jangan sesekali bersaing dan berebut seperti orang lain. Jika dia bertindak sebegini, anda juga bertindak sebegini, bukankah anda juga seorang manusia biasa? Anda bukan sahaja tidak boleh bersaing dan berebut seperti dia, bahkan anda tidak boleh menaruh dendam terhadapnya dalam hati anda, betul-betul tidak boleh menaruh dendam terhadapnya. Sebaik sahaja anda menaruh dendam padanya, bukankah anda sudah naik marah? Dengan demikian anda telah gagal bersabar. Kami mengutarakan Zhen, Shan, Ren, maka Shan anda pun sudah tidak ada lagi. Oleh itu anda tidak boleh bertindak seperti dia, anda benar-benar tidak boleh marah padanya, jangan lihat dia memburukkan nama baik anda sehingga tidak dapat menegak kepala. Anda bukan sahaja tidak boleh marah padanya, dalam hati anda masih perlu berterima kasih kepadanya, benar-benar berterima kasih kepadanya. Bagi manusia biasa mungkin akan berfikir: “Bukankah itu sudah menjadi Ah Q?” Saya beritahu anda, bukan demikian.

Cuba kalian fikirkan, anda adalah seorang pelatih Gong, bukankah harus menggunakan kriteria tinggi untuk menghendakikan anda? Tidak boleh menggunakan prinsip manusia biasa untuk menghendakikan anda kan. Anda adalah seorang yang Xiu Lian, bukankah apa yang anda peroleh adalah benda dari tingkat tinggi? Maka harus menggunakan prinsip tingkat tinggi untuk menghendakikan anda. Jika anda bertindak

seperti dia, bukankah anda sudah sama seperti dia? Kalau begitu mengapa masih perlu berterima kasih kepadanya? Anda pikirkan apa yang anda peroleh? Dalam alam semesta ini terdapat satu prinsip, yang tidak mengalami kehilangan tidak akan memperoleh, bila memperoleh akan mengalami kehilangan. Dia telah memburukkan nama baik anda dalam kalangan manusia biasa, dia dianggap pihak yang memperoleh, dia telah mengambil kesempatan. Semakin dia memburukkan nama baik anda, semakin hebatnya heboh itu, apa yang anda harungi adalah semakin besar, maka semakin banyak De-nya menjadi kurang, kesemua De ini telah diberikan kepada anda. Pada masa yang sama ketika anda sendiri sedang mengharungi, mungkin anda memandang hambar terhadap masalah ini, tidak menyimpannya dalam hati anda.

Di dalam alam semesta ini masih terdapat satu prinsip: Anda telah mengharungi beban penderitaan yang sangat besar, maka karma dalam tubuh anda sendiri juga akan mengalami transformasi. Ini kerana anda telah mengalami pengorbanan, betapa besarnya penderitaan yang ditanggung, betapa besarnya transformasi yang berlaku, semuanya berubah menjadi De. Bukankah pelatih Gong ingin mendapatkan De ini? Dengan demikian bukankah anda mendapat dua perolehan, karma juga telah dilenyapkan. Jika dia tidak mencipta keadaan sebegini, ke mana anda dapat meningkatkan Xin Xing? Seandainya kalian berbaik-baik, dengan hanya duduk dengan aman dan damai di sana Gong pun meningkat, mana ada hal seperti itu? Oleh kerana dia telah mencipta konflik yang sebegini untuk anda, maka terbentuknya satu peluang untuk meningkatkan Xin Xing, menerusinya anda dapat meningkatkan Xin Xing anda sendiri, bukankah Xin Xing anda ini telah meningkat ke atas? Tiga perolehan. Anda adalah seorang pelatih Gong, setelah Xin Xing anda meningkat ke atas bukankah Gong anda juga akan meningkat? Satu perbuatan mendatangkan empat perolehan. Mengapa anda tidak patut berterima kasih kepadanya? Dalam hati anda mestilah benar-benar berterima kasih kepadanya, sebenarnya memang adalah sebegini.

Sudah tentu, niat yang dipancar keluar dari hatinya adalah tidak baik, kalau tidak, ia tidak akan memberi De kepada anda, akan tetapi dia sememangnya telah mencipta satu peluang untuk meningkatkan Xin Xing anda. Dalam erti kata lain, kami mestilah

mementingkan Xiu Lian pada Xin Xing, semasa Xiu Lian Xin Xing karma akan dapat lenyap, dan ditransformasikan menjadi De, dengan demikian anda baru dapat naik tingkat, ini adalah saling melengkapi dan saling mengisi. Apabila dilihat dari perspektif tingkat tinggi, prinsip ini pun sudah mengalami perubahan. Manusia biasa tidak akan memahami hal ini, bila anda melihat prinsip ini dari tingkat tinggi, seluruhnya pun sudah mengalami perubahan. Apabila melihat prinsip ini dalam kalangan manusia biasa anda menganggapnya adalah betul, namun ia bukan benar-benarnya betul. Apabila dilihat dari perspektif tingkat tinggi baru benar-benar betul, seringkalinya adalah sebegini.

Prinsip itu telah saya jelaskan secara terperinci kepada anda, diharap dalam Xiu Lian pada masa kelak, kalian dapat memperlakukan diri sendiri sebagai seorang pelatih Gong, benar-benar Xiu Lian, ini kerana prinsip ini sudah dipaparkan di sini. Mungkin ada sebahagian orang, oleh kerana dia berada dalam kalangan manusia biasa, dia berasa kepentingan material manusia biasa yang benar-benar nyata dan wujud di situ, ini adalah lebih praktikal. Di dalam alam arus besar manusia biasa, dia masih tidak dapat menghendakikan diri dengan kriteria tinggi. Sebenarnya, untuk menjadi seorang yang baik dalam kalangan manusia biasa, ada tokoh pahlawan teladan yang boleh dijadikan contoh, namun itu adalah contoh dalam kalangan manusia biasa. Jika anda ingin menjadi seorang pelatih Xiu Lian, semuanya bergantung kepada hati anda sendiri untuk berkultivasi, semuanya bergantung kepada diri anda sendiri untuk menyedari, tidak ada contoh. Munjurlah kami telah mengajarkan Dafa secara terbuka pada hari ini, pada masa lampau jika anda ingin berkultivasi, masih tidak ada orang yang mengajarkan. Dengan ini anda buat mengikut Dafa mungkin akan buat dengan lebih baik, sama ada dapat berkultivasi, sama ada dapat dilaksanakan, berhasil menembus sampai ke tingkat mana, semuanya bergantung kepada diri anda sendiri.

Sudah tentu, bentuk transformasi karma juga tidak sepenuhnya seperti apa yang saya katakan tadi, ia juga akan dimanifestasikan dalam aspek yang lain. Di dalam masyarakat, di dalam rumah tangga juga akan muncul. Ketika berjalan di atas jalan raya, ataupun di dalam persekitaran masyarakat sosial yang lain, juga mungkin bertembung dengan masalah yang menyusahkan. Keterikatan hati di dalam kalangan manusia biasa yang tidak dapat

dilepaskan, kesemuanya harus anda melepaskan. Segala keterikatan hati, asalkan anda miliki, pun harus disingkirkan dalam pelbagai situasi. Biarkan anda terjatuh, agar dapat menyedari Tao, begitulah Xiu Lian diharungi.

Yang lebih tipikal lagi masih ada satu situasi yang sebegini: Banyak di antara kita dalam proses Xiu Lian, seringkali apabila anda berlatih Gong, suami atau isteri anda akan menjadi luar biasa tidak gembira, sebaik sahaja anda berlatih Gong, dia pun terus berperang dengan anda. Apabila anda melakukan perkara yang lain, dia masih tidak peduli. Misalnya anda bermain mahjong⁴⁵ sehingga betapa banyak masa dibazirkan, dia juga tidak gembira, namun tidak seperti berlatih Gong. Anda berlatih Gong juga tidak mengusik dia, melatih tubuh, juga tidak mengganggunya, alangkah baiknya. Namun, sebaik sahaja anda berlatih Gong, dia pasti akan mengamuk. Ada orang oleh sebab berlatih Gong, suami isteri bergaduh sehingga hampir bercerai. Banyak orang yang tidak pernah memikir mengapa akan timbulnya situasi sebegini? Selepas itu anda tanya kepadanya: “Saya berlatih Gong mengapa anda begitu marah?” Dia tidak dapat jelaskan apa sebabnya, betul-betul tidak dapat jelaskan apa sebabnya: “Benar juga ya, saya juga tidak patut begitu marah, pada masa itu memang begitu marah.” Sebenarnya mengapakah ini berlaku? Apabila anda berlatih Gong, karma itu harus ditransformasikan, yang tidak mengalami kehilangan tidak akan memperoleh, yang hilang pun adalah benda yang buruk, anda perlu mencurahkan usaha.

Mungkin sebaik sahaja masuk pintu rumah, suami atau isteri anda pun terus menyerang anda, jika anda dapat mengharunginya, latihan Gong yang anda lakukan hari ini tidak sia-sia. Ada orang juga tahu bahawa berlatih Gong harus mementingkan De, jadi kebiasaannya berbaik-baik dengan suami atau isterinya. Bila berfikir: “Biasanya apa yang saya katakan dia tidak akan membantah, hari ini dia sudah panjat ke atas kepala saya.” Tidak dapat menahan kemarahannya lalu bertengkar dengan dia, dengan demikian latihan hari ini pun menjadi sia-sia. Ini kerana karma itu berada di sana, dia membantu anda melenyapkannya namun anda tidak dapat bertahan, terus bertengkar dengan dia, sehingga tidak berjaya dilenyapkan. Peristiwa seperti ini banyak terjadi, banyak di antara kami pernah mengalami situasi ini, tetapi tidak pernah fikir apa sebabnya. Jika anda melakukan

⁴⁵

Mahjong – Sejenis permainan judi yang berasal dari negara China.

perkara lain dia juga tidak begitu endah, hal yang sebenarnya baik, dia pula selalu bermusuhan dengan anda. Padahal sebenarnya adalah untuk membantu anda melenyapkan karma, namun dia sendiri tidak tahu. Dia bukan berpura-pura berkelahi dengan anda pada permukaannya, dalam hatinya tetap baik dengan anda, bukan begini, dia benar-benar marah dalam hatinya. Ini kerana apabila karma terjatuh pada sesiapa sahaja, orang itu yang akan berasa tidak senang hati, pasti adalah sedemikian.

Mempertingkatkan Xin Xing

Dahulunya ramai orang disebabkan gagal mengawal Xin Xing, telah mengalami banyak masalah, selepas berlatih mencapai tingkat tertentu pun sudah tidak dapat meningkat lagi. Ada orang yang secara bawaan memiliki Xin Xing yang lebih tinggi, semasa berlatih Gong dengan sebentar Tian Mu-nya sudah terbuka, dan mencapai suatu taraf yang tertentu. Oleh kerana orang ini memiliki dasar bawaan yang agak baik, memiliki Xin Xing yang amat tinggi, oleh itu Gong-nya juga meningkat dengan sangat cepat. Apabila mencapai tingkat di mana Xin Xingnya berada, Gongnya juga meningkat sehingga itu, sekiranya dia ingin meningkatkan Gong-nya lagi, maka konflik itu pun jadi menonjol, dia pun perlu terus meningkat Xin Xingnya. Terutamanya orang yang memiliki dasar bawaan yang baik, dia pun merasa Gong-nya ini meningkat dengan agak baik, berlatih dengan agak baik juga, tiba-tiba mengapa begitu banyak masalah yang meresahkan muncul? Mengapa segalanya menjadi tidak baik, orang lain juga melayannya dengan buruk, ketuanya juga sudah tidak memandang berat padanya lagi, situasi di rumah tangga juga menjadi sangat tegang. Mengapa dengan tiba-tiba timbulnya begitu banyak konflik? Dia sendiri masih tidak menyedari. Ini kerana dasar bawaannya agak bagus, setelah mencapai tingkat tertentu, pun tertimbulnya kondisi sebegini. Akan tetapi itu mana boleh dianggap sebagai piawai mencapai kesempurnaan pada saat akhir bagi orang Xiu Lian? Berkultivasi menuju ke tingkat atas masih jauh lagi! Anda perlu meningkatkan diri sendiri secara berterusan. Itu hanya adalah kesan dari sedikit dasar bawaan milik anda sendiri, anda baru boleh mencapai kondisi sebegini, tingkatkan lagi, kriteria itu pun harus ditingkatkan lagi.

Ada orang yang berkata: “Saya mencari wang yang lebih banyak, membereskan keluarga saya, lalu apa-apa pun saya tidak peduli lagi, lepas itu barulah saya berkultivasi.” Saya kata anda berkhayal, anda tidak mampu bercampur tangan dalam kehidupan orang lain, tidak mampu mengatur nasib orang lain, termasuk nasib isteri dan anak-anak anda, ibu bapa dan adik-beradik anda, adakah hal itu bergantung kepada keputusan anda? Selain itu, jika anda tidak mempunyai sebarang kerisauan lagi, jika anda tidak mempunyai sebarang masalah lagi, apa yang anda Xiu Lian lagi? Xiu Lian dengan senang hati? Mana ada hal sebegitu? Itu adalah fikiran anda dari sudut pandangan manusia biasa.

Xiu Lian harus dilakukan dalam penderitaan ini, lihat sama ada anda rela melepaskan tujuh perasaan dan enam nafsu anda, sama ada anda dapat memandang hambar terhadapnya. Jika anda terikat pada benda itu, anda tidak akan berjaya dalam kultivasi. Segala sesuatu semuanya mempunyai Yin Yuan Guan Xi, manusia mengapa boleh menjadi manusia? Ini kerana di antara manusia wujudnya Qing, manusia hidup kerana Qing ini, yakni kasih sayang keluarga, cinta antara lelaki dan wanita, cinta terhadap ibu bapa, perasaan, persahabatan, dalam melakukan setiap perkara juga mementingkan aspek Qing ini, kesemuanya tidak dapat terlepas dari Qing ini, ingin melakukan sesuatu ataupun tidak, gembira ataupun tidak, cinta dan benci, segala hal dari seluruh masyarakat manusia, semuanya berasal dari Qing ini. Sekiranya Qing ini tidak diputuskan, anda pun tidak dapat Xiu Lian. Jika manusia dapat membebaskan diri dari Qing ini, sesiapa pun tidak dapat mempengaruhi anda, hati manusia biasa pun tidak dapat mempengaruhi anda, sebagai gantinya adalah belas kasih, iaitu sesuatu yang lebih mulia. Sudah tentu ia adalah tidak mudah untuk memutuskan benda ini dengan serta-merta, Xiu Lian adalah suatu proses yang amat panjang, adalah suatu proses membebaskan diri dari keterikatan hati secara perlahan-lahan, akan tetapi anda perlu mendisiplinkan diri dengan tegas.

Kita selaku seorang yang berlatih Gong, konflik akan tercetus secara tiba-tiba. Macam mana? Jika anda biasanya selalu mengekalkan sebuah hati yang berbelas kasihan, fikiran yang tenang dan damai, apabila bertembung dengan masalah akan dapat diatasi dengan baik, ini kerana ia masih mempunyai masa untuk bertenang. Jika anda selalu berbelas kasihan, melayan orang dengan Shan, selalu memikirkan orang lain sebelum

melakukan sesuatu, setiap kali apabila bertembung dengan masalah akan memikirkan terlebih dahulu, adakah hal ini dapat diterima oleh orang lain, adakah hal ini akan melukakan orang lain, dengan demikian ia pun tidak akan timbul masalah. Oleh itu anda harus berpandukan kriteria yang tinggi serta kriteria yang lebih tinggi dalam menghendakikan diri apabila berlatih Gong.

Seringkali sesetengah orang tidak menyedari. Ada sesetengah orang Tian Mu-nya telah terbuka, telah terlihat Buddha, kemudian pulang ke rumah menyembah Buddha, dan membebel di dalam hati: “Mengapa Anda tidak menghiraukan saya? Tolonglah saya menyelesaikan masalah ini!” Sudah tentu Buddha tidak menghiraukan, kesengsaraan itu Dialah yang mengaturkan, tujuannya adalah untuk meningkatkan Xin Xing anda, supaya ada dapat meningkatkan diri dalam konflik ini. Bolehkah Dia menyelesaikan masalah itu untuk anda? Langsung tidak akan menyelesaikan masalah itu untuk anda, jika masalah itu diselesaikan, bagaimana anda dapat meningkat Gong, bagaimana dapat meningkatkan Xin Xing dan tingkatan anda? membenarkan anda meningkat Gong barulah tujuan utamanya. Menurut pandangan Sang Maha Sedar, menjadi manusia bukanlah tujuan utama, kehidupan manusia bukanlah untuk menjadi manusia, ia adalah supaya anda dapat pulang kembali. Manusia mengalami banyak penderitaan, dia berpendapat bahawa semakin banyak penderitaan yang dialami adalah semakin baik, mempercepatkan pembayaran hutang, beginilah pemikirannya. Ada sesetengah orang yang tidak sedari, setelah memohon kepada Buddha dan tidak berhasil, dia pun mula menyalahkan Buddha: “Mengapa Anda tidak mahu membantu saya? Setiap hari saya membakar dupa dan bersujud kepada Anda.” Ada orang disebabkan oleh perkara ini, telah membuang dan menghancurkan patung Buddha, dan sejak dari itu mencaci Buddha. Oleh kerana sebaik sahaja dia mencaci, Xin Xingnya pun telah jatuh ke bawah, Gong-nya juga telah hilang. Dia tahu apa pun sudah tiada lagi, jadi makin membenci Buddha, dia fikir Buddha sedang menganiayanya. Dia mengguna prinsip manusia biasa untuk menilai Xin Xing Buddha, bagaimana mungkin dapat diukur? Dia mengguna kriteria manusia biasa untuk melihat perkara dalam tingkat tinggi, bagaimana itu dapat dibenarkan? Oleh itu seringkali akan tertimbulnya masalah sebegini, penderitaan dalam kehidupan dianggap sebagai ketidakadilan yang berlaku pada dirinya, sehingga banyak orang yang jatuh berguguran.

Beberapa tahun yang lalu terdapat banyak master Qi Gong besar yang termasyhur juga telah jatuh ke bawah. Sudah tentu master Qi Gong yang tulen telah pulang setelah menyelesaikan misi sejarah mereka. Hanya tinggal sesetengah yang masih sesat dalam kalangan manusia biasa, orang-orang yang Xin Xing mereka telah jatuh masih aktif lagi, dia sudah tiada Gong lagi. Terdapat sebahagian master Qi Gong yang dahulunya agak bereputasi masih beraktiviti dalam kalangan masyarakat. Shi Fu-nya melihat dia telah terjatuh dalam kalangan manusia biasa, terjunam dalam nama dan kepentingan sehingga tidak dapat melepaskan diri, sudah tiada harapan lagi, Shi Funya pun membawa Fu Yuan Shen-nya pergi, Gong-nya semua berada pada Fu Yuan Shen-nya. Contoh tipikal sebegini adalah sangat banyak sekali.

Dalam aliran Fa kami ini, contoh sebegini adalah agak kurang sedikit, sekiranya ada pun bukan begitu menonjol. Sedangkan pada aspek peningkatan Xin Xing, contoh yang menonjol adalah sangat banyak sekali. Terdapat seorang pelatih yang bekerja di satu kilang fabrik tekstil di satu bandar di wilayah Shandong, setelah belajar Falun Dafa juga mengajar pekerja yang lain, akhirnya telah membangkitkan semangat dan wajah baru di seluruh kilang. Dahulunya tuala kepala kilang fabrik tekstil seringkali dibawa pulang, semua pekerja juga mengambil. Setelah belajar Gong dia bukan sahaja tidak mengambil lagi, bahkan yang sudah bawa pulang ke rumah pun dibawa balik untuk dikembalikan. Orang lain sebaik sahaja melihat dia berbuat demikian, sesiapa pun tidak mengambil lagi, bahkan ada pekerja yang mengembalikan tuala yang pernah diambil kepada kilang, seluruh kilang berlaku keadaan sebegini.

Seorang ketua pembimbing pusat bimbingan Falun Dafa dari sebuah bandar telah mengunjungi sebuah kilang untuk meninjau keadaan berlatih para pelatih Falun Dafa, ketua kilang itu sendiri telah menyambut kunjungannya dan berkata: “Para pekerja ini setelah mempelajari Falun Dafa, mereka datang lebih awal untuk bekerja dan pulang lebih lambat, bekerja dengan bersungguh-sungguh, dan tidak pernah memilih-milih tugas apa sahaja yang diberi oleh ketua, juga tidak bersaing dan berebut lagi demi kepentingan. Sebaik sahaja mereka berbuat sedemikian, dengan serta-merta telah membangkitkan

semangat dan memberi wajah baru di seluruh kilang, keuntungan ekonomi kilang juga menjadi semakin baik. Gong anda begitu hebat, apabila guru kalian datang, saya juga turut menyertai.” Tujuan utama kami Xiu Lian Falun Dafa adalah untuk membimbing orang menuju ke tingkat tinggi, bukan berniat untuk melakukan hal sebegini, akan tetapi ia pula dapat memajukan peradaban spiritual masyarakat. Jika setiap orang dapat mencari diri dalam lubuk hati, setiap orang turut memikirkan bagaimana diri sendiri boleh berbuat baik, menurut saya masyarakat pun akan menjadi stabil, tahap moral umat manusia pun akan meningkat semula.

Semasa saya mengajar Fa dan Gong di bandar Taiyuan, terdapat seorang pelatih yang berusia lima puluh tahun lebih, suami isteri datang mengikuti kuliah. Apabila mereka berjalan di tengah jalan, sebuah kereta sedan memandu dengan amat cepat, dengan seketika sahaja cermin belakang kereta sedan tersebut pun tersangkut pada pakaian nenek tua tersebut. Setelah tersangkut nenek tua tersebut telah diheret sehingga melebihi sepuluh meter jauh, “pa” lalu jatuh berdebum terhempas ke atas jalan, kereta tersebut pun terus memandu melebihi dua puluh meter baru berhenti. Pemandu itu setelah turun dari kenderaan masih berasa tidak senang hati: “Ah, anda berjalan tanpa melihat.” Beginilah sikap orang sekarang ini, menolak tanggungjawab diri terlebih dahulu apabila bertembung dengan masalah, sama ada dia akan dipersalahkan ataupun tidak dia akan menolak tanggungjawabnya terlebih dahulu. Penumpang yang duduk di dalam kereta tersebut berkata: “Periksa bagaimana keadaannya, hantar dia ke hospital dahulu.” Pemandu itu tersedar dan bertanya dengan terburu-buru: “Bagaimana keadaan nenek? Adakah nenek jatuh terluka? Mari kita pergi ke hospital untuk buat pemeriksaan.” Pelatih itu dengan perlahan-lahannya bangun dari atas jalan dan berkata: “Saya tiada apa-apa, kalian pergi sahaja.” Setelah membersihkan tanah yang terlekat pada baju dan badannya, dia pun berangkat bersama suaminya.

Setiba di kelas kuliah pelatih tersebut menceritakan peristiwa ini kepada saya, saya juga berasa agak gembira. Xin Xing pelatih kita sememangnya telah meningkat. Dia berkata kepada saya: “Guru, hari ini saya telah belajar Falun Dafa, sekiranya saya tidak belajar Falun Dafa, hari ini saya tidak akan bertindak sebegini.” Cuba anda fikirkan,

seorang yang sudah bersara, sekarang harga barang begitu mahal, apa-apa layanan kebajikan pun sudah tidak ada. Orang yang berusia lima puluh tahun lebih diheret oleh kereta sehingga begitu jauh, dan terhempas di atas jalan. Mana tercedera? Manapun sudah tercedera, baring di atas jalan lalu tidak dapat bangun. Pergi ke hospital, marilah pergi, tinggal sahaja di hospital dan tidak perlu keluar. Bagi manusia biasa mungkin akan berbuat demikian. Namun dia adalah seorang pelatih Gong, dia tidak berbuat sedemikian. Kami mengatakan, baik atau buruk berasal dari fikiran sekilas seseorang, fikiran sekilas ini juga akan membawa kesan yang berbeza. Dengan usia yang begitu tinggi, sekiranya hal itu terjadi pada manusia biasa, mungkinkah dia terhempas tanpa sebarang kecederaan? Namun nenek tua tersebut kulitnya pun tidak tergores. Baik atau buruk berasal dari fikiran sekilas, jika dia berbaring di sana dan berkata: “Aduh, habislah saya, ini tak boleh, itu tak boleh.” Kalau begitu, mungkin putusnya otot dan patah tulang, dan menjadi lumpuh. Betapa banyak wang yang diberikan kepada anda, anda tinggal di hospital dan berbaring untuk sepanjang hayat anda, adakah anda berasa senang hati? Orang yang menyaksikan apa yang berlaku semuanya pun berasa hairan, mengapakah nenek tua ini tidak memeras ugut pemandu itu dan meminta gantirugi, minta wang daripadanya. Tahap moral manusia sekarang memang telah diputarbelit. Memang pemandu itu telah memandu dengan laju, akan tetapi adakah dia melanggar orang dengan sengaja? Bukankah dia tidak sengaja? Namun orang sekarang memang sedemikian, jika tidak memeras ugut untuk mendapatkan wang, orang yang menyaksikan kejadian itu semuanya akan merasa tidak adil. Sekarang ini, saya katakan baik dan buruk sudah sukar untuk dibezakan, ada orang yang beritahu dia bahawa dia sedang melakukan perkara yang jahat, dia tidak akan percaya. Ini kerana tahap moral manusia telah mengalami perubahan, ada orang yang berusaha demi keuntungan semata-matanya, asalkan dapat memperoleh wang, boleh buat apa-apa sahaja. “Jika manusia tidak mementingkan diri, akan ditumpas oleh langit dan dimusnahkan oleh bumi”, prinsip ini pun sudah menjadi cogan kata!

Seorang pelatih di kota Beijing, setelah habis makan malam membawa anaknya berjalan-jalan di pusat beli-belah Qianmen, terlihat sebuah kenderaan dengan pembesar suara yang sedang mempromosikan cabutan bertuah. Anaknya tertarik dengannya dan ingin membuat cabutan. Pelatih tersebut berasa tiada apa-apa lalu memberi anaknya wang

satu Yuan untuk membuat cabutan. Cabutan itu telah memenangi hadiah kedua, iaitu sebuah basikal mewah untuk kanak-kanak, anaknya terasa amat gembira sekali. Seketika itu terngiang di kepalanya: “Saya adalah seorang pelatih Gong, mana boleh meminta benda ini? Jika saya terima perolehan yang tidak wajar ini, berapa banyak De yang perlu saya beri kepadanya?” Dia lalu berkata kepada anaknya: “Kita tidak akan mengambilnya, jika menginginkan kita beli sendiri.” Anak itu pun berasa tidak gembira: “Saya minta namun ayah tidak mahu belikan, saya menang hadiah itu sendiri, ayah pula melarang saya menerimanya.” Anaknya menangis dan menjerit, tidak boleh buat apa, lalu membawa hadiah itu pulang ke rumah. Sesampainya di rumah, semakin dia fikirkan semakin dia berasa tidak senang hati, lebih baik membayar wang kepada mereka. Setelah mempertimbangkan lagi, dia berfikir: “Kupon hadiah pun sudah tidak ada, jika berikan wang kepada mereka, bukankah mereka akan membahagikan wang itu? Lebih baik saya mendermakan wang itu ke tempat kerja.”

Nasib baik di tempat kerja ada beberapa orang pelatih Falun Dafa, ketua juga memahaminya. Sekiranya dalam persekitaran yang biasa, tempat kerja yang biasa, anda kata anda seorang pelatih Gong, setelah memenangi hadiah basikal, anda kata anda tidak ingin menerima hadiah tersebut, ingin mendermakan wang kepada tempat kerja, semua pemimpin tentu fikirkan orang ini mungkin mempunyai masalah mental. Orang lain juga akan bergosip: “Adakah orang ini berlatih Gong sehingga menyimpang, atau sudah tersesat?” Saya sudah katakan, tahap moral telah diputarbelit. Semasa tahun 1950-an dan 1960-an, perkara ini tidaklah istimewa, ini adalah hal biasa sahaja, tidak ada sesiapa yang akan berasa hairan.

Kami mengatakan, tidak kisah betapa besarnya perubahan tahap moral manusia, ciri-ciri alam semesta ini --- Zhen, Shan, Ren, tidak akan berubah untuk selama-lamanya. Jika ada orang mengatakan anda baik, anda tidak semestinya benar-benar baik; jika ada orang yang mengatakan anda jahat, anda tidak semestinya benar-benar jahat, ini kerana kriteria untuk mengukur baik dan jahat telah mengalami herotan. Hanya manusia yang berpadanan dengan ciri-ciri alam semesta ini barulah merupakan seorang yang baik, ini adalah satu-satunya ciri pengukur baik dan jahat seseorang manusia, dan ini telah mendapat

pengesahan dalam alam semesta. Anda jangan lihat betapa besarnya perubahan yang berlaku dalam masyarakat umat manusia, nilai moral umat manusia mengalami kemerosotan yang parah, etika kehidupan kian merosot dari hari ke hari, orang berusaha demi keuntungan semata-mata, akan tetapi, perubahan alam semesta bukanlah berubah mengikut perubahan dalam umat manusia. Sebagai seorang pelatih yang Xiu Lian pun tidak boleh menghendakikan diri dengan menggunakan kriteria manusia biasa. Jika manusia biasa mengatakan hal ini betul, anda pun bertindak mengikutnya, itu adalah tidak dibenarkan. Orang biasa mengatakan baik tidak semestinya adalah baik. Orang biasa mengatakan buruk tidak semestinya adalah buruk. Pada zaman di mana tahap moral telahpun mengalami herotan ini, seseorang melakukan perkara yang jahat, jika anda beritahu bahawa dia sedang melakukan perkara yang jahat, dia tidak akan percaya! Sebagai seorang pelatih yang Xiu Lian, anda harus mengukur dengan menggunakan ciri-ciri alam semesta, dengan demikian baru dapat membezakan mana yang benar-benar baik dan mana yang benar-benar buruk.

Guan Ding

Di dalam komuniti Xiu Lian terdapat suatu keadaan yang dipanggil Guan Ding. Guan Ding adalah suatu formaliti agama dari kaedah Xiu Lian Tantra Aliran Buddha. Tujuannya adalah supaya penganutnya tidak boleh menyertai aliran lain setelah melalui Guan Ding, dan diakui sebagai pengikut tulen aliran ini. Sekarang apa yang pelik di sini? Berlatih Gong juga telah muncul suatu formaliti agama yang sebegini, kaedah Gong aliran Tao juga melakukan Guan Ding, dan bukan hanya aliran Tantra sahaja. Saya telah mengatakan, sesiapa yang mengibarkan panji aliran Tantra dan mengajar kaedah Gong Tantra semuanya adalah palsu. Mengapa berkata sedemikian? Ini kerana aliran Tantra Tang di negara China sudah lenyap lebih dari seribu tahun, sudah tidak wujud sama sekali. Oleh sebab Tantra Tibet mengalami masalah batasan bahasa, ia tidak pernah disebar masuk secara menyeluruh ke daerah Han. Terutamanya, oleh sebab ia adalah agama esoteris,⁴⁶ perlu Xiu Lian secara rahsia di kuil, di samping itu masih perlu diajar oleh Shi Fu secara

⁴⁶ Esoteris – Bersifat khusus (rahsia, terbatas).

rahsia, Shi Fu membimbing dia berkultivasi secara rahsia. Jika syarat ini tidak dipenuhi, ia langsung tidak akan disebar keluar.

Terdapat ramai orang yang mendukung niat sebegini untuk belajar Gong di Tibet, ingin berguru dan belajar Tantra Tibet, agar kelak menjadi master Qi Gong, menjadi terkenal, menjadi kaya. Cuba kalian fikirkan, seorang ‘Lama’ yang benar-benar memperoleh ajaran tulen adalah Buddha hidup yang memiliki kemampuan Gong yang amat besar, mampu melihat apa yang difikirkan oleh orang yang ingin belajar Gong. Apa tujuan kedatangannya, sebaik sahaja melihat hatinya pun memahami: “Datang sini untuk belajar ini, setelah keluar menjadi master Qi Gong untuk menjadi kaya dan terkenal, datang untuk merosakkan kaedah kultivasi Buddha aliran ini.” Aliran Fa kultivasi Buddha yang begitu serius bolehkah membiarkan anda merosakkannya sesuka hati dengan menjadi master Qi Gong bagi tujuan mengejar nama dan kepentingan? Apakah motif anda? Oleh itu langsung tidak akan mengajarnya sama sekali, tidak akan memperoleh ajaran tulen. Sudah tentu, kuil juga banyak, mungkin memperoleh sedikit bulu kulit dari ajarannya. Jika hati tidak tulus, apabila ingin menjadi master Qi Gong untuk melakukan hal yang tidak baik, ia pun akan mengundang Fu Ti. Haiwan Fu Ti juga memiliki Gong, tetapi itu bukan Tantra Tibet. Orang yang benar-benar pergi ke Tibet untuk memperoleh Fa, sebaik sahaja pergi mungkin sudah terpancang di sana dan tidak akan keluar lagi, ini adalah orang yang benar-benar berkultivasi.

Aneh sekali, sekarang banyak kaedah Gong dari aliran Tao juga mengutarakan Guan Ding, aliran Tao adalah berpedoman pada pergerakan nadi, Guan Ding buat apa? Berdasarkan apa yang saya ketahui, ketika saya mengajar Gong di selatan, terutama di daerah Guangdong agak banyak, terdapat belasan kaedah Gong yang huru-hara melakukan Guan Ding. Apakah maksudnya? Setelah melakukan Guan Ding pada anda, anda pun menjadi pengikutnya, tidak boleh belajar Gong yang lain lagi, jika belajar Gong yang lain anda akan dihukum, inilah yang dia lakukan. Bukankah ini berupa praktis sesat dan menyimpang? Apa yang dia ajar adalah sesuatu yang menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, ramai orang yang belajar adalah dengan niat untuk memperoleh tubuh yang sihat. Apakah tujuan melakukan ini? Ada orang yang mengatakan, jika berlatih Gong-

nya pun tidak boleh berlatih Gong yang lain lagi. Adakah dia dapat menyelamatkan manusia dengan mencapai kesempurnaan? Sungguh menyesatkan orang! Ramai yang berbuat demikian.

Aliran Tao tidak mengutarakan Guan Ding, tetapi timbul juga apa yang digelar sebagai Guan Ding. Saya mendapati master Qi Gong yang paling hebat melakukan Guan Ding, berapa tingginya pilar Gong yang dia miliki? Kira-kira hanya setinggi bangunan bertingkat dua atau tiga, master Qi Gong besar yang agak terkenal, saya lihat Gong-nya jatuh dengan agak kasihan. Beratusan dan ribuan orang yang datang beratur, dan dia pun melakukan Guan Ding kepada mereka. Gong yang dia miliki adalah terhad, hanya setinggi itu, sebentar sahaja Gong itu telah menyusut turun dan akhirnya sudah tiada, masih ada apa lagi yang boleh digunakan untuk Guan Ding, bukankah itu menipu orang? Guan Ding yang benar, apabila dilihat dari ruang dimensi lain, keseluruhan tulang manusia dari kepala hingga ke kaki akan berubah menjadi seperti batu jed yang berwarna putih. Iaitu menggunakan Gong dan material energi tinggi untuk memurnikan tubuh, Guan Ding dari kepala hingga ke kaki. Adakah master Qi Gong ini mampu melakukan ini? Dia tidak mampu! Jadi apa yang dia lakukan? Sudah tentu tidak semesti semuanya adalah melakukan kegiatan agama, tujuannya adalah setelah belajar Gong dia, anda sudah jadi pengikutnya, anda harus mengikuti kuliah, dan mempelajari ajarannya. Tujuannya adalah untuk mendapat wang anda itu, jika tiada sesiapa yang belajar darinya, dia pun tidak dapat keuntungan.

Pelatih Falun Dafa adalah sama seperti pengikut aliran Fa Buddha yang lain, adalah guru yang berkali-kali melakukan Guan Ding, namun anda tidak perasaan langsung. Bagi orang yang memiliki kemampuan Gong mungkin dapat tahu, orang yang sensitif mungkin juga dapat merasakan, ketika tidur atau pada bila-bila masa pun mungkin tiba-tiba merasakan suatu arus panas mengalir dari atas ubun-ubun kepala terus menembus ke bawah seluruh tubuh. Tujuan Guan Ding bukannya untuk menambah tinggi Gong anda, Gong adalah hasil Xiu Lian anda sendiri. Guan Ding adalah satu kaedah untuk memperkuat, ia adalah untuk memurnikan tubuh anda, membersihkan tubuh anda dengan lebih lanjut. Harus berkali-kali lakukan Guan Ding, setiap tingkatan pun perlu

membantu anda membersihkan tubuh. Ini kerana kultivasi itu terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu, oleh itu kita juga tidak mengutarakan formaliti Guan Ding sebegini.

Sebahagian orang bahkan melakukan apa yang dipanggil sebagai upacara mengangkat guru. Berkenaan dengan hal ini, saya katakan juga, terdapat banyak orang yang ingin mengangkat saya sebagai guru. Zaman sejarah kami ini adalah berbeza dengan masyarakat feudal negara China, dengan hanya bersujud lutut di situ sudah boleh dianggap mengangkat guru? Kami tidak melakukan formaliti sebegini. Ramai orang di antara kita yang berfikir sebegini: “Jika saya bersujud, membakar dupa dan memuja Buddha, asalkan dengan hati yang tulus sikit, saya pun akan dapat tumbuh Gong.” Bagi saya itu agak lawak sekali, benar-benar berlatih Gong adalah sepenuhnya tergantung pada kultivasi diri sendiri, meminta apa pun tidak berguna. Tidak perlu memuja Buddha, tidak perlu membakar dupa, asalkan benar-benar Xiu Lian mengikut kriteria-kriteria orang Xiu Lian, dia lihat anda dia pun sudah sangat gembira. Jika anda selalu berbuat jahat di luar, walaupun anda membakar dupa dan bersujud, dengan melihat anda sahaja dia pun rasa tidak senang hati, bukankah begini prinsipnya? Benar-benar kultivasi perlu bergantung kepada diri sendiri. Hari ini anda telah bersujud dan mengangkat guru, akan tetapi sebaik sahaja keluar dari pintu ini anda pun bertindak sesuka hati, apa gunanya itu? Kami langsung tidak mengutarakan formaliti sebegini sama sekali, mungkin anda masih merosakkan reputasi saya!

Demikian banyak benda yang kami berikan kepada kalian, asalkan semua orang berkultivasi dengan bersungguh-sungguh, serta menghendakikan diri dengan serius, saya akan membimbing anda sebagai pelatih saya, asalkan anda Xiu Lian Falun Dafa, kami akan membimbing anda sebagai pelatih. Jika anda tidak berkultivasi, kami juga tidak berdaya. Anda tidak berkultivasi lagi, apa gunanya anda menyandang gelaran itu? Apa pelatih fasa pertama, pelatih fasa kedua, dengan hanya berlatih pergerakan ini sahaja anda boleh dianggap sebagai pelatih kami? Anda perlu benar-benar Xiu Lian dengan berlandaskan kriteria Xin Xing kami ini baru boleh mencapai tubuh yang sihat, baru boleh benar-benar meningkat ke tingkat yang tinggi. Oleh itu kami tidak mengutarakan formaliti sedemikian, asalkan anda Xiu Lian, anda adalah pelatih dalam aliran kami. Fa Shen saya tahu segala

apa pun, apa yang anda fikir dia pun tahu, apa pun dia dapat lakukan. Jika anda tidak Xiu Lian, dia tidak akan peduli anda, jika anda Xiu Lian, dia akan membantu anda sehingga akhir.

Ada sebahagian kaedah Gong, pelatihnya masih belum pernah berjumpa dengan Shi Fu-nya, berkata dengan hanya bersujud menghadap ke suatu arah, bayar beberapa ratus wang Yuan pun sudah boleh. Bukankah ini menipu diri dan juga menipu orang lain? Malah orang ini masih agak berela hati, sejak itu dia pun mula lindungi kaedah Gong dan gurunya itu, dan juga memberitahu orang lain tidak boleh belajar Gong yang lain lagi. Saya lihat juga agak lawak sekali. Malah masih ada orang yang melakukan apa yang digelar sebagai meraba ubun-ubun, juga tidak tahu apa fungsinya setelah diraba.

Bukan sahaja orang yang mengibarkan panji Tantra dan mengajarkan Gong adalah palsu, semua yang mengajar Gong dengan mengibarkan panji agama Buddha aliran apa pun juga adalah palsu. Cuba kalian fikirkan, kaedah Xiu Lian agama Buddha sepanjang ribuan tahun adalah begitu caranya, sesiapa yang mengubahnya adakah itu masih agama Buddha? Kaedah Xiu Lian adalah kultivasi Buddha yang serius, malah ia adalah amat luar biasa, sebaik sahaja diubah sedikit akan menjadi kacau bilau. Oleh kerana proses evolusi Gong adalah amat luar biasa rumit, perasaan manusia itu apa pun bukan, tidak boleh Xiu Lian dengan bergantung kepada perasaan. Formaliti agama dari biksu adalah kaedah Xiu Lian, sedikit sahaja diubah pun sudah bukan benda dari aliran itu lagi. Setiap aliran mempunyai Sang Maha Sedar yang memimpinnya, setiap aliran juga telah menghasilkan banyak Sang Maha Sedar menerusi kultivasi, tiada sesiapa pun yang berani mengubah kaedah Xiu Lian aliran itu dengan sesuka hati, sedangkan seorang master Qi Gong yang kecil, mempunyai apa keagungan De sehingga dia berani mengabaikan pengasas dan mengubah aliran Fa kultivasi Buddha? Sekiranya benar-benar boleh diubah, adakah itu masih aliran Fa itu? Qi Gong palsu boleh dibezakan.

Xuan Guan Menempati Posisi

Xuan Guan⁴⁷ menempati posisi juga digelar Xuan Guan menembus satu lintasan. Dalam kitab ‘Dan Jing’, ‘Tao Zang’, ‘Xing Ming Gui Zhi’ mungkin boleh menemui istilah sebegini. Jadi, apakah ertinya? Ramai master Qi Gong tidak dapat menjelaskan. Ini kerana tingkat keberadaan master Qi Gong yang biasa langsung tidak dapat lihat, dia juga tidak dibenarkan untuk melihat. Jika orang yang Xiu Lian ingin melihatnya, hanya dapat melihatnya selepas berada di atas tingkat penembusan mata bijak, master Qi Gong yang biasa tidak dapat mencapai tingkat ini, oleh itu tidak dapat melihat. Sepanjang sejarah dalam komuniti Xiu Lian selalu meneroka apa itu Xuan Guan? Mana itu satu lintasan? Macam mana menempati posisi? Jika anda melihatnya dari kitab ‘Dan Jing’, ‘Tao Zang’, ‘Xing Ming Gui Zhi’, semuanya hanya berputar mengelilingi teori sahaja, ia langsung tidak menjelaskan ciri sebenarnya. Dengan penjelasan ini itu, malah membuat anda bingung dan tidak jelas, tidak fahami, ini kerana ciri sebenarnya memang tidak boleh diketahui oleh orang biasa.

Selain itu saya beritahu kalian, oleh sebab anda adalah pelatih Falun Dafa kami, saya baru beritahu ini kepada anda: jangan sesekali membaca buku-buku Qi Gong yang bercelaru itu, bukan buku-buku kuno yang tersebut di atas, tetapi buku-buku Qi Gong palsu yang ditulis oleh orang sekarang, jangan sesekali anda membuka buku-buku itu. Sebaik sahaja otak anda menzahirkan satu niat: “Amboi, ungkapan ini masuk akal.” Sebaik sahaja niat ini terimbas, Fu Ti yang berada di dalam buku tersebut pun akan naik. Banyak buku itu adalah ditulis dengan arahan dan kawalan Fu Ti ke atas keterikatan hati manusia yang mengejar nama dan kepentingan. Buku-buku Qi Gong palsu memang banyak dan sangat banyak, ramai orang adalah tidak bertanggungjawab, ada sesetengah Fu Ti, apa yang bercelaru pun dia tulis. Buku-buku kuno yang tersebut di atas atau buku-buku kuno lain yang berkenaan, pada umumnya baik jangan baca, di sini ada isu berpengkhususan tunggal agar tidak menjadi bingung.

⁴⁷

Xuan Guan – Lintasan misteri.

Seorang pemimpin Persatuan Qi Gong Negara China beritahu saya satu hal yang membuat saya tergelak. Katanya, di Beijing ada orang sebegini, dia sentiasa pergi mendengar kuliah Qi Gong, setelah mendengar berulang-ulang kali, setelah lama dia mendengar, dia berasa Qi Gong adalah permainan sebegini. Ini kerana kesemuanya berada di satu tingkat yang sama, apa yang diceritakan adalah sama. Dia sama dengan para master Qi Gong palsu itu, ingat kandungan makna Qi Gong adalah hal-hal ini sahaja! Kalau begitu bagus, dia juga ingin menulis buku Qi Gong. Cuba kalian fikirkan, orang yang tidak berlatih Gong menulis buku Qi Gong, sekarang buku Qi Gong ialah anda menyalin darinya, dia menyalin dari anda. Dia menulis ini dan itu, tulis sehingga Xuan Guan pun tidak dapat menulis lagi. Siapa yang faham Xuan Guan ini? Master Qi Gong tulen pun tidak ada berapa orang yang faham. Dia pun bertanya kepada seorang master Qi Gong yang palsu. Dia tidak tahu master itu adalah palsu, pada asalnya dia pun tidak tahu Qi Gong. Akan tetapi master Qi Gong palsu ini kini ditanya oleh orang lain, bukankah orang lain pun sudah tahu dia adalah palsu? Oleh itu dia berani bercakap karut, mengatakan Xuan Guan menembus satu lintasan terletak di hujung alat kencing. Agak lawak apabila terdengar. Jangan anda gelak dahulu, buku ini sudah pun diterbitkan dalam masyarakat. Ini bererti, buku Qi Gong kami kini pun sudah lawak sehingga tahap sedemikian, jadi menurut anda apa gunanya membaca benda itu, tidak berguna sama sekali, hanya boleh memudaratkan orang.

Apa itu Xuan Guan menempati posisi? Ketika seseorang berada dalam Xiu Lian Fa duniawi, apabila Xiu Lian sehingga mencapai tingkat tengah ke atas, iaitu Xiu Lian pada tingkat tinggi dari Fa duniawi, orang tersebut akan mula tumbuh Yuan Ying. Yuan Ying dan apa yang kita sebut sebagai Ying Hai⁴⁸ adalah berbeza. Ying Hai sangat kecil, suka melompat-lompat, sangat nakal. Yuan Ying tidak bergerak, Yuan Shen tidak mengawalinya, dia duduk di sana tidak bergerak, tangannya membentuk simpul, duduk bersila di atas bunga teratai. Yuan Ying tumbuh di atas Dan Tian, pada ekstrem mikroskopis lebih kecil daripada hujung jarum tajam pun boleh nampak dia.

⁴⁸

Ying Hai – Bayi.

Selain itu satu hal perlu dijelaskan, Dan Tian sebenarnya hanya satu sahaja, di bahagian perut bawah. Di titik akupunktur Hui Yin⁴⁹ ke atas, di dalam tubuh manusia, di bahagian bawah perut, inilah Tian yang dimaksudkan. Banyak Gong, banyak kemampuan Gong, banyak benda jenis teknik luar biasa, Fa Shen, Yuan Ying, Ying Hai, pelbagai makhluk berjiwa, semuanya tumbuh dari Tian ini.

Dahulunya ada orang yang berkultivasi Tao yang menyatakan Dan Tian atas, Dan Tian tengah dan Dan Tian bawah, menurut saya itu adalah salah. Ada juga yang mengatakan Shi Fu-nya telah menyebar beberapa generasi, apa yang ditulis dalam buku memang sebegini. Saya beritahu kalian, barang semacam ini sejak zaman kuno pun sudah ada, jangan anda tengok sudah diwarisi berapa tahun, ia tidak semestinya betul. Jalan kecil duniawi juga kerap disebar dalam kalangan manusia biasa, namun ia tidak dapat dikultivasi, ia apa pun bukan. Dia memanggil ia sebagai Dan Tian atas, Dan Tian tengah dan Dan Tian bawah, maksud dia ialah tempat di mana Dan boleh tumbuh pun adalah Dan Tian. Bukankah ini jenaka? Niat fikiran manusia apabila ditumpukan pada satu titik, setelah sekian lama, pun boleh timbulnya gumpalan energi dan membentuk Dan. Jika tidak percaya, tumpukan niat fikiran anda pada lengan anda, selalu tumpukan sedemikian, setelah sekian lama, ia pun akan membentuk Dan. Oleh itu apabila orang melihat keadaan ini, pun mengatakan tiada tempat yang bukan Dan Tian, sehingga terdengar makin melawak, pemahamannya adalah sebaik sahaja terbentuknya Dan itu adalah Dan Tian. Sebenarnya ia adalah satu Dan dan bukannya satu Tian, sekiranya anda kata tiada tempat yang bukan 'Dan', ataupun Dan atas, Dan tengah dan Dan bawah, kalau begini masih boleh. Malah Tian itu yang benar-benar boleh lahir berbagai bilangan Fa yang tidak boleh dihitung cuma satu sahaja, iaitu Tian yang berada di bahagian bawah perut. Oleh itu pengatahan Dan Tian atas, Dan Tian tengah dan Dan Tian bawah adalah tidak benar. Niat fikiran manusia tumpu di mana, setelah sekian lama, ia akan membentuk Dan.

Yuan Ying tumbuh dari Dan Tian yang terletak di bahagian perut bawah ini, tumbuh secara perlahan-lahan dan makin lama makin besar. Apabila tumbuh sebesar bola pingpong, seluruh rangka tubuhnya pun dapat dilihat dengan jelas, hidung, matanya pun

⁴⁹ Hui Yin – Titik akupunktur yang terletak di tengah-tengah antara dubur dan alat kelamin.

telah tumbuh. Apabila ia sebesar bola pingpong, di sisi tubuhnya tumbuh lagi satu gelembung kecil yang bulat. Setelah terbentuk, seiring dengan membesarnya Yuan Ying, ia pun ikut membesar. Apabila Yuan Ying tumbuh setinggi empat inci, ia pun akan muncul sehelai kelopak bunga teratai. Apabila ia tumbuh setinggi lima – enam inci, kelopak bunga teratai pada dasarnya pun sudah tumbuh sepenuhnya, selapis bunga Teratai pun muncul, Yuan Ying yang berkilauan emas duduk di atas talam bunga Teratai yang berwarna emas, sangat cantik sekali. Itulah Vajra yang tidak akan rosak, aliran Buddha mengelarnya sebagai tubuh Buddha; aliran Tao mengelarnya sebagai Yuan Ying.

Bagi aliran kami ini, kedua-dua jenis tubuh pun kami Xiu Lian, pun dikehendaki, Ben Ti pun perlu ditransformasi. Kalian tahu, tubuh Buddha itu tidak boleh ditunjukkan dalam kalangan manusia biasa, akan tetapi dengan mengerahkan perhatian sepenuhnya akan dapat nampak rupa bentuknya, dengan mata manusia biasa boleh nampak bayangan sinarnya. Sedangkan tubuh ini, setelah mengalami transformasi, keberadaannya dalam kalangan manusia biasa sama seperti manusia biasa, manusia biasa tidak dapat membezakannya, malah dia juga boleh melintasi ruang dimensi. Apabila Yuan Ying tumbuh setinggi empat – lima inci, gelembung udara juga tumbuh setinggi ini, ia umpama satu belon, ia adalah telus. Yuan Ying duduk bersila dan tidak bergerak. Apabila sebesar ini, gelembung udara ini pun akan meninggalkan Dan Tian, ia sudah terbentuk sepenuhnya, bagaikan labu masak yang luruh sendiri dari tangkainya, oleh itu ia pun bergerak ke atas. Proses bergerak ke atas adalah sangat perlahan, akan tetapi setiap hari pun boleh nampak ia sedang bergerak. Bergerak ke atas secara perlahan-lahan, meningkat ke atas. Sekiranya kami perhatikannya dengan teliti akan dapat merasai kewujudannya.

Apabila meningkat sehingga titik akupunktur Shan Zhong⁵⁰ manusia, ia akan tinggal di tempat ini buat satu masa. Ini kerana inti pati tubuh manusia, ada banyak benda (jantung juga berada di sini) semuanya akan membentuk satu sistem di dalam gelembung udara ini. Zat inti pati ini perlu mengisi ke dalam gelembung udara itu. Selepas satu tempoh masa, ia pun mula meningkat. Apabila melewati leher manusia, akan berasa agak sesak nafas, seolah-olah saluran darah pun sudah tersekat, menggembung sehingga amat

⁵⁰

Shan Zhong – Titik akupunktur yang terletak di garis tengah tulang dada.

menderita, hanya satu dua hari pun akan harungi. Ia pun sampai ke ubun-ubun, kami gelarnya sebagai menaiki titik Ni Wan. Walaupun kami kata sampai titik Ni Wan, sebenarnya ia adalah sama besar dengan otak anda, anda akan berasa kepala anda menggebu. Ini kerana titik Ni Wan adalah tempat paling utama bagi jiwa manusia, ia juga perlu membentuk zat inti pati di dalamnya. Selepas itu ia pun akan memeras keluar dari saluran Tian Mu ini, rasanya itu adalah amat menderitakan. Menggebu sehingga Tian Mu berasa amat sakit, titik akupunktur Tai Yang juga menggebu, mata juga mencekung ke dalam, sehingga ia memeras keluar, dengan serta-merta ia pun tergantung di depan dahi, inilah yang disebut Xuan Guan menempati posisi, lalu tergantung di sini.

Orang yang sudah terbuka Tian Mu, apabila sampai saat ini pun sudah tidak dapat melihat lagi. Ini kerana Xiu Lian pada kedua-dua aliran Buddha dan Tao, demi membenarkan benda-benda di dalam Xuan Guan dibentuk dengan cepat, pintu itu tidak dibuka. Di depan ada dua belah pintu besar, di belakang ada dua belah pintu, semuanya tertutup, seperti terowong pintu gerbang Tiananmen di Beijing, kedua-dua belah masing-masing ada dua belah pintu besar. Demi membenarkan ia terbentuk dan berisi cepat, maka pintu tidak akan dibuka sekiranya bukan pada saat yang amat luar biasa, yang Tian Mu boleh melihat, ketika sampai tahap ini pun sudah tidak dapat lihat lagi, tidak dibenarkan untuk lihat lagi. Apakah tujuan ia tergantung di sini? Ini kerana ratusan nadi dalam tubuh kami saling bertemu di sini, maka ketika ini ratusan nadi semua perlu berputar mengelilingi Xuan Guan dan keluar, semuanya perlu melalui Xuan Guan, tujuannya adalah untuk membina dasar yang lebih dalam Xuan Guan dan membentuk sistem ini. Oleh kerana tubuh manusia adalah satu alam semesta kecil, ia akan membentuk satu dunia kecil, semua zat inti pati tubuh manusia akan terbentuk di dalamnya. Namun ia hanya membentuk satu sistem, masih tidak boleh digunakan sepenuhnya.

Bagi Xiu Lian kaedah Gong aliran Qi Men⁵¹, Xuan Guan itu adalah terbuka. Apabila Xuan Guan memancut keluar, ia adalah satu tabung lurus, namun dengan perlahan-lahannya ia juga akan berubah menjadi bulat, oleh itu pintu pada kedua-dua sisinya adalah terbuka. Oleh kerana kaedah Gong aliran Qi Men tidak berkultivasi Buddha dan juga tidak

⁵¹ Qi Men – Aliran bukan konvensional.

berkultivasi Tao, dia melindungi diri sendiri. Shi Fu kedua-dua aliran Buddha dan Tao adalah banyak, semuanya boleh melindungi anda, tiada keperluan untuk anda lihat sendiri dan tidak akan tercetus masalah. Namun kaedah Gong aliran Qi Men pula tidak dibenarkan, dia perlu melindungi diri sendiri, oleh itu dia tetap perlu boleh melihat. Akan tetapi apabila Tian Mu melihat sesuatu pada masa itu, ia seolah-olah melihat melalui tabung teleskop. Selepas benda ini selesai dibentuk, kira-kira satu bulan ia akan mulai kembali balik. Selepas balik ke dalam kepala, ini digelar Xuan Guan bertukar posisi.

Apabila kembali balik ia juga menggebu sehingga amat menderitakan, kemudiannya memeras keluar dari titik akupunktur Yu Zhen⁵². Rasa memeras keluar juga amat menderitakan, seperti kepala merekah, sekejap sahaja ia pun sudah keluar, sebaik sahaja ia keluar pun rasa lega dengan serta-merta. Selepas keluar, ia tergantung di dalam ruang dimensi yang amat mendalam, berada dalam bentuk tubuh di ruang dimensi yang amat mendalam, oleh itu ketika tidur tidak akan terasa. Akan tetapi terdapat satu isu, semasa Xuan Guan menempati posisi untuk kali pertama akan terasa di depan mata, walaupun ia berada di ruang dimensi yang lain, kerap terasa remang-remang di depan mata, seolah-olah ada sesuatu benda yang menghalang pandangan, tidak berapa selesa. Ini kerana titik akupunktur Yu Zhen adalah satu lintasan besar yang amat penting, ia juga perlu membentuk satu sistem di belakangnya, kemudiannya ia pun mulai kembali balik. Selepas ia balik ke titik Ni Wan dan mulai turun, turun melalui bahagian dalam tubuh, sehingga sampai ke titik Ming Men⁵³. Apabila sampai di titik Ming Men, ia pun memancut keluar lagi.

Ming Men pada tubuh manusia adalah satu lintasan utama yang luar biasa penting, aliran Tao memanggilnya sebagai Qiao, kami memanggilnya sebagai Guan. Satu lintasan besar yang utama, itu sememangnya berupa pintu besi, berlapis-lapis pintu besi yang tidak terhitung banyak. Kalian tahu tubuh badan kami berlapis-lapisan, sel tubuh fizikal kami ini adalah satu lapisan, molekul yang berada di dalamnya adalah satu lapisan, atom, proton, electron, yang lagi kecil, yang lagi kecil, yang lagi kecil lagi, sehingga partikel yang

⁵² Yu Zhen – Titik akupunktur yang terletak di belakang kepala, di bahagian tengah.

⁵³ Ming Men – Titik akupunktur yang terletak di tulang punggung belakang sejajar dengan tulang rusuk paling bawah.

ekstrem kecil, setiap lapisan semuanya dilengkapi dengan satu pintu. Oleh itu ada berbagai banyak kemampuan Gong, berbagai jenis teknik luar biasa, semuanya dikunci dalam setiap lapisan pintu. Kaedah Gong lain berlatih Dan, apabila Dan itu meletus, mula-mulanya perlu menggempar buka titik Ming Men, jika ia tidak dibuka, kemampuan Gong tidak dapat dilepaskan. Xuan Guan di atas titik akupunktur Ming Men membentuk sistem benda ini, kemudian dia kembali masuk lagi. Selepas kembali masuk ia pun mula kembali balik ke bahagian bawah perut, ini digelar Xuan Guan kembali menempati posisi.

Setelah kembali, ia bukan kembali ke tempat asalnya. Pada waktu itu Yuan Ying sudah tumbuh sehingga amat besar, gelembung udara itu menyelubungi Yuan Ying, mengelilingi Yuan Ying di dalamnya. Apabila Yuan Ying tumbuh, ia juga tumbuh. Yuan Ying aliran Tao biasanya tumbuh serupa kanak-kanak yang berusia enam – tujuh tahun, ia pun dibenarkan untuk meninggalkan tubuh, ini digelar Yuan Ying lahir. Ia dikawal oleh Yuan Shen manusia, ia pun dibenarkan untuk keluar beraktiviti. Tubuh manusia duduk diam dan tidak bergerak, Yuan Shen yang keluar. Biasanya Yuan Ying aliran Buddha Xiu Lian sehingga sebesar tubuh asalnya pun sudah tiada bahaya. Biasanya ia dibenarkan untuk meninggalkan tubuh pada masa ini, meninggalkan tubuh badan ini, dibenarkan keluar. Pada masa itu, Yuan Ying tumbuh sebesar tubuh asalnya, gelembung pun besar, gelembung itu pun sudah mengembang sehingga ke luar tubuh, itulah Xuan Guan. Ini kerana Yuan Ying pun sudah sedemikian besar, sudah tentu ia mengembang sehingga ke luar tubuh.

Kalian mungkin pernah lihat patung Buddha di dalam biara, terlihat patung sentiasa berada di dalam satu bulatan, terutamanya pada lukisan Buddha, seringkali ia mempunyai satu bulatan, di dalamnya terduduk Buddha. Kebanyakan patung Buddha adalah sedemikian, terutamanya lukisan Buddha di dalam biara kuno, semuanya sebegini. Mengapanya duduk di dalam bulatan, siapa pun tidak dapat jelaskan. Saya beritahu kalian, inilah yang dimaksud Xuan Guan. Namun kini ia sudah tidak dipanggil Xuan Guan, ia dipanggil dunia, masih tidak boleh betul-betul memanggilnya sebagai dunia. Ia cuma mempunyai sistem ini, seperti kilang kami yang mempunyai satu sistem, tetapi tidak mempunyai keupayaan untuk menghasilkan produk, masih memerlukan sumber energi, selepas mempunyai bahan material, ia baru boleh menghasilkan produk. Beberapa tahun

yang lalu ada banyak orang Xiu Lian yang mengatakan: “Gong saya lebih tinggi dari Bodhisattva⁵⁴, Gong saya lebih tinggi dari Buddha”, orang lain berasa amat misteri ketika mendengarnya. Sebenarnya apa yang dia katakan sedikit pun tidak misteri, Gong sememangnya perlu berlatih sehingga amat tinggi dalam duniawi.

Kalau begitu mengapa boleh terjadi keadaan sebegini, setelah berjaya berkultivasi lebih tinggi daripada Buddha? Tidak boleh memahaminya pada permukaan sahaja, Gongnya sememangnya tinggi. Oleh kerana selepas dia berkultivasi sehingga tingkat yang amat tinggi, apabila mencapai terbukanya Gong dan kesedarannya, Gongnya sememangnya adalah amat tinggi. Tepat pada saat sebelum terbukanya Gong dan kesedarannya, dia memetik lapan puluh peratus Gong miliknya, termasuk kriteria Xin Xingnya juga perlu dipetik. Dia menggunakan energi ini untuk memperkayakan dunianya, dunia milik dia sendiri. Kalian tahu Gong dari orang Xiu Lian, terutamanya mengambil kira benda berupa kriteria Xin Xing, adalah hasil Xiu Lian dari manusia yang mengharungi penderitaan yang tidak terhitung sepanjang hidupnya dan berlatih di bawah keadaan persekitaran yang amat menderitakan, oleh itu ia adalah amat luar biasa bernilai, dengan memetik lapan puluh peratus benda yang begitu bernilai untuk memperkayakan dunianya. Oleh itu apabila kultivasinya berhasil pada masa kelak, apa yang diinginkan dengan hanya menghulurkan tangannya pun sudah ada, mahu apa ada apa, ingin buat apa lalu buat apa, di dalam dunianya apa pun ada. Ini adalah keagungan De-nya, hasil kultivasi diri sendiri setelah mengharungi penderitaan.

Energi dia sebegini boleh menukar apa-apa benda mengikut suka hati, oleh itu apa yang Buddha inginkan, ingin makan apa, main apa, apa pun ada, ini adalah hasil kultivasi dirinya sendiri, ini adalah status Buddha, kalau tidak ada benda ini kultivasinya tidak akan berhasil. Pada masa ini, boleh mengelarnya sebagai satu dunia sendiri, malah Gongnya hanya tinggal dua puluh peratus untuk dia mencapai kesempurnaan, memperoleh Tao. Walaupun hanya tinggal dua puluh peratus, namun tubuhnya tidak dikunci, ataupun sudah tidak membawa tubuh, ataupun membawa tubuh, tetapi tubuhnya telah ditransformasi dengan material energi tinggi, waktu itu dia akan dapat menunjukkan kuasa supernatural

⁵⁴

Bodhisattva – Status buah dalam aliran Buddha, yang tingkatannya di atas Arhat dan di bawah Tathagata.

yang hebat, kuasanya hebat dan tiada tanding. Sedangkan ketika Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, seringkali adalah terkunci, tiada kemampuan yang begitu besar, betapa tingginya Gong pun juga akan disekat, sekarang sudah tidak sama lagi.

Ceramah 5

Lambang Falun

Lambang Falun Dafa kita ialah Falun. Orang yang mempunyai kemampuan Gong, dapat melihat Falun ini berputar, lencana Falun kita yang kecil itu juga sama, ia sedang berputar. Kita menuruti ciri-ciri istimewa alam semesta Zhen, Shan, Ren dalam membimbing kita Xiu Lian. Kita berlatih mengikut prinsip evolusi alam semesta, oleh itu latihan Gong kita ini adalah cukup luas. Dari makna yang tertentu, lambang Falun ini adalah miniatur alam semesta. Aliran Buddha memandangkan sepuluh penjuru dunia sebagai satu konsep alam semesta, terdiri dari empat arah lapan penjuru, lapan arah, mungkin ada orang yang dapat melihat di atas dan di bawahnya wujud sebatang pilar Gong, oleh itu apabila mengambil kira atas dan bawah, tepat menjadi sepuluh penjuru dunia, membentuk alam semesta ini, yang mewakili pemahaman aliran Buddha terhadap alam semesta.

Sudah tentu dalam alam semesta ini ada galaksi planet yang tidak terhitung banyak, termasuk juga galaksi kita. Seluruh alam semesta sedang bergerak, semua galaksi planet dalam seluruh alam semesta pun sedang bergerak, oleh itu Taichi dan simbol ☯ kecil yang berada di dalam lambang juga sedang berputar, seluruh Falun pun sedang berputar, malah simbol ☯ besar yang berada di tengah juga sedang berputar. Dalam makna yang tertentu, ini melambangkan galaksi kita, pada masa yang sama oleh kerana kita juga adalah aliran Buddha, maka bahagian tengahnya adalah simbol aliran Buddha, ini adalah dilihat dari permukaannya. Semua material yang berbeza mempunyai bentuk eksistensi dalam ruang dimensi yang lain, di dalam ruang dimensi lain ia adalah suatu proses evolusi dan bentuk eksistensi yang luar biasa mewah dan luar biasa rumit. Lambang Falun ini adalah miniatur alam semesta, di dalam setiap ruang dimensi lain ia juga ada bentuk eksistensi dan proses evolusinya, maka saya katakan itu adalah satu dunia.

Apabila Falun berputar mengikut arah jam, ia akan menyerap energi alam semesta secara automatik; apabila Falun berputar berlawanan dengan arah jam, ia akan mengeluarkan

energi. Putaran ke dalam (ikut arah jam) menyelamatkan diri sendiri, putaran ke luar (lawan arah jam) menyelamatkan orang lain, ini adalah keistimewaan aliran Gong kita ini. Ada yang berkata: “Kita ada aliran Buddha, mengapa masih ada Taichi? Bukankah Taichi ini milik aliran Tao?” Oleh kerana latihan Gong kita adalah amat luas, sama dengan berlatih seluruh alam semesta. Kalau begitu cuba kalian fikirkan, dalam alam semesta ini ada dua aliran besar, Buddha dan Tao, dua aliran besar, bila mengenyahkan mana-mana satu aliran pun tidak dapat membentuk alam semesta yang lengkap, tidak boleh dikatakan sebagai alam semesta yang lengkap, oleh itu kita mempunyai benda dari aliran Tao. Ada yang berkata: “Itu juga bukan hanya aliran Tao sahaja, masih ada agama Kristian, Konfusianisme dan agama yang lain.” Saya beritahu kalian, Konfusianisme apabila Xiu Lian sehingga tingkat yang amat tinggi, ia adalah dikategorikan dalam aliran Tao; manakala banyak agama di Barat setelah Xiu Lian sampai ke tingkat tinggi, ia adalah dikategorikan dalam aliran Buddha, ia adalah tergolong dalam satu sistem dalam aliran Buddha. Jadi hanya dua sistem besar ini.

Kalau begitu mengapa gambar Taichi masih ada dua warna merah di atas dan biru di bawah, masih ada dua warna merah di atas dan hitam di bawah? Secara umumnya yang kita ketahui, Taichi adalah terbentuk dari dua jenis material iaitu hitam dan putih, yakni ‘Yin’ dan ‘Yang’ dua Qi. Itu adalah persepsi apabila dilihat dari tingkat yang amat rendah, sedangkan di ruang dimensi yang berbeza ada manifestasi yang berbeza. Manifestasi pada tingkat paling tinggi warnanya sememangnya begini. Tao yang kita anggap secara umum adalah berwarna merah di atas dan hitam di bawah. Sebagai contoh, sesetengah orang di antara kita ada yang terbuka Tian Mu, mendapati apabila melihat dengan mata ia adalah warna merah, akan tetapi apabila melihat dari ruang dimensi lain yang berbeza satu tingkat sahaja ia adalah warna hijau. Sedangkan yang kuning emas apabila dilihat dari ruang dimensi lain ia pula adalah warna ungu, ia mempunyai satu perbezaan ketara yang sebegini, iaitu di ruang dimensi yang berbeza warna juga mengalami perubahan. Taichi yang berwarna merah di atas dan biru di bawah adalah milik Maha Tao primordial⁵⁵, termasuk kaedah Xiu Lian dari aliran Qi Men. Simbol ☵ kecil yang berada di empat arah adalah dari

⁵⁵

Primordial – Tingkatan yang paling awal; paling dasar.

aliran Buddha, ini adalah sama dengan yang berada di tengah, adalah dari aliran Buddha. Warna Falun ini agak cerah, maka kita menggunakannya sebagai lambang Falun Dafa.

Falun yang kita lihat melalui Tian Mu tidak semestinya adalah warna sebegini, warna dasarnya akan berubah, namun coraknya tidak akan berubah. Falun yang saya pasang pada bahagian bawah perut anda apabila berputar, Tian Mu anda apabila melihat mungkin berwarna merah, mungkin berwarna ungu, mungkin berwarna hijau, mungkin juga tidak berwarna. Merah, jingga, kuning, hijau, biru langit, biru dan ungu, warna dasarnya akan berubah secara berterusan, oleh itu apa yang anda lihat mungkin warna yang lain, namun simbol ☸ dan Taichi yang berada di dalamnya tidak akan berubah warnanya. Kami berasa warna dasar dari corak ini lebih indah, kami pun menetapkannya. Orang yang memiliki kemampuan Gong boleh melihat pelbagai benda menerusi tingkat ruang dimensi ini.

Ada orang yang berkata: “Simbol ☸ ini nampak berupa benda Hitler itu.” Saya jelaskan kepada kalian, simbol ini sendiri tidak mempunyai konotasi konsep kelas. Ada yang berkata, “Kalau bucu ini menghala ke arah sini ia pun menjadi tanda milik Hitler itu.” Bukannya begini. Kedua-dua belah ini ia berputar. Masyarakat manusia kita secara umumnya mengenali corak ini sejak dua ribu lima ratus tahun yang lalu, mengenalinya pada zaman Sakyamuni. Sedangkan Hitler pada zaman Perang Dunia II sehingga kini baru beberapa puluh tahun, dia telah curi guna benda ini. Akan tetapi warnanya adalah tidak sama dengan kita, ia adalah warna hitam, lagipun bucunya menghala ke atas, berdiri tegak, digunakan secara berdiri tegak. Falun ini kita cerita sebanyak ini sahaja. Kita hanya ceritakan tentang bentuk permukaannya sahaja.

Jadi, simbol ☸ ini dalam aliran Buddha kita pandang sebagai apa? Ada yang mengatakan ia adalah lambang bertuah dan menyenangkan, ini adalah pengertian dalam kalangan manusia biasa. Saya beritahu kalian, simbol ☸ adalah lambang tingkatan Buddha, hanya yang telah mencapai tingkat Buddha baru memilikinya. Bodhisattva dan Arhat tidak memilikinya, namun Maha Bodhisattva dan empat Maha Bodhisattva semuanya memiliki. Kita lihat Maha Bodhisattva ini semua telah jauh melebihi tingkatan Buddha biasa, bahkan

lebih tinggi dari Tathagata. Buddha yang melebihi tingkat Tathagata jumlahnya adalah banyak dan tidak terhitung. Tathagata hanya mempunyai satu simbol ☸, setelah mencapai tingkat di atas Tathagata, simbol ☸ akan bertambah banyak. Jika melebihi Tathagata satu kali ganda akan mempunyai dua simbol ☸, sekiranya melebihi lagi akan memiliki tiga, empat, lima, jumlahnya banyak sehingga memenuhi tubuhnya. Di atas kepala, bahu dan lutut semuanya akan muncul; jika sudah tidak cukup tempat, ia akan muncul di atas tapak tangan, jari tangan, lengkungan kaki, jari kaki dan lain-lain lagi. Seiring dengan tingkatan yang semakin meningkat, simbol ☸ akan bertambah semakin banyak, oleh itu simbol ☸ mewakili tingkatan Buddha, semakin tingginya tingkatan Buddha, simbol ☸ pun semakin banyak.

Kaedah Gong Aliran Qi Men

Selain dua kaedah Gong aliran Buddha dan Tao, masih ada sejenis kaedah Gong aliran Qi Men, mereka sendiri memanggilnya sebagai Qi Men Xiu Lian. Kami manusia secara umumnya mempunyai pemahaman sebegini terhadap kaedah Gong Xiu Lian: Sejak zaman kuno di negara China sehingga ke hari ini, orang ramai berpendapat bahawa kaedah Gong kedua-dua aliran Buddha dan Tao adalah kaedah Xiu Lian yang ortodoks, juga memanggilnya sebagai Xiu Lian aliran Fa ortodoks. Kaedah Gong aliran Qi Men ini tidak pernah disebar dalam masyarakat, jarang ada orang yang tahu kewujudannya, hanya pernah mendengarnya melalui karya seni.

Jadi kaedah Gong aliran Qi Men wujud ataupun tidak? Ya. Dalam proses Xiu Lian saya, khususnya pada tahun-tahun kebelakangan saya pernah menemui tiga orang yang bertaraf tinggi dari aliran Qi Men, mereka telah menyebarkan kepada saya inti pati aliran mereka, benda yang sangat unik, sangat bagus. Oleh kerana bendanya sangat unik, oleh itu hasil latihannya amat aneh, tidak dapat difahami oleh orang secara umumnya. Malah masih mengutarakan satu ungkapan, iaitu bukan Buddha dan juga bukan Tao, tidak berkultivasi Buddha dan tidak berkultivasi Tao. Sebaik sahaja orang ramai terdengar tidak berkultivasi

Buddha dan tidak berkultivasi Tao, pun memanggilnya sebagai Pang Men Zuo Dao⁵⁶, ia memanggil sendiri sebagai kaedah Gong aliran Qi Men. Panggilan Pang Men Zuo Dao membawa konotasi yang menghina tetapi tidak membawa konotasi yang negatif, tidak bermaksud ia adalah kaedah sesat, ini adalah pasti. Pemahaman secara literal juga tidak membawa maksud kaedah sesat. Sejak dahulu kaedah Gong aliran Buddha dan Tao digelar sebagai Xiu Lian aliran ortodoks, apabila kaedah Gong mereka ini tidak dikenali oleh orang ramai, orang ramai pun memanggilnya Pang Men, bererti pintu samping, bukan aliran ortodoks. Bagaimana pula dengan Zuo Dao? Zuo bermaksud bodoh, jalan bodoh. Zuo, dalam istilah negara China kuno seringkali dikatakan sebagai bodoh, Pang Men Zuo Dao membawa makna sebegini.

Mengapa ia bukan kaedah sesat? Ini kerana ia juga mempunyai permintaan Xin Xing yang ketat, ia juga Xiu Lian berdasarkan ciri-ciri istimewa alam semesta, ia juga tidak melanggar ciri-ciri alam semesta dan hukum alam semesta, ia juga tidak melakukan perkara yang tidak baik, oleh itu tidak boleh mengatakannya sebagai kaedah sesat. Ini kerana bukannya ciri-ciri istimewa alam semesta kami ini memenuhi kaedah Xiu Lian kedua-dua aliran Buddha dan Tao, tetapi kaedah Xiu Lian kedua-dua aliran Buddha dan Tao memenuhi ciri-ciri istimewa alam semesta, dengan demikian baru menjadi Fa ortodoks. Xiu Lian dari kaedah Gong aliran Qi Men sekiranya memenuhi ciri-ciri istimewa alam semesta ini, maka ia pun bukan kaedah sesat, ia juga adalah Fa ortodoks, ini kerana kriteria mengukur bagus, buruk, baik dan jahat ialah ciri-ciri istimewa alam semesta. Ia berkultivasi mengikut ciri-ciri istimewa alam semesta, oleh itu ia juga adalah jalan lurus, cuma kriteria permintaannya adalah tidak sama dengan kedua-dua aliran Buddha dan Tao. Ia juga tidak mengutarakan penyebaran kepada pengikut secara besar-besaran, skala penyebarannya adalah amat kecil. Aliran Tao mengajar Gong, mengajar sejumlah besar pengikut, namun hanya seorang pengikut yang mewariskan ajaran sejati; aliran Buddha mengutarakan penyelamatan segala makhluk hidup secara universal, sesiapa yang mampu berkultivasi boleh berkultivasi.

⁵⁶

Pang Men Zuo Dao – Tao canggung dari pintu samping.

Kaedah Gong aliran Qi Men dalam pewarisannya tidak boleh memilih dua orang, tetapi dalam satu tempoh sejarah yang agak lama memilih seorang untuk diwariskan, oleh itu dalam sepanjang sejarah kultivasinya tidak boleh dilihat oleh manusia biasa. Sudah tentu semasa kemuncak populariti Qi Gong, saya mendapati ada sebahagian kecil orang dari kaedah Gong ini juga keluar menyebarkan Gong. Namun setelah mengajar dia dapati tidak berhasil, ini kerana ada sesetengah benda gurunya langsung tidak membenarkannya menyebarkan sama sekali. Jika anda ingin menyebarkan Gong, anda tidak boleh memilih orang, orang yang datang memiliki Xin Xing yang tinggi rendah dari tingkatan yang berbeza. Yang datang belajar dengan mendukung konsep yang berbeza, orang dari pelbagai ragam pun ada, maka anda pun tidak boleh menyebarkan dengan memilih pengikut. Oleh itu kaedah Gong aliran Qi Men tidak dapat disebar secara luas, mudah timbulnya bahaya, ini kerana bendanya amat unik.

Ada orang yang berfikir, aliran Buddha berkultivasi untuk menjadi Buddha, aliran Tao berkultivasi untuk menjadi Manusia Sejati, maka setelah berhasilnya kultivasi kaedah Gong aliran Qi Men akan menjadi apa? Dia adalah San Xian⁵⁷, dia tidak mempunyai lingkungan dunia alam semesta yang tetap. Kalian tahu, Tathagata, Sakyamuni memiliki Dunia Saha; Amitabha memiliki Dunia Sukhavati; Bhaisajyaguru memiliki Dunia Berglasir; setiap Tathagata dan Maha Buddha memiliki dunia sendiri. Setiap Sang Maha Sedar memiliki sebuah syurga yang dibentuk olehnya sendiri, ramai pengikutnya hidup di dalamnya. Sedangkan kaedah Gong aliran Qi Men tidak mempunyai lingkungan alam semesta yang tetap, dia hanya seperti Dewa yang bebas mengembara.

Berlatih Kaedah Sesat

Apakah yang dimaksud berlatih kaedah sesat? Ada beberapa jenis sebegini: Ada sejenis orang yang berlatih kaedah sesat secara khusus, ini kerana ada orang yang menyebarkan benda ini dari zaman ke zaman. Mengapa menyebarkan benda ini? Ini kerana dia mengejar nama, kepentingan, ingin menjadi kaya dalam kalangan manusia biasa, dia

⁵⁷

San Xian – Dewa pengembara.

mengutarakan ini. Sudah tentu Xin Xing-nya tidak tinggi, dia tidak akan memperoleh Gong. Jadi apa yang dia peroleh? Karma. Apabila karma manusia menjadi besar, ia juga akan membentuk sejenis energi. Akan tetapi dia tidak mempunyai tingkatan, dia tidak dapat dibandingkan dengan orang yang berlatih Gong, namun apabila dibandingkan dengan manusia biasa dia pula dapat menyekat manusia biasa. Ini kerana benda sebegini ia juga merupakan eksistensi energi, apabila ketumpatannya besar, ia juga boleh memperkuatkan kemampuan Gong tubuh manusia, juga boleh menimbulkan efek sebegini, oleh itu dari zaman ke zaman juga ada orang yang menyebarkan benda ini. Dia berkata: “Saya buat jahat, memarahi orang, dengan demikian saya akan tumbuh Gong.” Dia bukan tumbuh Gong, sebenarnya adalah memperkuatkan ketumpatan material hitam ini, ini kerana berbuat jahat boleh memperoleh material hitam – karma. Oleh itu dengan sedikit kemampuan Gong bawaan dari tubuhnya sendiri, boleh diperkuatkan dengan karma sebegini, juga boleh menghasilkan sedikit kemampuan Gong, namun tidak berupaya untuk melakukan apa-apa hal besar. Orang sebegini berpendapat, berbuat jahat pun boleh tumbuh Gong, ada kenyataan yang sebegini.

Ada yang berkata: “Tao setinggi satu kaki, iblis setinggi satu Zhang (sepuluh kaki).” Itu adalah kenyataan sesat dalam kalangan manusia biasa, kerana iblis selama-lamanya pun tidak akan lebih tinggi daripada Tao. Ada sejenis situasi begini, alam semesta yang difahami oleh umat manusia kami hanya merupakan sebuah alam semesta kecil dari sejumlah besar alam semesta yang tidak terhitung, apa yang kami sebut alam semesta. Alam semesta kami ini setiap kali selepas melewati zaman yang panjang, akan berlakunya satu bencana alam semesta yang besar. Bencana ini akan memusnahkan segala apa yang ada dalam alam semesta, termasuk planet, segala kehidupan dalam alam semesta juga mampu dimusnahkan. Pergerakan alam semesta juga mempunyai hukum tertentu, dalam alam semesta kami kali ini juga bukan hanya umat manusia yang telah berubah menjadi buruk, ada banyak kehidupan telah melihat satu situasi, iaitu setakat ini, dalam ruang dimensi alam semesta ini sudah berlakunya letupan besar sebelum ini. Sekarang ahli-ahli astrologi tidak dapat melihat, kerana apabila kami menggunakan teleskop yang terbesar untuk mengamatinya sekarang, pemandangan yang dilihat adalah peristiwa yang terjadi pada seratus lima puluh ribu tahun cahaya yang lalu. Jika ingin melihat perubahan badan

langit yang terjadi sekarang, itu perlu menunggu sehingga selepas seratus lima puluh ribu tahun cahaya baru boleh dilihat, itu adalah sangat lama.

Buat masa ini seluruh alam semesta telah berlaku suatu perubahan yang amat besar, setiap kali apabila berlakunya perubahan sebegini, kehidupan dalam seluruh alam semesta semuanya berada dalam pemusnahan, semuanya berada dalam keadaan musnah. Setiap kali apabila berlakunya keadaan sebegini, semua ciri-ciri istimewa yang wujud dalam alam semesta pada dahulunya dan material yang berada di dalam perlu diletupkan sehingga habis, biasanya semua akan diletup sehingga mati, namun sepanjang sejarah setiap kali pun tidak diletup sehingga bersih. Apabila alam semesta yang baru dibentuk semula oleh Sang Maha Sedar yang ekstrem-ekstrem tinggi, di dalamnya pula masih ada sesetengah yang masih belum diletup sehingga mati. Para Sang Maha Sedar membentuk alam semesta ini mengikut ciri-ciri istimewanya sendiri, kriterianya sendiri untuk membentuk alam semesta ini, oleh itu ia adalah berbeza dari ciri-ciri istimewa alam semesta yang sebelumnya itu.

Yang tidak diletup mati, pun berpegang kepada ciri-ciri istimewa dan prinsip yang asalnya untuk melakukan hal-hal dalam alam semesta ini. Alam semesta baru yang dibentuk adalah berlandaskan ciri-ciri alam semesta dan prinsip yang baru. Oleh itu yang tidak diletup mati itu pun menjadi iblis yang mengganggu prinsip alam semesta. Walaubagaimanapun ia pun bukannya begitu jahat, ia cuma melakukan hal-hal mengikut ciri-ciri alam semesta yang sebelumnya itu, ini adalah apa yang dikatakan sebagai iblis langit oleh orang ramai. Namun ia tidak membawa apa-apa ancaman terhadap manusia biasa, ia langsung tidak menganiaya manusia, ia hanya melakukan hal-hal berdasarkan prinsipnya sendiri. Dahulunya hal ini tidak boleh diketahui oleh manusia biasa, saya mengatakan Buddha yang taraf tingkatannya jauh melebihi tingkat Tathagata adalah banyak sekali, iblis itu dikira apa, bila dibanding adalah amat kecil sekali. Tua, sakit, mati juga merupakan sejenis iblis, akan tetapi ini juga dibentuk demi melindungi ciri-ciri istimewa alam semesta.

Dalam agama Buddha mengutarakan enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*), telah membangkitkan masalah jalur Asura⁵⁸, sebenarnya itu adalah makhluk hidup dari ruang dimensi berbeza, tetapi tidak memiliki sifat semula jadi manusia. Dari pandangan Sang Maha Sedar, ia adalah amat rendah sekali, paling tidak berkeupayaan, namun dari penglihatan manusia biasa ia adalah amat menakutkan, ia mempunyai energi yang tertentu, ia melihat manusia biasa sebagai haiwan, oleh itu ia suka makan manusia. Dalam beberapa tahun ini, ia juga keluar mengajar Gong. Ia dikira benda apa, adakah ia nampak seperti manusia? Amat menakutkan sekali, jika mempelajari bendanya, anda pun perlu pergi ke tempatnya dan menjadi spesies yang sama dengan mereka. Ada sesetengah orang apabila berlatih Gong, fikirannya tidak betul, apabila seiring dengan cara pemikirannya, ia pun datang mengajar anda. Dengan satu ketulusan menaklukkan seratus kejahatan, apabila anda tidak mengejar sesuatu, sesiapa pun tidak berani mengusik anda. Jika anda timbulnya niat jahat, mengejar benda-benda yang tidak baik, ia pun datang membantu anda, anda pun berkultivasi pada jalur iblis, masalah ini akan terjadi.

Masih ada satu situasi yang digelar “berlatih kaedah sesat tanpa kesedaran”. Apa itu berlatih kaedah sesat tanpa kesedaran? Ia adalah situasi di mana manusia berlatih kaedah sesat tanpa pengetahuannya sendiri. Hal ini adalah sangat biasa, teramat banyak sekali. Seperti apa yang saya katakan hari itu, ada ramai orang berlatih Gong dengan fikiran yang tidak betul, anda lihat dia berdiri memancang di situ, letih sehingga tangannya bergementar, kaki juga bergementar. Namun otaknya tidak pernah rehat, dia berfikir: “Harga barang akan naik. Saya perlu pergi beli sedikit, selepas selesai berlatih Gong saya akan pergi beli, kalau tidak harga akan naik.” Ada yang berfikir: “Di tempat kerja sekarang sedang menawar rumah, adakah rumah ini ada bahagian saya? Orang yang menawarkan rumah tidak sehaluan dengan saya.” Semakin fikir, semakin marah, “Dia pasti tidak akan menawarkan rumah kepada saya, bagaimana saya hendak berlawan dengannya” Apa-apa niat fikiran pun ada. Seperti yang saya katakan, tidak berhenti membebel dari hal keluarga mereka sehingga ke hal besar negara, apabila tersentuh perkara yang menggeramkan, makin bebel makin geram.

⁵⁸

Asura – Roh-roh jahat. Berupa siluman, hantu, jin, dll (berasal dari Bahasa Sanskrit).

Berlatih Gong perlu mengutamakan De. Apabila kita berlatih Gong, anda tidak memikirkan perkara yang baik, pun tidak boleh memikirkan perkara yang buruk, paling baik adalah jangan fikir apa-apa. Ini kerana apabila berlatih Gong pada tingkat rendah perlu membentuk dasar, dan dasar ini pula memainkan peranan yang amat penting, ini kerana aktiviti niat fikiran manusia mempunyai kesan yang tertentu. Cuba kalian fikirkan, jika menambahkan sesuatu dalam Gong anda, adakah hasil latihan anda itu baik? Mungkinkah ia tidak akan berhitam kusam? Ada berapa banyak orang yang bukan mendukung fikiran sebegini apabila berlatih Gong? Mengapa anda selalu berlatih Gong namun penyakit tidak disingkir? Di gelanggang berlatih Gong, ada sesetengah orang tidak memikirkan perkara-perkara buruk sebegini, namun mereka selalu berlatih Gong dengan mendukung niat untuk memohon kemampuan Gong, pohon ini pohon itu, pelbagai niat fikiran dan nafsu keinginan yang sangat kuat. Sebenarnya, secara tidak sedar diri dia sudah berlatih kaedah sesat, jika anda kata dia berlatih kaedah sesat, tentu dia tidak gembira dan berkata: “Yang mengajar saya adalah master Qi Gong besar itu.” Akan tetapi master Qi Gong besar itu minta anda mengutamakan De, adakah anda berbuat sedemikian? Apabila anda berlatih Gong, anda kerap menambah masuk sesetengah niat fikiran yang tidak baik, menurut anda adakah anda dapat memperoleh hasil latihan yang baik? Inilah masalahnya, ini adalah tergolong dalam kategori berlatih kaedah sesat tanpa kesedaran, sangat biasa sekali.

Kultivasi Berpasangan Lelaki dan Wanita

Dalam komuniti Xiu Lian terdapat sejenis kaedah Xiu Lian seperti ini, iaitu kultivasi berpasangan lelaki dan wanita. Mungkin kalian pernah lihat cara Xiu Lian Tantra Tibet, menerusi ukiran atau lukisan Buddha, kelihatan satu tubuh lelaki yang sedang Xiu Lian dengan memeluk satu tubuh wanita. Kadangkala kelihatan tubuh lelaki dalam badan jelmaan Buddha, memeluk satu tubuh wanita yang tidak berpakaian, juga ada tubuh jelmaan Buddha, yang menjelma dalam bentuk Vajra dengan kepala lembu dan wajah kuda, memeluk satu tubuh wanita, juga tidak berpakaian. Mengapa boleh begini? Pertama sekali kami jelaskan isu ini kepada kalian. Di atas planet bumi kami, bukan sahaja negara China kami yang dipengaruhi oleh aliran Konfusianisme, kami segenap umat manusia, pada zaman kuno beberapa abad yang lalu, konsep moral umat manusia adalah tidak jauh

berbeza. Oleh itu kaedah Xiu Lian sebegini sebenarnya bukan berasal dari planet bumi kami ini, ia adalah disebar dari planet yang lain, akan tetapi kaedah sebegini memang boleh Xiu Lian. Apabila kaedah Xiu Lian sebegini tersebar masuk ke negara China, oleh kerana ianya mempunyai bahagian kultivasi berpasangan lelaki dan wanita dan beberapa latihan rahsia, ianya tidak dapat diterima oleh orang China, oleh itu pada tahun Hui Chang, Dinasti Tang, ianya telah dilarang oleh Maharaja daerah Han. Ia tidak dibenarkan untuk disebar di Tanah Han. Masa itu ianya digelar Tantra Tang. Akan tetapi dalam persekitaran yang khusus di Tibet, di daerah yang khusus, ia telah disebar secara turun-temurun. Mengapa boleh Xiu Lian sebegini? Tujuan kultivasi berpasangan lelaki dan wanita adalah untuk memetik Yin dan menguatkan Yang, memetik Yang dan menguatkan Yin, saling menguatkan dan saling berkultivasi, dengan tujuan untuk mencapai keseimbangan Yin dan Yang.

Kalian tahu, baik aliran Buddha mahupun aliran Tao, terutamanya ajaran Yin Yang dari aliran Tao mengatakan, tubuh manusia dengan sendirinya ada Yin dan Yang. Oleh kerana tubuh manusia ada Yin Yang, tubuh manusia baru boleh Xiu Lian menghasilkan berbagai kemampuan Gong, Yuan Ying, Ying Hai, Fa Shen dan lain-lain makhluk berjiwa. Oleh kerana adanya Yin Yang, maka dapat berkultivasi menghasilkan pelbagai makhluk berjiwa yang banyak. Tidak kira tubuh lelaki mahupun tubuh wanita, semuanya adalah sama, semua ini boleh dibentuk di petak ladang Dan Tian itu, teori ini sangat masuk akal. Aliran Tao seringkali menganggap bahagian atas tubuh sebagai Yang, bahagian bawah tubuh sebagai Yin; juga ada yang menganggap bahagian belakang tubuh sebagai Yang, bahagian depan tubuh sebagai Yin; malah ada juga yang menganggap bahagian sebelah kiri tubuh sebagai Yang, bahagian sebelah kiri tubuh sebagai Yin. Kita di negara China mempunyai ungkapan lelaki di sebelah kiri dan wanita di sebelah kanan, ini juga berasal dari sini, sangat masuk akal. Oleh kerana tubuh manusia dengan sendirinya ada Yin dan Yang, kesan daripada interaksi Yin dan Yang, tubuh dengan sendirinya boleh mencapai keseimbangan Yin Yang, maka ia pun dapat menghasilkan pelbagai makhluk berjiwa yang banyak.

Ini justeru menjelaskan satu isu, kami tidak menggunakan cara Xiu Lian dari kultivasi berpasangan lelaki dan wanita, kami tetap boleh berkultivasi ke tingkat yang amat tinggi. Jika menggunakan kaedah Xiu Lian kultivasi berpasangan lelaki dan wanita, seandainya tidak menguasainya dengan baik, ia akan dirasuki iblis, dengan demikian pun menjadi kaedah sesat. Pada tingkat yang amat tinggi aliran Tantra jika ingin berkultivasi berpasangan lelaki dan wanita, sami atau 'Lama' tersebut perlu Xiu Lian sehingga tingkat yang amat tinggi. Pada waktu itu Shi Fu-nya membimbingnya melakukan Xiu Lian sebegini, oleh kerana Xin Xing-nya sangat tinggi, dia mampu menguasai dengan baik, tidak terbawa oleh hal yang sesat. Sedangkan orang yang Xin Xing-nya sangat rendah langsung tidak boleh menggunakannya, jika menggunakannya pun akan masuk ke kaedah sesat, pasti sebegini. Oleh kerana Xin Xing adalah terhad, dalam taraf kondisi manusia biasa keterikatan terhadap nafsu keinginan masih belum disingkirkan, nafsu berahinya masih belum disingkirkan, pengukur Xin Xing berada di tingkat itu, sekali digunakan pasti menjadi sesat. Oleh itu kami mengatakan, jika mengajarnya pada tingkat rendah mengikut suka hati, itu adalah mengajarkan kaedah sesat.

Beberapa tahun ini juga terdapat beberapa master Qi Gong yang mengajarkan kultivasi berpasangan lelaki dan wanita. Apa yang aneh itu? Aliran Tao juga munculnya cara Xiu Lian kultivasi berpasangan lelaki dan wanita, dan ia bukannya muncul pada masa kini, tetapi sejak dinasti Tang. Mengapakah aliran Tao boleh muncul kultivasi berpasangan lelaki dan wanita? Dalam ajaran Tai Chi dari aliran Tao, tubuh manusia adalah sebuah alam semesta kecil, dengan sendirinya memiliki Yin dan Yang. Fa ortodoks sejati yang benar semuanya adalah diwariskan secara turun-temurun melalui zaman yang sangat panjang, jika mengubahnya dengan sesuka hati, menambah sesuatu dengan sesuka hati akan mengacaukan unsur-unsur dalam aliran itu, sehingga menyebabkannya tidak dapat mencapai tujuan Xiu Lian untuk memperoleh kesempurnaan. Oleh itu kaedah Gong itu tidak ada ajaran kultivasi berpasangan lelaki dan wanita, jangan sesekali berkultivasi itu, sebaik sahaja anda melakukan, akan berlakunya penyimpangan, akan timbul masalah. Terutamanya aliran Fa dari Falun Dafa kita ini, tidak ada kultivasi berpasangan lelaki dan wanita, kita juga tidak mengutarakan ini. Perihal isu ini, kita memang berpandangan sebegini.

Kultivasi Gabungan Watak dan Nyawa

Isu kultivasi gabungan watak dan nyawa ini sudah pernah saya jelaskan kepada kalian. Kultivasi gabungan watak dan nyawa ialah selain Xiu Lian Xin Xing, pada masa yang sama juga berkultivasi nyawa, dalam erti kata lain, mengubah Ben Ti. Dalam proses perubahan itu, apabila sel-sel manusia secara beransur-ansur digantikan dengan material energi tinggi, proses penuaan akan menjadi lambat. Tubuh akan nampak seperti berbalik ke arah kondisi orang muda, berbalik secara perlahan-lahan, mengalami transformasi secara perlahan-lahan, dan akhirnya apabila digantikan sepenuhnya oleh material energi tinggi, maka tubuh orang itu telah pun ditransformasi sepenuhnya kepada tubuh material yang lain. Tubuh itu seperti apa yang saya telah katakan sudah keluar dari lima elemen, tidak lagi berada di dalam lima elemen, tubuhnya adalah satu tubuh yang tidak akan rosak lagi.

Xiu Lian di dalam biara hanya berkultivasi watak, oleh itu ia tidak mengutarakan teknik gerakan, tidak mengutarakan kultivasi nyawa. Ia mengutarakan jalan Nirwana. Kaedah yang diajar oleh Sakyamuni adalah jalan Nirwana, sebenarnya Sakyamuni sendiri memiliki Maha Hukum yang tinggi dan mendalam, Ben Ti-nya sepenuhnya boleh ditransformasi kepada material energi tinggi untuk dibawa pergi. Demi mewariskan cara kultivasi sebegini, maka dia sendiri pun menempuh cara Nirwana. Mengapakah dia mengajarkan ini? Tujuannya adalah supaya manusia melepaskan keterikatan hati secara maksimumnya, melepaskan segalanya, akhirnya bahkan tubuh juga dilepaskan, segala keterikatan hati pun lenyap. Demi menghendaki manusia mencapai tahap ini secara maksimumnya, dia telah menempuh cara Nirwana ini, oleh itu dari zaman ke zaman sami juga menempuh cara Nirwana ini. Nirwana bererti setelah sami meninggal dunia, tubuh fizikalnya ditinggalkan, sedangkan Yuan Shen-nya sendiri naik ke atas dengan membawa Gong.

Aliran Tao menitikberatkan kultivasi nyawa, oleh kerana dia memilih pengikutnya, tidak mengutarakan penyelamatan segala makhluk hidup secara universal, yang mereka

hadapi adalah manusia yang teramat baik, maka dia pun mengutarakan teknik kemampuan supernormal, dia mengutarakan isu berkenaan cara berkultivasi nyawa. Sedangkan pada kaedah Xiu Lian aliran Buddha yang khusus ini, terutamanya pada kaedah Xiu Lian agama Buddha ini pun tidak boleh mengutarakan ini. Bukannya langsung tidak boleh mengutarakan, terdapat banyak Maha Hukum yang tinggi dan mendalam dari aliran Buddha juga mengutarakan, aliran Fa kita ini juga mengutarakan. Aliran Falun Dafa kita ini, Ben Ti juga dikehendaki, Yuan Ying juga dikehendaki, kedua-dua ini mempunyai perbezaannya. Yuan Ying juga merupakan tubuh yang terbentuk dari material energi tinggi, namun ia tidak dapat menunjukkan diri dengan sesuka hati dalam ruang dimensi kita ini, malah jika ingin mengekalkan bentuk yang sama seperti manusia biasa untuk satu tempoh yang lama dalam ruang dimensi ini, ia pun memerlukan Ben Ti yang kita miliki. Oleh itu selepas Ben Ti ini ditransformasi, walaupun sel-selnya telah diganti oleh material energi tinggi, namun susunan molekulnya tidak mengalami perubahan, maka apabila dilihat ia tidak jauh berbeza dengan tubuh badan manusia biasa. Namun masih ada perbezaannya, dalam erti kata lain, tubuh ini boleh memasuki ruang dimensi lain.

Kaedah Gong yang berkultivasi gabungan watak dan nyawa, dari penampilan luar seseorang akan kelihatan sangat muda, orang ini akan nampak sangat jauh berbeza dengan usia yang sebenarnya. Hari itu ada orang bertanya kepada saya: “Guru, anda lihat berapakah usia saya?” Sebenarnya usia dia sudah hampir tujuh puluh tahun, namun penampilan luarnya kelihatan baru berusia empat puluh tahun lebih. Tiada kedutan, mukanya berseri-seri, putih kemerahan, ini mana macam orang yang sudah hampir tujuh puluh tahun. Kita yang berlatih Falun Dafa akan wujud keadaan sebegini. Sebagai kelak, gadis-gadis muda selalu menyukai rawatan kecantikan, inginkan kulit menjadi lebih cerah, lebih bagus. Saya katakan anda benar-benar berlatih kaedah Gong yang berkultivasi gabungan pada watak dan nyawa, dengan sendirinya anda akan mencapai keadaan ini, terjaminnya anda tidak perlu membuat rawatan kecantikan. Contoh dari aspek ini tidak perlu kami sebut lagi. Dahulunya oleh kerana lebih ramai orang yang telah berusia dalam pelbagai profesion, maka orang pun menganggap saya sebagai orang muda, sekarang baiklah, lebih ramai orang muda dalam pelbagai profesion. Sebenarnya saya juga tidak

muda lagi, tidak lama lagi pun sudah berusia lima puluh tahun, sekarang pun sudah berumur empat puluh tiga tahun.

Fa Shen

Mengapakah di atas patung Buddha terdapatnya sebuah medan? Ramai orang tidak dapat menjelaskannya, ada juga orang yang berkata: “Di atas patung Buddha timbulnya sebuah medan kerana sami membaca kitab suci padanya”, dalam erti kata lain medan itu timbul kerana sami menjalani Xiu Lian menghadap pada patung tersebut. Sama ada sami yang Xiu Lian ataupun sesiapa yang Xiu Lian, energi sebegini adalah terpancar menyebar, tidak menjurus ke arah tertentu, jadi sepatutnya seluruh lantai biara, siling mahupun dinding pun mempunyai medan yang rata. Kalau begitu mengapakah hanya patung Buddha sahaja yang memiliki medan yang begitu kuat? Terutama patung yang berada di hutan pedalaman, ataupun yang berada di mana-mana gua, ataupun patung yang dipahat pada batu lereng bukit, seringkali wujudnya sebuah medan. Mengapa wujudnya medan ini? Ada orang yang memberi penjelasan sebegini, penjelasan sebegini, macam-macam penjelasan pun tidak dapat menjelaskannya. Sebenarnya di atas patung Buddha wujudnya medan itu kerana di atas patung Buddha terdapat satu Fa Shen dari Sang Sedar. Fa Shen Sang Sedar itu berada di situ, oleh itu dia memiliki energi.

Baik Sakyamuni mahupun Bodhisattva Avalokitesvara, jika dalam sepanjang sejarah memang wujudnya orang sedemikian, cuba kalian fikirkan, apabila dia Xiu Lian, adakah dia juga seorang pelatih Gong? Seseorang itu selepas Xiu Lian sampai ke suatu tingkat tertentu yang amat tinggi melebihi Fa di luar duniawi, akan memiliki Fa Shen. Fa Shen adalah terbentuk di bahagian Dan Tian manusia, ia adalah dibentuk dari Fa dan Gong, ianya wujud dalam ruang dimensi yang lain. Fa Shen memiliki kuasa yang amat hebat dari orang itu sendiri, tetapi kesedaran Fa Shen, pemikiran Fa Shen pula di bawah kawalan tubuh utama. Akan tetapi Fa Shen sendiri juga merupakan satu individu bernyawa yang sempurna, berdikari, yang benar-benar wujud, oleh itu juga boleh melakukan segala apa perkara secara sendiri. Perkara yang dilakukan oleh Fa Shen adalah sama seperti perkara yang hendak dilakukan oleh kesedaran utama manusia, sama persis. Perkara itu jika

dilakukan oleh orang itu sendiri juga adalah sedemikian, dilakukan oleh Fa Shen juga sedemikian, inilah yang dimaksudkan oleh kita sebagai Fa Shen. Jika saya ingin melakukan sesuatu, misalnya menyelaraskan tubuh bagi seorang pelatih yang benar-benar Xiu Lian, semuanya dilakukan oleh Fa Shen saya. Ini kerana Fa Shen tidak membawa tubuh seperti manusia biasa, ia wujud di ruang dimensi lain. Makhluk berjiwa tersebut juga bukannya tetap tidak berubah, ia boleh berubah besar dan menyusut kecil. Kadangkala ia berubah menjadi sangat besar, besarnya sehingga seluruh kepala Fa Shen tidak dapat dilihat; kadangkala ia berubah menjadi sangat kecil, lebih kecil daripada sel.

Kai Guang

Patung Buddha yang dibuat oleh kilang hanyalah satu karya seni. Kai Guang ialah mengundang satu Fa Shen Buddha ke atas patung Buddha, kemudian, menganggap patung Buddha sebagai satu tubuh yang berbentuk dalam kalangan manusia biasa untuk disembah. Orang yang berlatih Gong dengan adanya hati yang hormat ini, ketika Xiu Lian, Fa Shen dari patung Buddha akan memberi perlindungan Fa kepadanya, menjaga dan melindunginya, inilah tujuan Kai Guang yang sebenarnya. Hanya dengan memancarkan fikiran yang tulus semasa upacara rasmi Kai Guang, ataupun dengan adanya Sang Maha Sedar dari tingkat yang amat tinggi, ataupun orang yang Xiu Lian pada tingkat yang amat tinggi yang memiliki kemampuan sebegini baru boleh melakukan hal ini.

Biara mengatakan patung Buddha perlu Kai Guang, patung Buddha yang tidak menjalani Kai Guang dikatakan tidak efektif. Sekarang sami dalam biara, mereka yang benar-benar tok guru besar, sudah pun meninggal dunia. Selepas Revolusi Kebudayaan, para sami muda ada yang belum mewarisi ajaran tulen, kini sudah menjadi ketua biara, ada banyak ajaran yang hilang tidak diwariskan. Apabila ditanya apa gunanya Kai Guang? Dia berkata: “Selepas Kai Guang, patung Buddha akan menjadi efektif.” Secara spesifiknya macam mana menjadi efektif, dia juga tidak dapat jelaskan. Oleh itu dia hanya mengadakan upacara, memasukkan transkrip kitab kecil ke dalam patung Buddha, kemudiannya melekatkan dengan kertas, membaca sutra padanya, menurutnya inilah Kai Guang. Namun bolehkah ia mencapai tujuan Kai Guang? Itu perlu tengok bagaimana dia membaca sutra.

Sakyamuni mengutarakan fikiran lurus, perlu membaca sutra dengan hati yang tidak terganggu, benar-benar boleh menggemparkan dunia aliran Fa yang dia berkultivasi, barulah dapat mengundang Sang Sedar. Dengan naiknya satu Fa Shen dari Sang Sedar tersebut, demikianlah baru boleh mencapai tujuan Kai Guang.

Ada sesetengah sami yang membaca kitab suci di sana, namun dalam hatinya berfikir: “Selepas Kai Guang nanti, berapa wang yang saya akan dibayar?” Atau sambil membaca kitab suci dia berfikir: “Siapa-siapa itu layan saya dengan buruk.” Dalam kalangan mereka juga saling bersengketa, pada masa akhir Dharma sekarang ini, jika tidak mengakui fenomena sebegini juga tidak boleh, di sini kami bukan mengkritik agama Buddha, pada masa akhir Dharma ada sesetengah kuil sememangnya tidak bersih dan tidak tenteram. Apabila otaknya memikirkan hal sebegini, memancarkan niat fikiran yang begitu tidak baik, adakah Sang Sedar itu akan datang? Langsung tidak dapat mencapai tujuan Kai Guang. Akan tetapi ini bukan mutlak, juga ada biara dan kuil Tao yang baik.

Saya pernah lihat seorang sami di sebuah kota, tangannya hitam legam. Dia menyediakan satu transkrip sutra dan menyumbatnya ke dalam patung Buddha, mulutnya bergumam seketika lalu dianggap Kai Guang. Kemudiannya dia ambil lagi satu patung Buddha, mulutnya bergumam seketika lagi, sekali Kai Guang empat puluh Yuan. Kini sami menganggap ini sebagai barang dagangan, mendapat kekayaan dengan melakukan Kai Guang pada patung Buddha. Saya lihat ia langsung tidak Kai Guang, langsung tidak berjaya Kai Guang, kini sami sanggup melakukan hal sebegini. Apa lagi satu peristiwa yang saya nampak? Di dalam biara ada seorang, kelihatan seperti penganut agama Buddha awam, katanya ingin melakukan Kai Guang pada patung Buddha, dia memegang sekeping cermin menghadap ke arah matahari, lalu memantulkan cahaya itu pada patung Buddha, demikianlah dia kata sudah melakukan Kai Guang. Sudah pun sampai ke tahap kelakar sebegini. Hari ini agama Buddha berkembang sehingga ke tahap sebegini, malah ia masih merupakan satu fenomena yang sangat umum.

Nanjing telah membuat satu patung Buddha perunggu yang besar, yang telah didirikan di Dai Yu Shan di Hong Kong, patung Buddha yang amat besar. Dari seluruh

dunia telah datangnya ramai sami untuk melakukan Kai Guang ke atas patung Buddha, salah seorang sami memegang sekeping cermin menghadap ke arah matahari, lalu memantulkan cahayanya ke atas wajah patung Buddha dan mengatakannya sebagai Kai Guang. Majlis rasmi yang begitu besar, dalam suasana yang begitu serius melakukan perkara yang sebegini, saya berasa amat menyedihkan! Tidak hairanlah, Sakyamuni berkata: “Sesampainya masa akhir Dharma, sami sendiri pun susah hendak menyelamatkan diri, bahkan menyelamatkan orang lain lagi susah.” Tambahan itu, ada ramai sami yang mentafsirkan kitab Buddha menurut pandangannya sendiri, apa yang disebut kitab Wang Mu Niang Niang juga telah masuk ke biara, ajaran yang bukan dari ajaran klasik agama Buddha pun telah masuk ke dalam biara, sehingga keadaan menjadi kacau-bilau, dan keadaan sekarang amat mengelirukan. Sudah tentu, sami yang benar-benar Xiu Lian masih ada, dan masih sangat baik. Kai Guang sebenarnya ialah mengundang Fa Shen Sang Sedar untuk menetap di atas patung Buddha, dengan demikianlah Kai Guang.

Kalau begitu jika patung Buddha ini tidak berhasilnya Kai Guang maka tidak boleh disembah, jika disembah akan membawa kesan yang amat serius. Apa kesan yang serius? Sekarang kita yang membuat penyelidikan sains tubuh manusia mendapati, niat fikiran manusia kita, pemikiran otak manusia boleh menghasilkan sejenis material. Kami melihat dari tingkat yang amat tinggi mendapati sememangnya ia adalah sejenis material, namun material ini tidak berupa bentuk gelombang otak seperti yang kami temui sekarang dalam penyelidikan kami, sebaliknya dalam bentuk sebuah otak yang lengkap. Biasanya benda-benda yang berbentuk otak yang dipancarkan ketika manusia memikirkan masalah, oleh kerana ia tidak mengandungi energi, tidak lama setelah ia dihasilkan pun akan hilang berselerak, sedangkan masa pengejalan energi dari pelatih Gong pula jauh lebih lama. Patung Buddha ini tidak memiliki pemikiran selepas ia dihasilkan dari kilang, tidak. Ada yang belum dilakukan Kai Guang, setelah dibawa ke biara pun tidak mencapai tujuan Kai Guang. Jika cari mana-mana master Qi Gong yang palsu atau orang yang mengikuti latihan sesat dan jalan bengkok untuk melakukan Kai Guang, itu justeru lebih membahayakan, rubah dan cerpelai kuning akan naik ke atas.

Jadi kalau patung Buddha yang belum dilakukan Kai Guang, sebaik sahaja anda menyembahnya, itu amat berbahaya sekali. Berbahaya sampai ke tahap apa? Saya sudah katakan, umat manusia membangun sehingga ke hari ini, segala-galanya sedang merosot, seluruh masyarakat, semua hal dalam alam semesta juga turut mengalami kemerosotan, segala hal yang terjadi dalam kalangan manusia biasa adalah diakibatkan oleh kita sendiri. Ingin mempelajari Fa ortodoks, mengikuti Tao ortodoks pun amat susah, setiap aspek pun akan mengganggu. Ingin memohon kepada Buddha, siapakah Buddha? Ingin memohon pun amat susah. Jika tidak percaya biar saya ceritakan: Orang pertama kalau datang menyembah patung Buddha yang belum dilakukan Kai Guang akan menjadi celaka. Sekarang yang menyembah Buddha ada berapa orang yang berfikir dalam hati untuk memohon Buddha agar memperoleh buah sejati? Orang sebegini terlalu kurang. Apakah tujuan kebanyakan orang menyembah Buddha? Melenyapkan bencana, menyelesaikan masalah, menjadi kaya, inilah yang dipohon. Adakah ini ajaran dalam ajaran klasik agama Buddha? Langsung tidak ada benda pada tingkat ini.

Orang yang menyembah Buddha kalau tujuannya adalah untuk memohon wang, sebaik sahaja menyembah kepada patung Buddha, ataupun patung Bodhisattva Avalokitesvara, ataupun patung Tathagata dan berkata: “Tolonglah saya agar mendapat sedikit kekayaan.” Bagusnya, satu niat fikiran yang lengkap pun terbentuk. Oleh kerana dia memancarkannya menghadap ke patung Buddha, oleh itu dengan seketika ia pun naik ke atas patung Buddha ini. Di ruang dimensi lain badan ini boleh membesar dan menyusut kecil, setelah naik ke badan ini, patung Buddha ini pun memiliki sebuah otak, memiliki pemikiran, namun tidak memiliki tubuh. Orang lain juga turut menyembahnya, setelah disembah berulang-ulang kali, akan memberikannya energi yang tertentu. Terutamanya orang yang berlatih Gong lagi berbahaya, sebaik sahaja menyembah pun memberi energi kepadanya secara beransur-ansur sehingga ia membentuk sebuah tubuh yang berwujud nyata, namun tubuh yang wujud nyata ini adalah terbentuk dalam ruang dimensi lain. Setelah terbentuk ia berada dalam ruang dimensi lain, ia boleh mengetahui sedikit prinsip alam semesta, oleh itu ia dapat melakukan sedikit perkara untuk manusia, dengan ini ia pun boleh tumbuh sedikit Gong, namun ia menolong manusia dengan syarat dan balasan tertentu. Di ruang dimensi lain ia dapat bergerak dengan bebas, dapat menguasai manusia

biasa dengan amat bebas. Tubuh yang berwujud nyata ini memiliki bentuk rupa yang sama dengan patung Buddha, dengan demikianlah berhasil tersembah satu Bodhisattva Avalokitesvara palsu, Tathagata palsu, ia adalah hasil penyembahan manusia, terbentuk serupa dengan patung Buddha, penampilan Buddha. Namun pemikiran Buddha palsu, Tathagata palsu pula adalah luar biasa jahat, ia menginginkan wang. Ia terbentuk dalam ruang dimensi lain, ia memiliki fikiran, ia mengetahui sedikit prinsip, ia tidak berani melakukan perkara jahat yang besar, namun ia berani melakukan perkara jahat yang kecil. Kadangkala ia juga membantu manusia, jika tidak membantu manusia dan langsung jahat, ia mesti dibunuh. Bagaimana dia membantu? Misalnya orang itu memohon: “Mohon Buddha membantu saya, ada seseorang yang sakit di rumah saya.” Baik, membantu anda. Ia akan membuat anda memasukkan wang ke dalam peti derma, fikirannya adalah untuk mendapat wang. Apabila wang yang dimasukkan ke dalam peti derma semakin banyak, maka ia akan menyembuhkan penyakit anda dengan cepat. Ini kerana ia memiliki energi yang tertentu, di ruang dimensi lain ia dapat memanipulasi seseorang manusia biasa. Khususnya jika yang menyembahnya adalah orang yang memiliki Gong, akan lebih berbahaya. Apa yang dipohon oleh orang yang berlatih Gong? Memohon wang. Cuba kalian fikirkan, buat apa orang yang berlatih Gong memohon wang? Memohon untuk melenyapkan bencana dan penyakit untuk ahli keluarga juga adalah keterikatan hati terhadap ahli keluarga. Ingin mengubah nasib orang lain, padahal setiap orang mempunyai nasib tersendiri! Jika anda menyembahnya, sebaik sahaja anda mengatakannya: “Tolonglah saya mendapat sedikit kekayaan.” Baik, ia menolong anda, ia teringin anda meminta wang yang lebih banyak, minta lebih banyak, supaya dia dapat mengambil lebih banyak barang daripada anda, bertukar dengan nilai yang sama. Banyak sekali wang dalam peti derma yang diberikan oleh orang lain kepadanya, ia membiarkan anda memperolehnya. Bagaimana cara memperolehnya? Dengan memungut sebuah dompet di jalan, tempat kerja anda memberikan sedikit wang ganjaran, pokoknya agar anda dapat memperoleh wang dengan apa jua caranya. Takkan ia membantu anda tanpa sebarang syarat? Tanpa kehilangan, tanpa perolehan, berikan sejumlah Gong anda kepadanya, ia kekurangan Gong, ataupun mengambil Dan dan benda lain hasil latihan anda, ia mahu yang ini.

Buddha palsu ini kadangkala adalah amat bahaya. Ramai di antara kita yang Tian Mu-nya sudah terbuka menganggap dirinya telah melihat Buddha. Ada seorang yang berkata hari ini datang serombongan Buddha ke biara, Buddha ini dikenali sekian nama, datang memimpin rombongannya. Katanya rombongan yang datang kelmarin bagaimana rupanya, rombongan yang datang hari ini bagaimana rupanya, tidak lama kemudian telah pergi pula, dan datang lagi satu rombongan. Apakah itu? Mereka tergolong dalam jenis ini. Ia bukan Buddha benar, ia adalah palsu, jenis sebegini sangat banyak.

Jika berlakunya keadaan sebegini di biara, akan lebih berbahaya. Jika sami menyembahnya, maka ia akan mengawal sami: “Bukankah anda menyembah saya? Anda menyembah saya dengan penuh kesedaran. Baik, bukankah anda ingin Xiu Lian? Saya peduli anda, saya akan mengatur bagaimana anda berkultivasi.” Ia akan mengatur untuk anda, jikalau kultivasi anda berhasil, ke mana anda akan pergi? Oleh kerana ia yang mengatur kultivasi, mana-mana aliran Fa di atas pun tidak mahu menerima. Ia yang mengatur, jadi anda akan berada di bawah kawalannya kelak. Bukankah dengan demikian anda ini sia-sia berkultivasi? Saya kata umat manusia sekarang jika ingin berkultivasi mendapat buah sejati adalah amat susah. Fenomena sebegini adalah amat biasa, ramai di antara kita yang terlihat sinar Buddha di pegunungan termasyhur dan sungai besar, kebanyakannya adalah jenis sebegini, ia memiliki energi, dan boleh dipertunjukkan. Sang Maha Sedar yang sejati tidak akan mudah menunjukkan diri.

Dahulu yang digelar Buddha bumi dan Tao bumi adalah kurang, namun sekarang adalah luar biasa banyak. Apabila ia membuat perkara yang buruk, yang di atas juga akan membunuhnya, sebaik sahaja ingin membunuhnya ia pun lari dan naik ke atas patung Buddha. Prinsip dalam manusia biasa, Sang Maha Sedar umumnya tidak akan mengusik dengan mudah, Sang Sedar yang semakin tinggi semakin tidak akan merosakkan prinsip manusia biasa, tidak akan mengusik. Takkan dengan secara tiba-tiba menghancurkan patung Buddha dengan sambaran petir, Dia tidak melakukan hal sebegini, oleh itu apabila ia berlari ke atas patung Buddha pun tidak akan pedulikannya lagi. Ketika ingin membunuh ia, ia tahu dan ia akan melarikan diri. Oleh itu Bodhisattva Avalokitesvara yang anda lihat

adakah Bodhisattva Avalokitesvara yang benar? Buddha yang anda lihat adakah Buddha benar? Sangat susah untuk dikatakan.

Ramai di antara kita yang akan terfikir satu isu: “Bagaimana dengan patung Buddha di rumah kita?” Mungkin ramai orang yang terfikir akan saya. Demi membantu pelatih Xiu Lian, saya beritahu anda boleh berbuat sedemikian: Anda memegang buku saya (kerana di dalam buku ada gambar saya) ataupun gambar saya, di dalam tangan anda memegang patung Buddha, dengan membentuk isyarat tangan bunga teratai besar, kemudiannya seperti memohon kepada saya, memohon Guru melakukan Kai Guang. Dalam setengah minit masalah ini pun selesai. Saya beritahu kalian, ini adalah terhad kepada kita yang Xiu Lian, melakukan Kai Guang untuk saudara mara tidak akan berkesan, kita hanya peduli pelatih yang Xiu Lian. Ada orang yang berkata meletakkan gambar Guru di rumah saudara mara untuk menangkal pengaruh jahat, saya tidak akan menangkal pengaruh jahat bagi manusia biasa. Ini adalah perbuatan paling tidak hormat terhadap Guru.

Ceritakan tentang isu Buddha bumi dan Tao bumi. Masih ada suatu keadaan, pada zaman dahulu di negara China ada ramai orang yang Xiu Lian di dalam pegunungan hutan belantara. Mengapa sekarang sudah tidak ada lagi? Sebenarnya bukan tidak ada, namun tidak boleh diketahui oleh manusia biasa, sedikit pun tidak kurang, orang ini semuanya memiliki kemampuan Gong. Dalam tahun belakangan ini bukannya orang-orang ini sudah tidak ada lagi, orang-orang ini masih ada. Sekarang di dunia masih ada beberapa ribu, di negara kita jumlahnya lebih banyak sedikit. Terutamanya di pegunungan yang terkenal dan sungai besar pun ada, di sesetengah gunung tinggi juga ada. Dia menggunakan kemampuan Gong untuk menutup lubang gua, oleh itu anda tidak dapat melihat kewujudan mereka. Dia Xiu Lian lebih perlahan, tekniknya lebih bodoh, dia tidak dapat menguasai esensi Xiu Lian. Sedangkan kita adalah terus menuju hati manusia, Xiu Lian dengan mengikuti ciri-ciri istimewa tertinggi alam semesta, Xiu Lian dengan mengikuti corak alam semesta itu, sudah tentu Gong dapat meningkat dengan amat cepat. Oleh kerana aliran Fa untuk Xiu Lian adalah berbentuk piramid, hanya di tengah adalah jalan besar. Jalan-jalan pinggir yang kecil itu, apabila Xiu Lian Xin Xing-nya tidak semestinya tinggi, mungkin kultivasi masih

belum tinggi pun sudah terbuka Gong, namun ia adalah jauh berbeza dengan jalan besar dari Xiu Lian yang sebenarnya.

Dia juga membawa pelatih secara turun-temurun, alirannya hanya berkultivasi setinggi ini, Xin Xing-nya juga hanya setinggi ini, oleh itu pelatih yang diajarnya hanya berkultivasi mencapai setinggi ini. Semakin pinggir tatacara jalan kecil duniawi semakin banyak, kaedah Xiu Lian-nya juga rumit, tidak mampu menguasai esensinya untuk berkultivasi. Xiu Lian manusia terutama adalah berkultivasi Xin Xing, dia masih tidak tahu tentang ini, dia menyangka dengan menanggung penderitaan maka pun boleh Xiu Lian. Oleh itu dia melewati satu tempoh masa yang sangat panjang, berkultivasi ratusan tahun, ribuan tahun, dan tumbuhnya sedikit Gong. Sebenarnya hasil kultivasinya bukan bergantung kepada tanggungan penderitaan, bagaimana kultivasinya berhasil? Sama seperti manusia, ketika muda mempunyai banyak keterikatan hati; setelah menjadi tua, seiring dengan masa yang berlalu, masa depannya sudah tiada harapan lagi, secara automatik keterikatan ini pun dilepaskan, habis dikikis, jalan kecil ini juga mengikuti cara sedemikian. Dia bergantung kepada meditasi, keazaman, menanggung penderitaan, dan apabila dia kultivasi meningkat ke atas, dia mendapati jalan ini juga dapat tumbuh Gong. Namun dia tidak tahu keterikatan hati manusia biasa yang dia miliki itu sebenarnya dikikis habis menerusi penderitaan untuk satu tempoh masa yang agak panjang secara perlahan-lahan, secara perlahan-lahannya hati itu dikikis sehingga Gongnya meningkat.

Kita mempunyai sasaran yang ditujukan, benar-benar menuju hati itu, menyingkirkan hati itu, dengan demikianlah kultivasi akan menjadi amat cepat. Saya pernah berkunjung ke beberapa tempat, seringkali bertemu dengan orang-orang sebegini, sudah berkultivasi banyak tahun. Dia juga berkata: “Tiada orang boleh mengetahui kami berada di sini, kami tidak campur tangan dengan urusan anda, tidak mengacau anda.” Ini tergolong dalam kategori yang agak baik.

Ada juga yang tidak baik, yang tidak baik juga perlu kami bereskan. Sebagai contoh, pertama kali saya pergi menyebarkan Gong di Gui Zhou, ketika saya sedang mengajar kelas, ada seorang yang datang mencari saya, katanya tok gurunya ingin bertemu dengan saya,

tok gurunya adalah siapa-siapa, telah berkultivasi sekian banyak tahun. Sebaik sahaja saya melihat Qi negatif yang dibawa oleh orang ini ternyata sangat tidak baik, mukanya pucat kekuningan. Saya kata saya tidak akan bertemu dengannya, saya tiada masa lalu menolaknya. Akibatnya orang tuanya itu pun tidak gembira, mula mengganggu saya, setiap hari mengganggu saya. Saya adalah seorang yang tidak suka berkelahi dengan orang lain, saya juga tidak perlu berkelahi dengannya. Apabila dia membawa benda-benda yang tidak baik saya pun membersihkannya, setelah membersihkannya, saya pun menyebarkan Fa saya.

Dahulunya pada zaman dinasti Ming ada seorang yang berkultivasi Tao, ketika dia berkultivasi Tao dia pun dirasuki Fu Ti ular, kemudiannya orang yang berkultivasi Tao ini tidak berhasil kultivasi dan meninggal dunia, ular ini menakluki tubuh pelatih Tao, lalu berhasil kultivasi dengan bentuk manusia. Tok guru orang itu adalah bentuk manusia dari hasil kultivasi ular tersebut. Oleh kerana karakternya tidak berubah, menjelma menjadi seekor ular besar dan mengganggu saya. Saya lihat ianya sudah keterlaluan lalu saya menangkapnya dengan tangan, menggunakan sejenis Gong yang sangat kuat, iaitu Gong cair, lalu mencairkan bahagian bawah badannya, sehingga menjadi air, sementara bahagian atas badannya berlari pulang.

Pada suatu hari, ketua pusat latihan kita di Gui Zhou telah dipanggil oleh cucu muridnya, katanya tok gurunya ingin bertemu dengannya. Ketua pusat pun pergi, apabila masuk ke dalam gua keadaannya gelap-gelita dan tidak dapat nampak apa-apa pun, hanya dapat lihat satu bayangan duduk di situ, matanya memancarkan sinaran hijau, sebaik sahaja mata dibuka gua pun menjadi terang, sebaik sahaja mata dipejam gua pun menjadi gelap-gelita. Dia bertutur dalam bahasa loghatnya: “Li Hongzhi akan datang lagi, kali ini tiada sesiapa pun di antara kita yang akan melakukan perkara itu, saya bersalah, Li Hongzhi datang untuk menyelamatkan manusia.” Cucu muridnya bertanya kepada dia: “Tok guru, anda berdirilah, apa terjadi kepada kaki tok guru?” Dia berkata: “Saya tidak dapat berdiri lagi, kaki saya sudah cedera.” Ketika ditanya bagaimana dia tercedera, dia pun mula menceritakan proses pengacauan yang dia lakukan. Pada Expo Kesihatan Oriental tahun 1993 di Beijing dia mengacau saya lagi. Oleh kerana dia sentiasa berbuat jahat, dia mengacau saya menyebarkan Dafa, maka saya pun memusnahkannya sepenuhnya. Setelah

memusnahkannya, saudara seperguruannya semua ingin bertindak. Ketika itu saya telah mengatakan sepatah dua kata, mereka semuanya berasa terkejut, sangat ketakutan, sesiapa pun tidak berani bertindak lagi, juga memahami apa yang berlaku. Di antara mereka masih ada sesetengah yang sepenuhnya adalah manusia biasa, telah berkultivasi untuk satu masa yang amat panjang. Ini adalah beberapa contoh yang saya bangkitkan berkenaan isu Kai Guang.

Zhu You Ke

Apa itu Zhu You Ke? Dalam komuniti Xiu Lian, ada ramai orang dalam proses mengajar Gong, juga menganggapnya sebagai perkara-perkara di dalam lingkungan Xiu Lian untuk disebar, sebenarnya ia bukan perkara-perkara di dalam lingkungan Xiu Lian. Ia adalah seperti pewarisan sejenis keterampilan, mantra, dan teknik. Corak-corak yang digunakannya adalah seperti melukis azimat, membakar colok, membakar kertas, membaca mantra dan sebagainya, ia dapat menyembuhkan penyakit, kaedah penyembuhannya sangat unik. Sebagai contohnya, sesiapa yang tumbuh bisul di atas mukanya, dia menggunakan berus, mencelup dawat cinnabar lalu melukis satu bulatan di atas tanah, melukis satu garis palang di dalam bulatan itu, menyuruh orang ini berdiri di titik tengah bulatan, dia pun mula membaca mantra. Kemudian menggunakan berus, mencelup dawat cinnabar lalu melukis satu bulatan pada mukanya, sambil melukis sambil membaca mantra, setelah melukis-lukis lalu menitik berus pada bisul itu, mantranya pun selesai dibaca, katanya sudah sembuh. Sebaik sahaja anda sentuh, sudah menjadi kecil, tidak sakit lagi, ia berkesan. Penyakit ringan sebegini dia boleh menyembuhkan, namun penyakit berat dia tidak mampu. Katakan lengan sakit macam mana? Dia mulai membaca mantra, dia meminta anda menghulurkan lengan anda, meniup angin pada titik He Gu⁵⁹ di lengan tangan ini, agar ia keluar dari titik He Gu lengan yang lain, akan terasa sekilas angin, ketika disentuh, ia pun tidak begitu sakit lagi. Selain itu, masih ada yang menggunakan cara membakar kertas, melukis azimat, melekatkan azimat dan lain-lain lagi, dia melakukan ini.

⁵⁹ He Gu – Titik akupunktur yang terletak di antara ibu jari tangan dan jari telunjuk, di puncak otot apabila dua jari didempatkan.

Jalan kecil duniawi pada aliran Tao tidak berkultivasi nyawa, sepenuhnya adalah meramal, melihat Feng Shui, mengusir pengaruh jahat dan mengubati penyakit. Jalan kecil duniawi ini banyak menggunakan cara sebegini. Ia boleh mengubati penyakit, namun cara yang digunakan adalah tidak baik. Kami tidak menceritakan apa yang ia gunakan untuk mengubati penyakit, akan tetapi kita yang berkultivasi Dafa jangan menggunakannya, ini kerana ia membawa informasi yang sangat rendah dan sangat buruk. Zaman kuno di negara China telah membahagikan kaedah mengubati penyakit kepada beberapa jurusan, misalnya, penyambungan tulang, akupunktur, pijat,urut, acupressure⁶⁰, menyembuhkan penyakit dengan Qi Gong, menyembuhkan penyakit dengan ubat herba dan sebagainya, dibahagikan kepada banyak jenis. Setiap kaedah mengubati penyakit dipanggil satu jurusan, Zhu You Ke ini dikelaskan sebagai jurusan yang ketiga belas, oleh itu nama penuhnya dipanggil Zhu You Jurusan ke-13. Zhu You Ke tidak tergolong dalam perkara di dalam lingkungan Xiu Lian kita, ia bukan Gong yang diperoleh daripada Xiu Lian, tetapi adalah sejenis teknik keterampilan.

⁶⁰

Acupressure – Sejenis teknik pengubatan dengan cara menekan titik akupunktur.

Ceramah 6

Terjelma Iblis

Dalam komuniti Xiu Lian ada satu pernyataan sebegini, iaitu terjelma iblis, pengaruhnya terhadap orang ramai juga amat besar. Terutamanya ada sesetengah orang menghebahkan perkara ini dengan amat hebat, sehingga menyebabkan sesetengah orang tidak berani berlatih Gong lagi. Sebaik sahaja orang terdengar berlatih Gong masih boleh terjelma iblis, mereka pun menjadi takut sehingga tidak berani berlatih lagi. Sebenarnya saya beritahu kalian, terjelma iblis langsung tidak wujud sama sekali.

Ramai orang disebabkan hatinya tidak tulus, telah mengundang sejumlah Fu Ti. Zhu Yi Shi sendiri tidak dapat mengawal diri, bahkan menganggapnya sebagai Gong. Tubuhnya dikawal oleh Fu Ti, menjadi huru-hara, berteriak dan menjerit. Sebaik sahaja orang melihat cara berlatih Gong adalah sebegini, terkejut sehingga tidak berani berlatih lagi. Ramai di antara kita berpendapat ini adalah Gong, bagaimana ia boleh dianggap sebagai berlatih Gong? Ini hanyalah keadaan menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan pada taraf yang paling rendah sekali, namun ia pula amat bahaya. Jika anda sendiri biasa dengan cara sebegini, Zhu Yi Shi anda selalu tidak dapat mengawal diri sendiri, maka tubuh anda mungkin akan dikawal oleh Fu Yi Shi atau informasi luar, Fu Ti dan sebagainya, dan anda mungkin akan melakukan perbuatan yang bahaya, malah daya kerosakannya terhadap komuniti Xiu Lian adalah amat serius. Ini adalah disebabkan oleh hati manusia yang tidak lurus, dengan keterikatan hati untuk menonjolkan diri, ini bukan terjelma iblis. Entah bagaimana sesetengah orang boleh digelar sebagai master Qi Gong, dia juga menceritakan tentang terjelma iblis. Sebenarnya berlatih Gong tidak akan terjelma iblis, kebanyakan orang secara lazimnya mendengar istilah ini daripada karya seni, seperti novel pahlawan dan sebagainya. Jika tidak percaya anda boleh menyemak buku-buku kuno, kitab Xiu Lian, langsung tiada peristiwa sebegini. Mana ada apa yang digelar terjelma iblis? Tidak akan berlaku perkara sebegini sama sekali.

Terjelma iblis dalam anggapan orang ramai secara umumnya ada beberapa bentuk, yang baru saya katakan tadi juga merupakan salah satu bentuk. Oleh kerana hati sendiri tidak lurus, dia telah mengundang Fu Ti, malah mengejar apa yang dikenali sebagai gejala Qi Gong untuk menonjolkan diri sendiri dan berbagai lagi mentaliti. Ada yang terus-terangnya mengejar kemampuan Gong atau berlatih Qi Gong palsu, setiap kali berlatih lalu membiasakan diri mengendurkan Zhu Yi Shi dirinya, sehingga hilang kesedarannya, tubuh telah diserahkan kepada orang lain, dengan huru-haranya tubuh dikuasai oleh Fu Yi Shi atau informasi luar, lalu melakukan perbuatan yang aneh. Menyuruh dia terjun dari bangunan dia pun terjun dari bangunan, menyuruh dia terjun ke dalam air dia pun terjun ke dalam air. Dia sendiri pun tidak ingin hidup lagi, menyerahkan tubuhnya kepada orang lain. Hal ini tidak tergolong dalam kategori terjelma iblis, namun ini tergolong dalam kategori menyimpang ke jalan sesat ketika berlatih Gong, hal ini boleh terjadi disebabkan pada mulanya dia berniat untuk berbuat sedemikian. Ramai yang menganggap keadaan terhuyung-hayang itu ialah berlatih Gong, sebenarnya kalau benar-benar berlatih Gong dalam keadaan sebegini, ia akan membawa kepada akibat yang amat serius. Ini bukan berlatih Gong, ia adalah hasil keterikatan hati dan kejaran manusia biasa.

Satu keadaan yang lain adalah ketika berlatih Gong, Qi tersumbat pada sesuatu tempat dan tidak lancar, Qi sampai di ubun-ubun kepala dan tidak dapat turun, dia pun merasa takut. Tubuh manusia adalah sebuah alam semesta kecil, terutamanya apabila kaedah Gong aliran Tao hendak menembus Guan⁶¹, ia akan menghadapi masalah remeh-temeh ini, tidak dapat menembusnya, maka Qi akan berputar di tempat ini. Bukan sahaja di ubun-ubun kepala, di bahagian lain juga sama, akan tetapi bahagian yang paling sensitif seseorang itu ialah ubun-ubun kepala. Qi naik ke ubun-ubun lalu meluncur ke bawah, apabila tidak berjaya menembus Guan, dia akan merasa kepala menjadi berat, kepalanya menggebu, seolah-olahnya memakai topi Qi yang amat tebal dan pelbagai fenomena sedemikian. Akan tetapi Qi tidak mempunyai sebarang fungsi penyekatan, ia juga tidak mampu membawa masalah kepada manusia, dan langsung tidak mungkin menimbulkan apa-apa penyakit. Sesetengah orang tidak memahami keadaan sebenar Qi Gong, lalu meluahkan pendapat aneh dengan sembarangan, akibatnya menyebabkan suatu keadaan

⁶¹

Guan – Lintasan.

yang sangat huru-hara. Orang ramai pun menganggap jika Qi naik ke ubun-ubun kepala dan tidak dapat turun, maka orang itu akan terjelma iblis, menyimpang dan lain-lain lagi, akibatnya ramai yang sendirinya menjadi takut.

Qi naik ke ubun-ubun dan tidak dapat turun, ini hanyalah keadaan bagi satu tempoh masa sahaja, ada yang tidak dapat turun untuk jangka masa yang amat panjang, sehingga setengah tahun panjangnya. Jika tidak dapat turun, dengan pimpinan master Qi Gong yang tulen juga boleh turun. Jadi, jika kita tidak berhasil menembusi Guan semasa berlatih Gong, apabila Qi tidak dapat turun, kita cari faktor penyebabnya pada aspek Xin Xing, adakah telah sesat dalam sesuatu tingkat untuk jangka masa yang terlalu panjang, mungkin perlu meningkatkan Xin Xing! Apabila anda benar-benar meningkatkan Xin Xing, anda lihat saja ia pun boleh turun. Jika anda sentiasa menitikberatkan perubahan Gong pada tubuh anda namun tidak menitikberatkan perubahan pada Xin Xing anda, sedangkan ia menunggu peningkatan Xin Xing anda, baru boleh berlaku perubahan secara menyeluruh. Penyumbatan Qi sebenar yang berlaku pada seseorang itu tidak akan timbul apa-apa masalah, seringkali itu kesan psikologi kita sendiri, dan juga mendengar sesetengah master Qi Gong palsu yang mengatakan Qi naik ke atas ubun-ubun akan berlaku penyimpangan, dia pun berasa takut. Sebaik sahaja dia berasa takut, ia mungkin benar-benar menimbulkan masalah. Hal ini kerana sebaik sahaja anda takut, itu perasaan gerun, bukankah itu keterikatan hati? Sebaik sahaja timbulnya keterikatan hati anda, bukankah anda perlu menyingkirkan keterikatan hati itu? Semakin takutnya anda, semakin berupa penyakit, mesti menyingkirkan keterikatan hati anda ini, agar anda mengingat pengajaran kali ini, dengan demikian menyingkirkan perasaan takut, dan meningkat ke atas.

Pelatih Gong semasa Xiu Lian kelak juga tidak akan selesai, banyak Gong yang timbul di dalam tubuh, semuanya benda yang sangat kuat bergerak-geri di dalam tubuh anda sehingga anda berasa tidak selesai begini, tidak selesai begitu. Sebab utama anda berasa tidak selesai adalah anda selalu risau tubuh sendiri dijangkiti penyakit, sebenarnya di dalam tubuh anda sendiri telah pun timbul benda yang begitu kuat, yang timbul itu semuanya Gong, semuanya kemampuan Gong, dan juga banyak makhluk berjiwa. Jika ia bergerak, tubuh anda akan terasa gatal, sakit, tidak selesai dan sebagainya, saraf periferai juga sangat

sensitif, pelbagai fenomena juga boleh timbul. Selagi tubuh anda masih belum diubah oleh material energi tinggi, perasaan sebegini tentu ada, pada asalnya ia adalah perkara yang baik. Sebagai seorang pelatih Xiu Lian, jika anda selalu menganggap diri sendiri manusia biasa, selalu menganggap diri sendiri menghadapi penyakit, bagaimana hendak berlatih? Apabila kita mengalami kesusahan semasa berlatih Gong, anda masih menganggap diri sendiri sebagai manusia biasa, saya kata Xin Xing anda pada masa itu sudah jatuh ke tingkat manusia biasa. Atas persoalan ini, sekurang-kurangnya anda sudah jatuh ke tingkat manusia biasa.

Kita selaku seorang pelatih Gong yang benar, seharusnya melihat masalah pada tingkat yang amat tinggi, tidak boleh menggunakan perspektif manusia biasa untuk melihat masalah. Apabila anda berpendapat adanya penyakit, maka kemungkinan akan menyebabkan adanya penyakit. Ini kerana sebaik sahaja anda menganggapnya penyakit, Xin Xing anda pun menjadi setaraf dengan manusia biasa. Bagi yang berlatih Gong dan benar-benar Xiu Lian, terutamanya keadaan sebegini, ia tidak akan menyebabkan penyakit. Kalian tahu yang benar-benar mendapat penyakit, adalah tujuh puluh peratus psikologi dan tiga puluh peratus fizikal. Seringkali ia adalah mental manusia yang rebah dahulu, tidak berdaya dahulu, bebannya amat berat, lalu menyebabkan keadaan penyakit berubah dengan cepat, seringkali demikian. Sebagai contoh, dahulunya terdapat seorang yang diikat di atas katil, lengannya dipegang, lalu diberitahu akan mengeluarkan darahnya. Kemudiannya matanya ditutup, pergelangan tangannya digores (padahal langsung tidak mengeluarkan darahnya), paip air dibuka dan dia dibiarkan mendengar bunyi titisan air. Dia pun menganggap darahnya sedang menitis ke bawah, tidak lama kemudian orang ini pun mati. Sebenarnya darahnya langsung tidak dikeluarkan sama sekali, yang mengalir keluar itu air paip, namun psikologinya telah menyebabkan dia mati. Apabila anda asyik menganggap anda berpenyakit, berkemungkinan akan menyebabkan anda sendiri menghadapi penyakit. Ini kerana Xin Xing anda telah jatuh sehingga ke dasar manusia biasa, kalau begitu manusia biasa tentulah akan menghadapi penyakit.

Selaku pelatih Gong anda selalu menganggap ianya penyakit, sebenarnya anda sedang memintanya, anda meminta penyakit jadi penyakit itu pun boleh memeras masuk.

Sebagai seorang pelatih Gong, Xin Xing anda seharusnya tinggi. Anda jangan asyik berasa takut dan fikir itu adalah penyakit, rasa takut itu juga keterikatan hati, juga akan membawa kesulitan kepada anda. Dalam proses Xiu Lian perlu melenyapkan karma, melenyapkan karma itu menderitakan, mana ada tumbuh Gong dengan selesa? Kalau tidak macam mana menyingkirkan keterikatan hati anda? Saya ceritakan satu kisah dalam agama Buddha kepada kalian: Dahulunya ada seorang setelah berusaha dengan amat keras, dia telah berhasil berkultivasi menjadi Arhat. Orang itu akan memperoleh buah sejati, takkan dia tidak gembira setelah berhasil berkultivasi menjadi Arhat? Sudah keluar dari Triloka! Sekali dia terasa gembira, itu juga keterikatan hati, kegembiraan hati. Arhat sepatutnya adalah Wu Wei, hati tidak terusik, namun dia telah jatuh ke bawah, sia-sia kultivasinya. Kerana sia-sia kultivasinya maka perlu berkultivasi semula, berkultivasi semula ke atas, setelah berusaha dengan amat keras kultivasinya berhasil lagi. Kali ini dia berasa takut, dalam hati dia berkata: “Jangan saya gembira lagi, jika gembira akan jatuh lagi.” Sekali berasa takut dia pun jatuh ke bawah lagi. Ketakutan juga merupakan sejenis keterikatan hati.

Ada lagi sejenis keadaan iaitu sesetengah orang telah mengalami sakit jiwa, lalu dikatakan dia terjelma iblis. Ada juga orang yang masih menunggu saya mengubati penyakit mentalnya! Saya kata sakit jiwa bukannya penyakit, saya juga tidak ada masa untuk mengurus hal ini. Mengapa? Ini kerana pesakit mental tiada virus, tubuhnya tidak mengalami perubahan patologi, tiada ulser, jika menurut pandangan saya itu bukanlah penyakit. Penyakit mental adalah disebabkan Zhu Yi Shi seseorang itu terlalu lemah. Lemah sehingga tahap apa? Seumpama orang itu sentiasa tidak dapat mengendalikan dirinya sendiri, Zhu Yuan Shen pesakit mental ini adalah sebegini. Dia sudah tidak ingin mengawal tubuh ini lagi, dia sendiri selalu separa sedar, asyik tidak dapat membangkitkan semangatnya. Pada masa itu Fu Yi Shi dan informasi luar akan mengganggunya. Tiap-tiap ruang dimensi dengan tingkatnya yang begitu banyak, berbagai informasi semuanya akan mengganggunya. Apatah lagi Zhu Yuan Shen seseorang mungkin pernah melakukan perkara yang tidak baik dalam kehidupan sebelumnya, masih ada pemiutang yang mungkin ingin menganiayanya, berbagai perkara pun boleh terjadi. Menurut kita sakit jiwa itu perkara sebegini. Macam mana boleh saya mengubati anda? Saya kata penyakit mental

yang sebenarnya dihadapi sebegini. Jadi, apa yang boleh dilakukan? Mendidiknya, agar dia membangkitkan semangatnya, namun ini amat sukar dilakukan. Anda lihat doktor di rumah sakit jiwa itu, sekali tangannya memegang baton elektrik, pesakitnya dengan serta-merta terkejut sehingga tidak berani berkata sepatah kata pun. Apa sebabnya? Ketika itu Zhu Yuan Shen-nya sudah bersemangat, dia takut kejutan elektrik.

Seringkali seseorang yang telah melangkah masuk ke dalam Xiu Lian akan suka berlatih secara berterusan, setiap orang memiliki sifat kebuddhaan dan hati untuk berkultivasi Tao, jadi sebaik sahaja berlatih Gong, ramai orang akan berlatih seumur hidup. Tidak kira sama ada dia boleh berkultivasi ke atas ataupun tidak, sama ada memperoleh Fa ataupun tidak, pokoknya dia mempunyai hati untuk mengejar Tao, dia sentiasa ingin berlatih. Orang lain semuanya tahu orang ini berlatih Gong, orang di pejabatnya tahu, anggota masyarakat pun tahu, jirannya pun tahu dia berlatih Gong. Akan tetapi cuba kalian fikirkan, yang benar-benar Xiu Lian, siapa pernah melakukan hal sedemikian beberapa tahun yang lalu? Tidak ada orang yang melakukannya, benar-benar Xiu Lian baru boleh mengubah perjalanan hidupnya. Namun dia seorang manusia biasa, hanya berlatih Gong untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan, siapa yang akan mengubah perjalanan hidupnya? Bagi manusia biasa, sampai suatu hari akan menghadapi penyakit, sampai suatu hari akan mengalami kesusahan, sampai suatu hari mungkin mendapat sakit jiwa, ataupun meninggal dunia, hayat manusia sememangnya begini. Anda lihat dia berlatih Gong di taman, sebenarnya dia bukan benar-benar Xiu Lian, dia ingin berkultivasi menuju ke tingkat tinggi tetapi dia tidak memperoleh Fa ortodoks, dia juga tidak dapat berkultivasi ke atas. Dia hanya mempunyai hasrat untuk berkultivasi menuju ke tingkat tinggi, namun dia masih seorang pelatih Gong yang menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh pada tingkat rendah. Tidak ada orang yang membantu dia mengubah perjalanan hidupnya, maka dia akan menghadapi penyakit. Jika tidak mengutamakan De, penyakit itu tidak akan sembuh, bukannya setelah berlatih Gong lalu tidak akan menghadapi apa-apa penyakit.

Dia perlu benar-benar Xiu Lian, mengutamakan Xin Xing, benar-benar Xiu Lian baru boleh menyingkirkan penyakit. Ini kerana berlatih Gong bukannya olahraga, tetapi

ialah perkara yang melebihi manusia biasa, maka prinsip dan kriteria yang lebih tinggi perlu dikenakan ke atas pelatih Gong, perlu mampu melakukannya baru boleh mencapai tujuan. Akan tetapi ramai orang tidak berbuat demikian, dia masih seorang manusia biasa, oleh itu sampai suatu ketika dia masih akan menghadapi penyakit. Pada suatu hari tiba-tiba dia mengalami pembekuan darah dalam dalam sistem arteri atau vena otak, tiba-tiba menghadapi penyakit ini, menghadapi penyakit itu, ataupun pada suatu hari dia menghadapi penyakit sakit mental. Semua orang pun tahu dia berlatih Gong, sebaik sahaja orang ini menghadapi penyakit sakit mental, orang ramai pun berkata dia berlatih Gong sehingga terjelma iblis, segera terbentuknya suatu stigma. Cuba kalian fikirkan adakah perbuatan ini masuk akal? Orang dari luar golongan tidak tahu, kita dari dalam golongan, ramai orang yang berlatih Gong juga sangat susah untuk memahami prinsip yang sebenarnya. Jika orang ini menghadapi penyakit sakit mental ketika berada di rumahnya masih agak mudah untuk dijelaskan, walaupun orang ramai tetap akan berkata dia menjadi demikian selepas berlatih Gong; jika dia menghadapi penyakit mental ketika berada di gelanggang berlatih Gong, maka buruklah kesannya, suatu stigma akan terbentuk, tidak dapat ditanggalkan lagi. Berlatih Gong sehingga terjelma iblis, surat khabar pun akan menerbitkannya. Sesetengah orang sememangnya menentang Qi Gong dengan matanya tertutup: “Anda lihat tadi berlatih baik-baik di sana, sekarang sudah menjadi begini.” Sebagai seorang manusia biasa, apa yang sepatutnya berlaku pada dia pasti akan berlaku, dia mungkin menghadapi penyakit yang lain lagi, berlakunya masalah yang lain, semuanya dikatakan berlaku akibat latih Gong, adakah ini masuk akal? Seperti doktor kita di hospital, setelah dia menjadi doktor, sepanjang hidupnya dia tidak patut menghadapi penyakit lagi, bolehkah kita memahaminya sedemikian?

Oleh itu, ada ramai orang tidak memahami keadaan Qi Gong yang sebenarnya, dia juga tidak tahu prinsip yang terkandung di dalamnya, tapi dia berani merepek. Sebaik sahaja timbulnya sesuatu masalah, segala label diberi ke atas Qi Gong. Qi Gong menjadi popular dalam kalangan masyarakat untuk satu tempoh yang sangat pendek, ramai orang mendukung satu pemikiran yang degil, selalu tidak mahu mengakuinya, memfitnahkannya, menolaknya, tidak tahu juga apa pemikirannya, mereka begitu benci pada Qi Gong, seolah-olahnya ada apa isu dengannya, sebaik sahaja menyebut Qi Gong pun mengatakannya

idealisme. Qi Gong itu sains, adalah sains yang lebih tinggi. Hanya kerana orang sebegitu pemikirannya terlalu degil, ilmunya terlalu sempit lalu terjadinya kejadian sebegini.

Masih ada satu keadaan. Di kalangan Xiu Lian ada sejenis situasi yang dipanggil gejala Qi Gong, orang sebegini mentalnya adalah dalam keadaan bersawai, namun dia juga bukan terjelma iblis, dia adalah amat rasional. Biar saya jelaskan terlebih dahulu apa itu gejala Qi Gong. Kalian tahu, kita yang berlatih Gong mementingkan isu dasar bawaan. Semua negara di seluruh dunia pun ada orang yang menganut agama, dan di negara China, sejak beribu-ribu tahun pun ada orang yang menganut agama Buddha dan agama Tao, percaya bahawa buat baik akan dibalas baik, buat jahat akan dibalas jahat. Namun ada sesetengah orang yang tidak percaya. Khususnya pada zaman Revolusi Kebudayaan, ianya dikritik dan dikatakan tahayul. Sesetengah orang yang berpendapat bahawa apa yang tidak dapat difahaminya, yang tidak pernah dipelajari daripada buku, yang sains moden masih belum berkembang sehingga ke tahap itu, ataupun perkara yang belum dikenali, kesemuanya dikatakan sebagai tahayul olehnya. Orang sebegini adalah ramai beberapa tahun yang lalu, sekarang kurang sedikit. Oleh kerana sesetengah fenomena yang anda tidak akui, telah secara jelas dan nyata dipaparkan dalam ruang dimensi kita ini. Anda tidak berani menghadapinya, akan tetapi sekarang orang ramai sudah berani menceritakannya, melalui apa yang didengar dan dilihat, orang ramai juga tahu serba sedikit mengenai keadaan berlatih Gong.

Sesetengah orang memang degil sampai ke tahap begini: sebaik sahaja anda menyebut Qi Gong, dari lubuk hati dia akan mengetawa anda, dia berpendapat anda ini tahayul, lawak sekali. Sebaik sahaja anda menceritakan fenomena dalam Qi Gong, dia pun merasa anda terlalu bodoh. Orang sebegini walaupun keras kepala, tetapi dasar bawaannya tidak semestinya tidak baik. Jika dasar bawaan orang ini memang baik, dia ingin berlatih Gong, Tian Mu-nya mungkin akan buka sehingga tingkat yang amat tinggi, dan masih boleh mengeluarkan kemampuan Gong. Dia tidak percaya Qi Gong, namun dia tidak boleh memastikan dirinya tidak menghadapi penyakit. Jika dia menghadapi penyakit dan mendapat rawatan di hospital, setelah perubatan barat tidak dapat menyembuhkannya, dia akan mendapatkan rawatan dari perubatan Cina, setelah perubatan Cina pun tidak dapat

menyembuhkannya, apa-apa resipi ubat dalam kalangan rakyat juga tidak dapat menyembuhkannya, kali ini dia pun teringat akan Qi Gong. Dia berfikir: “Biar saya cuba nasib saya, cuba tengok bolehkah Qi Gong menyembuhkan penyakit saya ini.” Dengan tidak rela hati dia pun datang. Sebaik sahaja dia berlatih Gong, oleh kerana dasar bawaannya amat baik, dengan seketika dia pun dapat berlatih dengan agak baik. Kemungkinannya ada seseorang Shi Fu yang memilihnya. Di ruang dimensi lain, kehidupan bertingkat tinggi itu pun membantunya sekejap. Dengan seketika Tian Mu-nya pun terbuka, ataupun berada dalam keadaan separuh terbuka kesedaran. Tian Mu-nya dibuka sehingga ke tingkat yang amat tinggi, dengan seketika ternampaknya sebahagian keadaan benar dalam alam semesta. Malah masih memperoleh kemampuan Gong. Anda kata, orang sebegini setelah melihat keadaan sebegini, adakah otaknya boleh menerimanya? Cuba anda fikirkan bagaimana keadaan mentalnya? Selama ini perkara yang dianggap tahayul dan tidak mungkin berlaku, perkara yang sebaik sahaja dibangkitkan akan diketawa oleh orang lain, dengan secara nyata dan benarnya muncul di depan matanya dan dirasai sendiri. Dengan demikian otaknya pun tidak dapat bertahan lagi, tekanan mentalnya terlalu besar, apa yang dicakap olehnya tidak dapat diterima oleh orang lain, akan tetapi logik pemikirannya tidak menjadi kalut, dia cuma tidak dapat mengimbangi hubungan keduanya dengan tepat. Dia dapati, perkara yang dilakukan oleh manusia adalah salah, sedangkan di sana pula, selalunya adalah betul. Jika buat mengikut sana, orang akan mengatakan dia salah. Orang ramai tidak memahaminya, lalu mengatakan orang ini berlatih Gong sehingga terjelma iblis.

Sebenarnya dia bukannya terjelma iblis, kebanyakan orang dalam kalangan kita yang berlatih Gong langsung tidak akan timbulnya fenomena ini, hanya mereka yang teramat degil baru akan timbulnya gejala Qi Gong sebegini. Dalam kalangan kita yang duduk di sini kebanyakannya Tian Mu sudah terbuka, ramai sekali. Mereka dengan nyata dan benarnya telah terlihat benda-benda di ruang dimensi lain, mereka tidak berasa hairan, tetapi berasa amat baik, fikirannya tidak akan mengalami sebarang kejutan, juga tidak akan timbulnya gejala Qi Gong sebegini. Ketika seseorang timbulnya gejala Qi Gong, dia adalah amat rasional, kata-katanya amat berfalsafah, malah logiknya amat baik. Hanya apa yang dikatakan olehnya, manusia biasa tidak percaya padanya. Dia sekejap memberitahu anda

bahawa dia ternampak siapa-siapa yang telah meninggal dunia, orang itu beritahunya untuk melakukan sesuatu. Adakah manusia biasa boleh percaya? Kemudian dia pun faham, semua ini sepatutnya disimpan dalam hatinya sendiri, tidak boleh dikongsikan, selepas mengimbangi hubungan kedua-duanya dengan tepat maka keadaan akan menjadi baik. Seringkali orang sedemikian juga diiringi dengan kemampuan Gong, ini juga bukan terjelma iblis.

Masih ada lagi sejenis keadaan yang dipanggil “kegilaan sejati”, keadaan sebegini pula amat jarang dilihat. Yang kami maksud dengan “kegilaan sejati” bukan benar-benar menjadi gila, bukan maksud ini, ia bermaksud kultivasi pada kesejatan. Bagaimananya “kegilaan sejati”? Saya kata bahawa di antara orang yang Xiu Lian, dalam kalangan seratus ribu orang adanya seorang sebegini, ia amat jarang dilihat. Oleh itu ia tidak bersifat umum, juga tidak menyebabkan sebarang impak terhadap masyarakat.

“Kegilaan sejati” seringkalinya mempunyai satu pra-syarat, iaitu dasar bawaan orang ini amat baik, dan juga mesti umurnya sudah amat tua. Apabila umurnya amat tua, jika hendak Xiu Lian sudah tidak sempat. Orang yang dasar bawaannya amat baik seringkali datang dengan membawa sesuatu misi, adalah berasal dari tingkat tinggi. Sesiapa yang datang ke masyarakat manusia biasa ini akan berasa takut, sebaik sahaja otaknya dicuci dia tidak akan mengenali sesiapa. Setelah sampai di persekitaran masyarakat manusia biasa ini, gangguan orang ramai menyebabkan dia mengutamakan nama dan kepentingan, akhirnya dia pun terjatuh ke bawah, tiada harapan untuk melepaskan diri buat selamanya. Oleh itu sesiapa pun tidak berani datang, siapa pun takut. Ada orang yang sebegini telah datang, setelah datang, dia berada dalam kalangan manusia biasa dan benar-benar menjadi tidak baik, benar-benar akan terjatuh ke bawah, seumur hidupnya telah melakukan perkara jahat yang agak banyak. Manusia dalam kehidupannya apabila bersaing dan berebut demi kepentingan diri akan melakukan banyak perkara yang jahat, maka akan berhutang banyak. Sebaik sahaja Shi Fu-nya melihatnya, orang ini sudah nak terjatuh ke bawah. Akan tetapi dia adalah seorang yang mempunyai status buah, tidak boleh membiarkannya terjatuh ke bawah dengan begitu sahaja! Macam mana? Juga sangat gelisah, tidak ada cara lain yang boleh membenarnya Xiu Lian, nak pergi mana cari Shi Fu

masa itu? Dia perlu kembali semula, berkultivasi kembali. Namun mana ada begitu mudah? Umurnya sudah tua, kultivasi pun sudah tidak sempat, pergi mana cari kaedah Gong yang berkultivasi ganda pada watak dan nyawa?

Hanya orang yang memiliki dasar bawaan yang sangat baik, di bawah keadaan yang teramat istimewa ini, barulah boleh menggunakan cara yang membuat dia gila. Dengan kata lain sudah betul-betul tiada harapan lagi, di bawah keadaan di mana diri sendiri sudah tidak mampu berbalik kembali, mungkin menggunakan cara sebegini, iaitu membuat dia gila, menyumbat bahagian tertentu dalam otaknya. Sebagai contohnya, kita sebagai manusia takut sejuk, takut kotor, bahagian otak yang takut sejuk ini disumbat, bahagian otak yang takut kotor ini disumbat. Setelah beberapa bahagian itu disumbat, mental orang ini pun timbul masalah, benar-benar bertingkah seperti orang gila. Namun seringkali orang sebegini tidak akan berbuat jahat, tidak marah orang dan juga tidak pukul orang, seringkali masih berbuat baik. Namun dia sangat kejam terhadap diri sendiri. Oleh kerana dia tidak tahu sejuk, maka pada musim dingin dia boleh berkaki ayam berjalan di atas salji, berpakaian nipis, sehingga kakinya beku membentuk luka yang menganga lebar dan darah keluar melimpah; oleh kerana dia tidak tahu kotor, najis pun dia berani makan, kencing pun dia berani minum. Dahulunya saya tahu ada orang sebegini, gumpalan najis kuda sudah menjadi keras membeku, dikunyahnya masih terasa enak. Dia dapat menanggung penderitaan yang tidak boleh ditanggung oleh manusia biasa semasa dalam keadaan sedar. Anda bayangkan dengan menjadi gila sebegini, betapa besar kesengsaraan yang akan dialaminya, tentulah seringkali dia memiliki kemampuan Gong, biasanya ramai orang sebegini nenek tua. Dahulunya nenek tua mempunyai kaki yang berbalut kecil, tembok setinggi dua meter lebih, dengan berlari ke arahnya dan sekali lompat pun merentasinya. Ahli keluarganya melihat dia sudah gila, asyik berlari ke luar, terus mengunci dia di dalam rumah. Setelah menunggu ahli keluarganya pergi, jari dengan sekali tunjuk, kunci itu pun terbuka dan dia pun keluar. Kalau begitu, kuncikan dengan rantai besi sahaja, setelah menunggu ahli keluarganya pergi, dengan sekali goncang, rantai besi pun terbuka. Langsung tidak dapat mengawalinya, dengan demikian, dia akan mengalami banyak penderitaan. Oleh kerana dia menanggung penderitaan yang terlalu banyak, yang ditimpa juga terlalu dahsyat, dia dapat membayar balik perkara buruk yang dihutang olehnya

dengan amat cepat. Paling lama tidak melebihi tiga tahun, biasanya satu, atau dua tahun pun berlalu, penderitaan yang dialami olehnya adalah amat besar. Setelah mengharunginya, dengan serta-merta dia pun sedar kembali, ini kerana dengan demikian dia pun dikira sudah selesai Xiu Lian, oleh itu dengan serta-merta pun terbukanya Gong, pelbagai kuasa supernormal juga akan timbul. Ini adalah amat jarang dijumpai, pernah dicatat dalam sejarah, juga bukan boleh dilakukan oleh orang yang memiliki dasar bawaan yang biasa. Kalian tahu ada sami gila, pendeta Tao yang gila, dalam sejarah memang benar-benar ada, ada dicatat dalam sejarah. Seperti cerita sami gila mengusir Qin Hui dengan penyapu, cerita pendeta Tao gila dan lain-lain, kisah kuno ini sangat banyak.

Terjelma iblis, kami kata pasti tidak wujud. Jika kata sesiapa mampu Zou Huo⁶², jika benar-benar boleh begini, saya kata orang ini memang hebat. Dengan membuka mulut boleh menyemburkan api, sekali menghulurkan tangan boleh mengeluarkan api, ketika menyalakan api rokok dengan sekali menghulurkan jari pun sudah jadi, saya kata itu adalah kemampuan Gong.

Mengundang Gangguan Iblis Ketika Berlatih Gong

Apa yang dimaksud mengundang gangguan iblis ketika berlatih Gong? Ia adalah ketika kita berlatih Gong, seringkali mudah mengalami sedikit gangguan. Bagaimana berlatih Gong boleh mengundang iblis? Ini kerana apabila seseorang ingin Xiu Lian memang amat sukar, yang benar-benar kultivasi tanpa perlindungan Fa Shen saya, anda langsung tidak akan berhasil, sebaik sahaja anda keluar dari rumah mungkin akan terlibat dalam masalah keselamatan nyawa. Yuan Shen seseorang manusia tidak akan musnah, maka dalam kegiatan masyarakat pada kehidupan anda yang terdahulu, mungkin anda pernah berhutang kepada sesiapa, pernah membuli sesiapa, ataupun pernah melakukan apa-apa perkara yang tidak baik, maka pemiutang itu akan cari anda. Dalam agama Buddha mengutarakan: hidupnya manusia adalah pembalasan karma yang bergilir. Apa yang anda hutang kepadanya, dia akan datang cari anda untuk bayar hutang, jika dia ambil terlalu

⁶² Zou Huo – Memercikkan bunga api.

banyak dia akan dikembalikan kepada anda lain kali. Anak tidak menyayangi ibu bapa, lain kali akan menjadi terbalik, beginilah bergiliran silih berganti. Akan tetapi kami memang nampak ada iblis yang mengganggu, tidak membenarkan anda berlatih Gong, semua ini mempunyai Yin Yuan Guan Xi, bukan tanpa sebab dan musabab, jika tanpa sebab musabab juga tidak membenarkan ia sebegini.

Bentuk yang paling umum seseorang mengundang iblis ketika berlatih Gong, ialah apabila anda tidak berlatih Gong, suasana di sekeliling masih agak sunyi. Oleh kerana telah belajar Gong, sering suka berlatih, namun sebaik sahaja duduk bersila di situ, tiba-tiba akan terasa suasana di luar tidak sunyi lagi. Hon kereta pun berbunyi, di koridor ada bunyi orang berjalan, suara orang berbual-bual, bunyi hempasan pintu, radio di luar juga dipasang, dengan serta-merta pun tidak sunyi lagi. Bila anda tidak berlatih Gong, suasana di sekeliling masih agak bagus, sebaik sahaja anda berlatih Gong keadaan sebegini akan terjadi. Ramai di antara kita tidak fikir secara mendalam, apa sebenarnya yang berlaku, hanya berasa aneh, sangat mendongkol tidak dapat berlatih Gong. Satu “aneh” terus menghalangnya, ini adalah iblis sedang mengganggu anda, ia mengarahkan manusia untuk mengganggu anda. Ini adalah bentuk gangguan yang paling mudah, mencapai tujuan tidak membenarkan anda berlatih. Anda berlatih Gong, anda memperoleh Tao, sedangkan anda banyak berhutang tetapi anda tidak membayar balik? Ia tidak akan menerimanya, ia tidak akan membiarkan anda berlatih. Akan tetapi ini juga merupakan refleksi dari suatu tingkat tertentu, selepas suatu tempoh masa fenomena ini tidak dibenarkan wujud lagi, dalam erti kata lain setelah menyelesaikan hutang ini, ia tidak dibenarkan datang mengganggu lagi. Ini kerana Xiu Lian Falun Dafa kita ini kultivasinya lebih cepat, penembusan tingkat juga lebih cepat.

Masih lagi ada suatu bentuk gangguan iblis. Kalian tahu kita berlatih Gong boleh buka Tian Mu, ada sesetengah orang setelah Tian Mu-nya dibuka, ketika berlatih Gong di rumah akan terlihat sesuatu yang menakutkan, dan wajah-wajah yang mengerikan. Ada yang berurai rambut kusut masai, ada yang bermati-matian ingin membunuh anda, bahkan melakukan pelbagai perlakuan, sangat menakutkan. Kadangkala ketika berlatih Gong terlihat yang meniarap di luar tingkap semuanya benda ini, amat menakutkan. Mengapa

boleh berlakunya keadaan ini? Ini semua adalah bentuk gangguan iblis. Akan tetapi, dalam aliran Falun Dafa kita ini, keadaan sebegini amat jarang dijumpai, katakanlah satu peratus, kebanyakan tidak akan menghadapi keadaan sebegini. Ini kerana ia tidak membawa apa-apa kebaikan kepada kita yang berlatih Gong, oleh itu ia tidak dibenarkan menggunakan bentuk sebegini untuk mengganggu anda. Dalam Xiu Lian kaedah Gong yang umum, hal ini adalah satu fenomena yang paling umum, bahkan akan berterusan untuk suatu jangka masa yang amat panjang. Disebabkan hal ini, sesetengah orang tidak dapat berlatih Gong kerana ketakutan. Ketika berlatih Gong pada waktu malam biasanya memilih persekitaran yang amat sunyi, sekali terlihat di depannya terdiri seseorang, sukar dibezakan sama ada dia manusia atau hantu, lalu membuatnya rasa takut sehingga tidak berani berlatih lagi. Dalam kalangan Falun Dafa kita secara umumnya tiada fenomena ini, namun yang sangat terkecuali juga ada, sesetengah orang keadaannya adalah amat luar biasa.

Ada lagi sejenis yang berlatih kaedah Gong kultivasi gabungan dalaman dan luaran, selain berlatih wushu, dia juga berkultivasi dalaman, kaedah Gong sebegini adalah lebih banyak dijumpai dalam aliran Tao. Seseorang setelah belajarnya kaedah Gong ini, seringkali akan menghadapi jenis iblis sebegini. Kaedah Gong yang umum tidak akan hadapi, hanya kaedah Gong kultivasi gabungan dalaman dan luaran, kaedah Gong yang berlatih wushu baru ada, iaitu ada orang yang akan mencarinya untuk bertanding. Ini kerana di dalam dunia ini terdapat ramai orang yang berkultivasi Tao, ada ramai yang berlatih wushu, kultivasi gabungan dalaman dan luaran. Orang yang berlatih wushu, dia juga boleh tumbuh Gong. Mengapa? Setelah dia menyingkirkan keterikatan hati, nama, kepentingan diri dan sebagainya, dia juga boleh tumbuh Gong. Namun nafsu bersaing dan berebutnya sekian lama tidak dapat disingkirkan, disingkir dengan agak lambat, oleh itu dia mudah melakukan hal sebegini, dalam tingkat yang tertentu masih akan timbul. Ketika duduk bermeditasi, dalam keadaan separuh sedar diri, dia tahu siapa-siapa sedang berlatih Gong, Yuan Shen-nya pun meninggalkan tubuh untuk mencari orang itu untuk bertanding, lihat kemahiran siapa lebih tinggi, maka terjadilah persaingan ini. Di ruang dimensi yang lain juga berlakunya keadaan sebegini, ada juga yang datang carinya untuk bersaing, berlawan, jika tidak berlawan, benar-benar hendak membunuhnya, lalu pun saling berlawan, berlawan antara satu sama lain. Sebaik sahaja dia tidur ada saja orang datang

mencarinya untuk bersaing, sehingga semalaman pun tidak dapat berehat. Sebenarnya masa ini adalah untuk menyingkirkan hatinya untuk bersaing dan berebut, sekiranya hatinya untuk bersaing dan berebut ini tidak disingkirkan, dia selalu begini, lama-kelamaan, setelah tangguh beberapa tahun juga tidak dapat keluar dari tingkat ini. Akibatnya orang ini sudah tidak dapat berlatih Gong lagi, tubuh fizikalnya pun tidak dapat bertahan lagi, tenaganya juga banyak kehabisan, silap-silap akan menjadi cacat. Oleh itu dalam kaedah Gong kultivasi gabungan dalaman dan luaran akan menghadapi keadaan sebegini, malah adalah sangat biasa. Dalam kaedah Gong kita yang berkultivasi dalaman, keadaan sebegini tidak ada, tidak membenarkannya timbul. Yang saya katakan tadi adalah beberapa jenis bentuk yang lebih umum wujud.

Ada lagi satu bentuk gangguan iblis, juga akan dihadapi oleh setiap orang, kita dari aliran Fa ini juga setiap orang boleh menghadapinya, iaitu menghadapi sejenis iblis ghairah. Benda ini sangat serius. Dalam masyarakat manusia biasa ada kehidupan suami isteri seperti ini, masyarakat manusia biasa baru dapat menyambung zuriat. Umat manusia sememangnya berkembang sebegini, dalam masyarakat manusia sememangnya wujud suatu Qing, oleh itu hal sebegini adalah lazim dan normal bagi manusia biasa. Ini kerana manusia memiliki Qing, marah adalah Qing, gembira adalah Qing, cinta adalah Qing, benci juga adalah Qing, suka melakukan sesuatu adalah Qing, tidak suka melakukan sesuatu juga masih merupakan Qing, lihat siapa baik siapa tidak baik, minat buat apa dan tidak minat buat apa, segalanya adalah Qing, manusia biasa adalah hidup demi Qing. Jadi, sebagai seorang pelatih Gong, seorang manusia yang luar biasa, maka tidak boleh menggunakan prinsip ini untuk mengukur, haruslah mengatasi benda ini. Oleh itu, ada banyak keterikatan hati yang berpunca dari Qing ini, kita haruslah pandang hambar padanya, dan akhirnya melepaskan seluruhnya. Nafsu dan ghairah semuanya merupakan keterikatan hati manusia, benda ini semuanya harus disingkirkan.

Bagi aliran Fa kita ini, bahagian Xiu Lian yang dilakukan dalam kalangan manusia biasa ini bukannya meminta anda menjadi sami, biarawati, anak muda kita masih perlu berumah tangga. Kalau begitu bagaimana kita menghadapi masalah ini? Seperti yang saya katakan, aliran Fa kita ini adalah menuju terus pada hati manusia, bukannya benar-benar

menyebabkan anda kehilangan apa-apa pada kepentingan material. Tetapi sebaliknya, menempa Xin Xing anda menerusi kepentingan material manusia biasa sebegini, yang benar-benar dipertingkatkan adalah Xin Xing anda. Jika keterikatan hati anda ini boleh dilepaskan, maka anda dapat melepaskan apa pun, jika minta anda melepaskan kepentingan material, sudah tentu anda akan dapat melepaskannya. Jika hati anda tidak dapat dilepaskan, apa-apa pun anda tidak akan dapat lepaskan, oleh itu, tujuan Xiu Lian yang sebenarnya ialah kultivasi pada hati itu. Xiu Lian dalam biara memaksa anda kehilangan benda-benda ini, juga adalah supaya anda dapat menyingkirkan hati ini, ia memaksa anda, supaya anda menghentikannya sama sekali, supaya anda tidak memikirkannya, ia adalah cara sebegini. Namun kita tidak minta menggunakan cara sebegini, kita minta anda ketika berdepan dengan kepentingan material, bagaimana anda memandang hambar terhadapnya, oleh itu hasil dari kultivasi aliran kita ini adalah paling mantap. Bukannya meminta anda jadi sami atau biarawati. Kita yang Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, kelak kaedah Gong kita akan tersebar semakin luas, seandainya setiap pelatih menjadi sami yang bukan sami sebenar, setiap orang yang berlatih Falun Dafa pun menjadi begini, ini tidak dibenarkan. Kita dalam proses berlatih Gong meminta kalian: “Anda berlatih Gong, suami atau isteri anda mungkin tidak berlatih Gong, jika berlatih Gong sehingga menyebabkan suami isteri bercerai juga tidak dibenarkan. Dalam kata lain ialah kita memandang hambar terhadap hal ini, anda tidak boleh memandang begitu berat padanya seperti manusia biasa. Terutamanya masyarakat sekarang apa yang disebut kebebasan seks, perkara budaya kuning ini sedang mengganggu manusia. Sesetengah orang memandang berat padanya, kita selaku pelatih Gong, harus memandang hambar padanya.

Dari perspektif tingkat tinggi, manusia biasa dalam masyarakat dikatakan memang bergelumang dengan lumpur, tidak kisah kotor, bermain dengan lumpur di atas tanah. Kami kata, anda tidak boleh menyebabkan suasana keluarga menjadi tidak harmoni kerana hal ini, oleh itu pada tahap anda sekarang ini, anda memandang hambar padanya, mengekalkan satu kehidupan suami isteri yang normal dan harmoni dikira sudah boleh, kelak sampai tingkat yang tertentu akan ada kondisi pada tingkat tersebut, sekarang adalah sedemikian, kami minta anda berbuat sedemikian sudah mencukupi. Sudah tentu tidak boleh seperti keadaan dalam masyarakat sekarang itu, itu keterlaluan!

Dalam ini masih ada satu isu, kalian tahu, tubuh kita yang berlatih Gong ini memiliki energi. Sekarang lapan puluh hingga sembilan puluh peratus dalam kalangan kita setelah beredar dari kelas ini, bukan sahaja penyakit sudah sembuh, malah akan timbul Gong, oleh itu tubuh anda telah membawa energi yang sangat kuat. Gong yang anda bawa adalah tidak sekadar dengan Xin Xing anda sekarang ini. Sekarang Gong anda adalah tinggi buat sementara, telah tingkatkan untuk anda dalam sekelip mata, sekarang sedang tingkatkan Xin Xing anda. Dengan perlahan-lahan anda akan dapat ikuti, jamin dalam tempoh masa ini anda akan dapat ikut, oleh itu kami telah melakukan perkara ini terlebih dahulu, dalam kata lain anda memiliki energi tertentu. Oleh kerana energi yang dikultivasi keluar daripada Fa ortodoks adalah murni dan belas kasih, oleh itu kalian duduk di sini akan terasa satu medan yang damai dan belas kasih. Saya berlatih Gong dengan cara Xiu Lian begini, saya membawa benda ini. Kalian duduk di sini juga berasa sangat harmoni, dalam fikiran orang tiada niat jahat, bahkan merokok pun tidak terlintas di fikiran. Kelak anda juga berbuat mengikut permintaan Dafa kita, Gong hasil Xiu Lian anda di kemudian hari juga adalah sebegini. Seiring dengan daya Gong anda yang meningkat secara berterusan, pancaran energi dari Gong yang dibawa oleh tubuh anda juga akan menjadi amat kuat. Biarpun tidak begitu kuat, manusia biasa yang berada di dalam lingkungan medan anda ini, ataupun anda berada di dalam rumah, anda juga dapat menyekat orang lain. Ahli keluarga dalam rumah anda mungkin juga disekat oleh anda. Mengapa? Anda juga tidak perlu menggerakkan fikiran, ini kerana medan ini adalah murni dan damai, serta belas kasih, adalah suatu medan fikiran yang tulus, oleh itu orang tidak mudah berfikir jahat, tidak mudah melakukan perkara yang tidak baik, akan dapat menimbulkan pengaruh sebegini.

Hari itu saya kata: Cahaya Buddha menerangi seluruh penjuru, menegakkan kebenaran memberi penerangan, ia bermakna energi yang terpancar keluar dari tubuh kita dapat memperbetulkan segala keadaan yang tidak tepat. Oleh itu di bawah fungsi medan ini, apabila anda tidak memikirkan hal ini, dengan tidak terasa juga telah menyekat suami isteri anda. Anda tidak berfikirnya, anda juga tidak akan timbul niat ini, dia juga tidak akan teringat. Akan tetapi ini bukanlah mutlak, persekitaran sekarang ini, sebaik sahaja anda

buka televisyen, apa sahaja pun ada, mudah membangkitkan nafsu seseorang. Akan tetapi di bawah keadaan biasa, anda akan dapat menimbulkan pengaruh penyekatan sebegini. Kelak apabila anda Xiu Lian di tingkat yang tinggi, tidak perlu saya beritahu anda, anda pun sudah tahu bagaimana untuk mengendalinya, keadaan yang berlainan akan muncul ketika itu, kekalkan kehidupan yang harmoni. Oleh itu, hal ini anda juga tidak harus memandang terlalu berat padanya, jika anda terlalu risau juga merupakan keterikatan hati. Di antara suami isteri tiada isu ghairah, tetapi ada nafsu keinginan, anda memandang hambar padanya, psikologi diri seimbang sudah pun mencukupi.

Kalau begitu godaan iblis ghairah yang macam mana akan hadapi? Jika iman anda tidak cukup kuat, anda akan menghadapinya dalam mimpi, ketika anda sedang tidur atau sedang bermeditasi, dengan tiba-tiba ia akan muncul: jika anda seorang lelaki akan muncul gadis cantik; jika anda seorang perempuan akan muncul seorang lelaki jenis idaman anda, namun tanpa sebarang pakaian pun pada badannya. Sebaik sahaja timbulnya niat anda, mungkin pun terlepas, lalu menjadi kenyataan. Cuba kalian fikirkan, kita berlatih Gong, energi inti pati jiwa adalah digunakan untuk berkultivasi nyawa, anda tidak boleh selalu terlepas sebegini. Pada masa yang sama, rintangan nafsu ghairah anda tidak harungi, mana boleh begitu? Oleh itu masalah ini saya beritahu kalian, tiap-tiap orang akan hadapi, jamin akan hadapi. Apabila saya mengajar Fa, saya membawa energi yang amat kuat untuk disalurkan ke dalam otak anda. Mungkin setelah anda keluar dari sini anda tidak akan teringat secara spesifik apa yang saya katakan, namun apabila anda benar-benar menghadapi masalah, anda akan teringat apa yang saya pernah katakan. Asalkan anda menganggap diri sebagai pelatih Gong, pada masa sekelip mata itu anda akan teringat, anda dapat mengawal diri, dengan demikian rintangan ini anda pun dapat harungi. Jika rintangan pertama tidak berjaya harungi, rintangan kedua akan menjadi amat susah untuk bertahan. Namun juga ada yang begini, kali pertama tidak dapat harungi, setelah bangun terjaga menjadi amat kesal sekali, kemungkinan keadaan psikologi anda ini, keadaan sebegini, juga dapat memperdalamkan kesan ingatan dalam fikiran anda, bila anda menghadapi masalah lagi, anda pun mampu menguasainya, juga dapat harungi. Jika ada orang tidak dapat harungi, dan juga tidak kisah, kelak pun menjadi lagi susah untuk bertahan, pastilah sedemikian.

Bentuk sebegini ada gangguan iblis, juga ada yang Shi Fu menjelmakan sesuatu untuk menguji anda, kedua-dua bentuk juga wujud, ini kerana tiap-tiap orang pun harus mengharungi rintangan ini. Kita mula Xiu Lian dari manusia biasa, langkah pertama yang dijejaki adalah rintangan seperti ini, tiap-tiap orang pun akan menghadapinya. Saya berikan satu contoh untuk kalian, ketika saya mengadakan kelas di Wuhan, ada seorang pelatih sebegini, pemuda yang berusia tiga puluh tahun, sejurus selepas saya habis memberi kuliah ini, apabila dia balik bermeditasi, dengan serta-merta dia pun mencapai kondisi Samadhi. Setelah mencapai Samadhi, tiba-tiba dia nampak di sini munculnya Buddha Amitabha, di sana munculnya Lao Zi. Ini adalah apa yang diceritakan olehnya dalam perkongsian pengalamannya. Setelah muncul, melihat dia dan tidak bercakap apa-apa, kemudiannya pun hilang. Selanjutnya muncul lagi Bodhisattva Avalokitesvara, tangannya memegang satu pasu bunga, dalam pasu bunga ini keluar segumpal asap putih. Dia duduk bermeditasi di sana, dapat melihat dengan amat nyata sekali, dia berasa agak gembira. Dengan serta-merta terjelma beberapa orang gadis cantik, gadis-gadis cantik itu adalah bidadari kayangan, alangkah cantiknya. Menari untuk dia, gerak-geri tarian itu amat indah! Dia berfikir: “Saya berlatih Gong di sini, Bodhisattva Avalokitesvara memberi saya ganjaran, menjelmakan beberapa orang gadis cantik untuk saya lihat, bidadari kayangan terbang dan menari untuk saya.” Sementara dia berfikir dengan gembira, sejurus itu gadis-gadis cantik ini pun tidak berpakaian, melakukan pelbagai gerak-geri, lalu datang merangkul leher dan memeluk pinggangnya. Xin Xing pelatih kita meningkat dengan sangat cepat, pada ketika itu pemuda ini pun menjadi waspada, fikiran pertama yang terlintas ialah: “Saya bukan manusia biasa, saya seorang pelatih Gong, kalian jangan layan saya sebegini, saya adalah seorang yang berkultivasi Dafa. Sebaik sahaja fikiran ini timbul, dengan serta-mertanya apa pun tidak ada lagi, pada asalnya memang jelmaan ilusi. Kemudiannya Buddha Amitabha dan Lao Zi muncul kembali lagi. Lao Zi menunjuk pada pemuda itu, lalu tersenyum dan berkata kepada Buddha Amitabha: “Anak muda ini boleh dididik.” Itu bererti pemuda ini agak berkemampuan, boleh dididik.

Dalam sejarah atau pada dimensi tingkat tinggi, untuk melihat sama ada seseorang mampu berkultivasi ataupun tidak, benda-benda yang menyangkut nafsu keinginan dan

ghairah seseorang adalah sangat utama, oleh itu kita benar-benar harus memandang hambar pada benda ini. Akan tetapi kita Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, bukan juga minta anda menolak sepenuhnya sama sekali, sekurang-kurangnya pada tahap sekarang, anda harus memandang hambar padanya, tidak boleh seperti dulu lagi. Sebagai seorang pelatih Gong sememangnya harus sebegini. Setiap kali timbulnya gangguan ini atau gangguan itu ketika berlatih Gong, anda sendiri harus cari sebabnya, anda ada apa perkara yang masih belum dilepaskan.

Gangguan Iblis Akibat Pemikiran Sendiri

Apa itu gangguan iblis akibat pemikiran sendiri? Tubuh manusia di setiap tingkat ruang dimensi mempunyai satu medan material, dalam medan yang khusus, segala benda dalam alam semesta akan dipancar ke ruang dimensi anda ini seperti bayangan, walaupun ianya bayangan, ia juga merupakan eksistensi material. Segala benda yang berada dalam ruang medan anda, akan dikendali oleh kesedaran otak anda, dalam erti kata lain, jika anda melihat dengan menggunakan Tian Mu, ketika melihat dengan senyap tanpa menggerakkan fikiran ianya adalah benar dan nyata, asalkan tergeraknya fikiran anda, yang dilihat semuanya adalah palsu, ini adalah yang dimaksudkan sebagai gangguan iblis akibat pemikiran sendiri, juga dikenali sebagai penjelmaan mengikut hati. Ini kerana sesetengah orang yang berlatih Gong tidak dapat mengendalikan diri sebagai seorang yang Xiu Lian, tidak dapat mengawal diri, dia mengejar kemampuan Gong, mempunyai keterikatan hati pada kemampuan kecil dan jampi-jampah, bahkan terikat pada beberapa perkara yang didengar dari ruang dimensi yang lain, mempunyai keterikatan hati untuk mengejar benda-benda sebegini, orang sejenis ini paling mudah timbul gangguan iblis akibat pemikiran sendiri, paling mudah jatuh ke bawah. Tidak kira betapa tingginya Xiu Lian, sebaik sahaja timbulnya masalah ini akan jatuh sampai ke dasar, sekali musnah sampai habis. Ini adalah satu masalah yang amat serius. Tidak seperti aspek yang lain, ujian Xin Xing kali ini tidak dapat diharungi, selepas jatuh terjungkal lalu merangkak bangun kembali, masih boleh sambung kultivasi. Akan tetapi apabila timbulnya masalah gangguan iblis akibat pemikiran sendiri pula tidak dibenarkan, seumur hidupnya ini pun sudah musnah. Terutamanya orang yang sudah terbuka Tian Mu setelah berlatih Gong pada tingkat tertentu, mudah timbulnya

masalah ini. Masih ada segelintir orang yang kesedaran dirinya selalu diganggu oleh informasi asing, informasi asing beritahu dia apa, dia pun percaya apa, juga akan timbul masalah ini. Oleh itu, di antara kita yang Tian Mu-nya telah terbuka, akan diganggu oleh informasi dari berbagai aspek.

Kita ambil satu contoh. Xiu Lian pada tingkat rendah untuk mencapai hati yang teguh adalah sangat susah. Bagaimana rupa guru mungkin anda tidak dapat melihat dengan jelas. Tiba-tiba pada suatu hari, anda ternampak datangnya satu Dewa yang amat tinggi dan besar. Dewa besar ini memuji anda sepatutnya dua kata, kemudiannya mengajar anda beberapa benda, anda pun terima, maka Gong anda pun menjadi campur aduk. Sebaik sahaja anda berasa gembira, mengakuinya sebagai Shi Fu, sudah mengikutinya belajar, akan tetapi, dia juga belum memperoleh buah sejati, di ruang dimensi itu dia boleh berubah menjadi besar dan menyusut kecil. Ini ditunjukkan di depan anda, anda melihat Dewa besar ini, hati sungguh tersentuh! Sebaik sahaja bangkitnya kegembiraan hati anda, tidakkah anda akan mengikutinya belajar? Orang yang Xiu Lian jika tidak dapat mengawal diri sendiri akan sangat susah diselamatkan, juga mudah musnahkan diri sendiri. Manusia alam langit semuanya dewa, akan tetapi ia juga belum memperoleh buah sejati, tetap akan memasuki enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*). Anda mengakui Shi Fu dengan sembarangan, jika anda mengikutinya pergi, ke mana dia akan membawa anda? Dia sendiri pun tidak memperoleh buah sejati, bukankah kultivasi anda menjadi sia-sia? Akibatnya Gong anda sendiri pun sudah menjadi campur aduk. Manusia adalah amat sukar tidak tergoyah hatinya. Saya beritahu kalian, masalah ini amat serius, kelak ramai di antara kita akan timbul masalah ini. Fa telahpun saya utarakan kepada anda, sama ada anda dapat mengawal diri ataupun tidak, ini sepenuhnya bergantung kepada anda sendiri, yang saya katakan ini adalah sejenis keadaan. Apabila ternampak Sang Sedar dari mana-mana aliran yang lain juga tidak tergoyah hati, berkultivasi hanya pada satu aliran. Buddha apa pun, Tao apa pun, Dewa apa pun, iblis apa pun, semuanya jangan harap menggoyahkan hatiku, dengan cara ini pasti ada harapan untuk berjaya.

Gangguan iblis akibat pemikiran sendiri masih ada keadaan yang lain lagi: gangguan seperti ternampaknya sanak-saudara yang sudah meninggal dunia, menangis dan

meminta anda melakukan ini atau itu, apa-apa hal pun timbul. Adakah hati anda tidak akan tergoyah? Anda memang manjakan anak anda ini, anda sayangi ibu bapa anda. Ibu bapa anda telah pun meninggal dunia, ia menyuruh anda melakukan sesuatu semuanya merupakan perkara yang tidak boleh dilakukan, jika anda lakukan akan mendatangkan celaka, pelatih Gong memangnya begini susah. Orang mengatakan agama Buddha telah menjadi kacau, benda yang berasal dari Konfusianisme telah pun masuk ke agama Buddha, apa kasih sayang dan menghormati ibu bapa, ikatan ibu bapa dan anak telah pun tercampur masuk, dalam agama Buddha tidak ada konotasi ini. Apa maksudnya? Ini kerana nyawa sebenarnya seseorang adalah Yuan Shen, ibu yang melahirkan Yuan Shen anda tersebut barulah ibu anda yang sebenarnya. Anda mengalami enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*), ibu anda yang merupakan manusia, yang bukan manusia, banyak tidak terhitung. Sepanjang kehidupan anda yang berulang-ulang, berapa ramainya anak-anak anda, juga tidak terhitung. Yang mana ibu anda, yang mana anak anda, sebaik sahaja terpejamnya kedua-dua mata, siapa pun tidak mengenali siapa lagi, hutang karma anda tetap harus dibayar. Manusia berada dalam kesesatan, maka tidak dapat melepaskan benda ini. Ada orang yang tidak dapat melepaskan anaknya, dikatakan betapa baiknya, tetapi dia telah meninggal dunia; betapa baik ibunya, juga telah meninggal dunia, dia berasa amat sedih sekali, seolah-olahnya baki hidupnya hendak mengejarnya. Anda tidak cuba fikir, bukankah ini untuk menyiksa anda? Dengan cara ini agar anda tidak dapat hidup dengan baik.

Manusia biasa mungkin tidak dapat memahami, jika anda terikat dengan benda ini, anda langsung tidak dapat Xiu Lian, oleh itu dalam agama Buddha tiada konotasi ini. Jika anda ingin Xiu lian, Qing manusia harus dilepaskan. Sudah tentu, kita Xiu Lian dalam kalangan masyarakat manusia biasa, menghormati ibu bapa serta mendisiplinkan anak-anak adalah wajib, dalam persekitaran apa pun harus berbaik-baik dengan orang lain, berbuat baik kepada orang lain, apatah lagi ahli keluarga anda. Terhadap sesiapa pun sama, terhadap ibu bapa, terhadap anak-anak pun baik, selalu mempertimbangkan orang lain dalam segala hal, maka hati ini bukan hati yang mementingkan diri sendiri lagi, adalah hati yang selalu nurani dan berbelas kasihan. Qing adalah benda dalam kalangan manusia biasa, manusia biasa adalah hidup demi Qing.

Ramai orang tidak dapat mengawal diri, dan menyebabkan kesusahan dalam Xiu Lian. Ada yang berkata, Buddha telah mengatakan sesuatu kepadanya. Sesiapa yang memberitahu anda, bahawa hari ini ada sesuatu rintangan, akan berlaku kejadian apa, bagaimana anda boleh mengelakkannya. Atau sesiapa yang memberitahu anda, hadiah pertama loteri hari ini ialah nombor berapa, menyuruh anda pergi cabut. Melainkan yang memberitahu anda bagaimana untuk mengelak ketika nyawa anda terancam, sesiapa yang menyuruh anda memperoleh faedah dalam kalangan masyarakat manusia biasa semuanya adalah iblis. Jika anda memperoleh sesuatu yang baik dalam kalangan manusia biasa, tidak berjaya mengharungi rintangan ini, anda pun tidak dapat meningkat ke atas. Anda hidup dengan selesa dalam kalangan manusia biasa, bagaimana anda berkultivasi? Bagaimana karma anda boleh ditransformasi? Mana ada persekitaran yang dapat meningkatkan Xin Xing anda dan mentransformasikan karma anda? Kalian mesti mengingatkan perkara ini. Iblis itu masih akan memuji anda, mengata betapa tingginya anda, mengata anda adalah Maha Buddha yang betapa tinggi, Maha Tao yang betapa tinggi, menganggap anda amat hebat, ini semuanya palsu. Orang yang benar-benar Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, berbagai macam keterikatan hati anda pun harus dilepaskan, ketika menghadapi masalah ini, kalian mestilah berwaspada!

Ketika kita berlatih Gong, Tian Mu terbuka. Dengan terbukanya Tian Mu ada kesulitan tersendiri dalam kultivasi, Tian Mu tidak buka juga ada kesulitan tersendiri dalam kultivasi, semuanya tidak mudah untuk Xiu Lian. Setelah Tian Mu terbuka, ketika pelbagai informasi mengganggu anda, anda benar-benar amat sukar untuk mengawal diri. Sedangkan yang berada dalam ruang dimensi yang lain, semuanya berupa aneka ragam yang mempesonakan jika dilihat, amat cantik sekali, amat baik, apa-apa pun mungkin akan menggoyahkan hati. Sebaik sahaja tergoyahnya hati anda mungkin akan mengalami gangguan, Gong anda pun akan menjadi campur aduk, seringkali adalah begini. Oleh itu orang yang timbulnya gangguan iblis akibat pemikiran sendiri, ketika tidak dapat mengawal diri, masih akan timbulnya satu keadaan sebegini. Misalnya, sebaik sahaja orang ini mempunyai fikiran yang tidak tulus, maka dia akan sangat bahaya. Pada suatu hari, Tian Mu-nya pun terbuka, bahkan dia dapat melihat dengan jelas. Dia berfikir: “Di tempat

berlatih Gong ini, hanya Tian Mu saya yang terbuka dengan baik, mungkin saya bukan orang biasa? Saya mempelajari Falun Dafa dari Guru Li, saya dapat belajar dengan begini baik, saya lebih hebat daripada orang lain, saya mungkin juga bukan orang biasa.” Fikiran ini sudah pun tidak betul. Dia berfikir: “Kemungkinannya saya juga seorang Buddha, ah! Cuba saya lihat diriku.” Sekali dia lihat dirinya memang adalah Buddha. Mengapa demikian? Ini kerana segala material yang berada di dalam lingkungan ruang medan di sekitar tubuhnya sendiri, semuanya telah berubah mengikut fikirannya, juga dikenali sebagai penjelmaan mengikut hati.

Benda yang dipancar ke sini dari alam semesta, semuanya berubah mengikut fikirannya. Ini kerana segala benda yang berada dalam lingkungan ruang medannya semua berada di bawah kawalannya, bayangan juga merupakan eksistensi material, juga demikian. Dia berfikir: “Barangkali saya adalah Buddha, mungkin pakaian yang saya pakai juga pakaian Buddha.” Maka dia pun nampak pakaian yang dipakai olehnya pakaian Buddha. “Wah, saya benar-benar adalah Buddha.” Dia berasa gembira sekali. “Mungkin saya bukan hanya Buddha kecil sahaja.” Sekali dilihat, dirinya memang adalah Maha Buddha. “Barangkali saya lebih tinggi daripada Li Hongzhi!” Sekali dilihat, “Wah, saya memang lebih tinggi daripada Li Hongzhi.” Ada juga orang yang terdengar melalui telinga, iblis itu mengganggunya dan berkata: “Anda lebih tinggi daripada Li Hongzhi, anda sekian-sekian lebih tinggi daripada Li Hongzhi.” Dia turut percaya. Anda tidak fikirkan bagaimana anda hendak berkultivasi kelak, adakah anda pernah berkultivasi, siapa yang ajar anda berkultivasi? Biar pun Buddha sejati yang turun ke bumi untuk melakukan misi juga perlu berkultivasi semula, Gong yang asal dimiliki-Nya juga tidak diberikan lagi, cuma sekarang dapat berkultivasi dengan lebih cepat. Dengan demikian, sebaik sahaja orang ini timbul masalah ini, maka dia pun amat sukar untuk menarik diri, dengan segeranya hati ini pun terbangkit. Setelah terbangkit, apa-apa dia pun berani kata: “Saya adalah Buddha, kalian tidak perlu mengikut orang lain untuk belajar, saya adalah Buddha, saya beritahu kalian bagaimana lakukan.” Dia berbuat begini.

Bukankah di kota Changchun kita juga ada orang sebegini? Seorang yang agak baik pada mula-mulanya, kemudiannya bertingkah macam-macam datanglah masalah ini. Dia

mengaku dirinya sebagai Buddha, kemudiannya dia berasa dirinya lebih tinggi daripada sesiapa pun, ini adalah kerana manusia tidak dapat mengawal dirinya sehingga bangkitnya keterikatan hati. Mengapa boleh timbulnya fenomena ini? Dalam agama Buddha mengutarakan: Apa-apa benda yang anda nampak, anda jangan pedulikannya, semuanya adalah ilusi iblis, anda hanya perlu mengawal diri memasuki Samadhi dan berkultivasi ke atas. Mengapa dia tidak membenarkan anda lihat, tidak membenarkan anda terikat pada benda ini? Dia takut akan timbulnya masalah ini. Xiu Lian dalam agama Buddha tidak mempunyai apa-apa kaedah Xiu Lian yang intensif, di dalam kitab suci juga tidak ada petunjuk bagaimana anda dapat membebaskan diri daripada benda ini. Sakyamuni tidak mengajarkan Fa ini pada ketika itu, demi menghindarkan diri dari timbulnya masalah gangguan iblis akibat pemikiran sendiri atau penjelmaan mengikut hati, dia menganggap segala apa yang dilihat dalam proses Xiu Lian sebagai ilusi iblis. Oleh itu, sebaik sahaja mempunyai keterikatan hati, maka akan timbulnya ilusi iblis ini, manusia amat sukar untuk membebaskan diri daripadanya. Jadi, sekiranya hal ini tidak dikendali dengan baik, orang ini mungkin akan musnah, sudah terjelma iblis. Ini kerana dia mengatakan dirinya sebagai Buddha, dia sudah pun terjelma iblis, akhirnya mungkin juga akan mengundang Fu Ti ataupun masalah lain, dia pun musnah secara tuntas. Hatinya juga berubah menjadi buruk, jatuh ke bawah secara tuntas, orang sebegini agak ramai. Di dalam kelas ini, sekarang sudah ada orang yang merasa diri sendirinya agak baik, sikap ketika bercakap pun tidak sama. Apa hal sebenarnya diri sendirinya, sekalipun dalam agama Buddha juga amat pantang terhadap perkara ini. Yang saya ceritakan tadi juga satu keadaan lagi, ini dikenali sebagai gangguan iblis akibat pemikiran sendiri, juga dikenali sebagai penjelmaan mengikut hati. Di Beijing ada pelatih sebegini, juga ada beberapa daerah sudah timbul, malah gangguannya terhadap pelatih Gong adalah amat besar.

Ada orang bertanya kepada saya: “Guru, mengapa anda tidak bertindak untuk membersihkan benda tersebut?” Cuba kalian fikirkan, jika kami bersihkan segala rintangan dalam perjalanan Xiu Lian anda, bagaimana anda hendak berkultivasi? Justeru dalam keadaan di mana terdapatnya gangguan iblis baru dapat mencerminkan sama ada anda dapat meneruskan kultivasi ataupun tidak, sama ada anda dapat benar-benar menyedari Tao ataupun tidak, sama ada anda boleh mengalami gangguan ataupun tidak, sama ada

boleh tegas pada aliran Fa ini ataupun tidak. Bagai ombak mendulang emas dari pasir, Xiu Lian memanglah perkara sebegini, yang tertinggal barulah emas yang tulen. Jika anda tidak mengalami bentuk gangguan sebegini, saya kata terlalu mudah bagi manusia untuk berkultivasi, saya melihat anda berkultivasi dengan terlalu mudah. Sang Maha Sedar pada tingkat tinggi melihat ini akan terasa makin tidak adil lagi: “Apa yang anda lakukan ini? Adakah anda ini menyelamatkan manusia? Di sepanjang jalan ini tiada apa-apa rintangan pun, sekali berkultivasi terus sampai ke akhir, adakah ini disebut kultivasi? Makin berlatih makin selesa, apa-apa gangguan pun tiada, bolehkah begitu?” Oleh kerana masalah ini, saya juga sedang mempertimbangkan masalah ini. Pada peringkat awalnya, saya telah menguruskan banyak iblis sebegini. Namun jika selalu begini, saya rasa juga tidak betul. Orang lain juga berkata kepada saya: “Anda telah membuat kultivasi mereka terlalu mudah.” Kesusahan pada diri manusia itu sedikit sahaja, hal-hal di antara manusia dengan manusia pun sedikit sahaja, masih ada banyak keterikatan hati yang belum dapat disingkirkan! Dalam kekalutan dan kebingungan, sama ada dapat memahami Dafa anda ataupun tidak masih merupakan suatu masalah lagi! Terdapat masalah sebegini, oleh itu akan ada gangguan, ada ujian. Tadi telah katakan ini adalah satu bentuk gangguan iblis. Untuk benar-benar menyelamatkan seorang manusia adalah amat sukar, namun untuk memusnahkan seseorang adalah sangat mudah sekali. Sebaik sahaja hati anda sendiri tidak tulus, segera akan musnah.

Kesedaran Utama Harus Kuat

Oleh kerana perkara tidak baik yang dilakukan oleh manusia dalam kehidupan yang berulang-ulang, ini telah mengakibatkan bencana kepada manusia, telah mengakibatkan rintangan karma kepada pelatih Xiu Lian, maka wujudnya lahir, tua, sakit dan mati. Ini adalah bentuk karma yang biasa. Masih lagi ada suatu karma yang kuat, yang mempunyai pengaruh sangat besar terhadap pelatih Xiu Lian, dikenali sebagai karma fikiran. Manusia yang hidup memang perlu berfikir. Oleh kerana manusia tersesat dalam kalangan manusia biasa, maka dalam fikirannya selalu tertimbul suatu niat fikiran yang terpancar demi nama, kepentingan, ghairah, marah dan sebagainya, lama-kelamaan, akan terbentuknya suatu karma fikiran yang amat kuat. Oleh kerana segala sesuatu yang berada dalam ruang

dimensi yang lain semuanya adalah bernyawa, karma juga sama. Apabila manusia ingin Xiu Lian Fa ortodoks, dia pun harus menyalakan karma. Menyalakan karma bermaksud menyingkirkan karma dan mentransformasikan karma. Sudah tentu karma tidak akan berdiam diri, maka manusia akan mengalami kesusahan, mengalami rintangan. Namun demikian, karma fikiran akan mengganggu otak manusia secara langsung, dengan demikian dalam fikiran akan mencaci Guru dan mencaci Dafa, dan timbul fikiran yang jahat dan kata-kata umpatan. Dengan itu, sesetengah pelatih Xiu Lian pun tidak mengerti apa yang berlaku, masih lagi ingat sendiri yang berfikir sedemikian. Ada juga orang yang menyangka bahawa ini adalah Fu Ti, namun ini bukanlah Fu Ti, tetapi ia berpunca daripada karma fikiran yang terpancar pada otak manusia. Ada sesetengah orang kesedaran utamanya tidak kuat, sehingga melakukan perkara buruk mengikut karma fikiran, maka habislah orang ini, terjatuh ke bawah. Akan tetapi kebanyakan orang mampu menggunakan fikiran subjektif yang amat kuat (kesedaran utama yang kuat) untuk menyingkirkannya dan melawannya. Dengan ini, bermakna orang ini dapat diselamatkan, dapat membezakan baik dan buruk, juga bererti kualiti kesedarannya bagus, Fa Shen saya pun akan membantu menyalakan sebahagian besar karma fikiran sebegini. Keadaan sebegini agak banyak ditemui. Sekali ia timbul, justeru tergantunglah pada diri sendiri sama ada anda boleh menaklukkan fikiran jahat itu. Mereka yang tegas tabah, karma dapat dilenyapkan.

Hati Harus Tulus

Apa ertinya hati tidak tulus? Iaitu seseorang selalu tidak menganggap diri sebagai pelatih Gong. Pelatih Gong dalam proses Xiu Lian akan menghadapi kesusahan, apabila kesusahan ini melanda, mungkin akan tercermin dalam konflik di antara manusia dengan manusia, akan timbulnya persaingan dan persengketaan dan lain-lain perkara sebegini, secara langsungnya mempengaruhi Xin Xing anda, aspek ini lebih banyak. Selain itu apa yang akan dihadapi? Tubuh kita dengan tiba-tiba akan berasa tidak selesa, kerana membayar balik karma, ia akan wujud dalam pelbagai aspek. Sampai suatu masa tertentu masih akan membuat anda meragu sama ada semua ini benar ataupun tidak, palsu ataupun tidak, agar anda keliru sama ada Gong ini wujud ataupun tidak, adakah boleh berkultivasi, sama ada benar-benar boleh berkultivasi ke atas, adakah Buddha itu benar ada, benar atau

palsu. Kelak masih akan timbul untuk anda, buat anda mengalami ilusi ini, menyebabkan anda merasa seolah-olahnya tidak wujud, semuanya adalah palsu, untuk melihat sama ada anda dapat tetap teguh. Anda kata anda harus teguh tidak bergoyah, dengan tekad seperti ini, sampai masa itu anda benar-benar dapat teguh tidak bergoyah, anda pasti dapat berbuat dengan baik, ini kerana Xin Xing anda sudah dipertingkatkan ke atas. Sedangkan sekarang anda begitu tidak mantap, sekiranya penderitaan ini diberikan kepada anda sekarang, anda langsung tidak akan faham sama sekali, langsung tidak dapat berkultivasi lagi. Pelbagai aspek pun mungkin timbulnya penderitaan.

Dalam proses Xiu Lian, manusia memang harus Xiu Lian meningkat ke atas sebegini. Oleh itu, sesetengah orang dalam kalangan kita sebaik sahaja tubuhnya berasa tidak selesa, dia pun berpendapat dirinya berpenyakit. Dia selalu tidak dapat memperlakukan dirinya sebagai pelatih Gong, ketika menghadapi masalah ini, dia juga menganggap dirinya telah sakit, mengapa timbulnya begitu banyak masalah? Saya beritahu anda, sudah mengikiskan banyak untuk anda, kesusahan yang anda alami itu sudah jauh lebih kecil. Jika tidak mengikiskan untuk anda, sekali anda menghadapi masalah ini mungkin sudah meragut nyawa anda, juga mungkin terbaring di sana dan tidak dapat bangun semula lagi. Oleh itu ketika anda mengalami sedikit kesusahan, anda pun berasa susah hati, mana ada hal yang begitu menyenangkan? Sebagai contoh, ketika saya mengendalikan kuliah di kota Changchun, terdapat seorang yang memiliki dasar bawaan yang amat baik, memang seorang yang berkemampuan, saya juga perhati padanya. Maka kesusahannya pun diperbesarkan sedikit, agar dia berbayar balik dengan lebih cepat, supaya dia terbuka Gong, saya sedia untuk berbuat demikian. Namun pada suatu hari, tiba-tiba dia seolah-olah menghadapi gejala pembekuan darah dalam sistem arteri atau vena otak, jatuh tersungkur di situ, berasa tidak dapat bergerak lagi, kaki dan tangannya seperti sudah tidak dapat berfungsi, lalu dihantar ke hospital untuk dirawat segera. Kemudiannya dia sudah dapat berjalan kembali. Kalian cuba fikirkan, orang yang mengalami pembekuan darah dalam sistem arteri atau vena otak mana mungkin dapat berjalan kembali dengan begitu cepat, lengan dan kakinya pun sudah dapat bergerak? Sebaliknya dia pula kata ini kerana belajar Falun Dafa dan menyebabkan dia timbul penyimpangan itu. Dia tidak cuba fikirkan, pembekuan darah dalam sistem arteri atau vena otak dengan begitu cepat pun

sudah sembuh? Hari ini jika dia tidak belajar Falun Dafa, dengan sekali jatuh tersungkur mungkin sudah meninggal dunia di situ, mungkin menjadi lumpuh selama-lamanya, dan benar-benar menghadapi pembekuan darah dalam sistem arteri atau vena otak.

Itulah yang dikatakan manusia begitu susah untuk diselamatkan, sudah melakukan begitu banyak untuknya, dia masih lagi tidak sedar malah berkata sedemikian. Ada pelatih lama yang mengatakan: “Guru, mengapa saya berasa mana-mana pun tidak selesa, selalu pergi ke hospital untuk disuntik juga tidak efektif, makan ubat pun tidak efektif.” Dia masih tidak segan memberitahu saya! Tentulah itu tidak efektif. Itu bukan penyakit, bolehkah ia efektif? Anda pergilah buat pemeriksaan, tidak ada penyakit, anda memang berasa tidak selesa semata-matanya. Ada seorang pelatih kita yang pergi ke hospital telah buat beberapa batang jarum suntikan hospital menjadi bengkok, akhirnya dos ubat itu pun habis terpancut keluar, juga tidak dapat disuntik masuk. Dia lalu faham: “Aduh! Saya adalah seorang pelatih Gong, saya tidak mahu disuntik lagi.” Dia baru teringat tidak mahu disuntik lagi. Oleh itu ketika kita menghadapi kesusahan, mestilah memberi perhatian kepada masalah ini. Ada orang menganggap saya tidak benarkannya untuk dirawat di hospital, dia pun berfikir: “Anda tidak benarkan saya mendapat rawatan di hospital, saya pergi cari guru Qi Gong untuk mendapat rawatan.” Dia tetap menganggap itu sebagai penyakit, dia cari guru Qi Gong untuk mendapat rawatan. Mana dapat mencari guru Qi Gong yang tulen? Seandainya palsu, ketika itu sudah memusnahkan anda.

Kami katakan: “Dari mana anda dapat membezakan master Qi Gong ini tulen ataupun palsu?” Ramai master Qi Gong yang memberi gelaran kepada sendiri. Saya telah menjalani ujian, di dalam tangan saya ada data-data mengenai ujian yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Sains terhadap saya. Terdapat ramai master Qi Gong adalah palsu, memberi gelaran diri sendiri, ramai yang menarik perhatian orang ramai untuk menipu. Master Qi Gong yang palsu ini juga dapat merawat penyakit. Mengapa boleh merawat penyakit? Dia mempunyai Fu Ti, tanpa Fu Ti dia masih tidak dapat menipu orang! Fu Ti itu juga dapat memancarkan Gong, juga boleh mengubati penyakit, ia juga merupakan sejenis eksistensi energi, sangat mudah untuk menyekat manusia biasa. Namun saya telah katakan, Fu Ti itu ingin mengubati penyakit, apa yang dipancar ke tubuh anda? Di bawah

kondisi ekstrem mikroskopis semuanya adalah imej Fu Ti itu, memancar ke tubuh anda, cuba anda katakan bagaimana anda? Mudah untuk mengundang Dewa tetapi sukar untuk menghantarnya pergi. Manusia biasa kami tidak hendak menceritakan, dia memang ingin menjadi manusia biasa, dia hanya ingin selesa buat sementara. Akan tetapi, anda seorang pelatih Gong, bukankah anda ingin memurnikan tubuh anda secara berterusan? Benda ini jika dikenakan pada tubuh anda, sampai bila baru anda boleh menyingkirkannya? Lebih-lebih lagi ia juga mempunyai energi yang tertentu. Ada orang yang memikirkan, “Bagaimana Falun boleh membiarkannya masuk? Bukankah Guru memiliki Fa Shen yang melindungi kami?” Di dalam alam semesta kita ini terdapat satu prinsip: “Yang anda sendiri minta tiada sesiapa yang akan menghiraukan, anda sendiri yang menginginkan, tiada sesiapa yang akan menghiraukan.” Fa Shen saya akan menghalang anda, akan menyedarkan anda, sekali lihat anda selalu sebegini, pun membiarkan anda sahaja, mana ada yang memaksa seseorang Xiu Lian? Tidak boleh memaksa anda berkultivasi, mendesak anda berkultivasi. Perlu bergantung kepada anda sendiri untuk benar-benar meningkat ke atas, jika anda tidak ingin meningkat, orang lain tidak boleh berbuat apa-apa. Prinsip juga sudah diutarakan kepada anda, Fa juga sudah diutarakan kepada anda, anda sendiri masih tidak ingin meningkat, kalau begitu siapa yang boleh anda salahkan? Sesuatu yang anda sendiri inginkan, Falun juga tidak akan peduli, Fa Shen saya juga tidak akan peduli, pastilah sedemikian. Masih ada orang yang pergi ke arena guru Qi Gong yang lain untuk mendengar kuliah, selepas balik ke rumah berasa sangat tidak selesa, tentulah sedemikian. Jadi mengapa Fa Shen itu tidak melindungi anda? Apa tujuannya anda pergi ke sana, anda pergi mendengar, bukankah anda pergi meminta? Jika anda tidak mencurahkan masuk ke dalam telinga, bolehkah ia masuk? Ada pelatih yang telah menyebabkan Falun pada dirinya berubah bentuk. Saya beritahu anda, Falun itu adalah lebih bernilai daripada nyawa anda, ia sejenis hidupan tingkat tinggi, tidak boleh memusnahkannya dengan sesuka hati. Sekarang ada banyak master Qi Gong yang palsu, ada yang sangat terkenal. Saya berkata kepada pemimpin Persatuan Penyelidikan Sains Qi Gong Negara China, bahawa pada zaman dahulu pernah muncul Da Ji yang menyebabkan huru-hara di istana, rubah itu telah menyebabkan huru-hara yang sangat besar, namun ia juga tidak seteruk Qi Gong palsu zaman sekarang itu, benar-benar menyebabkan huru-hara di seluruh negara, betapa ramai orang telah ditimpa bencana! Dari permukaan anda melihat seperti baik-baik sahaja,

tetapi betapa ramai orang yang tubuhnya membawa benda itu? Sekali sahaja dia pancarkan anda pun akan membawanya, sememangnya terlalu bermaharajalela, oleh itu dari penampilan luar manusia biasa amat sukar untuk melihatnya.

Ada orang yang mungkin berfikir: “Hari ini menyertai kuliah Qi Gong, setelah mendengar kuliah Li Hongzhi ini, rupa-rupanya Qi Gong begitu luas dan mendalam! Lain kali jika ada kuliah Qi Gong lain saya masih akan pergi dengar.” Saya kata, anda jangan sesekali pergi, jika terdengar sesuatu yang tidak baik ia akan dicurah masuk melalui telinga. Menyelamatkan seseorang adalah amat sukar, mengubah fikiran anda amat sukar, menyelaraskan tubuh anda juga adalah amat sukar. Master Qi Gong palsu adalah banyak sekali, sekalipun master Qi Gong tulen yang berasal dari ajaran ortodoks, adakah master Qi Gong itu benar-benar bersih? Seseengah haiwan adalah sangat ganas, meskipun benda-benda itu tidak dapat naik ke tubuhnya, akan tetapi dia juga tidak dapat mengusirnya pergi. Dia tidak mampu mencabar benda-benda ini secara meluas, terutamanya pelatihnya, dia memancar Gong di situ, apa-apa benda yang tercampur pun ada. Dia sendiri memang agak tulus, namun pelatihnya tidak tulus, yang membawa pelbagai Fu Ti, apa pun ada.

Jika anda ingin benar-benar Xiu Lian Falun Dafa, maka jangan anda pergi mendengarnya. Sudah tentu, jika anda tidak ingin Xiu Lian Falun Dafa, cuma ingin berlatih apa-apa juga, maka anda pergilah. Saya juga tidak mempedulikan anda, anda juga bukan pelatih Falun Dafa, jika timbulnya masalah, jangan anda kata itu akibat berlatihnya Falun Dafa. Anda berbuat mengikut kriteria Xin Xing, Xiu Lian mengikut Dafa, dengan demikian barulah seorang pelatih Falun Dafa yang sebenar. Ada yang bertanya: “Bolehkah berhubung dengan orang yang berlatih Qi Gong yang lain?” Saya beritahu anda, dia yang berlatih Qi Gong, anda yang Xiu Lian Dafa, setelah beredar dari kelas ini, entah betapa jauh jarak tingkat yang terentang, berapa banyak generasi manusia Xiu Lian baru terbentuknya Falun ini, ia memiliki keampuhan yang amat besar. Sudah tentu jika anda ingin berhubung, mampu mempertahankan diri agar tidak menerima apa-apa benda daripadanya, juga tidak minta, hanya sebagai kawan biasa, masalah itu tidak besar. Akan tetapi sekiranya tubuh orang itu benar-benar ada sesuatu, maka akan sangat buruk, paling baik tidak berhubung dengannya. Katakan di antara suami isteri, ada yang berlatih Gong

lain, saya fikir masalahnya juga tidak besar. Namun ada satu hal, oleh kerana anda berlatih Fa ortodoks, satu orang berlatih Gong, akan membawa manfaat kepada orang lain. Dia yang berlatih praktik jahat dan menyimpang, mungkin tubuhnya ada benda dalam praktik jahat, demi keselamatan anda, perlu juga membersihkan bagi dia. Di ruang dimensi lain, apa-apa pun perlu dibersihkan untuk anda, persekitaran di rumah anda juga perlu dibersihkan. Jika persekitaran tidak dibersihkan, pelbagai benda akan mengganggu anda, bagaimana anda berlatih Gong?

Akan tetapi terdapat suatu keadaan di mana Fa Shen saya tidak dapat bersihkan. Saya ada seorang pelatih, pada suatu hari ternampak Fa Shen saya telah datang, dia terasa amat gembira: “Fa Shen Guru telah datang, dipersilakan Guru masuk ke dalam rumah.” Fa Shen saya berkata: “Dalam rumah anda ini terlalu berserak, terlalu banyak benda di situ.” Kemudiannya, dia pun beredar. Secara lazimnya, jika makhluk di ruang dimensi lain terlalu banyak, Fa Shen saya akan membersihkannya. Akan tetapi di dalam rumahnya telah dipenuhi dengan pelbagai buku Qi Gong yang kalut. Dia kemudiannya pun sudah faham, lalu menggemaskan, ada yang dibakar, ada yang dijual, kemudiannya Fa Shen saya pun datang semula. Hal ini diberitahu oleh pelatih kepada saya.

Ada lagi pelatih yang meminta orang lain untuk membuat ramalan. Ada yang bertanya kepada saya: “Guru, saya sudah berlatih Falun Dafa, saya amat berminat terhadap Zhou Yi atau benda-benda meramal nasib ini, bolehkah saya menggunakannya lagi?” Boleh dikatakan begini, jika anda sudah membawa energi tertentu, kata-kata yang anda keluarkan akan membawa kesan. Hal yang tidak seperti itu, bila dikatakan kepada orang lain menjadi seperti itu, dengan begitu mungkin anda telah melakukan perkara buruk. Seorang manusia biasa adalah amat lemah, informasi yang dimilikinya semuanya adalah tidak stabil, sangat mungkin berlakunya perubahan. Jika anda membuka mulut mengatakan kepada dia, mungkin kesusahan itu pun timbul. Seandainya karmanya amat besar, dia seharusnya membayar balik, anda pula asyik mengatakan dia akan mempunyai hal yang baik, sehingga dia tidak dapat membayar balik karma, bolehkah itu dibenarkan? Bukankah anda telah menganiaya orang? Ada orang yang memang tidak sanggup melepaskan, sangat terikat pada benda ini, seolah-olah dirinya memiliki kemampuan, bukankah ini keterikatan

hati? Lagipun jika anda benar-benar tahu, sebagai seorang pelatih Gong harus menjaga Xin Xing, juga tidak boleh membocorkan rahsia langit kepada seorang manusia biasa dengan sesuka hati, inilah prinsipnya. Bagaimana anda menggunakan Zhou Yi untuk meramal, pokoknya sesetengah hal sudah tidak benar lagi, diramal begini dan begitu, yang benar ataupun palsu, masyarakat manusia biasa memang membenarkan kewujudan benda seperti ramal-meramal ini. Sedangkan anda adalah orang yang benar-benar memiliki Gong, saya katakan pelatih Gong yang sejati semestinya mengendali diri dengan kriteria yang tinggi. Namun ada sebahagian pelatih yang meminta orang lain untuk meramal nasibnya dan berkata: “Tolong anda ramalkan nasib saya, cuba lihat bagaimana keadaan saya, bagaimana hasil latihan Gong ini? Atau pun adakah saya bakal mengalami apa-apa kesusahan?” Dia mencari orang untuk meramalkan perkara ini. Jika kesusahan itu dapat diramalkan untuk anda, bagaimana anda dapat meningkat? Bagi orang yang berlatih Gong, seluruh kehidupannya sudah pun mengalami perubahan, baik suratan tangannya, raut mukanya, data-data kelahiran, serta benda-benda informasi yang dibawa dalam tubuhnya sudah tidak sama lagi, sudah mengalami perubahan. Apabila anda meminta dia untuk meramal, anda pun sudah percaya kepada dia, kalau tidak buat apa anda minta meramal? Yang dia ceritakan ialah perkara di permukaan, yang diceritakan ialah hal-hal anda yang sudah berlalu, namun pada hakikatnya pula telah mengalami perubahan. Kalau begitu, kalian cuba fikirkan, anda telah minta dia untuk meramal, bukankah anda sudah mendengar dan mempercayainya? Maka, bukankah itu telah menjadi bebanan pada psikologi anda? Sudah menjadi bebanan, hati anda memikirkannya, bukankah itu keterikatan hati? Kalau begitu keterikatan hati sebegini bagaimana dapat disingkirkan? Bukankah ini menambah lagi suatu kesusahan menerusi buatan manusia? Keterikatan hati yang ditimbulkan ini bukankah perlu mengalami penderitaan yang lebih banyak baru dapat disingkirkan? Setiap rintangan, setiap kesusahan semua pun wujudnya persoalan kultivasi meningkat ke atas ataupun jatuh ke bawah. Pada asalnya sudahpun sukar, masih menambah lagi kesusahan ini dengan buatan manusia, bagaimana anda hendak mengatasinya? Dengan demikian anda mungkin akan mengalami kesusahan dan masalah. Jalan hidup anda yang sudah diubah ini tidak boleh dilihat oleh orang lain. Jika dilihat oleh orang lain, semuanya dapat beritahu anda langkah mana anda akan mengalami kesusahan, bagaimana anda hendak berkultivasi? Oleh itu langsung tidak boleh dilihat sama sekali. Bagi aliran lain, sesiapa pun tidak

dibenarkan lihat, pelatih dari aliran yang sama, semuanya juga tidak boleh lihat, sesiapa pun tidak dapat meramal dengan betul. Ini kerana seumur hidup itu sudah pun berubah, adalah perjalanan hidup untuk Xiu Lian.

Ada orang bertanya kepada saya, “Buku-buku dari agama lain, termasuk buku Qi Gong boleh dibaca?” Kami berkata, buku-buku dalam agama, terutamanya buku-buku agama Buddha, semuanya mengajar orang bagaimana hendak Xiu Lian Xin Xing. Kita juga aliran Buddha, sepatutnya tidak ada masalah. Tetapi ada satu perkara, dalam banyak kitab Buddha, ada sebahagian ajaran sudah pun silap dalam proses penterjemahan, lebih-lebih lagi banyak penjelasan dalam kitab Buddha, juga dijelaskan pada tingkat yang berlainan, diberikan tafsiran mengikut suka hati, ini adalah mengacaukan Dharma. Sesetengah orang yang menjelaskan kitab Buddha mengikut suka hati terlalu jauh daripada taraf Buddha, langsung tidak mengerti makna sebenarnya, oleh itu pemahamannya terhadap masalah juga tidak sama. Jika anda ingin memahaminya secara menyeluruh, juga tidak mudah sangat, anda sendiri tidak dapat memahaminya. Akan tetapi jika anda berkata, “Kami sememangnya berminat terhadap kitab-kitab.” Jika anda asyik belajar berpusatkan kitab, itu bererti anda sudah Xiu Lian pada aliran Fa tersebut, ini kerana kitab-kitab Buddha juga menggabungkan Gong dan Fa dari aliran tersebut, dengan mempelajarinya bererti sudah belajar pada aliran tersebut, ada masalah sebegini. Jika anda sudah masuk secara mendalam, berkultivasi mengikut ajarannya, dengan begitu mungkin sudah mengikuti aliran tersebut, maka sudah bukan aliran Fa kita ini. Sepanjang sejarah Xiu Lian selalu mengutarakan prinsip aliran Fa tidak mendua, jika anda benar-benar berkultivasi pada aliran ini, bacalah kitab dari aliran ini sahaja.

Berkenaan buku Qi Gong pula, jika anda ingin berkultivasi maka jangan membacanya, terutamanya buku yang diterbitkan sekarang, jangan membaca. Berkenaan apa yang disebut ‘Huang Di Nei Jing’, ‘Xing Ming Gui Zhi’ ataupun ‘Dao Zang’ dan sebagainya juga sama, walaupun tidak membawa benda buruk semacam itu, akan tetapi di dalamnya juga mengandungi eksistensi informasi dari berbagai tingkat. Ia sendiri ialah kaedah Xiu Lian, sebaik sahaja membacanya juga akan ditambah masuk untuk anda dan mengganggu anda. Anda rasa ungkapan ini benar, baiklah, dengan segera ia pun mari.

Ditambah masuk ke dalam Gong anda, walaupun ianya bukan benda yang tidak baik, akan tetapi dengan tiba-tibanya sesuatu benda yang lain telah ditambah masuk untuk anda, cuba katakan bagaimana anda hendak berlatih? Bukankah juga akan timbul masalah? Komponen elektrik dalam televisyen kita, jika ditambahkan satu komponen yang lain untuk anda, cuba anda katakan apa yang akan terjadi kepada televisyen ini? Dengan segera ia akan rosak, inilah prinsipnya. Lagipun, antara buku Qi Gong sekarang, ada banyak yang palsu, membawa pelbagai informasi. Ada seorang pelatih kita, sebaik sahaja membuka buku Qi Gong, dari dalamnya terlompat keluar seekor ular besar. Tentulah, yang terperinci saya tidak rela ceritakan. Yang saya katakan tadi mengenai masalah yang terjadi akibat diri kita yang berlatih Gong tidak dapat mengendali diri dengan betul, iaitu masalah yang diundang kerana hati tidak tulus. Ada manfaatnya kami beritahu kepada kalian, supaya kalian tahu yang perlu dibuat, bagaimana membezakan mereka, agar kelak tidak akan timbul masalah. Anda jangan anggap apa yang saya katakan tadi tidak tegas, kalian mesti berwaspada, seringkali timbul masalah pada aspek ini, seringkali masalah tertimbul di sini. Xiu Lian memang luar biasa sukar, amat serius, sekejap anda tidak mengambil perhatian, mungkin akan terjatuh, dan hancur lebur dalam sesat, oleh itu hati harus tulus.

Qi Gong Wushu

Selain kaedah Gong yang berkultivasi dalaman, masih ada Qi Gong wushu. Ketika saya bincang tentang Qi Gong wushu, saya masih ingin menekankan satu isu: dalam komuniti Xiu Lian sekarang terdapat banyak teori mengenai Qi Gong.

Sekarang timbul lagi apa yang digelar sebagai Qi Gong seni, Qi Gong muzik, Qi Gong kaligrafi, Qi Gong tarian, apa pun ada, semua dikatanya Qi Gong? Saya pun berasa aneh. Saya kata ini adalah membinasakan Qi Gong, bukan sahaja membinasakan Qi Gong, malah menginjak-injakkan Qi Gong. Apakah dasar teorinya? Dengan katakan melukis, menyanyi, menari dan menulis, dengan memasuki keadaan kesedarannya samar-samar, iaitu apa yang digelar gejala Qi Gong, adakah itu dikira Qi Gong? Tidak boleh mengenali masalah sebegini. Saya kata bukannya itu menginjak Qi Gong? Qi Gong ialah sejenis ilmu pengetahuan Xiu Lian tubuh manusia yang amat meluas dan mendalam. Oh, dengan

keadaan kesedaran samar-samar sudah dikira Qi Gong? Kalau begitu, jika kita pergi ke tandas dalam keadaan kesedaran samar-samar itu dikira apa? Bukankah itu menginjak Qi Gong? Saya kata itu memanglah menginjak Qi Gong. Dalam Ekspo Kesihatan Oriental dua tahun yang lalu, ada sesuatu yang dipanggil Qi Gong kaligrafi. Apakah yang dimaksud sebagai Qi Gong kaligrafi? Saya pergi ke tempat Qi Gong kaligrafi untuk melihat, orang ini menulis dengan menggunakan berus di situ, setelah siap menulis, dia pun memancarkan Qi pada setiap tulisan dengan tangannya, yang dipancarkan semuanya adalah Qi hitam. Seluruh fikirannya dipenuhi dengan wang dan kenamaan, anda kata adakah dia memiliki Gong? Qi pun tidak akan berupa Qi yang baik. Setelah digantung di situ bahkan dijual dengan harga yang amat tinggi, tetapi semua yang membelinya orang asing. Saya kata sesiapa yang beli balik ke rumah, dialah yang akan menjadi malang. Bolehkah Qi hitam itu baik? Tengok wajah orang itu hitam-hitam belaka, dia sudah bermata duitan, memang hanya memikirkan wang, adakah dia memiliki Gong? Dalam kad nama orang ini tertulis gelaran yang banyak, apa yang disebut Qi Gong kaligrafi antarabangsa dan sebagainya. Saya kata, bolehkah permainan ini dikira Qi Gong?

Cuba kalian fikirkan, orang yang telah mengikuti kuliah saya ini, lapan puluh hingga sembilan puluh peratus dalam kalangan kita yang hadir di sini bukan sahaja telah sembuh dari sakit, bahkan anda juga akan timbul Gong, Gong yang sejati. Benda yang terbawa dalam tubuh anda sudah pun sangat luar biasa, sekiranya anda berlatih sendiri, seumur hidup anda berlatih juga tidak akan berhasil. Orang muda mulai berlatih dari sekarang, seumur hidup juga tidak akan mampu menghasilkan benda yang saya pasangkan ini, itu pun masih perlu dibimbing oleh guru berilmu yang sejati. Kami melalui entah berapa generasi baru dapat membentuk Falun dan sistem mekanisme ini, benda-benda ini telah dipasangkan untuk anda dalam sekelip mata. Oleh itu saya beritahu kalian, jangan disebabkan mudah diperolehi lalu mudah dihilangkan. Ini adalah luar biasa berharga, tidak dapat dinilai harganya. Setelah kita keluar dari kuliah ini, yang anda bawa adalah Gong yang sejati, adalah material energi tinggi. Setelah sampai di rumah, anda tulis juga beberapa perkataan, tidak kira baik atau buruk tulisan itu, ianya tetap membawa Gong! Oleh itu, setelah keluar dari kuliah kita ini, setiap orang pun sudah bergelar “master”, semua pun sudah menjadi master Qi Gong kaligrafi? Saya kata tidak boleh mengenalinya

dengan cara begini. Ini kerana orang yang benar-benar memiliki Gong, orang yang memiliki energi, anda tidak perlu memancarkannya dengan sengaja, benda yang pernah anda sentuh akan meninggalkan energi, semuanya adalah berkilau-kilauan.

Saya masih pernah membaca sebuah majalah yang menerbitkan sebuah berita sebegini, iaitu sebuah kelas Qi Gong kaligrafi akan diadakan. Saya membaca dengan sepintas lalu untuk melihat bagaimana caranya mengajar. Di dalamnya tertulis begini: Mula-mula memantau nafas anda, menarik dan menghembuskan nafas, kemudian duduk bermeditasi dan membayangkan Qi pada Dan Tian, bermeditasi lima belas minit hingga setengah jam, membayangkan Qi diangkat naik dari Dan Tian sampai ke lengan bawah, ambil berus dan mencelup dakwat, kemudiannya menyalurkan Qi ke hujung berus. Sebaik sahaja niat fikiran sampai di tempat pun mula menulis. Bukankah itu menipu orang? Oh, jadi dengan mengangkat Qi ke mana sahaja pun sudah boleh digelar Qi Gong? Kalau begitu ketika kita makan, duduk bermeditasi sebentar, kemudiannya memegang sumpit kayu dan menyalurkan Qi ke hujung sumpit kayu untuk makan, itu pun digelar Qi Gong makan, benarkah demikian? Yang dimakan semuanya energi, inilah yang kita katakan. Saya katakan ini sememangnya menginjak Qi Gong, dia memandang Qi Gong dengan begini dangkal, oleh itu, tidak boleh mengenali dengan begini.

Akan tetapi Qi Gong wushu sudah boleh dikira sebagai satu aliran Qi Gong yang tersendiri. Mengapa? Ia telah melalui proses pewarisan selama beberapa ribu tahun, ia mempunyai satu set teori Xiu Lian dan satu set kaedah Xiu Lian yang lengkap, oleh itu ia boleh dikira sebagai satu set benda yang lengkap. Walaupun demikian, Qi Gong wushu juga merupakan benda pada tingkat yang paling rendah dalam kaedah Gong kultivasi dalaman kita. Qi Gong gaya keras ialah sejenis gumpalan energi materi, yang digunakan untuk memukul semata-matanya. Berikan kalian satu contoh, ada seorang pelatih di Beijing, setelah mengikuti kuliah Falun Dafa kita, tangannya tidak boleh menekan benda. Ketika membeli kereta kanak-kanak di kedai, dia menggunakan tangan untuk menguji sama ada kereta ini kukuh ataupun tidak, dengan hanya menekan begini sahaja, “pak”, rangkanya pun pecah berselerak, dia berasa amat hairan. Setelah kembali ke rumah duduk di atas kerusi, dia tidak boleh menekannya dengan tangan, sebaik sahaja menekan dengan tangan,

“pak”, kerusi itu pun sudah hancur. Dia bertanya kepada saya apakah sebabnya. Saya tidak beritahu kepadanya, saya khawatir keterikatan hatinya akan tertimbul. Saya kata kesemua ini adalah keadaan semula jadi, biarlah ia ikuti keadaan semula jadi, jangan hiraukannya, semuanya perkara yang baik. Bila kemampuan Gong itu dapat digunakan dengan baik, batu itu hanya digenggam dengan tangan pun boleh hancur menjadi serbuk. Bukankah ini Qi Gong gaya keras? Namun dia juga tidak pernah berlatih Qi Gong gaya keras. Dalam kaedah Gong kultivasi dalaman kemampuan Gong sebegini lazimnya akan timbul, akan tetapi oleh kerana manusia tidak dapat mengawal Xin Xingnya, oleh itu seringkali setelah timbulnya kemampuan Gong juga tidak membenarkan anda menggunakannya. Terutamanya ketika Xiu Lian pada tingkat rendah, Xin Xing manusia masih belum dipertingkat lagi, kemampuan Gong yang terhasil pada tingkat rendah ini, tidak dibenarkan tunjuk sama sekali. Lama-kelamaan, seiring dengan peningkatan tingkat anda, benda ini juga tidak berguna lagi, maka tidak ditunjukkan lagi.

Secara spesifiknya, bagaimanakah Qi Gong wushu dilatih? Berlatih Qi Gong wushu menitikberatkan penyaluran Qi. Akan tetapi, pada mula-mulanya Qi ini juga tidak mudah untuk disalurkan, katakan anda ingin menyalurkan Qi pun sudah menjadi, ia masih tidak dapat disalurkan. Jadi macam mana? Dia perlu berlatih tangannya, kedua-dua rusuk tubuhnya ataupun kaki, betis, lengan atas dan bawah, kepala, semuanya perlu dilatih. Bagaimana cara berlatih? Ada orang yang menggunakan tangan untuk memukul pokok, memukul pokok dengan telapak tangan. Ada orang yang membanting tangan pada permukaan batu, “pak, pak” dibanting sebegini. Anda kata betapa sakitnya hentakan pada tulang ini, dengan mengerahkan sedikit tenaga pun sudah berdarah. Qi ini masih tidak dapat disalurkan. Apa boleh buat? Dia mulai ayunkan lengannya dengan kuat sehingga darahnya mengalir balik, lalu lengan dan tangannya pun mengembung. Sebenarnya memang sudah bengkak, kemudiannya dia memukul pada batu itu, lalu tulangnya pun sudah terlapik, tidak terhentak pada batu secara terus, jadi tidak begitu sakit lagi. Seiring dengan dia berlatih Gong, Shi Fu akan mengajar dia, lama-kelamaan dia pun mahir menyalurkan Qi. Akan tetapi hanya menyalurkan Qi masih tidak mencukupi, di saat benar-benar pukulan, dia tidak akan menunggu anda. Sudah tentu apabila seseorang sudah mampu menyalurkan Qi, dia pun sudah mampu menentang pukulan, memukulnya dengan batang tongkat yang sangat

tebal mungkin juga dia tidak terasa sakit, setelah dia menyalurkan Qi boleh menjadi gembung. Akan tetapi Qi adalah benda yang paling primitif pada tahap permulaan, seiring dengan latihannya yang berterusan, Qi ini akan ditransformasi kepada bentuk material energi tinggi. Apabila ia ditransformasi menjadi material energi tinggi, secara beransur-ansurnya ia akan membentuk sejenis gumpalan energi yang amat besar ketumpatannya. Malah gumpalan energi ini pula memiliki sifat kerohanian, oleh itu ianya juga gumpalan kemampuan Gong, iaitu sejenis kemampuan Gong. Namun kemampuan Gong ini digunakan khas untuk memukul ataupun menentang pukulan, jika menggunakannya untuk mengubati penyakit ia tidak akan berkesan. Ini kerana material energi tinggi tersebut berada di ruang dimensi yang lain, ia bukan bergerak di ruang kita ini, oleh itu masanya lebih cepat daripada kita. Ketika anda hendak memukul orang lain, tidak perlu lagi menyalurkan Qi mahupun berfikir lagi, Gong itu sudah pun sampai di situ. Ketika orang lain memukul anda, ketika anda menangkis, Gong itu juga sudah sampai di situ. Tidak kira betapa pantas gerakan tangan anda, ia lebih pantas daripada anda, konsep masa kedua-dua ruang adalah tidak sama. Dengan berlatih Qi Gong wushu boleh memperoleh apa yang disebut Tapak Serbuk Besi, Tapak Batu Kawi, Tungkal Vajra dan Kaki Arhat, semua ini adalah kemahiran dalam kalangan manusia biasa. Manusia biasa setelah berlatih pun boleh mencapai tahap ini.

Perbezaan yang paling besar di antara Qi Gong wushu dan kaedah Gong kultivasi dalaman ialah: Qi Gong wushu menghendaki anda berlatih dalam pergerakan, oleh itu Qi bergerak di bawah kulit. Oleh kerana ianya berlatih dalam pergerakan, ia tidak dapat mencapai taraf ketenangan, Qi tidak memasuki Dan Tian, Qi melintasi bawah kulit, Qi menembus otot-otot, oleh itu tidak dapat berkultivasi nyawa, juga tidak dapat berkultivasi menghasilkan kemahiran yang tinggi dan mendalam. Kaedah Gong kultivasi dalaman kita menghendaki anda berlatih dalam keadaan tenang. Kaedah Gong lazimnya mengutamakan Qi memasuki Dan Tian, Qi memasuki bahagian bawah perut, mengutamakan Xiu Lian dalam keadaan tenang, mengutamakan transformasi Ben Ti, dapat berkultivasi nyawa, dan dapat Xiu Lian ke tingkat yang lebih tinggi.

Kalian mungkin pernah dengar adanya kemahiran sebegini, di dalam buku novel tertulis apa yang disebut Selubung Genta Emas, Baju Kain Besi, Seratus Langkah Menembus Pohon Poplar. Perihal Kung Fu Ringan, ada yang boleh bergerak leluasa di ketinggian, bahkan ada yang boleh menyusup masuk ke ruang lain. Adakah terdapatnya kemahiran sebegini? Ada, ini adalah pasti, namun tidak ada dalam kalangan manusia biasa. Orang yang benar-benar berhasil melatih kemahiran sebegini juga tidak boleh menggunakannya untuk menonjolkan diri. Ini kerana dia bukan berlatih wushu semata-matanya, ia sudah melampaui tingkat manusia biasa sama sekali, maka orang tersebut harus berkultivasi menurut kaedah Gong kultivasi dalaman. Dia perlu mengutamakan Xin Xing, meningkatkan Xin Xing-nya, dia harus memandang hambar terhadap kepentingan material dan sebagainya. Walaupun dia mampu berhasil dalam berkultivasi kemahiran sebegini, namun sejak dari itu dia tidak boleh menggunakannya sesuka hati dalam kalangan manusia biasa, apabila tiada orang yang nampak, boleh guna untuk sendiri. Anda lihat apa yang ditulis dalam novel, bahawa seseorang demi sesuatu jurus pedang, demi merebut harta karun, demi wanita, ada yang saling membunuh dan saling bertarung, masing-masing memiliki kemampuan yang sangat hebat dan penuh keajaiban. Cuba kalian fikirkan, orang yang benar-benar memiliki kemampuan sebegini bukankah dia memperolehnya hasil dari kultivasi dalaman? Dia mengutamakan Xin Xing baru berhasil dalam kultivasinya, sejak awal-awal sudah pun memandang hambar terhadap nama, kepentingan dan berbagai nafsu keinginan, mungkinkah dia pergi membunuh orang? Mungkinkah dia begitu memandang berat pada wang dan kekayaan? Tidak mungkin sama sekali, itu hanyalah penggambaran yang berlebihan dalam bidang seni. Manusia sememangnya gemar mengejar rangsang jiwa dan bertindak demi kepuasan nafsunya. Penulis itu pun memanfaatkan kecenderungan ini, asalkan dapat memenuhi kepuasan anda dan membuatkan anda gembira, dia akan mengerahkan kemampuannya dalam menulis. Semakin misteri dia tulis, semakin anda suka membacanya, itu hanyalah penggambaran yang berlebihan dalam bidang seni. Orang yang benar-benar memiliki kemahiran sebegini tidak akan berbuat sedemikian, terutamanya langsung tidak boleh membuat persembahan.

Psikologi Menonjol Diri

Ramai pelatih kita, oleh kerana berkultivasi dalam kalangan manusia biasa, ada banyak keterikatan hati tidak dapat dilepaskan, ada banyak keterikatan hati yang sudah menjadi biasa, dia sendiri tidak sedari. Psikologi menonjol diri ini dapat diperlihatkan dalam pelbagai situasi, ketika berbuat baik juga dapat diperlihatkan psikologi menonjol diri. Biasanya demi nama dan kepentingan peribadi memperoleh sedikit manfaat, lalu menyangkan diri, menonjolkan diri: Saya memiliki kemampuan, saya ini hebat. Di antara kita juga ada keadaan sebegini, dia yang berlatih agak baik, Tian Mu-nya dapat melihat dengan lebih jelas sedikit, gerakannya cantik dilihat, juga ada yang menonjolkan diri.

Ada orang yang berkata: “Saya terdengar Guru Li berkata sesuatu.” Semua orang mengelilinginya untuk mendengar apa yang dikatakan, dia bercerita di situ, dengan berdasarkan kefahaman dirinya sendiri, dia bertokok tambah, menyebarkan khabar angin. Apa tujuannya? Masih ingin menonjolkan diri. Masih ada orang yang menyebarkan khabar angin, dia menyebarkan kepada dia, dia menyebarkan kepada dia, bercerita di situ dengan gembiranya, seolah-olahnya dia serba tahu. Begini ramai pelatih kita tiada seorang yang sejelasnya, orang lain tidak ada yang tahu sebanyaknya, sudah terbentuk satu kebiasaan, mungkin dia tidak sedar diri. Dalam sub-kesedarannya memang sudah ada psikologi menonjol diri ini, kalau tidak apakah tujuannya menyebarkan khabar angin ini? Masih ada orang yang menyebarkan pada sekian-sekian masa Guru akan kembali ke gunung. Saya bukan berasal dari gunung, saya hendak kembali ke gunung mana? Masih ada orang yang kata, pada sekian-sekian hari Guru telah menceritakan sesuatu kepada sekian-sekian orang, telah memberi layanan istimewa kepada sekian-sekian orang. Apakah manfaatnya menyebarkan semua ini? Sedikit manfaat pun tidak ada, akan tetapi kami telah dapat melihat ini merupakan keterikatan hatinya, sejenis psikologi menonjol diri.

Ada juga orang yang mencari saya untuk mendapat tandatangan, apakah tujuannya? Masih merupakan kebiasaan manusia biasa, mendapat tandatangan sebagai kenangan. Jika anda tidak berkultivasi, saya berikan tandatangan saya kepada anda juga tidak guna. Dalam buku saya tiap-tiap perkataan semuanya adalah imej saya dan Falun, setiap perkataan juga

saya yang utarakan, anda masih ingin tandatangan apa lagi? Ada orang yang berfikir: “Setelah memperoleh tandatangan, informasi Guru akan melindungi saya.” Masih berbicara perihal informasi, kita juga tidak mengutarakan informasi. Buku ini sudah tidak dapat diukur dengan nilai. Anda masih minta apa lagi? Semua ini adalah benda yang dicerminkan oleh hati tersebut. Masih ada orang setelah melihat pelatih yang mengiringi saya, lalu mencontohi pertuturan kata dan tingkah laku mereka, yang mana baik ataupun buruk dia juga tidak tahu. Sebenarnya kita tidak kisah siapakah itu dan bagaimanakah tingkah lakunya, hanya terdapat satu Fa, hanya mengendalikan diri dengan mematuhi Dafa ini, itu barulah kriteria yang sebenarnya. Pelatih yang mengiringi saya tidak terima sebarang layanan istimewa, semuanya sama dengan kalian, mereka hanyalah anggota pekerja dari lembaga penyelidikan, jangan terbangkitnya keterikatan sebegini. Seringkali sebaik sahaja kita terbangkitnya keterikatan ini, dengan tidak sengajanya anda telah pun menimbulkan kesan merosakkan Dafa. Anda menimbulkan khabar angin ini, bahkan mungkin menimbulkan konflik, lalu membangkitkan keterikatan hati pelatih lain, sehingga berebut-rebut mendekati Guru agar dapat mendengar lebih banyak mengenai sesuatu dan lain-lain lagi perkara seperti ini, bukankah semuanya masalah sebegini?

Psikologi menonjol diri ini masih mudah membangkitkan apa benda lagi? Saya mengajar Gong sudah dua tahun, dalam kalangan pelatih lama kita yang Xiu Lian Falun Dafa, ada sebahagian orang mungkin akan terbuka Gong tidak lama lagi; ada sebahagian orang akan memasuki keadaan Jian Wu⁶³, tiba-tiba memasuki keadaan Jian Wu. Mengapa pada waktu itu tidak timbulnya kemampuan Gong sebegini? Oleh kerana dengan seketika saya telah mendorong anda sehingga begitu tinggi, keterikatan hati manusia biasa anda tidak disingkirkan adalah tidak dibenarkan. Sudah tentu Xin Xing anda sudah meningkat amat tinggi, akan tetapi masih ada banyak keterikatan hati yang belum disingkirkan, oleh itu tidak boleh membenarkan anda timbul Gong sebegini. Ketika anda melewati tahap ini, setelah menjadi stabil, dengan seketika anda akan didorong sehingga keadaan Jian Wu. Di dalam keadaan Jian Wu ini, Tian Mu anda akan dibuka dengan sangat tinggi, anda akan timbul banyak kemampuan Gong. Sebenarnya saya beritahu kalian, ketika anda benar-benar Xiu Lian, saat anda baru sahaja masuk akan timbul banyak kemampuan Gong, anda

63

Jian Wu – Sedar secara beransur-ansur.

telah memasuki tingkat yang begitu tinggi, oleh itu kemampuan Gong adalah sangat banyak. Baru-baru ini ramai di antara kita mungkin akan timbul keadaan sebegini. Masih ada sebahagian orang, kultivasinya tidak tinggi, gabungan dari benda yang dibawa oleh dirinya dan daya ketahanan dirinya adalah tetap, oleh itu ada sesetengah orang akan terbuka Gong dan terbuka kesedaran pada tingkat yang sangat rendah, terbuka kesedaran sepenuhnya, akan muncul orang sebegini.

Tujuan saya menjelaskan masalah ini kepada kalian, adalah untuk beritahu kalian, sebaik sahaja munculnya orang sebegini, anda jangan sesekali menganggapnya sebagai Sang Sedar yang luar biasa. Ini adalah masalah yang sangat serius dalam Xiu Lian, hanya perbuatan yang mematuhi Dafa ini adalah betul. Jangan melihat orang lain memiliki kemampuan Gong, kuasa supernormal ataupun ternampak sesuatu benda, lalu anda mengikutinya, lalu mendengar kepadanya. Anda juga akan menganiayanya, dia akan timbul kegembiraan hati, dan akhirnya dia akan kehilangan segala benda, segalanya akan ditutup, dan akhirnya jatuh ke bawah. Setelah terbuka Gong juga akan jatuh ke bawah, jika tidak dapat mengawal diri walaupun sudah terbukanya kesedaran juga akan jatuh ke bawah. Buddha itu jika tidak dapat mengawal diri dengan baik boleh juga jatuh ke bawah, apatah lagi anda hanya seorang manusia yang Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa! Oleh itu tidak kira timbulnya betapa banyak kemampuan Gong, kemampuan Gong yang betapa hebat, betapa hebatnya kuasa supernormal, anda mestilah mengawal diri dengan baik. Baru-baru ini ada orang dalam kalangan kita yang duduk di sini telah hilang diri, dengan seketika dia pun muncul semula, memanglah begini, kuasa supernormal yang lagi hebat juga akan timbul. Bagaimana anda mengawal diri pada masa depan? Selaku pelatih mahupun anak murid kita, jika peristiwa ini terjadi pada anda mahupun orang lain pada masa depan, anda jangan memujanya, atau memohon benda ini. Sebaik sahaja hati anda berubah, dengan segeranya pun musnah, anda pun terjatuh ke bawah, barangkali anda masih lebih tinggi daripadanya, cuma tidak timbul kuasa supernormal. Sekurang-kurangnya anda telah jatuh ke bawah dalam masalah ini, oleh itu kalian mesti memberi perhatian terhadap masalah ini. Perkara ini telah kita letakkan pada kedudukan yang amat penting, ini kerana peristiwa ini akan terjadi dengan tidak lama lagi, sebaik sahaja timbul, jika anda tidak dapat mengawal diri sama sekali tidak dibenarkan.

Orang Xiu Lian yang telah timbul Gong, terbuka Gong, ataupun yang benar-benar telah terbuka kesedaran, juga tidak boleh melihat diri sebagai apa-apa, benda yang dia terlihat, adalah benda yang dia lihat pada tingkatannya tersebut. Oleh kerana telah Xiu Lian sehingga tahap ini, juga bererti kualiti kesedarannya telah mencapai tahap ini, kriteria Xin Xing-nya telah mencapai tahap itu, kecerdasannya juga telah mencapai tahap ini. Oleh itu benda pada tingkat yang lebih tinggi lagi, mungkin dia tidak akan percaya. Justeru kerana dia tidak percaya, ia menyebabkan dia menganggap apa yang dilihat sendiri adalah mutlak, menganggap inilah kesemuanya. Itu masih lagi jauh ketinggalan, ini kerana tingkatnya memang di sini.

Ada sebahagian orang yang akan terbuka Gong pada tingkat ini, sekiranya berkultivasi menuju ke bahagian atas dia juga tidak mampu berhasil meningkat, oleh itu hanya dapat buka Gong dan kesedarannya pada tingkat ini. Kelak kita yang berhasil Xiu Lian, ada yang terbuka kesedaran pada jalan kecil duniawi, ada juga yang terbuka kesedaran pada tingkat yang berbeza, ada juga yang terbuka kesedaran apabila memperoleh buah sejati. Terbukanya kesedaran apabila memperoleh buah sejati barulah paling tinggi, juga dapat melihat dan boleh diperlihatkan pada tingkat yang berbeza. Malah yang terbuka Gong dan kesedaran pada tingkat paling rendah pada jalan kecil duniawi, juga dapat melihat sesetengah ruang dimensi, dan Sang Sedar, juga boleh berkomunikasi dengan mereka. Pada masa itu jangan anda berasa bangga diri, yang terbuka Gongnya pada jalan kecil duniawi ataupun pada tingkat rendah tidak akan memperoleh buah sejati, ini adalah pasti. Kalau begitu, macam mana? Dia hanya dapat kekal pada tingkat ini, perihal Xiu Lian menuju tingkat lebih tinggi di kemudian hari, itu adalah urusan di kemudian hari. Akan tetapi jika kultivasinya hanya mampu setinggi ini dan tidak buka Gongnya jadi apa lagi yang boleh dilakukan? Jika anda terus berkultivasi menuju ke atas, juga tidak akan meningkat ke atas, maka pun terbukanya Gong, sudah kultivasi sehingga penghujungnya, akan muncul ramai orang sebegini. Tidak kira timbulnya apa keadaan, anda mestilah mengawal Xin Xing anda, hanya mengendalikan diri dengan mematuhi Dafa barulah benar-benar betul. Baik kemampuan Gong anda mahupun terbukanya Gong anda, semuanya anda peroleh dalam Xiu Lian Dafa. Jika anda meletakkan Dafa pada kedudukan

sekunder, dan meletakkan kuasa supernormal anda pada kedudukan utama, ataupun orang yang telah terbuka kesedarannya menganggap pemahaman dirinya ini ataupun itu adalah betul, bahkan menganggap diri sendiri sudah luar biasa, dan sudah melebihi Dafa, saya kata anda sudah pun mula jatuh ke bawah, sudah bahaya, sudah semakin tidak baik. Pada masa itu anda sudah benar-benar menemui masalah: sia-sia berkultivasi, salah-salah akan terjatuh ke bawah, sia-sia berkultivasi.

Saya beritahu anda lagi: isi kandungan buku saya ini adalah gabungan Fa yang telah saya utarakan dalam beberapa kuliah. Kesemuanya saya yang utarakan, tiap-tiap ayat diutarakan oleh saya, semuanya dipetik sepatah kata demi sepatah kata daripada pita rakaman audio, disalin satu kata demi satu kata, anak murid dan pelatih saya yang membantu saya menyalin semuanya daripada pita rakaman audio, dan kemudiannya saya menyemak semula berulang-ulang kali. Semuanya adalah Fa saya, yang saya utarakan adalah Fa ini.

Ceramah 7

Isu Membunuh Hidupan

Isu membunuh hidupan adalah sangat sensitif, bagi pelatih Gong, permintaan kita juga lebih ketat, pelatih Gong tidak boleh membunuh hidupan. Tidak kisah sama ada aliran Buddha, aliran Tao mahupun kaedah Gong Qi Men, juga tidak kisah aliran yang mana ataupun puak yang mana, asalkan ianya Xiu Lian Fa ortodoks, semuanya memandangkan perkara ini dengan sangat mutlak, semuanya tidak boleh membunuh hidupan, perkara ini adalah pasti. Oleh kerana selepas membunuh hidupan masalah yang akan timbul adalah terlalu besar, kami perlu menjelaskannya secara terperinci kepada kalian. Membunuh hidupan, dalam agama Buddha primitif merujuk terutamanya kepada membunuh manusia, ini adalah yang paling serius. Kemudiannya, hidupan-hidupan besar, ternakan besar ataupun hidupan yang agak besar sedikit, semuanya pun dipandang dengan amat berat. Komuniti Xiu Lian mengapa selalu memandangkan isu membunuh hidupan dengan begitu serius? Dahulunya agama Buddha mengutarakan, yang tidak patut mati telah dibunuh mati, lalu akan menjadi roh sebatang kara atau hantu liar. Dahulunya mengatakan upacara pelimpahan jasa, adalah merujuk kepada orang-orang dalam golongan ini. Jika tidak melimpah jasa, hidupan-hidupan ini tidak dapat makan dan minum, berada dalam satu keadaan yang sangat menderitakan, ini adalah apa yang diutarakan oleh agama Buddha dahulu.

Kami katakan, jika seseorang telah melakukan sesuatu perkara yang tidak baik terhadap seseorang yang lain, dia akan memberikan De yang agak besar kepada orang itu sebagai pampasan, ini adalah apa yang biasa kami rujuk kepada perbuatan mengambil benda milik orang lain dan sebagainya. Akan tetapi dengan seketika menamatkan satu nyawa, baik haiwan mahupun hidupan yang lain, maka akan mengakibatkan satu karma yang amat besar. Membunuh hidupan, dahulunya merujuk terutamanya kepada membunuh manusia, karma yang diakibatkan lebih besar. Akan tetapi, membunuh hidupan yang biasa juga tidak ringan, secara langsung akan menghasilkan karma yang amat besar. Terutamanya bagi orang yang berlatih Gong, dalam proses Xiu Lian, pada tingkat yang

berbeza telah mengaturkan sedikit kesusahan untuk anda, kesemua itu adalah karma anda sendiri, adalah penderitaan anda sendiri, diletakkan pada tingkat yang berbeza agar anda dapat meningkat. Sebaik sahaja anda meningkatkan Xin Xing, pun sudah dapat mengharunginya. Akan tetapi dengan seketika anda dihadap dengan karma yang begitu besar, bagaimana anda hendak mengharunginya? Berdasarkan Xin Xing anda, anda langsung tidak dapat mengharunginya sama sekali, maka mungkin menyebabkan anda langsung tidak dapat Xiu Lian.

Kami mendapati, ketika seseorang dilahirkan, dalam lingkungan tertentu di dalam ruang dimensi alam semesta ini ada sejumlah besar dia yang dilahirkan serentak, serupa dengan dia, dipanggil satu nama yang sama, perkara-perkara yang dibuat juga lebih kurang sama, oleh itu juga boleh dikatakan adalah sebahagian daripada keseluruhannya. Dalam hal ini telah membabitkan satu isu sebegini: jika ada satu hidupan (hidupan haiwan besar yang lain juga adalah sama), telah mati dengan tiba-tiba, sedangkan dia yang berada pada berbagai ruang dimensi, semuanya belum selesai menempuh perjalanan hidup yang telah ditetapkan pada asalnya, masih perlu hidup banyak tahun lagi. Jadi, orang yang sudah mati ini akan terjatuh dalam suatu keadaan yang terlunta-lunta, terombang-ambing di dalam ruang alam semesta. Dahulunya mengatakan roh sebatang kara atau hantu liar, tiada makanan dan tiada minuman, sangat menderitakan, mungkin adalah sebegini. Akan tetapi, kami benar-benar melihat dia berada dalam suatu keadaan yang sangat mengerikan, dia akan terus menunggu, menunggu sehingga dia yang berada pada setiap ruang dimensi lain semuanya telah pun selesai menempuh perjalanan hidup, baru dapat bersama-sama mencari tempat kediaman asalnya. Semakin lama menunggu, semakin besar penderitaannya. Semakin besar penderitaannya, karma yang menyebabkan dia sengsara akan secara terus-menerus ditambahkan pada tubuh si pembunuh, cuba anda fikirkan betapa besarnya karma yang akan ditambah pada anda? Ini adalah apa yang kami lihat melalui kemampuan Gong.

Kami masih dapat melihat suatu keadaan sebegini: ketika seseorang itu dilahirkan, dalam suatu ruang dimensi yang spesifik semuanya juga ada corak hidup sepanjang hayatnya, itu bermakna, kehidupannya sudah sampai ke bahagian mana, apa yang sepatut dibuat olehnya, semuanya sudah ada di situ. Siapakah yang mengaturkan seluruh

kehidupannya ini? Sangat nyata sekali, adalah hidupan yang lebih tinggi tingkatnya yang melakukan hal ini. Misalnya, kita berada dalam kalangan masyarakat manusia biasa, setelah dia dilahirkan, rumah ini ada dia, sekolah ini ada dia, ataupun setelah menjadi dewasa pejabat ini ada dia, menerusi pekerjaannya terjalin hubungan dengan masyarakat dalam pelbagai aspek, dalam erti kata lain, pembentukan seluruh masyarakat sudah pun diatur sebegini. Akan tetapi, oleh kerana hidupan ini telah mati dengan tiba-tiba, tidak mengikuti pengaturan yang telah ditetapkan pada asalnya, sudah pun berlakunya perubahan. Maka, sesiapa yang telah mengacaukan hal ini, hidupan dari tingkat tinggi itu pun tidak akan mengampuninya. Kalian cuba fikirkan, selaku seorang yang Xiu Lian, kita ingin Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, sedangkan hidupan dari tingkat tinggi itu pun tidak mengampuninya, cuba anda katakan adakah dia masih dapat Xiu Lian? Bahkan ada Shi Fu yang tingkatnya tidak setinggi hidupan tingkat tinggi yang mengatur hal ini, oleh itu Shi Fu-nya pun akan ikut celaka juga, itu pun harus dihukum jatuh ke bawah. Cuba anda fikirkan, adakah ini suatu masalah yang biasa? Oleh itu sebaik sahaja melakukan perkara sebegini akan menjadi amat sukar untuk Xiu Lian.

Antara pelatih-pelatih yang Xiu Lian Falun Dafa, mungkin ada orang yang pernah berperang pada zaman peperangan. Peperangan itu adalah satu keadaan yang diakibatkan oleh perubahan besar fenomena alam yang menyeluruh, anda cuma sebahagian daripada keadaan itu. Di bawah perubahan fenomena alam, jika tidak ada orang yang bertindak, ia masih tidak dapat membawa satu keadaan kepada masyarakat manusia biasa, justeru tidak digelar sebagai perubahan fenomena alam. Peristiwa-peristiwa tersebut berubah mengikut perubahan besar, peristiwa itu tidak boleh diperhitungkan sepenuhnya pada diri anda. Yang kami maksudkan di sini adalah dalam konteks usaha perolehan peribadi, atau demi memuaskan kepentingan peribadi, ataupun demi sesuatu yang akan membawa kesan kepada diri sendiri, sehingga diri sendiri tiada pilihan melainkan berbuat perkara yang tidak baik dan mendatangkan karma. Sebarang apa yang membabitkan perubahan seluruh ruang dimensi yang besar, mahupun perubahan besar terhadap masyarakat umum, kesemuanya ini tidak digolongkan sebagai masalah anda.

Membunuh hidupan akan mengakibatkan karma yang amat besar. Ada orang pun berfikir: “Tidak boleh membunuh hidupan lagi, di rumah, sayalah yang memasak, jika saya tidak membunuh hidupan, keluarga saya makan apa?” Masalah spesifik ini saya tidak peduli, saya mengajar Fa kepada orang yang berlatih Gong, bukannya menceritakan sembarangan kepada manusia biasa tentang bagaimana menjalani kehidupan. Bagaimana menyelesaikan masalah spesifik, gunalah Dafa untuk mengukurnya, anda rasa bagaimana buat baik, maka anda lakukan sahaja. Manusia biasa ingin buat apa pun buat apa sahaja, itu adalah hal dalam kalangan manusia biasa, adalah mustahil bagi setiap orang benar-benar berkultivasi. Lebih lebih lagi sebagai seorang pelatih Gong, harus menghendakikan diri dengan kriteria yang tinggi, oleh itu, di sini adalah syarat yang ditujukan kepada pelatih Gong.

Bukan sahaja manusia, haiwan, malah tumbuh-tumbuhan juga mempunyai nyawa, di dalam ruang dimensi lain, segala material pun akan diperlihatkan memiliki nyawa. Ketika Tian Mu anda sudah terbuka pada tingkat penembusan mata Fa, anda akan mendapati batu, tembok, apa-apa benda pun akan bercakap dan bertegur-sapa dengan anda. Mungkin ada orang yang berfikir: “Jadi makanan mahupun sayur-sayuran yang kita makan juga mempunyai nyawa; selain itu bagaimana jika terdapat lalat dan nyamuk di rumah? Sangat tidak selesa digigitnya pada musim panas, melihat ia gigit tanpa bergerak di situ, melihat lalat hinggap di atas makanan agak kotor, namun tidak boleh memukulnya.” Saya beritahu kalian, kita tidak boleh membunuh hidupan dengan sesuka hati tanpa sebarang sebab. Akan tetapi, kita juga tidak boleh menjadi seorang budiman yang terlalu berhati-hati dan berwaspada, selalu menumpukan perhatian pada perkara-perkara yang remeh-temeh sebegini, berjalan pun takut terpijak mati semut sehingga berjalan melompat-lompat. Saya kata anda ini terlalu penat untuk hidup, bukankah itu juga keterikatan hati? Anda berjalan melompat-lompat, tidak terpijak mati semut, akan tetapi ada banyak hidupan mikroorganisma, anda juga terpijak mati. Secara mikroskopis masih lagi ada banyak hidupan yang lebih kecil, masih ada jamur dan bakteria, mungkin juga tidak kurang yang anda sudah terpijak mati, kalau begitu kita semua pun jangan hidup lagi. Kita bukan hendak menjadi orang sebegini, ini tidak akan dapat Xiu Lian. Mestilah melihat dengan perspektif luas, haruslah Xiu Lian secara terbuka dengan penuh martabat.

Kita manusia yang hidup mempunyai hak untuk mempertahankan kehidupan manusia, oleh itu persekitaran kehidupan kita juga perlu bersesuaian dengan keperluan kehidupan manusia. Kita tidak boleh dengan sengajanya mencederakan hidupan, namun kita juga tidak boleh terlalu terikat dengan hal-hal yang kecil ini. Misalnya, sayur-sayuran dan bijirin yang ditanam semuanya bernyawa, kita juga tidak boleh disebabkan ianya bernyawa lalu tidak makan dan tidak minum, kalau begitu bagaimana anda dapat berlatih Gong? Sepatutnya lebih berdada lapang. Misalnya, ketika anda sedang berjalan, semut dan ulat pun berlari ke bawah kaki anda dan sudah dipijak mati, maka ianya mungkin sepatutnya mati, ini kerana anda bukan sengaja hendak mencederakannya. Dalam dunia hidupan atau mikroorganisma juga mengutarakan isu keseimbangan ekologi, terlalu banyak maka akan bermaharajalela, oleh itu kita mengutarakan Xiu Lian secara terbuka dengan penuh martabat. Di dalam rumah apabila ada lalat dan nyamuk, kita halau ia keluar, pasangkan tingkap berkasa untuk menghalangnya masuk. Akan tetapi kadangkala tidak dapat dihalau keluar, maka dipukul mati biarlah mati sahaja. Dalam ruang yang dihuni oleh manusia, jika ia menggigit dan memudaratkan manusia sudah tentu harus dihalau keluar, jika tidak dapat dihalau, juga tidak boleh melihat ia menggigit manusia. Anda adalah orang yang berlatih Gong tidak takut, ada daya tahan, ahli keluarga anda tidak berlatih Gong, adalah manusia biasa, masih ada masalah penularan penyakit, juga tidak boleh melihat ia menggigit muka anak dan tidak peduli.

Berikan satu contoh untuk kalian, Sakyamuni ada sebuah cerita sebegini pada masa dahulu. Pada suatu hari, Sakyamuni ingin mandi, dia menyuruh anak muridnya membersihkan tab mandi di dalam hutan. Setelah anak muridnya sampai di tempat itu, terlihat dalam tab mandi dipenuhi dengan serangga yang merayap, jika membersihkan tab mandi, terpaksa dia membunuh serangga-serangga itu. Anak muridnya kembali dan memberitahu Sakyamuni: “Di dalam tab mandi dipenuhi serangga yang merayap.” Sakyamuni tidak memandangnya, lalu berkata: “Anda pergi bersihkan tab mandi itu.” Anak murid itu kembali ke tab mandi itu untuk melihat dan tidak tahu bagaimana cara untuk membersihkannya, sebaik sahaja bertindak serangga-serangga itu pasti mati, dia berpatah balik lalu bertanya kepada Sakyamuni: “Guru yang terhormat, di dalam tab mandi

penuh dengan serangga yang merayap, jika sekali bertindak pasti perlu membunuh serangga-serangga itu.” Sakyamuni melihat kepadanya dan berkata: “Yang saya suruh anda bersihkan adalah tab mandi.” Anak muridnya tiba-tiba sadar apa yang dimaksudkan, dengan segera membersihkan tab mandi itu. Di sini ternyata satu isu, tidak boleh disebabkan ada serangga lalu kita tidak mandi; juga tidak boleh disebabkan ada nyamuk, kita semua terpaksa keluar mencari tempat tinggal; juga tidak boleh disebabkan makanan juga ada nyawa, sayur-sayuran juga ada nyawa, lalu kita pun mengikat perut, tidak makan dan juga tidak minum lagi. Bukan sebegini, kita harus menata hubungan ini dengan betul, Xiu Lian secara terbuka dengan penuh martabat, asalkan kita tidak sengaja mencederakan sesuatu hidupan pun sudah cukup. Pada masa yang sama, manusia juga memerlukan ruang dan kondisi yang sesuai untuk hidup, juga perlu dilindungi, selain itu manusia juga perlu mengekalkan nyawa dan kehidupan yang wajar.

Dahulunya ada sesetengah master Qi Gong palsu yang berkata: “Pada tanggal satu dan lima belas⁶⁴ boleh membunuh hidupan.” Bahkan ada yang berkata: “Boleh bunuh yang berkaki dua”, seolah-olah yang berkaki dua ini bukan hidupan. Jika membunuh pada tanggal satu dan lima belas itu tidak dikira sebagai membunuh, jadi itu dikira menggali tanah, benarkah demikian? Ada sesetengah adalah master Qi Gong palsu, dari pertuturan dan tindakannya dapat dikenalpasti sepenuhnya, apa yang dia katakan, apa yang dikejar olehnya, semua master Qi Gong yang mempunyai percakapan sebegini seringkali adalah Fu Ti. Anda lihat master Qi Gong yang membawa Fu Ti rubah itu ketika dia makan daging ayam, benar-benar melahap dengan rakus, sampai tulang pun tidak ingin ludah keluar.

Membunuh hidupan bukan sahaja akan menghasilkan karma yang sangat berat, malah membabitkan isu perasaan belas kasihan. Kita selaku orang yang Xiu Lian bukankah harus mempunyai hati yang berbelas kasihan. Apabila timbulnya perasaan belas kasihan kita, mungkin terlihat semua makhluk hidup berada dalam penderitaan, terlihat sesiapa pun menderita, akan timbulnya masalah sebegini.

64

Tanggal satu dan lima belas – penanggalan kalender lunar / Imlek.

Isu Makan Daging

Makan daging juga adalah satu isu yang amat sensitif, namun makan daging bukannya membunuh hidupan. Kalian belajar Fa sudah pun sekian lama, namun kami tidak pernah minta kalian supaya jangan makan daging. Ada ramai master Qi Gong sebaik sahaja anda memasuki kelasnya pun beritahu anda, “Mulai sekarang tidak boleh makan daging lagi.” Anda mungkin berfikir, “Tiba-tiba tidak boleh makan daging, masih belum ada persediaan mental. Hari ini di rumah mungkin kebetulan ada merebus ayam atau ikan panggang, baunya sangat harum, namun tidak boleh makan.” Xiu Lian dalam agama juga demikian, secara paksaan tidak dibenarkan makan. Umumnya Gong aliran Buddha, sesetengah Gong aliran Tao juga berkata sedemikian, tidak boleh makan. Kami di sini tidak menyuruh anda berbuat sedemikian, namun kami juga mengutarakan ini. Jadi, bagaimanakah ajaran kami? Ini kerana kaedah Gong kita ini adalah kaedah Gong yang berupa Fa melatih manusia. Kaedah Gong yang berupa Fa melatih manusia ialah beberapa keadaan akan diperlihatkan melalui Gong dan melalui Fa. Dalam proses berlatih Gong, pada tingkat yang berbeza akan timbulnya keadaan yang berbeza. Jadi, pada suatu hari atau hari ini setelah saya selesai mengajar kelas, ada orang pun sudah memasuki keadaan sedemikian: Tidak dapat makan daging lagi, ketika hidu berbau amat hanyir, ketika makan terasa ingin muntah. Bukannya secara tindakan manusia mengawal anda agar anda tidak makan ataupun anda sendiri mengawal diri agar tidak makan, tetapi berasal dari lubuk hati anda sendiri, sampai ke tingkat ini, terpancar melalui Gong lalu tidak dapat makan lagi, malah jika anda benar-benar melannya, anda benar-benar akan muntah keluar.

Pelatih kita yang lama semuanya pun tahu, Xiu Lian Falun Dafa akan timbulnya keadaan ini, pada tingkat yang berbeza akan terpancarnya keadaan yang berbeza. Juga ada pelatih yang nafsunya lebih besar, keinginan untuk makan daging amat kuat, biasanya sangat banyak makan daging. Ketika orang lain sudah berasa sangat hanyir terhadap daging, dia tidak berasa hanyir, malah masih boleh makan lagi. Bagi tujuan menyingkirkan keterikatan hatinya ini, apa yang harus dibuat? Sebaik sahaja dia makan daging pun akan sakit perut, jika tidak makan tidak akan sakit, akan timbul keadaan sebegini, ini bererti tidak boleh makan lagi. Adakah aliran kita ini mulai sekarang tidak akan mempunyai

hubungan dengan daging lagi? Bukan sebegini. Macam mana hendak menangani isu ini? Tidak dapat makan adalah suatu keadaan yang benar-benar muncul dari lubuk hati bahawa anda sudah tidak dapat makan lagi. Apakah tujuannya? Xiu Lian di biara yang memaksa anda tidak makan daging dan keadaan kita yang terpancar tidak dapat makan lagi, semuanya adalah untuk menyingkirkan nafsu keinginan dan keterikatan hati manusia terhadap daging.

Ada sesetengah orang ketika makan nasi kalau tiada daging dalam mangkuknya langsung tidak dapat menelan nasinya, itu adalah nafsu keinginan manusia biasa. Suatu pagi saya berjalan melalui pintu belakang Taman Shengli di Changchun. Ada tiga orang keluar dari pintu belakang rumah sambil berteriak-teriak, salah seorang di antara mereka berkata, “Berlatih Gong apa tidak boleh makan daging, kurang hidup sepuluh tahun pun saya perlu makan.” Suatu nafsu keinginan yang begitu kuat. Cuba kalian fikirkan, nafsu keinginan sebegini patut disingkirkan ataupun tidak? Tentulah patut disingkirkan. Manusia dalam proses Xiu Lian adalah menyingkirkan pelbagai nafsu keinginan, dan keterikatan hati. Secara terus terang, kalau keinginan makan daging tidak disingkirkan, bukankah itu bermakna keterikatan hati belum disingkirkan lagi? Bolehkah berkultivasi sehingga mencapai kesempurnaan? Oleh itu, asalkan ianya adalah keterikatan hati, maka haruslah disingkirkan. Namun juga bukannya bererti mulai sekarang tidak boleh makan daging selama-lamanya, tidak dibenarkan makan daging itu bukannya tujuan, tujuannya adalah tidak membenarkan anda mempunyai keterikatan hati sebegini. Jika dalam tempoh masa tidak dapat makan daging ini, anda berjaya menyingkirkan keterikatan hati ini, kelak mungkin anda akan dapat makan daging lagi, ketika hidu tidak terasa hanyir lagi, makan pun tidak begitu memualkan lagi, masa ini anda makan sahaja, tidak mengapa.

Sampai masa anda boleh makan daging lagi, keterikatan hati anda sudah tiada lagi, nafsu keinginan terhadap daging sudah tiada lagi. Namun akan berlaku suatu perubahan yang besar, kelak ketika makan daging lagi, tidak berasa enak lagi, kalau di rumah ada disediakan, maka anda pun ikut makan sahaja, kalau di rumah tidak disediakan pun tidak terfikirnya, ketika dimakan tidak berasa enak, akan timbulnya keadaan ini. Namun Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa adalah amat rumit, kalau di rumah sentiasa disediakan

daging, lama-kelamaan, anda akan terasa enak dimakan lagi, kelak akan ulang kembali. Dalam seluruh proses Xiu Lian akan berulang berkali-kali. Tiba-tiba anda tidak dapat makan lagi, kalau tidak dapat makan janganlah makan, benar-benar tidak dapat makan, jika makan akan muntah; tunggu sampai anda boleh makan barulah makan, ikutlah keadaan secara wajar. Makan daging ataupun tidak sendiri bukan tujuannya, menyingkirkan keterikatan hati itu barulah kuncinya.

Aliran Falun Dafa kita ini prosesnya lebih cepat, asalkan anda meningkatkan Xin Xing, setiap tingkat akan ditembus dengan amat cepat. Ada sesetengah orang asalnya pun tidak terlalu terikat terhadap daging, ada daging ataupun tidak pun tidak mengapa. Orang seperti ini selepas bertahan satu dua minggu pun akan dapat mengatasinya, lalu berjaya menyingkirkan keterikatan hati ini. Sesetengah orang perlu bertahan selama sebulan, dua bulan, tiga bulan, mungkin setengah tahun, jika tiada keadaan yang teramat khusus, tidak melebihi setahun pun sudah boleh makan lagi. Ini kerana daging sudahpun menjadi satu bahagian utama dalam makanan manusia. Akan tetapi, mereka yang berkultivasi secara khusus di biara tidak boleh makan daging.

Kita ceritakan sedikit tentang pemahaman makan daging dalam agama Buddha. Dalam agama Buddha primitif yang paling awal tidak berpantang daging. Pada masa itu, ketika Sakyamuni memimpin anak-anak muridnya Xiu Lian dengan bertungkus-lumus di dalam hutan, langsung tidak ada peraturan berpantang daging. Mengapa tidak ada? Ini kerana pada masa itu ketika Sakyamuni mengajar Dharma lebih dari dua ribu lima ratus tahun yang lalu, masyarakat manusia amat terbelakang, ada banyak daerah mempunyai aktiviti pertanian, ada banyak daerah masih belum mempunyai aktiviti pertanian, luas tanah garapan amat sedikit, di mana-mana adalah hutan. Padi-padian amat kekurangan, juga amat sedikit. Manusia yang baru sahaja keluar dari masyarakat primitif, khususnya hidup dengan memburu, ada banyak daerah mengutamakan makanan daging. Sakyamuni demi menyingkirkan keterikatan hati manusia secara maksimum, tidak membenarkan mendekati sebarang harta mahupun benda dan sebagainya, beliau memimpin anak-anak muridnya meminta makan mahupun sedekah. Apa yang orang beri, mereka pun makan apa sahaja,

sebagai seorang yang Xiu Lian juga tidak boleh memilih makanan, makanan yang diberikan mungkin mengandung daging.

Namun dalam agama Buddha primitif pula ada ajaran yang berpantang Hun.⁶⁵ Berpantang Hun memang berasal dari agama Buddha primitif, namun zaman sekarang pula mengata makan daging sebagai Hun. Sebenarnya Hun pada masa itu bukannya merujuk kepada daging, ia merujuk kepada bawang merah, halia, bawang putih dan benda-benda sebagainya. Mengapa menganggapnya sebagai Hun? Sekarang ada ramai sami juga tidak dapat menjelaskannya, ini kerana ramai di antara mereka tidak mengutarakan kultivasi yang benar, banyak perkara juga tidak tahu. Ajaran yang disebar oleh Sakyamuni ialah: “Berpantang, Samadhi, Kebijakan”. Berpantang ialah menyingkirkan segala nafsu keinginan manusia biasa; Samadhi merujuk kepada orang yang Xiu Lian langsung Xiu Lian dengan ber-dhyana ataupun duduk bermeditasi, harus sepenuhnya mencapai samadhi. Segala gangguan yang menyebabkan tidak dapat mencapai samadhi, mahupun benda yang menyebabkan tidak dapat Xiu Lian, semuanya dianggap sebagai gangguan yang serius, sesiapa yang telah makan bawang merah, halia dan bawang putih, baunya amat kuat. Pada masa itu sami berada di hutan mahupun di dalam gua, tujuh atau lapan orang berkeliling membentuk satu bulatan, duduk bermeditasi berkeliling dalam satu bulatan per satu bulatan. Jika sesiapa yang makan benda-benda ini, ia akan menghasilkan bau menusuk hidung yang amat kuat, mengganggu orang yang duduk bermeditasi, mengganggu orang mencapai samadhi, secara serius mengganggu orang berlatih Gong. Oleh itu timbulnya peraturan berpantang ini, memandangnya sebagai Hun, tidak dibenarkan makan benda-benda sebegini. Banyak makhluk berjiwa yang terhasil dari Xiu Lian tubuh manusia sangat muak terhadap bau keruh ini. Bawang merah, halia dan bawang putih juga boleh merangsang orang sehingga timbulnya nafsu keinginan, jika makan terlalu banyak juga akan ketagih, oleh itu ia dianggap sebagai Hun.

Dahulunya ada ramai sami setelah Xiu Lian mencapai tingkat yang sangat tinggi, ketika berada dalam keadaan terbuka Gong ataupun separuh terbuka Gong, juga tahu bahawa peraturan berpantang tersebut dalam proses Xiu Lian tidak menjadi masalah. Jika

65

Hun – Jenis sayur-sayuran yang beraroma tertentu.

sudah boleh melepaskan keterikatan hati tersebut, material itu sendiri tidak akan menimbulkan kesan, sedangkan yang benar-benar mengganggu manusia adalah keterikatan hati tersebut. Oleh itu, para sami yang bertingkat tinggi dalam sepanjang sejarah juga mendapati isu manusia makan daging ini bukannya kunci masalahnya, kunci masalah itu adalah sama ada keterikatan hati itu boleh dilepaskan, tanpa keterikatan hati makan apa sahaja yang boleh mengenyangkan perut pun boleh. Ini kerana Xiu Lian di biara selama ini memang sedemikian, ramai orang sudah terbiasa dengan cara ini. Lebih-lebih lagi, ia bukan semata-mata satu masalah, namun sudah menjadi sistem peraturan dalam biara, langsung tidak boleh makan lagi, lalu pun terbiasa untuk berkultivasi dengan cara ini. Kita ceritakan tentang seorang sami yang bernama Ji Gong, yang ditonjolkan secara kontras melalui karya seni, sami seharusnya berpantang daging, dia makan daging, sehingga menyebabkannya amat menonjol. Sebenarnya, ketika Ji Gong diusir dari Kuil Lingyin, tentu saja makanan menjadi satu masalah yang sangat utama baginya, kehidupannya pun sudah menjadi gawat. Demi mengenyangkan perutnya, dia makan apa sahaja yang dapat dicomot, asalkan dapat mengenyangkan perut dan bukan terikat pada apa-apa jenis makanan, itu tidak menjadi masalah. Setelah Xiu Lian mencapai taraf itu, dia memahami prinsip itu, sebenarnya Ji Gong juga hanya kebetulan pernah makan daging satu atau dua kali sahaja. Sebaik sahaja dikatakan sami makan daging, penulis buku pun terbangkit minat, tajuknya semakin mengejutkan orang, akan menyebabkan orang semakin ingin membacanya. Karya seni seharusnya berasal dari kehidupan bahkan melampaui kehidupan, dengan demikian cerita ini pun tersebar luas. Sebenarnya bila benar-benar telah menyingkirkan keterikatan hati, demi mengenyangkan perut apa yang dimakan juga tidak menjadi masalah.

Di Asia Tenggara atau di bahagian selatan negara China, di sekitar Provinsi Guangdong dan Guangxi, ada sesetengah penganut Buddha awam ketika berbual-bual, mereka tidak mengatakan mereka itu berkultivasi Buddha, seolah-olahnya istilah berkultivasi Buddha ini sudah terlalu ketinggalan zaman, mereka berkata mereka berpantang daging ataupun vegetarian, maksudnya mereka menjalani kultivasi Buddha secara vegetarian. Mereka menganggap kultivasi Buddha sebagai hal yang demikian senang. Dengan menjalani vegetarian pun sudah dapat berkultivasi Buddha? Kalian tahu,

ia hanyalah sejenis keterikatan hati dan nafsu keinginan manusia, satu-satunya keterikatan ini, hanya menyingkirkan satu keterikatan hati ini. Masih perlu menyingkirkan sifat iri hati, nafsu bersaing, kegembiraan hati, sikap suka menonjolkan diri, pelbagai keterikatan hati, keterikatan hati manusia memang banyak, segala keterikatan hati yang ada, pelbagai nafsu keinginan, semuanya harus disingkirkan, dengan demikian baru boleh Xiu Lian mencapai kesempurnaan. Malah, dengan hanya menyingkirkan keterikatan hati untuk makan daging pun sudah dapat berkultivasi Buddha? Pernyataan itu adalah tidak benar.

Manusia pada isu makanan bukan hanya setakat makan daging sahaja, keterikatan pada apa-apa makanan pun tidak boleh, benda-benda juga adalah sama. Ada orang yang berkata saya memang suka makan ini, ini juga merupakan nafsu keinginan, orang yang Xiu Lian setelah mencapai tahap tertentu, tidak akan mempunyai keterikatan ini. Sudah tentu, ajaran Fa kita adalah amat tinggi, adalah diajarkan secara gabungan berdasarkan berbagai tingkat yang berbeza, dengan seketika mencapai tahap tersebut adalah mustahil. Katakan anda memang ingin makan benda itu, apabila benar-benar Xiu Lian sehingga tiba saatnya untuk menyingkirkan keterikatan itu, anda pun tidak dapat makan lagi, jika anda makan, rasanya tidak enak lagi, tidak dapat kata apa rasanya. Ketika saya bertugas di tempat kerja, kantin di tempat kerja selalu mengalami kerugian, akhirnya tutup kedai. Setelah tutup kedai, semua orang membawa makanan dari rumah. Waktu pagi menyediakan sedikit lauk, sibuk dan tergesa-gesa sehingga sangat membazirkan tenaga untuk bersiap-sedia ke tempat kerja. Kadangkala membeli dua biji mantou, membeli sepotong taufu masak kicap. Secara logik, makanan yang begitu tawar sepatutnya boleh, namun selalu makan pun tidak boleh, juga perlu menyingkirkan keterikatan hati ini. Sebaik sahaja anda melihat taufu itu, segera anda pun berasa mual, sekiranya ingin makan lagi pun tidak lalu makan, juga kluatir anda timbulnya keterikatan hati. Sudah tentu ini semestinya Xiu Lian sehingga mencapai tahap tertentu, ketika baru mula tidak akan begini.

Dalam aliran Buddha tidak boleh minum arak, pernahkah anda lihat mana-mana Buddha yang menjinjing botol arak? Tidak ada. Saya kata daging tidak boleh makan, namun setelah menyingkirkan keterikatan hati menerusi Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, kelak makan lagi juga tidak ada masalah. Akan tetapi, setelah menyingkirkan

ketagihan arak, tidak boleh minum lagi. Dalam tubuh pelatih Gong bukankah selalu mempunyai Gong? Pelbagai bentuk Gong, ada sesetengah kemampuan Gong yang bermanifestasi di permukaan tubuh anda, semuanya murni belaka. Sebaik sahaja anda minum arak, “wuush” – dengan seketika semuanya pun meninggalkan tubuh, pada seketika ini, pada tubuh anda apa pun sudah tidak ada lagi, sesiapa pun takut akan bau tersebut. Bila anda ketagih dengan kebiasaan ini adalah sangat membencikan, minum arak akan kehilangan akal budi. Mengapakah sesetengah Maha Tao ketika Xiu Lian perlu minum arak? Ini kerana mereka bukannya Xiu Lian pada Yuan Shen utamanya, tetapi bertujuan untuk membiuskan Yuan Shen utama.

Ada orang yang gemar minum arak seperti menyayangi nyawanya, ada orang yang ketagihan arak, ada orang yang sudah minum sehingga keracunan alkohol, malah kehilangan selera makan jika tidak minum, tidak minum tidak boleh. Kita selaku pelatih Gong tidak sepatutnya begini. Minum arak tentu akan ketagih, ia adalah nafsu keinginan, merangsang saraf ketagihan manusia, makin minum makin ketagih. Selaku seorang pelatih Gong, cuba kita fikirkan, keterikatan hati sebegini patut disingkirkan ataupun tidak? Keterikatan hati sebegini juga harus disingkirkan. Ada yang berfikir: “Tidak boleh, tugas saya adalah menyambut dan menghantar tetamu, ataupun saya ditugaskan khas untuk menjalin hubungan urusan di luar, jika tidak minum arak urusan saya tidak mudah diselesaikan. Saya kata tidak semestinya, lazimnya ketika berunding perniagaan, terutamanya ketika berunding perniagaan ataupun berurusan dengan orang asing, anda minta minuman ringan, dia minta air mineral, yang lain minta segelas bir. Tidak ada yang memaksa anda minum, anda minum pilihan anda sendiri, minumlah sebanyak yang anda mampu, khususnya pada kaum intelektual, makin tidak timbulnya hal sebegini, seringkali adalah sedemikian.

Merokok juga merupakan keterikatan hati, ada orang yang berkata menghisap rokok dapat menyegarkan semangat, saya kata itu adalah pendapat yang menipu diri sendiri dan orang lain. Ada sesetengah orang bekerja sehingga berasa letih ataupun mengarang sesuatu artikel sehingga berasa penat, ingin berehat sebentar lalu menghisap sebatang rokok, dia pun berasa semangat setelah merokok. Sebenarnya tidak, itu adalah kerana dia

telah berehat sejenak. Fikiran manusia boleh menghasilkan sejenis ilusi, malah boleh menimbulkan sejenis khayalan sebegitu. Maka kelak pun benar-benar membentuk suatu konsep, terbentuknya sejenis ilusi, anda berasa merokok seolah-olah telah menyegarkan semangat anda, padahal langsung tidak, ia tidak membawa efek. Merokok tidak mendatangkan sebarang faedah pun terhadap tubuh manusia, setelah sekian lama orang ini merokok, apabila doktor melakukan pembedahan tubuh, yang terlihat saluran trakea semuanya hitam-hitam belaka, bahagian dalam paru-parunya juga kelihatan hitam.

Kita selaku pelatih Gong bukannya ingin memurnikan tubuh? Tidak berhenti memurnikan tubuh, tidak berhenti berkembang menuju ke tingkat tinggi. Sedangkan anda masih mengotorkan tubuh anda, bukannya anda sudah terbalik dengan kita? Selain itu, ia juga merupakan sejenis nafsu keinginan yang amat kuat. Ada orang juga tahu itu tidak baik, namun tidak dapat menghentikannya. Sebenarnya saya beritahu kalian, dia tidak mempunyai fikiran yang tepat sebagai bimbingan, kalau ingin menghentikannya sebegitu tidak mudah. Selaku seorang pelatih Xiu Lian, hari ini anda menganggapnya sebagai suatu keterikatan hati yang harus disingkirkan, cuba lihat sama ada anda dapat menghentikannya. Saya menasihatkan kalian, yang benar-benar ingin Xiu Lian, mulai sekarang anda menghentikan tabiat merokok, nescaya anda dapat menghentikannya. Di dalam medan kelas ini tidak ada orang yang terfikir ingin merokok, kalau anda ingin menghentikannya, pasti anda dapat menghentikannya, apabila anda merokok semula, anda akan merasa sudah tidak seperti rasanya. Apabila anda membaca buku pada kuliah ini, juga akan timbul kesan sebegini. Sudah tentu, jika anda tidak ingin Xiu Lian, kami pun tidak akan peduli, selaku seorang yang Xiu Lian, saya fikir anda seharusnya menghentikannya. Saya pernah memberi satu contoh sebegini: Anda lihat mana satu Buddha mahupun Tao yang duduk di situ dengan batang rokok terselip di bibirnya? Mana ada yang begitu? Sebagai seorang yang Xiu Lian, apakah matlamat anda? Bukankah anda seharusnya menghentikannya? Oleh itu, saya kata jika anda ingin Xiu Lian, anda hentikannya, ia merosakkan tubuh anda, juga merupakan sejenis nafsu keinginan, justru bertentangan dengan permintaan terhadap kita yang Xiu Lian.

Perasaan Cemburu

Semasa saya mengajar Fa sering membicarakan soal perasaan cemburu. Mengapa? Ini kerana perasaan cemburu kelihatan amat ekstrem kuat di negara China, kuat sehingga sudah menjadi sesuatu kebiasaan, diri sendiri pun tidak sedar. Mengapa perasaan cemburu dalam kalangan orang Cina begitu kuat? Ia juga ada asal usulnya. Dahulunya orang Cina dipengaruhi oleh Konfusianisme dengan lebih mendalam, perangai pun lebih introvert, marah tidak diperlihatkan, gembira juga tidak diperlihatkan, mengutarakan daya pengendalian diri, mengutarakan kesabaran. Oleh kerana sudah biasa seperti ini, maka seluruh bangsa kita pun terbentuknya perangai yang amat introvert. Sudah tentu ia mempunyai kebaikannya sendiri, tidak mendedahkan keindahan dalaman. Namun juga wujud kelemahannya, mungkin membawa kondisi yang tidak baik. Terutamanya sampai ke zaman akhir Dharma, bahagian yang tidak baik ini pun kelihatan makin menonjol, maka akan menyebabkan seseorang itu bertumbuh perasaan cemburu. Sesiapa yang menyampaikan berita baik, orang lain dengan segeranya pun berasa cemburu sehingga tidak terperi, bila mendapat hadiah di sesuatu tempat kerja ataupun di luar tempat kerja, ataupun mendapat sedikit manfaat atau keuntungan, tidak berani bersuara, bila orang lain mengetahui hatinya akan berasa tidak seimbang. Orang barat memanggil ini sebagai kecemburuan timur, juga dipanggil kecemburuan Asia. Seluruh kawasan Asia telah dipengaruhi dengan lebih mendalam oleh Konfusianisme dari negara China, semuanya terbawa sedikit, tetapi hanya kelihatan lebih ekstrem kuat di negara China.

Ini ada sedikit kaitan dengan kefahaman sama rata mutlak yang kita amalkan dahulu, bagaimanapun, jika langit rebah, semua orang mati bersama; ada apa-apa faedah semua orang bahagi sama rata; kenaikan gaji sebanyak berapa peratus pun seorang sebahagian. Fikiran sebegini kelihatan macam agak betul, semua orang pun sama. Sebenarnya mana boleh sama? Kerja yang dibuat tidak sama, tahap beban tugas dan kewajipan juga tidak sama. Alam semesta kita ini masih ada satu prinsip, digelar 'yang tidak kehilangan, tidak akan peroleh, bila peroleh harus ada kehilangan'. Dalam kalangan manusia biasa berkata 'tidak berusaha maka tidak akan memperoleh, banyak berusaha maka banyak yang diperoleh, kurang berusaha sedikit yang diperoleh, banyak berusaha

maka sepatutnya lebih banyak yang diperoleh'. Kefahaman sama rata mutlak yang diamalkan pada masa dahulu mengatakan bahawa setiap orang ketika dilahirkan adalah sama, masa sesudah kelahiran yang telah mengubah manusia. Menurut saya itu pernyataan yang terlalu mutlak, apa-apa perkara jika terlalu mutlak adalah tidak betul. Mengapa ketika manusia dilahirkan masih ada lelaki dan perempuan? Malah rupa juga tidak sama? Ada orang ketika dilahir adalah berpenyakit, cacat, bukannya sama. Kita lihat dari tingkat tinggi, hayat seseorang yang wujud di ruang dimensi lain sudah pun terpamer di situ, bolehkah ianya sama? Semua juga ingin sama rata, sedangkan dalam hayatnya itu tiada, macam mana hendak sama rata? Adalah tidak sama.

Perangai orang di negara barat adalah lebih ekstrovert, bila gembira dapat dilihat, bila marah juga dapat dilihat. Ia mempunyai kebaikannya sendiri tetapi juga ada keburukannya, tidak dapat menahan diri. Kedua-dua perangai konsepnya adalah berbeza, kesan yang diakibatkan ketika membuat sesuatu juga tidak sama. Bagi orang Cina, jika pemimpin memujinya, ataupun memberikan apa-apa faedah kepadanya, orang lain pun akan berasa tidak seimbang. Jika mendapat lebih sedikit wang ganjaran, secara diam-diam akan menyembunyikan ke dalam saku, enggan diketahui oleh orang lain. Sekarang menjadi pekerja teladan pun tidak mudah: "Anda pekerja teladan dan bekerja dengan baik, anda harus datang awal dan balik lewat, semua kerja ini anda selesaikan, anda dapat bekerja dengan baik, kami tidak boleh", ejekan dan sindiran, bukan mudah untuk menjadi orang yang baik.

Jika di luar negara pula berlainan sama sekali. Majikannya lihat dia bekerja dengan baik hari ini, pun memberinya lebih banyak ganjaran. Dengan riang gembira dia mengira sehelai demi sehelai di depan orang ramai: "Ah, hari ini majikan memberi saya begini banyak wang", dengan gembira, dia membilang sehelai demi sehelai kepada semua orang, dia tidak mengalami apa-apa kesan buruk. Jika di negara China, katakan ada orang mendapat lebih banyak wang ganjaran, pemimpin akan menyuruh anda simpan dengan segera, jangan biarkan orang lain nampak. Di luar negara, jika kanak-kanak mendapat seratus markah di sekolah, dengan riang gembira dia berlari sambil berteriak: "Hari ini saya mendapat seratus markah, saya mendapat seratus markah!" terus berlari dari sekolah

sampai ke rumah. Jiran-jirannya akan membuka pintu lalu berteriak, “Oi, Tom, bagusnya, budak ni.” Jiran lain pun membuka tingkap: “Oi, Jack, hebat benar kau.” Hal ini kalau berlaku di negara China pun habislah: “Aku mendapat seratus markah, aku mendapat seratus markah!” Budak ini berlari dari sekolah sampai ke rumah, pintu itu belum sempat dibuka, dari dalam rumah sudah pun mengumpat: “Apa hebatnya, bukankah cuma mendapat seratus markah sahaja? Berlagak apa! Siapa tak pernah mendapat seratus markah!” Dua konsep berlainan ini akan mengakibatkan kesan yang berlainan. Ia boleh menimbulkan perasaan cemburu seseorang, bila orang lain mendapat sesuatu yang baik, bukannya tumpang gembira bagi orang lain, tetapi hatinya berasa tidak seimbang pula. Ia akan timbul masalah ini.

Beberapa tahun yang lalu kefahaman sama rata mutlak yang diamalkan, benar-benar telah menyebabkan kacau-bilau dalam konsep fikiran manusia. Beri satu contoh yang spesifik. Orang ini ketika di tempat kerjanya, dia berasa orang lain tidak sehebat dia, dia buat apa juga jadi, berasa dirinya memang hebat. Dia berfikir dalam hatinya sendiri: “berikan jawatan ketua kilang ataupun pengurus saya juga boleh buat; berikan saya jawatan yang lebih besar saya juga boleh buat; jadi presiden pun saya rasa boleh.” Pemimpin mungkin juga berkata orang ini memang cekap, buat apa pun boleh. Rakan-rakan sekerja mungkin juga berkata, orang ini memang cekap, ada daya, ada bakat.” Namun, di dalam kumpulan atau jabatannya, ataupun di pejabat yang sama dengan mereka ada seorang, buat apa juga tidak jadi, apa pun tidak mampu dibebaninya. Pada suatu hari, orang yang tidak berkemampuan ini telah dinaikkan pangkat menjadi pemimpin, tidak menaikkan pangkatnya, malah telah menjadi pemimpinnya. Dalam hatinya justru berasa tidak seimbang, bergerak merata-rata, geram atas ketidak-adilan, tidak terperi perasaan kecemburuannya.

Saya beritahu kalian prinsip sebegini, prinsip yang tidak dapat difahami oleh manusia biasa: Anda lihat anda apa pun mampu, tetapi anda tidak ditakdirkan; Dia apa pun tidak mampu, tetapi dia ditakdirkan, maka dia pun menjadi pemimpin. Tidak kira bagaimana manusia biasa fikir, itu adalah fikiran manusia biasa. Ditinjau dari perspektif kehidupan yang lebih tinggi, perkembangan masyarakat umat manusia, hanya berkembang

mengikuti hukum perkembangan spesifik, oleh itu, apa yang seseorang itu kerja sepanjang hidupnya, bukanlah diatur mengikuti kemampuan yang dia miliki. Dalam agama Buddha mengutarakan pembalasan karma yang bergilir, ia diatur berdasarkan karma anda, betapa besarnya kemampuan anda, jika anda tidak memiliki De, anda mungkin tidak memperoleh apa-apa pun dalam seluruh hidup anda. Anda lihat dia apa pun tidak mampu, namun De-nya besar, boleh menjadi pegawai besar, boleh menjadi kaya raya. Manusia biasa tidak dapat nampak aspek ini, dia pun selalu berasa diri sendirinya patut buat apa-apa perkara yang harus dibuat olehnya. Oleh itu, sepanjang hayatnya dia selalu bersaing dan berebut, hati ini mengalami cedera parah, berasa amat menderita, amat letih, hatinya sentiasa berasa tidak seimbang. Makan tidak enak, tidur tidak lena, terasa hampa, apabila sampai usia tua, badannya pun rosak, segala penyakit pun timbul.

Oleh itu, kita selaku orang yang Xiu Lian lagi tidak patut berbuat demikian, kita sebagai orang yang Xiu Lian mengutarakan prinsip mengikuti keadaan secara wajar, yang semestinya milik anda tidak akan cicir, yang bukan milik anda tidak akan diperoleh meskipun anda rebut. Sudah tentu ini juga bukannya mutlak. Jika semua adalah demikian mutlak, maka pun tidak akan wujudnya masalah tentang manusia berbuat jahat, dalam erti kata lain, ia juga mungkin wujudnya beberapa faktor yang tidak stabil. Akan tetapi, kita selaku orang yang Xiu Lian, menurut prinsip adalah ditangani oleh Fa Shen Guru, orang lain jika ingin mengambil benda milik anda pun tidak mampu. Oleh itu, kita mengutarakan prinsip mengikuti keadaan secara wajar, kadangkala anda melihat benda itu adalah milik anda, orang lain juga beritahu anda bahawa benda ini adalah milik anda, sebenarnya ia bukan milik anda. Justeru anda pun mungkin menganggap itu milik anda, akhirnya ia bukan milik anda, dari sini melihat sama ada anda dapat melepaskan perkara ini ataupun tidak, kalau tidak dapat melepaskannya, maka itu adalah keterikatan hati, maka haruslah menggunakan cara ini untuk menyingkirkan rasa kepentingan anda, inilah masalahnya. Oleh kerana manusia biasa tidak dapat menyedari prinsip ini, ketika berhadapan dengan kepentingan akan bersaing dan berebut.

Perasaan cemburu yang ditonjolkan dalam kalangan manusia biasa benar-benar terlalu hebat, sepanjang sejarah, di dalam komuniti Xiu Lian juga diperlihatkan lebih

menonjol. Di antara aliran Gong saling tidak berpuas hati, Gong anda baik, Gong dia baik, selalu ada komen-komen tentang kelebihan dan kekurangan orang lain, saya katakan, semua ini adalah pada tingkat menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan. Yang saling bersaing antara satu sama lain itu, kebanyakannya adalah Gong kacau bilau yang dibawa oleh Fu Ti, juga tidak mengutarakan Xin Xing. Ada orang yang berlatih Gong sudah dua puluh tahun lebih juga belum timbul kemampuan Gong, orang lain baru berlatih pun sudah timbul kemampuan Gong, dalam hatinya lalu berasa tidak seimbang: “Saya berlatih Gong sudah dua puluh tahun lebih, saya juga belum timbul kemampuan Gong, dia pula timbul kemampuan Gong, dia timbul kemampuan Gong apa?” Hatinya berasa sangat marah, “Dia itu adalah Fu Ti, terjelma iblis!” Master Qi Gong mengadakan kuliah, ada orang duduk di situ pun berasa tidak puas hati: “Ah, Master Qi Gong apa, saya tidak rela dengar perkara mainan yang dia ajarkan itu.” Master Qi Gong itu mungkin benar-benar tidak mengajar sebaiknya, namun yang diajarkan oleh Master Qi Gong itu adalah perkara-perkara alirannya sendiri. Orang ini apa pun dia belajar, sijil kursusnya setumpuk banyak, mana-mana Master Qi Gong mengadakan kuliah dia juga menyertai, dia memang tahu banyak, lebih banyak berbanding dengan Master Qi Gong tersebut. Namun apa gunanya? Semuanya adalah benda-benda untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan, semakin banyak diterimanya, semakin kacau bilau informasi, semakin rumit, semakin susah untuk berkultivasi, sudahpun menjadi kucar-kacir. Xiu Lian yang benar mengutamakan spesialisasi tunggal, tidak boleh timbul sebarang penyimpangan. Di antara pelatih yang benar-benar berkultivasi Tao, juga ada refleksi sebegini, saling tidak berpuas hati antara satu sama lain, niat bersaing tidak disingkirkan, juga mudah timbul perasaan cemburu.

Kita ceritakan sebuah kisah: Shen Gong Bao dalam “Kisah Penganugerahan Dewa”, melihat Jiang Zi Ya tua dan juga tidak berkemampuan, namun Dewa Langit Primitif pula menugaskan Jiang Zi Ya untuk menganugerahkan dewa. Hati Shen Gong Bao menjadi tidak seimbang: “Mengapa dia yang ditugaskan untuk menganugerahkan dewa? Anda lihat saya Shen Gong Bao betapa hebat, kepala saya selepas dipotong masih boleh dipasang balik, mengapa saya tidak dipanggil untuk menganugerahkan dewa?” Dia berasa teramat cemburu, lalu sentiasa mengganggu Jiang Zi Ya.

Pada zaman Sakyamuni, agama Buddha primitif mengutarakan kemampuan Gong, sekarang dalam agama Buddha sudah tidak ada orang yang berani membicaraan tentang kemampuan Gong. Jika anda berbicara tentang kemampuan Gong, dia akan kata anda ini terjelma iblis. Kemampuan Gong apa? Dia langsung tidak mengakuinya. Mengapa? Sami sekarang langsung tidak tahu apa yang berlaku. Sakyamuni mempunyai sepuluh anak murid utama, Mu Jian Lian⁶⁶ dikatakan memiliki kuasa supernormal nombor satu. Sakyamuni masih ada anak murid perempuan, salah satu di antaranya ada seorang yang bernama Lian Hua Se⁶⁷, juga memiliki kuasa supernormal nombor satu. Agama Buddha tersebar masuk ke negara China juga sama, sepanjang sejarah muncul banyak sami yang bertingkat tinggi, ketika Bodhidharma datang ke negara China, menyeberangi sungai dengan sebatang gelagah. Akan tetapi dalam perkembangan sejarah kuasa supernormal makin lama makin ditolak, sebab utama ialah sami besar dalam biara, sami yang menguruskan biara, ketua biara dan lain-lainnya di dalam biara tidak semestinya adalah orang yang mempunyai dasar bawaan yang besar, jangan lihat dia menjadi ketua biara, sami besar, itu hanyalah suatu jawatan dalam kalangan manusia biasa, dia juga adalah orang yang sedang Xiu Lian, cuma dia adalah profesional. Anda berkultivasi di rumah adalah usaha sambilan. Perihal sama ada anda boleh berhasil dalam kultivasi ataupun tidak, semuanya bergantung pada hati anda ini untuk berkultivasi, semuanya adalah sama, kurang sedikit pun tidak boleh. Akan tetapi sami kecil yang menyalakan api dan memasak, dia tidak semestinya adalah orang yang mempunyai dasar bawaan yang kecil. Sami kecil makin menderita makin mudah terbukanya Gong, sami besar makin menikmati hidup makin tidak mudah terbukanya Gong, ini kerana di sini ada suatu masalah transformasi karma. Sami kecil selalu mengalami penderitaan dan berletih lesu, membayar karma lebih cepat, akan lebih cepat terbuka kesedarannya, kemungkinan suatu hari dengan tiba-tiba dia pun terbukanya Gong. Sebaik sahaja terbuka Gong, terbuka kesedaran ataupun separuh terbuka kesedaran, kuasa supernormalnya pun timbul, kesemua sami dalam biara pun akan bertanya kepadanya, semua orang pun mengaguminya. Namun ketua biara ini akan menjadi tidak tahan: “Bagaimana saya ini hendak menjadi ketua, apa itu terbuka kesedaran?”

⁶⁶ Mu Jian Lian – Dalam bahasa Sanskrit dipanggil dengan nama “Maudgalyayana”.

⁶⁷ Lian Hua Se – Dalam bahasa Sanskrit dipanggil dengan nama “Uppalavana”.

Dia itu terjelma iblis, usir dia keluar.” Dia diusir keluar dari biara. Lama kelamaan, agama Buddha di daerah Han kita tidak ada orang yang berani berbicara tentang kemampuan Gong. Anda lihat betapa besar kemampuan Ji Gong⁶⁸, dari Gunung Ermei memindah batang kayu, sebatang demi sebatang dilempar ke atas dari dalam perigi, akhirnya juga diusir keluar dari biara Lingyin.

Isu perasaan cemburu ini amat serius, ini kerana ia bersangkutan-paut secara langsung dengan isu sama ada kultivasi kita boleh mencapai kesempurnaan ataupun tidak. Jika perasaan cemburu tidak disingkirkan, segala hasil Xiu Lian manusia akan menjadi sangat rapuh dan lemah. Ini masih ada satu ketentuan: Manusia dalam proses Xiu Lian, jika perasaan cemburu tidak disingkirkan, dia tidak akan memperoleh buah sejati. Dahulunya kalian mungkin pernah dengar, Buddha Amitabha mengutarakan kelahiran semula dengan membawa karma, namun jika perasaan cemburu tidak disingkirkan adalah tidak dibenarkan. Jika aspek lain kurang sedikit, agak kurang sedikit masih boleh kelahiran semula dengan membawa karma, kemudian melanjutkan Xiu Lian, itu mungkin boleh, namun jika perasaan cemburu tidak disingkirkan adalah tidak boleh sama sekali. Hari ini saya beritahu orang yang berlatih Gong, anda jangan sesekali sesat sehingga tidak sedar, matlamat yang anda ingin capai adalah Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, perasaan cemburu haruslah disingkirkan. Oleh itu kami membincangkannya secara tunggal.

Isu Mengubati Penyakit

Membicarakan tentang mengubati penyakit, bukannya mengajar anda mengubati penyakit. Pelatih Falun Dafa yang benar-benar Xiu Lian, sesiapa pun tidak boleh mengubati penyakit orang lain, sebaik sahaja anda mengubati penyakit, segala benda Falun Dafa yang terbawa dalam tubuh anda, Fa Shen saya akan menyimpan balik kesemuanya. Mengapa isu ini dipandang dengan begitu serius? Ini kerana ianya adalah suatu fenomena yang merosakkan Dafa. Tanpa membicarakan ianya akan merosakkan tubuh anda sendiri, ada sesetengah orang setelah mengubati penyakit, tangannya akan menjadi gatal, sebaik

⁶⁸

Ji Gong – Nama seorang sami dalam legenda negara China.

sahaja terlihat sesiapa pun akan tarik dia untuk mengubati penyakit demi menonjolkan diri, bukankah ini keterikatan hati? Secara serius ianya menjejaskan Xiu Lian seseorang.

Ada ramai master Qi Gong palsu mengambil kesempatan atas psikologi manusia biasa, setelah belajar Qi Gong ingin menggunakannya untuk mengubati penyakit orang lain, lalu pun mengajar anda benda ini. Katanya, dengan memancarkan Qi boleh mengubati penyakit, bukankah itu menggelikan hati? Anda ada Qi, dia juga ada Qi, dengan hanya memancarkan Qi anda pun dapat mengubati penyakit orang? Kemungkinan Qi orang itu telah mengubati penyakit anda! Di antara Qi dengan Qi tiada kesan menyekat. Manusia ketika Xiu Lian pada tingkat tinggi dan timbulnya Gong, yang dipancarkan adalah material energi tinggi, ini memang boleh mengubati penyakit, boleh mengekang penyakit, boleh menimbulkan kesan menyekat, namun tidak boleh membasmikannya secara tuntas. Oleh itu, yang benar-benar dapat mengubati penyakit, harus memiliki kemampuan Gong baru dapat mengubati penyakit secara tuntas. Setiap jenis penyakit selalunya mempunyai sejenis kemampuan Gong spesifik bagi jenis penyakit yang diubati, saya katakan, kemampuan Gong yang semata-mata untuk mengubati penyakit pun ada seribu jenis, ada berapa jenis penyakit, maka pun ada berapa jenis kemampuan Gong khas untuk mengubatinya. Tanpa kemampuan Gong ini, betapa indah teknik permainan tangan anda juga tidak berguna.

Ada sesetengah orang dalam beberapa tahun ini telah menyebabkan komuniti Xiu Lian menjadi amat kucar-kacir. Master Qi Gong yang benar-benar tampil untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, master Qi Gong yang tampil untuk mengasaskan jalan ini pada mula-mulanya, mana ada yang mengajar orang mengubati penyakit? Kesemuanya adalah dia mengubati penyakit anda ataupun mengajar anda bagaimana hendak Xiu Lian, bagaimana hendak melatih tubuh, mengajar anda satu set kaedah Gong, kemudiannya anda sendiri berlatih untuk menyingkirkan penyakit. Selepas itu datangnya master Qi Gong palsu yang menyebabkan suasana menjadi kacau dan kotor, sehinggakan sesiapa sahaja yang ingin mengubati penyakit akan mengundang Fu Ti, pastinya begini. Dalam keadaan pada masa itu, juga ada sesetengah master Qi Gong yang mengubati penyakit, itu adalah demi menyesuaikan fenomena alam pada masa itu. Akan tetapi, ia bukannya kemahiran dalam kalangan manusia biasa, tidak boleh dikekalkan

selama-lamanya, itu adalah diakibatkan oleh perubahan fenomena alam pada masa itu, iaitu hasil dari zaman itu. Kemudiannya timbul pula apa yang khusus mengajar orang untuk mengubati penyakit, lalu menjadi serampangan. Seorang manusia biasa dalam masa tiga atau lima hari pun sudah boleh mengubati penyakit? Ada orang yang berkata: “Saya boleh mengubati penyakit ini, penyakit itu.” Saya beritahu anda, sebarang apa yang sebegini adalah yang membawa Fu Ti, adakah anda tahu apa yang menempel di belakang tubuh anda? Anda mempunyai Fu Ti, anda sendiri tiada perasaan, anda tidak tahu, anda berasa agak baik, berasa diri sendiri ada kemampuan.

Master Qi Gong yang tulen perlu mengharungi betapa banyak tahun kultivasi dengan tekun baru boleh mencapai matlamat sebegini. Apabila anda mengubati penyakit orang, cuba anda fikirkan sama ada anda memiliki kemampuan Gong yang begitu besar dan kuat untuk melenyapkan karma orang ini? Adakah anda pernah memperoleh ajaran sejati? Anda dengan hanya dua atau tiga hari pun sudah boleh mengubati penyakit? Anda dengan tangan manusia biasa boleh mengubati penyakit? Akan tetapi master Qi Gong palsu ini mengeksploitasi kelemahan anda, mengeksploitasi keterikatan hati manusia, bukankah anda mengejar kemampuan mengubati penyakit? Baik, dia mengadakan satu kursus mengubati penyakit, khas untuk mengajar anda kaedah-kaedah mengubati penyakit. Apa yang disebut akupunktur Qi, apa yang disebut kaedah pancaran cahaya, membuang, memperkuat, apa yang disebut akupunktur, apa yang disebut kaedah menangkap dengan satu genggam, namanya agak beraneka ragam, tujuannya adalah untuk menggaut wang anda.

Kita menceritakan sahaja kaedah menangkap dengan genggam ini. Keadaan yang kami lihat adalah sebegini: Manusia mengapa ada penyakit? Sebab utama yang menyebabkan dia berpenyakit dan bernasib malang adalah karma, medan karma material hitam itu. Ia adalah benda yang bersifat Yin, merupakan benda yang tidak baik. Sedangkan makhluk-makhluk yang tidak baik, juga merupakan benda yang bersifat Yin, semuanya tergolong dalam kategori hitam, oleh itu ia dapat naik ke atasnya, persekitaran ini sesuai untuk dia. Ia adalah sebab utama yang menyebabkan manusia berpenyakit, ini adalah suatu sumber penyakit yang paling utama. Sudah tentu masih ada dua corak: yang satu adalah

makhluk yang teramat kecil dengan darjat kepadatan yang sangat besar, benda yang seperti gumpalan karma; masih ada satu lagi yang berupa seperti penghantaran melalui saluran paip, ini agak jarang dijumpai, semuanya adalah yang dikumpul oleh nenek moyang dan diwariskan secara turun-temurun, juga ada keadaan seperti ini.

Kita ceritakan yang paling umum, bahagian mana tubuhnya telah tumbuh tumor, bahagian mana mengalami radang, di bahagian mana mengalami osteoproliferasi⁶⁹ dan sebagainya, di ruang dimensi yang lain ialah di tempat itu terbaringnya satu makhluk, pada suatu ruang dimensi yang sangat mendalam terdapatnya satu makhluk. Master Qi Gong yang biasa tidak dapat melihat, kemampuan supernormal yang umum tidak dapat melihat, hanya dapat melihat tubuh manusia ada Qi hitam. Bahagian mana terdapatnya Qi hitam, bahagian itu pun mempunyai penyakit, ini adalah pernyataan benar. Akan tetapi, Qi hitam bukan sebab utama yang mengakibatkan penyakit, ia adalah kerana pada suatu ruang dimensi yang sangat mendalam terdapatnya satu makhluk yang sebegitu, ia yang memancarkan medan ini. Oleh itu, ada yang mengatakan buang ke luar, mendorongnya keluar. Cuba anda buang ke luar! Tidak lama kemudian, ia akan timbul lagi, ada yang sangat kuat, sebaik sahaja dibuang ke luar pun sudah ditarik kembali, dengan sendirinya dapat menarik kembali, bagaimana mengubatinya pun tidak dapat sembuh.

Menurut pengamatan kemampuan supernormal, bahagian mana terdapatnya Qi hitam, dianggap sebagai Qi penyakit; menurut tabib Cina ialah di bahagian itu urat tersumbat, Qi dan darah tidak lancar, urat-urat tersumbat; menurut doktor barat pula, ialah bahagian itu ada ulser, tumbuh tumor, osteoproliferasi atau peradangan dan lain-lain gejala, manifestasinya dalam ruang dimensi ini memang adalah corak sedemikian. Setelah anda menyingkirkan makhluk tersebut, anda akan mendapati dalam tubuh anda apa pun tidak ada. Apa yang disebut penonjolan lumbar intervertebral disk mahupun osteoproliferasi, setelah anda menyingkirkan benda itu, setelah anda mendorong medan tersebut ke luar, anda akan dapati bahawa ia sembuh dengan segera. Jika anda menangkap foto sinar-X lagi, apa yang disebut osteoproliferasi pun sudah tidak ada lagi, sebab utama ialah benda itulah yang membawa kesan.

⁶⁹ Osteoproliferasi – Tulang tumbuh lebih.

Ada orang yang berkata tiga hari boleh mengubati penyakit, lima hari boleh mengubati penyakit, mengajar anda kaedah menangkap dengan gengaman. Cuba anda tangkap, biar saya lihat. Manusia adalah yang paling lemah, sedangkan makhluk itu adalah amat hebat. Dia mengawal otak anda, mempermainkan anda sehingga berputar-putar, bahkan dengan mudah dapat mengambil nyawa anda. Anda kata anda menangkap dia, bagaimana anda menangkap? Anda dengan tangan manusia biasa ini tidak dapat menyentuhnya, anda meraup dengan serampangan, ia juga tidak mempedulikan anda, malah ia masih mengetawakan anda di belakang, menangkap serampangan, sangat menggelikan. Jika anda benar-benar dapat menyentuhnya, dengan segera dia pun akan mencederakan tangan anda, itu adalah luka yang benar! Dahulunya saya pernah lihat sesetengah orang, kedua-dua tangannya pun tidak cedera, menjalani apa-apa pemeriksaan pun, tubuhnya tidak berpenyakit, kedua-dua tangannya tidak berpenyakit, namun tangannya tidak dapat diangkat naik, hanya terkulai begini sahaja, pesakit ini pun saya pernah temui. Tubuhnya yang berada di ruang dimensi lain itu sudah cedera, itu benar-benar sudah cacat. Tubuh anda itu pun sudah cedera, bukankah sudah cacat? Ada orang yang bertanya kepada saya: “Guru, bolehkah saya berlatih Gong? Saya sudah menjalani pembedahan pemandulan, ataupun telah keluarkan sesuatu.” Saya kata semua ini tidak ada pengaruh, tubuh anda yang berada di ruang dimensi lain itu tidak menjalani pembedahan, sedangkan berlatih Gong adalah tubuh itu yang menimbulkan kesan. Oleh itu tadi saya katakan, anda menangkap dia, anda tidak dapat menyentuhnya, dia juga tidak mempedulikan anda. Jika anda dapat menyentuhnya, dia mungkin akan mencederakan tangan anda.

Demi menyokong aktiviti Qi Gong berskala besar anjuran negara, saya membawa sejumlah anak murid untuk menyertai Ekspo Kesihatan Oriental di Beijing. Dalam dua kali Ekspo itu, kamilah yang paling menonjol. Pada Ekspo kali pertama, Falun Dafa diberi penghormatan sebagai aliran Gong Bintang Gemilang. Pada Ekspo kali kedua, bilangan pengunjung terlalu banyak sehingga kami kewalahan. Di gerai pameran yang lain tidak berapa banyak orang, sedangkan di sekeliling gerai pameran kami penuh kesesakan. Berbaris tiga sejajar, baris pertama pagi-pagi sudah pun berdaftar penuh untuk sesi pagi;

baris kedua menunggu pendaftaran untuk sesi petang; satu baris lagi sedang menunggu untuk mendapatkan tandatangan saya. Kami tidak mengubati penyakit, mengapa melakukan hal ini? Kerana ini adalah untuk menyokong aktiviti Qi Gong berskala besar anjuran negara, untuk memberi sumbangan kepada usaha ini, maka kami pun menyertai.

Saya membahagikan Gong saya kepada anak-anak murid yang saya bawa, setiap orang sebahagian, kesemuanya adalah gumpalan energi dari gabungan seratus lebih kemampuan Gong. Tangan mereka telah dibalut rapat, meskipun demikian, masih ada tangan yang digigit sehingga berluka, ada yang digigit sehingga melepuh, digigit sehingga berdarah, itu masih sering kali terjadi. Makhhluk itu semuanya begitu hebat, cuba anda fikir, dengan tangan manusia biasa, berani anda mengusik ia? Lagipun, anda juga tidak dapat menangkap ia, tanpa kemampuan Gong sebegitu juga tidak berdaya. Ini kerana di ruang dimensi yang lain, apa yang anda ingin buat, sebaik sahaja otak anda berfikir, ia pun sudah tahu, anda ingin menangkapnya, awal-awalnya ia pun sudah lari. Sebaik sahaja pesakit itu keluar pintu, dengan segera ia pun naik kembali, penyakitnya pun timbul lagi. Jika ingin menanganinya harus memiliki sejenis kemampuan Gong sebegini, sebaik sahaja tangan dihulurkan, 'pak', pun sudah terpaku di sana. Setelah terpaku tidak bergerak, kami masih memiliki sejenis kemampuan Gong, dahulunya dipanggil dengan nama kaedah Gong menghisap sukma, kemampuan Gong itu lagi hebat, boleh mengheret keluar seluruh Yuan Shen seseorang, orang itu pun dengan segera tidak dapat bergerak lagi. Kemampuan Gong ini mempunyai kegunaan yang spesifik, kami dengan khususnya menggunakan ini untuk menangkap makhhluk ini. Kalian tahu, mangkuk dalam tangan Buddha Tathagata, dengan memancar sebegini, anda lihat Sun Wu Kong yang begitu besar, dengan seketika berubah menjadi titik kecil. Kemampuan Gong ini memang boleh berfungsi sebegini. Tidak kira betapa besar makhhluk itu, tidak kira betapa kecil makhhluk itu, dengan seketika dipukul dengan tangan dan ditangkap, pun akan berubah menjadi kecil.

Selain itu, berkenaan menghulurkan tangan ke dalam tubuh fizikal pesakit lalu menangkapnya keluar, itu adalah tidak dibenarkan. Itu akan menyebabkan fikiran masyarakat manusia biasa menjadi kucar-kacir, langsung tidak dibenarkan untuk berbuat demikian, meskipun mampu, pun tidak boleh berbuat demikian. Yang dia hulurkan masuk

ke dalam adalah tangan di ruang dimensi lain. Katakan jantungnya berpenyakit, ketika tangan ini menangkap menuju arah bahagian jantungnya, tangan di ruang dimensi lain itu pun sudah masuk ke dalam. Sepintas sahaja, dengan amat pantas setelah ditangkap, tangan anda yang berada di luar itu pun menangkapnya, kedua-dua tangan pun bergabung bersama, lalu pun tertangkap dalam genggaman tangan. Makhluk itu sangat hebat, kadangkala masih bergerak walaupun sudah tertangkap dalam genggaman tangan, menyusup ke dalam, kadangkala menggigit, kadangkala masih menjerit lagi. Anda melihat begitu kecil ketika digenggam, setelah tangan dilepaskan akan berubah menjadi amat besar. Ini bukan sesuatu yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja, tanpa kemampuan Gong sebegitu langsung tidak dapat lakukan sama sekali, langsung bukan semudah apa yang kita bayangkan sama sekali.

Sudah tentunya pada masa yang akan datang, corak Qi Gong mengubati penyakit ini juga mungkin dibiarkan terus wujud, dahulunya juga sentiasa wujud. Akan tetapi ia harus memenuhi syarat, orang ini mestilah seorang yang Xiu Lian, dalam proses Xiu Lian dia didorong oleh perasaan belas kasihnya, dia boleh melakukan hal ini bagi sejumlah kecil orang yang baik. Namun, dia tidak dapat membantu orang melenyapkan karma ini secara tuntas, ini kerana keagungan De-nya tidak cukup, oleh itu penderitaan tetap ada, hanya penyakit yang spesifik telah sembuh. Master Qi Gong kecil yang umumnya bukan seseorang yang Xiu Lian dan memperoleh Tao, dia hanya mampu membantu orang lain mendorong penyakit ke belakang; juga mungkin mentransformasikannya, juga mungkin mentransformasikannya menjadi kemalangan yang lain. Namun, dalam proses mendorong, dia sendiri mungkin tidak tahu, jika yang Xiu Lian kaedah Gong adalah Fu Yi Shi, yang melakukannya adalah Fu Yi Shi-nya. Ada sesetengah pelatih Gong dari kaedah Gong yang lain nampak macam sangat terkenal, ramai master Qi Gong besar dengan reputasi termasyhur sebenarnya tidak memiliki Gong, semua Gong berada pada Fu Yuan Shen. Dengan kata lain, dalam proses Xiu Lian dibenarkan berbuat sedemikian, kerana sesetengah orang berada pada tingkat ini secara berterusan, sekali berlatih pun sudah lebih sepuluh tahun, malah beberapa puluh tahun pun masih tidak dapat keluar dari tingkat ini, oleh itu sepanjang hayatnya, dia sentiasa merawat penyakit untuk orang. Oleh kerana dia berada pada tingkat ini, lalu dia pun dibenarkan untuk berbuat sedemikian. Pelatih yang Xiu Lian Falun Dafa adalah dilarang mengubati penyakit sama sekali. Membaca buku ini

untuk pesakit, jika pesakit dapat terima, penyakitnya boleh diubati, namun keberkesannya bergantung kepada besar kecil karma seseorang.

Penyembuhan Hospital dan Penyembuhan Qi Gong

Kita bicarakan tentang masalah hubungan di antara penyembuhan hospital dan penyembuhan Qi Gong. Ada sesetengah doktor perubatan barat tidak mengakui Qi Gong, ini boleh dikatakan adalah majoriti. Pada pandangan mereka: “Jika Qi Gong dapat menyembuhkan penyakit, mengapa masih memerlukan hospital kami? Kalian menggantikan hospital kami sahaja! Qi Gong kalian dengan sekali sentuh pun sudah dapat menyembuhkan penyakit ini, bahkan tidak perlu disuntik, makan ubat, tinggal di hospital, alangkah baiknya jika anda menggantikan hospital kami?” Pernyataan ini sangat tidak bermunasabah, sangat tidak masuk akal. Ada orang tidak memahami Qi Gong, pada hakikatnya, penyembuhan Qi Gong tidak boleh sama seperti kaedah rawatan dalam kalangan manusia biasa, ia bukan kemahiran dalam kalangan manusia biasa, ia adalah satu perkara yang luar biasa. Maka, perkara yang luar biasa jika mengganggu masyarakat manusia biasa secara meluas, bolehkah itu dibenarkan? Buddha betapa hebat kemampuannya, Buddha dengan sekali mengibaskan tangan, penyakit seluruh umat manusia pun tidak akan wujud lagi. Mengapa Buddha tidak berbuat demikian? Apatah lagi ada begitu banyak Buddha, mengapa tidak timbul rasa belas kasih lalu membuat anda sembuh dari penyakit? Ini kerana masyarakat manusia biasa memang adalah sebegini, lahir, tua, sakit, mati, beginilah keadaannya, semuanya mempunyai Yin Yuan Guan Xi, semuanya adalah pembalasan karma secara bergilir-gilir, anda berhutang maka anda harus membayar balik.

Jika anda yang telah menyembuhkannya, maka ia bererti telah merosakkan prinsip itu, semua pun boleh berbuat jahat, tidak perlu membayar balik lagi, bolehkah itu dibenarkan? Orang yang berada dalam proses Xiu Lian, atas dorongan perasaan belas kasihan, ketika anda masih belum memperoleh kuasa yang begitu besar untuk menyelesaikan masalah ini secara tuntas, anda dibenarkan untuk mengubati penyakit, ini kerana anda telah timbulnya perasaan belas kasihan, maka anda dibenarkan untuk berbuat

demikian. Akan tetapi, jika anda benar-benar dapat menyelesaikan masalah sedemikian, menyelesaikannya secara meluas itu adalah tidak dibenarkan. Dengan begitu, anda secara seriusnya akan merosakkan keadaan masyarakat manusia biasa, maka itu adalah tidak dibenarkan. Oleh itu, Qi Gong menggantikan hospital manusia biasa adalah tidak boleh sama sekali, ia adalah Fa pada tingkat supernormal.

Jika mendirikan hospital Qi Gong di negara China, jika dibenarkan berbuat demikian, semua master Qi Gong besar pun tampil keluar berbuat demikian, cuba anda bayangkan apakah yang akan terjadi? Tidak benarkan untuk berbuat demikian, kerana semuanya perlu melindungi keadaan masyarakat manusia biasa ini. Jika mendirikan hospital Qi Gong, mendirikan klinik Qi Gong, pusat pemulihan kesihatan, tempat darmawisata rawatan, sebaik sahaja didirikan sahaja, penyembuhan master Qi Gong itu akan merosot dengan drastik, kesan rawatan dengan segera menjadi tidak efektif. Mengapa? Ini kerana dia telah melakukan perkara dalam kalangan manusia biasa ini, maka haruslah sama tinggi dengan Fa manusia biasa, berada pada tingkat yang sama dengan keadaan manusia biasa, kesan rawatannya haruslah sama dengan hospital. Oleh itu, penyembuhan penyakit menjadi tidak efektif lagi, dia juga mula mengutarakan penyembuhan penyakit melalui beberapa peringkat rawatan, seringkali adalah sebegini.

Tidak kira sama ada Qi Gong mendirikan hospital ataupun tidak, hakikat bahawa Qi Gong dapat menyembuhkan penyakit adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Qi Gong tersebar secara meluas di masyarakat sudah pun demikian lama, ada berapa ramai orang menerusi latihan Gong sememangnya telah mencapai tujuan menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh. Tidak kira sama ada penyakitnya telah ditunda oleh master Qi Gong, atau dengan cara apa pun, walau apa pun penyakit itu kini sudah tiada lagi, dalam kata lain, hakikat bahawa Qi Gong boleh menyembuhkan penyakit adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Kebanyakan yang mencari master Qi Gong untuk mengubati penyakit, adalah jenis penyakit aneh dan sulit, adalah yang tidak dapat diubati di hospital, lalu mencari master Qi Gong untuk cuba nasib, dan akhirnya disembuhkan. Yang dapat diubati di hospital semuanya tidak akan mencari master Qi Gong, terutama pada mula-mulanya, orang ramai semuanya berpendapat sedemikian,

oleh itu, Qi Gong memang boleh mengubati penyakit. Ia cuma tidak boleh dilakukan seperti perkara-perkara lain dalam masyarakat manusia biasa. Gangguan secara meluas adalah tidak dibenarkan sama sekali, dalam skala kecil ataupun tiada pengaruh yang terlalu besar, melakukannya secara senyap boleh dibenarkan, namun tidak dapat menyembuhkan penyakit secara tuntas, ini adalah pasti. Berlatih Qi Gong secara sendiri untuk menyingkirkan penyakit adalah yang paling baik.

Juga ada master Qi Gong yang berkata: “Hospital tidak dapat mengubati penyakit, kesan rawatan hospital sekarang adalah begini-begini.” Bagaimana kita hendak katakan? Sudah tentu ia mempunyai sebab dari pelbagai aspek. Yang paling utama menurut pandangan saya adalah nilai moral umat manusia yang merosot, sehingga mengakibatkan pelbagai penyakit yang aneh, hospital tidak dapat mengubati, makan ubat juga tidak efektif, ubat palsu juga banyak, semuanya adalah perbuatan manusia sehingga masyarakat merosot sehingga ke taraf ini. Setiap orang juga jangan menyalahkan orang lain, setiap orang juga berperanan mendorong keadaan ini, oleh itu, setiap orang Xiu Lian juga akan menghadapi kesusahan.

Ada sesetengah penyakit tidak dapat didiagnosis oleh hospital, akan tetapi memangnya ada penyakit. Ada sesetengah orang walaupun telah didapati berpenyakit, namun nama penyakit tidak diketahui, penyakit itu juga tidak pernah dilihat, hospital secara umumnya memanggilnya “penyakit modern”. Hospital boleh mengubati penyakit ataupun tidak? Sudah tentunya boleh. Jika hospital tidak dapat mengubati penyakit, macam mana orang ramai boleh percaya, mengapa semua pergi ke hospital untuk mengubati penyakit? Hospital tetap boleh mengubati penyakit, cuma cara rawatannya adalah dari tingkat manusia biasa, sedangkan penyakit itu adalah supernormal, ada sesetengah penyakit adalah amat serius. Oleh itu hospital mengatakan bahawa jika berpenyakit harus cepat mengubati, jika sudah serius maka tidak dapat diubah, jika jumlah ubat terlalu besar juga akan keracunan. Taraf rawatan perubatan sekarang adalah sama seperti taraf sains dan teknologi kita, semuanya berada pada tingkat manusia biasa, oleh itu kesan penyembuhannya adalah sebegini. Ada suatu masalah yang perlu dijelaskan, penyembuhan Qi Gong dan penyembuhan hospital yang umum, adalah dengan menundakan ke belakang sebab dasar

yang menyebabkan adanya penyakit, menunda ke separuh hayat kemudian ataupun pada hari kemudian, sedangkan karma langsung tidak diusik sama sekali.

Kita ceritakan lagi tentang perubatan Cina. Penyembuhan penyakit menerusi perubatan Cina hampir serupa dengan penyembuhan penyakit dengan Qi Gong. Pada zaman kuno di negara China, tabib China pada dasarnya selalu memiliki kemampuan supernormal, misalnya Sun Si Miao, Hua Tuo, Li Shi Zhen, Bian Que dan lain-lain ilmuwan besar kedokteran ini, semuanya memiliki kemampuan supernormal, semuanya ada tercatat di dalam buku-buku perubatan. Akan tetapi, perkara-perkara yang merupakan inti pati ini sering dikritik sekarang, yang diwarisi oleh perubatan Cina hanyalah preskripsi-preskripsi ubat sahaja, ataupun hasil pengalaman melalui percubaan. Ilmu perubatan Cina di negara China kuno adalah amat maju, taraf kemajuannya bahkan melampaui ilmu perubatan sekarang. Ada orang yang berfikir, ilmu perubatan sekarang betapa maju, dengan hanya mengimbas mesin CT scan pun dapat melihat bahagian dalam tubuh manusia, atau mengimbas *Bright Supersonic Scanner*, menangkap gambar, mengambil filem sinar-X. Kelengkapan zaman moden adalah amat maju, mengikut pandangan saya juga tidak sebaik ilmu perubatan negara China kuno.

Hua Tuo melihat dalam otak Cao Cao ada barah, maka perlu membedah tengkoraknya untuk mengeluarkan barah. Cao Cao sebaik sahaja terdengar pun menganggap Hua Tuo ingin memotong kepalanya, lalu memenjarakan Hua Tuo, akhirnya Hua Tuo meninggal dunia di dalam penjara. Ketika Cao Cao diserang penyakit, dia teringat Hua Tuo dan mencari Hua Tuo, namun Hua Tuo sudah pun meninggal dunia. Akhirnya Cao Cao benar-benar meninggal dunia kerana menghadapi penyakit ini. Mengapa Hua Tuo tahu? Dia telah melihatnya, ini adalah kemampuan supernormal manusia kita, ilmuwan besar kedokteran dahulu kala semuanya juga memiliki kemampuan ini. Setelah Tian Mu terbuka, dari satu permukaan dapat melihat empat sisi tubuh manusia secara serentak, dari depan dapat melihat belakang, kiri, kanan; bahkan dapat melihat potongannya selapis demi selapis, malah masih dapat menembus ruang dimensi ini untuk melihat sebab utama menghadapi penyakit. Adakah cara rawatan zaman sekarang dapat mencapai ini? Terpaut jauh sekali, mungkin seribu tahun lagi! CT scan, *Bright Supersonic Scanner*, sinar-X juga

dapat melihat bahagian dalam tubuh manusia, namun mesinnya cukup besar, alat besar itu juga tidak boleh dibawa bersama, tanpa elektrik juga tidak boleh berfungsi. Sedangkan Tian Mu ini, ke mana pun dibawa bersama, malah tidak memerlukan sumber elektrik, bagaimana dapat dibandingkan!

Ada orang mengatakan betapa hebatnya ubat zaman sekarang. Menurut saya tidak tentu demikian, ubat-ubat herbal negara China pada zaman kuno memang dapat menyembuhkan penyakit. Ada banyak benda sudah hilang tidak diwariskan; juga ada banyak yang tidak hilang, masih diwarisi dalam kalangan rakyat. Ketika saya mengadakan kuliah di Kota Qiqihaer, terlihat di antara gerai-gerai di tepi jalan ada seorang yang mencabut gigi untuk orang ramai. Sepintas terlihat orang ini berasal dari Selatan, corak pemakaiannya tidak sama dengan orang daerah Timur. Siapa sahaja yang datang tidak ditolak, siapa sahaja yang datang untuk cabut gigi dia akan cabut untuknya, gigi yang dicabut sudah setumpuk. Mencabut gigi orang bukan tujuannya, menjual cecair ubat adalah tujuannya. Cecair ubat itu mengeluarkan gas kuning yang sangat pekat. Ketika mencabut gigi, penutup botol cecair ubat itu dibuka, menghadap pada gigi yang rosak di sebelah luar sisi pipi, menyuruh orang itu menghisap beberapa kali gas cecair ubat kuning, cecair ubat pun tidak berapa banyak digunakan, lalu ditutup penutup botol dan diletakkan di tepi. Dari sakunya dikeluarkan sebatang mancis api, sambil memperkenalkan ubatnya, sambil memegang batang mancis api menghala ke arah gigi lalu mencungkil, dan gigi pesakit pun tertanggal, juga tidak berasa sakit, hanya terbawa sedikit kesan darah, juga tidak berdarah. Cuba kalian fikirkan, batang mancis api akan patah jika menggunakan tenaga yang terlalu besar, sedangkan dia pula mencungkil gigi sehingga tertanggal dengan hanya menggunakan batang mancis api.

Saya kata di negara China ada sesetengah benda yang masih disebar dalam kalangan rakyat, sedangkan peralatan presisi perubatan barat pula tidak setandingnya, tengok siapa yang lebih efektif, dia dengan batang mancis api sekali cungkil pun sudah tanggal. Doktor barat mencabut gigi akan menyuntik ubat bius dahulu, suntik sini, suntik sana, disuntik jarum juga amat sakit, tunggu sampai ubat bius berkesan, lalu mencabutnya dengan pengapit. Setelah lama mencabut, silap-silap akar gigi patah di dalam. Ambil

penukul besar, ambil pahat untuk mencungkil ke dalam, menebuk sehingga pesakit berasa cemas dan hati berdebar-debar, kemudiannya digerek dengan peralatan presisi. Ada sesetengah orang yang digerek sehingga berjingkrak-jingkrak, amat sakit, berdarah banyak, meludahkan darah seketika. Cuba anda kata siapa yang lebih baik? Anda kata siapa yang lebih maju? Kita tidak boleh melihat penampilan peralatan, harus melihat kesan sebenarnya. Perubatan Cina di negara China pada zaman kuno adalah amat maju, perubatan barat sekarang selepas beberapa tahun lagi juga tidak dapat mengatasinya.

Ilmu sains negara China zaman kuno adalah tidak sama dengan ilmu sains yang kita pelajari sekarang dari barat. Yang ia menempuh adalah satu jalan yang berlainan, dapat membawa suatu kondisi yang berlainan. Oleh itu, tidak boleh menggunakan cara pemahaman kita sekarang untuk memahami sains dan teknologi negara China pada zaman kuno, ini kerana ilmu sains negara China zaman kuno adalah tertumpu khususnya pada tubuh manusia, nyawa, alam semesta, terus menuju pada perkara ini untuk membuat penyelidikan, oleh itu ia menempuh satu jalan yang berlainan. Para pelajar pada waktu itu, semuanya harus mengutamakan duduk bermeditasi, duduk harus mengutamakan cara yang betul, memegang berus perlu mengutamakan penyaluran Qi dan pernafasan, setiap bidang pekerjaan dan usaha juga mengutamakan ketenangan hati, pengaturan nafas, seluruh masyarakat semuanya berada dalam kondisi sebegini.

Ada orang yang berkata, “Jika berkembang mengikut ilmu sains negara China zaman kuno, adakah akan mempunyai kereta dan kereta api yang kita miliki hari ini? Adakah mungkin ada modernisasi hari ini?” Saya kata anda tidak boleh berdiri dalam persekitaran ini untuk memahami kondisi yang berlainan, konsep pemikiran anda harus mengalami revolusi. Tanpa televisyen, manusia sendiri membawanya di depan kepala, melihat apa yang ingin dilihat, juga ada kewujudan kemampuan Gong. Tanpa kereta api dan kereta, orang duduk di situ pun dapat melambung ke atas, lif pun tidak diperlukan. Ia akan membawa kepada kondisi perkembangan masyarakat yang berlainan, tidak semestinya terhad dalam batasan bingkai ini. Piring terbang makhluk asing dari planet lain berulang-alik dengan kepantasan yang menakjubkan, boleh membesar dan mengecil. Yang

mereka tempuhi adalah jalan perkembangan yang lagi berlainan, adalah kaedah ilmu sains yang berlainan jenis.

Ceramah 8

Bi Gu

Ada orang yang membincangkan tentang isu Bi Gu. Fenomena Bi Gu⁷⁰ ini memang wujud, bukan sahaja wujud dalam komuniti Xiu Lian, dalam kalangan seluruh masyarakat manusia kita terdapat ramai orang yang mengalami keadaan sebegini. Ada orang yang tidak makan tidak minum beberapa tahun atau belasan tahun, namun dapat hidup dengan amat baik. Ada yang berkata Bi Gu adalah penunjukkan pada sesuatu tingkat tertentu, juga ada yang mengatakan Bi Gu adalah manifestasi pemurnian tubuh, juga ada yang mengatakan ia adalah proses Xiu Lian pada tingkat tinggi.

Sebenarnya semua pun bukan. Jadi, apakah dia? Bi Gu sebenarnya adalah suatu kaedah Xiu Lian khas yang kita gunakan di bawah keadaan yang khusus. Keadaan khusus macam mana yang menggunakannya? Pada zaman kuno di negara China, khususnya sebelum terbentuknya agama, ada ramai orang Xiu Lian yang menggunakan suatu cara kultivasi rahsia ataupun kultivasi secara bersendirian, masuk ke pedalaman gunung atau menyusup ke dalam gua untuk berkultivasi, jauh berpisah dari khalayak ramai. Sebaik sahaja berbuat demikian, maka akan membabitkan masalah sumber makanan. Jika dia tidak menggunakan kaedah Bi Gu, maka langsung tidak dapat Xiu Lian sama sekali, pasti akan mati kelaparan dan kehausan di dalam. Ketika saya bertolak dari Chongqing ke kota Wuhan untuk mengajar Fa, naik kapal menyusuri sungai Changjiang menuju ke timur, terlihat kedua-dua sisi tiga ngarai, ada sejumlah gua karang di pertengahan lereng gunung, ada banyak gunung terkenal juga ada orang-orang sebegini. Dahulunya orang yang Xiu Lian itu setelah memanjat masuk ke dalam dengan menggunakan tali, memutuskan tali itu, lalu Xiu Lian di dalam gua, jika Xiu Lian tidak berhasil, dia pasti akan mati di dalam. Tiada air, tiada makanan, ini adalah suatu kaedah Xiu Lian khas yang dia gunakan di bawah suatu keadaan yang amat khusus seperti ini.

70

Bi Gu – Tidak makan dan tidak minum untuk satu jangka masa yang panjang mencapai puluhan tahun atau lebih lama.

Ada banyak kaedah Gong memang telah melalui proses pewarisan sebegini, oleh itu ia membawa unsur Bi Gu; ada banyak kaedah Gong tidak membawa unsur Bi Gu, di antara kaedah-kaedah Gong yang tersebar dalam masyarakat kita hari ini, kebanyakannya tidak membawa unsur ini. Kita mengatakan berlatih Gong haruslah berspesialisasi tunggal, anda tidak boleh secara sengaja melakukan sesuatu mengikut cara yang anda ingin lakukan. Anda rasa ia agak baik, anda juga ingin mengamalkan Bi Gu, buat apa anda Bi Gu? Ada sesetengah orang berasa amat baik, ingin cuba, ataupun berasa diri sendiri sudah mencapai taraf kemahiran yang tinggi, boleh menonjolkan diri, orang yang mempunyai pelbagai mentaliti pun ada. Jikapun menggunakan kaedah ini untuk Xiu Lian, juga perlu menghauskan tenaga diri sendiri untuk mengisi tubuhnya, oleh itu keuntungannya juga tidak dapat menebus kerugian. Kalian tahu, terutamanya selepas pembentukan agama, anda duduk bermeditasi di dalam biara, mengasingkan diri, selalu ada orang yang membekalkan makanan dan minuman untuk anda, tidak akan membabitkan masalah ini. Terutamanya kita yang Xiu Lian dalam kalangan masyarakat manusia biasa, anda langsung tidak perlu menggunakan kaedah sebegini sama sekali, lagipun bila dalam aliran Fa anda itu tidak ada benda ini, anda juga tidak boleh berbuat sesuka hati. Namun sekiranya anda benar-benar ingin Bi Gu, anda teruskan kultivasi ini sahaja. Berdasarkan apa yang saya tahu, seringkali Shi Fu yang mengajar Gong menuju ke tingkat tinggi, jika benar-benar ingin membimbing orang, aliran Fa-nya ada Bi Gu, mungkin akan timbulnya fenomena ini, akan tetapi ia tidak dapat menyebar luas, seringkalinya membawa anak murid berkultivasi secara rahsia ataupun berkultivasi seorang diri.

Sekarang ada juga master Qi Gong yang mengajar orang Bi Gu. Adakah dapat Bi Gu? Akhirnya tidak Bi Gu, siapa yang dapat Bi Gu? Saya lihat tidak kurang yang masuk hospital, tidak kurang yang menghadapi ancaman nyawa. Jadi mengapa boleh berlaku keadaan ini? Bukankah ada fenomena Bi Gu? Memang ada. Tetapi ada satu perkara, keadaan masyarakat manusia biasa kita ini tidak membenarkan sesiapa merosakkannya dengan mudah, tidak membenarkan merosakkannya. Tidak perlu katakan di seluruh negara ada berapa orang yang berlatih Gong tidak makan dan tidak minum, cuma di daerah Changchun ini sahaja semua orang tidak makan dan tidak minum, saya kata ini sangat menyenangkan! Juga tidak perlu tergesa-gesa memasak. Petani bersusah-payah bercucuk

tanam, semua tidak perlu makan, ini sangat menyenangkan, hanya bekerja, tidak makan. Bolehkah begitu? Adakah itu masyarakat umat manusia? Tentulah tidak boleh, hal sebegini tidak dibenarkan mengganggu masyarakat manusia biasa secara meluas.

Sesetengah master Qi Gong ketika mengajar Bi Gu, telah menimbulkan banyak keadaan bahaya. Sesetengah orang memang keterikatan hati dalam mengejar Bi Gu, namun keterikatan hatinya itu belum disingkirkan, banyak keterikatan hati manusia biasa belum disingkirkan, melihat makanan yang enak tidak makan air liur akan menetes keluar, sebaik sahaja timbulnya keinginan ini, maka pun tidak dapat menahan. Dia pun berasa gelisah, ingin makan, nafsu keinginannya timbul pun ingin makan, jika tidak makan pun berasa lapar. Akan tetapi jika makan akan muntah, tidak dapat makan, ini pun mengakibatkan ketegangan mental, amat takut. Ramai yang terpaksa masuk hospital, memang ada ramai orang yang mengalami ancaman nyawa. Ada juga sesetengah orang yang mencari saya dan meminta saya menguruskan perkara yang kacau-bilau ini, saya juga tidak ingin mengurus hal-hal sebegini. Ada sesetengah master Qi Gong memang berbuat sembarangan, siapa yang rela menyelesaikan hal-hal yang compang-camping sebegini.

Lagipun, anda Bi Gu sehingga timbulnya masalah, bukankah itu anda yang minta sendiri? Kami kata fenomena ini memang wujud, akan tetapi ia bukan keadaan yang wujud pada tingkat tinggi, juga bukan apa refleksi yang khusus, ianya hanya sejenis cara berlatih Gong yang digunakan di bawah keadaan yang khusus, namun ia juga tidak boleh disebar secara umum. Tidak kurang orang yang mengejar Bi Gu, malah masih mengelaskan sebagai apa yang disebut Bi Gu, separuh Bi Gu, malah masih membahagikan kepada pelbagai tingkat. Ada orang yang kata dia minum air, ada orang yang kata dia makan buah-buahan, semua itu adalah Bi Gu palsu, setelah sekian lama, semuanya pasti tidak berkesan. Orang yang benar-benar Xiu Lian, sekali masuk tinggal di dalam gua, tidak makan tidak minum, itu adalah Bi Gu yang benar.

Mencuri Qi

Berbicara tentang mencuri Qi, ada orang yang terus menjadi pucat seperti membicarakan harimau, ketakutan sehingga tidak berani berlatih Gong. Ramai orang oleh kerana dalam kalangan komuniti Xiu Lian ada orang yang menyebarkan tentang fenomena seperti terjelma iblis, mencuri Qi dan sebagainya, sehingga menyebabkan orang tidak berani berlatih Gong, tidak berani mendekati Qi Gong. Jika tiada pengatauan seperti ini, mungkin akan ada lebih ramai orang yang berlatih Gong. Juga ada sesetengah master Qi Gong yang Xin Xing-nya tidak baik, khususnya mengajar benda-benda seperti ini, sehingga mengacaukan dan mengotori komuniti Xiu Lian, sebenarnya tidak begitu menakutkan seperti yang mereka katakan. Kami kata Qi adalah Qi, meskipun anda menyebutnya sebagai gabungan Qi prima, Qi ini atau Qi itu. Asalkan tubuh manusia ada Qi, orang ini justeru berada pada tingkat menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan, oleh itu masih tidak boleh dianggap sebagai seorang yang berlatih Gong. Selagi orang ini mempunyai Qi, ini bererti tubuh orang ini masih belum mencapai pemurnian taraf tinggi, iaitu masih mempunyai Qi penyakit, ini adalah pasti. Orang yang mencuri Qi juga berada pada tingkat Qi, kita yang berlatih Gong, siapa mahu Qi yang amat keruh itu? Qi pada tubuh orang yang tidak berlatih Gong adalah amat keruh, setelah berlatih Gong mungkin menjadi jernih dan cerah. Bahagian yang berpenyakit pun boleh terlihat segumpal material hitam yang amat besar ketumpatannya. Dengan terus berlatih, ketika benar-benar sampai masa menyingkirkan penyakit dan menyihatkan badan, Qi akan beransur-ansur menjadi kekuningan. Terus berlatih lagi pun benar-benar menyingkirkan penyakit, juga tiada Qi lagi, lalupun memasuki kondisi tubuh putih susu.

Jadi boleh dikatakan bila ada Qi mesti ada penyakit. Kita adalah pelatih Gong, berlatih Gong siapa yang menginginkan Qi? Tubuh sendiri perlu dimurnikan, buat apa masih menginginkan Qi yang keruh? Sudah tentu tidak boleh menginginkannya. Orang yang menginginkan Qi juga berada pada tingkat Qi, pada tingkat Qi dia tidak dapat membezakan yang mana Qi yang baik, yang mana Qi yang buruk, dia tidak mempunyai kemampuan ini. Sedangkan Qi tulen yang berada di dalam Dan Tian tubuh anda itu, dia tidak mampu mengusiknya, Qi prima tersebut hanya orang yang memiliki kemampuan

tinggi baru dapat usik. Qi keruh yang ada pada tubuh, biarlah dia curi, apa yang hebat sangat? Ketika saya berlatih Gong, jika ingin mengisi Qi, cuma perlu fikir seketika, sebentar sahaja perut pun sudah melembung.

Aliran Tao mengamalkan latihan berdiri memancang bentuk huruf Tian⁷¹, aliran Buddha mengamalkan latihan meraup Qi mengisi ubun-ubun, di dalam alam semesta ini penuh dengan Qi, anda boleh mengisi ke dalam diri sepanjang hari. Dengan membuka titik Lao Gong dan titik Bai Hui⁷², anda isikan masuk, fikiran ditumpukan pada Dan Tian, tangan meraup ke dalam, sebentar saja pun sudah penuh. Apa gunanya anda mengisi sampai begitu penuh? Ada orang ketika berlatih Qi sehingga terlalu banyak, terasa lambung jari menggembung, badan menggembung. Ketika orang lain berjalan menghampirinya, terasa di sekeliling ada satu medan. “Wah, anda berlatih Gong dengan bagus sekali.” Saya kata itu apa pun bukan, mana ada Gong? Itu tetap berlatih Qi, betapa banyak Qi juga tidak dapat menggantikan Gong. Tujuan berlatih Qi ialah menggunakan Qi yang baik dari luar untuk bertukar dengan Qi di dalam tubuh, tujuannya adalah untuk memurnikan tubuh, apa gunanya menyimpan Qi? Anda berada pada tingkat ini, ketika belum mengalami perubahan secara asas, ia juga bukan Gong. Betapa banyak yang anda curi, anda juga hanya adalah satu bungkusan Qi yang besar, apa gunanya itu? Ia juga belum mengalami transformasi menjadi material energi tinggi. Oleh itu apa yang anda takutkan, jika dia benar-benar mencuri Qi, biarlah dia curi.

Cuba kalian fikirkan, jika tubuh anda ada Qi mesti ada penyakit. Jadi ketika dia mencuri, bukankah Qi penyakit anda juga turut dicuri? Dia langsung tidak dapat membezakan benda ini, ini kerana orang yang menginginkan Qi juga berada pada tingkat Qi ini, dia tidak memiliki kemampuan apa-apa pun. Orang yang memiliki Gong tidak menginginkan Qi, ini adalah pasti. Jika tidak percaya marilah kita buat satu eksperimen, jika benar-benar ingin mencuri Qi, anda berdiri di sana dan biarkan dia curi, di sini anda bayangkan dalam fikiran anda bahawa anda sedang mengisi masuk Qi dari alam semesta, sementara itu dia mencuri dari belakang. Anda lihat betapa baiknya ini, membantu anda

71 Tian – Langit.

72 Bai Hui – Titik akupunktur yang terletak di tengah ubun-ubun kepala.

mempercepatkan pemurnian tubuh, menjimatkan masa anda mengeluarkan dan mengisi berulang-ulang. Oleh kerana niat hatinya yang dipancar adalah buruk, adalah untuk mencuri barang milik orang lain. Meskipun yang diambil adalah benda buruk, dia juga telah melakukan perkara yang mengurangkan De, oleh itu dia harus memberi De kepada anda. Ia membentuk sebuah arus dua arah, di sini Qi anda diambil, di sana anda diberikan De. Orang yang mencuri Qi tersebut tidak tahu, sekiranya dia tahu dia tidak akan berani melakukannya!

Setiap orang yang mencuri Qi, wajahnya selalu pucat, semuanya begini. Berlatih Gong di taman awam, ramai orang bertujuan untuk menyingkirkan penyakit, penyakit apa pun dia ada. Ketika orang mengubati penyakit, masih perlu menyingkirkan Qi ke luar, namun orang yang mencuri Qi dia tidak menyingkirkannya langsung, malah memenuhi tubuhnya, apa Qi penyakit pun ada, sampai bahagian dalam tubuhnya pun menjadi hitam pekat. Dia asyik mengurangi De, di bahagian luarnya semua adalah hitam, medan karma menjadi besar, setelah mengalami banyak pengurangan De, sebelah luar dan dalam semuanya adalah hitam. Orang yang mencuri Qi bila tahu dirinya telah mengalami perubahan sebegini, memberi De kepada orang lain, dan melakukan perbuatan yang demikian bodoh, tentu dia tidak akan melakukannya.

Ada orang menceritakan Qi itu dengan amat ghaib: “Anda berada di Amerika Syarikat, saya memancarkan Qi, anda dapat menerimanya; anda tunggu di luar dinding, saya memancarkan Qi, anda dapat menerima.” Ada orang yang amat sensitif, sekali memancarkan Qi pun sudah dapat menerimanya. Akan tetapi, Qi itu ia tidak bergerak melalui ruang ini, ia bergerak melalui ruang dimensi lain, di ruang dimensi lain bahagian sini tidak ada dinding. Kalau begitu mengapa master Qi Gong memancarkan Qi di tanah rata tetapi anda pula tiada perasaan? Di ruang dimensi lain ada sekatan di bahagian ini, oleh itu Qi tidak seperti yang kita katakan mempunyai daya tembus yang begitu besar.

Yang benar-benar dapat menimbulkan kesan adalah Gong. Ketika pelatih Gong dapat memancarkan Gong, dia sudah tiada Qi lagi, memancarkan sejenis material energi tinggi, bila dilihat dengan Tian Mu ia adalah sejenis cahaya. Ketika terpancar ke tubuh

orang lain, akan mempunyai perasaan panas hangat, secara langsung boleh menyekat manusia biasa. Akan tetapi juga tidak mampu mencapai tujuan penyembuhan penyakit secara tuntas, hanya dapat menyekatnya. Kalau benar-benar ingin menyembuhkan penyakit masih perlu memiliki kemampuan Gong, pelbagai jenis penyakit mempunyai pelbagai jenis kemampuan Gong yang khas untuk mengatasinya. Di bawah keadaan yang ekstrem mikroskopis, pada setiap partikel mikroskopis dari Gong, semuanya adalah serupa dengan imej anda. Ia boleh mengenali orang, semuanya mempunyai sifat kerohanian, adalah material energi tinggi, jika orang lain mencurinya, bolehkah ia berada di situ? Ia juga tidak berada di situ, tidak dapat diletak di situ, bukan benda milik diri sendiri. Setiap orang yang benar-benar berlatih Gong, orang yang telah timbul Gong semuanya ada Shi Fu yang mengawasinya, Shi Fu mengawasi apa yang anda lakukan di situ, mengambil benda milik orang lain, Shi Fu-nya juga tidak akan membiarkan.

Mengumpul Qi

Mencuri Qi dan mengumpul Qi bukanlah masalah yang ingin kami selesaikan untuk kalian dalam mengajar Gong pada tingkat tinggi. Oleh kerana saya masih mempunyai satu tujuan sebegini: menegakkan nama baik Xiu Lian, melakukan sedikit kebaikan, mendedahkan fenomena yang tidak baik ini, dahulunya tidak pernah dibicarakan oleh orang. Agar kita semua mengetahuinya, supaya dapat mencegah sesetengah orang yang selalu melakukan perkara-perkara buruk, ada sesetengah orang, yang tidak memahami kebenaran Qi Gong selalu menjadi pucat seperti terdengar orang menceritakan tentang harimau.

Qi alam semesta sangat banyak, ada orang yang berkata tentang Qi positif dari langit dan Qi negatif dari bumi. Anda juga merupakan salah satu elemen dalam alam semesta, anda boleh kumpul mengikut suka hati. Akan tetapi sesetengah orang bukan mengumpul Qi dari alam semesta, mereka khususnya mengajar orang mengumpul Qi tumbuh-tumbuhan, bahkan telah menyimpul pengalaman: Qi pokok poplar adalah putih, Qi pokok pinus adalah kuning, dan juga bagaimana caranya dan waktunya untuk mengumpul. Juga ada yang berkata: “Di depan rumah saya ada sebatang pokok, saya

mengumpul Qi-nya sehingga ia mati.” Apakah kemampuan itu sebenarnya? Bukankah itu perbuatan jahat? Kalian tahu, kita yang benar-benar Xiu Lian, mengutamakan informasi yang bersifat baik, mengutamakan asimilasi dengan ciri-ciri istimewa alam semesta, bukankah anda harus mengutamakan isu Shan? Zhen, Shan, Ren berasimilasi dengan ciri-ciri istimewa alam semesta, harus mengutamakan Shan ini. Adakah anda dapat tumbuh Gong jika anda selalu berbuat jahat? Adakah penyakit dapat disingkirkan? Bukankah itu tepat bertentangan dengan kita selaku orang yang Xiu Lian? Itu juga dikira membunuh hidupan dan berbuat jahat! Mungkin ada yang berkata: “Pengataan anda semakin lama semakin aneh, membunuh haiwan dikatakan membunuh hidupan, menyebabkan tumbuh-tumbuhan mati juga dikatakan membunuh hidupan.” Sebenarnya adalah begini, dalam agama Buddha ada pengataan enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*), anda mungkin telah menjadi tumbuh-tumbuhan dalam proses enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*), dalam agama Buddha memang mengatakan ini. Kita di sini tidak mengatakan ini. Akan tetapi kami beritahu kalian, pokok juga bernyawa, bukan sahaja bernyawa, bahkan mempunyai aktiviti pemikiran yang amat tinggi.

Sebagai contohnya: Di Amerika Syarikat ada seorang yang melakukan penyelidikan elektronik secara khusus, mengajar orang menggunakan alat pengesan bohong. Pada suatu hari dengan hati yang menggebu-gebu dia telah menghubungkan kedua-dua terminal alat pengesanan bohong pada sebatang bunga *Adhatoda Vasica*, kemudiannya menyiram air pada bahagian akar bunga, selepas itu dia mendapati pen elektronik alat pengesan bohong dengan pantas menggoreskan suatu garis lengkung. Garis lengkung ini tepat sama dengan garis lengkung yang dihasilkan oleh otak manusia ketika mengalami rangsangan ataupun kegembiraan dalam tempoh masa yang sangat singkat. Saat itu dia terkejut, bagaimana tumbuh-tumbuhan ada perasaan! Dia nyaris-nyaris ingin keluar ke jalan raya dan berteriak: “Tumbuh-tumbuhan mempunyai perasaan.” Oleh kerana inspirasi dari peristiwa ini, selanjutnya dia pun mengembangkan penyelidikan dalam bidang ini, dan telah melakukan banyak eksperimen.

Ada satu kali, dia meletakkan dua batang tumbuhan di suatu tempat dan menyuruh muridnya menginjak-injakkan salah satu batang tumbuhan di hadapan tumbuhan yang lain

itu sehingga mati. Kemudiannya tumbuhan yang lain itu dipindahkan ke dalam bilik, dihubungkan dengan alat pengesan bohong, lalu menyuruh lima orang muridnya masuk ke dalam bilik secara bergilir-gilir. Sesudah empat orang murid masuk, tidak ada reaksi. Ketika tiba giliran murid kelima, murid yang menginjak tumbuhan itu masuk, masih belum berjalan mendekatinya, pen elektronik dengan segeranya menggoreskan suatu garis lengkung, suatu garis lengkung yang hanya akan terjadi ketika seseorang berada dalam ketakutan. Dia amat terkejut! Peristiwa ini menerangkan satu masalah yang amat penting: Selama ini, kita menganggap manusia adalah hidupan tingkat tinggi, manusia mempunyai fungsi deria, mampu membezakan sesuatu, memiliki otak, boleh menganalisa. Bagaimana tumbuhan dapat membezakan sesuatu, bukankah ini bererti ia memiliki deria? Dahulu jika sesiapa berkata tumbuhan memiliki deria, memiliki pemikiran, memiliki perasaan, dapat mengenali manusia, orang lain akan berkata itu tahayul. Bukan hanya ini sahaja, dari aspek tertentu, ia seolah-olah melampaui manusia kita sekarang.

Pada suatu hari dia menghubungkan alat pengesan bohong pada sebatang tumbuhan, kemudian dia berfikir: “Buat eksperimen apa ya? Biar saya bakar daunnya dengan api, tengok apa reaksinya.” Dia hanya fikir begitu sahaja, belum sempat membakar, pen elektronik itu pun dengan segeranya menggoreskan suatu garis lengkung, iaitu garis lengkung yang hanya terjadi ketika seseorang berteriak minta tolong. Kemampuan supersensori sebegini, dahulunya disebut telepati, ia adalah kemampuan terpendam ataupun kemampuan dasar manusia. Akan tetapi, manusia hari ini semuanya sedang mengalami kemunduran, anda masih perlu Xiu Lian semula, balik ke asal kembali ke jati diri, balik kembali ke sifat semula jadi anda, anda baru dapat memilikinya. Namun tumbuhan pula sudah memilikinya, apa yang anda fikir ia pun tahu, apabila terdengar terasa amat aneh, akan tetapi ianya sememangnya eksperimen sains yang sebenarnya. Dia telah membuat pelbagai eksperimen, termasuk kemampuan kawalan jarak jauh. Setelah tesisnya diterbitkan, ia telah menggemparkan seluruh dunia.

Pakar-pakar ahli botani dari pelbagai negara telahpun mengembangkan penyelidikan dalam bidang ini, negara kita juga sedang melakukan, ini sudah bukan perkara yang tahayul lagi. Hari itu saya berkata sedemikian: Perkara-perkara yang berlaku,

yang dicipta dan ditemui oleh umat manusia kita hari ini, cukup untuk mengubah buku-buku teks pelajaran kita hari ini. Akan tetapi, oleh kerana terpengaruh oleh konsep-konsep tradisi, orang ramai tidak rela mengakuinya, juga tidak ada orang yang menyusun data-data ini secara sistematik.

Saya ternampak di sebuah taman di daerah timur laut negara China ada satu hamparan pokok pinus telah mati. Seseorang juga entah apa yang mereka berlatih, berguling di atas tanah, setelah tamat berguling-guling, kakinya mengumpul Qi sebegini, tangannya mengumpul Qi sebegini, tidak lama kemudian hamparan pokok pinus di situ pun menguning, semuanya telah mati. Dengan itu adakah anda melakukan perkara baik ataupun melakukan perkara buruk? Dilihat dari perspektif kita yang berlatih Gong, itu adalah membunuh hidupan. Anda adalah pelatih Gong, maka anda harus menjadi seorang yang baik, beransur-ansur berasimilasi dengan ciri-ciri istimewa alam semesta, menghentikan perkara-perkara yang tidak baik itu. Jika dilihat dari perspektif manusia biasa, juga bukan melakukan perkara yang baik, adalah merosakkan harta benda awam, merosakkan penghijauan, merosakkan keseimbangan ekologi, dari perspektif mana pun juga bukan melakukan perkara yang baik. Dalam alam semesta ada banyak Qi, anda petik mengikut suka hati anda. Ada seseorang orang memiliki kemampuan energi yang sangat besar, setelah berlatih sampai tingkat tertentu, memang hanya dengan sekali mengibas tangan, Qi dari suatu hamparan tumbuh-tumbuhan yang amat luas, dengan seketika pun telah dikumpul semuanya. Itu pun hanya adalah Qi, apa gunanya bila banyak dikumpul? Ada seseorang orang pergi ke taman tidak melakukan hal lain, dia berkata: "Saya tidak perlu berlatih Gong, saya cuma berjalan sambil merengkuh sebegini pun sudah cukup, saya pun sudah selesai berlatih." Asalkan mendapat Qi sudah pun mencukupi, dia menganggap Qi adalah Gong. Orang lain berjalan mendekatinya, terasa tubuh badannya sangat dingin. Bukankah Qi tumbuh-tumbuhan itu bersifat Yin? Orang yang berlatih Gong masih mengutarakan keseimbangan Yin dan Yang, seluruh tubuh badannya penuh dengan bau minyak pokok pinus, dia masih berasa dirinya berlatih dengan baik.

Siapa Berlatih Gong Dialah yang Memperoleh Gong

Isu “Siapa berlatih Gong dialah yang memperoleh Gong” adalah satu isu yang amat luar biasa penting. Orang lain bertanya kepada saya Falun Dafa ada apa manfaat, saya berkata Falun Dafa dapat mencapai Gong melatih orang, memendekkan waktu berlatih Gong, dapat menyelesaikan masalah tidak mempunyai masa untuk berlatih Gong, malah sepanjang masa dilatih oleh Gong. Pada masa yang sama, kita juga merupakan kaedah Gong yang benar-benar berkultivasi ganda pada watak dan nyawa, perubahan pada tubuh fizikal kita ini adalah sangat besar. Falun Dafa masih mempunyai satu manfaat yang paling besar, dahulunya saya tidak pernah menceritakannya, hanya pada hari ini kita baru ceritakannya. Ini kerana ia membabitkan satu isu asal usul sejarah yang amat besar, aspek pengaruhnya terhadap komuniti Xiu Lian juga adalah amat luas, dalam sejarah tidak pernah ada orang yang berani mendedahkannya, juga tidak membenarkan mereka mendedahkannya, akan tetapi jika saya tidak menceritakannya pula tidak boleh.

Ada anak murid yang berkata: “Setiap pernyataan yang diucapkan oleh master besar Li Hongzhi adalah rahsia langit, adalah membocorkan rahsia langit.” Namun kami adalah benar-benar membimbing orang menuju ke tingkat tinggi, iaitu menyelamatkan orang. Jadi haruslah bertanggungjawab terhadap kalian, mampu memikul tanggungjawab ini, oleh itu ia bukanlah membocorkan rahsia langit. Sebaliknya jika tidak bertanggungjawab dan berkata sembarangan itu pula adalah membocorkan rahsia langit. Hari ini, kami membicarakan isu ini secara terbuka: iaitu isu “siapa berlatih Gong dialah yang memperoleh Gong”. Menurut pandangan saya, semua kaedah Gong yang ada sekarang, termasuk kedua-dua aliran Buddha, Tao dan kaedah Gong Aliran Qi Men semuanya adalah berkultivasi pada Fu Yuan Shen (Fu Yi Shi), kesemuanya adalah Fu Yuan Shen yang memperoleh Gong. Yang kami katakan di sini Zhu Yuan Shen adalah merujuk kepada pemikiran diri sendiri, diri sendiri harus memahami apa yang sedang difikirkan, apa yang dilakukan, ini adalah diri anda sendiri yang sebenarnya. Sedangkan apa yang dilakukan oleh Fu Yuan Shen anda langsung tidak tahu sama sekali. Walaupun dia lahir bersama dengan anda, dipanggil dengan nama yang sama, menguasai satu tubuh badan, berpenampilan sama, tetapi dikatakan secara tegas, dia masih bukan anda.

Dalam alam semesta ini ada satu prinsip, siapa yang kehilangan akan memperoleh, siapa yang Xiu Lian akan memperoleh Gong. Kaedah Gong dari zaman ke zaman selalu mengajar orang apabila berlatih Gong harus dalam kondisi kurang sadar diri, tidak memikirkan apa pun, kemudiannya masuk dalam kondisi samadhi secara mendalam, samadhi sehingga akhirnya diri sendiri apa pun tidak tahu lagi. Ada orang duduk bermeditasi selama tiga jam seolah-olah hanya sekejap sahaja, orang lain malah mengagumi daya samadhi-nya. Sebenarnya adakah dia berlatih ataupun tidak? Diri sendirinya langsung tidak tahu sama sekali. Terutamanya kaedah Gong aliran Tao berkata: “Shi Shen mati, Yuan Shen hidup.” Yang dia maksudkan sebagai Shi Shen, kita sebutnya sebagai Zhu Yuan Shen; yang dia maksudkan sebagai Yuan Shen, kita sebutnya sebagai Fu Yuan Shen. Jika Shi Shen anda benar-benar sudah mati, maka anda pun benar-benar mati, Zhu Yuan Shen memang sudah tiada lagi. Ada orang yang berlatih kaedah Gong lain berkata: “Guru, ketika saya berlatih Gong, ahli keluarga saya siapa pun saya tidak kenali.” Juga ada orang yang beritahu saya: “Saya tidak sama seperti orang lain, berlatih Gong dengan bangun awal pagi dan tidur larut malam, saya pulang ke rumah sekali terbaring di atas sofa, diri saya pun keluar berlatih Gong, saya berbaring di sana dan melihat dia berlatih.” Saya berasa amat sedih, tetapi juga tidak patut berasa sedih!

Mengapa mereka menyelamatkan Fu Yuan Shen? Lu Dongbin pernah berkata: “Lebih baik menyelamatkan haiwan daripada menyelamatkan manusia.” Manusia memang terlalu sukar untuk disedarkan, ini kerana manusia biasa terpujau oleh masyarakat manusia biasa, apabila berdepan dengan kepentingan nyata tidak dapat melepaskan keterikatan hati itu. Anda tidak percaya, sesetengah orang setelah selesai mendengar kuliah, ketika keluar dari dewan, pun berubah menjadi manusia biasa, sesiapa yang menyinggung perasaannya mahupun menyenggolnya, dia pun tidak akan berdiam diri. Selepas satu tempoh masa, langsung tidak menganggap diri sendiri sebagai pelatih Gong. Dalam sejarah ramai orang yang berkultivasi Tao juga terlihat perkara ini, manusia amat sukar untuk diselamatkan, ini kerana Zhu Yuan Shen manusia terlalu tersesat. Ada sesetengah orang kualiti kesedarannya baik, sekali ditunjuk sudah pun mengertinya. Ada sesetengah orang tidak kira bagaimana anda menceritakan dia pun tidak percaya, dia menganggap anda bercakap besar. Betapapun

kita menyuruhnya Xiu Lian pada Xin Xing-nya, namun sebaik sahaja berada dalam kalangan manusia biasa dia tetap bertindak mengikut suka hatinya. Dia menganggap kepentingan dalam kalangan manusia biasa yang benar-benar nyata, yang dapat diraba, yang dapat disentuh, adalah lebih praktikal, dia masih menginginkan yang ini. Fa yang diajarkan oleh Guru, bila didengar juga masuk akal, tetapi tidak sanggup diamalkan. Zhu Yuan Shen manusia paling sukar untuk diselamatkan, sedangkan Fu Yuan Shen dapat melihat pemandangan ruang dimensi lain. Oleh itu orang pun berfikir: “Mengapa saya harus menyelamatkan Zhu Yuan Shen anda, Fu Yuan Shen juga adalah anda, saya menyelamatkannya bukankah sama sahaja? Semuanya adalah anda, siapa sahaja yang peroleh bukankah bererti sudah peroleh, semuanya adalah anda yang peroleh.”

Saya ceritakan secara spesifik kaedah Xiu Lian-nya. Jika seseorang mempunyai kemampuan Gong Clairvoyance, mungkin akan terlihat suatu pemandangan seperti ini: Sebaik sahaja anda duduk bermeditasi, sewaktu anda mencapai kondisi samadhi anda akan dapat melihat, “wuush”, dengan seketika dari dalam tubuh anda keluar seorang yang serupa dengan anda. Namun, cuba anda bezakan diri anda berada di mana? Bukankah sedang duduk di sini. Selepas anda melihat dia keluar, Shi Fu membawanya Xiu Lian dalam suatu ruang dimensi yang dijelma oleh Shi Fu, juga mungkin dalam bentuk masyarakat masa lampau, juga mungkin dalam bentuk masyarakat sekarang, juga mungkin dalam bentuk masyarakat ruang dimensi lain, mengajar dia berlatih Gong, dia mengalami banyak penderitaan, setiap hari satu hingga dua jam. Ketika dia kembali selepas berlatih Gong, anda juga telah keluar dari kondisi samadhi, ini adalah yang dapat dilihat.

Jika tidak dapat dilihat maka adalah lebih menyedihkan lagi, apa pun tidak tahu, setelah dua jam samadhi dalam kondisi tanpa mengetahui apa-apa, kemudiannya keluar dari kondisi samadhi. Ada orang yang tidur, sekali tidur dua tiga jam, dia juga dikira sudah selesai berlatih Gong, diserahkan kepada orang lain sepenuhnya. Ini adalah cara berkultivasi yang diselesaikan secara tidak langsung, setiap hari duduk bermeditasi untuk tempoh masa yang begitu panjang. Juga ada yang diselesaikan dengan sekali gus, kalian mungkin pernah dengar Bodhidharma duduk bermeditasi menghadap dinding selama sembilan tahun, dahulunya ramai sami sekali duduk berpuluhan tahun, yang paling lama

tercatat di dalam sejarah adalah lebih dari sembilan puluh tahun, masih ada yang lebih lama, debu di kelopak mata sangat tebal, badannya sudah pun ditumbuhi rumput, masih duduk di sana. Aliran Tao juga ada yang mengutarakan cara ini, terutamanya ada beberapa kaedah Gong Qi Men mengutarakan cara tidur, sekali tidur berpuluhan tahun tidak keluar dari kondisi samadhi, tidak bangun. Namun siapa yang berlatih? Fu Yuan Shen-nya telah keluar berlatih, jika dia dapat melihat akan terlihat Shi Fu sedang membawa Fu Yuan Shen-nya berlatih. Fu Yuan Shen juga akan terhutang karma yang besar, Shi Fu tidak memiliki kemampuan untuk melenyapkan karma secara menyeluruh. Oleh itu memberitahunya: “Anda berlatih Gong dengan bersungguh-sungguh di sini, saya keluar sebentar, sekejap nanti saya akan kembali, anda tunggu saya.”

Walaupun Shi Fu tahu dengan jelas apa yang akan terjadi, pun harus berbuat demikian. Akhirnya iblis datang menakutkannya, menjelma menjadi gadis cantik untuk menggodanya, hal yang bermacam-macam pun ada. Sekali dilihat hatinya memang tidak tergoyah, kerana Fu Yuan Shen lebih mudah berkultivasi, dia dapat mengetahui kebenarannya. Iblis itu menjadi gelisah lalu ingin membunuhnya demi melepaskan geram dan membalas dendam, benar-benar membunuhnya, dengan demikian hutangnya pun dibayar sepenuhnya. Setelah dibunuh, Fu Yuan Shen terlihat samar-samar, seperti sekepul asap keluar melayang-layang. Kemudian dilahirkan semula, dilahirkan di satu keluarga yang sangat miskin. Mengalami penderitaan sejak kecil, setelah membesar sehingga mampu berfikir, Shi Fu pun datang, sudah tentu dia sudah tidak mengenali. Shi Fu menggunakan kemampuan Gong membuka ingatannya yang tersimpan dalam fikirannya, dengan seketika dia pun teringat: “Bukankah ini Shi Fu?” Shi Fu memberitahu dia: “Sekarang sudah boleh, sudah boleh berlatih.” Dengan demikian, setelah melewati beberapa tahun, Shi Fu telah selesai memberi ajaran kepadanya.

Setelah selesai memberi ajaran, Shi Fu memberitahu dia lagi: “Anda mempunyai banyak keterikatan hati yang harus disingkirkan, anda pergilah berkelana.” Berkelana adalah amat sengsara, berjalan minta sedekah makan dalam kalangan masyarakat, bertemu dengan berbagai macam orang, mengejeknya, mencacinya, membulinya, berbagai hal pun dapat ditemui. Dia menganggap dirinya sebagai orang yang berlatih Gong, menepatkan

hubungan diri dengan orang lain, mempertahankan Xin Xing-nya, meningkatkan Xin Xing-nya secara berterusan, di bawah godaan berbagai macam kepentingan manusia biasa hatinya pun tidak tergoyah, setelah beberapa tahun dia pun pulang dari berkelana. Shi Fu berkata: “Anda sudah memperoleh Tao, sudah mencapai kesempurnaan. Tiada apa-apa urusan lagi, anda balik berkemas, bersiap-sedia untuk bertolak pergi. Jika ada apa-apa urusan, maka anda selesaikanlah urusan-urusan dalam kalangan manusia biasa itu.” Dengan itu, selepas beberapa tahun, Fu Yuan Shen pun kembali, sebaik sahaja dia kembali, Zhu Yuan Shen-nya yang di sini juga keluar dari kondisi samadhi, Zhu Yi Shi pun bangun dari tidur.

Akan tetapi dia benar-benar tidak Xiu Lian, Fu Yuan Shen-nya yang telah Xiu Lian, oleh itu Fu Yuan Shen yang memperoleh Gong. Tetapi Zhu Yuan Shen juga ikut menderita, bagaimanapun dia telah menghabiskan sepanjang masa mudanya duduk di situ, masa manusia biasa telah pun berlalu sepenuhnya. Jadi macam mana? Dia berasa sebaik sahaja dia keluar dari kondisi samadhi dia pun sudah berjaya melatih Gong secara sendiri, sudah memiliki kemampuan Gong, dia ingin mengubati penyakit, ingin melakukan apa sahaja pun boleh melakukan, Fu Yuan Shen akan memuaskannya. Ini kerana bagaimanapun dia adalah Zhu Yuan Shen, Zhu Yuan Shen yang menguasai tubuh, yang berhak membuat keputusan. Lagipun, selama beberapa tahun dia duduk di sini, seluruh hayatnya sudah pun berlalu. Setelah dia meninggal dunia, Fu Yuan Shen pun meninggalkannya, menempuh jalan masing-masing. Menurut agama Buddha, dia masih perlu masuk enam kitaran kelahiran semula (*Samsara*). Oleh kerana dalam tubuhnya telah berhasil kultivasi satu Sang Maha Sedar, dia juga telah mengumpulkan banyak De, jadi bagaimana? Mungkin dia akan jadi seorang yang berjawatan tinggi dalam hayat yang akan datang, jadi kaya raya. Hanya boleh begini sahaja, bukankah itu sia-sia berkultivasi?

Hal ini kami membicarakan secara terbuka, juga setelah melalui banyak liku-liku barulah disetujui. Saya telah mendedahkan sebuah misteri yang berkurun-kurun lama, rahsia dari segala rahsia yang langsung tidak boleh diceritakan, telah mendedahkan segala latar belakang berbagai kaedah Xiu Lian sejak sepanjang zaman. Bukankah saya kata ianya membabitkan asal usul sejarah yang amat mendalam? Inilah sebab-sebabnya. Cuba anda

fikirkan, ajaran mana, aliran mana yang bukan Xiu Lian sebegini? Anda sendiri bolak-balik berkultivasi namun tidak memperoleh Gong, bukankah anda menyedihkan! Tetapi siapa yang boleh dipersalahkan? Manusia memanglah begitu sesat, memang tidak dapat sedar, bagaimana petunjuk diberi pun tidak berguna. Bila diceritakan dengan tinggi, apabila terdengar rasa amat misteri, bila diceritakan dengan rendah, tidak dapat sedari. Walaupun saya berkata demikian, masih ada yang minta saya mengubati penyakitnya, saya memang tidak dapat berkata apa-apa terhadapnya. Kita mengutarakan Xiu Lian, yang Xiu Lian menuju tingkat tinggi baru boleh dijaga.

Aliran Fa kita ini ialah Zhu Yi Shi yang memperoleh Gong, jadi adakah anda berkata Zhu Yi Shi memperoleh Gong lalu pun Zhu Yi Shi yang memperoleh Gong? Siapa yang membenarkannya? Bukannya begini, ia perlulah mempunyai pra-syarat. Kalian tahu, aliran Fa kita ini tidak menghindari dari masyarakat manusia biasa untuk Xiu Lian, tidak menghindari, tidak melarikan diri dari konflik. Dalam persekitaran manusia biasa yang rumit ini, anda adalah sedar sepenuhnya, dengan jelas dan nyatanya mengalami kerugian pada isu kepentingan, ketika kepentingan dirampas oleh orang lain, anda tidak bersaing dan berebut seperti orang lain. Dalam pelbagai gangguan Xin Xing, anda mengalami kerugian. Dalam persekitaran yang sengsara sebegini, menempuh tekad anda, meningkatkan Xin Xing anda, di bawah pengaruh berbagai macam fikiran buruk manusia biasa, anda mampu membebaskan diri.

Cuba kalian fikirkan, yang jelas dan nyata menderita bukankah anda sendiri, yang mengorban bukankah Zhu Yuan Shen anda, dalam kalangan manusia biasa, anda kehilangan sesuatu, bukankah anda kehilangan sesuatu dengan penuh kesedaran? Maka Gong ini sepatutnya anda yang perolehi, siapa yang kehilangan dia yang memperoleh. Jadi inilah sebabnya mengapa aliran Fa kita ini tidak memisahkan diri dari persekitaran manusia biasa yang rumit ini untuk menjalani Xiu Lian. Mengapa kita perlu Xiu Lian dalam konflik yang wujud dalam kalangan manusia biasa? Ini kerana kita ingin memperoleh Gong sendiri. Kelak anak murid yang berkultivasi khusus dalam biara harus berkelana dalam kalangan manusia biasa.

Sesetengah orang berkata, “Masa kini kaedah Gong yang lain juga berlatih dalam kalangan manusia biasa?” Namun kesemua itu disebar secara meluas untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, yang benar-benar Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, kecuali yang diwarisi secara tunggal, tiada orang yang menyebarkannya secara terbuka. Yang benar-benar membimbing anak murid, sudah pun membawa pergi anak-anak muridnya, mengajar mereka secara rahsia. Sekian banyak tahun, mana ada yang menceritakan ini di khalayak orang ramai? Tiada orang yang menceritakan. Aliran Fa kita ini menceritakan sebegini, kerana kita memang berkultivasi dengan cara demikian, memang memperoleh Gong dengan cara demikian. Pada masa yang sama, beribu-ribu bahkan melampaui sepuluh ribu benda dari aliran kita ini yang dipasang, semua dipasang pada Zhu Yuan Shen anda, supaya benar-benar anda sendiri yang memperoleh Gong. Saya katakan bahawa saya telah melakukan suatu hal yang tidak pernah dilakukan oleh orang sebelum ini, telah membuka sebuah pintu yang paling besar. Pernyataan saya ini ada orang yang telah memahaminya, saya memang tidak menceritakan apa-apa yang berunsur misteri. Saya ini mempunyai satu tabiat, jika saya mempunyai satu yard, saya akan kata satu kaki, anda boleh kata saya bercakap besar. Sebenarnya ini hanya menceritakan sedikit sahaja, Dafa yang lebih tinggi dan mendalam oleh sebab perbezaan tingkat yang terlalu besar, saya tidak dapat ceritakan kepada anda walau sedikit pun.

Aliran Fa kita ini memang Xiu Lian dengan cara ini, agar anda sendiri yang benar-benar memperoleh Gong, ini adalah kali pertama sejak terbentuknya langit dan bumi, anda boleh cuba menyemak catatan sejarah. Kebaikannya ialah anda sendiri yang memperoleh Gong, tetapi juga amat sukar. Dalam persekitaran manusia biasa yang rumit, dalam gesekan Xin Xing di antara manusia, anda mampu membebaskan diri dan menonjolkan diri, ini adalah yang paling sukar. Yang sukar itu ialah anda mengerti dengan jelas bahawa anda mengalami kerugian dalam kepentingan manusia biasa, ketika berdepan dengan kepentingan diri, hati anda tergoyah ataupun tidak; dalam perkelahian dan persaingan antara manusia, hati anda tergoyah ataupun tidak; ketika sanak-saudara mengalami penderitaan, hati anda tergoyah ataupun tidak, bagaimana anda mempertimbangkannya, sebagai seorang yang berlatih Gong memang begini sukar! Ada seorang yang berkata kepada saya: “Guru, jadi seorang yang baik dalam kalangan manusia biasa pun sudah

cukup, siapa yang mampu berkultivasi meningkat ke atas?” Setelah mendengarnya, saya berasa amat sedih! Apa pun saya tidak berkata kepadanya. Xin Xing berbagai macam pun ada, dia dapat sedar setinggi mana, pun sedar setinggi itu, siapa yang sedari, dialah yang memperoleh.

Lao Zi berkata: “Tao yang saya ajarkan, boleh disebut Tao namun bukan Tao biasa.” Jika ianya berselerak merata-rata di atas lantai sehingga dengan sekali pungut sahaja pun sudah berhasil berkultivasi, ia juga tidak akan berharga lagi. Aliran Fa kita ini menghendaki anda memperoleh Gong dalam konflik, oleh itu kita harus menyesuaikan diri dengan manusia biasa pada kadar yang paling maksima, dari aspek material juga tidak menghendaki anda benar-benar kehilangan sesuatu. Akan tetapi dalam persekitaran kebendaan ini, anda pula perlu meningkatkan Xin Xing anda. Kesenangannya adalah di sini, aliran Fa kita ini adalah yang paling senang, boleh Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa, tidak perlu jadi sami. Maka yang paling sukar juga adalah di sini, Xiu Lian dalam kalangan persekitaran manusia biasa yang paling rumit ini. Akan tetapi yang paling baik juga adalah di sini, ini kerana ia membenarkan anda memperoleh Gong sendiri, ini adalah benda yang paling krusial dalam aliran kita ini, hari ini saya telah menceritakan secara terbuka kepada kalian semua. Sudah tentu, apabila Zhu Yuan Shen memperoleh Gong, Fu Yuan Shen juga memperoleh Gong, mengapa? Semua informasi dan makhluk berjiwa yang berada di dalam tubuh anda, bahkan sel anda juga sedang tumbuh Gong, sudah tentu Fu Yuan Shen juga perlu tumbuh Gong. Namun sampai bila pun dia tidak akan lebih tinggi dari anda, anda adalah tuan, dia adalah pelindung Fa.

Cerita sampai sini, saya masih ingin mengatakan sepatah dua kata. Dalam komuniti Xiu Lian kita tidak kurang orang yang sebegini, selalu ingin Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi. Mengejar Fa di merata-rata tempat, membelanjakan wang yang tidak kurang banyak, telah mengitari seluruh negara, untuk mencari guru yang terkenal tetapi gagal. Yang terkenal tidak semestinya benar-benar mengerti. Akhirnya bermundar-mandir tanpa hasil, membazirkan tenaga dan wang, apa pun tidak peroleh. Kaedah Gong yang begitu baik, hari ini kami menunjukkan kepada anda, saya telah membawakan kepada anda, telah hantar ke depan pintu rumah anda. Cuma melihat anda dapat berkultivasi ataupun tidak, dapat

mengamalkannya ataupun tidak. Jika anda dapat mengamalkannya, maka anda teruskan kultivasi anda. Jika anda tidak dapat mengamalkannya, jika anda tidak mampu berkultivasi, maka mulai sekarang anda jangan berharap untuk Xiu Lian lagi. Kecuali iblis yang menipu anda, tidak ada orang yang mengajar anda lagi, kelak anda juga jangan berkultivasi lagi. Jika saya tidak dapat menyelamatkan anda, sesiapa pun tidak dapat menyelamatkan anda. Sebenarnya sekarang ingin mencari seorang Shi Fu Fa ortodoks yang sejati untuk mengajar anda, adalah lebih sukar daripada mendaki langit, langsung tidak ada orang yang peduli. Pada zaman akhir Dharma, bahkan tingkat yang amat tinggi juga berada dalam bencana akhir, lagi tidak dapat pedulikan manusia biasa lagi. Ini adalah aliran Fa yang paling senang, di samping itu, ia berlatih secara langsung berlandaskan ciri-ciri istimewa alam semesta, merupakan kultivasi yang paling cepat dengan jalan pintas, terus menuju pada hati manusia.

Zhou Tian

Dalam aliran Tao mengatakan Zhou Tian besar dan kecil, kami akan bincangkan apa itu Zhou Tian. Zhou Tian yang biasa kita katakan adalah menghubungkan kedua-dua meridian “Ren”⁷³ dan “Du”⁷⁴ menjadi satu, Zhou Tian ini adalah Zhou Tian permukaan, tidak mempunyai nilai apa pun yang dapat diperhitungkan, hanya benda untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, ini dipanggil Zhou Tian kecil. Masih ada sejenis Zhou Tian, ia tidak dipanggil Zhou Tian kecil, juga tidak dipanggil Zhou Tian besar, adalah satu bentuk Zhou Tian dalam Xiu Lian ber-dhyana. Ia melalui bahagian dalam tubuh, dari Ni Wan berputar satu lingkaran turun ke bawah, melalui bahagian dalam tubuh sampai ke Dan Tian berputar satu lingkaran naik ke atas, berbentuk kitaran dalaman, itu adalah Zhou Tian yang sebenarnya dalam Xiu Lian ber-dhyana. Setelah Zhou Tian ini terbentuk juga akan terbentuk satu aliran energi yang sangat kuat, kemudian satu meridian⁷⁵ membawa ratusan meridian, sehingga meridian lainnya semua ikut terbuka. Aliran Tao mengatakan Zhou Tian, agama Buddha tidak mengatakan Zhou Tian. Apa yang dikatakan

73 Meridian “Ren” (Mai “Ren”) – Meridian dari titik akupunktur Cheng Jiang (bawah bibir) melalui depan tubuh sampai ke titik akupunktur Hui Yin.

74 Meridian “Du” (Mai “Du”) – Meridian dari titik akupunktur Hui Yin melalui tulang punggung naik ke Bai Hui terus turun sampai di gusi bahagian atas.

75 Meridian – Istilah perubatan merujuk kepada saluran energi; dalam bahasa Mandarin disebut “Mai”.

oleh agama Buddha? Sakyamuni ketika mengajar perangkat kaedah Gong-nya tidak membicarakan Gong, walaupun tidak membicarakan Gong, kaedah Gong-nya juga mempunyai bentuk evolusi Xiu Lian-nya sendiri. Bagaimana jalur pergerakan meridian bagi agama Buddha? Mulai dari titik Bai Hui, setelah titik ini tembus, kemudian dari atas ubun-ubun secara spiral berkembang ke bawah tubuh, akhirnya dengan cara seperti ini membawa ratusan meridian ikut terbuka.

Meridian tengah dari aliran Tantra juga bertujuan sebegini. Ada yang berkata tidak ada meridian tengah, kalau begitu mengapa aliran Tantra boleh menghasilkan meridian tengah menerusi Xiu Lian? Sebenarnya meridian pada tubuh manusia jika dijumlahkan bersama, tidak kurang dari sepuluh ribu, silang-menyilang seperti saluran darah, lebih banyak daripada saluran darah. Bahagian celah organ dalam tidak ada saluran darah, namun ada meridian. Dari ubun-ubun sampai ke setiap bahagian tubuh juga adalah jaringan meridian yang silang-menyilang, semua itu akan dihubungkan, pada mulanya mungkin tidak lurus, perlu dihubungkan agar ia dapat tembus. Kemudian makin bertambah lebar, lama-kelamaan pun terbentuk satu meridian lurus. Berputar sendiri berpaksikan meridian ini, menggerakkan beberapa roda dalam niat fikirannya yang berputar, tujuannya juga adalah untuk menggerakkan semua meridian yang ada dalam tubuh agar terbuka.

Xiu Lian dalam Falun Dafa kita mengelak dari corak satu meridian membawa ratusan meridian, kami menghendaki ratusan meridian terbuka serentak, ratusan meridian berputar serentak. Kita dengan seketika telah berlatih pada tingkat yang sangat tinggi, mengelakkan benda-benda yang sangat rendah. Dengan cara satu meridian membawa ratusan meridian, jika anda ingin menggerakkan kesemuanya ikut terbuka, sesetengah orang yang berkultivasi seumur hidup juga amat sukar, sesetengah orang perlu berkultivasi berpuluh-puluh tahun, sangat susah. Dalam banyak kaedah Gong dikatakan kultivasi tidak akan berhasil dalam satu hayat, ada ramai orang yang Xiu Lian dalam Maha Hukum yang tinggi dan mendalam boleh memanjangkan usianya, bukankah mereka mengutarakan kultivasi pada nyawa? Boleh memanjangkan usia untuk menjalani Xiu Lian, sekali berkultivasi untuk masa yang panjang.

Zhou Tian kecil pada dasarnya adalah untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, sedangkan Zhou Tian besar pula adalah untuk berlatih Gong, iaitu seseorang benar-benar Xiu Lian. Zhou Tian besar yang dimaksudkan oleh aliran Tao tidak sehebat seperti apa yang kita lakukan, di mana ratusan meridian terbuka serentak. Ianya adalah pengedaran beberapa batang meridian, iaitu tiga Yin tiga Yang di tangan, bawah kaki, kedua-dua kaki sehingga ke rambut, mengitari tubuh satu kali, ini sudah dikira putaran Zhou Tian besar. Zhou Tian besar sekali dimulakan ialah benar-benar berlatih Gong, oleh itu ada sesetengah master Qi Gong tidak mengajar Zhou Tian besar, yang mereka ajarkan adalah benda-benda untuk menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh. Ada sesetengah orang juga membicarakan Zhou Tian besar, namun mereka tidak memasang apa-apa pada anda, anda sendiri juga tidak mampu menembusnya. Tanpa dipasangkan sesuatu, bergantung kepada niat fikiran diri sendiri ingin menembusnya, tidak semudah itu! Seperti melakukan senaman, adakah ia dapat berhasil tembus? Kultivasi itu terpulang kepada diri sendiri, sedangkan evolusi Gong bergantung kepada Shi Fu, hanya setelah dipasangkan dengan seluruh mekanisme dalaman ini baru dapat berfungsi sebegini.

Sepanjang sejarah aliran Tao memandang tubuh manusia sebagai sebuah alam semesta kecil, menganggap betapa besarnya bahagian luar alam semesta, betapa besarnya bahagian dalamnya, bagaimana keadaannya di bahagian luar, di dalamnya juga adalah sama. Hal ini apabila diceritakan seolah-olah tidak dapat dibayangkan, tidak mudah untuk difahami. Alam semesta ini begitu besar, bagaimana dapat dibandingkan dengan tubuh manusia? Kami menceritakan satu prinsip sebegini, kajian elemen material yang dilakukan oleh ilmu fizik kita sekarang, mulai dari molekul, atom, elektron, proton, quark sampai ke neutrino, terus ke bawah lagi masih berapa banyak? Sampai tahap itu mikroskop sudah tidak mampu melihat lagi, jika diteruskan lagi ke bawah, apakah partikel ekstrem kecil yang ada itu? Sudah tidak tahu lagi. Sebenarnya hal yang telah difahami oleh ilmu fizik kita sekarang ini, bila dibandingkan dengan partikel yang paling kecil dari alam semesta adalah amat jauh berlainan. Bila manusia tidak memiliki tubuh fizikal, mata manusia ketika melihat sesuatu benda pun boleh berperanan seperti fungsi memperbesar, dapat melihat mikroskopis. Semakin tinggi tingkat-nya, yang dilihat di bawah keadaan mikroskopis semakin besar.

Sakyamuni yang berada pada tingkat sedemikian itu, telah menceritakan teori tiga ribu dunia, yaitu dalam galaksi ini, masih wujud umat manusia yang mempunyai tubuh fizikal seperti manusia kita ini. Bahkan juga menceritakan bahawa dalam sebutir pasir terkandungnya tiga ribu dunia, ini adalah serupa dengan pemahaman ilmu fizik kita pada zaman kini. Apa bezanya bentuk elektron berorbit mengelilingi inti atom dengan bumi berorbit mengelilingi matahari? Oleh itu Sakyamuni telah berkata, di bawah kondisi mikroskopis, dalam sebutir pasir ada tiga ribu dunia, itu adalah ibarat sebuah alam semesta, di dalamnya ada hidupan dan ada material. Jika itu adalah benar, cuba kalian fikirkan, bukankah masih ada pasir dalam dunia yang berada dalam pasir tersebut, maka di dalam pasir yang berada dalam pasir itu, bukankah masih ada tiga ribu dunia? Kalau begitu bukankah tiga ribu dunia dalam pasir yang berada dalam pasir itu masih ada pasir lagi? Bila ditelusuri terus ke bawah ianya adalah tanpa batasan. Oleh itu, Sakyamuni yang mencapai tingkat Tathagata sebegini, dia pula telah menyatakan pernyataan sebegini: “Besarnya tanpa bahagian luar, kecilnya tanpa bahagian dalam.” Besar, sehingga tidak terlihat pinggir alam semesta. Kecil, sehingga tidak terlihat benda-benda paling mikro dari sumber asal materialnya.

Ada master Qi Gong yang berkata: “Dalam liang roma ada kota, di dalamnya ada kereta api dan kereta yang berlalu-lalang.” Bila terdengar amat misteri, akan tetapi bila kita berdiri dari perspektif sains untuk benar-benar memahami dan mengkajinya, mendapati pernyataan sebegini adalah tidak misteri. Hari itu apabila saya mencerita tentang terbukanya Tian Mu, ada ramai orang yang terbuka Tian Mu-nya akan muncul pemandangan yang sebegini: dia mendapati bahawa melalui suatu saluran pada dahinya, dia berlari ke luar, seolah-olah berlari selama juga tidak akan sampai ke hujung. Setiap hari ketika berlatih Gong selalu berlari ke luar melalui jalan besar ini, kedua-dua belah jalan ada bukit, ada sungai, bila berlari masih perlu melewati kota, malah terlihat ramai orang. Dia berasa ini adalah ilusi. Sebenarnya apa yang terjadi? Terlihat dengan amat jelas, bukannya ilusi. Saya kata, jika pada kondisi mikroskopis tubuh manusia benar-benar begitu besar, maka itu bukanlah ilusi. Ini kerana sepanjang sejarah aliran Tao dalam berlatih Gong menganggap tubuh manusia sebagai sebuah alam semesta, jika benar-benar adalah sebuah

alam semesta, dari dahi sampai ke kelenjar pineal tidak kurang dari seratus lapan ribu kilometer, anda tembuslah ke luar, sangat jauh sekali.

Jika dalam proses Xiu Lian seluruh Zhou Tian besar dibuka tembus, akan terhasilnya sejenis kemampuan Gong kepada orang yang Xiu Lian, kemampuan Gong apa? Kalian tahu, Zhou Tian besar juga dikenali sebagai Zhou Tian Zi Wu, juga dikenali sebagai peredaran langit dan bumi, juga dikenali sebagai peredaran He Che. Pada tingkat yang amat cetek peredaran Zhou Tian besar sudah pun membentuk sebuah aliran energi, ia akan beransur-ansur memperbesar ketumpatannya dan transformasi menuju ke tingkat yang lebih tinggi, akan berubah menjadi suatu pita energi dengan ketumpatan yang sangat besar. Pita energi ini beredar, dan dalam proses peredarannya, kami melihat dengan Tian Mu pada tingkat yang amat cetek, mendapati ia boleh menyebabkan Qi dalam tubuh menukar posisi: Qi dari jantung berpindah ke usus, Qi dari hati berpindah ke perut Jika pada tingkat mikroskopis boleh melihat yang ia pindah adalah benda yang sangat besar, jika pita energi ini disalurkan ke luar tubuh, ia adalah telekinesis. Orang yang memiliki Gong yang sangat kuat, boleh memindahkan benda yang sangat besar, iaitu telekinesis besar. Orang yang memiliki Gong yang sangat lemah, boleh memindahkan benda yang sangat kecil, iaitu telekinesis kecil. Ini adalah corak dan pembentukan telekinesis.

Zhou Tian besar secara langsungnya adalah berlatih Gong, oleh itu akan membawa keadaan dan bentuk Gong yang berbeza, ia juga akan membawa kepada kita suatu keadaan yang sangat khusus. Keadaan apakah itu? Kalian mungkin pernah lihat dalam buku-buku kuno, seperti “Shen Xian Zhuan” ataupun “Dan Jing”, “Tao Zhang”, “Xing Ming Gui Zhi” yang mana semuanya ada tertulis ungkapan sebegini, iaitu “Bai Ri Fei Sheng”, iaitu seseorang itu terbang ke atas pada siang hari. Sebenarnya saya beritahu kalian, sebaik sahaja tembusnya Zhou Tian besar orang ini pun sudah boleh melambung ke atas, adalah sedemikian mudah. Ada orang yang berfikir, sekian banyak tahun berlatih Gong, orang yang menembus Zhou Tian besar pun tidak kurang bilangannya. Saya kata berapa puluh ribu orang dapat mencapai taraf ini pun tidak mustahil, lagi pun Zhou Tian besar sememangnya adalah langkah permulaan bagi orang yang mula berlatih Gong.

Kalau begitu mengapa tidak terlihat orang-orang ini mengambang ke atas, tidak terlihat dia melambung ke atas? Keadaan masyarakat manusia biasa adalah tidak boleh dirosakkan, tidak boleh merosakkan atau mengubah bentuk masyarakat dalam masyarakat manusia biasa dengan sesuka hati, semua orang berterbangan di atas langit, bolehkah itu dibenarkan? Adakah itu masyarakat manusia biasa? Ini adalah satu aspek yang utama. Pada aspek yang lain, manusia yang berada dalam kalangan manusia biasa bukannya bertujuan untuk menjadi manusia, adalah untuk balik ke asal kembali ke jati diri, oleh itu masih ada satu isu mengenai kualiti kesedaran. Sekiranya dia terlihat ramai orang yang benar-benar mampu terbang ke atas, dia juga akan berkultivasi, maka sudah tidak wujud isu mengenai kualiti kesedaran lagi. Oleh itu jika anda sudah berhasil dalam kultivasi, juga tidak boleh dilihat oleh orang lain sesuka hati, tidak boleh ditunjukkan kepada orang lain, orang lain masih perlu berkultivasi. Maka setelah Zhou Tian besar tembus, asalkan hujung jari tangan anda, hujung jari kaki atau mana-mana bahagian lain dikuncikan, anda pun tidak dapat mengambang ke atas.

Seringkali ketika Zhou Tian besar kita hampir tembus, akan timbul suatu keadaan, ada orang ketika duduk bermeditasi, tubuhnya akan asyik condong ke depan. Ini kerana bahagian belakangnya tembus dengan lebih baik, bahagian belakangnya luar biasa ringan, sedangkan bahagian depannya berasa berat. Ada orang yang condong ke belakang, iaitu bahagian belakang berasa berat, sedangkan bahagian depannya ringan. Jika keseluruhan anda dapat tembus dengan amat baik, maka anda akan terguncang naik, terasa diri terangkat naik, ada rasa terpisah dari lantai. Ketika benar-benar boleh naik ke atas, tidak akan membenarkan anda naik, tetapi juga bukan mutlak. Kemampuan Gong timbul pada dua pangkal keadaan, budak kecil tidak mempunyai keterikatan hati, orang tua terutamanya wanita usia lanjut tidak mempunyai keterikatan hati, mudah timbul kemampuan Gong, mudah mempertahankannya. Sedangkan lelaki terutamanya yang berusia muda, sebaik sahaja mempunyai kemampuan Gong, keterikatan hatinya yang ingin mempamerkan diri sendiri adalah tidak dapat dielakkan, pada masa yang sama dia mungkin akan menggunakannya sebagai suatu sarana untuk bersaing dalam kalangan manusia biasa. Dengan demikian pun tidak membenarkan ia wujud, sekiranya sudah berhasil melalui latihan juga akan menguncikannya. Setelah dikunci pada salah satu bahagian, maka orang

ini pun tidak dapat mengambang ke atas. Namun juga bukan secara mutlak tidak membolehkan anda muncul keadaan sedemikian, mungkin membenarkan anda cuba, ada sesetengah orang boleh mempertahankannya.

Ketika mengadakan kuliah di berbagai tempat, selalu ada keadaan sebegini. Ketika saya mengadakan kuliah di Shandong, pelatih-pelatih dari Jinan mahupun Beijing pun ada, ada orang berkata: “Guru, apa yang terjadi kepada saya, ketika berjalan selalu terpisah dari lantai, ketika berbaring tidur di rumah mengambang ke atas, jika berselimut sampai selimut pun ikut mengambang ke atas, selalu mengambang ke atas seperti balon.” Ketika saya mengadakan kuliah di Guiyang, seorang pelatih lama dari Guizhou, seorang nenek tua, di dalam rumahnya terletak dua buah katil, masing-masing terletak berdekatan dinding. Dia duduk bermeditasi di atas katil, dia pun terasa dirinya mengambang ke atas, dia membuka matanya dan terlihat dirinya melayang ke katil lain, sebaik sahaja dia berfikir, “Saya harus kembali ke situ,” dia pun melayang balik.

Ada seorang pelatih dari Qingdao, pada waktu rehat tengahari tiada orang di dalam bilik, dia duduk bermeditasi di atas katil, sebaik sahaja dia duduk bermeditasi dia pun mengambang ke atas, terguncang naik ke atas dengan sangat hebat, setinggi satu meter lebih. Setelah naik ke atas pun turun kembali, terguncang naik turun dengan keras, bahkan selimut pun terguncang jatuh ke lantai. Ada sedikit gembira, juga ada sedikit takut, terguncang-guncang sepanjang siang hari. Akhirnya loceng masuk kerja pun berbunyi, dalam hatinya berfikir: “Tidak boleh dilihat oleh orang lain, buat apa ini, cepat hentikan.” Lalu berhenti. Inilah sebab mengapa orang berusia tua dapat mengawal diri. Jika dia seorang pemuda, loceng masuk kerja sudah berbunyi, semua orang datanglah tengok, saya sudah boleh terbang.” Justeru di sinilah manusia tidak mudah mengawal keterikatan hati diri yang suka mempamerkan diri: “Lihat betapa hebatnya saya berlatih Gong ini? Saya dapat terbang ke atas.” Sebaik sahaja dia mempamerkan pun sudah hilang, tidak membenarkan ia wujud sebegini. Peristiwa seperti ini amat banyak, para pelatih dari berbagai tempat pun ada.

Sebaik sahaja kita mula berlatih pun menghendaki ratusan meridian dibuka secara serentak. Setakat hari ini, lapan puluh peratus hingga sembilan puluh peratus pelatih dalam kalangan kita sekarang pun sudah mencapai keadaan ringan di seluruh tubuh badan, tidak berpenyakit. Pada masa yang sama kita mengutarakan, di dalam kuliah ini bukan sahaja anda akan didorong sampai keadaan sedemikian, agar tubuh anda dimurnikan sepenuhnya, bahkan masih perlu memasang banyak benda dalam tubuh anda, agar anda tumbuh Gong dalam kuliah, ini sama seperti saya menarik anda ke atas dan menghantar anda ke depan. Saya mengajar Fa kepada kalian dalam kuliah secara berterusan, Xin Xing kalian juga sedang mengalami perubahan secara berterusan. Ramai orang dalam kalangan kita setelah keluar dari dewan ini, anda akan berasa seolah-olah seperti seorang yang berlainan, bahkan dijamin pandangan dunia anda juga telah mengalami perubahan, anda sudah tahu bagaimana harus membawa diri kelak, tidak boleh begitu tidak tentu hala lagi, dijamin adalah sedemikian, oleh itu Xin Xing kita sudah pun ikut meningkat.

Berbicara tentang Zhou Tian besar, walaupun tidak membenarkan anda mengambang ke atas, namun anda akan berasa ringan di seluruh badan, berjalan seolah ada tiupan angin yang mendorong. Dahulunya berjalan beberapa langkah pun berasa letih, kini berjalan berapa jauh pun berasa amat senang, menunggang basikal seolah-olah ada orang yang menolak anda, naik tingkat bangunan berapa tinggi pun tidak berasa penat, terjaminnya sebegini. Yang membaca buku ini belajar sendiri juga boleh mencapai keadaan yang semestinya dialami. Untuk saya perkara yang saya tidak ingin katakan, saya boleh berdiam diri, akan tetapi, apa yang saya katakan haruslah kata-kata yang benar. Terutama sekali di bawah keadaan sebegini, ketika saya mengajar Fa jika saya tidak bercakap benar, sebaliknya bercakap misteri di sini, bercakap sembarangan atas hal yang tidak ada, maka saya adalah menyebarkan Fa sesat. Saya buat perkara ini juga tidak mudah, dalam alam semesta semua sedang memerhati, anda menyimpang pun tidak dibenarkan.

Orang pada umumnya hanya tahu ada satu Zhou Tian seperti ini dan menganggap masalahnya sudah selesai, sebenarnya ini masih tidak cukup. Jika ingin seluruh tubuh kita diganti dan ditransformasikan oleh material energi tinggi dengan secepat mungkin, masih memerlukan suatu arah jalur dalam bentuk Zhou Tian yang menggerakkan arah jalur semua

meridian dalam tubuh anda, itu disebut Zhou Tian Mao You, mungkin jarang ada orang yang tahu akan hal ini. Dalam buku kadang-kadang ada disebut istilah sebegini, namun tidak ada orang yang menerangkannya, tidak memberitahu anda. Semuanya hanya berputar-putar mengelilingi teori, kerana itu adalah rahsia di antara rahsia. Di sini kami memberitahu kesemuanya kepada anda: Boleh mula dari titik Bai Hui (juga boleh keluar melalui titik Hui Yin), disalurkan ke luar lalu bergerak mengikuti perbatasan kedua-dua permukaan Yin dan Yang, turun melewati tepi telinga, kemudian turun melalui bahu. Bergerak melalui satu celah jari demi satu celah jari. Kemudian bergerak melalui sisi tubuh, melalui tapak kaki, naik melalui satu sisi pangkal paha. Kemudian turun dari sisi lainnya, melintas tapak kaki, naik dari sisi tubuh. Melalui satu celah jari demi satu celah jari, berputar satu putaran sampai ke ubun-ubun, ini adalah Zhou Tian Mao You. Orang lain dapat menulis sebuah buku, saya dengan beberapa patah perkataan pun sudah mengungkapkannya. Saya rasa ini juga tidak dikira apa rahsia langit, namun orang lain berasa benda ini adalah sangat berharga, langsung tidak akan menceritakan, yang benar-benar mengajar anak murid baru mengungkapkan Zhou Tian Mao You. Walaupun saya telah menceritakan, namun sesiapa pun jangan berlatih dengan mengarahkan mahupun mengawal niat fikiran, jika anda berlatih dengan cara itu maka ia sudah bukan Falun Dafa kita lagi. Benar-benar Xiu Lian menuju tingkat tinggi adalah Wu Wei, tidak ada kegiatan niat fikiran apa pun, kesemua yang dipasangkan pada anda adalah yang sudah jadi. Kesemuanya ini adalah terbentuk secara automatik, semua mekanisme dalaman ini sedang melatih anda, apabila sampai masa ia akan berputar sendiri. Suatu hari ketika anda berlatih Gong anda akan mengayunkan kepala, jika kepala mengayun ke sebelah sini, bererti ia berputar ke sini; jika kepala berayun ke sebelah sana bererti ia berputar ke sana, kedua-dua belah pun perlu berputar.

Setelah tembusnya Zhou Tian besar dan kecil, ketika duduk bermeditasi akan mengganggu kepala, ini adalah fenomena dari penembusan energi. Kaedah Falun Zhou Tian Fa yang kita latih juga adalah sama, kita berlatih dengan cara demikian, sebenarnya ketika anda tidak berlatih ia pun berputar sendiri. Biasanya berputar secara berterusan, ketika anda berlatih adalah memperkuat mekanisme ini. Bukankah kita mengatakan Fa melatih manusia? Biasanya anda mendapati Zhou Tian anda itu selalu beredar, ketika anda

tidak berlatih, lapisan mekanisme energi yang terpasang di bahagian luar, iaitu selapisan meridian besar luaran sedang menggerakkan tubuh anda berlatih, semuanya adalah automatik. Bahkan ia masih boleh berputar balik, akan berputar searah mahupun berbalik arah, setiap saat pun sedang menembus meridian anda.

Kalau begitu, apakah tujuan menembus Zhou Tian? Menembus Zhou Tian bukanlah tujuan berlatih Gong. Walaupun Zhou Tian anda sudah tembus, saya kata itu apa-apa pun bukan. Meneruskan kultivasi lagi, tujuannya adalah melalui bentuk Zhou Tian sebegini dengan satu meridian membawa ratusan meridian, supaya meridian di dalam tubuh, seluruh meridian yang ada semuanya dibawa terbuka. Kami sudah pun melakukan perkara ini. Terus berlatih selanjutnya, ketika Zhou Tian besar beredar ada orang akan mendapati, meridian akan dapat dilatih menjadi sangat lebar, seperti jari tangan, dalamnya amat luas. Ini kerana energi juga sudah sangat kuat, setelah aliran energi terbentuk ia akan menjadi amat lebar, juga akan amat terang. Ini masih bukan apa-apa, kalau begitu perlu berlatih sehingga ke taraf apa? Haruslah menyebabkan ratusan meridian pada tubuh manusia menjadi lebar secara beransur-ansur, energinya makin lama makin kuat, berubah menjadi semakin terang. Akhirnya menyebabkan puluhan ribu batang meridian bercantum menjadi satu, mencapai suatu kondisi tanpa meridian dan tanpa titik akupunktur, seluruh tubuh bercantum menjadi satu, ini adalah tujuan terakhir yang dicapai menerusi penembusan meridian. Tujuannya adalah supaya tubuh manusia seluruhnya ditransformasi dengan material energi tinggi.

Setelah berlatih sampai tahap ini, tubuh manusia pada dasarnya telah pun ditransformasi oleh material energi tinggi, dalam erti kata lain sudah berlatih sehingga tingkat yang paling tinggi dalam Xiu Lian Fa duniawi, tubuh fizikal manusia telah Xiu Lian sehingga titik kemuncak. Ketika sampai ke tahap ini, malah masih akan mendatangkan satu keadaan kepada orang ini, keadaan apakah itu? Gong-nya sudah timbul berlimpah-ruah. Xiu Lian pada tubuh manusia biasa, iaitu dalam proses Xiu Lian Fa duniawi, segala kemampuan supernormal (kemampuan terpendam) yang dimiliki oleh manusia, semuanya telah timbul ke luar, akan tetapi kultivasi dalam kalangan manusia biasa kebanyakan adalah terkunci. Selain itu, pilar Gong-nya telah tumbuh sangat tinggi,

segala bentuk Gong, semua telah diperkuat dengan amat sangat oleh Gong yang kuat perkasa. Akan tetapi ianya hanya dapat berfungsi dalam ruang dimensi kita yang ada sekarang, namun tidak boleh menyekat ruang dimensi yang lain, ini kerana ianya hanyalah kemampuan Gong hasil Xiu Lian dari tubuh fizikal manusia biasa. Walaubagaimanapun sudah sangat berlimpah-ruah, di dalam berbagai ruang dimensi, berbagai bentuk eksistensi tubuh dalam ruang dimensi yang berbeza, semuanya telah mengalami perubahan yang sangat besar. Benda yang terbawa dalam tubuh itu, benda yang terbawa dalam tubuh pada setiap tingkat ruang dimensi adalah sangat berlimpah-ruah, apabila terlihat sangat mengejutkan. Ada sesetengah orang tubuhnya dipenuhi dengan mata, liang roma seluruh tubuhnya adalah mata. Dalam seluruh lingkungan ruang medannya selalu ada mata. Oleh kerana Gong aliran Buddha memang sedemikian, ada yang tubuhnya dipenuhi dengan citra Bodhisattva ataupun Buddha. Berbagai bentuk Gong telah mencapai taraf yang luar biasa berlimpah-ruah, selain itu juga ada banyak makhluk bernyawa yang menonjolkan diri.

Ketika sampai ke tahap ini, ia masih akan timbul suatu keadaan yang disebut “tiga bunga berkerumun di ubun-ubun.” Itu adalah satu keadaan yang sangat jelas, juga amat ketara sekali, orang dengan tingkat Tian Mu yang tidak tinggi pun sudah dapat lihat. Di atas kepalanya ada tiga kuntum bunga, satu kuntum ialah bunga teratai, namun bukan bunga teratai yang ada dalam ruang fizikal kita ini, yang dua kuntum lagi juga adalah bunga dari ruang dimensi lain, luar biasa indah. Tiga kuntum bunga berputar secara bergilir-gilir di atas ubun-ubun, berputar searah dan berbalik putar, ketiga-tiga kuntum bunga bahkan masih akan berputar sendiri. Setiap kuntum bunga mempunyai sebatang pilar besar, sama besarnya dengan diameter bunga. Ketiga-tiga batang pilar besar itu menembus terus ke bumbung langit, itu bukannya pilar Gong, ia memang berbentuk sedemikian, luar biasa ajaib, anda sendiri melihatnya juga akan berasa terkejut. Setelah Xiu Lian sehingga mencapai tahap ini, tubuh akan menjadi putih murni, kulit juga menjadi halus lembut. Ketika sampai ke tahap ini, juga bererti telah sampai pada bentuk tertinggi Xiu Lian Fa duniawi. Tetapi ini masih belum mencapai titik puncak, masih perlu berkultivasi secara berterusan, masih harus melangkah ke depan.

Melangkah ke depan lagi, pun akan memasuki tingkat transisi di antara Fa duniawi dan di luar Fa duniawi, yang disebut keadaan tubuh putih murni (juga disebut tubuh putih kristal). Ini kerana tubuh telah Xiu Lian sehingga ke bentuk tertinggi pada Fa duniawi, itu juga hanyalah tubuh fizikal manusia ditransformasi ke bentuk yang paling tinggi. Ketika benar-benar memasuki bentuk itu, seluruh tubuh adalah terbentuk dari materi energi tinggi. Mengapa dipanggil tubuh putih murni? Ini kerana ianya sudahpun mencapai darjat tinggi kemurnian yang mutlak. Dilihat dengan Tian Mu, seluruh tubuh adalah telus, sama seperti kaca yang telus, apabila dilihat tidak ada apa-apa pun, akan kelihatan keadaan sebegini, secara ringkasnya, dia sudah merupakan tubuh Buddha. Ini kerana tubuh yang terbentuk dari material energi tinggi adalah tidak sama dengan tubuh kita sendiri. Ketika sampai ke tahap ini, segala kemampuan Gong dan jenis supernormal yang timbul dalam tubuh harus segera dibuang seluruhnya, dilempar masuk ke dalam suatu ruang dimensi yang sangat mendalam, sudah tidak guna lagi, mulai sekarang tidak akan digunakan lagi. Hanya kelak suatu hari ketika anda berhasil berkultivasi memperoleh Tao, anda menoleh untuk melihat proses Xiu Lian anda, dan keluarkannya untuk sekadar melihat. Saat ini hanya ada dua benda yang wujud: Pilar Gong masih ada, Yuan Ying hasil dari Xiu Lian sudah tumbuh amat besar. Akan tetapi kedua-dua benda ini semua berada pada ruang dimensi yang sangat mendalam, orang biasa dengan tingkat Tian Mu yang tidak tinggi tidak dapat melihat, dia hanya dapat melihat tubuh orang ini adalah tubuh yang telus.

Oleh kerana keadaan tubuh putih murni merupakan tingkat peralihan, ketika Xiu Lian secara berterusan lagi, maka sudah benar-benar memasuki Xiu Lian di luar Fa duniawi, juga dikenali sebagai Xiu Lian tubuh Buddha. Seluruh tubuh adalah terbentuk dari Gong, ketika ini Xin Xing seseorang itu sudah stabil. Ia kembali mula berlatih lagi, kembali mula timbul kemampuan Gong, itu tidak lagi digelar kemampuan Gong, tetapi digelar “Kuasa Supernatural Fa Buddha,” ia boleh menyekatkan berbagai ruang dimensi, ada keampuhan yang tidak terbatas. Kelak seiring dengan diri anda yang tidak terhentinya Xiu Lian, benda-benda dari tingkat yang lebih tinggi lagi, anda sendiri akan tahu bagaimana hendak Xiu Lian dan bentuk eksistensi dari Xiu Lian tersebut.

Kegembiraan Hati

Membicarakan satu masalah begini, ini juga tergolong sebagai kegembiraan hati. Ramai orang setelah berlatih Gong untuk satu jangka masa yang panjang, juga ada orang yang tidak pernah berlatih Gong, namun dalam seumur hidupnya ada mengejar prinsip kebenaran dan hakikat kehidupan manusia dan selalu merenung. Sebaik sahaja dia belajar Falun Dafa kita, dengan seketika dia pun memahami banyak masalah dalam kehidupannya yang ingin difahami tetapi tidak dapat menemui penjelasannya. Mungkin seiring dengan fikirannya akan mengalami satu peningkatan, perasaan hatinya akan sangat haru tersentuh, hal ini adalah pasti. Saya tahu, orang yang benar-benar Xiu Lian memang mengetahui nilai pentingnya, mereka akan tahu menghargainya. Akan tetapi seringkali akan timbul lagi masalah seperti ini, oleh sebab kegembiraan seseorang sehingga timbulnya kegembiraan hati yang tidak perlu, lalu menyebabkan dia kelihatan tidak normal, dalam pergaulan antara manusia di masyarakat manusia biasa, dalam persekitaran masyarakat manusia biasa, saya kata ini pun tidak dibenarkan.

Sebahagian besar seperangkat kaedah Gong kita ini adalah Xiu Lian dalam kalangan masyarakat manusia biasa, anda tidak boleh membiarkan diri sendiri terpisah dari masyarakat manusia biasa, anda harus Xiu Lian dengan penuh kesedaran. Hubungan di antara manusia dengan manusia masih adalah hubungan yang normal, sudah tentu Xin Xing amat tinggi, mentaliti sangat tulus, meningkatkan Xin Xing sendiri, menaikkan tingkatan sendiri, tidak melakukan perkara buruk tetapi melakukan perkara baik, cuma penampilan seperti ini sahaja. Ada sesetengah orang yang berpenampilan seolah-olah mentalnya sudah tidak normal, seperti sudah tidak menaruh harapan terhadap dunia fana, pertuturannya juga tidak dapat difahami oleh orang. Orang lain akan berkata, orang yang belajar Falun Dafa ini mengapa berubah jadi begini? Seperti mempunyai masalah mental. Sebenarnya bukan demikian, dia terlalu haru tersentuh, tidak rasional, dan tidak munasabah. Cuba kalian fikirkan, anda berbuat demikian juga tidak betul, anda sudah masuk ke satu ekstrem yang lain pula, juga adalah satu keterikatan hati. Anda harus melepaskannya, menjalani hidup yang normal dan Xiu Lian sama seperti orang lain dalam kalangan manusia biasa. Dalam kalangan manusia biasa, jika orang lain melihat anda tampil dengan

kondisi kurang waras, mereka tidak akan menghiraukan anda, juga akan menjauhkan diri dari anda, sehingga tidak ada sesiapa pun yang akan memberi peluang pada anda untuk meningkatkan Xin Xing anda, tidak ada sesiapa yang menganggap anda sebagai orang normal, saya katakan itu adalah tidak dibenarkan! Oleh itu kalian mesti memberi perhatian kepada masalah ini, anda harus boleh mengawal diri sendiri dengan baik.

Kaedah Gong kita tidak sama dengan kaedah Gong yang umumnya, berlengah-lengah, antara sedar dan tidak sedar, seperti orang yang kurang waras. Kaedah Gong kita sentiasa menghendaki anda Xiu Lian sendiri dengan penuh kesedaran. Ada sesetengah orang yang selalu berkata: “Guru, sebaik sahaja saya memejam mata saya pun terasa bergoyang.” Saya kata tidak semestinya, anda sudah terbentuk tabiat melepaskan Zhu Yi Shi anda sendiri sebaik sahaja anda memejam mata, anda pun terus merehatkan Zhu Yi Shi anda sendiri, sudah tiada lagi, anda sudah terbentuk tabiat sebegini. Duduk di sini kenapa anda tidak bergoyang? Cuba anda kekalkan keadaan seperti saat anda membuka mata anda, kemudian pejamkan mata dengan lembut, adakah anda bergoyang? Langsung tidak. Anda berpendapat Qi Gong ini sememangnya harus dilatih sebegini, anda sudah membentuk satu konsep, sebaik sahaja mata dipejamkan anda pun terus hilang, ke mana pergi pun tidak tahu. Kami kata Zhu Yi Shi anda mestilah jelas, ini kerana seperangkat kaedah Gong ini adalah Xiu Lian pada anda sendiri, anda harus meningkatkan diri dengan penuh kesedaran. Kita juga ada latihan duduk bermeditasi, bagaimana perangkat latihan meditasi kita ini dilakukan? Kami menghendaki kalian, betapapun mendalamnya kondisi samadhi anda, juga harus tahu diri sendiri sedang berlatih Gong di sini, langsung tidak membenarkan anda memasuki keadaan yang tidak tahu apa pun. Jadi secara khususnya akan muncul kondisi seperti apa? Iaitu saat duduk di sana, akan muncul perasaan indah seolah-olah diri sendiri duduk di dalam kulit telur, perasaan yang luar biasa selesa, tahu diri sendiri sedang berlatih Gong, tetapi merasa seluruh tubuh tidak dapat bergerak. Ini adalah sesuatu yang mesti muncul dalam perangkat kaedah Gong 302ahaja302i. Masih ada satu keadaan lagi, setelah duduk lama-kelamaan mendapati kaki pun sudah hilang, tidak ingat ke mana kaki sudah pergi, tubuh juga sudah tidak ada lagi, lengan juga sudah tidak ada lagi, tangan juga sudah tidak ada lagi, hanya tinggal kepala 302ahaja. Berlatih secara berterusan mendapati kepala juga sudah tidak ada lagi, Cuma tinggal fikiran sendiri 302ahaja, sedikit niat fikiran tahu

diri sendiri sedang berlatih Gong di sini. Bila kita dapat mencapai taraf sebegini pun sudah mencukupi. Mengapa? Orang yang berlatih Gong dalam kondisi seperti ini, tubuhnya telah mencapai kondisi evolusi dan perubahan yang maksimal, iaitu kondisi yang paling optimum, oleh itu kami menghendaki anda memasuki keadaan samadhi dalam kondisi seperti ini. Tetapi anda jangan sampai tertidur, jangan sampai kabur kesedaran anda, jika demikian benda baik dari hasil latihan itu mungkin akan diambil oleh orang lain.

Kita semua orang yang berlatih Gong seharusnya berhati-hati agar tidak kelihatan tidak normal dalam kalangan manusia biasa. Anda tidak memainkan peranan yang baik dalam kalangan manusia biasa, orang lain akan berkata, setelah belajar Falun Dafa mengapa semuanya jadi demikian, ini adalah sama seperti merosakkan reputasi Falun Dafa, mestilah berhati-hati dengan hal ini. Dalam aspek lain dan proses Xiu Lian, juga perlu berhati-hati agar tidak timbul kegembiraan hati, hati sebegini mudah diperguna oleh iblis.

Xiu Kou

Xiu Kou⁷⁶, dahulunya agama juga mengutarakan ini. Akan tetapi, Xiu Kou yang dimaksudkan olehnya adalah dititikberatkan pada orang-orang yang khususnya Xiu Lian – biksu, pendeta Tao, mereka berdiam dan tidak bercakap. Oleh kerana merupakan orang yang khusus Xiu Lian, tujuannya adalah untuk membuang keterikatan hati manusia dengan lebih maksimal, ia menganggap sebaik sahaja seseorang itu timbulnya niat fikiran sudah bererti karma. Agama buddha membahagikan karma kepada karma baik dan karma buruk, tidak kira karma baik ataupun karma buruk, bila diukur dengan prinsip “kosong” dari aliran Buddha mahupun “nihil” dari aliran Tao juga adalah tidak patut lakukan, oleh itu dia berkata saya tidak akan berbuat apa-apa. Oleh kerana tidak dapat melihat Yin Yuan Guan Xi dari sesuatu peristiwa, iaitu sama ada perkara ini adalah baik ataupun tidak, dan wujudnya Yin Yuan Guan Xi apa. Orang Xiu Lian pada umumnya tidak memiliki tingkat yang begitu tinggi, tidak dapat lihat semua hal ini, maka khuatir bahawa pada permukaannya adalah perkara yang baik, tetapi sebaik sahaja dibuat mungkin menjadi

76

Xiu Kou – Kultivasi pertuturan.

perkara yang tidak baik. Oleh itu dia pun sedapat mungkin mengatakan Wu Wei, dia tidak melakukan apa-apa, dengan demikian dapat mengelakkan dia berbuat karma lagi. Ini kerana setelah melakukan karma pun harus menghapuskan karma, maka harus mengalami penderitaan. Misalnya kita selaku orang yang Xiu Lian, sudah ditentukan sampai tahap mana akan terbuka Gong, jika anda menyisipkan sesuatu yang tidak diperlukan pada pertengahan perjalanan, ini akan menyebabkan kesusahan dalam keseluruhan Xiu Lian, oleh itu dia mengutarakan Wu Wei.

Xiu Kou yang dibicarakan oleh aliran Buddha, maksudnya ialah manusia ketika bercakap selalunya adalah dikendalikan oleh kesedaran fikirannya, jadi kesedaran fikiran ini adalah usaha yang disengajakan. Jika kesedaran fikiran manusia itu sendiri ingin memikirkan sesuatu, mengatakan sesuatu, melakukan sesuatu, mengendalikan alat indera manusia, mahupun empat anggota badan, itu mungkin adalah suatu keterikatan hati dalam kalangan manusia biasa. Misalnya, konflik di antara manusia dengan manusia, anda baik, dia tidak baik, anda Xiu Lian dengan baik, dia Xiu Lian dengan tidak baik, ini sendiri ialah konflik. Kita bicarakan sahaja yang umum, saya ingin melakukan ini atau itu, perkara ini sekarang harus dilakukan dengan cara begini atau begitu, dengan demikian mungkin tanpa sengaja telah melukai seseorang. Oleh kerana konflik di antara manusia dengan manusia adalah sangat rumit, mungkin dengan tidak sengaja pun telah melakukan karma. Dengan demikian, dia pun mengutarakan berdiam mulut tidak berbicara sama sekali. Dahulunya dalam agama selalu memandang berat terhadap Xiu Kou, ini adalah yang dibicarakan dalam agama.

Pelatih yang Xiu Lian Falun Dafa kita kebanyakannya adalah Xiu Lian dalam kalangan manusia biasa (kecuali anak murid yang Xiu Lian secara khusus), maka tidak dapat mengelakkan diri dari menjalani kehidupan manusia biasa yang normal dalam kalangan masyarakat manusia biasa, berhubungan dengan masyarakat. Setiap orang juga memiliki satu pekerjaan, selain itu masih perlu bekerja dengan baik; ada orang yang sememangnya melakukan pekerjaan melalui pembicaraan, dengan demikian bukankah sudah menjadi konflik? Juga tidak berkonflik. Mengapa tidak berkonflik? Yang kita maksudkan sebagai Xiu Kou, adalah berbeza sama sekali dengan mereka. Oleh kerana

aliran Xiu Lian yang berbeza, maka permintaan juga adalah berbeza. Kita buka mulut berbicara, selalu berbicara berlandaskan Xin Xing pelatih Gong, tidak berbicara sesuatu yang menghasut dan menyebarkan desas-desus, tidak berbicara yang tidak baik. Selaku orang yang Xiu Lian harus mengimbangkan diri sendiri dengan berlandaskan kriteria Fa, sama ada patut atau tidak patut mengatakan sesuatu. Jika patut, mengimbangkannya dengan Fa yang bersesuaian dengan kriteria Xin Xing pelatih Gong maka tidak jadi masalah, selain itu, kami masih perlu membicarakan Fa mahupun menyebarkan Fa, oleh itu tidak bercakap adalah tidak mungkin. Yang kita maksudkan sebagai Xiu Kou, adalah hal-hal yang menyangkut nama dan kepentingan dalam kalangan manusia biasa yang tidak sanggup dilepaskan dan sesuatu yang tidak berkaitan dengan pekerjaan pelatih Xiu Lian dalam masyarakat; atau mempergunjingkan sesuatu yang tidak berguna di antara pelatih sesama aliran; atau kerana didorong oleh keterikatan hati sehingga menonjolkan diri sendiri; atau menyebarkan sejumlah berita selentingan; atau terhadap sejumlah hal-hal lain di masyarakat yang bila dibicarakan menjadi sangat bersemangat, sangat ingin membicarakan, menurut saya ini semua adalah keterikatan hati manusia biasa. Dalam aspek-aspek tersebut, saya rasa kita harus berkultivasi pada pertuturan kita, ini adalah apa yang kita maksudkan sebagai Xiu Kou. Dahulunya para biksu memandang berat pada masalah ini, ini kerana sebaik sahaja niat fikirannya timbul sudah bererti melakukan karma. Oleh itu dia mengutarakan “Tubuh, Pertuturan, Fikiran.” Yang dia maksudkan sebagai kultivasi tubuh, itu adalah tidak melakukan perkara yang buruk; kultivasi pertuturan itu bermaksud tidak bertutur. Kultivasi fikiran, itu bermaksud tidak berfikir langsung. Dahulunya yang berkultivasi secara khususnya dalam kuil memandang ketat terhadap permintaan ini. Kita menghendakikan diri berlandaskan kriteria Xin Xing pelatih Gong, apa yang patut dibicarakan dan apa yang tidak patut dibicarakan mengawalinya dengan baik pun sudah cukup.

Ceramah 9

Qi Gong dan Olahraga

Pada tingkat yang umum, orang ramai mudah menganggap Qi Gong dan latihan jasmani mempunyai hubungan secara langsung. Sudah tentu apabila ditinjau dari tingkat rendah, dilihat dari aspek memperoleh sebuah tubuh yang sihat, Qi Gong dan latihan jasmani adalah sama. Akan tetapi, secara spesifik cara latihannya, kaedah yang digunakan oleh Qi Gong adalah sangat berbeza apabila berbanding dengan latihan jasmani. Untuk mencapai tubuh manusia yang sihat, latihan jasmani perlu mempertingkatkan kuantiti senaman, memperkuat latihan tubuh seseorang. Sedangkan kultivasi Qi Gong pula adalah sebaliknya, tidak meminta seseorang bergerak, jika bergerak pun adalah secara lembut, perlahan, bulat, bahkan tidak bergerak, diam. Ini adalah amat berbeza dengan kaedah latihan jasmani. Maka jika dilihat dari tingkat tinggi, Qi Gong bukan hanya sekadar menyingkirkan penyakit dan menyihatkan tubuh, ianya mengandungi benda dari tingkat yang lebih tinggi, makna yang lebih mendalam. Qi Gong bukan hanya sekadar hal yang berada pada tingkat manusia biasa, ia adalah supernormal, malah pada tingkat yang berbeza ianya mempunyai manifestasi yang berbeza, ia adalah perkara yang sangat jauh melampaui manusia biasa.

Jika dilihat dari sifat latihannya, perbezaan di antara mereka juga amat besar. Untuk atlet, dia perlu mempertingkatkan kuantiti senaman, terutamanya atlet sekarang, demi menyesuaikan tubuh badan sendiri dengan tahap persaingan zaman ini, mencapai standard sebegitu, oleh itu dia perlu berupaya agar tubuhnya sentiasa berada pada kondisi yang terbaik. Demi mencapai matlamat ini, maka perlu mempertingkatkan kuantiti senaman, mendorong tubuh manusia agar peredaran darahnya mencukupi, dengan demikian memperkuat fungsi metabolismenya, supaya tubuh sentiasa berada dalam kondisi meningkat. Mengapa harus memperkuat kemampuan metabolisme? Ini kerana tubuh seseorang atlet harus sentiasa kelihatan berada dalam kondisi pertandingan terbaik yang meningkat. Tubuh manusia itu terbentuk daripada sel yang tidak terhitung bilangannya, sel-sel ini akan mengalami satu proses sebegini: Sel hasil pembahagian yang baru memiliki

daya hidup yang amat kuat, dilihat sedang berkembang meningkat. Apabila mencapai had batasannya, ia sudah tidak dapat berkembang lagi, hanya dapat turun ke bawah, terus turun sehingga titik terendah, lalu sel yang baru akan menggantikannya. Misalnya, kita ambil dua belas jam sehari sebagai perumpamaan, dari jam pukul enam pagi sel terbentuk daripada pembahagian, terus kelihatan keadaan meningkat-sampai pukul lapan, sembilan, sepuluh masih merupakan tempoh masa yang terbaik. Sampai pukul dua belas, ia sudah tidak dapat meningkat lagi, hanya dapat merosot ke bawah. Pada tempoh masa ini sel-sel masih mempunyai separuh daya hidup, daya hidup yang separuh ini sudah tidak sesuai dengan kondisi pertandingan seseorang atlet.

Jadi, apa yang harus dilakukan? Dia pun menggiatkan latihan, memperkuat pengedaran darahnya, kemudiannya menghasilkan sel-sel baru untuk menggantikan sel-sel lama ini, dia melalui jalan ini. Dalam erti kata lain, keseluruhan proses hidup sel-sel masih belum habis dilaluinya, baru sahaja menjalani separuh proses hidupnya pun disingkir keluar, oleh itu tubuh sentiasa kekal kuat, meningkat ke atas. Namun sel manusia tidak boleh membahagi sebegini secara berterusan tanpa had, jumlah pembahagian sel adalah terhad. Jika dalam seumur hidup seseorang, sel-selnya boleh membahagi seratus kali, pada hakikatnya, tidak kurang daripada sejuta kali. Jika sel-sel seseorang yang normal membahagi seratus kali boleh hidup selama seratus tahun, namun sekarang sel-sel cuma hidup separuh daripada hayatnya, maka dia hanya dapat hidup lima puluh tahun sahaja. Akan tetapi kita tidak pernah lihat mana-mana atlet yang mengalami masalah yang terlalu besar, ini kerana atlet sekarang belum sampai umur tiga puluh tahun sudah perlu disingkirkan, terutamanya standard pertandingan sekarang juga tinggi, bilangan atlet yang disingkir juga adalah besar, oleh itu dia pun kembali kepada kehidupan yang normal, kelihatan tidak mempunyai pengaruh yang berapa besar. Ditinjau secara teori, hakikatnya memang adalah sedemikian, boleh mengekalkan tubuhnya pada satu badan mekanisme yang sihat, akan tetapi telah memendekkan jangka hayatnya. Dilihat dari penampilan luar, atlet yang berbelas tahun akan terlihat seperti berusia dua puluh-an; yang berusia dua puluh-an kelihatan seperti orang yang sudah berusia tiga puluh-an. Seringkali atlet kelihatan lebih cepat matang dan cepat tua, ada kebaikan dan keburukan, dilihat secara dialektik, ia sebenarnya berkaitan dengan jalan yang diambil.

Kultivasi Qi Gong dan latihan jasmani pula kebetulan terbalik, dari segi pergerakan tidak menghendakikan pergerakan yang giat, jika ada pergerakan juga adalah lembut, perlahan, bulat, sangat perlahan, bahkan tidak bergerak dan diam tenang. Kalian tahu jenis kaedah Xiu Lian ber-dhyana, diam tenang di situ, kelajuan denyutan jantung juga perlu diperlahankan, peredaran darah dan sebagainya juga akan diperlahankan. Di India, ramai master Yoga, boleh duduk di dalam air beberapa hari, ditimbus di dalam tanah beberapa hari, membuat diri sendiri diam tenang sepenuhnya, bahkan denyutan jantung pun boleh dikawal. Jika sel manusia sehari membahagi sekali, maka orang yang Xiu Lian boleh membuatkan sel tubuh manusia dua hari membahagi sekali, seminggu membahagi sekali, setengah bulan membahagi sekali, bahkan waktu lebih lama membahagi sekali, maka dia pun sudah memanjangkan nyawanya. Ini masih adalah kaedah Gong yang hanya berkultivasi watak tanpa berkultivasi nyawa, ia juga dapat mencapai hasil ini, juga boleh memanjangkan nyawanya. Ada yang berfikir: “Nyawa manusia, sepanjang hayat seseorang bukankah sudah ditentukan? Jika tidak berkultivasi nyawa bagaimana boleh hidup lebih lama?” Betul, ini kerana orang yang Xiu Lian apabila tingkatannya sudah menembus Triloka, nyawanya pun boleh dipanjangkan, akan tetapi penampilan luarnya akan kelihatan sangat tua.

Kaedah Gong yang benar-benar berkultivasi nyawa, perlu menyimpan material energi tinggi yang terkumpul dalam sel tubuh manusia secara berterusan, ketika ketumpatannya diperbesarkan secara berterusan, lama-kelamaan akan dapat menyekat sel-sel manusia biasa, secara beransur-ansur akan menggantikan sel-sel manusia biasa. Ketika itu akan berlaku perubahan pada kualitinya, orang ini justeru tetap awet muda. Sudah tentu, proses Xiu Lian adalah satu proses yang amat perlahan, usaha yang dicurahkan seharusnya amat besar. Mengalami penderitaan fizikal dan mental, adalah sangat tidak mudah. Dalam pergesekan Xin Xing di antara manusia dengan manusia adakah hati tetap tidak tergoyah? Dalam kepentingan peribadi yang menyangkut diri sendiri adakah hati tetap tidak tergoyah? Perkara sebegini adalah sukar apabila dilakukan, oleh itu, bukannya semata-mata ingin mencapai matlamat ini lalu pun dapat mencapainya. Xin Xing manusia, De manusia jika semua telah berhasil dikultivasikan ke atas baru dapat mencapai matlamat ini.

Sepanjang sejarah ramai orang yang menyamakan Qi Gong dengan latihan jasmani yang biasa, sebenarnya perbezaannya amat besar, langsung bukan perkara yang sama. Hanya pada tingkat paling rendah ketika berlatih Qi, yang mengutarakan penyingkiran penyakit dan penyihatan tubuh, untuk mencapai satu tubuh yang sihat, tujuan pada tingkat paling rendah ini mempunyai sifat yang sama dengan latihan jasmani. Akan tetapi pada tingkat tinggi, langsung bukan perkara yang sama. Pemurnian tubuh dalam Qi Gong juga mempunyai tujuannya, bahkan adanya prinsip supernormal yang perlu pelatih Gong patuhi, tidak boleh mengendali diri dengan prinsip manusia biasa. Latihan jasmani pula merupakan urusan dalam kalangan manusia biasa.

Niat Fikiran

Berbicara tentang niat fikiran, iaitu kegiatan pemikiran kita selaku manusia. Bagaimana komuniti Xiu Lian memandang terhadap kegiatan pemikiran niat fikiran manusia dalam otak? Bagaimana pandangannya terhadap bentuk yang berbeza pemikiran (niat fikiran) manusia? Bagaimana cara perwujudannya? Ilmu perubatan zaman kini mengkaji otak manusia terdapat banyak persoalan yang masih amat sukar dijawab, ini kerana ia tidak semudah seperti benda yang berada pada permukaan tubuh kita. Pada tingkat yang dalam, ruang dimensi yang berbeza selalu mempunyai bentuk yang berbeza. Akan tetapi juga tidak seperti apa yang dikatakan oleh sesetengah master Qi Gong. Sesetengah master Qi Gong dia sendiri juga tidak tahu apa yang terjadi, dia tidak dapat jelaskan. Dia menganggap sebaik sahaja otaknya bergerak, sebaik sahaja niat fikirannya timbul, dia pun dapat melakukan sesuatu perkara, dia pun kata fikirannya yang melakukan perkara itu, niat fikirannya yang melakukan, sebenarnya bukan niat fikirannya yang melakukan perkara itu sama sekali.

Kita bicarakan dahulu punca pemikiran manusia, zaman purba negara China terdapat suatu pengataan: “hati berfikir”. Mengapa dikatakan hati berfikir? Ilmu sains zaman kuno negara China adalah amat maju, ini kerana ianya menuju secara langsung kepada perkara seperti tubuh manusia, nyawa dan alam semesta untuk penyelidikan. Ada

sesetengah orang sememangnya berasa adalah hati yang berfikir, sedangkan ada orang lain yang berasa adalah otak yang berfikir. Mengapa boleh timbul keadaan ini? Yang dia katakan hati berfikir juga masuk akal, ini kerana kami melihat Yuan Shen manusia biasa amat kecil, informasi yang benar-benar dipancarkan oleh otak manusia bukan otak manusia itu sendiri yang berfungsi, bukan otak itu sendiri yang memancarkannya, sedangkan adalah Yuan Shen manusia yang memancarkannya. Yuan Shen manusia bukan hanya menetap di Ni Wan Gong. Ni Wan Gong yang disebut oleh aliran Tao adalah kelenjar pineal yang dikenali oleh ilmu perubatan zaman kita sekarang. Jika Yuan Shen berada di Ni Wan Gong, maka kita sememangnya berasa otak yang sedang berfikir, yang memancarkan informasi. Jika berada di hati, sememangnya berasa adalah hati yang sedang berfikir.

Tubuh manusia adalah sebuah alam semesta kecil, banyak makhluk berjiwa dalam pelatih Gong mungkin akan mengalami suatu kesan perubahan posisi. Jika Yuan Shen mengalami perubahan posisi, dia pindah ke perut, maka akan terasa memang adalah perut yang berfikir. Jika Yuan Shen pindah ke betis atau tumit, maka akan terasa adalah betis atau tumit yang berfikir, terjamin adalah begini, kedengaran amat misteri. Ketika tingkat Xiu Lian anda tidak terlalu tinggi, anda akan merasa kewujudan fenomena sebegini. Tubuh manusia jika tidak ada Yuan Shen-nya, tidak ada tabiatnya, peribadi, ciri-ciri sifatnya, jika tiada benda-benda ini, ia hanya segumpal daging, maka dia bukan seorang manusia yang lengkap, yang membawa sifat peribadi tersendiri. Jadi apakah fungsi otak manusia? Menurut saya, otak manusia dalam bentuk ruang fizikal kita ini, ia hanya merupakan sebuah kilang pemprosesan. Informasi yang benar adalah dipancarkan oleh Yuan Shen, namun yang dia pancarkan bukan berupa bahasa, yang dia pancarkan adalah suatu informasi alam semesta, mewakili erti yang tertentu. Selepas otak kita menerima arahan seperti ini, kemudiannya memproseskannya menjadi bahasa kita sekarang ini, bentuk penyampaian seperti ini. Kita menyampaikannya melalui gerakan isyarat tangan, ekspresi mata, dan segala gerakan, otak berfungsi sebegini. Arahan yang sebenarnya, pemikiran yang sebenarnya, adalah dipancarkan oleh Yuan Shen manusia. Seringkali orang ramai menganggap adalah fungsi otak sendiri secara langsung, sebenarnya kadangkala Yuan Shen berada di hati, ada sesetengah orang sememangnya berasa adalah hati yang berfikir.

Sekarang ilmuwan yang melakukan penyelidikan pada tubuh manusia menganggap, apa yang dipancarkan oleh otak manusia adalah benda yang berbentuk seperti gelombang elektrik, pada hakikatnya apa sebenarnya yang dipancarkan kita tidak bicarakan dulu, tetapi mereka mengakui bahawa ia adalah sejenis eksistensi material, maka itu bukan tahayul lagi. Apakah fungsi benda yang terpancar ini? Ada sesetengah master Qi Gong berkata: “Saya menggunakan niat fikiran untuk melakukan telekinesis, menggunakan niat fikiran untuk membuka Tian Mu anda, menggunakan niat fikiran untuk mengubati penyakit anda dan sebagainya.” Sebenarnya sesetengah master Qi Gong langsung tidak tahu dan tidak jelas apa kemampuan yang dimiliki oleh sendiri. Dia cuma tahu bila dia ingin melakukan sesuatu, hanya dengan berfikir sejenak ia sudah menjadi. Sebenarnya adalah niat fikirannya yang sedang beraktiviti, kemampuan Gong menerima pengawalan dari niat fikiran otak, melakukan sesuatu di bawah arahan niat fikiran, sedangkan niat fikiran itu tidak dapat melakukan apa-apa pun. Apabila seseorang pelatih Gong secara spesifiknya melakukan sesuatu hal, adalah kemampuan Gong-nya yang berfungsi.

Kemampuan Gong adalah kemampuan terpendam tubuh manusia, seiring dengan perkembangan masyarakat umat manusia, pemikiran otak manusia menjadi semakin rumit, semakin memandang berat pada realiti, semakin bergantung kepada apa yang disebut sebagai peralatan moden, dengan demikian, kemampuan semula jadi manusia menjadi semakin mundur. Aliran Tao mengutarakan balik ke asal kembali ke jati diri, dalam proses Xiu Lian, anda harus menyelami Zhen, akhirnya balik ke asal kembali ke jati diri, kembali pada sifat asal anda yang semula jadi, anda baru dapat menunjukkan semua kemampuan semula jadi anda ini. Sekarang kita menyebutnya sebagai kemampuan supernormal, sebenarnya semua adalah kemampuan semula jadi manusia. Masyarakat manusia nampaknya telah maju, sebenarnya sedang mundur ke belakang, semakin jauh terpisah dari ciri-ciri istimewa alam semesta kita. Hari itu saya menceritakan tentang Zhang Guo Lao menunggang keldai secara terbalik, mungkin kalian tidak faham apa maksudnya. Dia mendapati bahawa dengan berjalan ke depan bererti mundur ke belakang, manusia semakin jauh terpisah dari ciri-ciri istimewa alam semesta. Dalam proses evolusi alam semesta, terutamanya sekarang setelah memasuki arus pasang komoditi ekonomi, moral orang ramai amat buruk, semakin jauh terpisah dari ciri-ciri istimewa alam semesta Zhen, Shan, Ren,

orang dalam kalangan manusia biasa yang mengikuti pasang surut arus tidak akan merasakan tahap kerosakan moral manusia, oleh itu sebahagian orang masih menganggap itu perkara yang baik, hanya orang yang Xin Xing-nya telah meningkat dalam Xiu Lian, sekali menoleh, baru boleh mengenali kerosakan moral umat manusia sudah sampai ke tahap yang demikian mengerikan.

Ada master Qi Gong yang berkata, “Saya buka kemampuan Gong untuk anda.” Kemampuan Gong apa yang dibuka? Tanpa energi kemampuan Gong-nya tidak akan berfungsi, jika ia belum timbul bagaimana anda dapat membukanya? Kemampuan Gong itu belum diperkuatkan oleh energi dia sehingga terbentuk, adakah anda mampu membukanya? Tidak mungkin sama sekali. Yang dia maksudkan sebagai membuka kemampuan Gong, hanyalah menghubungkan kemampuan Gong anda yang sudah terbentuk dengan otak anda, ia berfungsi dengan menerima arahan niat fikiran otak anda, ini pun dikira dia sudah membuka kemampuan Gong, sebenarnya dia tidak membuka apa-apa kemampuan Gong untuk anda, hanya melakukan sedikit hal ini sahaja.

Bagi seorang pelatih Gong, niat fikiran manusia mengarahkan kemampuan Gong-nya untuk melakukan sesuatu, manakala bagi seorang manusia biasa, niat fikiran mengarahkan empat anggota badan atau deria untuk melakukan sesuatu, seperti pejabat pengeluaran atau pejabat pengarah dalam sesebuah kilang yang memberikan arahan, selanjutnya setiap bahagian melakukan urusan masing-masing secara spesifik. Sama seperti markas komando pasukan, markas besar mengeluarkan perintah, mengarahkan seluruh pasukan untuk menyelesaikan tugasnya. Ketika saya mengadakan kuliah di luar daerah, seringkali membincangkan perkara ini dengan pemimpin Persatuan Penyelidikan Qi Gong tempatan. Mereka berasa sangat terperanjat: “Kami selama ini mengkaji berapa besarnya energi yang terpendam dan kesedaran terpendam yang ada pada fikiran manusia.” Sebenarnya bukan demikian, mereka telah menyimpang sejak awal. Saya kata dalam mengendalikan ilmu sains tubuh manusia, pemikiran manusia harus mengalami suatu perubahan, tidak boleh menggunakan kaedah penaakulan mahupun kaedah pemahaman masalah pada tahap manusia biasa untuk memahami benda yang supernormal itu.

Berbicara tentang niat fikiran, masih terdapat beberapa jenis bentuk niat fikiran. Misalnya ada orang yang menceritakan tentang kesedaran tersirat, bawah sedar, inspirasi, mimpi dan lain-lain. Berbicara tentang mimpi, mana-mana master Qi Gong juga tidak rela menjelaskannya. Ini kerana ketika anda dilahirkan, di banyak ruang dimensi dalam alam semesta juga terlahir seorang diri anda secara serentak, ia dan anda adalah satu badan yang lengkap, semuanya saling berhubung-kait, mempunyai hubungan yang berkaitan dalam pemikiran. Sedangkan anda sendiri juga memiliki Zhu Yuan Shen, Fu Yuan Shen, masih terdapat berbagai imej dari makhluk berjiwa lain yang wujud dalam tubuh, setiap sel mahupun organ vital dari tubuh anda, semua adalah bentuk eksistensi yang sedemikian rupa dari informasi imej anda yang wujud pada ruang dimensi lain, oleh itu ia adalah amat rumit. Ketika anda bermimpi, sekejap sebegini, sekejap sebegini, dari mana ia datang sebenarnya? Dalam ilmu perubatan, dikatakan adalah korteks serebrum otak kita telah mengalami perubahan. Ini adalah reaksi yang kelihatan pada bentuk material ini, sebenarnya ia adalah kesan pengaruh daripada informasi ruang dimensi lain. Oleh itu, ketika anda bermimpi anda terasa keliru dan celaru, semua ini langsung tiada sebarang kaitan dengan anda, anda juga tidak perlu pedulikannya. Terdapat sejenis mimpi yang mempunyai hubungan langsung dengan anda, mimpi jenis ini kita tidak boleh mengatakannya sebagai mimpi. Zhu Yi Shi anda, iaitu Zhu Yuan Shen, dalam mimpi terlihat ahli keluarga muncul di depan anda, ataupun benar-benar merasakan sesuatu peristiwa, terlihat sesuatu ataupun telah melakukan sesuatu. Maka itu adalah Zhu Yuan Shen anda benar-benar melakukan sesuatu di dalam ruang dimensi lain, terlihat sesuatu perkara, ataupun telah melakukan sesuatu, dengan kesedaran yang jelas dan nyata, sememangnya peristiwa ini memang benar-benar wujud, cuma ia terjadi di dalam ruang material yang lain, dilakukan di ruang masa yang lain. Bolehkah anda menganggapnya sebagai mimpi? Tidak. Tubuh fizikal anda di sini memang sedang tidur, lalu terpaksa mengatakan itu mimpi, hanya mimpi jenis ini mempunyai hubungan langsung dengan anda.

Berbicara tentang inspirasi manusia, bawah sedar, kesedaran tersirat dan sebagainya, saya kata istilah sebegini bukan diciptakan oleh ahli-ahli sains, ia adalah istilah yang diciptakan oleh sasterawan berdasarkan suatu keadaan yang sudah lazim dalam kalangan manusia biasa, istilah tersebut tidak saintifik. Apakah sebenarnya yang disebut

kesedaran tersirat oleh orang ramai? Sangat sukar dijelaskan, maknanya kurang jelas, kerana pelbagai informasi manusia terlalu rumit, seperti sedikit ingatan yang samar-samar. Berkenaan bawah sedar yang mereka katakan, kami masih mudah menjelaskannya. Mengikut definisi yang diberikan kepada keadaan bawah sedar, biasanya merujuk kepada seseorang telah melakukan sesuatu dalam keadaan yang kurang sedar, seringkali orang ramai akan mengatakan bahawa dia melakukannya dalam keadaan bawah sedar, bukan dilakukan dengan sengaja. Bawah sedar ini adalah sama dengan apa yang kami sebut sebagai Fu Yi Shi. Ini kerana selepas Zhu Yi Shi seseorang itu mengendur, ketika tidak mengawal otak, keadaannya kurang sedar seolah telah tertidur, ataupun dalam mimpi ketika tidur, di bawah keadaan tanpa kesedaran akan mudah dikawal oleh Fu Yi Shi atau Fu Yuan Shen. Pada saat itu Fu Yi Shi pun dapat melakukan sesuatu, dengan erti kata lain, anda sendiri telah melakukannya dalam keadaan kurang sedar. Namun, seringkali perkara yang dilakukan ini biasanya tidak mudah berlaku-kesilapan, ini kerana Fu Yi Shi yang berada di ruang dimensi lain dapat melihat unsur asas sesuatu perkara dan benda, tidak tersesat akibat pengaruh masyarakat manusia biasa. Jadi perkara yang dilakukannya, dilihat kembali setelah sedar: “Perkara ini mengapa dilakukan dengan demikian buruk, jika saya dalam keadaan sedar tidak akan melakukan seperti ini.” Akan tetapi, sekarang anda berkata ianya tidak baik, selepas sepuluh hari atau setengah bulan kemudian anda lihat kembali: “Wah, perkara ini dilakukan dengan begitu baik. Bagaimana saya melakukan perkara ini pada masa itu?” Seringkali akan timbulnya masalah begini. Ini kerana Fu Yi Shi tidakpeduli apa kesan yang akan timbul dari perkara ini pada ketika itu, tetapi kelak akan membawa kesan yang baik. Juga ada sesetengah perkara yang tidak mendatangkan apa-apa kesan kemudiannya, hanya berkesan pada masa itu, maka Fu Yi Shi pun melakukannya, mungkin pada masa itu dia melakukan perkara ini dengan amat baik.

Terdapat lagi suatu bentuk, iaitu seringkali orang yang memiliki bawaan dasar yang sangat baik, mudah dikawal oleh hidupan tingkat tinggi untuk melakukan sesuatu. Tentu sahaja itu adalah masalah lain, di sini tidak membicarakan, kita terutamanya membicarakan tentang kesedaran yang berasal dari tubuh kita sendiri sebagai manusia.

Berkenaan dengan inspirasi, ianya juga istilah yang diciptakan oleh para sasterawan. Orang secara umumnya menganggap, inspirasi adalah pengumpulan pengetahuan manusia dalam seumur hidupnya, pada saat itu memancar keluar seperti bunga api. Saya kata, jika dilihat dari perspektif materialisme, pengumpulan pengetahuan umat manusia dalam seumur hidup, semakin banyak pengetahuan yang dikumpulkan, otak manusia akan menjadi semakin aktif apabila semakin diguna. Semasa diguna, sepatutnya akan keluar tidak terhenti-henti, maka tidak timbul persoalan inspirasi lagi. Segala apa yang boleh disebut sebagai inspirasi, ataupun ketika inspirasi datang, ianya bukan dalam keadaan seperti ini. Seringkali adalah ketika seseorang sedang menggunakan otak, setelah diguna berulang-ulang, akhirnya berasa pengetahuan sudah kehausan, seperti sudah tidak dapat keluar lagi, mengarang sebuah artikel sehingga tidak dapat meneruskan lagi, merangka sebuah lagu sudah kehabisan idea, melakukan suatu projek penyelidikan sains sehingga tidak dapat diteruskan lagi. Seringkali pada ketika ini letih sekali sehingga urat pembuluh darah berdenyut-denyut, puntung rokok tercampak berserakan di lantai, otak penat terasa sakit, juga tidak terfikir sesuatu. Akhirnya, di bawah keadaan apakah datangnya inspirasi? Misalnya, bila sudah letih lalu berfikir: “Sudahlah, rehat sebentarlah.” Oleh kerana semakin hebat Zhu Yi Shi mengawal otak, hidupan-hidupan lain pun tidak dapat menyusup masuk. Sebaik sahaja dia berehat, sebaik sahaja fikirannya mengendur, tidak memikirkannya lagi, dalam keadaan yang tidak sengaja ini dengan tiba-tiba dia pun dapat terfikir, terpancar dari dalam otaknya. Kebanyakan inspirasi datang sebegini.

Jadi, mengapa pada masa ini datangnya inspirasi? Ini kerana otak manusia di bawah kawalan Zhu Yi Shi, ketika otak semakin digunakan, semakin ketat dia mengawalnya, Fu Yi Shi pun semakin tidak dapat menyusup masuk. Ketika dia berfikir sehingga kepalanya sakit, ketika tidak dapat berfikir sehingga terasa susah, Fu Yi Shi itu juga merupakan sebahagian dari tubuhnya, juga dilahirkan serentak dari kandungan ibunya, dia juga menguasai sebahagian dari tubuh, dia juga turut berasa tidak selesa, dia juga turut sakit kepala, sakitnya cukup menyesak. Sebaliknya ketika Zhu Yi Shi mengendur, Fu Yi Shi akan memaparkan segala apa yang dia ketahui ke dalam otak, ini kerana ketika berada di ruang dimensi lain dia dapat melihat hakikat sesuatu perkara, dengan demikian sebuah karya berhasil dikerjakan, berhasil ditulis, berhasil diciptakan.

Ada orang yang berkata: “Kalau begitu, kita gunakan Fu Yi Shi.” Seperti tadi ada orang yang menulis: “Bagaimana caranya untuk menghubungi Fu Yi Shi?” Anda tidak dapat hubunginya, kerana anda adalah seorang yang baru mula berlatih Gong, orang yang belum memiliki apa-apa kemampuan, baik anda jangan hubunginya, tujuannya semestinya keterikatan hati. Ada orang mungkin berfikir: “Bolehkah kita menggunakan Fu Yi Shi untuk mencipta lebih banyak nilai untuk kita, mendorong perkembangan masyarakat umat manusia?” Tidak boleh! Mengapa? Ini kerana perkara yang diketahui oleh Fu Yi Shi anda juga amat terhad. Ruang yang rumit, tingkatan yang banyak, struktur alam semesta ini amat rumit, dia juga hanya dapat mengetahui perkara-perkara yang berada pada ruang dia itu, perkara-perkara yang melampaui ruang yang dia berada itu, dia tidak akan tahu. Selain itu, masih ada banyak ruang yang berlainan pada tingkat vertikal, perkembangan umat manusia hanya dapat dikawal oleh hidupan tingkat tinggi pada tingkat yang amat tinggi, bergerak maju mengikuti hukum perkembangan.

Masyarakat manusia biasa kita berkembang mengikut hukum sejarah, macam mana anda ingin berkembang, mencapai matlamat apa, namun hidupan tingkat tinggi itu pula tidak bertimbang sedemikian. Orang zaman kuno, mereka tidak terfikir kapal terbang, kereta api dan basikal hari ini? Saya kata juga tidak semestinya tidak terfikir. Ini kerana sejarah masih belum berkembang sehingga ke tahap itu, mereka juga tidak akan dapat menciptanya. Dilihat dari permukaan, dari aspek pemahaman teori konvensional manusia biasa ini, dilihat dari perspektif pengetahuan manusia yang ada sekarang ini, adalah kerana ilmu sains umat manusia masih belum mencapai tahap itu, jadi tidak mampu menciptanya. Sebenarnya bagaimana ilmu sains umat manusia berkembang, juga adalah berkembang mengikut pengaturan sejarah, jika anda ingin mencapai sesuatu tujuan dengan usaha manusia, juga tidak akan mencapai. Sudah tentu ada juga orang yang Fu Yi Shi-nya mudah berfungsi, ada seorang penulis yang berkata: “Saya menulis buku, dalam sehari dapat menulis beberapa puluh ribu perkataan, sedikit pun tidak letih, jika ingin menulis, dengan cepatnya pun sudah selesai menulis, orang lain setelah melihat berasa amat baik.” Mengapa boleh demikian? Ini adalah hasil bersama dari Zhu Yi Shi dan Fu Yi Shi, Fu Yi Shi-nya juga dapat memainkan separuh peranan. Akan tetapi bukan semuanya demikian,

sebilangan besar Fu Yi Shi langsung tidak peduli, jika anda ingin dia melakukan sesuatu, malah menjadi tidak baik, yang diperoleh adalah sebaliknya.

Hati yang Bersih Murni

Ada ramai orang yang berlatih Gong tidak dapat memasuki hening, lalu mencari master Qi Gong di merata tempat untuk bertanya: “Guru, mengapa saya berlatih Gong tidak dapat memasuki hening, sebaik sahaja memasuki hening akan terfikir bermacam-macam, memikir yang bukan-bukan.” Itu sesungguhnya seperti menjungkir-balikkan sungai dan laut, apa-apa pun timbul naik. Anda langsung tidak dapat memasuki hening sama sekali. Mengapa tidak dapat memasuki hening? Ada orang yang tidak memahami, menganggap ada apa kunci rahsia, lalu dia mencari guru yang terkenal: “Mohon ajarkan saya sedikit taktik tinggi, maka pun dapat hening.” Menurut pandangan saya, masih lagi memohon dari luar. Jika anda ingin mempertingkatkan diri sendiri, anda perlu mencari ke dalam, mencurahkan usaha keras pada hati anda ini. Dengan demikian anda baru benar-benar dapat meningkat naik, ketika duduk bermeditasi anda baru dapat hening, dapat mencapai hening maka adalah Gong, betapa dalamnya daya hening seseorang adalah manifestasi dari tingkatannya.

Manusia biasa bolehkah mencapai hening dengan sewenang-wenang? Langsung tidak dapat mencapai hening, kecuali orang yang memiliki dasar bawaan yang sangat baik. Dalam erti kata lain, sebab fundamental seseorang tidak dapat hening, bukanlah apa-apa masalah teknik, bukannya kerana ada apa-apa taktik ganjil, tetapi fikiran anda, hati anda tidak bersih. Anda dalam kalangan masyarakat manusia biasa, dalam konflik antara manusia dengan manusia, demi kepentingan peribadi, tujuh perasaan dan enam nafsu, keterikatan hati pada berbagai nafsu keinginan, anda bersaing dan berebut dengan orang lain, benda-benda ini pun anda tidak dapat lepaskan, tidak dapat memandang hambar terhadapnya, anda ingin mencapai hening, tidak akan semudah itu! Ada orang yang ketika berlatih Gong berkata: “Saya tidak percaya, saya harus dapat mencapai hening, tidak boleh berfikir yang bukan-bukan.” Baru sahaja habis bercakap, sudah pun timbul kembali, itu adalah hati anda yang tidak bersih, maka anda tidak dapat hening.

Mungkin ada orang yang tidak setuju dengan pandangan saya: “Bukankah ada master Qi Gong yang mengajar orang menggunakan suatu teknik?” Boleh menumpukan perhatian pada sesuatu, menggambarkan sesuatu, menumpukan fikiran pada Dan Tian, memerhati Dan Tian ataupun melantunkan nama Buddha dan sebagainya.” Ini adalah suatu kaedah, tetapi ianya bukan semata-mata suatu kaedah, ianya adalah manifestasi dari suatu taraf pencapaian. Kerana adalah taraf pencapaian maka ia mempunyai kaitan secara langsung dengan Xin Xing dari Xiu Lian kita, mahupun dengan peningkatan tingkatan kita, mereka juga bukan secara khususnya menggunakan cara ini lalu pun dapat mencapai hening. Jika tidak percaya, anda boleh cuba, anda dengan berbagai nafsu keinginan, keterikatan hati yang terlalu kuat, apa-apa pun tidak dapat lepaskan, cuba anda lihat sama ada anda boleh mencapai hening ataupun tidak. Ada orang berkata dengan melantunkan nama Buddha akan berhasil, adakah dengan melantunkan nama Buddha anda dapat mencapai hening? Ada orang yang berkata: “aliran Fa Amitabha mudah dilatih, dengan melantunkan nama Buddha pun sudah berkesan.” Cuba anda melantunkan? Saya kata itu adalah taraf pencapaian, anda kata mudah, saya kata tidak mudah, aliran Fa mana pun tidak mudah.

Kalian tahu Sakyamuni mengutarakan “samadhi”, sebelum samadhi apa yang dia katakan? Dia mengutarakan “berpantang”, menghentikan segala nafsu keinginan mahupun rasa ketagihan, sehingga apa-apa pun tidak ada lagi, baru dapat mencapai samadhi. Bukankah ini prinsipnya? Sedangkan “samadhi” juga merupakan taraf pencapaian, dengan seketika anda juga tidak dapat mencapai taraf “berpantang” yang menyeluruh, secara beransur-ansur seiring dengan menghentikan segala benda yang tidak baik, daya samadhi juga akan berubah dari cetek dan semakin mendalam. Seseorang yang melantunkan nama Buddha harus melantun dengan sebulat hati tanpa gangguan, dalam hati tidak memikirkan apa-apa pun, melantun sehingga bahagian otak yang lain pun menjadi kebas, apa-apa pun tidak tahu, satu fikiran menggantikan sepuluh ribu fikiran, sehingga setiap perkataan “Amitabha” juga dapat terbentang di depan mata. Bukankah ini taraf pencapaian? Dapatkah anda mencapai taraf ini sebaik sahaja anda melakukannya? Tidak akan dapat mencapai, jika tidak dapat mencapai, tentu tidak akan dapat memasuki hening, jika tidak

percaya anda boleh cuba. Mulut melantungkannya berulang-ulang, namun dalam hati apa pun fikir: “Mengapa pemimpin di tempat kerja kita begitu memandang rendah terhadap saya, bonus bulan ini yang diberikan kepada saya mengapa demikian kurang.” Makin fikir makin marah, marah sehingga cukup menyesakkan, dalam mulutnya masih melantunkan nama Buddha, menurut anda adakah dia dapat berlatih Gong? Bukankah ini suatu masalah taraf pencapaian? Bukankah ini masalah hati anda sendiri yang tidak bersih? Ada orang yang sudah terbuka Tian Mu, boleh menumpukan seluruh pemiikiran pada Dan Tian. Kerana “Dan” seseorang yang terkumpul di bahagian bawah perut, material energi itu makin murni akan makin terang, makin tidak murni akan makin gelap dan hitam. Dengan melihat dalam tubuh ke arah Dan Tian adakah dapat memasuki hening? Tidak akan dapat memasuki hening, bukan kerana keadah itu sendiri, faktor pentingnya adalah fikiran dan niat fikiran manusia tidak bersih murni. Dengan menumpukan seluruh pemikiran pada Dan Tian, melihat Dan Tian yang terang berkilauan sangat indah, dengan seketika “Dan” ini pun berubah, berubah menjadi sebuah rumah. “Bilik ini untuk kegunaan perkahwinan anak lelaki saya, bilik ini untuk anak perempuan saya, kami berdua orang tua tinggal di sini, bahagian tengah adalah ruang tamu, bagusnya! Bolehkah rumah ini diberikan kepada saya? Saya harus fikirkan cara untuk memperolehnya, bagaimana caranya?” Manusia memang keterikatan dengan benda sebegini, cuba anda katakan adakah anda dapat mencapai hening? Ada yang berkata: “Saya datang ke masyarakat manusia biasa ini, seperti menginap di hotel, tinggal sementara untuk beberapa hari, lalu pun pergi dengan terburu-buru.” Sesetengah orang sememangnya berat hati terhadap tempat ini, sehingga terlupa rumah sendiri.

Yang benar-benar Xiu Lian, haruslah berkultivasi pada hati, berkultivasi ke dalam, mencari ke dalam, tidak ada yang mencari ke luar. Ada aliran Fa yang mengajarkan Buddha berada di dalam hati, juga masuk akal. Ada orang yang salah memahami pernyataan ini sehingga menyimpang, kata Buddha berada di dalam hati, seolah-olah dia sendiri adalah Buddha, seolah-olah ada Buddha di dalam hatinya. Dia memahami sebegini, bukankah itu sudah salah? Mana boleh memahami sebegini? Maknanya ialah anda harus berkultivasi pada hati, kultivasi anda baru dapat berhasil, inilah prinsipnya. Dari mana datangnya Buddha dalam tubuh anda? Anda harus berkultivasi baru dapat berhasil.

Faktor yang menyebabkan anda tidak dapat hening adalah kerana fikiran anda tidak lapang, anda tidak memiliki tingkat yang begitu tinggi, itu adalah mulai dari cetek makin masuk mendalam, adalah saling melengkapi dan saling mengisi dengan peningkatan tingkat. Apabila anda melepaskan keterikatan hati, tingkat anda juga akan meningkat, daya samadhi anda juga akan bertambah mendalam. Jika anda ingin hening menerusi apa-apa teknik atau kaedah, saya kata semua itu adalah memohon ke luar. Justeru yang dimaksudkan dengan penyimpangan dalam berlatih Gong atau terjerumus ke jalan sesat adalah seseorang memohon ke luar. Terutamanya dalam agama Buddha, jika anda memohon ke luar, mereka akan mengatakan anda mengikuti jalan iblis. Sedangkan yang benar-benar Xiu Lian haruslah Xiu Lian pada hati itu, hanya setelah anda meningkatkan Xin Xing anda, hati anda baru boleh mencapai bersih murni, Wu Wei. Hanya setelah anda meningkatkan Xin Xing anda, baru dapat berasimilasi dengan ciri-ciri istimewa alam semesta, menyingkirkan berbagai nafsu keinginan manusia, keterikatan hati, benda-benda yang tidak baik, anda baru dapat tuang keluar benda-benda yang tidak baik, anda baru dapat mengapung naik ke atas. Tidak disekat oleh ciri-ciri istimewa alam semesta, substansi De anda ini baru dapat ditransformasikan menjadi Gong, bukankah itu saling melengkapi dan saling mengisi? Inilah prinsipnya.

Ini adalah faktor subjektif yang menyebabkan diri sendiri tidak dapat mencapai kriteria seorang pelatih Gong, faktor yang menyebabkan anda tidak dapat hening. Sekarang dari aspek objektif juga wujudnya suatu situasi sebegini, yang secara serius mengganggu anda tidak dapat Xiu Lian menuju tingkat tinggi, secara seriusnya mempengaruhi pelatih Gong. Kalian tahu, seiring dengan reformasi dan keterbukaan, kegiatan ekonomi sudah menjadi aktif dan polisi juga menjadi longgar. Ada banyak teknologi baru yang diperkenalkan masuk, taraf kehidupan manusia juga sedang meningkat, dalam kalangan manusia biasa sesiapa pun menganggap ini adalah perkara baik. Akan tetapi apabila dilihat secara dikotomi, apabila ditinjau secara dialektik, benda-benda yang tidak baik, yang beraneka ragam, juga masuk seiring dengan dasar reformasi dan keterbukaan. Dalam karya seni sastra, jika tidak menulis sedikit benda-benda yang berunsur budaya kuning, seolah-olah buku ini pun tidak akan laku apabila dijual, kerana mempertimbangkan masalah

jumlah penjualan. Dalam tayangan filem dan televisyen, jika tiada sedikit adegan atas katil, seolah-olah tayangan filem dan televisyen pun tidak ada orang yang ingin menonton, kerana mempertimbangkan masalah kadar tontonan. Dalam karya seni lukis, siapa tahu sama ada itu benar-benar seni ataupun entah apa yang dibuatnya, dalam seni bangsa tradisional negara China kita tidak ada benda-benda sebegini. Sedangkan tradisi bangsa Cina kita ini bukan sesiapa yang mereka atau sesiapa yang mencipta. Ketika menceritakan kebudayaan pra-sejarah, saya sudah pun berkata, segala benda mempunyai asal usulnya. Kriteria moral umat manusia sudah pun menyimpang, sudah mengalami perubahan, kriteria mengukur baik buruk pun telah mengalami perubahan, itu adalah perkara dalam kalangan manusia biasa. Kriteria Zhen, Shan, Ren, ciri-ciri istimewa alam semesta, adalah satu-satunya kriteria mengukur baik buruk manusia, ianya tetap tidak berubah. Sebagai seorang pelatih Gong, jika anda ingin melompat keluar, anda pun harus mengukur diri dengan kriteria ini, anda tidak boleh mengukur dengan kriteria manusia biasa, oleh itu, secara objektif juga wujud gangguan seperti ini. Bukan hanya itu sahaja, apa homoseksual, kebebasan seks, menghisap dadah dan pelbagai benda yang kacau-bilau, semuanya pun telah muncul.

Masyarakat umat manusia telah berkembang sehingga tahap hari ini, cuba kalian fikirkan, jika terus berkembang lagi akan menjadi rupa apa? Bolehkah dibiarkan terus wujud sebegini selama-lamanya? Jika tidak dihukum manusia, maka akan dihukum syurga. Ketika umat manusia mengalami bencana besar, selalunya berada dalam keadaan seperti ini. Dalam sekian banyak kuliah, saya juga belum pernah membicarakan tentang isu bencana besar umat manusia. Agama juga membicarakan, ramai orang juga sedang membicarakan tentang topik hangat ini. Saya menceritakan kepada kalian satu isu sebegini. Cuba kalian fikirkan, dalam kalangan masyarakat manusia biasa kita ini, tahap moral manusia sudah pun mengalami perubahan sebegini! Ketegangan antara manusia dengan manusia sudah sampai ke tahap sebegini. Anda fikirkan bukankah ia sudah mencapai satu keadaan yang ekstrem berbahaya? Oleh itu, persekitaran objektif yang wujud sekarang ini, juga sedang mengganggu kita selaku pelatih Gong Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi dengan serius. Gambar bogel pun dipamerkan di sana, tergantung di tengah jalan besar, sekali mengangkat kepala pun sudah terlihat.

Lao Zi pernah bercakap satu pernyataan sebegini: “Orang yang berkebijakan tinggi mendengar Tao, akan mengamalkannya dengan rajin.” Orang yang berkebijakan tinggi ketika mendengar Tao akan berfikir sungguh tidak mudah memperoleh Fa ortodoks, jika hari ini tidak berkultivasi, mahu tunggu sampai bila? Persekitaran yang rumit, menurut saya malah bagus, semakin rumit, baru dapat menghasilkan master taraf tinggi, harus menonjolkan diri dari sini, itu baru dikira kultivasi yang paling mantap.

Sebagai seorang yang benar-benar dapat menekadkan diri untuk Xiu Lian, saya kata malah adalah perkara yang baik. Tanpa wujudnya konflik, tanpa menciptakan peluang untuk anda meningkatkan Xin Xing, anda masih tidak dapat meningkat. Bila anda baik, saya juga baik, bagaimana dapat Xiu Lian? Sebagai orang Xiu Lian yang umum, adalah tergolong dalam kategori “Orang yang sederhana kebijakan mendengar Tao”, berlatih pun boleh, tidak berlatih pun boleh, orang sebegini mungkin cukup menyesakkan. Ada orang ketika mendengar Guru mengajar di sini berasa masuk akal, setelah kembali ke kalangan masyarakat manusia biasa, masih berasa keuntungan praktikal ini lebih nyata. Memanglah benar-benar nyata, jangan kata anda, di negara Barat ada ramai orang kaya mahupun hartawan-hartawan besar, sampai ketika hendak meninggal dunia, mereka mendapati apa pun tidak peroleh, kebendaan dan harta kekayaan itu ketika lahir tidak dibawa mari, ketika mati juga tidak dibawa pergi, amat kosong tak bererti. Akan tetapi mengapa Gong demikian berharga? Ini kerana ianya terus terbawa pada tubuh Yuan Shen anda, lahir dapat dibawa mari, mati dapat dibawa pergi. Kami berkata Yuan Shen tidak musnah, ini juga bukan sesuatu yang tahayul. Setelah sel-sel tubuh fizikal kita ini tertanggal, namun elemen molekul yang lebih kecil yang berada di ruang fizikal lain pula tidak musnah, ianya cuma tertanggal selapis kulit luar semata-mata.

Yang saya ceritakan tadi semuanya tergolong sebagai isu-isu pada Xin Xing manusia. Sakyamuni pernah berkata, Bodhidharma juga pernah berkata: “Tanah timur di negara China adalah tempat timbulnya orang bijak dengan De besar.” Di negara China kita sepanjang sejarah ada ramai sami, ada ramai orang China yang berasa amat bangga.

Maksudnya pada anggapan mereka dapat berkultivasi menghasilkan Gong yang tinggi, oleh itu ada ramai orang yang berasa gembira, dan berasa bangga diri: “Masih adalah orang China kita, di negara China tempat ini timbulnya orang yang mempunyai bakat kemampuan besar, timbulnya orang bijak dengan De besar.” Sebenarnya ramai orang tidak mengerti makna yang terkandung, mengapa di negara China tempat ini dapat timbul orang bijak dengan De besar, mengapa dapat menghasilkan Gong tinggi? Ramai orang yang tidak tahu maksud sebenarnya dari ucapan manusia tingkat tinggi, juga tidak tahu taraf keberadaan dan kondisi mental dari manusia tingkat tinggi dan taraf kondisi tinggi. Sudah tentu kami telah mengatakan, tidak perlu menyebut apa maksudnya, cuba kalian fikirkan, hanya dalam kelompok manusia yang paling rumit, persekitaran yang paling rumit baru dapat berkultivasi menghasilkan Gong yang tinggi, demikianlah maksudnya.

Dasar Bawaan

Dasar bawaan adalah ditentukan oleh sedikit atau banyak substansi De seseorang yang terbawa pada tubuhnya yang berada di ruang dimensi lain. Bila De kurang, substansi hitam banyak, maka medan karma pun besar, maka ini adalah tergolong dalam kategori dasar bawaan yang tidak baik. Bila De banyak, substansi putih banyak, maka medan karma pun kecil, maka ini pun tergolong dalam kategori dasar bawaan yang baik. Substansi putih dan substansi hitam manusia, dua jenis substansi boleh saling bertransformasi, bagaimana cara ia bertransformasi? Berbuat baik menghasilkan substansi putih, substansi putih adalah diperolehi setelah menanggung penderitaan, mengalami kesusahan dan melakukan perbuatan baik. Sedangkan substansi hitam adalah dihasilkan setelah berbuat jahat, melakukan perkara yang tidak baik, ia adalah karma. Ia mempunyai satu proses transformasi seperti ini, pada masa yang sama, ia masih ada suatu hubungan yang terbawa. Oleh kerana ia terus mengikut Yuan Shen, bukan benda untuk seumur hidup sahaja, tetapi terkumpul dalam suatu zaman yang sangat panjang. Oleh itu dikatakan mengumpul karma, mengumpul De, malah dari nenek moyang juga boleh berkumpul ke bawah. Kadangkala saya teringat tentang orang zaman kuno atau orang tua negara China yang berkata: “Nenek moyang mengumpul De, ataupun mengumpul De, kekurangan De”, mengapa begitu tepatnya pernyataan itu, memang amat tepat.

Baik buruk dasar bawaan seseorang boleh menentukan baik buruknya kualiti kesedaran seseorang. Orang yang dasar bawaannya tidak baik juga boleh menyebabkan kualiti kesedarannya berubah menjadi tidak baik. Mengapa? Ini kerana orang yang dasar bawaannya baik memiliki banyak substansi putih, substansi putih ini adalah selaras dengan alam semesta kita, selaras dengan ciri-ciri istimewa Zhen, Shan, Ren, tidak ada celahan. Ciri-ciri istimewa alam semesta secara langsungnya bereaksi pada tubuh anda, terus berkomunikasi dengan tubuh anda. Sedangkan substansi hitam ini pula sebaliknya, ia diperoleh setelah melakukan perkara yang tidak baik, adalah terbalik dan terpisah dari ciri-ciri istimewa alam semesta kita, oleh itu substansi hitam ini akan membentuk sejenis celahan dengan ciri-ciri istimewa alam semesta kita. Bila substansi hitam ini menjadi banyak, ia akan membentuk suatu medan yang mengelilingi tubuh manusia, dan mengepung orang. Makin besar medan ini, ketumpatannya makin besar, makin tebal, sehingga menyebabkan kualiti kesedaran orang ini makin tidak baik. Ini kerana dia tidak dapat menerima ciri-ciri alam semesta Zhen, Shan, Ren ini, juga kerana dia telah melakukan perkara yang tidak baik baru terhasilnya substansi hitam. Seringkali orang yang sebegini akan makin tidak percaya Xiu Lian, kualiti kesedaran makin tidak baik, makin mendapat hambatan karma. Mengalami penderitaan makin besar, akan makin tidak percaya, sehingga pelaksanaan Xiu Lian pun menjadi susah.

Orang yang memiliki banyak substansi putih mudah melakukan Xiu Lian, kerana dalam proses Xiu Lian-nya, asalkan dia berasimilasi dengan ciri-ciri istimewa alam semesta, Xin Xing-nya dapat dipertingkatkan, De-nya ini pun akan terus bertransformasi menjadi Gong. Sedangkan orang yang memiliki substansi hitam yang banyak, adalah seperti kilang menghasilkan produk, bertambah satu prosedur, yang diterima orang lain adalah bahan siap, sedangkan yang diterimanya adalah bahan separuh siap, perlu diproses semula, perlu melalui suatu proses sedemikian. Oleh itu dia perlu menanggung penderitaan terlebih dahulu, melenyapkan karmanya, ditransformasi menjadi substansi putih, setelah terbentuk menjadi substansi De ini, baru dia dapat tumbuh Gong tinggi. Akan tetapi seringkali orang semacam ini kualiti kesedarannya adalah tidak baik, jika anda minta dia

menanggung penderitaan yang berlebihan, dia makin tidak akan percaya, malah makin tidak tahan, oleh itu orang yang memiliki substansi hitam yang banyak tidak mudah Xiu Lian. Dahulunya aliran Tao ataupun aliran Fa yang diwariskan secara tunggal mengutarakan tentang Shi Fu mencari anak murid, bukannya anak murid mencari Shi Fu, juga adalah ditentukan dengan melihat sedikit atau banyaknya benda-benda ini yang terbawa pada tubuhnya.

Dasar bawaan menentukan kualiti kesedaran seseorang, namun ia juga bukan mutlak. Ada orang dasar bawaannya sangat tidak baik, namun persekitaran keluarganya amat baik, ramai orang yang berlatih Gong, juga ada sesetengah orang adalah penganut agama, amat percayai hal-ehwal Xiu Lian. Dalam persekitaran ini, juga dapat mendorongnya berubah menjadi percaya, kualiti kesedarannya berubah menjadi baik, oleh itu juga bukannya mutlak. Juga ada orang dasar bawaannya sangat baik, namun seringkali setelah menerima pendidikan mengenai sedikit ilmu pengetahuan yang wujud dalam masyarakat kenyataan kita, terutamanya kaedah pendidikan ideologi mutlak yang diterapkan beberapa tahun yang lalu, menyebabkan fikiran manusia berubah menjadi amat sempit, segala perkara yang melampaui tahap pengetahuannya, dia langsung tidak percaya, ini juga boleh menyebabkan kualiti kesedarannya mengalami gangguan yang serius.

Sebagai contohnya, ketika saya mengadakan kuliah, pada hari kedua berbicara tentang membuka Tian Mu. Ada seorang dasar bawaannya baik, dengan seketika Tian Munya pun telah dibuka sehingga tingkat yang amat tinggi, dia terlihat banyak pemandangan yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Dia memberitahu orang lain: “Wah, saya terlihat seluruh arena pengajaran Fa penuh dengan Falun yang seperti bunga salji terjatuh pada badan orang. Saya ternampak bagaimana bentuk Zhen Ti⁷⁷ Guru Li, saya ternampak lingkaran cahaya Guru Li, ternampak bagaimana bentuk Falun, berapa banyaknya Fa Shen. Terlihat pada tingkat yang berbeza pun ada Guru Li yang mengajar Fa, bagaimana Falun menyelaraskan tubuh pelatih. Malah masih nampak ketika Guru mengajar, setingkat demi setingkat, pada tingkat berbeza semuanya adalah Gong Shen Guru yang sedang mengajar, malah masih nampak bidadari sedang menabur bunga dan sebagainya.” Perkara-perkara

77

Zhen Ti – Tubuh sejati.

yang begini indah dia pun dapat melihat, ini bererti dasar bawaan orang ini adalah agak baik. Dia bercakap begini dan begitu, akhirnya dia berkata: “Saya tidak percaya perkara-perkara ini.” Sesetengah perkara sudah pun disahkan oleh ilmu sains yang ada sekarang, ada banyak perkara juga boleh mendapat penjelasan melalui ilmu sains kini, ada sesetengah perkara juga telah kami huraikan. Ini kerana perkara-perkara yang dikenali dari Qi Gong sememangnya melampaui pemahaman ilmu sains masa kini, ini sudah pasti. Dari perspektif ini, dasar bawaan juga tidak sepenuhnya menyekat kualiti kesedaran.

Kesedaran

Apa itu “kesedaran”? “Kesedaran” adalah istilah yang berasal dari agama. Dalam agama Buddha bermaksud pemahaman orang Xiu Lian terhadap Fa Buddha, iaitu kesedaran dalam pemahaman dan kesedaran terakhir, yang dimaksud adalah sedar akan kebijakan. Akan tetapi sekarang sudah digunakan dalam kalangan manusia biasa, dikatakan orang ini sangat bijak, tahu apa yang difikir dalam hati ketua, dengan segera pun dapat memahaminya, sangat pandai mengambil hati ketika berhadapan dengan ketua. Orang ramai mengata ini adalah kualiti kesedaran yang baik, seringkali difahami sedemikian. Namun jika anda melompat keluar dari tingkat manusia biasa, pada tingkat yang lebih tinggi sedikit, anda akan dapati, prinsip pada tingkat yang difahami oleh manusia biasa ini, seringkali adalah salah. Kesedaran yang kami maksudkan bukanlah kesedaran yang dikatakan ini. Kualiti kesedaran dari seorang yang licik sebaliknya tidak baik, kerana orang yang terlalu bijak dia akan menyamar dari permukaan dan mendapat penghargaan dari ketua mahupun orang atasan. Maka bukankah kerja yang sepatutnya dilakukan terpaksa dibuat oleh orang lain? Dengan demikian dia pun berhutang sesuatu kepada orang lain: oleh kerana dia licik, dia tahu mengambil hati, dia boleh mendapat keuntungan yang berlebihan, maka orang lain pun harus mengalami kerugian yang lebih banyak; oleh kerana dia licik, dia juga tidak boleh mengalami kerugian, dia juga tidak mudah mengalami kerugian, maka orang lain pun terpaksa mengalami kerugian. Dia semakin memandang berat pada sedikit keuntungan dari realiti ini, dengan demikian hati-sanubarinya pun menjadi semakin sempit, dia semakin terasa kepentingan material

manusia biasalah adalah benda-benda yang tidak boleh dilepas tangan, dia pun menganggap diri sendirinya mengutamakan realiti, dia tidak akan mengalami kerugian.

Ada orang yang masih mengaguminya! Saya beritahu anda, jangan anda mengaguminya. Anda tidak tahu betapa letih hidupnya, makan tak enak, tidur pun tak lena, bermimpi pun kluatir kepentingannya akan mengalami kerugian. Dalam kepentingan peribadi, dia menyusup ke hujung tanduk kerbau, cuba anda kata adakah hidupnya letih ataupun tidak, sepanjang hayatnya hidup untuk tujuan ini semata-matanya. Kami katakan bila berdepan dengan konflik, dengan mundur selangkah, laut menjadi luas dan langit menjadi lapang, pasti adalah suatu pemandangan berlainan. Sedangkan orang semacam dia tidak akan mengalah, hidupnya paling letih, janganlah anda mengikutinya. Dalam komuniti Xiu Lian berkata: Orang ini tersesat paling dalam, demi kepentingan material telah tersesat sepenuhnya dalam kalangan manusia biasa. Anda minta dia mempertahankan De, tidak semudah cakap. Anda minta dia berlatih Gong, dia tidak akan percaya: “Berlatih Gong? Anda yang berlatih Gong bila dipukul bahkan tidak melawan balik, dimarah juga tidak membalas. Orang lain membuat anda susah, di dalam hati anda bukan sahaja tidak boleh bersikap seperti dia, sebaliknya masih perlu berterima kasih kepadanya. Anda semua adalah Ah Q!⁷⁸ Satu per satu sakit mental!” Orang yang sebegini tidak akan dapat memahami Xiu Lian. Dia kata andalah yang sukar dibayangkan dan difahami, dia kata anda bodoh. Anda kata, bukankah dia sukar diselamatkan?

Kesedaran yang kami maksudkan bukan kesedaran yang demikian. Tepat seperti yang dikatakan olehnya, kita dalam kepentingan peribadi bodoh sedikit, yang kami maksudkan adalah kesedaran ini. Tentunya juga bukan benar-benar bodoh, kita hanya memandang hambar terhadap isu-isu kepentingan yang bersangkutan diri sendiri, sedangkan dalam aspek-aspek yang lain, kita tetap sangat cerdas. Kita mengendalikan sesuatu projek penyelidikan sains, apa-apa tugas yang diberikan oleh ketua, menyelesaikan apa-apa kerja, kita melakukannya dengan amat baik, dengan amat jelas dan dengan penuh kesedaran. Sedangkan kepentingan peribadi kita sendiri yang sedikit itu, dalam konflik di

78

Ah Q – Tokoh berwatak bodoh dalam novel China.

antara manusia dengan manusia, kita memandang hambar padanya. Siapa akan mengata anda bodoh? Siapa pun tidak akan mengata anda bodoh, pasti adalah demikian.

Kita ceritakan tentang orang dungu yang benar-benar bodoh, prinsip ini pada tingkat tinggi adalah terbalik sepenuhnya. Orang dungu tidak mungkin melakukan perkara buruk yang besar dalam kalangan manusia biasa, tidak mungkin bersaing dan berebut demi kepentingan peribadi, tidak mengejar nama, dia tidak akan kehilangan De. Akan tetapi orang lain pula akan memberi De kepadanya, memukul dia, mencaci dia, semuanya pun memberi De kepadanya, sedangkan substansi semacam ini adalah luar biasa berharga. Dalam alam semesta kita ini ada prinsip sebegini: “Yang tidak mengalami kehilangan tidak akan memperoleh, bila memperoleh akan mengalami kehilangan.” Orang ramai melihat si dungu itu, semuanya akan mencacinya: “Kau ini sangat bodoh.” Seiring dengan membuka mulut dan mencacinya, segumpal De pun terlempar ke sana. Anda mendapat keuntungan atas kerugian orang lain adalah tergolong dalam pihak yang memperoleh, maka anda harus kehilangan. Seseorang menghampiri dan menendangnya: “Kau ini sangat bodoh.” Baik, segumpal De terlempar lagi dengan berat ke arahnya. Siapa membulinya, siapa menendangnya, dia hanya ketawa dan bergelak: “Silakan, bagaimanapun De sudah diberikan kepada saya, sedikit pun saya tidak menolak!” Maka, menurut prinsip pada tingkat tinggi ini, cuba kalian fikirkan, siapa yang cerdik? Bukankah dia yang cerdik? Dia yang paling cerdik. Dia tidak kehilangan sedikit De pun, anda melemparkan De kepadanya, sedikit pun dia tidak menolak balik, semua pun dia mahu, dengan ketawa dan bergelak semua pun diambil. Dalam hayat ini bodoh, dalam hayat yang akan datang tidak bodoh, Yuan Shen tidak bodoh. Dalam agama dikatakan, apabila seseorang memiliki De yang banyak, dalam hayat yang akan datang akan menjadi pegawai besar, menjadi kaya raya, semuanya adalah ditukar dengan De manusia.

Kami mengatakan, De boleh terus berevolusi menjadi Gong. Betapa tinggi anda dapat berkultivasi, bukankah itu dievolusikan dari De anda ini? Ia boleh terus berevolusi menjadi Gong. Gong yang menentukan tinggi rendah tingkatan atau besar kecil daya Gong seseorang, bukankah dievolusikan dari substansi sebegini? Anda kata ia berharga ataupun tidak? Ia boleh dibawa semasa lahir, dibawa pergi setelah mati. Dalam agama Buddha

mengatakan, betapa tinggi hasil Xiu Lian anda, itu merupakan status buah anda. Berapa banyak usaha yang anda curahkan, berapa banyak anda akan peroleh, inilah prinsipnya. Dalam agama mengatakan, jika memiliki De, dalam hayat yang akan datang akan menjadi pegawai yang berpejabat tinggi, menjadi kaya raya. Jika De kurang, mengemis makan juga tidak akan dapat, kerana tidak memiliki De untuk ditukarkan, tanpa kehilangan tidak akan memperoleh! Jika sedikit De pun tidak ada, maka harus mengalami kemusnahan total tubuh dan jiwa, benar-benar sudah mati.

Dahulunya ada seorang master Qi Gong, ketika mula masuk ke masyarakat tingkatnya amat tinggi, master Qi Gong ini pada akhirnya terjerumus dalam mengejar nama dan kepentingan. Shi Fu-nya pun membawa pergi Fu Yuan Shen-nya, ini kerana dia adalah tergolong dalam kategori yang Xiu Lian pada Fu Yuan Shen. Orang itu ketika Fu Yuan Shen dia masih ada, adalah dikawal oleh Fu Yuan Shen. Sebagai contohnya, pada suatu hari pejabat kerja membahagikan pangsapuri, ketua berkata: “Sesiapa yang tiada rumah sila datang, jelaskan kondisi anda, cuba ceritakan bagaimana anda memerlukan rumah.” Setiap orang menceritakan situasi masing-masing, tetapi orang itu tidak mengatakan apa-apa. Akhir sekali ketua menilai lalu menganggap dia lebih susah daripada orang lain, pangsapuri sepatutnya diberikan kepada dia. Orang lain berkata: “Tidak boleh, pangsapuri tidak boleh berikan kepada dia, harus berikan kepada saya, keperluan saya lebih mendesak.” Dia berkata: “Kalau begitu anda ambil sahajalah.” Pada pandangan manusia biasa, orang ini adalah bodoh. Ada yang tahu dia adalah pelatih Gong, lalu pun bertanya kepadanya: “Anda orang yang berlatih Gong apa pun tidak mahu, apa yang anda mahu?” Dia berkata: “Apa yang orang lain tidak mahu, saya mahu.” Sebenarnya dia sedikit pun tidak bodoh, amat cerdik. Justeru pada kepentingan peribadi yang bersangkutan dengan diri sendiri, dia akan bersikap sebegini, dia berprinsip mengikuti keadaan secara wajar. Orang lain bertanya lagi: “Apa yang tidak dikehendaki oleh orang sekarang?” Dia berkata: “Batu di atas lantai ditendang ke sini ke sana tidak ada orang yang mahu, kalau begitu saya pun pungut batu itu.” Manusia biasa berasa sukar dipercayai, manusia biasa tidak dapat memahami pelatih Gong, tidak mampu memahami, taraf kondisi pemikiran terlalu jauh berbeza, tingkatannya terlalu jauh berpisah. Sudah tentu dia tidak akan memungut batu itu, namun dia telah mengatakan satu prinsip yang tidak dapat difahami oleh manusia biasa: Saya tidak

mengejar sesuatu yang ada dalam kalangan manusia biasa. Kita bicarakan tentang batu ini, kalian tahu dalam kitab Buddha tertulis: “Di dunia Sukhavati pokoknya adalah emas, tanahnya adalah emas, burungnya adalah emas, bunganya adalah emas, rumahnya juga adalah emas, bahkan tubuh Buddha juga seluruhnya berkilauan dengan cahaya emas.” Setiba di sana tidak akan dapat menemui seketul batu pun, wang yang digunakan kononnya adalah batu, dia tentu tidak akan memindah batu ke sana, tetapi dia telah mengatakan satu prinsip seperti ini, manusia biasa tidak dapat memahami. Memang benar pelatih Gong berkata: “Manusia biasa mempunyai sesuatu yang dikejar oleh manusia biasa, kita tidak mengejanya. Yang dimiliki oleh manusia biasa, kita juga tidak tertarik. Sedangkan yang kita miliki, manusia biasa sekalipun menginginkan juga tidak akan memperoleh.”

Sebenarnya, kesedaran yang kami bicarakan tadi, masih adalah tergolong dalam jenis kesedaran dalam proses Xiu Lian, ini adalah terbalik dengan kesedaran yang ada dalam kalangan manusia biasa. Kesedaran yang benar-benar kita maksudkan, adalah dalam proses kita berlatih Gong terhadap Fa yang diajarkan oleh Shi Fu, Tao yang diajarkan oleh Shi Fu aliran Tao, penderitaan yang dialami oleh diri sendiri dalam proses Xiu Lian, dapatkah anda menyedari bahawa diri sendiri adalah seorang pelatih Xiu Lian, dapatkah anda memahami, dapatkah anda menerima, dalam proses Xiu Lian dapatkah anda bertindak dengan mengikuti Fa ini. Ada orang sama sekali tidak percaya bagaimana sekalipun anda menjelaskan, masih apa yang berada dalam kalangan manusia biasa itu yang bermanfaat. Dia berpegang kepada konsep yang sedia ada dan tidak ingin melepaskannya, sehingga menyebabkan dia tidak dapat percaya. Ada orang hanya ingin menyembuhkan penyakit, di sini sebaik sahaja saya berkata Qi Gong langsung bukan untuk menyembuhkan penyakit, dengan segera fikirannya pun bertentangan, sehingga perkara-perkara yang saya ceritakan selanjutnya sudah tidak percaya lagi.

Ada sesetengah orang kualiti kesedarannya memang tidak dapat meningkat, ada orang yang mengambil buku saya ini dan menconteng dengan sesuka hati. Kita yang Tian Mu-nya sudah terbuka semuanya dapat melihat, buku ini terlihat beraneka warna, berkilauan dengan cahaya emas, setiap perkataan adalah imej Fa Shen saya. Jika saya berbohong maka saya adalah menipu kalian, contengan anda itu berhitam kusam, anda

berani mencontengnya dengan sesuka hati? Apa yang kami lakukan di sini? Bukankah membawa anda berkultivasi menuju ke atas? Seseengah perkara anda juga patut fikirkan, buku ini dapat membimbing anda Xiu Lian, cuba anda fikirkan sama ada ianya berharga ataupun tidak? Anda bersembah Buddha bolehkah membuat anda benar-benar Xiu Lian? Anda sangat ikhlas, anda tidak berani menyentuh patung Buddha itu pun, setiap hari membakar colok untuknya, sedangkan Dafa yang benar-benar dapat membimbing anda Xiu Lian, anda pula berani merosakkan.

Berbicara tentang isu kualiti kesedaran manusia, maksudnya adalah dalam proses Xiu Lian, bagaimana taraf pemahaman anda terhadap berbagai macam tingkatan yang timbul ataupun suatu hal, suatu Fa yang diajarkan oleh Shi Fu. Akan tetapi ini masih bukan kesedaran fundamental yang kami maksudkan, yang kami maksudkan kesedaran fundamental adalah dalam masa hidup seseorang, sejak bermulanya Xiu Lian, tidak terhenti-henti meningkat ke atas, tidak terhenti-henti menyingkirkan keterikatan hati manusia dan berbagai macam nafsu keinginan, Gong juga tidak terhenti-henti meningkat ke atas, akhirnya sehingga dia mencapai tahap terakhir dalam Xiu Lian-nya. Substansi De ini seluruhnya telah berevolusi menjadi Gong, jalan Xiu Lian yang diatur oleh Shi Fu telah dilalui sampai ke hujungnya, pada saat ini, “pak” semua kuncinya meletup buka. Tian Mu telah mencapai titik tertinggi pada tingkat keberadaannya, telah dapat melihat kenyataan pelbagai ruang pada tingkat di mana dia berada, bentuk eksistensi berbagai jenis makhluk bernyawa dari berbagai ruang waktu, bentuk eksistensi material dalam berbagai ruang waktu, telah dapat melihat kebenaran alam semesta kita. Kuasa supernatural timbul, dapat berkomunikasi dengan berbagai jenis makhluk bernyawa. Sesampainya ke tahap ini bukankah sudah merupakan satu Sang Maha Sedar? Seorang yang mencapai kesedaran melalui Xiu Lian? Diterjemahkan ke bahasa India kuno adalah Buddha.

Kesedaran yang kita sebut ini, kesedaran yang fundamental ini masih merupakan bentuk Dun Wu.⁷⁹ Dun Wu adalah dikultivasi dalam keadaan terkunci dalam sepanjang masa hidupnya, tidak tahu betapa tingginya Gong sendiri, tidak tahu bagaimana bentuk Gong yang dihasil olehnya menerusi latihan, langsung tidak ada apa-apa reaksi pun,

79

Dun Wu – Sedar dengan tiba-tiba.

bahkan sel-sel badan diri sendiri juga adalah terkunci, Gong yang dihasilkan menerusi latihan juga adalah terkunci, terus Xiu Lian sehingga ke tahap terakhir baru terbuka. Ini hanya dapat dilakukan oleh orang dengan bakat kemampuan besar, proses Xiu Lian-nya adalah sangat menderita. Bermula dari menjadi seorang yang baik, sentiasa meningkatkan Xin Xing diri sendiri, sentiasa menanggung penderitaan, sentiasa berkultivasi ke atas, sentiasa berusaha meningkatkan Xin Xing, namun tidak dapat melihat Gong milik sendiri. Orang sebegini adalah paling sukar berkultivasi, ini perlu adalah orang dengan bakat kemampuan besar, berkultivasi beberapa tahun, apa pun tidak tahu.

Masih ada sejenis kesedaran yang disebut Jian Wu. Sebaik sahaja bermula ramai orang telah merasakan putaran Falun, pada masa yang sama saya juga membukakan Tian Mu untuk kalian. Ada orang oleh kerana pelbagai sebab, dari tidak dapat melihat sehingga kelak juga akan dapat melihat, dari tidak dapat melihat dengan jelas akan dapat melihat dengan jelas, dari tidak reti mengguna sehingga reti mengguna, tingkatan meningkat dengan tidak terhenti-henti. Seiring dengan meningkatnya Xin Xing anda dan tersingkirnya berbagai macam keterikatan hati, berbagai macam kemampuan Gong pun timbul keluar. Seluruh proses Xiu Lian yang berevolusi, proses transformasi tubuh, semuanya sedang berubah dalam keadaan anda sendiri dapat melihat atau merasakan perubahannya. Dengan cara ini berlangsung sampai ke tahap terakhir, dapat memahami kebenaran alam semesta sepenuhnya, tingkat juga mencapai titik puncak yang anda seharusnya Xiu Lian. Perubahan Ben Ti, penguatan kemampuan Gong juga telah sampai pada taraf tertentu, selangkah demi selangkah telah mencapai tujuan ini. Ini adalah tergolong dalam Jian Wu. Kaedah Xiu Lian yang bercorak Jian Wu ini juga tidak mudah, ini kerana setelah memiliki kemampuan Gong, sesetengah orang tidak dapat melepaskan keterikatan hatinya, sehingga mudah menonjolkan diri, mudah berbuat hal yang tidak baik. Dengan demikian anda pun akan kehilangan Gong, kultivasi anda menjadi sia-sia, akhirnya musnah. Ada sesetengah orang dapat melihat, dapat melihat manifestasi berbagai makhluk kehidupan dari tingkat berbeza, dia mungkin menarik anda pergi berbuat ini berbuat itu, dia mungkin menarik anda pergi Xiu Lian benda-bendanya, menerima anda sebagai anak muridnya, namun dia pula tidak dapat membuat anda memperoleh buah sejati, kerana dia sendiri juga tidak dapat memperoleh buah sejati.

Selain itu, manusia dari ruang tingkat tinggi semuanya adalah Dewa, dapat berubah menjadi amat besar, menonjolkan kuasa supernatural yang hebat, dengan seketika hati terpesong, adakah anda akan ikut dia pergi? Sebaik sahaja anda mengikut dia, dengan seketika kultivasi anda pun menjadi sia-sia. Jikapun dia adalah Buddha sejati mahupun Tao sejati, anda juga harus Xiu Lian lagi dari permulaan. Manusia dari sekian banyak tingkat langit, bukankah semua adalah Dewa? Hanya setelah Xiu Lian sehingga tingkat ekstrem tinggi, ketika telah mencapai tujuan, baru dapat melompat keluar sepenuhnya. Akan tetapi, di depan mata manusia biasa yang normal, Dewa tersebut memang sesungguhnya kelihatan tinggi dan besar, kemampuannya juga sangat besar, namun dia tidak tentu telah mendapat buah sejati. Di bawah gangguan berbagai informasi, di bawah godaan segala macam pemandangan yang memikat, adakah hati anda dapat bertahan dan tidak tergoyah? Oleh itu dikatakan berkultivasi dengan Tian Mu yang terbuka juga susah, Xin Xing lagi sukar dipertahankan. Akan tetapi apa yang baik di kami sini ialah sesetengah orang adalah tergolong dalam kategori di mana kemampuan Gong akan dibuka di separuh perjalanan, memasuki kondisi Jian Wu. Setiap pelatih akan dibuka Tian Mu, ada ramai orang tidak dibenarkan untuk timbul kemampuan Gong, ketika Xin Xing anda beransur-ansur meningkat sampai suatu tingkat, kondisi hati mantap, saat dapat mengawal diri, kemudiannya dengan seketika meletup buka untuk anda. Sesampainya suatu tingkat anda akan timbul kondisi Jian Wu, saat itu lebih mudah mengawal diri, berbagai macam kemampuan Gong pun telah timbul, anda sendiri berkultivasi ke atas, sampai akhirnya terbuka sepenuhnya. Keadaan ini akan muncul pada pertengahan Xiu Lian anda, kebanyakan dalam kalangan kita adalah tergolong dalam kategori ini, oleh itu jangan terburu-buru ingin melihat.

Kalian mungkin pernah dengar Buddhisme Zen juga berbicara tentang perbezaan Dun Wu dan Jian Wu. Hui Neng selaku ketua generasi keenam Buddhisme Zen menganut Dun Wu, Shen Xiu dari puak utara menganut Jian Wu. Sepanjang sejarah mereka berdua pernah berlaku perdebatan dalam falsafah Buddha untuk jangka masa yang lama, saling bertengkar. Menurut saya tidak bermakna, mengapa? Ini kerana yang mereka maksudkan

hanyalah pemahaman terhadap satu prinsip dalam proses Xiu Lian. Prinsip ini, ada orang dengan seketika pun sudah memahaminya, sedangkan ada orang menyedarinya dan mengenalinya secara beransur-ansur. Bagaimana cara kesedarannya pun bolehkan? Jika dapat memahaminya dengan seketika lagi baik, jika menyedarinya dengan beransur-ansur itu juga boleh, bukankah sudah menyedarinya? Semuanya juga adalah kesedaran, oleh itu yang mana satu juga tidak salah.

Orang dengan Bakat Kemampuan Besar

Apa yang dimaksud orang dengan bakat kemampuan besar? Orang dengan bakat kemampuan besar masih ada perbezaan dengan dasar bawaan yang baik atau buruk. Orang dengan bakat kemampuan besar ini terlalu sukar untuk ditemui, selalunya setelah melalui masa sejarah yang sangat panjang baru boleh berlahir seorang seperti ini. Sudah tentu orang dengan bakat kemampuan besar pada mulanya harus memiliki De yang sangat banyak, medan substansi putih ini harus sangat besar, hal ini adalah pasti. Pada masa yang sama dia masih perlu dapat menanggung penderitaan dalam segala penderitaan, masih perlu memiliki hati yang maha sabar, masih perlu mampu melepaskan dengan rela, masih perlu dapat menjaga De, masih perlu kualiti kesedaran yang baik dan lain-lain lagi.

Apa itu penderitaan dalam segala penderitaan? Dalam agama Buddha menganggap menjadi manusia adalah menderita, asalkan anda menjadi manusia, pun harus mengalami penderitaan. Ia beranggapan bahawa makhluk-makhluk bernyawa di semua ruang tidak memiliki tubuh badan manusia biasa seperti kita ini, oleh itu tidak akan mendapat penyakit, justeru tidak wujudnya masalah lahir, tua, sakit dan mati, juga tidak wujud penderitaan seperti ini. Manusia dari ruang dimensi yang lain boleh mengambang, tidak ada ringan berat, amat indah sekali. Manusia biasa oleh kerana memiliki tubuh badan ini, timbulnya suatu masalah: sejuk tidak boleh, panas tidak boleh, dahaga tidak boleh, lapar tidak boleh, letih juga tidak boleh, selain itu masih ada lahir, tua, sakit, mati, bagaimanapun anda tidak akan selesai.

Saya pernah membaca berita sebuah surat khabar ketika berlakunya gempa bumi di Tangshan, ramai orang yang meninggal dunia dalam gempa bumi, namun ada sesetengah orang telah diselamatkan. Satu kajian sosial khusus telah dilakukan terhadap bahagian orang ini: bertanya kepada mereka apakah perasaan yang ada dalam keadaan mati? Namun apa yang di luar dugaan adalah mereka ini telah menceritakan suatu keadaan yang luar biasa, malah adalah yang sama, iaitu manusia pada saat mati itu tidak berasa takut, sebaliknya tiba-tiba pula mempunyai satu perasaan terlepas bebas, ada sejenis perasaan seronok yang terpendam. Ada yang merasakan tiba-tiba sudah tidak ada tubuh yang membelenggu diri, berayun-ayun ringan dengan luar biasa indah, mengambang ke atas, bahkan telah melihat tubuh sendiri. Ada orang bahkan dapat melihat makhluk-makhluk bernyawa dari ruang dimensi lain. Ada orang bahkan telah pergi ke mana-mana tempat. Semua orang telah berkata bahawa pada saat itu terasa suatu perasaan seronok terpendam yang terlepas bebas, tidak ada perasaan sengsara. Itu bererti kita yang memiliki tubuh fizikal manusia adalah menderita, akan tetapi kita semuanya adalah berasal dari kandungan ibu, lalu tidak merasa ianya adalah penderitaan lagi.

Saya berkata manusia harus menanggung penderitaan dalam segala penderitaan. Hari itu saya telah menceritakan, konsep ruang antara ruang waktu umat manusia ini dengan ruang waktu dimensi lain yang lebih besar adalah tidak sama, satu Shi Chen kita di sini adalah dua jam, adalah satu tahun dalam ruang mereka di sana. Dikatakan orang ini berlatih Gong di bawah persekitaran yang demikian menderita, hebat benar. Dikatakan orang ini telah memiliki hati yang ingin memperoleh Tao, ingin Xiu Lian, orang ini sungguh hebat sekali. Dengan penderitaan yang sedemikian watak asalnya masih belum musnah, dia masih ingin Xiu Lian kembali balik. Mengapa boleh membantu orang yang Xiu Lian tanpa sebarang syarat? Inilah sebabnya. Dikatakan orang ini duduk bermeditasi dalam ruang dimensi manusia biasa satu malam, orang melihat lalu berkata orang ini hebat benar, di sini dia sudah duduk selama enam tahun. Ini kerana satu Shi Chen kita adalah satu tahun di sana. Ruang umat manusia kita adalah sebuah ruang dimensi yang luar biasa unik.

Bagaimana menahan penderitaan dalam segala penderitaan? Sebagai contohnya, orang ini pergi bekerja pada suatu hari. Tempat kerjanya tidak begitu makmur, bilangan pekerja sudah melebihi jawatan yang ada, situasi ini tidak dapat dikekalkan, jadi perubahan perlu dilakukan di tempat kerja, akan mengamalkan sistem kontrak, pekerja yang berlebihan perlu disingkirkan. Dia juga adalah salah seorang di antara mereka, dengan seketika telah kehilangan mata pencarian. Apakah perasaan hatinya? Tiada sumber pendapatan, bagaimana hendak hidup? Hendak lakukan sesuatu yang lain pula tidak mampu, dengan lesu dia pun pulang ke rumah. Sesampai di rumah, orang tua di rumah jatuh sakit, sakit tenat, dalam keadaan panik terburu-buru menghantar ke hospital, dengan susah payah dia meminjam wang untuk orang tuanya memasuki wad. Balik rumah untuk menyediakan barang keperluan orang tuanya, sebaik sahaja tiba di rumah, guru sekolah datang dan berkata: “Anak anda memukul seseorang sehingga cedera, anda cepat pergi tengok.” Baru menyelesaikan hal ini dan balik ke rumah, sebaik sahaja duduk di sana, datang pula panggilan telefon yang mengatakan: “Isteri anda curang.” Sudah tentu kalian tidak akan menghadapi hal seperti ini. Orang biasa tidak akan dapat bertahan dengan penderitaan sebegini, sebaik sahaja berfikir: “Buat apa saya hidup lagi, cari seutas tali untuk menggantung diri sahaja, tidak mahu hidup lagi! Mati sahaja dan semua masalah akan selesai!” Saya berkata manusia harus dapat menahan penderitaan dalam segala penderitaan, tentulah tidak semestinya dalam bentuk ini. Kalau begitu pertengkaran dan perkelahian antara manusia dengan manusia, pergesekan pada Xin Xing, persaingan dan perebutan kepentingan peribadi, semua juga tidak kurang hebat dari masalah ini. Ada berapa banyak orang hidup demi sedikit penghormatan, bila tidak tahan dihina lalu menggantung diri sampai mati. Oleh itu kita harus Xiu Lian dalam persekitaran yang demikian rumit, harus dapat menahan penderitaan dalam segala penderitaan, selain itu masih harus memiliki hati yang maha sabar.

Apakah itu hati yang maha sabar? Selaku seorang pelatih Gong, yang pertama sekali harus dapat lakukan ialah dipukul tidak membalas, dicaci tidak membalas, harus bersabar. Kalau tidak, bolehkah anda dikira sebagai seorang pelatih Gong? Ada yang berkata: “Sabar ini amat sukar dilakukan, perangai saya tidak baik.” Jika perangai tidak

baik, perbaiki sahajalah, pelatih Gong harus dapat bersabar. Ada orang yang mengasuh anak juga naik marah, menjerit pekik seperti membalikkan langit, anda mengasuh anak juga tidak perlu begitu, anda sendiri jangan sampai benar-benar marah, anda perlu lebih rasional dalam mendidik anak, barulah benar-benar dapat mendidik anak dengan baik. Perkara kecil pun tidak dapat bertahan, lalu naik marah, masih ingin tumbuh Gong? Ada orang berkata: “Berjalan di atas jalan raya, siapa menendang saya pun tiada orang yang mengenali saya, ini saya dapat bersabar. Saya kata ini masih tidak cukup, kelak mungkin di depan orang yang anda paling takut kehilangan air muka, anda diberikan dua tamparan oleh orang lain, agar anda menjadi malu, bagaimana anda menghadapi masalah ini, lihat sama ada anda dapat bersabar ataupun tidak. Sekiranya anda dapat bersabar, tetapi dalam hati anda tidak dapat melepaskannya, ini juga tidak boleh. Kalian tahu, setelah mencapai tingkat Arhat, menimpa perkara apa pun tidak akan disimpan dalam hati, segala hal dalam kalangan manusia biasa langsung tidak akan disimpan dalam hati, sentiasa ketawa gembira, betapa besar kerugian yang dialami juga ketawa gembira tidak ambil hati. Benar-benar dapat berbuat demikian, anda sudah pun mencapai status buah Arhat peringkat awal.

Ada orang yang berkata: “Jika kesabaran ini dapat dilakukan sehingga tahap ini, manusia biasa juga akan mengatakan kita terlalu pengecut, terlalu mudah dibuli.” Saya kata, itu bukan pengecut. Cuba kalian fikirkan, manusia biasa yang berusia lanjut, orang dengan tahap pendidikan tinggi juga berbicara tentang kemampuan mengendalikan diri, tidak akan berkelahi dengan orang lain. Apatah lagi kita selaku pelatih Gong? Bagaimana itu boleh dipanggil pengecut? Saya kata itu adalah manifestasi dari hati yang maha sabar, itu adalah manifestasi dari tekad yang kukuh, hanya pelatih Gong boleh memiliki hati yang demikian maha sabar. Ada sebuah ungkapan yang sebegini: “Jika orang biasa terhina, akan mencabut pedang untuk berlawan.” Manusia biasa tentu sahaja demikian, jika anda mencaci saya, saya akan mencaci anda. Jika anda memukul saya, saya pun memukul anda. Itu adalah manusia biasa, bolehkah dia dikatakan seorang pelatih Gong? Selaku seorang yang Xiu Lian, jika anda tidak mempunyai tekad yang kukuh, anda tidak dapat mengawal diri, maka anda pun tidak dapat berbuat demikian.

Kalian tahu pada zaman kuno ada seorang yang bernama Han Xin, Han Xin ini dikatakan memiliki kemampuan, panglima besar Liu Bang, tulang belakang negara. Mengapa dapat memegang jawatan yang demikian besar? Dikatakan sejak kecil lagi Han Xin ini sudah bukan orang yang biasa. Ada sebuah cerita klasik, kisah Han Xin dihina dengan merangkak di bawah selangkangan. Han Xin sejak remaja pun berlatih wushu, orang yang berlatih wushu selalunya menyandang sebilah pedang pusaka. Pada suatu hari ketika sedang berjalan, seorang berandal setempat dengan mencekak pinggang telah menghalang jalannya: “Buat apa anda menyandang pedang pusaka? Adakah anda berani bunuh orang? Jika anda berani bunuh orang anda pancunglah kepala saya.” Sambil berkata pun menghulurkan kepalanya ke arahnya. Han Xin berfikir seketika: “Buat apa saya memancung kepala anda?” Pada masa itu, memancung kepala orang juga harus melapor kepada kerajaan dan menebus dengan nyawa diri, bolehkah membunuh orang dengan sesuka hati? Sebaik sahaja dia melihat Han Xin tidak berani membunuh, dia pun berkata: “Anda tidak berani membunuh saya, anda merangkak melalui selangkangan saya.” Han Xin pun benar-benar merangkak melalui selangkangannya. Ini menunjukkan Han Xin memiliki hati maha sabar yang luar biasa, dia tidak sama dengan manusia biasa yang umum, barulah dia dapat melakukan perkara yang demikian besar. Manusia berjuang untuk kehormatan, itu adalah ungkapan manusia biasa. Hidup demi kehormatan ini, cuba kalian fikirkan, hidup letih ataupun tidak? Derita ataupun tidak? Berbaloi ataupun tidak? Han Xin bahkan masih seorang manusia biasa, kita adalah seorang yang Xiu Lian, kita harus lebih baik daripada dia. Matlamat kita adalah mencapai tingkat yang melampaui tingkat manusia biasa, melangkah maju menuju tingkat lebih tinggi. Perkara ini tidak akan kita temui, akan tetapi bila orang yang Xiu Lian mengalami penghinaan atau keaiban dalam kalangan manusia biasa, juga tidak semestinya kurang hebat daripada yang ini. Pergesekan Xin Xing di antara manusia dengan manusia, saya kata tidak kurang hebat daripada perkara ini, bahkan melebihi daripada ini, juga adalah agak sukar.

Pada masa yang sama, orang yang Xiu Lian masih harus dapat rela melepaskan, rela melepaskan berbagai keterikatan hati dan nafsu keinginan dalam kalangan manusia biasa. Tidak dapat dilakukan dengan seketika, kita boleh melakukannya dengan perlahan-lahan. Hari ini anda dapat melakukannya dengan seketika, maka hari ini anda sudah

menjadi Buddha. Xiu Lian harus dilakukan dengan perlahan-lahan, akan tetapi anda jangan mengendurkan diri. Anda berkata: “Guru telah berkata, Xiu Lian harus dilakukan dengan perlahan-lahan, kalau begitu kita lakukan dengan perlahan-lahan.” Itu tidak dibenarkan. Anda harus ketat menghendakikan diri, Xiu Lian pada Fa Buddha anda harus gigih maju dengan gagah perkasa.

Masih harus dapat menjaga De, harus menjaga Xin Xing, tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya. Anda tidak boleh berbuat sembarangan mengikut keinginan anda, anda harus dapat menjaga Xin Xing anda. Dalam kalangan manusia biasa anda sering mendengar suatu pernyataan seperti ini: “Berbuat baik mengumpul De.” Pelatih Gong tidak mengutamakan pengumpulan De, kita mengutamakan penjagaan De. Mengapa mengutamakan penjagaan De? Ini kerana kami terlihat suatu situasi seperti ini: Mengumpulkan De adalah pernyataan yang dikatakan oleh manusia biasa, bila dia mengumpulkan De, dan berbuat baik, dalam hayat yang akan datang akan memperoleh kebaikan. Sedangkan kita di sini tidak ada masalah seperti ini, jika kultivasi anda berhasil bererti telah memperoleh Tao, tidak ada soal hayat yang akan datang. Kita di sini mengatakan penjagaan De, masih ada selapis maksud, iaitu dua jenis substansi yang terbawa dalam tubuh kita bukanlah dikumpul dalam satu hayat sahaja, ianya adalah diwariskan melalui satu tempoh masa yang amat lama. Anda memandu kereta meronda seluruh bandar, pun tidak semestinya dapat menemui perkara baik untuk dilakukan. Setiap hari anda berbuat demikian, juga tidak semestinya dapat ditemui.

Masih ada selapis maksud lagi, anda disuruh mengumpulkan De, anda melihat perkara itu adalah suatu perkara yang baik, namun bila anda melakukannya, mungkin itu adalah perkara yang tidak baik; bila anda melihat perkara itu adalah suatu perkara yang tidak baik, jika anda campur tangan, mungkin ia adalah suatu perkara yang baik. Mengapa? Ini kerana anda tidak dapat melihat Yin Yuan Guan Xi di antaranya. Undang-undang mengendalikan urusan dalam kalangan manusia biasa, ini tiada masalah. Tetapi selaku seorang pelatih Gong ia adalah supernormal, kalau anda selaku seorang yang supernormal, maka harus menggunakan prinsip supernormal untuk menghendakikan anda, dan tidak boleh menggunakan prinsip dalam kalangan manusia biasa untuk mengukur anda. Anda

tidak mengetahui Yin Yuan Guan Xi sesuatu perkara, anda akan mudah silap melakukan perkara ini. Oleh itu kami mengutarakan prinsip Wu Wei, anda tidak boleh berbuat sembarangan mengikut keinginan anda. Ada yang berkata: “Saya memang ingin menangani orang jahat.” Saya kata kalau begitu baik anda pergi menjadi polis sahaja. Akan tetapi kami juga bukan menyuruh anda tidak peduli apabila bertemu dengan pembunuhan dan pembakaran. Saya beritahu anda, apabila berlakunya konflik di antara manusia dengan manusia, dia menendang seseorang, dia menumbuk seseorang, mungkin adalah kerana dahulu orang itu terhutang kepadanya, mereka berdua menyelesaikan hutang mereka. Jika anda campur tangan, hutang di antara mereka tidak diselesaikan, kelak masih harus berulang lagi. Ini bererti anda tidak dapat melihat Yin Yuan Guan Xi, sehingga mudah melakukan kesalahan, dengan demikian kehilangan De.

Manusia biasa menangani hal-ehwal manusia biasa tidak bermasalah, mereka menggunakan prinsip manusia biasa dalam membuat pengukuran. Anda harus mengukur dengan prinsip supernormal, jika anda melihat pembunuhan dan pembakaran dan anda tidak peduli itu adalah masalah Xin Xing, kalau tidak bagaimana dapat menunjukkan keberadaan orang baik? Jika pembunuhan dan pembakaran pun anda tidak peduli, apa yang anda pedulikan? Tetapi ada satu hal, semua benda ini tidak ada sebarang kaitan dengan kita selaku orang yang Xiu Lian. Tidak semestinya diatur untuk anda, tidak semestinya ditemui oleh anda. Kami mementingkan penjagaan De adalah supaya menghindar anda dari melakukan perkara yang tidak baik, kemungkinan apabila anda melakukan sedikit perkara itu, mungkin sudah melakukan perkara yang tidak baik, maka anda akan kehilangan De. Sebaik sahaja anda kehilangan De, bagaimana tingkat anda dipertingkatkan? Bagaimana hendak mencapai matlamat muktamad anda? Dalam hal ini ada masalah sebegini. Selain daripada ini, masih harus memiliki kualiti kesedaran yang baik, dengan adanya dasar bawaan yang baik mungkin kualiti kesedaran juga akan baik, pengaruh persekitaran juga membawa kesan.

Kami juga telah mengatakan, jika setiap orang juga berkultivasi ke dalam, setiap orang selalu mencari dari aspek Xin Xing sendiri, mana yang tidak dilakukan dengan baik cari sebab sendiri, buat dengan baik kelak, buat apa pun mempertimbangkan kepentingan

orang lain dahulu. Kalau begitu masyarakat umat manusia juga akan berubah baik, tahap moral juga akan kembali meningkat, peradaban rohani juga akan bertambah baik, keamanan juga akan berubah menjadi baik, kemungkinan sudah tidak ada polis lagi. Tidak perlu ada yang mengawal, setiap orang mengawal diri sendiri, mencari ke dalam hati sendiri, anda kata betapa baiknya ini. Kalian tahu sekarang undang-undang sedang beransur-ansur ketat, beransur-ansur sempurna, akan tetapi mengapa ada orang masih melakukan perkara-perkara yang jahat? Ada undang-undang tetapi tidak mematuhi. Ini adalah kerana anda tidak dapat mengawal hatinya, ketika tidak diawasi, dia masih akan melakukan perkara yang jahat. Jika setiap orang berkultivasi ke dalam lubuk hati, hasilnya akan berlainan sama sekali. Juga tidak perlu anda membela seseorang dari penindasan yang tidak adil.

Fa hanya dapat diajarkan sehingga tingkat ini, yang lebih tinggi lagi harus bergantung kepada anda sendiri untuk berkultivasi baru boleh peroleh. Ada orang mengajukan soalan, semakin bertanya semakin spesifik, persoalan dalam kehidupan jika semuanya dijawab oleh saya, apa lagi yang anda Xiu Lian? Anda harus berkultivasi sendiri, menyedari sendiri, jika saya beritahu anda kesemuanya, tidak ada yang perlu anda berkultivasi lagi. Mujurlah Dafa sudah disebar, anda boleh melakukan mengikut Dafa.

* * *

Saya rasa masa untuk saya mengajar Fa pada dasarnya sudah hampir tamat, oleh itu saya ingin meninggalkan sesuatu yang benar untuk kalian, supaya dalam Xiu Lian kalian di kemudian hari, ada Fa untuk membimbing kalian. Dalam seluruh proses mengajar Fa, saya juga berdasarkan prinsip bertanggungjawab kepada kalian, pada masa yang sama juga bertanggungjawab kepada masyarakat, pada hakikatnya, kami juga melakukannya berdasarkan prinsip ini, mengenai sama ada hasilnya baik atau buruk juga tidak perlu saya katakan, itu semestinya ada komen umum. Hasrat saya adalah untuk menyebarkan Dafa, supaya lebih ramai orang daripada kita boleh mendapat manfaat, supaya orang yang benar-benar ingin Xiu Lian, dengan mengikuti Dafa dapat Xiu Lian ke atas. Pada masa yang sama, dalam proses mengajar Fa, kami juga telah mengajar prinsip untuk menjadi manusia, juga

harap kalian setelah keluar dari kuliah ini, jika tidak dapat Xiu Lian mengikut Dafa, sekurang-kurangnya juga dapat menjadi seorang yang baik, dengan demikian adalah bermanfaat terhadap masyarakat kita. Sebenarnya anda sudah tahu menjadi seorang yang baik, setelah keluar dari kuliah ini, anda juga dapat menjadi seorang yang baik.

Dalam proses mengajar Fa ada juga bahagian-bahagian yang tidak lancar, gangguan dari pelbagai aspek juga amat besar. Oleh kerana sokongan kuat dari pihak penganjur dan pemimpin-pemimpin dari pelbagai arena serta usaha keras dari anggota-anggota staf, kuliah kita dapat diadakan dengan lebih sempurna.

Menerusi kuliah, perkara-perkara yang saya bicarakan semuanya adalah untuk membimbing kalian Xiu Lian menuju ke tingkat tinggi, dalam kuliah Fa dahulu tidak ada orang yang menceritakan perkara-perkara ini. Perkara-perkara yang kami bicarakan adalah amat jelas, adalah diceritakan dengan menggabungkan ilmu sains dengan ilmu sains tubuh manusia zaman sekarang, malah tingkat yang diajarkan adalah amat tinggi. Terutamanya adalah demi kepentingan kalian, supaya di kemudian harinya anda dapat benar-benar memperoleh Fa dan Xiu Lian ke atas, ini adalah titik permulaan saya. Dalam proses kami mengajar Fa dan mengajar Gong, ramai orang yang berasa Fa juga amat baik, namun amat sukar bila dilakukan. Sebenarnya saya rasa sukar ataupun tidak, bergantung kepada siapa orangnya, seorang manusia biasa yang umum, dia tidak ingin Xiu Lian, dia akan berasa Xiu Lian benar-benar terlalu sukar, tidak dapat dibayangkan, tidak berhasil kultivasinya. Dia adalah seorang manusia biasa, dia tidak ingin Xiu Lian, dia akan menganggap sangat sukar. Lao Zi berkata: “Orang berkebijakan tinggi mendengar Tao, dengan rajin akan mempelajarinya. Orang berkebijakan sederhana mendengar Tao, mempelajari atau tidak, mengikut suka hati. Orang berkebijakan rendah mendengar Tao, akan gelak ketawa, jika tidak maka itu bukan merupakan Tao.” Orang yang benar-benar Xiu Lian, saya kata adalah sangat mudah, bukan sesuatu perkara yang tinggi sampai tidak dapat dipanjat. Sebenarnya ramai pelatih lama yang hadir di sini mahupun yang tidak hadir, sudah pun Xiu Lian sampai tingkat yang agak tinggi. Saya tidak beritahu ini kepada anda kerana khatir anda akan timbulnya keterikatan hati, berasa bangga diri dan sebagainya, sehingga mempengaruhi penumbuhan daya Gong anda. Selaku seorang yang benar-benar bertekad untuk Xiu Lian,

dia akan dapat bertahan, di hadapan pelbagai kepentingan dapat melepaskan keterikatan hati ini, dapat memandang dengan sangat hambar terhadapnya, asalkan dapat melakukan maka pun tidak sukar. Bagi orang yang mengata sukar, adalah kerana dia tidak dapat melepaskan semua ini. Kaedah Gong Xiu Lian itu sendiri tidak sukar, mempertingkatkan tingkatan itu sendiri juga tidak ada kesukarannya, adalah kerana keterikatan hati manusia tidak dapat dilepaskan, barulah dia kata sukar. Ini kerana kepentingan yang nyata sangat sukar untuk dilepaskan, di sinilah kepentingan ini, anda kata bagaimana hati ini dapat melepaskannya? Dia menganggap sukar, sebenarnya kesukarannya adalah di sini. Ketika berlakunya konflik di antara manusia, jika kita tidak dapat bersabar, bahkan tidak dapat memperlakukan diri sendiri sebagai seorang pelatih Gong apabila menghadapinya, saya kata ini adalah tidak dibenarkan. Dahulu ketika saya Xiu Lian, ada ramai master taraf tinggi pernah memberitahu saya, mereka berkata: “Ketika sukar bersabar anda mampu bersabar, ketika sukar dilakukan anda harus mampu melakukan.” Sebenarnya memang demikian, baik kalian balik mencuba. Ketika berada di tengah musibah atau sedang mengharungi sesuatu rintangan, anda cuba, bila sukar untuk bersabar, anda cuba bersabar, bila kelihatan tidak dapat melakukan, anda cuba lakukan, lihat akhirnya boleh dilakukan ataupun tidak. Jika anda benar-benar dapat melakukannya, anda akan mendapati segala keadaan yang muram dan tidak meyakinkan akan menjadi cerah dan penuh dengan harapan.

Oleh kerana saya telah berbicara terlalu banyak, bila terlalu banyak berbicara anda akan sukar mengingat. Saya terutama sekali mengemukakan sedikit permintaan: Semoga kalian dalam proses Xiu Lian kelak, memperlakukan diri sendiri sebagai seorang pelatih Gong, benar-benar melanjutkan Xiu Lian. Saya berharap pelatih baru mahupun lama, semuanya dapat Xiu Lian di dalam Dafa, semuanya juga dapat berjaya mencapai kesempurnaan! Diharap kalian pulang ke rumah dapat menggunakan masa dengan sepenuhnya untuk berkultivasi dengan bersungguh-sungguhnya.

ZHUAN FALUN dari penampilan luar artikel tidak indah, bahkan tidak sesuai dengan tatabahasa zaman kini. Tetapi jika saya menggunakan tatabahasa zaman kini untuk menyusun buku Dafa ini, maka akan timbul suatu masalah yang sangat serius, struktur bahasa pada artikel memenuhi standard dan indah, namun tidak dapat mengandung makna yang lebih mendalam dan lebih tinggi. Ini kerana kosa kata dan tatabahasa standard sekarang langsung tidak mampu mengungkapkan bimbingan Dafa pada tingkat berbeza yang lebih tinggi mahupun manifestasi Fa pada setiap tingkat, sehingga tidak dapat menggerakkan evolusi Ben Ti dan Gong pelatih serta meningkatkan perubahan asas.

Li Hongzhi
5 Januari 1996

Glosari

<i>Acupressure</i>	Sejenis teknik pengobatan dengan cara menekan titik akupunktur.
<i>Ah Q</i>	Tokoh berwatak bodoh dalam novel China.
<i>Arhat</i>	Status buah dalam aliran Buddha; tingkatan terendah setelah keluar dari Triloka.
<i>Asura</i>	Roh-roh jahat. Berupa siluman, hantu, jin, dll (berasal dari Bahasa Sanskrit).
<i>Ba Gua</i>	Diagram lapan sisi.
<i>Bai Hui</i>	Titik akupunktur yang terletak di tengah ubun-ubun kepala.
<i>Ben Ti</i>	Tubuh fizikal seseorang.
<i>Bi Gu</i>	Tidak makan dan tidak minum untuk satu jangka masa yang panjang mencapai puluhan tahun atau lebih lama.
<i>Bodhisattva</i>	Status buah dalam aliran Buddha, yang tingkatannya di atas Arhat dan di bawah Tathagata.
<i>Bodhisattva Avalokitesvara</i>	Dikenal dengan belas kasihannya, adalah salah satu dari dua Bodhisattva senior dalam surga Sukhavati.
<i>Buah Sejati</i>	Status Buah yang diperoleh dalam aliran Buddha.
<i>Clairvoyance</i>	Kemampuan menerawang; kemampuan melihat jarak jauh.
<i>Dafa</i>	Maha hukum.
<i>Da Ji</i>	Seorang gundik jahat di dalam istana kerajaan dinasti Song.
<i>Dan</i>	Energi yang terkumpul dari ruang dimensi lain.
<i>Dan Tian</i>	Ladang Dan (energi yang terkumpul dari ruang lain), yang terletak pada bahagian bawah perut.
<i>De</i>	Sejenis material putih yang dihasilkan dari perbuatan baik, menanggung penderitaan dan sebagainya.
<i>Dhyana</i>	Meditasi mendalam.

<i>Dun Wu</i>	Sedar dengan tiba-tiba.
<i>Entomologi</i>	Ilmu pengetahuan tentang serangga.
<i>Esoteris</i>	Bersifat khusus (rahsia, terbatas).
<i>Fa</i>	Hukum.
<i>Fa Duniawi</i>	Fa di dalam Trioloka; Jika seseorang belum berhasil kultivasi ke luar dari Fa Duniawi atau Triloka, maka dia masih perlu melewati enam kitaran kelahiran semula (<i>Samsara</i>).
<i>Falun</i>	Roda Hukum.
<i>Fa Shen</i>	Tubuh yang terbentuk dari Gong dan Fa, yang boleh muncul di semua tempat.
<i>Fu Ti</i>	Makhluk yang merasuk.
<i>Fu Yi Shi</i>	Kesedaran sekunder.
<i>Fu Yuan Shen</i>	Jiwa prima sekunder.
<i>Gong</i>	1. Latihan kultivasi; 2. Hasil dari latihan kultivasi tersebut, berupa energi dan kemampuan supernormal lainnya.
<i>Guan</i>	Lintasan.
<i>Guan Ding</i>	Pengisian masuk energi melalui ubun-ubun kepala.
<i>Han Xin</i>	Seorang panglima yang terkenal pada masa dinasti Han.
<i>He Gu</i>	Titik akupunktur yang terletak di antara ibu jari tangan dan jari telunjuk, di puncak otot apabila dua jari didempetkan.
<i>He Tu</i>	Sebuah kitab suci untuk kultivasi dari zaman pra-sejarah China.
<i>Hua Tuo</i>	Tabib terkenal dari masa Tiga Kerajaan.
<i>Huang Di Nei Jing</i>	Kitab kuno China untuk kultivasi.
<i>Hui Yin</i>	Titik akupunktur yang terletak di tengah-tengah antara dubur dan alat kelamin.
<i>Hun</i>	Jenis sayur-sayuran yang beraroma tertentu.

<i>Jian Wu</i>	Sedar secara beransur-ansur.
<i>Ji Gong</i>	Nama seorang sami dalam legenda negara China.
<i>Kai Guang</i>	Upacara mengundang satu Fa Shen Buddha ke atas patung atau lukisan Buddha untuk disembah di dalam masyarakat manusia.
<i>Kalpa</i>	satu jangka masa yang berlangsung sebanyak dua bilion tahun; terma ini digunakan sebagai angka.
<i>Lama</i>	Sebutan untuk pemuka agama Buddha Tantra Tibet.
<i>Lao Gong</i>	Titik akupunktur yang terletak di pusat tapak tangan.
<i>Lao Zi</i>	Pendiri kultivasi aliran Tao negara China.
<i>Lei Feng</i>	Seorang tentera teladan yang menjadi idola masyarakat China pada masa tahun 1960-an, yang rela berkorban untuk kebaikan orang lain.
<i>Li</i>	Unit jarak yang digunakan pada zaman kuno China, satu Li = ½ km.
<i>Lian</i>	Berlatih.
<i>Lian Hua Se</i>	Dalam bahasa Sanskrit dipanggil dengan nama “ <i>Uppalavana</i> ”.
<i>LUNYU (LUN-YU)</i>	Kata Ulasan.
<i>Luo Shu</i>	Sebuah kitab suci untuk kultivasi dari zaman pra-sejarah China.
<i>Maharaja Giok</i>	Dewa pengawas Triloka di dalam legenda kepercayaan bangsa Cina.
<i>Mahjong</i>	Sejenis permainan judi yang berasal dari negara China.
<i>Menyusup ke hujung tanduk kerbau</i>	Memasuki jalan buntu.
<i>Meridian</i>	Istilah perubatan merujuk kepada saluran energi; dalam bahasa Mandarin disebut “Mai”.
<i>Meridian “Du” (Mai “Du”)</i>	Meridian dari titik akupunktur Hui Yin melalui tulang punggung naik ke Bai Hui terus turun sampai di gusi bahagian atas.
<i>Meridian “Ren” (Mai “Ren”)</i>	Meridian dari titik akupunktur Cheng Jiang (bawah bibir) melalui depan tubuh sampai ke titik akupunktur Hui Yin.

<i>Ming Men</i>	Titik akupunktur yang terletak di tulang punggung belakang sejajar dengan tulang rusuk paling bawah.
<i>Mu Jian Lian</i>	Dalam bahasa Sanskrit dipanggil dengan nama “ <i>Maudgalyaayana</i> ”.
<i>Nirwana</i>	Biksu yang meninggal dunia tanpa membawa tubuh fizikalnya, Yuan Shen-nya sendiri membawa Gong naik ke atas.
<i>Ni Wan Gong</i>	Istilah yang dipakai dalam aliran Tao dan doktor barat untuk kelenjar pineal, terletak di tengah-tengah bahagian dalam kepala, sedikit lebih tinggi dari pertengahan garis antara dua hujung alis.
<i>Osteoproliferasi</i>	Tulang tumbuh lebih.
<i>Pang Men Zuo Dao</i>	Tao canggung dari pintu samping.
<i>Primordial</i>	Tingkatan yang paling awal; paling dasar.
<i>Qiao</i>	<i>Lubang; titik akupunktur pada tubuh menurut sebutan aliran Tao.</i>
<i>Qi Men</i>	Aliran bukan konvensional.
<i>Qing</i>	Perasaan; sentimen.
<i>Ren</i>	Sabar; menahan diri; toleran.
<i>Samadhi</i>	Dalam agama Buddha, “mencapai tahap hening menerusi meditasi.”
<i>San Xian</i>	Dewa pengembara.
<i>Shan</i>	Baik (hati); belas kasih; ramah.
<i>Shan Zhong</i>	Titik akupunktur yang terletak di garis tengah tulang dada.
<i>Shi Chen</i>	Unit waktu pada zaman kuno.
<i>Shi Fu</i>	Guru; master.
<i>Tanggal satu dan lima belas</i>	penanggalan kalender lunar / Imlek.
<i>Tantra</i>	Suatu aliran kultivasi rahsia dari agama Buddha Tibet.
<i>Tao</i>	Jalan kesucian, atau jalan dari alam semesta menurut aliran Tao.
<i>Tao Zhang</i>	Kitab kultivasi dalam aliran Tao.

<i>Tathagata</i>	Tingkat awal untuk status Buddha, di atas Arhat dan Bodhisattva.
<i>Tian</i>	Langit.
<i>Tian Mu</i>	Mata langit; mata ketiga.
<i>Titik Shan Gen (shan ken)</i>	Sebuah titik akupunktur yang terletak di pertengahan antara dua kening mata sedikit ke atas.
<i>Wu Wei</i>	Tanpa niat; membiarkan segala sesuatu menempuh jalannya sendiri.
<i>Xing Ming Gui Zhi</i>	Sebuah kitab kultivasi China kuno.
<i>Xin Xing</i>	Watak; kualiti atau tingkatan moral.
<i>Xiu</i>	Berkultivasi.
<i>Xiu Kou</i>	Kultivasi pertuturan.
<i>Xiu Lian</i>	Berkultivasi dan berlatih.
<i>Xuan Guan</i>	Lintasan misteri.
<i>Yin Yuan Guan Xi</i>	Hubungan sebab akibat dan takdir.
<i>Ying Hai</i>	Bayi.
<i>Yuan</i>	Mata wang RMB.
<i>Yuan Shen</i>	Jiwa prima.
<i>Yuan Ying</i>	Bayi prima.
<i>Yu Zhen</i>	Titik akupunktur yang terletak di belakang kepala, di bahagian tengah.
<i>Zhang Guo Lao</i>	Salah satu Dewa dalam aliran Tao.
<i>Zhen</i>	Sejati; benar-benar; asli; tulen.
<i>Zhen, Shan, Ren</i>	Sejati, Baik, Sabar.
<i>Zhou Tian</i>	Lingkaran langit.
<i>Zhou Yi</i>	Kitab kuno China untuk kultivasi mahupun meramal.

<i>Zhu Yi Shi</i>	Kesedaran utama.
<i>Zhu Yuan Shen</i>	Jiwa prima utama.
<i>Zou Huo</i>	Memercikkan bunga api.
<i>Zoologi</i>	Ilmu pengetahuan tentang haiwan.